[Sidang Dewan Pada 13 April 2026 – Hari Pertama Persidangan]

Selepas Loceng Dibunyikan

(Yang Berhormat Dato' Speaker masuk ke Dewan Mesyuarat)

JURUACARA

Ahli-Ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalian, mengumumkan Yang Berhormat Speaker masuk ke Dewan. Semua dipohon berdiri.

Semua dipersilakan duduk.

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan Doa.

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER

Sukacita saya maklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah memberi perkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-15.

Sekarang saya pohon meninggalkan majlis untuk mempersilakan dan mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Dan Kerabat-Kerabat Diraja yang lain ke majlis ini.

(Yang Berhormat Dato' Speaker dan rombongan keluar menjemput KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan Kerabat-Kerabat DiRaja yang lain masuk ke dalam Dewan).

JURUACARA

Ahli-Ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalian semua dipohon berdiri. Mengumumkan keberangkatan masuk KDYMM Tuanku Sultan diiringi bersama Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah serta Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Kedah.

JURUACARA

Semua dipersilakan duduk.

(KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan Kerabat-Kerabat DiRaja bersemayam)

JURUACARA

KDYMM Tuanku Sultan, ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun. Ahli-Ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalian dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah perkenan untuk bertitah bersempena Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15. Dipersilakan YAB. Dato Seri Menteri Besar untuk menghadap bagi mempersembahkan Naskah Titah DiRaja ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

(Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan persembahkan Naskah Titah Ucapan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah bertitah sambil bersemayam)

I. TITAH UCAPAN PERASMIAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SEMPENA PERASMIAN PEMBUKAAN MESYUARAT PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH BAGI MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT PADA 13 APRIL 2026.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan sekalian alam.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sollallahhu Alaihi Wasallam, penghulu segala nabi dan rasul. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberi rahmat kepada ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dengan limpah kurniaNya, maka dapatlah Beta berangkat hadir ke Istiadat Perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15 pada pagi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Peranan Ahli Yang Berhormat dalam landskap pembangunan Negeri Kedah tidak harus dilihat secara sempit sebagai sekadar berbahas di dalam Dewan sebaliknya merangkumi tanggungjawab yang lebih besar sebagai penghubung utama antara rakyat dan kerajaan.

Ahli Yang Berhormat berperanan membawa suara, keperluan serta permasalahan rakyat di peringkat akar umbi untuk dibincangkan dan diselesaikan secara bersepadu khususnya dalam konteks pembangunan negeri yang menuntut penyelarasan pelbagai agensi.

Justeru, setiap pandangan dan kritikan yang dibangkitkan wajar berasaskan fakta serta berniat untuk menambah baik dasar dan pelaksanaan sedia ada.

Dewan yang mulia ini, tidak seharusnya dijadikan medan pertikaian yang tidak berkesudahan tetapi sebagai platform yang matang dan berhemah untuk merungkai isu serta mencari penyelesaian terbaik demi kesejahteraan negeri dan rakyat.

Dalam hal ini, Beta merakamkan penghargaan terhadap kepimpinan mamanda Menteri Besar yang berjaya memimpin barisan Ahli Yang Berhormat dengan baik sekali gus memastikan pentadbiran negeri berjalan dengan lancar, stabil dan terhindar daripada sebarang isu besar mahupun provokasi yang boleh menggugat keamanan serta keharmonian Negeri Kedah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dalam merencana agenda pembangunan negeri, Beta ingin berpesan bahawa setiap pelaksanaan dalam apa jua perkara hendaklah berlandaskan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Sebarang tindakan yang mengetepikan saluran serta kelulusan yang sah adalah sesuatu yang tidak boleh dikompromi.

Dalam hal ini, Beta memandang serius isu rumah ibadat bagi semua agama yang dibina tanpa kelulusan yang sah sama ada pencerobohan ke atas tanah kerajaan ataupun tanah persendirian. Beta dengan tegas melarang sebarang usaha mempolitikkan isu agama termasuk cubaan pihak tertentu yang mengambil kesempatan "menangguk di air keruh", demi kepentingan sempit sehingga boleh memecahbelahkan masyarakat.

Beta juga ingin menegaskan bahawa institusi keagamaan tidak sekali-kali wajar disalahgunakan bagi kepentingan peribadi atau dijadikan wadah kepada agenda politik tertentu.

Sehubungan itu, Beta menyeru agar pihak berkuasa yang berkaitan bertindak secara tegas dan proaktif dalam melaksanakan penguatkuasaan berlandaskan undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Perkara ini mempunyai kaitan langsung dengan perpaduan yang menjadi asas kepada kestabilan negeri dan negara.

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai rakyat berbilang agama dan kaum, keharmonian bukan sesuatu yang boleh dipandang remeh, sebaliknya perlu dipupuk dengan sikap saling hormat-menghormati dan memahami akan batas sensitiviti masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Melalui prinsip federalisme, hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh dilihat secara terpisah sebaliknya perlu berasaskan semangat kerjasama yang adil dan saling melengkapi.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri perlu diberi ruang yang lebih berkesan dalam menentukan hala tuju pembangunan yang bersesuaian dengan keperluan tempatan terutamanya apabila melibatkan hasil negeri.

Menyentuh tentang perkara ini, Beta dimaklumkan bahawa Kerajaan Beta telah melaksanakan semakan kadar cukai tanah selaras dengan peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 setelah genap 10 tahun tempoh sela masa yang diperuntukkan sejak pewartaan terdahulu pada tahun 2015.

Perkara ini merupakan satu keperluan kepada kelestarian hasil negeri dalam memastikan kedudukan kewangan negeri terus mampan.

Beta mengharapkan agar Kerajaan Persekutuan dapat menyokong pelaksanaan semakan hasil tanah sepertimana yang telah pun dilaksanakan oleh negeri-negeri lain demi kelangsungan pembangunan dan kesejahteraan rakyat negeri Beta. Hasil tanah merupakan penyumbang utama kepada hasil negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dalam konteks yang sama, Beta berpandangan bahawa pembangunan di Pulau Langkawi yang berkembang pesat sebagai destinasi pelancongan utama negara wajar disokong dengan penyediaan infrastruktur yang mencukupi dan berdaya tahan. Walaupun pelbagai inisiatif pembangunan telah dilaksanakan, kekangan dari segi infrastruktur sokongan, aksesibiliti ke pulau serta kemudahan jeti yang efisien masih menjadi cabaran yang memberi kesan kepada kelancaran serta kepesatan pembangunan di pulau tersebut.

Beta difahamkan bahawa status Langkawi sebagai pulau bebas cukai masih kekal. Namun, beberapa keistimewaan yang sebelum ini dinikmati telah dikurangkan termasuklah pelaksanaan kadar cukai kepada kenderaan yang dihadkan, cukai-cukai kepada produk yang berasaskan tembakau serta lainlain barangan. Sehubungan itu, Beta menyeru agar Kerajaan Persekutuan dapat mengembalikan status Pulau Langkawi sebagai pulau bebas cukai dengan keistimewaan-keistimewaan yang dinikmati seperti sebelum ini.

Beta juga difahamkan bahawa kekerapan ulang alik feri ke Pulau Langkawi adalah amat terhad. Sehubungan itu, Beta berharap agar pihak berwajib dapat meneliti serta menambah baik kepada sistem pengangkutan feri ke Pulau Langkawi. Antara inisiatif yang boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam hal ini adalah semakan dan kajian semula berhubung kadar subsidi diesel yang diberikan kepada pengusaha feri di Pulau Langkawi.

Kesan daripada isu berbangkit di atas telah membawa kepada kemerosotan kemasukan pelancong yang akan menjejaskan pendapatan pengusaha dan peniaga di Pulau Langkawi serta menjejaskan perhubungan penduduk di Pulau Langkawi. Usaha ini amat penting bagi memastikan potensi sebenar Langkawi dapat direalisasikan sepenuhnya sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri dan negara.

Negeri Kedah terkenal dengan nama jolokan “Jelapang Padi Negara”. Sejajar dengan usaha untuk memastikan keterjaminan bekalan beras negara, Beta amat menyokong pelaksanaan inisiatif penanaman padi lima (5) kali dalam tempoh dua (2) tahun di kawasan jelapang padi.

Beta merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menyalurkan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur bagi tujuan tersebut.

Walau bagaimanapun, pengorbanan negeri Beta dalam mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda ini wajar disusuli dengan insentif kewangan oleh Kerajaan Persekutuan sepertimana yang telah dipohon oleh Kerajaan Negeri Kedah.

Walau bagaimanapun, pengorbanan negeri Beta dalam mengekalkan 109,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda ini wajar disusuli dengan insentif kewangan oleh Kerajaan Persekutuan sepertimana yang telah dipohon oleh Kerajaan Negeri.

Agensi pembangunan dan penyelidikan seperti MADA dan MARDI perlu lebih agresif memberi tumpuan kepada pembangunan benih padi yang lebih bermutu tinggi, penggunaan jentera dan teknologi moden serta turut juga memperkasakan penggunaan *Internet of Things* yang mampu meningkatkan produktiviti sektor ini. Dalam masa yang sama, Beta juga menyarankan agar skim penanaman padi secara estet perlu diperkasakan bagi meningkatkan produktiviti hasil padi dan pendapatan petani yang lebih mampan.

Ahli–ahli yang Berhormat sekalian,

Berhadapan dengan keadaan cuaca panas di mana kadar takungan empangan berada pada paras kritikal, Kerajaan Beta hendaklah mengambil pendirian yang lebih tegas, proaktif dan memelihara kawasan tadahan air termasuk memantau aktiviti-aktiviti haram yang boleh menjejaskan sumber air.

Seiring dengan itu, Beta menegaskan bahawa kelangsungan sektor pertanian, perindustrian dan keperluan domestik amat berkait rapat dengan kestabilan sumber air khususnya daripada kawasan hutan tadahan.

Walau bagaimanapun, fenomena cuaca yang semakin tidak menentu termasuk ketidakseimbangan pola hujan dan musim kemarau yang berlaku ketika ini memerlukan pengurusan sumber air yang mampan, amalan pertanian yang lebih berdaya tahan, serta menambah baik pelan mitigasi risiko bencana secara lebih serius perlu dilaksanakan.

Kita masih berada dalam suasana Syawal yang diraikan dengan penuh kesyukuran, kegembiraan dan semangat ukhuwah.

Namun demikian, Beta sering mengikuti dengan serius perkembangan semasa di peringkat global khususnya konflik dan peperangan yang melanda Asia Barat dan Eropah Timur yang pastinya memberi kesan kepada kestabilan ekonomi negara dan negeri. Dalam mendepani ketidaktentuan ini, Beta menyeru agar semua pihak sentiasa bersiap siaga dalam setiap tindakan. Pengurusan sumber negeri hendaklah dilaksanakan secara berhemah, cekap dan berstrategi bagi memastikan setiap perbelanjaan memberi impak yang optimum.

Amalan penjimatan perlu dijadikan keutamaan di semua peringkat jabatan dan agensi dengan menitikberatkan keperluan berbanding kehendak dalam setiap keputusan yang dibuat.

Pada masa yang sama, Beta menyeru kepada rakyat Beta untuk mengamalkan sikap berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Seiring dengan perkembangan dunia tanpa sempadan, Beta menyeru agar Kerajaan Beta perlu sentiasa bertindak pantas dan proaktif, dalam menilai serta menambah baik dasar dan peraturan sedia ada yang menyusahkan rakyat. Karenah birokrasi yang berlebihan, prosedur yang lapuk serta undang-undang yang tidak lagi relevan hanya akan menghalang kemajuan dan melemahkan keyakinan rakyat terhadap sistem penyampaian kerajaan.

Sehubungan itu, Beta menyeru agar tindakan semakan dan penambahbaikan dalam perkhidmatan awam dapat dilaksanakan secara menyeluruh di semua peringkat jabatan dan agensi bagi mempertingkatkan kecekapan, mempercepatkan penyampaian perkhidmatan serta memacu produktiviti negeri ke tahap yang lebih tinggi di masa hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Di kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan penghargaan di atas taat setia, pengorbanan dan perkhidmatan anggota Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Anggota RELA, barisan petugas kesihatan, seluruh Pegawai Tadbir Negeri Kedah serta penjawat awam negeri dan persekutuan di Negeri Kedah di atas komitmen yang diberikan.

Kepada semua Ahli Yang Berhormat sekalian, gunakanlah medan Dewan yang mulia ini untuk berbahas secara matang berlandaskan fakta serta berteraskan adab dan tatasusila. Manfaatkan ruang yang ada untuk mengangkat isu-isu yang benar-benar menyentuh kepentingan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Beta menyeru agar setiap Ahli Yang Berhormat menzahirkan jiwa besar, keikhlasan yang tulus dalam berkhidmat serta meletakkan kepentingan negeri mengatasi kepentingan peribadi.

Perbezaan pandangan dan ideologi sememangnya tidak dapat dielakkan. Namun demikian, Beta percaya masih wujud titik persamaan khususnya dalam usaha merangka pembangunan yang seimbang dan memperkukuh kebajikan rakyat demi kemakmuran negeri yang berterusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta mendoakan agar Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15 ini berlangsung dengan lancar dan penuh tertib.

Beta turut mendoakan agar Negeri Kedah Darul Aman sentiasa berada di bawah rahmat dan peliharaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Dengan lafaz Bismillahhirahmanirrahim, Beta dengan ini merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15.

Sekian,
Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Selepas habis bertitah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan mengambil semula Titah Ucapan)

JURUACARA

Menjunjung Kasih Tuanku. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk menyambut Kembali naskhah Titah DiRaja.

JURUACARA

Ampun Tuanku. Bacaan Doa Selamat oleh Sohibus Samahah Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

SOHIBUS SAMAHAH DATO' PADUKA MUFTI

Bacaan Doa.

(Selepas Bacaan Doa)

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok.

(Yang Berhormat Dato' Speaker bangun mengangkat sembah memohon keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sutlan Kedah Kedah untuk menangguhkan Sidang Dewan)

JURUACARA

Ampun Tuanku, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta Hadirin sekalian.

Mengumumkan KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah berangkat meninggalkan Dewan Mesyuarat.diikuti Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Kedah, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Kedah dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Puan Mahkota Kedah serta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman dan Yang Amat Berbahagia Tok Puan meninggalkan Dewan Mesyuarat. Semua dipohon berdiri.

[Sidang Dewan pada 14 April 2026 – Hari Kedua Persidangan]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillahi rabbil 'alamin wassalatu wassalam al-shafi'il anbiya' wal mursalin wa ala alihi wasahbihi ajma'in. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dewan disambung semula. Bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - BACAAN DOA.

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah robbul samawati wassalamu 'ala sayyidina muhammadin sayyidul mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Dengan nama Allah, tuhan yang maha pemurah dan maha penyayang, segala pujian bagi allah tuhan yang memerintah sekalian langit dan bumi dan tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas rasul kami nabi Muhammad, penghulu sekalian rasul dan di atas keluarga dan sekalian sahabat-sahabatnya. Ya Allah yang maha berkuasa, engkaulah tuhan yang maha adil bijaksana, dan pemurah, tuhan yang telah mengaturkan kewajipan sultan pemerintah, dan meletakkan tanggungan pertubuhan dewan untuk keselamatan pemerintah dan kesejahteraan rakyat. Kami hamba-hambamu yang engkau telah perkenan meletakkan tanggungjawab bagi menyempurnakan segala pekerjaan di dalam dewan ini memohon dengan limpah kurniaan-mu, berkatilah apa jua kiranya amalan-amalan pekerjaan kami di dalam dewan ini. Sesungguhnya kami menjunjung perintah dan kebesaranmu maka anugerahkanlah kepada kami taufik dan hidayah-mu yang menyeluruh, bagi memimpin kami ketika berunding dan menimbang segala perkara yang didatangkan di hadapan kami, dan kekalkan lah kami sifat-sifat amanah, jujur dan bertanggungjawab bagi menegakkan syariat mu, dan menambahkan kemakmuran dan kesejahteraan Negeri Kedah Darul Aman dan sekalian penduduknya.

Rabbana atina fiddunya hasanah wafil akhirati hasanah waqina adzabannar. Amin ya rabbal alamin.

YB. TUAN SPEAKER

Amin ya rabbal alamin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ADUN Kota Darul Aman tidak dapat hadir pada sidang dewan hari ini dan seterusnya kerana beliau menyambung pelajaran di China.

Dan yang kedua, Dewan pada hari menerima pemerhati dari *Kedah Civil Service (KCS)* seramai 10 orang dan daripada Yayasan Kedah Sejahtera seramai 6 orang. Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

I. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Kertas-Kertas Dewan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman.

YB. TUAN SPEAKER

Dengan hormatnya dipersilakan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk membentangkannya.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim.

YB. Tuan Speaker, dengan ini saya pohon membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-ahli Yang Berhormat:-

Kertas Dewan Bil. 1 Tahun 2026	**Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) bagi tahun 2023.**
Kertas Dewan Bil. 2 Tahun 2026	**Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.**
Kertas Dewan Bil. 3 Tahun 2026	**Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.**
Kertas Dewan Bil. 4 Tahun 2026	**Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.**
Kertas Dewan Bil. 5 Tahun 2026	**Laporan Ketua Audit Negara bagi Kedah Darul Aman, 1/2026.**
	Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31

Kertas Dewan Bil. 6 Tahun 2026	**Disember 2023 bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.**
Kertas Dewan Bil. 7 Tahun 2026	**Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Kedah Darul Aman, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Perbandaran Langkawi, Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Majlis Daerah Baling, Majlis Daerah Pendang, Majlis Daerah Yan, Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Padang Terap, Majlis Daerah Bandar Baru.**

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

II. SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan-pertanyaan mulut.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, YB. Tokai.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Rakyat Kedah kekal bersatu,
Kepada kerajaan diletak harapan,
Soalan saya nombor satu,
Pohon MB (Menteri Besar) memberi jawapan.

1. YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[ADUN TOKAI]

Kerajaan akan melaksanakan pelupusan denda lewat bayar cukai tanah pada tahun ini.

Pohon dinyatakan:-

a) Berapakah jumlah anggaran pelupusan tersebut?

b) Jumlah maksima masa pemilik yang gagal membayar cukai tanah mereka?

c) Berapa banyak tanah yang telah dilucut hak kerana kegagalan pemilik melunaskan cukai tanah?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan sekalian. Tak dan apa-apa pantun dah YB. Tokai. Bagi soalan YB. Tokai, berapakah jumlah anggaran pelupusan denda lewat bayar cukai tanah pada tahun ini? Jumlah anggaran pelupusan denda lewat bayar cukai tanah dianggarkan berjumlah RM49 juta, sekiranya keseluruhan tunggakan cukai tanah dapat dikutip. Jumlah maksima, masa pemilik yang gagal membayar cukai tanah mereka adalah di antara 1 (satu) hingga 3 (tiga) tahun sebelum tindakan penguatkuasaan diambil oleh pejabat tanah. Soalan C, berapa banyak tanah yang telah dilucut hak kerana kegagalan pemilik melunaskan cukai tanah? Berdasarkan data 31 Disember 2025, terdapat 40 hakmilik yang telah dilucut hak dengan jumlah tunggakan cukai sebanyak RM909,963.12. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Di dalam apa, untuk kita meraih pendapatan bagi negeri, salah satu daripada inisiatif kerajaan negeri adalah semak semula kadar cukai tanah yang dibenarkan di dalam Kanun Tanah Negara 1965 iaitu setelah mencapai usia 10 tahun.

Jadi, di dalam titah Tuanku semalam pun ada menyebut tentang ada negeri-negeri yang dibenarkan oleh kerajaan persekutuan untuk melaksanakan semakan ini. Tetapi bagi Negeri Kedah agak tidak bernasib baiklah kerana semakan itu tidak dibenarkan untuk dilaksanakan. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada YAB. Dato' Seri Menteri Besar, bagaimanakah cara untuk kita meningkatkan hasil melalui hasil tanah yang selama ini masih berkurangan dikutip daripada tanah-tanah di Negeri Kedah ini untuk menambah hasil pendapatan negeri? Terima kasih, YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, soalan ini ada kronologi, tapi untuk jawapan soalan lisan pada pagi ini, saya ambillah kesempatan ini untuk membuat sedikit penjelasan ringkas. Kalau nak kronologi lengkap mungkin saya boleh bentang dalam penggulungan lah. Kanun Tanah Negara memperuntukkan di bawah Seksyen 101, setiap 10 tahun kerajaan-kerajaan negeri, boleh membuat semakan dan semakan ni akan melibatkan bukan saja kenaikkan, boleh juga penurunan. Ada tanah yang turun cukai dia lepas semakan. Kita ambil masa yang agak panjang kerana semakan terakhir dibuat 2016, selepas 10 tahun makna 2026 tahun ni lah, jadi untuk memulakan proses semakan tu kita telah menubuhkan di Pejabat Tanah dan Galian pasukan khas dengan peruntukan khusus untuk menyemak lebih 800,000 hak milik satu per satu. Team ni nak semak 800,000 dokumen satu-satu, berpinar mata kan, ada team khusus yang dibentuk 2 tahun lebih awal daripada tahun 2020, maknanya tahun 2024 kita dah ada team tu untuk semak satu-satu hak milik untuk disesuaikan dengan kehendak dan prosedur yang ditetapkan di bawah KTN (Kanun Tanah Negara).

Bila semua semak kaunter dibuat, terutama sekali kita nak banding juga cukai tanah kita dengan negeri-negeri lain, dalam kategori yang sama. Ada negeri yang jauh lebih tinggi daripada Kedah, ada yang rendah, jadi kita buat perbandingan selepas setahun lebih dibuat semakan dengan peruntukan lebih, saya rasa dekat RM2 juta lah, peruntukan untuk membuat semakan ni, maka PTG (Pejabat Pengarah Tanah dan Galian) membuka satu cadangan berdasarkan semakan dan perbandingan dan alasan-alasan justifikasi yang munasabah, maka dikemukakan cadangan kepada kerajaan satu kadar baru yang akan dikuatkuasakan tapi prosedurnya ialah mesti dibawa ke Majlis Tanah Negara (MTN). MTN (Majlis Tanah Negara) ini di peringkat persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti negeri-negeri lain semua bawah MTN (Majlis Tanah Negara). Majlis Tanah Negara ni urusetia dia NRES (Kementerian Sumber Asli dan Perubahan Iklim), negeri-

negeri yang telah terbabit dengan semakan bagi tahun-tahun yang kebelakangan ini macam Melaka, Pahang, Johor, Pulau Pinang telah bentang dan tak ada isu lah, jalanlah, seperti yang dicadangkan.

Cuma di Kedah ini diberi perhatian khusus, mungkinlah kerana pada pandangan kerajaan mungkin dalam semakan itu Tanah-tanah Persekutuan (PTP). Jumlah cukai PTP yang kena bayar daripada pegangan depa di tanah-tanah di Kedah ini RM44 juta dalam semakan tahun 2026 dicadangkan kenaikan, jadi RM52 juta kenaikkan lebih kurang RM9 juta. Bukanlah banyak pun bagi PTP RM9 juta cukai tanah, tapi oleh kerana mungkin ini dia *trigger*, depa *spark* lebih kut, mungkin ada kefahaman di kalangan pihak-pihak di persekutuan kita telah menguatkuasakan cukai baru RM52 juta tu, tapi itu bukan cukai baru, RM44 juta tu setelah dibayar sebelum pada ni pun, kenaikan RM9 juta saja, tapi mungkin depa *spark* dengan RM52 juta tu maka MTN hari tu buat keputusan nak bawa ke Kabinet. Ikut peraturan undang-undang, ini adalah perlembagaan, bila semakan dikemukakan ke Majlis Tanah Negara, platform untuk memutuskan hal itu ialah MTN bukan Kabinet tapi depa buat keputusan untuk bawa Kabinet. Masuk ke Kabinet, tak keluar, tak keluar keputusan tu, masuk dalam kilang *production* tak ada, kita pun duk tunggu minit daripada NRES (Kementerian Sumber Asli dan Perubahan Iklim).

Jadi, pihak Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri duk berhubung dengan pihak Kabinet, pihak MOF (Ministry of Finance) untuk menentukan bolehkah tak boleh ni, lulus atau tidak lulus, sampai la ni tak keluar minit tu. Jadi, oleh kerana tarikh telah masuk tahun 2026, kalau pun dibenarkan kita tak boleh nak laksana dah, pasal orang dah mula banyak cukai tahun 2026, kalau dikuatkuasakan orang yang dah bayar tu dia bayar kadar lama. Kita 'ligan' masa ni untuk kita selesaikan semua ni tahun 2025 supaya tahun 2026 kita dapat kuatkuasakan kadar baru tu, bukan penaik semua YB. Tokai, ada turun, dan pembentangan kepada EXCO beberapa kali, banyak buku tebal-tebalkan noh, EXCO pun bersidang berkali-kali dah untuk teliti satu-satu cadangan daripada pasukan khas PTG (Pejabat Pengarah Tanah dan Galian) ni, ada turun ada naik, tak lah tinggi sangat tapi kita anggarkan daripada semakan tahun 2026 ni, daripada kutipan cukai tanah kita akan dapat peningkatan hasil RM120 juta daripada hasil sedia ada.

Tapi oleh kerana minit tu tak keluar, saya pun tak pasti adakah kurang pengalaman atau pengetahuan ataupun kurang nasihat kepada pihak-pihak yang mengepalai Majlis Tanah mempengerusikan MTN (Majlis Tanah Negara) tu, dibawa ke Kabinet. Kabinet tak boleh bincang benda tu sebab *floor* dia ialah Majlis Tanah Negara, macam mana mesyuarat nak putus di tempat lain pi bawa pergi mesyuarat lain, walaupun putus, pun tak laku, pasal dia mesti di MTN tak boleh di Kabinet. Jadi, bila minit tak keluar, sampai la ni tak boleh dikuatkuasakan lagilah, mungkin dia nak tahan kita suruh buat tahun depan. Tahun depan nak pilihan raya, saya agak sajalah bukanlah

sangkaan jahat, dak eh, kut-kut lah dia tahan sampai pilihan raya, kita pun nak kena laksanakan cukai baru, orang marahlah. Bila orang marah kita punya *chances* tu ada risiko. Jadi, saya harap benda tu bukanlah macam tu tapi anggapan kepada otak orang politik ni, adalah bacaan lagu tu.

Di Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang terakhir, oleh kerana dibincangkan kedudukan kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri, saya ada bangkitkan hal ini, dia kata Majlis Tanah Negara sampai la tak keluar minit dan kita tak dapat melaksanakan kadar cukai baru. Bila kadar cukai baru tak dapat dilaksanakan, kita kehilangan RM120 juta. Bila RM120 juta bagi negeri sangat besarlah, dia lebih pada 10 peratus anggaran perbelanjaan negeri, RM120 juta tu lebih daripada 10 peratus, maka kita tak dapatlah hasil tu. Jadi, saya harap walaupun minit tu keluar tahun ini, saya harap lepas habis sidang dewan ni keluar minit tu, sebab depa di Putrajaya semua dengar, nak kena sebut dalam Dewan juga, nak kena keluar titah daripada KDYMM Tuanku Sultan untuk diberi perhatian kepada isu itu, isu itu isu besar, isu undang-undang isu Perlembagaan di Seksyen Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 101 sebahagian daripada perlembagaan bukan dasar kerajaan, dia Perlembagaan, dia *floor* dia di MTN (Majlis Tanah Negara). Saya harap NRES (Kementerian Sumber Asli dan Perubahan Iklim), MOF (Ministry of Finance), MTN (Majlis Tanah Negara), urusetia MTN (Majlis Tanah Negara) dapat ambil perhatian kepada isu ni untuk membenarkan semakan dikuatkuasakan walaupun kita rancang 2026 seperti yang dikehendaki oleh KTN (Kanun Tanah Negara) setiap 10 tahun kita terlepas setahun, kita hilang RM120 juta harap perkara tu dapat diberi perhatian. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, silap bilik, lebih kurang macam tulah.

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baik, terima kasih YB. Tuan Speaker. Pantun sikit boleh?

Pulau Bidan jauh ke tengah,
Gunung Jerai bercabang dua,
Mohon jawapan soalan nombor dua.

2. YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK
[ADUN SIDAM]

Program Rumah Sejahtera Negeri Kedah dan Program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) merupakan inisiatif kebajikan untuk membantu rakyat terutama B40, wanita dan ibu tunggal berpendapatan rendah mengurangkan beban sara hidup.

Pohon dinyatakan:-

a) Sejauh manakah langkah mengurangkan kadar kemiskinan ini menghasilkan perubahan di Kedah?

b) Apakah inisiatif seterusnya yang akan di laksanakan bagi membantu golongan ini?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Tak dak pantun lah nak jawab. Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Sidam. Soalan YB. Sidam mengenai kemiskinan iaitu Program Rumah Sejahtera dan Program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA).

Untuk makluman, inisiatif kebajikan melalui Program Rumah Sejahtera dan Program Kasih Ibu Darul Aman merupakan inisiatif pada penggal yang lalu, dan program-program ini sudah tidak dilaksanakan lagi. Namun kerajaan negeri telah menitikberatkan kebajikan rakyat yang kurang berkemampuan.

Justeru itu, pelbagai program telah dirangka dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri pada setiap tahun antaranya ialah program-program bersama dengan pejabat zakat juga membasmi kemiskinan kerana statistik daripada e-Kasih sekadar sampai setakat ini miskin tegar sudah sifar, tidak ada miskin tegar lah di Kedah ni, cuma ada miskin, penurunan kategori miskin berbanding pada tahun-tahun yang lalu lah. Pencapaian ini, adalah hasil yang sepadu antara kerajaan negeri bersama agensi persekutuan dan negeri seperti Lembaga Zakat, KEDA (Kedah Regional Development Authority), RISDA dan KKDW (Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah) yang melaksanakan pelbagai pendekatan daripada bantuan kebajikan sehingga kepada pemerkasaan ekonomi, terutamanya tentang zakat yang telah keluarkan oleh zakat iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah; pertamanya bantuan makanan dan sara hidup. Pejabat zakat pun memberi bantuan makanan sebanyak RM123.4 juta setahun, jumlah dalam 18,638 asnaf fakir yang menerima sumbangan daripada pejabat zakat, selain daripada makanan sara hidup, juga bagi sumbangan kepada dengan kadar

RM600 hingga RM1,000 kepada fakir, dan RM400, RM500 kepada miskin. Ini juga membantulah B40 untuk dikeluarkan daripada miskin tegar kepada miskinlah.

Selain itu, dalam perkukuhkan perlindungan dan tempat tinggal asnaf, pejabat zakat juga telah mengeluarkan RM17.23 juta telah diagihkan bagi memastikan setiap keluarga asnaf dapat menikmati kediaman yang selesa, selamat dan bermaruah. Melalui pelbagai inisiatif sebanyak 138 rumah baharu telah dibina di bawah Skim Manzili, di samping 117 Projek Baik Pulih Rumah dan 306 kes baik pulih rumah segera. Secara keseluruhannya 561 buah rumah telah terlibat dan skim ini sepanjang tahun 2025. Di pejabat zakat juga mengeluarkan daripada segi pertanian iaitu (SBBA) iaitu Smart Sawah Berskala Besar Asnaf, daripada penerima zakat sekarang ini yang terlibat dengan Projek Smart SBBA (Sawah Berskala Besar Asnaf) ini, ada yang telah mengeluarkan zakat bermakna mereka telah keluar daripada garis kemiskinan yang telah disediakan oleh pejabat zakat. Dalam masa yang sama juga kerajaan negeri menyediakan, kadang-kadang miskin ini dia subjektif lah YB. Sidam, ada yang miskin tiada tapak rumah, ada yang miskin kadang-kadang tak cukup untuk hantar anak pergi ke sekolah, jadi kerajaan negeri juga telah menyediakan Lot Sejahtera lah, Lot Desa Sejahtera kita sebanyak 120 lot untuk tapak kediaman. Dan insya-Allah, *final* projek kita awal projek kita ni berlaku di Daerah Padang Terap, sedang dibina sekarang ni 6 buah rumah, yang akan disiapkan dengan secepat mungkinlah, sedang dibina sekarang ini, dan lain-lain tapak juga, lain-lain tempat juga akan dibina rumah di setiap daerah akan ada rumah, rumah dalam dalam Lot Sejahtera ni Insya-Allah.

Dan masa yang sama juga, Kerajaan KEDA sama menyediakan jugalah peralatan bantuan perniagaan kepada yang terlibat dengan usahawan di peringkat KEDA dan juga menyediakan premis untuk tapak perniagaan. kerajaan negeri Kedah juga menyediakan beras sejahtera. Beras sejahtera ni daripada mula 2020 sehingga 2026 sehingga inilah bulan April 2026, kita telah membelanjakan sebanyak RM21.6 juta, untuk beras sejahtera sahaja untuk di Negeri Kedah. Dalam masa yang sama antara kesan utama beras sejahtera ini membantu keluarga miskin mendapatkan makanan asas secara berterusan, mengurangkan tekanan kewangan isi rumah terutamanya golongan B40 dan asnaf, mengelakkan masalah ketidak jaminan makanan dalam kalangan keluarga miskin, segala persoalan program yang akan meluas kerana program ini berterusan dari tahun ke tahun supaya lebih ramai keluarga miskin mendapat bantuan. Program ini dijadikan salah satu instrumen kebajikan utama di Negeri Kedah, meningkatkan solidariti komuniti melalui penglibatan Majlis Ketua Kampung dalam mengenal pasti penerima dan memastikan tiada rakyat terputus bekalan makanan.

Dalam masa yang sama juga, kita telah menyediakan daripada pihak kerajaan iaitu selain daripada Lot Sejahtera, Beras Sejahtera, Program Permata Ku Sejahtera pun ada, ini jangka panjang untuk anak-anak jangka panjang termasuk *The Pearl of*

Kedah. Kita juga menyediakan iaitu Program Bantuan Sejahtera Pesakit Terlantar ini juga untuk orang miskin, dan juga kita sediakan Tabung Usahawan Wanita Sejahtera di bawah portfolio kebajikan, dan kita sumbangkan kepada usahawan-usahawan wanita kita. Yang terakhir juga kita sediakan juga iaitu Program Latihan Sejahtera Care iaitu yang kita melatih ah wanita ibu tunggal atau pun wanita yang miskin untuk mereka mempelajari tentang urutan dan mereka juga telah kita sediakan telah melaksanakan program ini pada November 2025. Jadi, semoga apa yang kita rancangkan ini insya-Allah mengurangkan lagilah kemiskinan di Negeri Kedah ini.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Merbau Pulas, soalan tambahan Yang Berhormat Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih YB. EXCO, soalan tambahan ialah semasa bulan puasa hari itu, team saya ada buat macam Singgah Sahur. Jadi, didapati di stesen-stesen teksi itu masih ada gelandangan yang tiada ada rumah. Jadi, apakah kerajaan boleh membantu melalui rumah sejahtera dan sebagainya, boleh menempatkan mereka ka apakah, masih tidak ada rumah, mereka ada kerja tetapi tidak ada rumah. Jadi, mereka bermalam di situ, untuk esok pagi bangun pi kerja. Adakah boleh? Baik, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BT HAJI GHAZALI

Sebenarnya kita sudah ada, YB. Sidam, sebenarnya setiap bulan kita ada mesyuarat FGD (Focus Group Discussion) iaitu *focus group* di peringkat daerah yang akan membawa semua apa permasalahan kemiskinan ni ke pejabat daerah, JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) pun ada dalam mesyuarat itu, dan yang akan dimaklumkan oleh MKK (Majlis Ketua Kampung) lepas tu pada Penghulu Mukim, Penghulu Mukim akan bawa perkara itu dalam mesyuarat *focus group* dan akan kita bincang. Dan kita, insya-Allah kita akan sediakan dalam masa tahun ini, kita akan sediakan 200 unit rumah di Lot Sejahtera, di setiap daerah, sekurang-kurangnya 10 buah rumah yang akan kita beri secara peruntukan, dan dah ada secara percuma kepada rakyat di seluruh Negeri Kedah, 200 buah rumah tahun ni insya-Allah dengan kerjasama dengan Bahagian Perumahan. Dan juga saya minta gelandangan ini dapat tindakan lah daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), insya-Allah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Merbau Pulas, dan seterusnya dipersilakan YB. Belantek.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Selalu kalau nak tangkap gambar, jurugambar akan sebut satu dua tiga, soalan saya nombor tiga:

3. YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN
[ADUN BELANTEK]

Pohon dinyatakan:-

Adakah kerajaan negeri akan memperluaskan skim bantuan pendidikan atau biasiswa untuk anak-anak keluarga miskin di luar bandar?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Sungai Limau.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih YB. Belantek. Pantun ka apa tu?

YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih kepada Yang Berhormat Belantek, atas soalan.

Berbaju Melayu nampak cantik,
Datang bersidang di hari kedua,
Soalan nombor tiga YB. Belantek,
Jawapan tersedia jelas dan nyata.

Insya-Allah. Untuk makluman YB. Belantek dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan berkaitan dengan skim bantuan pendidikan atau biasiswa untuk anak-anak keluarga miskin di luar bandar, yang telah pun diajukan oleh YB. Belantek, secara khusus kerajaan negeri tidak meletakkan sama ada miskin tu luar bandar ataupun di bandar. Kita memberi fokus khususnya bantuan itu kepada mereka yang layak untuk menerima bantuan; sama ada duduk di bandar ataupun di luar bandar. Dan di peringkat kerajaan negeri melalui Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) yang telah pun berfungsi untuk memberikan biasiswa khususnya kepada pelajar-pelajar di Sekolah Menengah termasuklah Sekolah Menengah Kerajaan dan

juga Sekolah Menengah yang berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Setiap tahun, lebih daripada 400 orang pelajar-pelajar miskin yang terpilih di sekolah-sekolah ini telahpun diberikan biasiswa bulanan dan disalurkan secara setahun sekali, iaitu ada yang RM60 dan ada yang RM90, secara bulanan, itu yang telah pun disediakan di peringkat kerajaan. Dan juga untuk Bantuan Awal Kemasukan Ke IPT (Institut Pengajian Tinggi), yang kita sebut sebagai iBAKIPT, juga diberikan kepada mereka yang di peringkat Sijil, di peringkat Diploma dan juga Ijazah, khususnya kepada anak-anak Kedah yang setahun kerajaan membelanjakan lebih daripada RM1 juta. Kalau 2023; RM977,400. 2024; RM1.6 juta. Dan 2025; RM1.28 juta. Itu yang kerajaan telah sediakan untuk iBAKIPT.

Dan juga, satu lagi yang juga disediakan oleh SPPNK, pinjaman pendidikan di peringkat Diploma dan juga Ijazah, kita sediakan lebih kurang peruntukan RM1.5 juta setahun untuk bantuan ini secara tahunan. Jadi, dan bagi pinjaman ini ada yang boleh lupus ya, kalau pelajar tu mendapat cemerlang; lupus 100 peratus, dan ada yang 50 peratus dilupuskan, dan ada yang 25 peratus, bergantung kepada keputusan akhir pelajar tersebut. Di samping itu, agensi-agensi lain di peringkat negeri, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) telah melaksanakan agihan fidyah untuk program tajaan makanan pada pelajar-pelajar miskin khususnya di institusi pondok yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, mulai 2023 lagi. Selain itu, 34 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat juga telah menerima agihan fidyah melibatkan 778 orang pelajar dan jumlah ini peruntukan sebanyak RM742,040 dengan agihan fidyah juga kepada Institut Pengajian Tinggi dan program bantuan makanan kepada pelajar miskin di Kedah yang melibatkan UniSHAMS, melibatkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Merbok dan Universiti Utara Malaysia Sintok, dan program ini dimanfaatkan untuk 600 orang pelajar dengan jumlah agihan RM672,000. Selain itu, Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah turut dipilih sebagai penerima baharu tahun ini melibatkan 200 orang pelajar dengan jumlah agihan sebanyak RM288,000. Dan perluasan agihan baharu juga kepada Maktab Mahmud di bawah kerajaan negeri, yang melibatkan 140 orang pelajar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM115,500. Agihan ini untuk membantu menyediakan makanan kepada pelajar yang memerlukan serta memastikan kebajikan mereka sepanjang tempoh pengajian itu terpelihara, dan MAIK (Majlis Agama Islam Negeri Kedah) juga berhasrat untuk memastikan program ini dapat kita teruskan dan diperluaskan untuk masa-masa yang akan datang. Agensi yang seterusnya, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Zakat Negeri Kedah juga telah melaksanakan skim agihan Sekolah Menengah Agama Negeri Kedah, sekolah panel lembaga zakat, dan inisiatif ini memperkukuhkan khususnya pendidikan agama di negeri ini.

Selain melibatkan 36 buah Sekolah Menengah Agama, termasuk lah Sekolah Menengah Agama Rakyat dan juga SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) yang berdaftar sebagai sekolah panel di Negeri Kedah melalui skim ini seramai 2,736 pelajar daripada tingkatan 1 sehinggalah tingkatan 5, telah pun mendapat manfaat dengan jumlah peruntukan tahun 2026 sebanyak RM15,661,180. Tajaan yang disalurkan meliputi; bayaran yuran pengajian, serta bantuan wang sara hidup kepada pelajar di kalangan asnaf yang miskin bagi memastikan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah ini terus mendapat akses kepada pendidikan agama yang berkualiti untuk menamatkan pengajian dengan lebih terjamin.

Di samping itu, YB. Tuan Speaker, walaupun di sekolah bawah kerajaan negeri, Maktab Mahmud kita ada tiga buah; Maktab Mahmud Alor Setar, Maktab Mahmud Yan dan juga MTSD (Maahad Tahfiz Sains Darul Aman). Jangan kita lupa di samping sekolah itu, Sekolah Agama Negeri kerajaan negeri juga melalui bantuan makanan yang kita salurkan untuk anak-anak kita di kalangan yang berpendapatan waris RM 3,000 ke bawah, hanya sehari RM1 saja, kutip yuran untuk anak-anak ini. Dan waris berpendapatan RM3,000 ke atas, sehari hanya bayar RM3, sedangkan ditanggung oleh kerajaan negeri setahun untuk Bantuan Makanan Asrama (BMA) ini lebih daripada RM4 juta setiap tahun ditanggung oleh kerajaan. Dan itu bantuan-bantuan kewangan. Di samping itu ada juga YB. Belantek, program-program yang kita laksanakan khususnya di peringkat DUN-DUN sebagai contoh Tuisyen Rakyat Sejahtera yang tahun lepas kita kembangkan kepada 25 DUN dan tahun ini insya-Allah, kita akan kembangkan kepada seluruh DUN, 36 DUN, yang juga melibatkan anak-anak ataupun keluarga miskin untuk kita berikan tuisyen percuma dan program sanjungan ilmu yang juga kita berikan khususnya kepada pelajar-pelajar cemerlang KAFA (Kelas Al-quran dan Fardhu Ain), SMRA (Sijil Menengah Rendah Agama), SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), STAM (Sijil Tinggi Agama Malaysia), Sijil Tahfiz Malaysia. Dan kalau yang cemerlang tu RM1,000. Dan mulai tahun lepas hasil daripada mesyuarat EXCO, kita nak pilih dan kita telah pun berikan 10 orang pelajar cemerlang daripada keluarga miskin, dan tahun ini juga kita akan teruskan dengan jumlah yang sama, dan insya-Allah pada 23 April yang akan datang program sanjungan ilmu di peringkat negeri seramai 62 anak-anak cemerlang daripada pelbagai latar belakang untuk kita berikan penghargaan kepada mereka atas kecemerlangan mereka dalam peperiksaan yang diadakan. Sekian, YB. Belantek.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan, dipersilakan.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Sungai Limau atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, Adakah bantuan di bawah Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) hanya terhad kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di dalam negara sahaja, atau terdapat juga peruntukkan atau skim bantuan yang sama yang disediakan kepada anak-anak Kedah yang melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi di luar negara khususnya di timur tengah? Terima kasih.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Sekali boleh YB. Sungai Limau, boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Iaitu soalan berkenaan dengan iBAKIPT (Bantuan Awal Kemasukan Ke Institut Pengajian Tinggi). Alhamdulillah saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Sungai Limau yang meluluskan untuk DUN Bukit Lada 146 orang tahun lepas, lebih kurang RM43,800. Cuma 146 orang ni memang tak cukup lah. Baru ni hat SPM pun yang dapat 5A, 100 orang lebih, kita buatkan majlis kita bagi kan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang dapat pelajar cemerlang 5A ke atas ada 100 orang lebih. Jadi maknanya, pelajar yang cemerlang dan pelajar yang dapat keputusan yang baik di peringkat DUN kita ini terlalu banyak. Jadi, saya mengharapkan kalau boleh ditambahkan lagi lah, bukan setakat kuota 146 orang itu sahaja. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Sungai Limau. Ringkaskan.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, dia kata kalau pendapatan tambah lulus dak cukai tanah tu? Kita tambah banyak lagi, boleh? YB., noh? *(sambil ketawa).* Insya-Allah kita akan mempertingkatkan lagi permohonan tuan-tuan untuk peruntukan untuk iBAKIPT (Bantuan Awal Kemasukan Ke Institut Pengajian Tinggi).

Dan untuk soalan tambahan daripada YB. Belantek, berkaitan dengan SPPNK (Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah) seksyen pendidikan ini, bantuan yang kita berikan khususnya untuk iBAKIPT dan juga untuk pinjaman ini khusus kepada untuk pengajian dalam negara sahaja, dan juga khusus untuk di UniSHAMS kita kuota Diploma 10 orang dan juga Ijazah 10 orang. Yang lain-lain tu untuk IPT yang lain. Dan disamping walaupun kita berikan kepada dalam negara, alhamdulillah kita rakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha kerajaan negeri. Dan untuk luar negara secara khusus, alhamdulillah anak-anak kita yang telah pun belajar di sana, mereka mendapat khususnya pembiayaan secara khusus daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah dan juga daripada Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) untuk pinjaman. Jadi ada dua agensi untuk khususnya di timur tengah yang menyediakan sama ada pinjaman ataupun pembiayaan pada anak-anak kita di timur tengah, termasuk lah di Indonesia.

Jadi, sebagai contoh ya jumlah agihan ataupun peruntukan disediakan err, pembiayaan ini khususnya Lembaga Zakat berdasarkan kepada keputusan peperiksaan anak-anak kita. Kalau dapat cemerlang, lagi tinggi yang dia dapat, sebagai contoh di Mesir, kalau anak-anak kita dalam peperiksaan dapat *Mumtaz*, dia akan dapat pembiayaan RM12,000. Kalau dapat *Jiddan*, dia akan dapat RM10,000. Kalau dapat *Jayyid*; RM8,000. Kalau *Maqbul*; RM5,000. Kalau tak lulus, tak dapat. Ini sebagai rangsangan untuk anak-anak kita supaya mereka akan memastikan pengajian mereka dapat ikuti dengan baik dan juga mendapat keputusan terbaik dan dapat pulang ke tanah air mengikut tempoh yang telah tersedia. Ini di Mesir, di Jordan lain, di Maghribi lain, mengikut tahap kedudukan ekonomi ataupun keperluan perbelanjaan di negara-negara tersebut. Dan saya juga nak ambil perhatian kepada seluruh khususnya pembayar zakat, kita rakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh pembayar zakat khususnya daripada kakitangan-kakitangan kerajaan negeri kita, kerajaan persekutuan, ahli-ahli perniagaan. Sumbangan atau sokongan anda, insya-Allah kita yakin telah pun dibelanjakan dengan cara yang terbaik dan daripada jawapan saya yang telah pun saya kemukakan ini, saya rasa dah pun beratus juta untuk pendidikan yang dibelanjakan khususnya oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Dan jangan kita lupa ada lagi Tabung Tengku Mahmud ya, inisiatif daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk hidupkan balik apa yang telah pun diasaskan oleh Almarhum Tan Sri Ustaz Azizan. Setahun lebih kurang RM3 juta lebih dibelanjakan untuk lebih daripada 2,500 orang anak-anak kita yang belajar di IPT (Institut Pengajian Tinggi) untuk kemasukan awal.

Jadi, terima kasih kepada soalan. YB. Tuan Speaker. Saya tamatkan untuk jawapan. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sungai Limau, EXCO, dan seterusnya dipersilakan YB. Guar Chempedak.

YB. TUAN HAJI ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Mohon jawapan untuk soalan nombor empat. Terima kasih.

4. YB. TUAN HAJI ABDUL GHAFAR BIN SAAD
[ADUN GUAR CHEMPEDAK]

Pohon dinyatakan:-

Apakah ukuran kejayaan sebenar Tahun Melawat Kedah 2025, dan adakah perbelanjaan promosi setimpal dengan pulangan?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Kubang Rotan.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Terima kasih, YB. Guar Chempedak. YB. Tuan Speaker, soalan daripada YB. Guar Chempedak adalah, pohon dinyatakan apakah ukuran kejayaan sebenar Tahun Melawat Kedah 2025, dan adakah perbelanjaan promosi setimpal dengan pulangan?

YB. Tuan Speaker, kejayaan kempen Tahun Melawat Kedah 2025 tidak hanya diukur berdasarkan satu indikator sahaja, sebaliknya melalui beberapa petunjuk utama yang menjadi ukuran kepada prestasi sebenar sektor pelancongan negeri. Dan antara petunjuk utama ialah jumlah kehadiran pelancong ke Negeri Kedah. Dan sepertimana semua sedia maklum, dan saya juga telah menyatakan sebelum ini dalam pertemuan kita di sini, bahawa kerajaan negeri telah menetapkan seramai 7 juta pelancong bagi tempoh tahun 2025, dan berdasarkan data kemasukan pelawat di lokasi pelancongan, pintu sempadan, dan juga pergerakan di lapangan terbang, kita yakin sesungguhnya kita telah mencapai apa yang telah kita sasarkan. Dalam konteks kedatangan pelancong di destinasi pelancongan utama di negeri ini contohnya, sepanjang tahun lalu peningkatan jumlah kedatangan pelawat begitu ketara di tempat-tempat seperti Muzium Padi, Balai Seni, Galeri Rundingan Baling, Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong, Dusun Riffa, Menara Alor Setar, Gunung Jerai, Sedim Riverside Resort dan River Cruise Sungai Merbok. Dan ini jelas memperlihatkan kejayaan kempen Tahun Melawat Kedah 2025.

Di samping itu, peningkatan turut direkodkan dari segi pergerakan penumpang dan pesawat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar dan juga Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang jelas menunjukkan kemasukan pelawat yang begitu ketara sepanjang tempoh kempen tersebut. Dari sudut impak ekonomi, walaupun kita masih menunggu laporan kajian daripada Tourism Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi mendapatkan angka rasmi *tourism receipt* bagi Negeri Kedah, namun kita menganggarkan bahawa dengan kehadiran sekitar 7 juta pelancong, sektor pelancongan Kedah berpotensi menjana impak ekonomi antara RM4.9 billion sehingga RM7 billion melalui perbelanjaan pelancong bagi penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, membeli-belah, serta aktiviti pelancongan. Dan perbelanjaan ini memberi limpahan ekonomi secara langsung kepada pelbagai pihak, termasuk lah pengusaha hotel, homestay, perniagaan kecil, pengusaha produk tempatan, dan juga pemain industri pelancongan di seluruh negeri. Berikutan perkembangan positif dalam sektor pelancongan negeri ini, kita dapat melihat semakin banyak pihak yang menaruh keyakinan untuk datang melabur atau menambah pelaburan dalam sektor tersebut di Kedah. Disebabkan itu, untuk sepanjang 2025 dan awal tahun 2026 ini, kita dapat melihat produk-produk pelancongan baru, hasil inisiatif pelbagai pihak, antaranya Hotel Serasi Padi di Alor Setar, Senjana Glamping Resort di Yan, The Wanz Animal Park di Baling, serta Glamping Jerai Escape Gunung di Jerai. Di Langkawi pada tahun lepas bermula my MYBOS25, satu acara baru bertaraf antarabangsa, yang edisi keduanya diteruskan pada tahun ini.

YB. Tuan Speaker, berhubung persoalan sama ada perbelanjaan promosi setimpal dengan pulangan, kita berpandangan bahawa pelaburan dalam promosi pelancongan ini bukanlah macam mengusahakan taugeh, rendam hari ini tiga empat hari dapat hasil. Sebaliknya kita berpandangan bahawa pelaburan dalam pelancongan ini merupakan satu pelaburan strategik jangka panjang demi masa depan ekonomi negeri. Jika dengan kos promosi yang relatifnya kecil, kita berusaha menarik sekitar 7 juta pelancong serta menjana potensi simpan ekonomi sehingga RM4.9 billion sehingga RM7 billion, maka secara rasionalnya pulangan yang diperoleh adalah jauh lebih besar daripada perbelanjaan yang dikeluarkan.

Namun begitu, pulangan daripada kempen seperti Tahun Melawat Kedah 2025 tidak boleh diukur semata-mata melalui angka ekonomi sahaja, tetapi juga impak tidak langsung yang amat penting kepada pembangunan sektor pelancongan negeri. Pertama, kempen ini kita berjaya membina *tourism mindset* dalam kalangan rakyat Kedah iaitu kesedaran bahawa pelancongan adalah sektor ekonomi yang mampu memberi manfaat kepada semua pihak. Apabila kesedaran ini meningkat, maka rakyat lebih terbuka untuk menyokong aktiviti pelancongan, bersedia menyambut kedatangan pelawat, dan melihat pelancongan sebagai peluang ekonomi yang memberi manfaat kepada komuniti setempat. Kedua, kempen ini turut membantu mewujudkan *tourism vibe* atau suasana pelancongan yang lebih hidup di Negeri

Kedah. Sepanjang tempoh kempen, kita dapat melihat semakin banyak program komuniti, acara budaya, aktiviti desa, serta produk pelancongan baru digerakkan oleh pelbagai pihak, sama ada oleh agensi kerajaan, pihak swasta, mahupun komuniti setempat.

Ketiganya, kempen ini juga telah memperkukuhkan kesedaran terhadap kebersihan, penjagaan alam sekitar, serta kelestarian destinasi pelancongan. Melalui pelbagai kempen dan promosi kesedaran, masyarakat semakin memahami bahawa kebersihan, keindahan persekitaran, dan pemeliharaan warisan adalah faktor penting dalam memastikan pelancong terus datang ke negeri ini. Dalam masa yang sama, Tahun Melawat Kedah 2025 juga berjaya meningkatkan rasa bangga rakyat kepada negeri sendiri, apabila semakin banyak lokasi produk tempatan dan juga budaya Kedah diketengahkan dan mendapat perhatian daripada pelawat daripada dalam dan luar negara. Hakikatnya, pelancongan bukan sekadar tentang jumlah pelawat yang datang tetapi tentang bagaimana kedatangan mereka menggerakkan ekonomi rakyat.

Sebab itu, kerajaan negeri melihat Tahun Melawat Kedah 2025 lebih daripada satu kempen promosi tetapi ia juga merupakan pemangkin kepada perubahan cara berfikir serta pengukuhan ekosistem pelancongan negeri, serta keseluruhannya. Dengan ambil kira peningkatan jumlah pelawat, pertumbuhan aktiviti pelancongan, kemunculan produk pelancongan baru, serta pelbagai impak ekonomi dan sosial yang terhasil, kerajaan negeri yakin bahawa pelaksanaan Tahun Melawat Kedah 2025 telah mencapai objektifnya dan memberikan manfaat yang nyata kepada pembangunan pelancongan serta ekonomi negeri.

Akhirnya YB. Tuan Speaker, ukuran sebenar kejayaan Tahun Melawat Kedah 2025 tidak semata-mata pada angka pelawat, sebaliknya pada sejauh mana keseluruhan negeri ini bergerak bersama, dan memastikan pelancongan adalah kekuatan ekonomi dan kebanggan rakyat negeri ini. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Soalan tambahan.

YB. TUAN HAJI ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih YB. Tuan Speaker, soalan tambahan. Pohon dinyatakan apakah langkah penambahbaikan yang akan diambil susulan kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti sepanjang Tahun Melawat Kedah 2025. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kubang Rotan.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

YB. Tuan Speaker, saya ingat saya nak tambah satu soalan lagi lah untuk YB. Kubang Rotan noh.

YB. Tuan Speaker dan juga YB. Kubang Rotan, saya difahamkan ada bajet RM7 juta dari kerajaan pusat yang diberi kepada sektor pelancongan Negeri Kedah. Boleh tak YB. Kubang Rotan bagi secara detail, kalau tak secara lisan pun, secara bertulis selepas ini, di manakah peruntukan tu dibelanjakan? Di daerah mana? Sebab saya ni, Baling ni lama dah dipilih sebagai eko-pelancongan, tetapi tak ada apa pun yang diberikan, walaupun sedikit, tapi saya minta senarai terperinci RM7 juta tu diberi ke daerah mana. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

YB. Tuan Speaker, satu lagi boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker. YB. Kubang Rotan, kalau tengok daripada jawapan yang diberikan tadi, itu nampak kejayaan yang menbanggakan lah dalam Tahun Melawat Kedah 2025.

Cuma soalan saya, adakah kerajaan negeri di bawah portfolio pelancongan mempunyai laporan audit ataupun penilaian bebas dalam menentukan keberkesanan Tahun Melawat Kedah 2025. Kerana kita tak mau kadang-kadang laporan kejayaan kita ni cuba dinafikan oleh pihak-pihak tertentu. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kubang Rotan. Rangkum sekali.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Baik, terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Guar Chempedak. YB. Tuan Speaker, kerajaan negeri menyedari kelemahan-kelemahan yang kita telah kenal pasti sepanjang kempen Tahun Melawat Kedah 2025, yang mana ianya sedang dalam penambahbaikan dan insya-Allah benda itu tidak akan disia-siakan.

Pertamanya, dari aspek infrastruktur pengangkutan, kerajaan negeri akan bersama-sama dengan agensi persekutuan dan pihak pengurusan tempatan untuk menambah baik akses ke beberapa destinasi.

Yang keduanya, adalah dari kelemahan-kelemahan yang kita dapati adalah dari segi kemudahan awam di lokasi pelancongan, insya-Allah kerajaan akan memberi keutamaan untuk membuat penambahbaikan seperti tandas, papan tanda, dan juga pusat informasi pelancong supaya pengalaman pelancong lebih selesa dan mesra pengunjung. Dan ketiganya, kelemahan-kelemahan dari segi modal insan. Kerajaan akan bersama dengan beberapa agensi untuk memperluaskan program latihan hospitaliti, termasuklah latihan kemahiran perkhidmatan dan juga penguasaan bahasa asing. Dan ada lagi beberapa kelemahan-kelamaan lain yang disenaraikan dan insya-Allah akan diambil tindakan untuk menambah baik mutu perkhidmatan pelancongan di Negeri Kedah.

Berbalik kepada soalan daripada YB. Bayu, sebenarnya saya hairan juga kalau bajet kalau ada peruntukan RM7 juta daripada persekutuan, dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, peruntukan kita yang sepertimana yang saya maklumkan daripada kerajaan negeri adalah RM3 juta. Dan tahun lepas alhamdulillah kita mendapat peruntukan tambahan daripada MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture of Malaysia) sebanyak RM1.25 juta. Kalau RM7 juta itu, YB. Bayu mesti *proof* kan benda ini, okey. Kita tidak ada seleweng-seleweng apa pun ya. Dan saya juga meminta kalau YB. Bayu merasakan tidak mendapat sebarang perhatian daripada portfolio pelancongan ini. Sebenarnya sebagai pengerusi portfolio pelancongan ini, saya mengharapkan agar Yang Berhormat dan ramai pun Yang Berhormat-Yang Berhormat, sahabat-sahabat dalam Dewan Yang Mulia ini, aktif dan sentiasa mengangkat produk-produk pelancongan di tempat sendiri.

Saya mengharapkan juga YB. Bayu terus mengenengahkan atau memberi cadangan-cadangan bernas kepada pihak saya untuk menjadi perhatian dan saya rasa YB. Bayu sudah sedia maklum saya juga pernah turun di Baling, dan juga membantu kepada

pengusaha produk pelancongan di sana. Jadi saya harap jawapan ini, apa ni memenuhi kehendak daripada Yang Berhormat Bayu. Dan seterusnya daripada YB. Lunas, setakat di hari ini kita tidak ada penilai bebas tentang kita punya, apa ni, prestasi, apa ni, pelancongan kita. Walau bagaimanapun pihak kerajaan negeri Kedah sentiasa mendapatkan ataupun menerima pandangan-pandangan, penambahbaikan, komen-komen di lapangan untuk menambah baik dari segi sektor pelancongan di Negeri Kedah. Apapun cadangan daripada persoalan daripada YB. Bayu itu akan kita perhalusi dan kita akan mengambil maklum. Jadi terima kasih kepada semua yang mengangkat soalan tambahan dan terima kasih juga kepada YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kubang Rotan, dan seterusnya dipersilakan YB. Kuah.

YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum dan selamat pagi.

Satu dua kucing berlari,

soalan saya nombor lima mohon jawab dengan teliti.

Sekian, terima kasih.

5. YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD
[ADUN KUAH]

Pohon dinyatakan:-

a) Bagaimanakah bahagian perumahan melaksanakan penguatkuasaan ke atas penghuni-penghuni yang tidak mematuhi peraturan-peraturan seperti gagal membayar sewa dan memberikan penghuni lain tinggal di unit mereka?
b) Berapakah kos tunggakan sewa dan kos penyelenggaraan yang telah dibelanjakan untuk selenggara rumah di bawah seliaan kerajaan negeri?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Minta maaf YB. Kuah tak dan buat pantun tu, kucing berlari apa (ketawa kecil) terima kasih YB. Tuan Speaker, insya-allah saya akan jawab soalan nombor 5 bagi YB. ADUN Kuah.

Soalan yang pertama adalah bagaimanakah Bahagian Perumahan melaksanakan penguatkuasaan ke atas penghuni-penghuni yang tidak mematuhi peraturan seperti gagal membayar sewa dan memberikan penghuni lain tinggal di unit mereka? Yang keduanya, berapakah kos tunggakan sewa dan kos penyelenggaraan yang telah dibelanjakan untuk selenggara rumah di bawah seliaan kerajaan negeri?

Jumlah keseluruhan, saya jawab panjang sikit YB. Kuah, dari dulu sampai lani. Jumlah kesan unit rumah skim perumahan sewa beli, yang ada di bahagian perumahan sejak di tahun 1961 sehingga Mac 2026 adalah hampir 15,000 unit rumah yang telah dibina. Walau bagaimanapun daripada keseluruhan ini hanya tinggal 4,963 unit yang masih mempunyai baki bayaran harga rumah. Untuk skim perumahan sewa transit pula terdapat 1,940 unit yang direkodkan di bahagian perumahan. Kadar sewaan skim perumahan di bawah seliaan Bahagian Perumahan bermula daripada RM 50, skim sewaan murah kan? Bermula daripada RM50 sehingga RM150 untuk skim sewa beli. Terdapat perjanjian sewa beli ini biasanya selama 20 tahun. Bagi sewa transit pula kadar sewaan bermula daripada harga RM90 dengan kadar harga RM 90 sehinggalah kepada RM200, tempoh perjanjian pula adalah selama 36 bulan ataupun 3 tahun.

Tindakan pemutihan penghuni menjurus kepada soalan YB. Kuah tadi, pemutihan penghuni yang dilakukan penghuni yang tidak mematuhi peraturan, seperti gagal membayar sewa dan memberi sewa kepada orang lain akan diberi notis tuntutan tunggakan, notis siasatan, notis pelanggaran syarat perjanjian, dan notis penamatan perjanjian serta tindakan tarik balik. Rumah turut dikenakan kepada penghuni-penghuni ini selain pula tindakan ini, jika situasi rumah didiami oleh penghuni yang tidak sah Bahagian Perumahan akan menjalankan siasatan dan sekiranya penghuni disebut mematuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan mereka akan dipertimbangkan untuk mendiami unit tersebut, tempoh sewaan adalah selama 36 bulan.

Sepanjang tempoh perjanjian ini Bahagian Perumahan sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala untuk memastikan penghuni-penghuni mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan di bahagian pengisian di PPR (Program Perumahan Rakyat), sewa transit Negeri Kedah di bawah seliaan Bahagian Perumahan adalah seperti berikut. Di PPR (Program Perumahan Rakyat) Mergong kita ada 136 unit yang baki daripada 400 unit, PPR Paya Nahu Satu ni selalu transit YB. Kuah. PPR Paya Nahu Satu ada 470 unit yang didiami berbanding 590 unit, di PPR Paya Nahu Dua 1,100 berbanding 1,470 unit dan PPR Langkawi Taman Halia 230 unit daripada 422

unit. Kekosongan rumah ni memerlukan pembaikan terlebih dahulu kerana dah sekian lama rosak, dan sebagainya dan pengisian boleh dibuat mengikut kemampuan peruntukan daripada kerajaan.

Seterusnya penglibatan pelbagai agensi semasa pemutihan, apabila kita dapati banyak pelanggaran pihak-pihak yang memiliki rumah tanpa kebenaran sebenarnya yang dan tak bayar sewa transit ataupun sewa beli tempoh hari, bahagian perumahan ada buat pemutihan melibatkan pelbagai agensi semasa pemutihan dijalankan seperti PDRM (Polis Diraja Malaysia), Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah, Lembaga Hasil Dalam Negeri, TNB (Tenaga Nasional Berhad) dan SADA (Syarikat Air Darul Aman), bomba serta pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani, semua agensi-agensi ni sedang beri kerjasama penuh setiap kali operasi dijalankan. Itu yang di kita buat di pemutihan yang paling kerap kita buat di Paya Nahu, projek di Paya Nahu.

Dan selain daripada lantikan agen kutipan operasi pemutihan, bermula pada Jun 2025 sehingga Oktober 2025, sebanyak 8 kali program pemutihan yang telah pun dilaksanakan, dan hasil daripada program pemutihan yang kita telah melaksanakan jumlah kutipan meningkat. Sebelum tu kita tak buat pemutihan dan kutipan kita agak rendahlah, teruk, jadi selepas kita buat pemutihan tu jumlah kutipan kita meningkat pada RM 832,721 daripada bulan Jun sehingga Disember 2025, dibandingkan dengan kutipan Januari hingga Mei 2025 hanya RM 216,000 sahaja. Makna dia kutipan kita dapat agak ketara tinggi selepas kita buat pemutihan tersebut.

Selain itu, skim perumahan ini juga kita juga di Kedah menyediakan pelbagai-pelbagai kaedah untuk pembayaran kepada penghuni-penghuni di portal iBAYAQ, kiosk terdapat di seluruh Pejabat Daerah dan Tanah, kutipan *door to door* melalui ejen kutipan dilantik, kutipan bergerak berjadual Bahagian Perumahan turun untuk skim perumahan yang di jadual dan di Pejabat SUK (Setiausaha Kerajaan) Perumahan iaitu operasi kaunter mengikut waktu pejabat.

Bahagian perumahan juga telah melantik ejen kutipan iaitu syarikat BPO Distribution, yang juga telah memberi kesan positif dengan peningkatan kutipan serta kutipan konsisten walaupun bilangan unit rumah semakin berkurangan. Berdasarkan kutipan ni kita lantik ejen, sebahagian besar mungkin orang ramai yang menyewa transit ataupun sewa beli dia kadang-kadang dia nak datang ke pejabat perumahan payah susah. Jadi syarikat perumahan, Bahagian Perumahan telah melantik ejen kutipan pergi ke rumah-rumah dan berdasarkan kutipan tersebut kita dapat reputasi yang meningkatlah.

Purata dia, kita telah daripada kutipan 2016 sampai 2019, purata 6,575 akaun, kita hanya dapat 352,000 sahaja kutipan. Berdasarkan prestasi BPO kutipan syarikat tersebut, daripada 2022 hingga 2025 walaupun akaun dah berkurangan 5,563 akaun tapi kita dapat kutipan RM455,863, makna jumlah kutipan kita meningkat bila kita gunakan syarikat kutipan ini.

Dan kos yang soalan kedua adalah kos tunggakan, tunggakan yang direkodkan oleh skim sewa transit sehingga Februari 2026 adalah sebanyak RM40 juta ikut skim sewa transit ini tinggi YB. Kuah, RM 40,760,875, *so* tinggilah dia punya tunggakan ini. Dan kos penyelenggaraan juga, keseluruhan bagi tahun 2025 adalah direkod sebanyak RM 4,359,510, ini kos penyelenggaraan bagi PPR kita yang kita ada sekarang ni. Daripada kerajaan negeri peruntukan sebanyak RM3,242,626, itu peruntukan dari kerajaan negeri, manakala daripada KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) RM1.1 juta diperlukan. Jadi jumlah keseluruhan tu tinggilah untuk kos penyelenggaraan itu. Terima kasih, YB. Kuah.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, YB. Kuah. Soalan tambahan.

YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD

Soalan tambahan, selain PPR apakah lagi ada program-program perumahan yang ada di Negeri Kedah? Terima Kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, YB. Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Tuan Speaker, berdasarkan pada, sehingga ke hari ini, beberapa projek-projek perumahan selain daripada yang kerajaan buat ada di Kedah ni antaranya ialah daripada zakat sendiri. Zakat juga telah menyumbang kepada perumahan pemilik rakyat Kedah, mengikut data kita daripada 2020 sampai 2026 ni, lebih kurang zakat telah buat 718 buah unit rumah. Kalau Desa Sejahtera, kita yang seperti mana yang dijawab oleh YB. Merbau Pulas tadi, kita sekarang ni 100 unit setiap daerah, 100 lot setiap daerah, kalau semua daerah buat ni makna kita dapat 1,000 lebihlah iaitu Desa Sejahtera.

Yang keduanya, daripada SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad). SPNB ni pun kalau ikut rekod sehingga sekarang ini lebih kurang 16,000 unit rumah mesra rakyat yang telah dia dapat permohonan, dan itu pun masih ada baki dekat dalam 1,000 lebih

unit lagilah, yang sedang menunggu *queue* untuk nak buat perumahan mesra rakyat. Kita juga ada rumah KEDA (Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah), KEDA pun telah melaksanakan 967 buah rumah, PKNK (Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah) sendiri 274 buah rumah, BDB (Bina Darulaman Berhad) sendiri pun dah buat 544 unit, PKB (Permodalan Kedah Berhad) 1,036, Perumahan Awam Malaysia atau PPAM 3,983 unit. Jadi ini antara ada dalam, PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) pun 1,511 unit, ni antara beberapa agensi dalam Kedah yang telah dibuat rumah yang membantu rakyat kedah untuk memiliki rumah.

Selain daripada itu, kita juga ada permohonan daripada pemaju-pemaju swasta yang telah melaksanakan rumah di Kedah ni mengikut MKN sehingga 2025 ni kita dah ada 10,044 buah unit rumah yang telah masuk dalam MKN 2025, dan kalau yang dah siap rumah mampu milik lebih kurang 3,341 unit rumah. Tu antara beberapa perumahan-perumahan yang telah diadakan di Kedah ni yang boleh membantu rakyat Kedah untuk memiliki rumah, YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima Kasih Yang Berhormat….

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker boleh soalan tambahan ini.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, YB. Tokai. Dipersilakan.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima Kasih YB. Tuan Speaker, YB. Kuala Ketil seperti kita tahu apa di Kedah ni banyak projek-projek guru, kuarters guru yang terbengkalai. Saya pernah bawa isu ni di parlimen dulu bersama dengan Timbalan Menteri Pendidikan tetapi masalahnya adalah hak milik tanah. Tanah adalah tanah persekutuan dan kita kerajaan negeri tidak mempunyai hak untuk mengganggu, tapi kita tengok di, saya tengok di Pendang sendirilah! Di Kubur Panjang! Di Sungai Tiang! Di Tokai! Hanya menunggu masa untuk diroboh sendiri kalau sekiranya tidak dibaik pulih ataupun tidak diberi penghuni. Jadi apakah tindakan kita kut-kut lah boleh *slow talk* dengan Kementerian Pendidikan ka ataupun melalui Kanun Tanah Negara ka kanun apa ka, tak baiki kami perhempas balik tanah ni! Adakah usaha ini boleh dilakukan oleh negeri kepada pihak Persekutuan? Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, YB. Kuala Ketil

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Nak jawab pun susah soalan tu. Buat nak rampas tanah tu. YB. Tuan Speaker, sebenarnya kita masih belum ada lagilah *engagement* dengan Kementerian Pendidikan Negeri, saya akui kuarters-kuarters guru ni banyak terbengkalai rosak bukan kata tempat lain di Kuala Ketil pun ada, depan UniSHAMS. Walaupun satu ketika dulu kita mencadang UniSHAMS untuk ambil tu sebagai kuarters staf UniSHAMS, tetapi kos yang tinggi untuk UniSHAMS membaiki balik dan menyara balik rumah tu sebab rumah tu dah rosak teruk dan bermakna tak ekonomi kalau kita ambil untuk baiki semula. Saya menjawab hari ini, kita belum ada lagilah untuk buat sebarang perjanjian ataupun dengan Kementerian Pendidikan, YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima Kasih YB. Kuala Ketil. Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pelantikan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.

II. PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya memaklumkan disini bahawa Setiausaha Sulit Kanan, kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menerima surat daripada Setiausaha Dewan Negara berkenaan tamat tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah pada 19 Mac 2026. Surat berkenaan berbunyi seperti berikut:

“Tamat tempoh pelantikan Ahli Dewan Negara (Senator) yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris dan Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak Bin Ahmad, telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah menurut Perkara 41 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan akan tamat tempoh perkhidmatannya pada 19 Mac 2026. Menurut Bahagian 1 (2) dalam Jadual Ketujuh Perlembagaan

Persekutuan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dengan ini berkenan memberi notis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Kedah bahawa dua orang ahli Dewan Negara hendaklah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera untuk mengisi kekosongan yang berlaku ini".

Oleh yang demikian, saya mohon kesudian Dato' Paduka untuk menyembah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Kedah berkenaan notis ini agar kekosongan yang berkenaan dapat isi setelah dipertimbangkan dan dipilih oleh Dewan Undangan Negeri. Kerjasama pihak tuan amanah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih saya yang menjunjung titah, Dato' Haji Jaba bin Mohd Noah, Setiausaha Sulit Kanan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong. Oleh yang demikian, pada hari ini saya mohon cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato Seri Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini saya pohon mencadangkan bahawa dewan yang bersidang pada hari ini dengan sukacitanya melantik dan menyambung semula perkhidmatan dua orang senator yang telah tamat tempoh pada 19 Mac 2026 iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Nasir Bin Idris dan Yang Berhormat Tuan Musoddak Bin Ahmad menjadi Ahli Dewan Negara berkuatkuasa pada 20 Mac 2026.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Pejabat Dewan Undangan Negeri Kedah telah menghantar surat kepada kedua-dua orang Yang Berhormat Senator ini untuk meminta persetujuan berkenaan pelantikan semula mereka. Sehubungan dengan itu, saya telah menerima surat maklum balas persetujuan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Nasir Bin Idris dan juga Yang Berhormat Tuan Musoddak Bin Ahmad berhubung dengan pelantikan semula sebagai ahli Dewan Negara. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya hanya menerima satu cadangan untuk pemilihan ini daripada pihak kerajaan. Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan rasminya mengesahkan bahawa mengikut kehendak jadual ketujuh Perlembagaan Malaysia Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang

bersidang pada hari ini bersetuju melantik semula Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Nasir Bin Idris dan Yang Berhormat Tuan Musoddak Bin Ahmad menjadi ahli Dewan Negara mulai daripada 20 Mac 2026.

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul ucapan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

III. USUL UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mencadangkan usul tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawa Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mempersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah ucapan yang berbunyi; Patik-patik sekalian, YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah didalam persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya tuanku menyampaikan titah ucapan, sempena perasmian pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang Ke-15."

Sekian terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Perbahasan di atas Usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

IV. PERBAHASAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan diatas usul ucapan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat agar menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab kerajaan negeri Kedah sahaja. Saya juga berharap Ahli-ahli Berhormat tidak mengulangi perkara-perkara yang telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Dipersilakan YB. Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani. YB. Tuan Speaker, YB. Timbalan Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, YAB. Dato' Menteri Besar, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas peluang yang diberikan untuk memberi ucapan sempena pembukaan sidang DUN pada kali ini. Pertama kali, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan atas perasmian pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri kemarin. Titah dan nasihat baginda, akan kami jadikan panduan sepanjang perbahasan yang berlangsung ini. Antara isu-isu yang saya akan ketengahkan hari ini ialah berkenaan dengan titah ucapan Tuanku mendepani cuaca panas yang melampau, ketidakseimbangan antara pertubuhan penduduk dan juga kapasiti infrastruktur, ketegangan geopolitik dan inisiatif-inisiatif kerajaan pusat dalam pembangunan Negeri Kedah. Kita berkumpul di Dewan Yang Mulia ini bukan sekadar untuk bersetuju dengan segala yang dibentangkan oleh kerajaan, peranan kami di sini adalah sebagai semak dan imbang kami hadir dengan semangat pembangkang yang kontraktif, yang mana baik kita puji kita setuju yang mana, yang tak betul kita akan tegur dan memberi cadangan-cadangan yang bernas, untuk kepentingan rakyat di Negeri Kedah, selari dengan titah ucapan Tuanku yang mahukan Dewan Yang Mulia ini dijadikan sebagai platform yang matang dan berhemah untuk kita sama-sama berbahas.

YB. Tuan Speaker, perkara pertama ialah mendepani cuaca panas yang melampau, isu cuaca panas melampau atau fenomena El-Nino di Kedah memerlukan pendekatan yang menyeluruh kerana ia memberi kesan langsung kepada sektor yang kritikal seperti pertanian dan bekalan air domestik, ini secara selaras dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mahukan semua pihak bersiap sedia menghadapi fenomena cuaca ekstrem ini.

Memandangkan Kedah adalah negeri jelapang padi, pengurusan air di bawah kendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda atau MADA dan juga JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia) dan juga Syarikat Air Darul Aman (SADA) adalah sangat kritikal. Jadi, kerajaan boleh melaksanakan jadual penggiliran air untuk sawah padi bagi memastikan pengagihan yang adil dan mengelakkan pembaziran di kawasan hilir. Selain melakukan pemantauan Empangan Pedu, Ahning Dan Empangan Muda secara berkala. Jadi, jika paras air dilihat kritikal, pembenihan awan boleh diselaraskan dengan kerjasama METMalaysia (Jabatan Meteorologi Malaysia) dan TUDM (Tentera Udara Diraja Malaysia).

Keduanya ialah menyiap sedia lori tangki dan pemasangan tangki statik di kawasan berisiko tinggi ataupun *hotspot* yang sering mengalami gangguan bekalan tekanan air rendah semasa musim kemarau merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Saranan dan titah Duli Yang Amat Mulia Tuanku pada muka surat 10 berikatan penambahbaikan plan mitigasi risiko bencana secara lebih serius perlu dilaksanakan. Oleh itu, bagi menyahut seruan itu saya mencadangkan pihak Jabatan Alam Sekitar boleh memainkan peranan dengan memperketatkan penguatkuasaan Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, kompaun dan tindakan mahkamah boleh diambil terhadap pihak yang melakukan pembakaran terbuka.

Kerajaan negeri bersama pihak Jabatan Kesihatan Negeri boleh memainkan peranan efektif dimana pihak tersebut perlu mengeluarkan garis panduan pencegahan strok haba terutama bagi kumpulan berisiko tinggi, seperti warga emas dan kanak-kanak. Pihak Kementerian Pendidikan mempunyai kuasa untuk menangguh aktiviti luar darjah seperti sukan dan kurikulum atau menutup sesi persekolahan jika suhu melebihi 37ºC selama 3 hari berturut-turut. Ini telah diimplementasi pada beberapa buah sekolah dengan menggalakkan pembelajaran secara PdPR (Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah) baru ini saya memuji tindakan yang telah diambil oleh pihak pendidikan negeri. Begitu juga dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat yang boleh meningkatkan rondaan di kawasan tanah gambut dan tanah pelupusan sampah yang mudah terbakar seperti yang berlaku di Daerah Kulim.

Memandangkan cuaca yang ekstrem ini boleh menjejaskan hasil tuai dan pendapatan petani, saya mencadangkan kerajaan boleh menyediakan bantuan melalui tabung bencana tanaman padi bagi meringankan beban pesawah yang mengalami kerugian akibat tanaman yang rosak. Kerajaan boleh menyediakan bantuan pam air alternatif

ataupun yang mudah alih untuk pembinaan *tube well* di kawasan sawah yang berada di luar kawasan skim perairan utama. Mengambil faktor pemanasan global yang serius dan ketidaktentuan cuaca yang selalu yang berlaku sejak berapa tahun kebelakang ini kerajaan perlu mempercepatkan projek naik taraf Loji Rawatan Air (LRA) yang masih dalam pembinaan dan meningkatkan kapasiti kepada rizab air bagi menghadapi musim kemarau pada masa hadapan, tetapi saya difahamkan adalah berlaku di sebaliknya. Saya difahamkan LRA Bukit Selambau telah pun ditamatkan pembinaan oleh kerana tidak dapat disambung EOT (Extension of Time) yang keempat. Jadi, ini adalah agak menyedihkan kerana ia memberi kesan langsung kepada 15,000 akaun pengguna yang meliputi pengguna sekitar Sungai Petani, Sungai Lalang, Merbok dan Tanjung Dawai. Saranan saya adalah pihak kerajaan perlu melantik kontraktor ataupun kontraktor penyelamat yang lebih komited yang berwibawa bagi menyiapkan projek ini secepat mungkin bagi menjamin bekalan air di semua kawasan tersebut. Ini kita harap pihak kerajaan negeri dapat memilih dengan betul-betul, jangan dengar janji-janji sangat! janji-janji manis tu tak betul!

YB. Tuan Speaker ada sikit mengenai soal infrastruktur, ketidakseimbangan antara pertubuhan penduduk dan kapasiti infrastruktur. Isu bekalan air dan infrastruktur jalan raya merupakan tunjang utama dalam pembangunan kawasan perumahan baru terutamanya di negeri yang pesat membangun macam Kedah ni, MB (Menteri Besar) noh, macam Kedah ni pesat membangun ni, ketidakseimbangan antara pertambahan penduduk dan kapasiti infrastruktur yang sedia ada boleh menjejaskan kualiti hidup, serta nilai hartanah kawasan-kawasan tersebut. Cabaran dan langkah strategi yang perlu diambil perhatian adalah memastikan kestabilan bekalan air bersih, di mana pembangunan perumahan yang rancak memerlukan rancangan sumber air yang holistik bagi mengelakkan masalah tekanan air dan gangguan bekalan. Memandangkan Kedah sedang dalam fasa menaik taraf berapa loji air, air utama penjelasan antara pemaju dan Syarikat Air Darul Aman (SADA) adalah kritikal bagi memastikan permintaan domestik di kawasan taman perumahan baru. Benda-benda ini berlaku, kerap berlaku semasa bulan Ramadan haritu, dimana banyak kawasan-kawasan perumahan yang memerlukan air, kita pun tahu apabila Ramadan ni mesti ramai yang memerlukan air untuk memasak dan sebagainya jadi keperluan juga meningkat apabila penduduk-penduduk di luar balik ke kawasan Kedah ni jadi penggunaannya semakin meningkat jadi ini memerlukan perhatian daripada pihak yang berkaitan untuk penambahbaikan dalam menghadapi musim-musim kemarau dan musim perayaan. Begitu juga dengan jalan raya yang sempurna bukan setakat untuk akses, tetapi juga melibatkan aspek keselamatan dan penyuraian trafik. Jalan masuk ke kawasan-kawasan bandar dan kawasan perumahan harus mematuhi *standard* piawaian dan menampung peningkatan jumlah kenderaan termasuk menyediakan bahu jalan yang selamat untuk berjalan kaki, malahan jalan rosak di Kedah dan sistem pengairan tersumbat yang tidak cekap menjadikan masalah ini perlu ditangani oleh pihak berkuasa tempatan.

Sistem perparitan di kawasan taman perumahan baharu, sambungan saliran juga perlu memberi perhatian bagi mengelakkan banjir kilat dan kerosakan struktur jalan. Apabila kedua-dua aspek ni diuruskan dengan baik, *impact* positifnya akan dirasai secara langsung oleh komuniti.

Infrastruktur jalan yang baik juga mengurangkan tempoh perjalanan yang jauh dan juga tekanan trafik sekaligus memberi lebih masa yang berkualiti untuk keluarga. Kawasan perumahan yang mempunyai fasiliti lengkap akan menarik pelabur perniagaan tempatan, meningkatkan nilai pasaran rumah dan merancakkan ekonomi setempat.

Kesimpulannya, penyelarasan yang lebih ketat antara pihak berkuasa tempatan, JKR (Jabatan Kerja Raya), dan syarikat utiliti amat diperlukan sebelum sesuatu projek perumahan dilakukan.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak SUK (Setiausaha Kerajaan), terutamanya bahagian perumahan yang telah berjaya memperbaiki sistem paip air di projek Flat Paya Nahu yang sebelum ini berlaku pembocoran yang teruk dan telah diperbaiki sepenuhnya walaupun beberapa masalah sikit lagi sedang dihadapi. Selain pada itu, saya memohon juga pihak SUK untuk memperbaiki sistem perparitan, buat masa sekarang sistem perparitan sangat teruk dan air melimpah-limpah merata-rata air tak mengalir. Jadi kita bimbang akan berlaku penyakit berjangkit dan juga pembiakan nyamuk aedes di kawasan tersebut. Jadi, ini saya memerlukan pertolongan dari pihak SUK, terima kasih.

Ketiga ialah mengenai ketegangan geopolitik. Isu kenaikan harga bahan api global akibat ketegangan geopolitik antara Iran, Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya merupakan cabaran besar yang memberi kesan rantaian kepada ekonomi setempat. Walaupun dasar petroleum dan subsidi bahan api berada di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan, kerajaan negeri juga mempunyai peranan strategik untuk memitigasi impak tersebut terhadap rakyat. Ini selaras dengan saraan dan titah Tuanku yang mahukan semua pihak bersiap siaga dalam menghadapi setiap tindakan bagi mendepani ketidaktentuan geopolitik terkini. Kenaikan harga minyak biasanya diikuti dengan kenaikan kos input pertanian dan logistik makanan. Oleh itu, kerajaan pusat melalui Kementerian Kewangan telah merangka pelan strategik subsidi diesel untuk membantu golongan petani dan juga pengusaha jentera pertanian yang terkesan. Hat ni kita tunggu ja sabar sikit nuh. Tak lama dah, tak lama dah.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi YB., 5 minit.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sabar, sabar. Sabar tu separuh dari iman orang kata (ketawa kecil). Pihak kerajaan negeri boleh memainkan peranan dalam memperkukuhkan… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau bangun YB., nak bagi?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh, boleh, boleh.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Terima kasih sahabat saya YB. Sidam, sempadan dengan Bukit Selambau. Duduk pun di belakang dia, maka jiran sungguh kami ni. Berkaitan dengan apa yang disebut harga minyak diesel, disebut bantuan sabar ni memang sabar la, tapi hat duk mintak pun tak dapat lagi. Kita minta supaya YB. Sidam kemukakan kepada YAB Perdana Menteri (Perdana Menteri Ke-10) bagi petani-petani yang sudah pun menggunakan jentera tuai dan juga mesin traktor yang belum lagi mendapat subsidi daripada kerajaan. Birokrasi dalam mendapatkan minyak tersebut cukup susah. Jadi, nak taruh banyak tak boleh, salah dari sudut peraturan, nak beli pulak terlalu mahal. Apakah YB. Sidam bersetuju dengan saya? Sabar ni ada had dia.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Sidam.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Berikan laluan, YB. Sidam. YB. Sidam.

YB. TUAN SPEAKER

4 minit lagi.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baik, terima kasih. Ada lagi?

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Ada.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi laluan dia**.** Dipersilakan YB. Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

YB. Tuan Speaker, terima kasih atas selang yang diberikan. Ni saya nak tanya pandangan YB. Sidam la, pasal dulu sewaktu YAB Perdana Menteri (Perdana Menteri Ke-10) menjadi Ketua Pembangkang, minyak naik lima sen pun dah penuh Dataran Merdeka, berguling-guling apa semua. Jadi, setuju atau tidak saya katakan kepada YB. Sidam, kalau untuk pilihanraya yang akan datang, YAB Perdana Menteri (Perdana Menteri Ke-10) ni kena bertukar kepada kerusi Ketua Pembangkang. Barulah relevan kepada keadaan sekarang dan kerajaan yang memimpin tak berani nak naik harga pulak. Setuju tak YB. Sidam?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Takdak dah noh. Terima kasih YB. Bukit Selambau dan juga YB. Lunas. Kita semua berjiran ni, berjiran. Okey berkenaan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh YB. Bukit Selambau tadi, kita tunggu lah, kita tunggu. Sekarang sedang dikuatkuasakan atau sedang dalam perancangan. Benda-benda ni macam YB. Kubang Rotan kata tadi lah bukannya tanam taugeh, sekejap, tak boleh.

Jadi kita perlukan penyelidikan dan sebagainya. Jadi, kita rasa benda ni akan diumumkan beberapa masa yang akan datang. Tak lama dah, tak lama dah. Sabar, sikit lagi ja sabar. Kemudian berkenaan dengan saudara YB. Lunas.

YB. TUAN SPEAKER

Okay silakan, 3 minit lagi.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Tambah tadi boleh tambah sikit. Depa kacau. Berkenaan YB. Lunas kata tadi, ini sebenarnya dulu harga dia macam lain, harga sekarang macam lain. Dulu tidak ada peperangan dan tidak ada masalah geopolitik di kawasan tu. Jadi, harga dia lain, sekarang harga dia lain. Dulu, jadi harga lain la dulu kan, boleh faham kot noh. Dia pun dulu belah nu juga. Sampai mana tah tadi, lupa dah. Okey, saya sambung. Berkenaan dengan bantuan, kerajaan negeri boleh memberi bantuan tambahan atau subsidi silang bagi baja, racun melalui agensi negeri yang mengimbangi kenaikan kos pengangkutan yang ditanggung oleh petani. Selain itu, boleh juga menganjurkan program jalan terus daripada petani-petani, maksud dia bukan padi lah. Mungkin daripada pertanian-pertanian lain yang mana kerajaan negeri boleh membantu memendekkan rangkaian bekalan dan mengurangkan harga kepada pengguna. Kerajaan negeri juga boleh menyalurkan bantuan terus melalui geran pembangunan masyarakat atau daripada dana zakat. Manakala bagi melancarkan sektor pengangkutan, kerajaan negeri boleh meningkatkan kecekapan bas seperti bas henti-henti di kawasan bandar bagi mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan. Pihak kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di peringkat negeri bagi memantau harga barang-barang kawalan di kawasan bandar awam dan mengelakkan peniaga menaikkan harga secara tidak munasabah dalam atas alasan kenaikan harga minyak. Nak cepat dah ni. Tambah sikit, 5 minit. Secara keseluruhannya, pendekatan kerajaan negeri bersifat proaktif dan inklusif dengan menggabungkan bantuan jangka pendek dan strategi kelestarian jangka masa panjang. Matlamat utama adalah untuk meminimumkan kesan terhadap kualiti hidup rakyat sambil memastikan kestabilan ekonomi negeri terus terpelihara di tengah-tengah ketidaktentuan politik dunia.

Seterusnya, mengenai inisiatif kerajaan pusat dalam pembangunan Negeri Kedah. Saranan dan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan hubungan antara negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak dapat dilihat secara terpisah. Sebaliknya perlu berasaskan semangat kerjasama yang adil dan saling melengkapi antara satu sama lain amat saya persetujui. Sokongan Kerajaan Persekutuan terhadap pembangunan Negeri Kedah dapat dilihat melalui peningkatan peruntukan yang signifikan dan kelulusan pelbagai projek infrastruktur strategik pada tahun 2025 dan 2026. Antara sokongan utama pembangunan yang sedang dilaksanakan adalah seperti peningkatan bajet di mana peruntukan keseluruhan untuk Kedah telah meningkat kepada RM9.6 bilion merangkumi pengurusan, pembangunan, pemberian khas berbanding RM7.1 bilion pada tahun 2021. Selain itu, sebanyak RM4.38 bilion juga telah diluluskan bagi projek-projek di bawah Plan Pusingan 1 Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang bermula pada tahun 2026 ini. Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sungai Karangan di Kulim bernilai RM496 juta telah diluluskan untuk menjamin simpanan air mentah. Sistem pembentungan iaitu Projek Loji Rawatan

Kumbahan Serantau (RSTP) Kota Setar bernilai RM328 juta telah siap memberi manfaat pada kira-kira 100,000 penduduk di kawasan tersebut. Bagi pertumbuhan ekonomi dan industri pula, Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) di Bukit Kayu Hitam dengan nilai pelaburan RM2.7 bilion dirancang untuk menjadikan hub ekonomi digital ASEAN yang moden. Penyediaan kawasan industri baharu bagi menarik pelaburan asing mewujudkan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan seperti Kedah Rubber City (KRC) telah mendapat kelulusan sebagai zon industrial khas dan menerima sokongan padu melalui peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan Ke-12.

Pembangunan Kulim Hi-Tech Park (KHTP) Fasa 5 merupakan projek strategik yang telah mendapat perhatian dan kelulusan penting daripada Kerajaan Persekutuan bagi menyokong pertumbuhan industri teknologi tinggi di Malaysia. Jadi, setakat tahun 2025, pihak pemaju KXP (Kulim International Airport) Airport dikehendaki memberi maklumat tambahan yang diperintah oleh kementerian bagi memenuhi kriteria perancangan lapangan terbang nasional. Ini menandakan komitmen kerajaan pusat bagi meneruskan projek ini ke fasa seterusnya, jika kriteria yang diperlukan dipenuhi oleh pihak pemaju. Kerajaan pusat juga meneruskan beberapa projek kritikal untuk menangani bencana alam seperti RTB (Rancangan Tebatan Banjir) Sungai Temin, Sungai Bata di Kubang Pasu dengan kos sebanyak RM290 juta. Seterusnya, projek kawalan hakisan pantai melibatkan kawasan kritikal di Sungai Kampung Sungai Pial hingga ke Kampung Tanjung Dawai turut diambil berat merangkumi pembinaan tembok bernilai RM22.2 juta dan banyak lagi ni kalau nak sebut, banyak lagi. 2 minit, 2 minit, nak *landing*.

Kesimpulannya, pembangunan Negeri Kedah adalah hasil strategi antara perancangan strategik kerajaan pusat dan pelaksanaan di peringkat kerajaan negeri. Fokus yang diberikan tidak hanya bersifat urban, malahan menyentuh akar umbi melalui pemerkasaan infrastruktur di luar bandar demi kesejahteraan rakyat Negeri Kedah.

Sebelum mengakhiri ucapan, nak habis dah kot, habis dah noh, takpa 1 minit. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya mohon kerajaan negeri Kedah, mohon ni, untuk turut menyambut kerjasama daripada kerajaan pusat seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan di mana pendekatan diplomasi pentadbiran ini bukan sahaja menguntungkan kerajaan negeri, malahan memberi impak besar yang dirasai di peringkat akar umbi. Jadi, kita contohi Negeri Kelantan yang berbaik-baik dengan YAB Perdana Menteri (Perdana Menteri Ke-10) dan dapat peruntukan-peruntukan lebih (ketawa). Jadi, mungkin di sana berlainan. Dia tak hantam-hantam la noh, kita pasal hantam-hantam juga, biar kita pulun cukup la. Kita kerajaan, MB (Menteri Besar), dan juga EXCO-EXCO ini lihat lebih tumpu kepada kerjasama untuk pembangunan negeri. Maka, kami pun mahukan negeri ini membangun dengan baik dengan elok. Jadi, kita harapkan kerjasama yang erat dapat dilakukan dan Negeri

Kedah akan dapat lebih manfaatnya. Yang penting, rakyat Kedah dapat menikmati pembangunan hasil dari kerjasama ini kelak. Jadi, sebagai penutup, saya menjunjung kasih dan menyokong penuh titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah kemarin. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sidam. Dan seterusnya, dipersilakan YB. Ayer Hitam. 20 minit ya.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim, alhamdulillahirabbil alamin washolatu wassalamu ‘ala asrofil anbiya iwal mursalin wa’ala alihi wasohbihi aj ma’in. Rabbisyrahli sadri, wa yassir li amri, wahlul 'uqdatam mil lisani, yafqahu qawli. Subhanaka la ‘ilma ‘allamtana innaka antal alimul hakim. La hawla wala quwwata illa billah ilaliyyil azim. Amma ba'du. YB. Tuan Speaker, YAB. Dato’ Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha, Yang Berbahagia ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan, Yang Dihormati pegawai-pegawai Dewan, seterusnya yang dikasihi para pemerhati yang berada di dalam dewan atau yang berada di luar dewan, yang mengikuti siaran kita secara atas talian. Terima kasih YB. Tuan Speaker atas laluan yang diberikan kepada saya, untuk turut mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena dengan perasmian pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Kedah Darul Aman yang Ke-15. Saya suka mulakan ucapan saya dengan di pihak Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kerajaan merakamkan sekalung tahniah kepada Yang Berhormat Dato’ Dr. Nadzman bin Mustaffa atas pelantikan sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baharu, dan kepada Yang Berusaha Dato’ Muhamad Mahazi bin Haji Ibrahim sebagai Timbalan Setiausaha kerajaan negeri (Pengurusan) yang baharu. Semoga pelantikan kedua-dua tokoh ini akan memberi ruang yang besar kepada pemantapan pentadbiran kerajaan negeri dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan yang semakin mencabar. Kami berasa yakin kemahiran dan pengalaman yang banyak dan pelbagai yang ada pada kedua-dua tokoh ini akan menjadi resepi yang utuh dan tuntas dalam melaksanakan perancangan berkait dengan kewangan dan pengurusan. Seterusnya dalam membantu pasukan kerajaan negeri yang diterajui oleh YAB. Dato’ Seri Menteri Besar untuk merealisasikan Pelan Perancangan Kedah 2035 dan wawasan The Greater Kedah yang telah disusun sejak 5 tahun yang lalu. Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan agar tindakan semakan dan penambahbaikan dalam perkhidmatan awam dapat dilaksanakan secara menyeluruh

di semua peringkat jabatan dan agensi perlu disambut dengan tindakan yang tersusun dan proaktif oleh kepimpinan kanan kerajaan negeri yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan dasar. Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga agar dasar dan peraturan yang sedia ada perlu dinilai agar tidak menyusahkan rakyat adalah suatu gesaan yang selari dengan perkembangan semasa dunia semasa hari ini. Yang menuntut penyediaan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang cekap, pantas dan mencapai matlamat.

Oleh itu, tindak ikut perlu diusahakan bagi menyemak atau menilai proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan awam agar karenah birokrasi, prosedur dan undang-undang yang lapuk dan tidak relevan dengan suasana semasa agar mutu perkhidmatan awam meningkat semasa ke semasa. Saya yakin pelantikan kedua-dua tokoh insya-Allah akan dapat menyantuni ataupun menyahut seruan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semalam. Bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri juga, saya ingin merakamkan terima kasih kepada mantan Yang Berhormat Dato' Wira Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin, mantan Pegawai Kewangan Negeri atas perkhidmatan yang cemerlang sepanjang beliau menjawat jawatan tersebut. Kami doakan semoga persaraan Yang Berbahagia Dato' Wira Syed Khairol Anuar akan diberkati oleh Allah SWT dengan kesihatan yang baik dan kebahagiaan yang berterusan berpanjangan di samping keluarga yang tercinta. Beliau meninggalkan satu tanda aras yang tinggi dan mencabar untuk dipenuhi oleh pengganti beliau. Iaitu rentetan kutipan hasil kerajaan negeri yang tertinggi sejak Allah ta'ala jadikan bumi ini iaitu sebanyak RM816 juta bagi tahun 2025.

Satu tanda aras yang semakin menepati hasrat kepimpinan YAB. Dato' Seri Menteri Besar yang mengunjurkan kutipan hasil kerajaan negeri mencapai RM1bilion menjelang 2028. Kami yakin angka itu akan berjaya dicapai jika segala perancangan ke arah itu berjalan mengikut jadual dan kerangka masa yang telah disusun termasuk melalui semakan kadar cukai tanah yang telah disempurnakan pada tahun 2025.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga bertitah agar prinsip federalisme hubungan antara kerajaan negeri dan Persekutuan perlu berasaskan kepada semangat kerjasama yang adil dan saling melengkapi. Oleh itu, isu semakan kadar cukai tanah ini, kami menyeru Putrajaya memahami hasrat Alor Setar yang telah mengemukakan dapatan semakan tersebut untuk diluluskan sesuai dengan kehendak dan peraturan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Hal ini penting agar segala perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri berjalan dengan lancar dan membawa manfaat yang maksimum kepada rakyat negeri dan negara ini keseluruhannya. Semua negeri termasuk Kedah perlu dilayan dengan seadilnya agar prinsip dan faedah federalisme dapat dirasai oleh semua rakyat Malaysia tanpa terpisah dan terpilih oleh sentimen dan fahaman politik yang sempit dan usang. Tadi YAB. Dato' Seri Menteri Besar, jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh YB.

Tokai jelaskan tentang kelewatan kelulusan kadar semakan cukai 2025 yang sepatutnya tidak menjadi isu sebenarnya, jika proses mengikut jalan yang sebenarnya. Pertimbang dekat MTN (Majlis Tanah Negara) luluskan untuk dilaksanakan pada pangkat tertinggi tapi secepat mungkin lah agar kekeliruan, kekhilafan pentadbiran tafsiran undang-undang mungkin, menyebabkan perkara itu tidak berlaku dan kesannya kepada kita lah. Jangkaan kita untuk mencapai RM1 bilion kutipan hasil negeri pada tahun 2028 agak terencat sedikit lah. Pun begitu, kita menaruh keyakinan yang besar kepada pihak kerajaan dipimpin oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar dan juga barisan EXCO termasuk penolong kanan kerajaan, supaya isu ni dapat diselesaikan segera dengan penuh berhemah dan menguntungkan kedua-dua pihak insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai warga Kubang Pasu, saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berusaha Dato' Muhamad Mahazi bin Haji Ibrahim atas nikmat cemerlang beliau sepanjang 3 tahun 4 bulan dan 5 hari sebagai Pegawai Daerah Kubang Pasu. Banyak jasa yang ditinggalkan oleh beliau dalam usaha memajukan bukit, lembah, pida dan kuala di seluruh Kubang Pasu. Bukit, lembah, pida dan kuala tu yang ada pun di Kubang Pasu, sepanjang tempoh itu. Dan yang terbesar ialah meninggalkan satu pelan pembangunan, Pelan Pembangunan Kubang Pasu 2035, yang diilhamkan daripada Pelan Pembangunan Kedah 2035 bagi peringkat daerah untuk diteruskan oleh pentadbiran baharu insya-Allah. Tahniah Puan Amirah Khairiah binti Abdul Latip, Pegawai Daerah yang baharu. *Welcome to* Kubang Pasu, dan selamat berkhidmat dengan sepenuh jiwa dan raga.

Insya-Allah kita akan berganding bahu bagi memastikan pelan yang dirangka itu tidak tinggal kat kertas semata-mata sahaja, sebaliknya diterjemahkan di lapangan sepertimana yang telah disusun insya-Allah. Dua hari lepas saya berjumpa dengan Yang Berusaha Puan Amirah dalam satu pesta antarabangsa di Ayer Hitam, Jerlun. Pesta Bendang Antarabangsa @Matang Kenanga, hebat yang sebahagian besarnya disokong oleh mantan Pegawai Daerah dan Puan Amirah pun dah belajar makan pinang nak tiru mantan Yang Berusaha DO yang lama lah. DO lama ni makan pinang, dia naik motor, "kayuh gerek", "rabat bukit" tu dia punya legasi dia tinggal Puan Amirah dulu ni. Okey tak banyak pun sikit daripada apa yang telah dilakukan oleh daerah dari segi tu untuk kita sama-sama bangunkan Kubang Pasu insya-Allah khususnya di Jerlun dan Ayer Hitam.

YB. Tuan Speaker, dunia sedang berhadapan dengan kesan perang Amerika Israel dengan Iran. Walaupun kita berjarak fizikal beribu-ribu batu, beribu-ribu puluh meter jauhnya dengan medan perang di Asia Barat itu. Namun kesan buruknya kepada kita termasuk di Kedah sudah mula terasa, terutamanya dalam sektor ekonomi dan pertanian. Harga minyak terutamanya diesel yang gila melonjak, setiap minggu lapan kupang naik sudah dan akan terus terjadi. Diramalkan begitu. Dan kita semua faham

peningkatan harga diesel sudah pasti sedang dan akan diikuti dengan peningkatan rantaian harga barang dan perkhidmatan yang sudah pasti akan meninggal kesan yang buruk kepada kehidupan rakyat di segenap lapisan. Rata-rata di seluruh Negeri Kedah ni, khususnya di kawasan penanaman padi sama ada dalam atau luar kawasan MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda), para pesawah sudah mula menghitung kenaikan kos pengeluaran input terutamanya upah membajak dan menuai, guna pam air, sebagainya untuk musim yang akan datang. Sudah ada kedengaran suara petani yang menyeru kepada penangguhan penanaman padi untuk musim akan datang, termasuk di Langkawi. Dan mereka rasa perlu buat begitu untuk mengurangkan ataupun keluar daripada kerugian yang pasti ditanggung jika kos pengeluaran terus meningkat semasa ke semasa. Jika benarlah para pesawah menangguhkan penanaman padi untuk musim ini, kita menjangkakan hal ini akan menyebabkan keterjaminan makanan asas negara iaitu beras atau nasi, akan terjejas. Walaupun Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa stok beras kita masih ada cukup tahun ni, namun tiada jaminan stok itu akan berkekalan untuk jangka masa yang panjang. Jika penghasilan padi kita merosot disebabkan kos pengeluaran yang meningkat dengan ketara dan ketidaktentuan pasaran beras antarabangsa akibat perang yang belum ada tanda jelas akan berhenti pada masa yang terdekat.

YB. TUAN SPEAKER

Langkawi pun tangguh buat bendang YB.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Ha itulah dilaporkan media. Tak taulah jadi tak jadi sebab kos yang tinggi yang memberi kesan yang besar. Ada satu kajian yang dibuat oleh pihak NGO (Non-Governmental Organization), sektor pertanian padi di negara kita ni berada di tahap yang belum kukuh. Pengeluaran padi negara pada tahun 2023 direkodkan sekitar 2.175 tan metrik menurun berbanding 2.282 tan metrik pada tahun 2022. Ada penurunan. Pada masa yang sama purata hasil padi negara kekal sekitar 3.5 hingga 3.9 tan sehektar. Sebenarnya kawasan jelapang berpotensi menghasilkan antara 5 hingga 7 tan padi sehektar sekiranya pesawah memperoleh sokongan yang mencukupi, ekosistem yang lebih adil serta kos input kos pengeluaran yang munasabah. Realiti di peringkat sawah jauh lebih menekan daripada yang sering digambarkan. Kos mengusahakan sawah kini dilaporkan, ni kajian na, mencecah sekitar RM5,500 sehektar daripada benih sampai mengerat. Ini meletakkan kos pengeluaran padi sekitar RM1,500 setan, kos pengeluaran tu ikut nilai ringgit nilai tan tu RM1,500 setan. Dengan harga lantai padi RM1,500 setan bermaksud petani buat tu tak ada untung apa-apa. Dulu-dulu kata “cenkalio” takdak pa, takdak pa. Cuma boleh sikit nikmati sebab ada subsidi padi RM500 tu setan untuk 6 bulan dan 2, 3 lagi subsidi yang tak berapa pun. Dengan kata lain, petani ni membanting tulang siang

malam hanya untuk menyediakan padi beras untuk rakyat, untuk Malaysia, untuk negara ini. Untuk mereka sendiri, seadanya cukup-cukup makan sahaja.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi YB.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Itulah pengorbanan yang telah dilakukan oleh petani sejak sekalian lama, bukan baru, sekalian lama di Kedah ni bahkan di seluruh negeri di Malaysia ini. Sebab tu lah kita menyokong penuh titah Kebawah Duli Yang Maha Tuanku supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan pengorbanan yang dilakukan oleh petani termasuk negeri sendiri yang peruntukkan 220,000 hektar kurang lebih tanah digazetkan sebagai kawasan pengeluaran padi dengan mempertimbangkan kepada tuntutan pampasan yang kita kemukakan sejak sekian lama berapa tahun lepas sebanyak RM200 juta kepada Kerajaan Persekutuan diberikan. Supaya kita boleh gunalah duit itu untuk membantu sebanyak petani kita di luar sana untuk mereka menikmati sedikit sebanyak hasil daripada kerajaan negeri melalui Kerajaan Persekutuan untuk menampung keperluan kehidupan mereka pada sehari-hari.

Walaupun Plan Malaysia ada buat cadangan kiraan pampasan sebanyak RM41 juta keperluan Malaysia menggunakan kaedah tertentu tapi kita yakin dan percaya jika kaedah itu dilihat semula, dinilai semula angka RM200 juta bukan salah satu perkara yang besar. Sebenarnya tanah kita yang 220,000 hektar tu jika di *convert* kepada tanah komersial cukainya lebih RM1.7bilion setahun. Apa yang kita minta tu sekitar 10 peratus atau 12 peratus daripada nilai cukai jika *convert* kita tukarkan atau kita pindahkan tanah sawah tanah bendang kepada tanah komersial. Kita suka nak mencadangkan pada kerajaan pusat supaya kerajaan memberi perhatian serius kepada isu petani ini. Pertamanya dengan menyemak serta menyelaras harga asas padi harga lantai padi secara peringkat yang munasabah agak benar-benar selari dengan kos sebenar keluaran semasa. Ini bukan tentang kelebihan untung, tidak, tetapi satu keperluan minimum bagi menjamin kelangsungan hidup pesawah serta memastikan mereka terus mempunyai insentif untuk menanam padi. Kedua, Kerajaan Persekutuan mesti memperkukuh bantuan bersasar kepada pesawah kecil khususnya dalam bentuk subsidi input pertanian, bantuan diesel pertanian, sokongan mekanisasi penyelenggaraan infrastruktur sawah, parit gila sebagainya dan insentif pengeluaran yang benar-benar sampai kepada kumpulan sasaran. Pesawah kecil tidak boleh terus dibiarkan menanggung kesan dasar fiskal secara bersendirian sedangkan mereka lah benteng utama dalam menjamin bekalan makanan negara. Ketiga, reformasi menyeluruh terhadap tadbir urus rantaian nilai padi dan beras mestilah dilaksanakan segera. Manfaat daripada sebarang bantuan subsidi atau pelarasan harga tidak boleh

terus bocor di peringkat orang tengah, tak boleh, pengilang atau pihak tentu yang mengaut laba berlebihan sedangkan pesawah terus berada dalam keadaan yang tertekan. Sudahlah mereka ada tanah tak banyak tanah pusaka 4, 5 relung, 2, 3 relung, keadaan yang begini menekankan mereka. Serta padi dan beras memerlukan sistem yang lebih telus, cekap dan adil dengan keutamaan diberikan kepada pengeluar sebenar di peringkat bawah sana. Kerajaan boleh dan mesti melaksanakan dasar yang seimbang iaitu membela pesawah melalui pulangan yang adil sambil melindungi pengguna berpendapatan rendah menerusi subsidi bersasar dan mekanisme kawalan harga yang berkesan. Sebab tu kita terus berharap Kerajaan Persekutuan memberi perhatian kepada perkara ini nasib kita terutamanya pesawah-pesawah padi dan negeri ini sendiri terbela sebagai rakyat, sebagai negeri yang memberi pengorbanan yang besar kepada bekalan makanan asas negara iaitu padi ataupun beras ataupun nasi. YB. Tuan Speaker… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam, masa sebenar telah pun tamat. Jadi sekarang YB. bermain dalam masa kecemasan, kecederaan. Jadi tolong buat penggulungan.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Ya, terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya pun nak gulung dah, nak *landing* dah, insya-Allah. Sikit lagi lah tentang apa ini, tentang kawasan lah sikit. Tadi YB. Sidam sebut tentang peranan Kerajaan Persekutuan dah bagi banyak kepada kerajaan pusat, kerajaan negeri ni. Sekitar RM 9 bilion sejak tahun lepas berbanding tahun-tahun sebelum itu. Itu pemberian yang termaktub dalam perjanjian di antara persekutuan dengan negeri pada semua, bukan bagi saya saja sebab ada undang-undang begitu, peraturan begitu yang mesti ditunaikan pihak persekutuan. Terima kasih, terima kasih kita harap itulah seterusnya untuk perkara-perkara yang lain pun. Dan YB. Tuan Speaker, YB. Sidam pun terima kasih kepada kerajaan negeri atas khidmat ataupun penyediaan perkhidmatan yang baik. Walaupun sedikit-sebanyak ada tegur tentang LRA (Loji Rawatan Air), tentang INFRA (Institut Kemajuan Desa) jalan. Saya yakin jalan-jalan di Kedah ni, jalan negeri, jalan kampung. Alhamdulillah, sepanjang yang kita nampaklah, elok. Diselenggara dengan elok. Rata-rata kita pi jalan baru, lubang sikit kita habaq kat dia, JKR (Jabatan Kerja Raya), insya-Allah akan segera ditampung ataupun dibaiki. Cuma yang masalah ni, termasuk di kawasan saya ni masalah jalan ladang, Jalan Pida. Jalan yang di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), persekutuan sebenarnya. Jalan yang, ya lah, memang taraf dia pun taraf ladang yang *standard* dia *standard* kasaran ja lah. Ialah itu walaupun jalan ladang sekarang ni diguna bersama dengan orang kampung. Orang kampung sekarang pun walaupun tertekan hidupnya, ada kenderaan bukannya kereta sebiji dua di rumah. Terpaksa menggunakan jalan kampung untuk jalan ladang untuk urusan dengan luar.

Jalan ladang ni selalu rosak, walaupun dulu masa di bawah Perdana Menteri kita yang ke-5, Almarhum Tun Abdullah Ahmad Badawi semasa NCIA (The Northern Corridor Implementation Authority), NCER (Northern Corridor Economic Region) ada memberi peruntukan untuk menurap jalan-jalan ladang ni. Untuk nak *boost*, untuk menggalakkan ekonomi. Tetapi dia bersifat *one off*, setelah diturap, dibiarkan ataupun tidak diselenggara oleh pusat diletakkan bawah MADA (Muda Agricultural Development Authority). Bila rosak, MADA akan tampung dengan batu. Cuma bila kita bangkitkan perkara ini berulang kali dalam tahun 2021, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bersetuju untuk mengguna sedikit peruntukan MARRIS (Malaysia Road Record Information System) untuk menampung ataupun buat semula jalan-jalan ladang ni. Terima kasih lah, terima kasih banyak lagi.

Cuma saya terangkan ini ialah kita ambillah pengalaman yang dibuat oleh RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah). RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah) agensi kerajaan jugak yang sudah mula membina jalan ladang menggunakan konkrit, sudah ada. Konkrit ni dia lebih tahan. MADA (Muda Agricultural Development Authority) pun pernah buat satu percubaan, di Ayer Hitam dahulu. Sekitar tahun 80-an, hujung 40-an, sepanjang lebih kurang 1km jalan di konkrit. Sampai sekarang jalan tak elok, tak rosak apa, Alhamdulillah, tak rosak apa. Walaupun dilanda oleh mesin menuai padi, lori sebagainya, dia tahan.

Saya suka mencadangkanlah di sini, pihak MADA (Muda Agricultural Development Authority), pihak JPP (Jabatan Perkhidmatan Pembetungan) pun, pengguna persekutuan dan sebagainya, yang ada lebih keupayaan kewangan untuk memikir untuk kita nak jadikan jalan-jalan ladang ni khususnya jalan yang guna sama di antara orang kampung dengan peladang, pesawah supaya dinaik taraf menjadi jalan konkrit yang tahan lama, yang tidak memberi gangguan kepada penduduk atau rakyat di kawasan sana untuk menggunakannya pada setiap hari. Sekarang dua, tiga jalan di kawasan Ayer Hitam agak teruk. Tapi, Alhamdulillah, kita dah mula baiki sedikit sebanyak. Terima kasih kepada pihak kerajaan negeri memberi peruntukan MARRIS (Malaysia Road Record Information System). Cuma itulah, kalau boleh kita tingkatkan lagi, baikkan ataupun jalan-jalan ini diberi perhatian yang besar khusus oleh pihak Kerajaan Persekutuan, sebab kosnya yang tinggi untuk menyediakan kemudahan jalan yang baik kepada rakyat untuk dinikmati. Pengerusi, saya pun dah terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama kepada Ayer Hitam sepanjang 8 tahun ini untuk memajukan Ayer Hitam dan terima kasih kepada semua. Dengan ucapan menyokong usul dan kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan diatas titah ucapan perasmian pada sidang kita semalam. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Ayer Hitam. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya nak mengingatkan bahawa kepada pembahas seterusnya. Masa yang diberikan ialah sebanyak 10 minit. Jadi YB. cuba pastikan bahawa cuma perkara-perkara penting yang dapat YB. cakap. Dan saya juga suka nak mengingatkan bahawa kehebatan YB.-YB. sekalian akan dinilai juga daripada segi ketepatan waktu, bukan sahaja kepetahan YB untuk berucap tetapi kepatuhan ataupun pada waktu yang tetapkan juga diambil kira oleh rakyat yang menuntut. Jadi minta YB sekalian tolong bagi perhatian dan untuk seterusnya, saya menjemput YB. Kota Siputeh dan masa yang diberikan cuma 10 minit. Dipersilakan.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih YB. Tuan Speaker. Yang dikasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah, barisan EXCO dan ADUN Kedah Sejahtera yang dirahmati Allah SWT sekalian. Sebegitu buat para pendiri Kedah dalam kalangan penjawat awam negeri mahupun persekutuan yang dihormati dan dikasihi sekalian, Assalamualaikum dan Salam Kedah Sejahtera. Saya ingin mengambil kesempatan titah perbahasan Diraja ini untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Dalam pada ingin mengucapkan juga setinggi penghargaan kepada mantan Pegawai Daerah Kubang Pasu, Dato' Muhamad Mahazi atas khidmat bakti beliau selama bersama dengan kami dalam Daerah Kubang Pasu ini sendiri. Terima kasih atas bakti beliau. Sebegitu saya juga nak ambil kesempatan untuk merakamkan salam takziah kepada seluruh keluarga besar Majlis Perbandaran Kubang Pasu atas kepergian Yang Dipertua yang sebelum ini iaitu Tuan Badrulhisham Sulaiman. Salam takziah buat seluruh keluarga dan juga keluarga besar. Dalam pada itu, saya juga ingin mengalu-alukan selamat datang kepada DO baharu kami iaitu Puan Amirah dan juga YDP Kubang Pasu, Tuan Junaidi untuk bersama-sama kita gembeling tenaga dalam memajukan Kubang Pasu dan khususnya kami, di Kota Siputeh.

Bercakap tentang pembangunan, saya kali ini nak orang kata, ambil peluang berhujah sebab banyak juga saya sentuh selama ni berkenaan dengan padi dan sebagainya. Masih akan bercakap juga tentang perihal bendang kerana kawasan saya sendiri adalah merupakan kawasan yang antara terluas dalam Negeri Kedah ini dalam bab bendang, YB. Tuan Speaker. Tapi dalam pada itu, peluang nak ambil adalah untuk nak bicara tentang bab ketidaksamaan sosial. Ketidaksamaan sosial ini dalam aspek ketidaksamaan wilayah yang menjadi satu belenggu dan juga kerisauan. Saya buka balik buku saya zaman mengaji dulu, sains politik dulu. Kerana apa, ini adalah penting meninjau keberadaan di Kota Siputeh khususnya. Saya bercakap juga nak kaitkan dengan satu hasrat agenda pembangunan yang mana telah dirangka sebelum ini

melalui satu agenda iaitu *silver economy*, *silver economy* ataupun ekonomi untuk kelompok persaraan warga ataupun warga perak inilah. Yang mana telah pun dicadangkan pada 8 Ogos 2024, Bina Darulaman Berhad (BDB) dan rakan strategik mengumumkan hasrat membangunkan Aman Seterra Sanctuary di Kuala Temoyong, Langkawi. Dan sebenarnya, hasrat untuk membangunkan *silver town* ini adalah merupakan satu hasrat yang baik. Yang mana kerajaan negeri Kedah, kita kena ambil kesempatan ni dengan baik. Kerana kalau kita tinjau dalam aspek *medical tourism* terdahulu, kita tak mau cakap lagi tentang *silver economy* tu, kita cakap tentang *medical tourism* sebab dia agak terkait. Bila bercakap tentang *silver economy*, kelompok *retirement* dan juga warga emas ke atas ni, mereka ni bercakap tentang soal kesihatan, penjagaan kesihatan.

Tapi penjagaan kesihatan tersendiri dalam konteks *medical tourism* telah didahului negeri-negeri seperti Pulau Pinang, YB. Tuan Speaker. Di Pulau Pinang kalau kita tengok orang pi ada pakej bersama dengan hotel pi ke orang kata, hospital-hospital mereka untuk nak proses kesihatan. Orang pi jadi satu pakej yang menyebabkan merangsang ekonomi dalam negeri tersebut. Tapi kita ni yang sebagai sebuah negeri antara *aging society* juga kan, dengan izin, di Kedah, Perlis, di belah utara ni. Tapi kita sayangnya kita tak ambil, tak berjaya *tap* agenda ini. Dan bila cadangan untuk mungkin termasuk, ya, dalam saya tengok termasuk dengan hasrat sekiranya kita nak melakukan *medical tourism* di Langkawi, itu adalah hasrat yang baik. Cumanya di Langkawi, minta maaf nah kalau orang kata ADUN-ADUN daripada Langkawi ini, cuma di Langkawi kita bercakap soal akses juga. Ini yang menjadi cabaran sebenarnya. Langkawi dah membangun pesat dan sebuah pulau yang cukup permata bagi Negara Malaysia ini, tapi daripada segi akses itu merupakan cabaran. Dan kerana itulah bila meninjau pula dalam aspek di Kota Siputeh, kami ni YB. Tuan Speaker dan juga para pendiri negeri, kami tak mau hanya di Kota Siputeh ini hanyalah penyumbang kepada hasil daripada segi pertanian, bendang dan juga menjadi nelayan semata-mata, kami tak mau. Sebab kami juga nak ada kelestarian ekonomi itu dalam aspek mungkin menyumbang daripada segi industri dan sebagainya.

Tapi kalau nak tunggu industri, saya selalu terima nasihat YB, apa ni, Dato' DO sebelum ini mantan Dato' DO yang selalu cakap kita guna mekanisme sedia ada. Ya dan atas aspek apa yang persekitaran yang sedia ada ini juga kita buat banyak program untuk nak mempromosikan kawasan. Tapi tak cukup kerana untuk memacu lagi ekonomi Negeri Kedah, dalam konteks *silver town* ini sendiri boleh jana sehingga RM20-RM30 juta tambahan pertambahan ekonomi untuk negeri. Maka sekiranya Kota Siputeh dengan keindahan alam sekitar dia, dengan suasana dia, dengan konsep seperti mana yang nak dicadangkan pihak BDB juga buat di Langkawi, tapi sekiranya dengan meninjau keberadaan Kota Siputeh, yang mana ada masjidnya yang indah. Kita dengan kerjasama MOSTI dan juga Yayasan Inovasi sekarang ni tengah

bersama-sama kita dah hantar pelajar bangunkan tenun, kita nak buat RDC di sana, kita dah ada batik. Jadi kita mampu bina kejiranan sebab kelompok-kelompok yang pesara ini dalam kelompok profesional barangkali, depa ni memang tak ada kampung.

Saya ambil contoh pada usia sama dengan sayalah, mereka ini contohnya duduk di Kuala Lumpur pada usia saya tapi mereka ni tak ada kampung. Dan sekarang ni dah jadi *trend* yang mana golongan-golongan, katalah dia menikah dengan orang Kedah, anak dia lepas tu bila mai raya depa sanggup untuk sewa *homestay* dekat Negeri Kedah ni, untuk apa dia, untuk nak rasa suasana kampung. Dan perkara ini yang kita nak ambil sebenarnya dan apabila hadirnya mereka ini ke dalam kawasan yang mampu menjadi *knowledge transfer*. Kota Siputeh ini kami ni cakap terus terang, keciciran tinggi. Walaupun dalam, kita kata dalam Kubang Pasu ni adalah merupakan 'pekan ilmu', tetapi keciciran di Kota Siputeh juga tetap tinggi.

Jadinya, bila adanya kelompok-kelompok baharu profesional yang mampu untuk nak menyumbang saran dalam kawasan, ianya akan menjadi satu aspek yang baik untuk Kota Siputeh daripada segi pembangunan. Sebab saya nak ambil sebelum saya nak melangkah nak masuk pasal bendang, ada dah berapa minit YB. Tuan Speaker? 5 minit ada boleh ah? Yang mana sebelum nak cerita pasal padi ini, saya nak sentuh, saya ambil contoh pada sidang yang lepas kenapa saya minta ETS untuk berhenti di Kota Siputeh. Kerana saya ambil contoh dekat sini, kita nak yang kita mengharapkanlah *spill over economy*, dengan izin. Limpahan ekonomi itu yang mampu bagi janaan kepada masyarakat setempat dengan adanya, kita boleh katakan perkembangan daripada segi F&B, kedai-kedai makan kat sekitar dan sebagainya. Ini orang turun ke Kota Siputeh untuk makluman semua, YB. Tuan Speaker dan juga semua Ahli Dewan, saya nak maklumkan bahawa bila kita turun kat KTM (Keretapi Tanah Melayu) Kodiang ni, ambil contoh *Grab* pun tak ada, *Grab* pun tak ada. Jadi apabila cakap pasal keciciran pula, keciciran bukanlah kita nak galakkan keciciran, tapi sekiranya berlakunya keciciran dalam kawasan dini hari, lazimnya orang-orang yang tercicir dalam pengajian depa akan *involve* ataupun dengan izin, masuk dalam cabang *gig economy*. Namun *gig economy* yang lazimnya dikaitkan juga dengan *E-hailing. E-hailing* sistem ni sendiri juga tak ada dekat dalam Kota Siputeh. Dan bukan tu saja, ekonomi yang saya selalu katakan kita ekonomi Kedah ni selalu mengalir ke negeri sebelah sana, satgi mengamuk pula jiran lagi sekali. Tapi memang akhirnya, apa yang kita nak bangunkan, apa yang kita nak dirikan untuk mempertahankan dalam konteks ekonomi tempatan kita, ekonomi negeri kita. Sebab tu banyak aspek lagi sebenarnya nak di hujah, kalau ikutkan banyak, kalau saya baca teks ni tak selesai.

Jadinya, saya nak sentuh pula berkenaan dengan bendang. Terkini baru-baru ni, ada disebutkan tentang cadangan untuk Tabur Terus Kering, YB. Tuan Speaker. Tabur Terus Kering kepada orang kata, Pak Tani-Pak Tani kita ni. Bukannya, sebenarnya,

setelah ditinjau bersama kita turun, kita dengar sendiri keluh-kesah Pak Tani dekat kawasan ni. Bukannya kita, saya dapati bahawa Pak Tani ni bukannya depa tak mau terima saranan, tapi depa dah penat. YB. Tuan Speaker, saya ambil contoh, Allah memang Allah uji kita iaitu dengan musim kemarau yang berlaku dan sebagainya. Air yang tak cukup. Ini juga termasuk berpunca daripada segi INFRA yang puluhan tahun tak ada perancangan yang strategik untuk nak membina ataupun mempertahankan hasil mahsul kita. Akhirnya, yang mana kita tengok waktu jadinya kering baru-baru ni. Orang nak mengerat padi, YB. Tuan Speaker, orang tinggai. Bayangkan kat Kodiang tu depa tu baru-baru ni depa banjir, contohnya dah sekali. Bila dah banjir dah sekali, depa tabur balik lagi sekali. Bila depa tanam balik lagi sekali, tiba-tiba mai nak mengerat tak lepas untuk nak kerat pasal apa, kering. Orang dah teriak ni, Pak Tani ni YB. Tuan Speaker, dah teriak dah tak larat. Mai-mai dengan ujian yang memang kita tak nafikan kita ada masalah daripada segi air ni. Tau-tau kerajaan dengan secara simplistiknya hanya mencadangkan untuk apa dia, untuk Tabur Terus Kering.

Ini sebenarnya ditolak. Bila kita tanya, kita tinjau pandangan para pesawah, Pak Tani kita, depa tak mampu sebab siapa nak tanggung risiko. Dan baru-baru musim hat lepas, tak mampu dah nak ambil hasil, banyak tempat pun tinggal. Kali ini, kalau Tabur Terus Kering dengan risiko jangkaan yang akan jadi padi anginnya, dengan rumput sambaunya, dengan masalah daripada segi perosaknya, serangganya. Apa yang nak jadi kesan kepada Pak Tani kita, pesawah kita? Saya nak kesahkan dekat sini, YB. Tuan Speaker, kita tau bila masa masalah dengan diesel yang naik ni. Kos daripada segi orang kata, tadi dia ada disebut oleh YB. Ayer Hitam juga, kos daripada segi untuk menjalankan bendang. Saya nak bacakan dekat sini ya, kalau kita boleh tengok dekat sini kos bagi menjalankan bendang. Allahuakbar, hilang pula. Sebentar ya, YB. Tuan Speaker. Okey, kos satu ekar, lebih sikit, satu ekar lebih kurang 1.4 relung, macam tu lah naa. Sewa tanah RM500. Kos racun anggaran RM600. Upah *rotor* tiga kali RM 480. Upah baja dan racun RM200 ke RM300. Potongan 25 peratus harga lantai RM 1,500. Andai kata satu ekar dapat dua tan, RM3,000. Upah tuai RM20 per guni. Satu tan, 12 guni, upah tuai dua tan jadi RM480. Jadi RM3,000 tolak RM500 tolak RM600 tolak RM480 tolak RM300 tolak RM480 semua tadi tu, keuntungan adalah RM640 per ekar, jika dapat dua tan per ekar dan 25 peratus potongan. Ni tak cerita pula nanti baja dengan lambatnya, kan. Pelbagai masalah yang timbul yang sebenarnya Pak Tani ni sekiranya kita tanggung, kita membiarkan Pak Tani ni Tabur Terus Kering, akan jadi sakit dekat Pak Tani ni. Tak untung dah.

Maka kerana itulah sebenarnya kita nak cadangkan dekat sini, YB. Tuan Speaker, ada cadangan. Kita minta beberapa *option* dekat sini, yang pertamanya adalah pihak kerajaan persekutuan mewujudkan 'Bantuan Kecemasan Kos Operasi Semusim' yang benar-benar bersandarkan realiti lapangan. Ya, kerajaan boleh umum bahawa depa naikkan insentif yang mana pernah diumum 11 Jun 2024 yang kita bawa dalam sidang DUN ni, YB. Tuan Speaker. Tapi dilaksanakan insentif membajak tersebut

hanya baru diberi pada musim yang lepas. Daripada 2024, bayangkan YB. Tuan Speaker, 2026 baru bagi. Tiga musim tak *backdated* langsung. Kemudiannya, insentif menuai sampai hari ini tak dapat-dapat. Yang dicanang juga kata RM50 per hektar. Jadinya, walaupun ada sejumlah *amount* ini pun masih tak mencukupi dengan kesan kenaikan dieselnya, dengan petrolnya, macam-macam. Jadinya, hari ini kita minta kerajaan juga untuk yang tadi saya katakan 'Bantuan Kecemasan Kos'. Bahasa lawak dekat sini, YB. Tuan Speaker, kalau kata payah sangat kerajaan nak cadang, boleh cadangkan Tabur Terus Kering ni, senang cerita KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) ambil bendang-bendang ni sewa buat musim ni, biar KPKM tolong buat bendang bagi Pak Tani-Pak Tani kita. Yang kedua adalah jika Tabur Terus Kering ini mahu diteruskan, maka Tabur Terus Kering ini mesti dilaksanakan sebagai pakej lengkap yang dibiayai kerajaan, sepertimana yang saya katakan tadi, kan. Tanggung, tanggung bagi diusahakan.

Dah kata nak buat estet, bagilah, bantu terus untuk dalam musim sukar ni memudahkan Pak Tani buat cara dia dengan ditanggung sepenuhnya sebab risiko cukup besar. Yang ketiga ialah melaksanakan titik kes secara bersasar mengikut zon, bukannya pukul rata. Ni main cakap saja dengan tak ada penjelasan. Kami tak tau, saya tak tau sebab kita nampak hanya pengumuman tu adalah secara umum kepada pesawah, Pak Tani dan Pak Tani susah hati. Jadinya, kalau boleh benda ni ada secara jelas dekat mana kawasan-kawasannya, kan. Jangan biar lepas tangan macam tu saja kepada Pak Tani. Yang seterusnya, adalah yang memperkukuh Skim Perlindungan Pendapatan melalui Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) dan Tabung Bencana Tanaman Padi yang mana, (TBTP). Yang perlu dilakukan sekarang ialah mempercepat jugak tuntutan, memudahkan pengesahan, dan memperkenalkan bayaran pendahuluan automatik untuk kawasan diarahkan menukar kaedah tanaman atau menangguh penanaman kerana krisis air. Dan yang ketujuh, eh *sorry*, maaf, dan yang seterusnya adalah menyediakan modal kerja semusim dan penjadualan semula hutang untuk pesawah serta pengusaha jentera. Belanjawan 2026 telah menyediakan pembiayaan Agrobank sebanyak RM 1.1 bilion untuk menyokong automasi dan mekanisasi.

Dalam keadaan sekarang, semangat yang sama perlu dibawa kepada pembiayaan jangka pendek yang lebih praktikal seperti moratorium, bayaran hingga selesai tuaian pembiayaan pusingan bagi kos kerja sawah dan kemudahan kredit cepat untuk operator jentera yang terkesan terus oleh kenaikan diesel. FAO (Food and Agriculture Organization) sendiri menekankan bahawa daya tahan pengurangan padi menuntut gabungan pengurusan air akses kredit insurans tanaman dan pengurusan risiko yang baik. YB. Tuan Speaker, dah nak *landing*, YB. Tuan Speaker. Cerita dia dekat sini sebenarnya negara-negara luar, India, Philippines, semuanya mereka ada pelbagai jenis bantuan tunai terus, depa tambahkan. Kerajaan kalau kata dalam musim sukar ni mungkinlah boleh kata, konon kata, berjimat itu ini, sebagainya. Buatlah unjuran

yang lebih realistik dan praktikal. Itu yang kita tuntut supaya tak dak lah membebankan Pak Tani. Terakhir YB. Tuan Speaker, yang nak *landing* betul ini, kan. Cerita pasal nelayan. Kami, tempat saya *last* sekali…

YB. TUAN SPEAKER

Jangan, jangan cerita panjang sangat nah.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Sikit ja, sikit ja, sikit ja, betui. Cerita pasal nelayan ni di Kota Siputeh, orang teriak pula cerita layan. Nelayan ni, saya nak tanyalah sebab ada dalam soalan saya juga yang memang akan dijawab oleh YB. EXCO, cuma saya nak cakap dekat sini bahawa kesedihannya. Adalah apabila nelayan zon B dan C ni mai masuk sampai ke zon A. Depa masuk zon A, depa karau habis pakai pukat apa semua benda, pukat tunda ni semua benda. Habis rosak ekosistem. Mai dekat nelayan kita nak guna, nak karau guna bubu naga, depa marah. Tapi apa bezanya guna pakai bubu pukat tunda ni nak dibanding dengan bubu naga? Baik bagi ja nelayan-nelayan kita pakai bubu naga, kan. Jadinya kita haraplah ketidakadilan ni untuk nak turun dan tinjau betul-betul keberadaan nelayan. Janganlah operasi rondaan ni hanya ikut jadual kerja pagi petang saja, hat malam ni, sebab yang tulah waktu nelayan yang zon A ni keluar, tapi hat malam ni kita biar. Maka daripada itu YB. Tuan Speaker, saya menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan menyokong titah Tuanku Sultan. Terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Okey, terima kasih kepada YB. Kota Siputeh. Seterusnya, saya menjemput YB. Pantai Merdeka. Dipersilakan.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Izinkan saya memetik titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, pada muka surat 5 untuk dibahaskan. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai rakyat berbilang agama dan kaum, keharmonian bukan sesuatu yang boleh dipandang remeh, sebaliknya perlu dipupuk dengan sikap saling hormat-menghormati dan memahami akan batas sensitiviti masing-masing. Yang Berhormat Tuan Speaker, solusi bagi sebut oleh Duli Yang Maha Mulia tu telah digariskan oleh Al-quran, cuma kita tak amalkannya. Secara ringkas sebab masa diberi 10 minit, yang pertama semua

kita perlu menerima kepelbagaian agama adalah sunnatullah. Sebagaimana Allah firmankan dalam Surah Al-Hujurat, pada ayat 13.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَـٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَـٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ١٣

Yang bermaksud: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya*.

Itu yang pertama. Kita perlu menerima kepelbagaian agama adalah sunnatullah. Yang kedua untuk mewujudkan perpaduan, prinsip keadilan untuk semua perlu ditegakkan.

Firman Allah subhanahu wa ta'ala dalam Surah Al-Maidah pada ayat 8:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُواْ ۚ ٱعْدِلُواْ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ ... ٨

Yang bermaksud: *Dan janganlah kerana kebencianmu terhadap sesuatu kaum sehingga kamu tidak berlaku adil. Berlaku adil lah kerana adil itu hampir kepada taqwa.*

Yang perlu kita fahami, keadilannya untuk semua. Islam tidak membenarkan kita menzalimi walaupun orang bukan Islam. Berdasarkan Hadis Riwayat Imam Muslim:

اتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَاب

“Dan takutlah kamu akan doa orang yang dizalimi walaupun dia bukan Islam, kerana di antara dia dan allah tidak ada hijab”

Cuma satu perkara yang kadang-kadang dimainkan oleh Ahli Parlimen, minta maaf kena kait juga sikit sebab ini realiti. Seolah-olah orang Melayu ini diberi keutamaan sedangkan itu termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 153. Hak Keistimewaan Orang Melayu Dan Bumiputera, kenapa tak baca di hujungnya, di hujung disebut Yang Di-Pertuan Agong juga bertanggungjawab untuk memastikan hak kaum lain juga tidak dinafikan.

Jadi, tak payahlah nak main isu kenapa Melayu, kenapa Melayu, kadang-kadang kita pon naik angin juga, hangpa tu minta maaflah, mereka ini Ahli Parlimen pergilah belajar sikit perlembagaan persekutuan tu, hafallah sikit eh, itu yang kedua, prinsip keadilan wajib ditegakkan insya-Allah wujud perpaduan, sebab 10 minit, bagus juga lah saya pun tak sihat, minta maaf kemarin tak mai, saya tak pernah tuang tapi oleh kerana tak sihat.

Yang ketiganya ialah tiada paksaan dalam agama. Ini yang kita praktis kan dalam Surah Al-Baqarah pada ayat 256:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ... ٢٥٦

Tidak ada paksaan dalam agama, kalau ada bukan Islam ini jadi *is no compulsion in religion,* jelas Islam tidak pernah memaksa, ini yang kita amalkan insya-Allah akan wujud perpaduan. Seterusnya, larangan menghina agama lain, cuba tuan-tuan ataupun Ahli Yang Berhormat semua tengok kebelakangan, lepas satu isu, satu isu, satu isu, satu isu, yang banyak menghina agama kita, dalam Surah yang keenam Al-An'aam ayat 108. Boleh rujuk tafsir Profesor Mahmud Yunus ayat ini pada muka surat 195. Allah berfirman:

وَلَا تَسُبُّواْ ٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ فَيَسُبُّواْ ٱللَّهَ ...١٠٨

"Dan janganlah kamu mencerca sembahan-sembahan yakni bukan Islam, nanti mereka pula akan mencerca ataupun menghina Allah".

Cukup jelas kalau ada orang Melayu Islam yang buat kerja ni, sepatutnya ambil tindakan dan saya ingin mencadangkan oleh kerana ini *live*, mungkin ada orang dengar, kalau kerajaan persekutuan boleh menggubal bermacam-macam akta, *ISA* mereka *repeal* ganti dengan SOSMA diwujudkan kuota *prevention of terrorist act,* kenapa tak boleh wujudkan satu akta yang boleh mencegah mana-mana citizen ataupun warga negara Malaysia yang menghina mana-mana agama, saya punya cadangan RM100,000 denda dan penjara setahun. Saya yakin takkan wujud lagi, ni *endless* tak habis-habis, lepas satu-satu, lepas satu-satu. Inilah lontaran solusi daripada Al-quran bukan daripada saya, saya sebut surah ke berapa, ayat ke berapa, muka surat tuan-tuan boleh rujuk. Akhir sekali, terima kasih lah 10 minit saja, orang tak sihat ni tak boleh cakap banyak. Untuk membuktikan, nabi Muhammad SAW pernah memerintah negara Islam yang pertama di bumi Madinah ada Piagam Madinah, dan kita perlu fahami di bawah pemerintahan beliau ada tiga bangsa orang Islam, Muhajirun, dan Ansar, ada Yahudi dan ada juga kabilah-kabilah arab yang belum Islam tapi mereka mampu hidup dalam keadaan saling tolong-menolong, bekerjasama.

Jadi, itulah diantara solusi secara ringkasnya, moga-moga yang mendengar, yang berkuasa, *why not* kali ini kita amalkan, kita praktikkan, kita laksanakan apa-apa saranan daripada Allah subhanahu wa ta'ala. Oleh itu, saya akhir kata, saya menjunjung kasih serta menyokong sepenuhnya titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pantai Mereka yang mematuhi masa yang telah diberikan, terbaik. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Anak Bukit, dipersilakan.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirobbil alamin wassolatu wassalamu ala asrofil mursalin waala alihi wa sahbihi ajmain. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha, Yang Berhormat Dato' Kewangan, Yang Berhormat Tuan Penasihat Undang-undang, Ahli-ahli Majlis Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pengarah-pengarah, Tuan-tuan, Dato'-Dato' yang dikasihi sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sesungguhnya titah Duli Yang Maha Mulia kali ini penuh dengan hikmah dan pedoman serta nasihat yang perlu diambil perhatian oleh seluruh rakyat yang memahami denyut nadi rakyat Kedah dengan memberi penekanan terhadap kepentingan pertanian sebagai pertanian asas makanan ruji orang Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Speaker, susulan kenaikan harga diesel yang mendadak, sektor pertanian terjejas begitu teruk, malah antara terburuk dalam sejarah Malaysia. Minyak diesel daripada RM2.90 sen bermula pada 1 Februari 2026 melonjak kepada RM6.70 sen pada hari ini, iaitu peningkatannya hampir 3 kali ganda dalam tempoh tidak sampai 3 bulan. Semestinya yang terbeban sekarang ini, adalah pesawah-pesawah padi kita yang begitu besar dalam Negeri Kedah. Jentera-jentera padi pula tidak termasuk dalam sistem Kawalan Diesel Bersubsidi ataupun SKDS bukan hanya pada pengumuman SKDS yang pertama termasuk juga pengumuman SKDS yang terbaru. Ini menunjukkan kelemahan yang ketara di peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam menjaga kestabilan makanan negara. Sektor padi ini tidak semestinya dipinggirkan, lebih-lebih jika langsung tiada langkah mitigasi daripada pihak kementerian. Kita boleh mempersoalkan kenapa sehingga kini Kerajaan Persekutuan masih tidak lagi menyediakan jentera padi dan juga jentera yang ada dalam pesawah padi termasuk dalam SKDS. Pesawah-pesawah ini

menanggung beban yang sangat dahsyat pada ketika ini. Bayangkan dahulunya kos jentera hanya RM180 untuk serelung, selepas harga diesel naik ia melonjak dengan begitu ketara dengan kos upah yang tinggi.

Itu tidak termasuk jika diesel akan naik lebih banyak lagi pada masa hadapan. Sekarang ni pesawah-pesawah menghadapi kos diesel dengan begitu ketara sekali. Untuk satu relung sawah padi, penanaman padi, purata hasil daripada depa dapat adalah 1.5 tan sahaja, termasuk dengan subsidi kerajaan lajak sampai RM2,000 tetapi kos untuk menanam padi bagi satu relung sebanyak di antara RM1,500 hingga RM1,700, bayangkan tengok keuntungan yang "Pak-pak Tani" dapat hanyalah di antara RM200 hingga RM300 serelung. Itu tak termasuk bila kena penyakit, kena ribut, kena macam-macam lagi. Kalau kena macam-macam, maksud kata tak ada apalah "Pak-pak Tani".

Mengambil kira pengeluaran kos yang begitu tinggi yang dikeluarkan oleh pesawah-pesawah seperti kos pam air, kos jentera, kos upah, kos baja, kos racun dan kos-kos yang lain, ianya tidak mencukupi malah pesawah-pesawah ini menanggung rugi yang cukup besar. Tidak pula mengambil kira jika musim datang penyakit, kemarau, banjir dan lain-lain. Inilah sebenarnya yang berlaku pada hari ini. Hakikatnya mereka ini betul-betul rugi. Bagaimana dengan nasib keluarga mereka? Bagaimana mereka nak sara diri dengan kos semakin meningkat ini? Kita juga sedar kenaikan harga diesel ini berpunca daripada Perang Timur Tengah, namun Kementerian Pertanian masih tiada langkah mitigasi yang melegakan pesawah-pesawah. Lebih merisaukan lagi jika pesawah ini terus mogok serta tidak mahu menanam padi dan ianya akan menjurus kepada konflik makanan negara yang belum pernah dihadapi oleh negara sejak daripada merdeka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengambil kira titah Tuanku berkaitan konsep federalisme, Kedah sepatutnya menerima pampasan sebanyak RM200 juta setahun kerana telah mengorbankan tanah kita untuk sawah padi. Jika tanah ini dijadikan tanah industri, ianya lebih menguntungkan. Namun, kita terpaksa berkorban untuk kesejahteraan makanan rakyat Malaysia itu sendiri. Adalah satu penghinaan jika Kerajaan Persekutuan menetapkan bayaran sebanyak RM41 juta sahaja, ianya tidak selari dengan konsep semangat federalisme dalam mengorbankan Negeri Kedah sejak sekian lama. Kita harus memuji Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah kerana berani menolak cadangan RM41 juta bayaran kepada Kedah kerana nilai maruah kita lebih jauh besar daripada itu. Keluasan sebanyak 119,000 hektar bukanlah keluasan yang kecil, sawah padi kita seluas mata memandang dan asas pendapatan rakyat Kedah adalah pertanian. Kerajaan Persekutuan perlu merealisasikan semangat federalisme dengan saksama dan adil. Jika tiada Negeri Kedah, Malaysia telah kehilangan hampir separuh bekalan makanan ruji negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam isu ini kita tak boleh melihat sektor padi sekadar sektor ekonomi biasa, sektor padi adalah soal keselamatan negara, soal kedaulatan makanan, soal kelangsungan hidup rakyat. Apabila pesawah mula tertekan, apabila kos input terus meningkat, apabila pulangan semakin mengecil, makanya kita sedang menghadapi bukan sekadar masalah pertanian, tetapi ancaman kepada rantaian bekalan makanan negara.

Sebab itulah, Kerajaan Persekutuan janganlah bersikap sambil lewa, jangan hanya hadir dengan slogan "Keterjaminan Makanan" tetapi pesawah terus dibiarkan bergelut sendirian. Jangan bercakap soal reformasi pertanian jika perkara paling asas seperti kos operasi jentera sawah pun gagal ditangani dengan baik. Sebab itulah Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin tegaskan di sini bahawa pesawah bukanlah meminta sesuatu yang melampau, mereka bukan minta kekayaan luar biasa, mereka hanya mahu keadilan, mereka hanya mahu ruang untuk terus hidup, terus menanam dan terus mengeluarkan hasil untuk negara, untuk rakyat Malaysia itu sendiri. Mereka hanya mahu satu dasar yang benar-benar memahami realiti. Sebab itu, saya minta supaya Kerajaan Persekutuan segera mengambil beberapa tindakan yang segera. Pertama, memasukkan segera jentera-jentera sawah padi ke dalam mekanisme seperti diesel. Kedua, mengkaji semula kos pengurusan pengeluaran padi supaya tidak berlaku keadaan pesawah bekerja keras satu musim sahaja tapi pulang dengan tangan kosong. Ketiga, tingkatkan bantuan kepada negeri pengeluar makanan seperti Kedah yang sekian lama yang memainkan peranan untuk rakyat negara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kedah bukan hanya menanam padi untuk Kedah, Kedah menanam padi untuk Malaysia. Kedah bukan hanya menjaga bendang untuk rakyat negeri ini tetapi untuk memastikan jutaan rakyat di seluruh negara terus mempunyai bekalan makanan ruji yang mencukupi. Maka pengorbanan ini mestilah dihargai dengan dasar yang adil, peruntukan yang munasabah dan pembelaan yang benar-benar terasa kepada rakyat. Jangan sampai suatu hari nanti pesawah hilang semangat, bendang terbiar kosong dan ketika itu baru kita tersedar bahawa selama ini kita gagal menghargai insan-insan yang menjadi tulang belakang keterjaminan makanan negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kedah telah berkorban dengan membekalkan 119,000 hektar kawasan tanaman penanaman padi namun, nilai pampasan yang dicadangkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pelan Malaysia menerusi sistem Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara ataupun (KAGUMN), sebanyak RM41 juta adalah terlalu rendah dan tidak setimpal dengan nilai semasa serta pengorbanan Negeri Kedah. Realitinya, jika tanah sawah seluas 119,000 hektar itu ditukar status kepada pembangunan komersial atau industri, kutipan hasil cukai tanah negeri akan lebih melonjak dan tinggi. Kedah kehilangan hasil fiskal yang banyak disebabkan oleh pengorbanan memelihara tanah bersyarat

padi dalam negeri ini. Apakah pampasan yang setimpal tidak wajar dipertimbangkan kepada sebuah negeri di Jelapang Padi yang berkorban sekian lama kepada negara ini? Oleh itu, tuntutan sebanyak RM200 juta adalah bersesuaian dan wajar dengan pengorbanan negeri menjaga keterjaminan makanan di Malaysia ini. Tuntutan ini juga bukanlah duit dan *free* tetapi itulah harganya wajar dibayar bagi sesuap nasi kepada Negeri Kedah dan juga Pak-pak Tani.

Dengan hormat dan takzimnya, saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ke atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Oleh itu, saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Anak Bukit yang juga mematuhi masa yang telah ditetapkan. Seterusnya kita menjemput Yang Berhormat Derga. Masa yang diberikan 10 minit, dipersilakan.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, dan Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat barisan EXCO kerajaan negeri Kedah, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan Agensi kerajaan negeri dan Persekutuan, yang diraikan pemerhati-pemerhati di luar dan di dalam Dewan.

Marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya kita dapat berhimpun di dalam sidang Dewan Yang Mulia ini, semoga setiap perbincangan yang kita lakukan pada hari ini diberkati serta memberi manfaat besar kepada rakyat Negeri Kedah Darul Aman. Menjunjung setinggi-tinggi kasih, atas titah Tuanku, patik dengan penuh takzimnya menyokong penuh ucapan Tuanku dan ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dizahirkan di dalam ucapan Tuanku.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada hari ini saya ingin menyentuh dua perkara penting yang perlu kita lihat secara menyeluruh dan seimbang. Yang pertama, ialah cabaran dalam mengekalkan sektor padi dan beras sebagai tunjang kehidupan rakyat serta usaha memperkasakan pembangunan negeri melalui teknologi. Kita sedang hidup dalam era perubahan dengan begitu pantas, kemajuan teknologi seperti kecerdasan buatan AI (Artificial Intelligent), bioteknologi, dan ekonomi digital berkembang ke arah lebih moden. Komersial dan lestari sehingga apa yang dianggap

hebat hari ini, boleh menjadi lapuk pada keesokan hari. Negeri Kedah mempunyai Yang Amat Berhormat Dato' Seri Jeneri, juga tidak terkecuali dalam arus ini apabila giat menarik pelaburan berteknologi tinggi dalam membangunkan sektor industri, namun begitu dalam kita melangkah ke hadapan kita tidak boleh melupakan akar asas kehidupan rakyat iaitu sektor padi dan beras.

Beras bukan sekadar komuniti tetapi merupakan makanan ruji yang menjadi asas kelangsungan hidup rakyat Malaysia sejak sekian lama, walau secanggih mana pun teknologi yang kita miliki, akhirnya kita tetap kembali kepada nasi di meja makan. Apa yang amat membimbangkan ialah sektor padi kini berdepan berbagai cabaran, tanah sawah semakin berkurangan akibat arus pesat pembangunan, peningkatan kos input pertanian seperti baja, racun, yang membebankan pesawah, infrastruktur pengairan masih belum memuaskan di setengah-setengah kawasan paling ketara kurangnya minat generasi muda untuk menceburi bidang ini membawa pada kekurangan tenaga kerja. Jika, keadaan ini berterusan kita menghadapi masalah kurang keupayaan untuk menghasilkan beras sendiri dan menyebabkan negara terdedah kepada gangguan rantaian bekalan luaran.

Persoalannya adakah kita sanggup mengorbankan keselamatan makanan negara demi arus moden pembangunan. Tuan Yang Di-Pertua, keduanya saya ingin menegaskan bahawa pembangunan bukanlah sesuatu yang perlu ditolak, kita sememangnya perlu bergerak seiring dengan arus kemajuan dunia, namun pembangunan yang dilaksanakan mestilah bersifat keseimbangan dan strategik. Sebagai contoh penukaran tanah sawah kepada perindustrian mungkin memberi pulangan segera tetapi di dalam jangka masa panjang kita kehilangan sumber pengeluaran makanan. Oleh itu, sektor padi perlu dilihat sebagai sektor strategi yang mesti dimodenkan bukannya ditinggalkan. Kerajaan negeri memainkan peranan penting dalam memodenkan industri padi, menerusi penggunaan teknologi dan memastikan setiap dasar yang dilaksanakan mengambil kira keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan keterjaminan makanan. Tuan Yang Di-Pertua, Tuan Speaker, minta maaf ya, terima kasih, selepas nih noh

YB. TUAN SPEAKER

Mungkin selepas ini kot.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Selepas nih, selepas ini insya-Allah, kita jumpa lagi selepas ni. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Rotan, atas peruntukan yang diluluskan bagi mencuci kemeling di Sungai Derga. Langkah ini bukan sahaja mencerminkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap kebersihan dan alam sekitar, malah menunjukkan komitmen berterusan

dalam memelihara keindahan sungai sebagai khazanah negeri yang tidak ternilai sekaligus menjadikan lebih menarik sebagai destinasi pelancongan di Negeri Kedah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri Kedah khususnya kepada Yang Berhormat Sungai Limau di atas kejayaan pelaksanaan Program Tuisyen Sejahtera pada tahun ini. Program ini dapat mengurangkan beban kewangan keluarga dalam memberi pendidikan kepada kanak-kanak, ianya juga dapat memastikan pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah mendapat peluang pendidikan yang sama rata dengan pelajar lain. Maklum balas yang diterima amatlah positif apabila ramai pelajar menunjukkan peningkatan prestasi pelajaran dalam keputusan peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) baru-baru ini. Inisiatif seperti ini perlu diteruskan ia merupakan platform sokongan akademik yang membantu pelajar mendapat akses pendidikan berkualiti tanpa bebanan kos, mengurangkan risiko keciciran dan meningkatkan kecemerlangan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) seperti memperluaskan pembelajaran di luar bilik darjah.

Anak kecil bermain gasing,
Gasing berputar di dalam talam,
Ilmu di cari ilmu di pusing,
Tuisyen percuma ilmu didalam.

Pada era globalisasi kini gejala sosial di kalangan remaja begitu membimbangkan, berleluasa khususnya di kawasan saya sendiri terdapat laporan mengenai kanak-kanak terbiar tidak bersekolah, terlibat dalam penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, dan kes kehamilan luar nikah. Faktor utama adalah berpunca daripada kecuaian kurangnya ilmu keibubapaan, kesibukan kerja serta masalah kemiskinan. Situasi ini amat merisaukan kerana ia melibatkan masa depan generasi muda merupakan barisan pelapis yang akan meneruskan legasi kepimpinan negara. Mereka berhak dilindungi, disayangi, diberikan pendidikan awal yang berkualiti untuk perkembangan mental dan fizikal dan emosi. Isu ini tidak boleh dipandang ringan dan memerlukan tindakan segera serta pendekatan yang menyeluruh. Saya amat mengharapkan kerjasama daripada semua agensi yang turun padang bersama-sama bagi mengatasi masalah ini. Akhir kata, saya menyeru agar semua pihak sama ada kerajaan, pembangkang, agensi, dan masyarakat berganding bahu bagi memastikan pembangunan negeri dilaksanakan secara seimbang. Ingatlah teknologi yang terus berubah, dunia yang terus berkembang tetapi keperluan manusia terhadap makanan dan kehidupan yang sejahtera yang akan kekal selama-lamanya. Jangan sampai kita terlalu ghairah mengejar masa depan sehingga kita mengabaikan asas kehidupan kita sendiri.

Saya akhiri ucapan saya pada hari ini dengan serangkap pantun

Padi menguning di bendang luas,
Menjadi rezeki bertukar beras,
Ekonomi kukuh pembangunan pantas,
Kedah sejahtera, Derga jadi deras.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Derga, yang juga mematuhi masa yang ditetapkan. Alhamdulillah mudah sikit lah kerja saya. Jadi, seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Kundor. Dipersilakan.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih YB. Tuan Speaker, yang saya hormati Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, seterusnya sidang dewan sekalian. Terima kasih di atas kesempatan untuk saya membahaskan.

Tuan-tuan dan puan-puan sidang dewan sekalian, sebelum saya mulakan, saya nak respon sikit tadi ucapan YB. Sidam tadi. YB. Sidam ada sentuh mengenai pelantikan kontraktor baru LRA, Bukit Selambau. Tadi YB. Sidam kata; “pilihlah yang kompeten, bukan janji-janji manis”. Saya setuju dengan YB. Sidam, sebab kalau pilih yang janji-janji manis ni dia akan jadi, “Hari ini menang, esok…” haa kita pun tak mau macam tu. Jadi saya ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri sebab bertindak tegas mencari kontraktor baru, semoga dipermudahkan urusan. Sidang dewan sekalian yang dihormati, patik menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah. Pertama sekali YB. Tuan Speaker, titah Tuanku Sultan mengenai perkembangan semasa di peringkat global khususnya konflik peperangan yang melanda asia barat dan eropah timur yang mana memberi kesan kepada kestabilan ekonomi negara dan negeri. Baginda menyeru agar semua pihak bersiap siaga dalam setiap tindakan.

Nasihat Tuanku Sultan agar kita bersiap siaga dalam menghadapi krisis, sebenarnya adalah selari dengan Al-Quran di dalam Surah Yusuf ayat 47 hingga 49; yang mana di dalam ayat ini Nabi Yusuf *Alaihissalam* telah memberi nasihat atau pelan mitigasi dalam bentuk strategi pengurusan ekonomi bagi menghadapi pada masa itu krisis makanan yang melanda negara selama 7 tahun.

Sidang dewan sekalian, bercakap tentang konflik semasa di asia barat khususnya peperangan antara Amerika Syarikat dan sekutunya Israel dengan Iran, saya memulakan ucapan perbahasan saya dengan ucapan takziah dan mengutuk serangan ke atas sekolah kanak-kanak perempuan di Iran yang mengorbankan 150 nyawa kanak-kanak dan 100 kanak-kanak lagi cedera. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui agensi pendidikan mereka UNESCO telah pun mengutuk serangan ini dan menyifatkan bahawa serangan ke atas sekolah ini adalah pelanggaran jelas undang-undang hak asasi manusia. Konflik asia barat yang masih berlanjutan pada masa ini, hari ini memasuki hari yang ke-45, dirasai kesannya oleh negara dan rakyat Malaysia, yang mungkin akan berpanjangan, mengambil kira perbincangan antara Amerika Syarikat dan Iran masih menemui jalan buntu, belum lagi mencapai titik persetujuan. Iran telah masukkan Lubnan dan Gaza di dalam terma persetujuan untuk genjatan senjata dan semestinya ia tidak dipersetujui oleh Amerika Syarikat serta sekutunya Israel, jadi kita jangkakan konflik ini akan semakin berpanjangan. Justeru itu, sidang dewan sekalian kerajaan Malaysia dan kerajaan Negeri Kedah perlu mempunyai pelan mitigasi dalam menghadapi konflik asia barat ini dan impaknya kepada rakyat. Jika kita lihat keluhan rakyat susulan kenaikan diesel ini sangat ketara, keluhan dan bebanan yang mereka rasai. Media melaporkan pesawah terpaksa menanggung kos tambahan akibat kenaikan diesel hingga ada yang mengalami kerugian. Pesawah adalah segmen yang begitu besar, begitu penting peranan mereka kepada kita kerana mereka menjaga ‘food security’ keterjaminan makanan, tetapi tidak sepatutnya mereka menanggung kerugian.

Berita Harian 5 April 2026 melaporkan, kenaikan harga diesel daripada RM6.02 pada masa itu, sekarang dah RM6.72 seliter, dijangka memaksa ramai pesawah menangguhkan kerja di sawah susulan peningkatan kos operasi yang semakin membebankan. Selain daripada itu, pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata situasi semasa menyebabkan petani berdepan tekanan kewangan yang semakin tinggi khususnya bagi kerja pembajakan, penuaian serta logistik yang bergantung kepada penggunaan diesel. Beliau berkata kenaikan harga bahan api itu memberi kesan langsung kepada sektor perkhidmatan pertanian dengan anggaran peningkatan kos sehingga 50 peratus ke 70 peratus.

Sidang Dewan sekalian, selepas ini, kita jangkakan dan yang memang realiti akan berlaku rakyat perlu berhadapan dengan kesan berantai susulan konflik asia barat ini, maka ekonomi Profesor Madya Dr. Mustazar Mansur menyatakan kenaikan harga diesel ketika ini dijangka mencetuskan kesan berantai terhadap kos pengangkutan, logistik, dan harga barangan, sekaligus memberi tekanan kepada kos sara hidup rakyat. Kesan berantai ini memang akan berlaku.

Laporan TV3 bertarikh 31 Mac melaporkan bahawa, lonjakkan mendadak harga diesel industri sehingga 145 peratus susulan konflik di asia barat menyebabkan lebih 100 projek pembinaan di seluruh negara tergendala. Jadi sebelum ini mungkin rakyat Malaysia, kita tidak terkesan sangat dengan kesan perang antara Rusia dan Ukrain, pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Venezuela, tetapi krisis asia barat ini impaknya yang lebih meluas secara global dan kita rasai kesannya. Oleh itu, kerisauan rakyat adalah munasabah, apabila kita berhadapan dengan konflik pada hari ini memasuki hari yang ke-45. Kerisauan rakyat munasabah, rakyat panik tertekan, terbeban, itu munasabah, kita sepatutnya faham. Dan mereka bersuara di media sosial, mereka meluahkan rasa terbeban rasa tertekan, panik mereka itu di media sosial, atas apa perkembangan semasa yang berlaku pada hari ini. Dan sebenarnya kebebasan bersuara itu dijamin oleh Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan.

Namun apa yang saya nak sentuh pada perbahasan pada hari ini adalah, sepatutnya, rakyat kita ini dahlah terpaksa berhadapan dengan kesan kenaikan diesel, kesan kenaikan harga barang, setidak-tidaknya berilah mereka hak kebebasan bersuara. Selama mana kenyataan mereka tidak melanggar undang-undang ataupun menjejaskan hubungan baik antara negara. Namun, saya dapat makluman ada lagi 'tiktoker' yang menggunakan hak kebebasan bersuara ini, yang ditahan polis yang ditahan susulan video mengkritik cara Perdana Menteri (ke-10) menangani masalah negara hari ini. Buat video kritik kerajaan Madani, kritik Perdana Menteri (ke-10), tiba-tiba kita dapat makluman ditahan. Baik, jadi saya mengangkat suara rakyat aduan ini sampai, maka saya angkat di dalam ruang yang ada. Sekarang tahun 2026, namun kita masih lagi tidak dapat menikmati kebebasan bersuara yang adil. Sidang Dewan sekalian, pada tahun 2024 Akhbar BH bertarikh 24 Disember 2024 telah mendedahkan bahawa kerajaan Malaysia adalah kerajaan yang paling tinggi dalam dunia membuat permintaan kepada TikTok untuk memadam dan menyekat hantaran yang dibuat oleh pengguna TikTok. Jadi inilah kebebasan bersuara yang dijanjikan sekian lama tetapi apabila dapat kuasa, inilah apa yang kita lihat. 2024 ada pencapaian terbaik di dunia sebegitu, 2026 pun kita masih terpaksa berhadapan dengan situasi yang sama. Sudah lah rakyat tertekan dengan segala kesan berantai, kenaikan harga diesel, hak bersuara mereka pun diganggu.

Sidang Dewan sekalian, kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri perlu fokus kepada menyediakan pelan mitigasi dan 'communicate' pelan ini kepada rakyat, komunikasi kan, berkongsi perancangan itu dengan rakyat supaya dapat meredakan kebimbangan rakyat ini, bila rakyat tahu bahawa kerajaan ada pelan mitigasi terhadap konflik asia barat yang berlaku, kesan kenaikan diesel yang terlalu mendadak, maka sekurang-kurangnya redalah sikit kerisauan dan kebimbangan rakyat itu, supaya mereka dapat menghadapi konflik antarabangsa yang menjejaskan kehidupan mereka ini dengan sedikit tenang. YB. Sidam kata tadi "sikit saja lagi, sikit saja lagi",

tapi sebab sikit saja lagi Madani tu kita tak boleh tahu berapa lama, sebab menang hari ini esok tu berapa tahun lepas tu pun tak dapat lagi, jadi sikit tu kita risau… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Dia dUk kata sabaq tadi, kan?

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Ya, "sabaq, sikit lagi" dia kata. Pastu YB. Bukit Selambau kata "sabar ada had lah" haa.

Jadi Sidang Dewan sekalian, nasihat saya, janganlah terlalu banyak masa dan kuasa digunakan untuk mendiamkan kritikan. Manfaatkan masa, sepatutnya masa digunakan prioriti kan untuk menyediakan pelan mitigasi dan *communicate* pelan itu, jelaskan kepada rakyat supaya rakyat rasa tenang, rasa terkawal, rasa tenteram, tidaklah terlampau panik ataupun terlampau bimbang dengan susulan ataupun kesan berantai yang akan berlaku selepas ini. Tetapi tidak, sebaliknya saya lihat masa fokus sama ada kerajaan jentera ejen-ejen penerangan di fokuskan kepada *silencing critic,* mendiamkan kritikan… (YB. Ayer Hitam mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Boleh bagi laluan? Silakan.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Saya cuma nak *relate* sikit dengan apa yang disebutkan YB. Pengkalan Kundor tentang kritikan-kritikan di dalam media massa, media sosial. Tapi saya nak hubung dengan apa nama dapatan. Seperti yang kita lihat, pihak kerajaan sama ada Perdana Menteri (ke-10) ataupun agensi kerajaan yang terlibat dengan komunikasi ini, memberikan penerangan dalam facebook sebagainya, terdapat emoji, emoji gelak tu lebih daripada emosi setuju ataupun ni kan, berkali-kali ganda, sedangkan apa itu yang kerajaan nak sebut nak terang pada rakyat langkah-langkah yang diambil, adakah bersetuju YB. Pengkalan Kundor dengan saya, adakah kerajaan gagal dalam menangani isu ini, isu komunikasi dengan rakyat?

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Betul, saya setuju dengan YB. Ayer Hitam. Jadi, sebab ini adalah dewan legislatif, tempat kita memberi pandangan… (YB. Sidam mencelah)

YB. ENCK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh mencelah sikit?

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Siapa? Oh, YB. Sidam! Haa… sila! Sila!.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baik, terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Saya nak respon sikit la berkaitan apa yang saya kata tadi kan, erm seperti yang kita tahu benda-benda macam ni memerlukan kajian dan juga memerlukan perancangan, jadi saya ikut juga apa kata YB. Kubang Rotan kata tadi ni, kata benda ni bukan macam tanam taugeh, kena memerlukan kajian dan juga penyelidikan yang betul-betul. Kalau tidak nanti dia kata, nanti orang di sini akan kata buat apa tak pikiaq! Haa yang ni dia kena pikiaq dulu lah. Terima kasih.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Baik,... (YB.Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, saya nak mencelah sikit. Ini untuk peringatan Yang Berhormat semua, sebelum kita membuat sebarang keputusan, kajian perlu dibuat dahulu, bukan kita buat keputusan dulu baru nak buat kajian aaa nah? Jadi yang ni sikit lah nak mencelah. Silakan YB. Pengkalan Kundor.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Baik, terima kasih YB. Ayer Hitam dan YB. Sidam. Kubang Rotan ni sebab dia tak kata ‘menang hari ini, esok..’, jadi dia boleh lah guna istilah taugeh tu. Untuk yang janji yang terlalu reformasi, janji menang hari ini esok nak turun sekian-sekian tu yang tu susah sikit lah nak guna analogi taugeh. Jadi betul saya setuju bahawa fikirkan dahulu buat perancangan dahulu kajian dahulu baru buat keputusan. Macam kita lihat kesan kenaikan diesel ni, naik dulu tetapi banyak masalah yang timbul selepas itu kan, isu pesawah dan sebagainya sampai hari ini kita tak nampak pun apa keputusan ataupun tindakan drastik daripada pihak kerajaan. Jadi, sepatutnya perkara ini kena selesaikan

dulu kena bincang dulu kena segera lah sesuai dengan apa yang berlaku kan? Berbalik kepada ucapan saya… (YB. Bukit Selambau mencelah)

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Sikit, sat saja.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Masa dah suntuk… YB. Tuan Speaker kena tambah masa saya. Ada YB. Bukit Selambau.

YB. TUAN SPEAKER

Tapi jangan lama sangat na.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Insya-Allah sat ja. Terima kasih YB. Pengkalan Kundor dan terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya nak cadang pun yang berkaitan dengan diesel ni, perancangan ada perancangan secara teliti baru buat keputusan. Saya nak fokus sikit apa yang berlaku pada hari ini berkaitan dengan diesel juga. Apakah dengan kenaikan RM6.72 di Semenanjung dengan tidak dinaikkan walaupun sesen di apa Sabah dan Sarawak, apakah itu perancangan? Sekian.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Pengkalan Kundor.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Terima kasih lah, saya masukkan ucapan tu dalam… (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker…

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Minta maaf, masa saya dah semakin suntuk, nanti kita bagi lagi. Baik, sidang Dewan sekalian, kembali kepada perbahasan saya tadi, *point* saya adalah jangan terlalu banyak masa dihabiskan untuk mendiamkan kritikan tetapi fokus kepada menyediakan pelan mitigasi yang jelas, yang terancang, komunikasi kan, jelaskan

kepada rakyat janganlah…sebenarnya penjelasan kerajaan lambat, kerajaan persekutuan. Penjelasan, *explanation* menjawab isu itu terlalu lambat, tidak sampai kepada rakyat tetapi kemudian marah apabila rakyat *complain*, rakyat mengeluh dan sebagainya. Istilah buta huruf, bebal, dangkal dan pelbagai istilah lagi yang saya pun tak sanggup nak guna dalam sidang dewan ini sebab menghormati YB. Tuan Speaker kan, saya takut YB. Tuan Speaker terasa dengan istilah-istilah itu, okey. Yang ditujukan istilah itu terhadap keluhan dan kritikan rakyat ni tidak menambah baik keadaan. Jadi, sepatutnya, jika sekiranya rakyat lihat ada pelan yang baik ada pelan mitigasi berhadapan dengan konflik ini, kemudian rakyat jelas, saya ingat emoji yang terlampau banyak tu kan sampai nak jumpa emoji '*like*' tu susah, sebab emoji gelak terlampau banyak tu dapat diatasi kan, walaupun tak ada harapan juga kan. Rakyat perlukan jaminan penyelesaian bukan kemarahan.

Sidang Dewan sekalian, seterusnya KDYMM Tuanku Sultan turut bertitah tentang prosedur lapuk dan undang-undang yang tidak lagi relevan hanya akan menghalang kemajuan. Saya pernah membangkitkan isu undang-undang lapuk ini di dalam perbahasan saya pada sidang dewan undangan yang lalu, dan saya mencadangkan sekali lagilah penubuhan jawatankuasa khusus untuk mengkaji berkenaan dengan undang-undang yang lapuk ini, yang berada di bawah bidang kuasa negeri termasuk juga peraturan-peraturan. Dan jawatankuasa ini mestilah melibatkan anggota legislatif, ADUN-ADUN sama ada kerajaan termasuk juga pembangkang mesti dilibatkan dalam jawatankuasa khusus ini untuk mengkaji berkenaan dengan undang-undang yang lapuk dan juga peraturan-peraturan tidak lagi relevan. Mesti ada, mesti ada, dan supaya kita dapat sama-sama menambah baik undang-undang dan peraturan yang sedia ada demi kesejahteraan rakyat Kedah. Sidang Dewan sekalian, akhir sekali baginda Tuanku Sultan turut bertitah tentang keperluan untuk semakan dan penambahbaikan perkhidmatan awam dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan saya nak angkat sikit isu rakyat lah, permasalahan rakyat apabila menyentuh tentang perkhidmatan awam ini, isu nya adalah, walaupun isu yang saya nak bangkitkan ini mungkin tidaklah secara spesifik menegur ataupun menyentuh kerajaan negeri ataupun agensi kerajaan negeri tetapi untuk perhatian semua, supaya situasi yang saya bangkitkan ini akan dapat ditambah baik.

Kemajuan seperti pembayaran secara digital, Sidang Dewan sekalian tidak harus mengorbankan mana-mana segmen masyarakat. Kita mesti ambil kira warga emas dan golongan yang tidak berkemahiran atau tidak mampu memiliki kemudahan digital ini. YB. Tuan Speaker, contohnya sistem parking dan kedai makan yang tidak menerima makan secara tunai, hanya melalui scan QR, atau pun imbasan QR ataupun pembayaran menggunakan aplikasi tertentu. Ada aduan warga emas yang dia tak tau nak bayar guna *QR Code* ni ataupun guna *Touch 'n Go* ka, *E-Wallet* ke apa ni kan, jadi warga emas tak tahu. Ada juga rakyat yang masih tak berkemampuan nak beli smartphone, ataupun tak berkemahiran. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, kes-

kes begini mungkin terpencil tetapi kemajuan kita tidak boleh ataupun tidak sepatutnya berkesampingkan mana-mana segmen masyarakat terutamanya warga emas dan juga golongan yang kurang berkemampuan.

Disebabkan kes-kes begini terpencil mungkin tak ramai, mungkin ada beberapa saja tetapi, dan kita cenderung untuk menutup mata. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kita akan semakin maju, negara kita akan semakin maju, Negeri Kedah pun semakin maju. Kita dah ada *'cashless'* cara *'payment'* yang memang baik, tetapi sebelum kita melangkah terlalu jauh lagi semakin maju lagi ke hadapan, elok lah kita berhenti sejenak dan kita tengok juga golongan-golongan ini yang boleh kita kata golongan minoriti, warga emas daripada kampung umur 70 80 tahun, mana la nak reti guna segala *'apps', 'QR*', dan sebagainya ini lah kan. Ada aduan yang saya terima warga emas yang dia tak dapat nak parking di parking awam, sebab apa? Sebab dia tak pandai. Jadi perkara-perkara ni mungkin PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) boleh ambil maklumlah ha kan supaya walaupun kemajuan perkhidmatan ataupun transformasi digital itu baik, saya akui untuk semua orang yang mesra teknologi memang itu baik kan, memang memudahkan. Tetapi saya cadangkan supaya kemajuan itu perlu disertai dengan pilihan alternatif yang mesra semua lapisan masyarakat, barulah kemajuan kita bersifat inklusif kepada semua. Kemajuan kita ni selaju mana pun kita, tidak ada kelompok ataupun segmen rakyat yang ketinggalan kerana kemajuan tersebut.

Sekian, saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih pada YB. Pengkalan Kundor. Seterusnya saya menjemput YB. Bayu, dipersilakan.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, alhamdulillah hi rabbil alamin wassalatu wassalamu ala asrofil ambiya iwal mursalin wa'ala alihi wassahbihi ajma'in. subhanaka la 'ilmalana illa ma 'alamtana innakalanta 'alimul hakim walhaulawala quwatailla billa hil ali'il 'azim. Terima kasih YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, barisan EXCO kerajaan negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha kerajaan negeri, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Pegawai-pegawai Daerah, kakitangan DUN, petugas media, pemerhati, dan juga pengundi-pengundi DUN Bayu yang saya amat kasihi.

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran kita di panjatkan ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya kita dapat kembali berhimpun di Dewan Yang Mulia ini, sebuah medan penting untuk kita menyuarakan hasrat rakyat dan memperjuangkan kebajikan, serta kemajuan ekonomi negeri dengan penuh tanggungjawab.

Sebelum saya meneruskan ucapan, di kesempatan ini izinkan saya mengungkapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin, tak terlambat lagi, banyak YB. YB. tak berucap, saya ucap Selamat Hari Raya.

YB. Tuan Speaker, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darul Aman atas titah ucapan diraja sempena Perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ke-15. Sesungguhnya titah Tuanku mencerminkan keprihatinan yang amat mendalam terhadap kebajikan rakyat pembangunan negeri serta kepentingan memastikan pentadbiran berintegriti, berkesan dan berteraskan kesejahteraan rakyat. Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih atas nasihat dan panduan yang telah dizahirkan dan sesungguhnya titah tersebut wajar dijadikan pedoman serta hala tuju oleh semua pihak dalam merencana pembangunan Negeri Kedah yang lebih mampan dan sejahtera. YB. Tuan Speaker, saya memulakan ucapan dengan menyokong sepenuhnya titah Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semalam berhubung isu pencerobohan tanah kerajaan dan tanah persendirian khususnya bagi pembinaan rumah ibadat serta premis tanpa kebenaran. Isu ini tidak boleh dipandang ringan, kerana ia bukan sahaja melibatkan pelanggaran undang-undang, malah menyentuh sensitiviti masyarakat serta berpotensi menjejaskan keharmonian negeri.

Sehubungan dengan itu, pendekatan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara lebih proaktif dan berperingkat bermula daripada peringkat awal. Pihak berkuasa tempatan dan tuan tanah tidak boleh lagi bersikap tunggu dan lihat, serta memandang remeh dengan hanya bertindak selepas struktur siap dibina dan beroperasi dalam tempoh yang panjang. Kelewatan bertindak inilah akhirnya mencetuskan konflik, menimbulkan kemarahan rakyat serta mewujudkan persepsi negatif terhadap keupayaan kerajaan dalam mengurus isu ini. Lebih mendukacitakan, tindakan lewat juga menyebabkan pembaziran apabila pihak terlibat telah menanggung kos pembinaan dan penyelenggaraan yang tinggi sebelum premis tersebut dirobohkan. Justeru, tindakan awal yang tegas namun berhemah amat penting bagi mengelakkan situasi yang lebih rumit termasuk operasi perobohan yang sering mengundang ketegangan emosi dalam kalangan rakyat. Akhirnya, saya ingin menegaskan bahawa isu ini menuntut komitmen semua pihak termasuk orang awam, pihak berkuasa, dan PBT agar setiap pelanggaran dapat ditangani dengan lebih segera, adil dan berkesan.

Yang lepas biarlah lepas YB. Tuan Speaker, yang ke depan perlu kita terus supaya tidak berulang. Yang mana pendekatan yang perlu diambil sebab kita ada pengalaman di kawasan Baling, YB. Tuan Speaker. Jadi, sebelum pembinaan itu bermula, saya minta semua pihak, pemimpin, orang awam, dan penjawat awam, PBT dan semua pihak kena menjadi mata telinga kepada kerajaan.

Yang mana kita tengok apabila pembinaan baru nak bermula, baru nak mula kita dah kena pantau, dah kena larang terus. Begitulah berkenaan dengan rumah-rumah ibadat dan sebagainya, terutamanya premis-premis perniagaan yang mana apabila pembinaan baru bermula, banyak pihak-pihak berkuasa mendiamkan diri tengok saja, tapi apabila dah keluar modal yang banyak, membina struktur yang cukup-cukup baik dan masa dah siap semua barulah notis suruh roboh. Yang inilah yang membuatkan rakyat marah dan juga menjadi isu politik yang berpanjangan. Kalau boleh lepas ni, yang lepas lepas lah, kalau boleh kita kena buat pemantauan lebih awal dan menjadi mata telinga kepada kerajaan untuk pastikan pembinaan itu tak dilaksanakan. Halang terus dari awal! Termasuk lah rumah ibadat ka, premis perniagaan dan sebagainya. Apabila dah berlaku dah bina, rakyat keluar duit, orang keluar duit modal yang banyak. Nak roboh mesti lah marah. Jadi YB. Tuan Speaker, beralih kepada isu keterjaminan makanan dan sektor pertanian negeri. Di Negeri Kedah, sektor pertanian merupakan tunjang utama ekonomi rakyat, dengan padi, getah, kelapa sawit, dan sebagai antara sumber pendapatan utama. YB. Suka Menanti, konsep skop pertanian ni luas, bukan terletak hanya di sawah padi sahaja. Kita Negeri Kedah ni terbahagi kepada penanaman padi, penanaman getah, dan juga penanaman kelapa sawit dan lain-lain. Sebab itu lah saya minta supaya kita kena menyeluruh, bukan hanya kepada padi, dan kena fikir juga ke arah tanaman-tanaman lain seperti getah dan sawit.

Selari dengan titah Tuanku mengenai kepentingan sektor padi, saya menyokong usaha untuk meningkatkan pengeluaran melalui konsep 5 musim dalam tempoh 2 tahun. Namun untuk menjayakan hasrat ini, langkah berani perlu diambil. Saya mencadangkan agar kawasan operasi MADA diperluaskan ke kawasan baru yang berpotensi, ditambah. Kawasan sedia ada sekarang juga semakin berkurangan akibat ditukar ke aktiviti ekonomi yang lain. Oleh itu, pihak kerajaan seperti MADA perlu berani untuk menambah kawasan operasi mereka bagi menjamin pengeluaran dan peningkatan hasil padi secara menyeluruh. Contohnya, kawasan seperti Daerah Sik, Baling, Padang Terap dan lain-lain kawasan masih terdapat sawah yang terbiar dan tidak diusahakan, malah ada yang telah ditukar kepada tanaman lain. Ini merupakan satu kerugian besar kepada kerajaan negeri dan juga negara dalam konteks keselamatan makanan. Tanah yang sepatutnya menjadi sumber beras negara tidak boleh diurus, dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, kerajaan dan agensi berkaitan perlu melihat potensi di luar jajahan sedia ada bagi meningkatkan keluasan serta menghasil pengeluaran padi kelak. Dalam masa yang sama kita mesti menarik semula minat golongan muda ke dalam sektor ini. Jika tidak kita akan berdepan krisis kekurangan

pengusaha pada masa akan datang. Sektor ini tidak boleh terus dilihat sebagai ketinggalan dan tidak menguntungkan. Langkah konkrit perlu diambil termasuk menyediakan infrastruktur moden, jaminan bekalan air yang konsisten, sokongan baja serta penggunaan teknologi bagi meningkatkan hasil dan mengurangkan kos. Saya juga mencadangkan agar inisiatif khas diberikan kepada pemilik tanah yang mengekalkan tanaman padi dan tidak menukarnya kepada pembangunan lain, jika tiada perlindungan seperti ini, kita akan terus kehilangan tanah sawah sedikit demi sedikit akibat tekanan pembangunan. Selain itu, penggunaan teknologi moden perlu dipergiatkan. Agensi seperti MADA, MARDI harus memperluaskan pengeluar penggunaan teknologi seperti data cuaca, sistem bayaran pintar, dan pemantauan digital bagi meningkatkan kecekapan hasil pengeluaran.

Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti, malah menjadikan sektor pertanian lebih moden dan menarik kepada generasi muda. Kita juga tidak boleh menafikan cabaran besar yang sedang dihadapi perubahan iklim yang tidak menentu, banjir, kemarau, serta ketidaktentuan musim yang memberi kesan langsung kepada hasil padi. Dalam masa yang sama, faktor global termasuk konflik antarabangsa turut memberi tekanan kepada rantaian bekalan makanan dan kos input pertanian. Dalam keadaan ini, kita tidak ada pilihan lain selain menjadi lebih bersedia, berdikari dan memperkukuhkan sektor makanan asas negara dan juga negeri. Oleh itu, saya menyeru agar semua pihak mengambil pendekatan yang lebih tegas dan menyeluruh memastikan sektor padi terus di perkasa bukan sahaja demi keterjaminan makanan tetapi demi masa depan rakyat dan kestabilan Negeri Kedah.

YB. Tuan Speaker, saya ingin sekali lagi membangkit isu tanaman getah yang telah banyak kali saya suarakan di Dewan Yang Mulia ini sebelum ini. Namun, sehingga kini masih belum ada penyelesaian yang benar-benar menyeluruh. Kita tidak boleh menutup mata terhadap nasib penoreh getah yang menjadi tulang belakang ekonomi luar bandar. Masalah mereka hari ini bukan kerana kurang usaha tetapi disebabkan tekanan harga yang tidak menentu dan faktor cuaca. Realiti nya dalam setahun mereka hanya mampu menoreh sekitar dua hingga empat bulan. 12 bulan; dua bulan, tiga bulan, empat bulan saja, YB. Tuan Speaker, boleh menoreh. Tetapi pendapatan itu yang perlu menampung kehidupan sepanjang tahun. Ini jelas satu keadaan yang tidak mampan. Jika dibandingkan dengan Thailand, mereka lebih kehadapan dari segi penggunaan teknologi. Kita ada Lembaga Getah Malaysia dan RISDA tetapi manfaat pemodenan masih belum dirasai sepenuhnya oleh penoreh. Sebab tu YB. Tuan Speaker, saya nak syorkan kepada MMK (Majlis Mesyuarat Kerajaan) pada masa akan datang, saya nak minta satu surat jemputan khas kepada RISDA dan juga LGM, kena ada di sini. Saya nak menyuarakan nasib penoreh getah dan juga pekebun-pekebun, jadi pihak YB. Suka Menanti pun dia ada juga, ada kepandaian dari segi sawah, tapi dari segi getah dengan sawit saya rasa dia kurang sikit. Kalau ada LGM…minta maaf nah, bukan kurang, dia tak berapa ada pengalaman.

Jadi kalau ada LGM dekat sini dah banyak kali YB. Tuan Speaker, saya nak minta kalau boleh jemput ada di sini kami bukan nak bahas bukan kami nak marah pun kami nak suara supaya dia catit dan bawa balik ke LGM dan juga RISDA.

Yang mana hari ini saya setuju dengan YB. Jitra, banyak kali dok bagi sokongan kat saya, dia juga anak penoreh. Saya rasa satu benda yang amat perlu kerana saya tak tekan lagi IPG (Insentif Pengeluaran Getah), PAT-G (Permit Autoriti Transaksi Getah), dan apa nama depa ni DRC (Dry Rubber Content) dan jugak KGK (Kandungan Getah Kering), KGB, saya tak tekan. Kalau saya tekan pun, LGM takdak, macam mana dia nak catit. Sebab tu hari ini saya tekan sungguh-sungguh MMK (Majlis Mesyuarat Kerajaan) kali akan datang, minta tolong jemput LGM dan juga RISDA ada di depan ni, kami nak kongsi dan juga kami nak luah bukan nak marah bukan nak berhujah, dak. Kita nak bagi pandangan untuk kebaikan bersama. Jadi justeru itu, dalam masa yang sama isu ketirisan harga akibat ketidakjelasan kandungan getah kering juga perlu diberi perhatian serius kerana ia menjejaskan pendapatan sebenar. Harga tinggi SMR 20 (Standard Malaysian Rubber grade 20) tinggi, tapi penoreh di kampung penoreh pekebun dekat kampung dapat harga yang rendah. Harga di ladang dan juga harga SMR tak sama, sebab tu lah pengiraan isu-isu harga getah ni perlu dibangkitkan juga. Kerana YB. Tuan Speaker, keseluruhan penduduk di dalam Negeri Kedah ni banyak juga rakyat yang terlibat dalam soal getah dan juga sawit.

Saya bukan nak membela golongan penoreh dan juga pekebun, tapi saya pengerusi PERGETAH (Persatuan Pengusaha dan Penoreh Getah), saya menang jadi DUN itu banyak penoreh getah yang mengundi saya, kalau saya duk sini kosong buat apa? Sebab tu saya minta sungguh-sungguh kalau boleh MMK kena jemput LGM dan juga apa ni RISDA…. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bayu, suka saya nak memaklumkan kepada YB. Bayu, saya difahamkan dan kita memang dah menjemput RISDA untuk bersama-sama dengan kita dan saya ingat ada ka wakil RISDA dalam ni? Surat jemputan memang kita dah buat.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Tak pa, tak pa, mungkin lain kali lah…

YB. TUAN SPEAKER

Begitu juga dengan KEDA (Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah), KEDA juga kita ada jemput wakil daripada KEDA. KEDA ada?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

KEDA ada noh.

YB. TUAN SPEAKER

Ada noh! RISDA tadi ada? Oh ada, tepi tu ada tak pa lah, apa yang diungkapkan oleh YB. Bayu tadi insya-Allah telah pun diambil perhatian dan nanti pegawai RISDA dan juga LGM kita akan minta perhatianlah.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Kalau, kalau boleh. YB. Tuan Speaker kalau boleh RISDA ada pejabat di setiap daerah. Kalau boleh LGM pun buatlah mini kaunter di setiap daerah. Dia masalahnya bukan pokok getah tak ada! pokok getah ada! tetapi benda-benda macam ni yang ada masalah di peringkat akar umbi.

YB. TUAN SPEAKER

Benda tu nanti kita akan bincang di ruang yang lain cuma YB. Bayu tolong percepatkan sebab kita dah menghampiri garisan penamat.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Banyak lagi! Tadi bincang dengan saya nak bagi masa lebih ! macam mana**…**

YB. TUAN SPEAKER

Dah lebih dah! Dah lebih dah.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Ada sikit lagi, YB. Tuan Speaker seterusnya saya ingin menarik perhatian berhubung infrastruktur asas di kawasan kampung khususnya masalah jalan rosak dan titi uzur yang telah sekian lama tidak dibaiki keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kehidupan harian penduduk malah turut mengancam keselamatan. Bagi projek tertangguh seperti pembaikan jabatan atau titi terdapat situasi dimana infrastruktur yang telah rosak dan merbahaya tidak dibaik pulih dengan alasan yang terlibat dengan projek tebatan banjir. Namun persoalan yang dalam tempoh menunggu itu siapa yang akan menanggung risiko, keselamatan penduduk yang menggunakan laluan tersebut setiap hari sebagai jalan utama. Walaupun infrastruktur berkenaan dijangka terlibat dengan projek pada masa yang akan datang saya berpandangan bahawa langkah sementara perlu diambil bagi memastikan keselamatan pengguna. Pendekatan

memberi alasan semata-mata tanpa tindakan penyelesaian bukan sesuatu yang wajar sedangkan penduduk terus berdepan risiko yang tinggi.

Sehubungan dengan itu saya berharap agak isu ini diberi perhatian serius dengan pelaksanaan langkah-langkah interim buat titi sementara dulu sementara tempatan banjir nak buat tu buat titi sebab lalu utama yang sesuai khususnya demi keselamatan pelajar sekolah dan penduduk setempat yang bergantung sepenuhnya kepada laluan tersebut. Jadi YB. Tuan Speaker saya duk rasa nak kena apa ni potong-potong dah kut sebab apa…. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Memang nak kena potong dah pun! Sebab masa dah melebihi. Boleh buat penggulungan.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

(Ketawa kecil) Saya sekali lagilah saya nak minta kalau boleh pihak JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) yang mana di kawasan pinggir-pinggir sungai, kawasan tu terbiar jadi hutan apa salah jikalau pejabat tanah dan juga JPS berbincang dan mencari jalan untuk membangun sebab apa saya, YB. Tuan Speaker saya dapat maklumat yang tak boleh didedahkan di sini sebab ada satu tempat yang mana '*tik fit* bukan apa ni penagih yang berdisiplin, ada juga penagih yang berdisiplin dia tak curi tapi dia menanam mengusahakan tanaman kontang sawit dan sebagainya tanam sayur semua di pesisiran tepi sungai secara yang tak sah. Apa salah kalau kita buat dia dapat pendapatan ribu-ribu di tepi sungai, tanah JPS apa salah kalau di sepanjang macam contoh kata kampung saya, kamu saya ni panjang sungai apa salah kalau kita bagi peluang kepada penduduk setempat tu mengusahakan tanaman menggunakan tanah yang terbiar,pelancongan pun boleh buat juga dan tanaman- tanaman, sayur - sayuran juga boleh dilaksanakan juga dan JPS pun akan dapat hasil, kerajaan negeri pun dapat hasil saya nak supaya benda ni dilaksanakan di semua kampung terutamanya di kampung sebelah Bayu. Satu lagi cadangan sayalah sebab saya tengok YB. Tuan Speaker duk kerling banyak pukul 1.00 kita habis kan.

YB. TUAN SPEAKER

Saya setuju dengan YB. Bayu, tetapi cadangan YB. Bayu tu baik tapi saya rasa tak perlu pun sampai ke peringkat Dewan, mungkin perkara tu kita bincangkan di mesyuarat tindakan daerah dan kita cari sebab semua jabatan yang ada di situ tapi benda-benda yang kecil tu kan jadi yang ni kita besar berbincang yang besar sikit.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Saya dah bangkit dah tapi tak apalah. Saya suara disini lagi supaya diberi peringatan di peringkat daerah. Satu lagi YB. Tuan Speaker, saya nak cadang baru ni kemarau panjang kesian dekat SADA orang marah dekat SADA tetapi pejabat SADA pun air tak dak. Jadi sekarang ini kita nak tengok macam mana sebab cuaca yang panas, kemarau yang panjang ni nak salah siapa? Takkan nak salah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar? Takkan nak salah kerajaan negeri Kedah? Tak boleh. Isu-isu yang dimainkan di kampung-kampung menyalahkan kerajaan negeri Kedah sedangkan kemarau tu bukan kuasa kita, kuasa Allah yang menentukan. Kalau musim biasa air SADA okey ada tapi kalau musim kemarau bukan kata air SADA, semua tempat tak ada air. Jadi saya di kawasan luar bandar seperti tempat saya, saya nak cadang kepada NGO ataupun pihak SADA dan juga agensi kerajaan supaya wujudkan mini loji. Kami sungai ni YB. Tuan Speaker kawasan kami sepanjang sungai tu sungai yang bersih bukan sungai macam sungai Anak Bukit minta maaf, dia dia tak berapa elok sikit sungai tu tapi sungai kami ni daripada hutan tu turun tu air tak pernah kering, air tak pernah kering walaupun kemarau yang panjang tapi air tak pernah kering. Apa salah kalau kita buat mini loji air Sungai Batu Lapan, Sungai Siong, Sungai Weng sungai jernih dan banyak pelancong-pelancong masuk mandi apa salah kalau kita ambil air tu kita buat stok loji mini loji dan kita bekal kepada penduduk di kawasan-kawasan yang terjejas air jadi pandangan saya yang itu cadangan… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Boleh, boleh dah kut noh?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Bolehlah pantun tak boleh nak macam mana ni banyak lagi ni. Jadi, saya berharaplah kita ini semua pakat-pakat mengambil tindakanlah jaga kawasan masing-masing dan saya nak tutup ni saya nak pantun jugalah YB. Tuan Speaker, yang mana kita tengok semua duk pantun jadi sebelum mengakhiri ni saya nak pantun yang berbunyi

Anak nelayan turun ke Kuala,
Membawa jala mencari ikan,
Jika usaha digembelengkan bersama,
Segala masalah dapat diselesaikan.

Bunga melati harum baunya,
Tumbuh mekar di waktu pagi,
Dengan tekad dan usaha semua,
Kedah maju rakyat diberkati.

Akhir sekali saya menjunjung kasih menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bayu (ketawa kecil). Seterusnya saya menjemput YB. Guar Chempedak. Suka cita saya maklumkan kepada YB. Guar Chempedak masa kita agak terhad juga sebab kitakan. Oh YB. Guar Chempedak tak dak? Kita lompat sat. kita bagi YB. Kupang. YB. Kupang ada? Boleh YB. Kupang na? Jadi kita akan bagi YB. Kupang. Sebelum YB. Kupang bangun, kita ada usul daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Jeneri. Dipersilakan YAB.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1)(a), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2:30 petang selepas ditangguhkan pada 1:00 tengah hari. Terima Kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YAB Dato' Seri Jeneri. Dipersilakan YB. Sungai Limau.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tersebut. Sekian, terima kasih. Seterusnya saya menjemput YB. Kupang.

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian. YB. Tuan Speaker, terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana telah diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena istiadat Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Sesungguhnya titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bukan sekadar amanat tetapi merupakan panduan besar kepada hala tuju pentadbiran negeri serta tanggungjawab kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Baginda telah menzahirkan dengan jelas bahawa peranan kita tidak boleh terbatas kepada perbahasan di dalam dewan semata-mata sebaliknya kita harus menjadi jambatan antara dasar dan rakyat, antara ekspresi dan juga pelaksanaan Dewan Yang Mulia ini mesti kekal sebagai medan perbincangan yang matang, berhemah serta berteraskan kepentingan rakyat bukan kepentingan sempit mana-mana pihak. Dalam masa yang sama saya turut menyokong penghargaan yang dizahirkan oleh Tuanku terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah memimpin pentadbiran negeri dengan komitmen dan kesungguhan yang tinggi dalam mendepani pelbagai cabaran semasa.

YB. Tuan Speaker, izinkan saya menyentuh satu perkara asas tetapi amat kritikal dalam menentukan masa depan Negeri Kedah iaitu prinsip federalisme, dalam sebuah negara persekutuan hubungan antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan seharusnya bersifat saling melengkapi bukan saling menyekat. Jadi prinsip federalisme bukan sekadar teori dalam perlembagaan tetapi mesti dizahirkan dalam bentuk keadilan pengagihan sumber keikhlasan kerjasama dan kesaksamaan layanan tanpa mengira perbezaan politik. Namun realitinya hari ini kita masih berdepan dengan pelbagai kekangan yang mengungkap semangat federalisme yang disebutkan tadi. Peruntukan kepada ahli-ahli parlimen daripada Kedah khususnya dan daripada blok pembangkang masih belum disalurkan secara adil keadaan ini bukan sahaja menjejaskan fungsi wakil rakyat malah secara langsungnya memberi kesan kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Lebih membimbangkan beberapa projek strategi negeri turut berdepan dengan kelewatan dan ketidakpastian termasuklah projek Kedah aerotropolis yang berpotensi menjadi pemangkin ekonomi baru Negeri Kedah. Persoalannya sampai bila potensi ini harus di tertangguh akibat ketidakseimbangan dalam hubungan persekutuan dan negeri. YB. Tuan Speaker, kita harus jujur mengakui bahawa pembangunan sesebuah negeri tidak boleh bergerak secara bersendirian ia memerlukan strategi yang tulen antara semua peringkat dan juga kerajaan. Sebuah negara yang kukuh dibina atas asas pertama keterbukaan, yang kedua kepercayaan, dan yang ketiga ialah rasa tanggungjawab bersama. Jika prinsip ini diabaikan maka yang akan terkorban bukan kerajaan negeri tetapi rakyat keseluruhannya. Dalam konteks ini saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan persekutuan agar kembali kepada roh sebenar federalisme iaitu keadilan kesaksamaan yang saling menghormati. YB. Tuan Speaker, Kedah bukan negeri biasa, Kedah adalah negeri yang telah banyak menyumbang kepada kepentingan nasional daripada sektor pertanian, sumber makanan negara sehinggalah kepada kestabilan politik yang menjadi asas kekuatan negara. Namun malang kadangkala Kedah seolah-olah menerima layanan yang tidak setimpal

dengan sumbangannya, bak kata peribahasa Melayu seperti *"Sungai Yang Mengalir Memberi Kehidupan Di Hilir, Tetapi Dihulur Dibiarkan Kering Dan Menjadi Tanah Gersang Dan Juga Sepertimana Menabur Benih Di Tanah Subur, Orang Lain Menuai Hasilnya, Yang Menanam Hanya Tinggal Penat Dan Luka Di Tangan".*

Peribahasa ini bukan sekadar kiasan tetapi menggambarkan realiti yang sedang kita hadapi. YB. Tuan Speaker, saya ingin menegaskan bahawa Kedah bukan sahaja penting dari sudut ekonomi dan keterjaminan makanan tetapi juga merupakan benteng kekuatan politik Melayu yang menjadi asas kestabilan negara. Sekiranya rumpun Melayu yang menjadi asas kepada kestabilan negara ini diabaikan maka sudah tentulah masa depan negara ini akan menjadi masalah yang besar kerana asasnya keterjaminan dan juga kestabilan politik negara adalah berteraskan kepada bangsa Melayu itu sendiri sebagai penduduk asal tanah Melayu itu.

Oleh itu, Kedah harus dilihat bukan sebagai beban tetapi sebagai aset strategi negara yang perlu diperkasakan, dibela dan diberi keutamaan yang sewajarnya. YB. Tuan Speaker, saya ingin menyeru agar semua pihak sama ada peringkat negeri mahupun persekutuan supaya mengetepikan perbezaan politik dan kembali kepada matlamat utama iaitu membela nasib rakyat. Marilah sama-sama kita memastikan bahawa setiap dasar yang digubal, setiap keputusan yang dibuat, dan setiap tindakan yang diambil benar-benar memberi manfaat kepada rakyat Negeri Kedah. YB. Tuan Speaker, saya tidak berhajat memanjangkan perbahasan cuma sebagai penutup izinkan saya mengetengahkan masalah yang dihadapi di kawasan saya iaitu lebih kurang 25 orang yang duduk di sepanjang Sungai Kupang berhadapan dengan masalah perpindahan kerana terlibat dengan rancangan tembatan banjir.

Apa yang saya nak ketengahkan ialah dapat kiranya kerajaan negeri mempertimbangkan apa-apa yang sepatutnya iaitu sedikit ganjaran untuk kos perpindahan ini sebagai satu menyampaikan hasrat mereka. Jadi YB. Tuan Speaker, yang saya hormati dengan ini saya menyokong penuh titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam pembukaan rasmi Dewan. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kupang. Seterusnya yang menjemput YB. Gurun. YB. Gurun akan berucap sehingga jam 1:00, kemudian saya akan tangguhkan dulu pada jam 1:00, kemudian kita akan sambung balik pada jam 2:30. YB. Gurun dipersilakan.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Memandangkan masa tidak mengikuti saya cuba panjangkanlah perbahasan saya pada hari ini. Jadi alhamdulillahi rabbil 'alamin, wassalatu wassalamu 'ala asyrafil anbiya'i wal mursalin, wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Terima kasih YB. Tuan Speaker dan sebelum itu kita masih lagi di dalam bulan Syawal dengan ini saya mengambil kesempatan saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera terlebih dahulu saya merafakkan sembah setinggi-tinggi sembah menjunjung kasih kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darul Aman diatas titah ucapan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang Ke-15. Sesungguhnya titah Tuanku amat bermakna dan penuh dengan peringatan penting pada semua Ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan amanah dengan penuh bertanggungjawab berasaskan fakta, undang-undang, adab dan keikhlasan demi kesejahteraan Negeri Kedah ini. YB. Tuan Speaker nampak begitu segak hari ini, nampak begitu tampan. Saya teruskan lagi perbahasan saya.

YB. TUAN SPEAKER

Kita tambah masa tapi selepas pukul 2:30 (ketawa kecil)

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Titah Tuanku sangat tepat pada masanya dalam keadaan rakyat berdepan tekanan, kos sara hidup, cuaca panas yang berpanjangan, cabaran bekalan air, isu pertanian, kedudukan ekonomi yang tidak menentu, serta perubahan besar di peringkat global. Maka Negeri Kedah memerlukan sebuah kerajaan yang stabil pentadbiran yang berdisiplin dan Ahli Yang Berhormat yang bekerja dengan jiwa yang besar. Tuanku telah mengingatkan bahawa peranan Ahli Yang Berhormat bukan sekadar berbahas di dalam dewan tetapi menjadi penghubung utama antara rakyat dan kerajaan. Titah diraja juga menegaskan bahawa setiap pandangan dan kritikan mestilah berasaskan fakta serta berniat untuk menambah baik dasar dan pelaksanaan sedia ada. Dewan ini tidak seharusnya menjadi medan pertikaian yang tidak berkesudahan tetapi sebuah platform yang matang dan berhemah untuk merungkai masalah rakyat. Inilah roh perjuangan yang mesti kita pegang bersama, YB. Tuan Speaker dalam semangat itulah saya ingin menyatakan bahawa kerajaan hari ini wajah diberikan penghargaan harta usaha untuk terus memperkukuhkan tadbir urus yang baik, mengekalkan kestabilan pentadbiran, dan memastikan negeri ini tidak dihanyutkan oleh politik yang sempit dan tidak berkesudahan. Kita mesti berlaku adil dalam keadaan politik yang semasa yang tidak selalu mudah kerajaan negeri telah berusaha memastikan

pentadbiran yang berjalan lancar tersusun dan tidak terganggu dengan provokasi yang boleh merosakkan keharmonian negeri bahkan Tuanku sendiri telah merakamkan penghargaan terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang berjaya memimpin barisan Ahli Yang Berhormat dengan baik sekaligus memastikan pentadbiran negeri perjalanan dengan lancar stabil dan terhindar daripada isu besar seperti provokasi yang boleh menggugat keamanan negeri. Pengiktirafan ini bukan satu perkara kecil ia adalah amanah besar untuk terus terpelihara dengan kerjanya lebih kuat. Namun begitu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihati diri saya dan seluruh rakan-rakan ADUN kerajaan jangan selesa dengan kedudukan yang ada pada hari ini. YB. Tuan Speaker, kalau boleh celah saya izinkan, kalau nak sembang pun …(ketawa kecil)

YB. TUAN SPEAKER

Saya bagi masa tambahan.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Kita ada masa lagi YB. Tuan Speaker (ketawa kecil). Jangan terlalu cepat berpuas hati, jangan kita fikir bila kita kerajaan sudah stabil maka tugas kita telah selesai, tidak sama sekali. Sebenarnya bila kerajaan stabil tugas kita menjadi lebih besar bila rakyat memberi kepercayaan maka amanah kita menjadi lebih berat. Bila pentadbiran dihargai maka ukuran terhadap prestasi kita juga menjadi lebih tinggi. Kerajaan tidak.. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Gurun boleh habiskan tak apa. Saya bagi masa tambahan.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Saya rasa, YB. Tuan Speaker saya akan sambung selepas… (YB. Lunas mencelah)

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

YB. Tuan Speaker…

YB. TUAN SPEAKER

Oh! Nak sambung? Kalau nak sambung kita bagi pencelahan

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Boleh YB. Gurun?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh?

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Kerana YB. Lunas adalah sahabat saya, saya izinkan.

YB. TUAN SPEAKER

Boleh. Silakan YB. Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

(Ketawa kecil) Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya tertarik dengan ucapan YB. Gurun, sebab dia sentuh berkenaan dengan titah Kebawah Duli Tuanku yang mana antaranya berkisar tentang peranan dan tanggungjawab wakil rakyat. Soalan saya kepada pandangan sayalah ini cuma soalan mungkin YB. Gurun boleh jawab sekali. Setuju atau tidak saya katakan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Jeneri ini, wakil rakyat yang diberikan amanah dan tanggungjawab menjalankan tugas mereka dengan baik. Sebab itu kerajaan ni daripada sebelum ini tak dapat jumlah kerusi yang banyak dan kali yang pilihan raya lepas tinggal 3 kerusi saja kepada pembangkang mungkin sekali lagi tak ada terus. Terima kasih.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Terima kasih YB. Lunas.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Gurun, kita jawab selepas kita tangguhkan dulu mesyuarat boleh? Kita sambung sebentar lagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari dan akan disambung semula pada jam 2:30 petang.

[Sidang Dewan ditangguh pada jam 1:00 tengah hari]

[Sidang Dewan disambung pada jam 2.30 petang]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula dan diteruskan dengan sambungan Perbahasan Usul Titah Ucapan Menjulang Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Dipersilakan YB. Gurun untuk sambung perbahasan yang tadi.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya teruskan perbahasan saya YB. Tuan Speaker, apa yang dikatakan oleh Lunas tadi saya setuju 100 peratus dan saya teruskan dengan titah tuanku. Tuanku juga menegaskan bahawa setiap pelaksanaan mestilah berlandaskan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa dan sebarang tindakan yang mengetepikan saluran serta kelulusan yang sah tidak boleh dikompromi. Ini sangat penting, negeri ini hanya akan dihormati jika pentadbirannya berdiri atas asas undang-undang disiplin dan integriti. Dalam hal ini saya melihat kerajaan negeri hari ini sedang berusaha ke arah itu. Ada usaha memperkemas pentadbiran, ada usaha menyusun hasil negeri secara lebih bertanggungjawab. Ada usaha memastikan perjalanan kerajaan tidak keluar daripada landasan undang-undang. Ini harus dihargai tadbir urus yang baik bukan slogan. Ia mesti terasa di pejabat daerah, di pejabat tanah, di pejabat berkuasa tempatan, di agensi negeri, dan dalam setiap urusan yang melibatkan rakyat.

YB. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh soal golongan muda. Bagi saya, antara ukuran penting sama ada sesebuah kerajaan benar-benar memikirkan masa depan negeri ialah sejauh mana kerajaan itu memberi perhatian kepada anak-anak muda. kerajaan negeri hari ini wajar dipuji kerana ada usaha untuk terus memberi ruang kepada golongan muda dalam pembangunan belia, aktiviti komuniti, pembangunan sukan, latihan kepimpinan dan kesukarelawanan. Kemahiran dan keusahawanan ini langkah yang baik dan mesti diteruskan. Anak muda Kedah perlu diberikan keyakinan bahawa negeri ini bukan sekadar tempat mereka membesar, tetapi tempat mereka boleh membina masa depan. Tetapi dalam perkara ini juga, saya ingin mengingatkan jangan cukup sekadar mengadakan program. Anak muda hari ini menilai kerajaan bukan pada poster program, tetapi pada peluang yang benar-benar mereka dapat. Mereka mahu peluang latihan, mereka mahu peluang pekerjaan, mereka mahu ruang berniaga, mereka mahu didengar, mereka mahu dilibatkan, mereka mahu merasakan bahawa kerajaan benar-benar melihat mereka sebagai aset negeri bukan sekadar kelompok yang diraikan secara bermusim.

Sebab itu kerajaan negeri perlu terus bekerja lebih kuat untuk golongan muda. Kita mahu anak muda Kedah menjadi generasi yang berilmu, berkemahiran, berakhlak, berdaya tahan dan bersedia memimpin negeri pada masa hadapan. Kalau kita gagal anak muda hari ini, maka kita sedang mewariskan masalah yang lebih besar kepada negeri dan masa depan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, seorang atlet kelahiran Negeri Kedah S. Sivasangari telah menjuarai Australian Open pada 16 Mac 2026 yang lepas sekaligus meletakkan beliau di dalam *ranking* keenam terbaik dunia dan beliau adalah seorang atlet yang berada dalam Program Road to Gold untuk temasya Olimpik di Los Angeles pada 2028 nanti. Saya percaya kerajaan negeri akan membuka peluang yang luas kepada sesiapa sahaja tanpa mengira kaum atau warna kulit untuk melangkah lebih luas lagi di persada dunia. Saya juga ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua anggota keselamatan, agensi kerajaan dan seluruh penjawat awam yang bersama-sama dengan kerajaan negeri melakukan yang terbaik untuk Kedah melebihi ideologi dan melangkaui parti politik. Tuanku dalam titah baginda telah menzahirkan penghargaan kepada Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Anggota RELA, Petugas Kesihatan, Pegawai Pentadbir Negeri Kedah serta seluruh penjawat awam Negeri Kedah dan Persekutuan atas komitmen mereka kepada negeri ini. Sememangnya penghargaan itu sangat wajar.

Hakikatnya, kejayaan sesebuah kerajaan bukan hanya bergantung kepada pimpinan politik, tetapi sangat bergantung kepada mereka yang melaksanakan dasar di lapangan. Pegawai Daerah, Jurutera, Petugas Kesihatan, Anggota Polis, Bomba, APM, Kakitangan Teknikal, Guru, Penguatkuasa, Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan ramai lagi. Mereka bekerja bukan untuk parti, tetapi untuk rakyat dan negeri. Bila berlaku bencana, mereka turun. Bila berlaku kemarau, mereka bertugas. Bila rakyat perlukan bantuan, mereka hadir. Maka, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh pasukan keselamatan, agensi-agensi berkaitan dan penjawat awam yang terus berkhidmat dengan penuh amanah, profesional dan setia kepada negeri ini. Kita sebagai kerajaan mesti terus menghormati mereka, menyokong mereka dan memudahkan kerja mereka. YB. Tuan Speaker, antara perkara yang sangat penting dalam titah tuanku ialah isu panas dan kemarau yang berpanjangan. Peringatan mengenai paras takungan empangan yang kritikal, pentingnya memelihara kawasan tadahan air dan keperluan melaksanakan pengurusan sumber air yang mampan serta plan mitigasi risiko bencana secara lebih serius perlu dilihat sebagai tugas semua orang yang berada dalam Negeri Kedah ini. Tuanku juga menegaskan bahawa kelangsungan sektor pertanian, perindustrian dan keperluan domestik amat bergantung kepada kestabilan sumber air. Ini bukan isu kecil bagi Kedah, ini isu rakyat. Ini isu sawah padi, ini isu bekalan makanan negara. Sebab itu saya ingin menegaskan bahawa negeri dan persekutuan mesti terus berganding bahu secara erat untuk menangani isu kemarau ini.

Kedah tidak boleh ditinggalkan bersendirian dalam menghadapi cabaran seperti ini dan pada masa yang sama, kerajaan negeri juga mesti terus proaktif, tegas, bersedia. Inilah semangat federalisme yang dititahkan oleh tuanku iaitu hubungan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan yang tidak boleh dilihat secara terpisah tetapi perlu berasaskan semangat kerjasama yang adil dan saling melengkapi. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi persekutuan yang terlibat dalam usaha pembenihan awan serta langkah-langkah intervensi lain untuk membantu Negeri Kedah menghadapi keadaan panas dan kemarau yang berpanjangan ini.

Terima kasih kepada semua agensi teknikal, pihak meteorologi, pasukan keselamatan, pengurusan bencana dan petugas lapangan yang telah berusaha baik. Namun, kita juga mesti jujur bahawa langkah kecemasan sahaja tidak mencukupi. Kerajaan negeri dan Persekutuan perlu memikirkan penyelesaian jangka panjang. Kawasan tadah air mesti terus terpelihara, sistem pengairan mesti diperkukuh, pengurusan air mesti diperkemas dan kesiapsiagaan menghadapi cuaca ekstrem mesti menjadi agenda yang berterusan bukan bermusim. YB. Tuan Speaker, saya ingin menzahirkan penghargaan yang tulus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seluruh barisan EXCO, pegawai-pegawai kerajaan, penjawat awam, anggota keselamatan, agensi-agensi yang terlibat, Majlis Ketua Kampung dan seluruh rakyat Negeri Kedah yang menjaga sungguh-sungguh negeri yang kita cintai ini. Kepada seluruh rakyat Kedah, terima kasih kerana terus bersama memelihara keamanan, keharmonian dan masa depan negeri ini.

Dalam kejayaan ini, saya ingin memaklumkan di dalam Dewan Yang Mulia ini, DUN Gurun telah berjaya memastikan semua peruntukan daripada kerajaan negeri disampaikan kepada rakyat dengan sehabis baik. Semua peruntukan kerajaan negeri seperti Permataku Sejahtera, Tabung Tengku Mahmud, bakul makanan, BAKIPT (Bantuan Awal Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi), khairat kematian dan lain-lain diberikan kepada semua yang layak tanpa mengira kaum dan agama, merentasi fahaman politik. Yang layak semua kita bagi. Di kesempatan ini juga, saya ingin memohon menambah peruntukan yang ada untuk kita bagi kepada lebih rakyat Kedah ini. Yang terakhir YB. Tuan Speaker, suka saya berikan peringatan kepada diri saya dan kita semua khususnya ADUN kerajaan, jangan selesa, jangan leka dengan kedudukan semasa, jangan cepat rasa cukup, sebaliknya teruskan bekerja dengan lebih kuat, lebih jujur, lebih dekat dengan rakyat dan lebih bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah negeri. Ujian yang ada pada hari ini bukan alasan untuk kita berehat. Ujian itu adalah amanah untuk kita gandakan usaha. Dengan penuh takzim, saya menyokong usul menjunjung kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahiwabarakatuh. Terima kasih YB. Gurun. Seterusnya dipersilakan YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Okey, terima kasih YB. Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, YB. barisan EXCO negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan para hadirin yang hadir ke sidang yang mulia ini. Selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terlebih dahulu, saya dengan penuh takzim dan setinggi-tinggi penghormatan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas titah ucapan diraja yang telah disampaikan dalam istiadat pembukaan persidangan dewan kali ini. Sesungguhnya titah tuanku amat jelas, menyeluruh dan penuh khidmat khususnya dalam mengingatkan kita semua bahawa peranan ahli Yang Berhormat bukan sekadar berbahas tapi menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan serta memastikan setiap isu diselesaikan secara berhemah dan berfakta. YB. Tuan Speaker, saya ingin memulakan dengan satu perkara yang sangat-sangat sangat penting iaitu keperluan untuk kita bercakap secara jujur kepada rakyat. Harini seluruh dunia sedang berdepan dengan ketidaktentuan yang ketara konflik geopolitik di timur tengah, ketegangan di eropah dan timur, Ukraine dan Rusia serta gangguan rantaian bekalan global telah memberi kesan langsung kepada ekonomi dunia. Kesan ini tidak terhenti di sempadan negara termasuk kesan kita lihat kekurangan bekalan diesel petrol di negara-negara jiran kita seperti Thailand, Vietnam, *Philippines* dan juga saya pun kita dapat lihat di Australia. Sebaliknya ini turut dirasai oleh negeri dan rakyat di peringkat tempatan.

Apabila harga minyak dunia meningkat yang kini harini berada dalam lingkungan sekitar 90 dolar ke 100dolar setong, kesannya akan mengalir kepada peningkatan kos pengangkutan dan seterusnya kepada harga barangan harian. Ini adalah satu rantaian ekonomi yang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana negara. Perkara ini juga telah disentuh oleh tuanku dalam titah baginda bahawa ketidaktentuan global memerlukan semua pihak bertindak dengan lebih berhemah, cekap dan berstrategi dalam mengurus sumber serta perbelanjaan. YB. Tuan Speaker, dalam konteks ini adalah penting untuk kita melihat usaha yang sedang dilaksanakan bagi melindungi rakyat daripada tekanan kos hidup yang semakin meningkat. Untuk makluman semua, Kerajaan Persekutuan sebulan dalam peperangan ini telah menanggung subsidi petrol dan diesel yang dianggarkan mencecah sekitar RM4 bilion sebulan. Ini bukan satu angka yang kecil YB.

Tuan Speaker, ini adalah satu komitmen kewangan yang sangat besar demi memastikan rakyat tidak terkesan secara mendadak dengan kenaikan harga pasaran global. Kalau kita pecahkan RM4 bilion itu, ini bermakna subsidi satu tahun akan mencapai RM48 bilion dan itu hanya digunakan untuk menampung subsidi bahan api. Jadi satu jumlah yang sangat besar dan sepatutnya boleh untuk digunakan untuk pembangunan sekolah, hospital, infrastruktur dan kebajikan rakyat. Namun, Kerajaan Persekutuan memilih untuk terus melindungi rakyat. Kerajaan Persekutuan masih mengekalkan subsidi petrol RON95 melalui BUDI95 dimana rakyat menikmati harga seliter sekitar RM1.90 liter menggunakan MyKad. Walaupun harga pasaran sebenarnya hari ini dianggarkan mencecah sekitar RM4.27 seliter petrol. Ini bermakna terdapat subsidi sekitar RM2.28 bagi setiap liter yang digunakan oleh rakyat. Di samping itu, pendekatan subsidi bersasar seperti melalui inisiatif Budi Madani telah diperkenalkan bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan sambil mengurangkan ketirisannya sebelum ini dianggarkan mencecah beberapa bilion ringgit setahun. Dalam masa yang sama, sistem seperti SKDS masih memastikan sektor pengangkutan dan logistik kita terus mendapat bekalan diesel pada kadar terkawal bagi mengelakkan kenaikan mendadak harga barang keperluan. Semua ini menunjukkan bahawa dalam keadaan dunia yang mencabar, usaha untuk melindungi rakyat masih dilaksanakan secara berterusan. Namun, dalam masa yang sama timbul satu…

YB. TUAN SPEAKER

Ada celahan YB. Bakar Arang

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Aaa.. saya ada banyak lagi. Nanti saya bagi okey.

YB. TUAN SPEAKER

(ketawa kecil)

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Okey.

YB. TUAN SPEAKER

Okey.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Okey, namun dalam masa yang sama, timbul satu persoalan yang wajar kita renungkan bersama. Baru-baru ini, kita melihat penganjuran satu perhimpunan motosikal berskala besar yang melibatkan kepimpinan daripada beberapa negeri termasuk dari Negeri Kedah, Menteri Besar Negeri Kedah bersama negeri lain-lain. Acara ini tersebut dilaporkan menghimpunkan puluhan… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu bangun YB. Minta laluan, YB. Bandar Baharu bangun.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Aaa… bagi saya panjang lagi okey. Acara tersebut dilaporkan menghimpunkan puluhan ribu peserta dalam satu suasana yang besar dan meriah. YB. Tuan Speaker, saya di sini bukan nak mempertikaikan hak mana-mana pihak untuk menganjurkan program atau menghimpunkan masyarakat. Itu adalah sebahagian daripada amalan demokrasi. Namun, dalam keadaan sekarang orang rakyat berdepan dengan tekanan kos sara hidup dan dalam masa yang sama kerajaan sedang berusaha menguruskan subsidi dengan lebih berdisiplin dan berhemah. Maka, rakyat pasti akan melihat dan menilai persoalannya itu bukan sekadar program itu sendiri tetapi mesej yang dibawa itu. Dalam masa kita tak ada cukup petrol tapi ada orang bawak pi habiskan subsidi petrol ini. Jadi apakah ini? Adakah ini isyarat yang sampai kepada rakyat apabila dalam satu masa kita menyeru kepada penjimatan, pengurusan berhemah dan keutamaan kepada keperluan tetapi dalam masa yang sama… (YB. Bandar Baharu minta laluan)

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

YB. Tuan Speaker….

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Kita melihat penganjuran program berskala besar itu… (YB. Bandar Baharu mencelah)

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Mintak mencelah.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Melibatkan penggunaan signifikan… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Ada celahan YB. Minta laluan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Sekejap, panjang lagi, panjang lagi.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Nak tanya pendek saja.

YB. TUAN SPEAKER

Tak bagi lagi?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Nak bagi, tambah masa nanti. Okey. YB. Tuan Speaker, Tuanku dalam titah baginda telah menekankan bahawa pengurusan sumber negeri perlu dilaksanakan secara berhemah, cekap dan strategik supaya setiap perbelanjaan memberi impak yang optimum kepada rakyat.

Sehubungan itu, adalah penting untuk semua pihak termasuk kepimpinan negeri menunjukkan contoh yang selari dengan semangat tersebut. Ini bukan soal yang menyalahkan tetapi soal keutamaan. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, rakyat bukan sahaja melihat dasar tetapi juga melihat tindakan dan keutamaan yang ditunjukkan oleh pemimpin. YB. Tuan Speaker, namun demikian dalam kita membincangkan isu global dan dasar di peringkat persekutuan, kita juga tidak boleh mengabaikan tanggungjawab di peringkat negeri. Tadi dalam pagi ini saya dengar dari perbahasan dan kita pun tahu SKDS yang merangkumi banyak jenis kenderaan tetapi untuk pertanian jentera-jentera itu dia tidak merangkumi. Jadi Ketua Pembangkang pun sudah tadi berbahas dalam ucapannya Kerajaan Persekutuan sedang mempertimbangkan akan masukkan jentera sebagai satu SKDS mungkin dalam… (YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Setuju saya kata Kerajaan Persekutuan terlalu lambat?

YB. TUAN SPEAKER

Aaa.. dipersilakan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Ya? Sekejap lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Belum lagi?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Bagi saya cakap. Sedang *hot* ni, sedang *hot* ni (ketawa). Tadi cakap mana dah.

YB. TUAN SPEAKER

Okey YB. Tuan Speaker bermurah hati untuk bagi masa, sedikit masa tambahan kepada YB. bagi menghidupkan suasana Dewan pada petang ni.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Ok, YB. Bakar Arang kata sedang mempertimbangkan. Rakyat di bawah ni dah susah, dah menderita dah ni, dah mengeluh dah pelbagai masalah dihadapi. Kena tangguhkan kerja bersawah tapi kerajaan masih lagi sedang. Yang keduanya, minyak dunia pernah naik sampai 147 US Dollar *per barrel* tapi masa tu subsidi pada masa tu minyak diesel tidak semahal hari ini.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Yang pertama, terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor. Pertama saya nak jelaskan di sini kita pun semua tahu peperangan ini kita bukannya kita pilih okey. Harga harga minyak tu pun bukan kita yang tentukan okey. Kita boleh lihat kepada isu seperti Selat Hormuz ini laluan yang begitu penting ada 20 peratus daripada minyak… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor bangun YB., YB. Pengkalan Kundor bangun.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

2008 Perang Iraq dan Afghanistan tu pun bukan kita yang pilih. Minyak jauh lebih tinggi pada hari ini, minyak global dunia pada masa tu.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Dan tetapi kalau kamu lihat kepada *chart* pada masa itu dia tidak seperti sekarang di mana harga dia masih di 90 dolar ke 100 dolar lebih. Masa tu dia naik ke 150 dolar tapi tak sampai tak sampai satu bulan dia… (YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Sebab perdana menteri masa tu perdana menteri yang lain.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Perdana menteri (ketawa) ni takleh ah. Masa tu penggunaan pun kurang dan juga satu untuk jelaskan pada masa tu negara kita menghasilkan minyak lebih banyak daripada hari ini dan hari ini kalau kita lihat memang penghasilan minyak di negara kita semakin berkurang sudah kurang tak macam dulu.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Sumber YB., sumber? Sumber minyak berkurang dari sumber mana?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker, saya teruskanlah (ketawa).

YB. TUAN SPEAKER

Okey, okey, silakan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Saya jawab tak boleh nanti bahas pula tak boleh habis. Okey, tadi saya sambung di mana berkenaan dengan jentera. Jadi saya berpandangan begini YB. Tuan Speaker, saya rasa sebagai tanggungjawab sebagai kerajaan negeri, saya mencadangkanlah

sebab pertama tadi semua Yang Berhormat sudah berkata memang makanan terutamanya padi di negeri kita ni adalah sangat penting untuk negara kita. Jadi saya mencadangkan untuk menjamin kestabilan makanan ini. Kita pun tak tahu berapa lama peperangan ini akan berlaku dan Perdana Menteri sudah berkata dalam beberapa hari lalu yang peperangan ini mungkin boleh sampai 3 tahun pun mungkin sampai 5 tahun jadi dia akan memanjang masa tu. Jadi apa yang saya cadangkan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan negeri adakah kita boleh mewujudkan satu *funding, emergency funding* untuk membantu pesawah dalam masa ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kota Siputeh bangun YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Mungkin sebanyak RM10 juta untuk membantu pesawah padi sebab isu ini adalah isu besar dan saya berharaplah kerajaan negeri mempertimbangkan cadangan ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kota Siputeh bangun YB., YB. Kota Siputeh bangun.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Kota Siputeh, kalau bagi saya teruskan la.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Sikit ja, sikit. Sikit ja sikit ja.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Teruskan saya nak cakap pelancongan ni.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Sikit ja, sikit ja. Sikit sangat, sikit sangat. Saya nak bacakan, saya nak sentuh bab minyak tadi tulah yang sebab seronok bercakap pasal bukti tu kan. Sebab setakat data rasmi yang ditunjuk secara meluas, Malaysia mempunyai rizab minyak terbukti sekitar 2.7 bilion tong pada tahun 2023. Angka ini meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang masih mempunyai simpanan minyak penting di Asia Tenggara dan Malaysia juga ialah kedua terbesar di Asia Tenggara bagi rizab minyak pada tahun tersebut. Maknanya kalau ikut kata YAB. Perdana Menteri (Perdana Menteri Ke-10),

"hari ini kita jadi kerajaan kita ada banyak *reserve* kita boleh macam-macam." Ha.. tapi masalah dia tak berlakulah YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Ya, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Bakar Arang, teruskan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Saya rasa itu adalah isu dululah. Itu dulu punya benda dan *you* kalau kata… (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

2023, 2023.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Dan *you* kalau kata perdana menteri tak pernah turunkan harga itu tidak betul. Perdana menteri pada semasa pentadbiran kali ini dan 2025 turun ke RM1.99. Itu pun turun juga. *At least* dia lebih baik daripada semasa Perikatan Nasional menjadi Perdana Menteri (ketawa kecil). Okey, jadi saya teruskan YB. Tuan Speaker. YB. Tuan Speaker, saya… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Okey, YB. Lunas bangun YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Bagi saya teruskan ya. Patutnya tadi 2 orang sudah bagi.

YB. TUAN SPEAKER

Okey, masa tinggal tambahan 3 minit untuk YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Ok YB. Tuan Speaker, saya nak menyentuh tentang pelancongan la. Jadi saya ingin menyentuh berkenaan itu sasaran 7 juta pelawat ke Kedah pada tahun 2025 telah berjaya dicapai. Jadi, pada pandangan saya lah, saya rasa angka ini amat ada sedikit meragukan dan memerlukan satu penjelasan yang lebih jelas dari pihak kerajaan negeri. Apa definisi sebenarnya sebenar tentang pelawat yang digunakan dalam pengiraan ini dan adakah ia benar-benar merujuk kepada pelancong yang datang menginap dan berbelanja di negeri ini ataupun termasuk jugak pergerakan harian seperti pengguna jalan raya, pekerja rentas sempadan atau individu yang hanya singgah tanpa aktiviti pelancongan sebenar? Contohnya, macam orang Kuala Lumpur nak pergi Hatyai dia gunakan sempadan Kayu Hitam dan dia keluar daripada sempadan Kayu Hitam. Adakah itu angka pun dikira sekali? Kalau angka itu dikira sekali, itu tidak mencerminkan sebenar pelancong datang ke negeri kita. Jadi maksud saya, jika angka 7 juta ini tepat maksudnya purata hampir 20,000 pelawat sehari. Maka persoalannya adakah industri pelancongan tempatan seperti hotel, *homestay*, restoran dan pengusaha pelancongan benar-benar merasai peningkatan yang konsisten sepanjang tahun selari dengan angka tersebut?

Saya juga di sini ingin mendapatkan penjelasan tentang metodologi pengiraan yang digunakan. Adakah data ini berdasarkan rekod penginapan sebenar dan perbelanjaan pelawat atau sekadar anggaran pergerakan di pintu masuk seperti lapangan terbang dan sempadan? YB. Tuan Speaker, saya juga di sini ingin menyentuh juga berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi pelaksanaan Tahun Melawat Kedah 2025 yang dikatakan berjaya menjana limpahan ekonomi antara RM4.9 bilion hingga RM7 bilion. Saya rasa angka ini terlalu tinggi dan pada pandangan saya dia memerlukan satu penjelasan yang terperinci dan telus. Bagaimana dengan peruntukan RM3 juta campur dengan *federal* punya RM1 juta. Kita boleh menganggarkan pulangan sehingga berbilion ringgit. Kalau ada pulangan sebegini, maksudnya kita semua bab pelancongan bolehlah. Kita pun tak payah buat industri kita pun tak payah takut krisis minyak. Dengan *investment* RM3 milion dapat bilion balik. *So* jadi adakah limpahan ekonomi ini diukur berdasarkan data sebenar seperti perbelanjaan pelancong, kadar penginapan hotel dan aktiviti perniagaan tempatan ataupun sekadar anggaran yang digenerasikan? Selain itu, jika benar limpahan ekonomi mencecah 4.9 bilion, adakah kesan ini benar-benar dirasai oleh peniaga tempatan, pengusaha pelancongan dan rakyat ini di lapangan? Kerana sekiranya angka sebesar ini benar-benar berlaku, sepatutnya kita lihat peningkatan yang jelas dan konsisten dalam ekonomi setempat. YB. Tuan Speaker… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Boleh *landing* YB. Masa tambahan pun sudah pergi lebih.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Sudah *landing*.

YB. TUAN SPEAKER

Okey, boleh *landing*.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker, saya dengan ini saya menegaskanlah bahawa perbahasan di dewan ini seharusnya berfokus kepada penyelesaian. Jadi saya merujuk kepada YB. Kupang pagi tadi dalam perbahasan berkata Kerajaan Persekutuan menyekat kerajaan negeri Kedah. Saya rasa ini adalah tidak betul. Kalau Kerajaan Persekutuan menyekat kerajaan negeri, kenapa dia masih bagi peruntukan untuk contohnya untuk RTB sebanyak sebilion untuk Jeniang Transfer RM1.28 bilion dan juga banyak-banyak lagi seperti pembangunan jalan raya dan juga pembagi banyak-banyak inisiatif yang lain. Jadi, saya rasa itu adalah tidak betul. Jadi, akhir sekali rakyat hari ini mengharapkan pentadbiran yang cekap, telus dan bertanggungjawab. Mereka tidak menuntut perkara yang luar biasa tetapi hanya mahukan keperluan asas seperti bekalan air yang stabil, kos hidup yang terkawal dan perkhidmatan yang berfungsi dengan baik. Semua ini telah pun digariskan dengan jelas dalam titah tuanku dan menjadi tanggungjawab kita bersama untuk melaksanakannya dengan sebaiknya.

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Mintak...

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kupang bangun YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker, sekali lagi saya dengan penuh takzim menjunjung titah Kebawah Duli… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Dah habis YB.?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Bakar Arang dan seterusnya, dipersilakan YB. Bukit Lada.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat dan seterusnya Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN, dan para pemerhati yang dikasihi sekalian. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak YB. Tuan Speaker yang membenarkan saya untuk berdiri pada petang ini. Mulanya, saya ingin menyokong titah ucapan Tuanku Sultan Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Kedah yang ke-15 ini. Patik ingin mendoakan semoga Allah SWT memberikan kesihatan yang panjang dan di umur dipanjangkan usia dalam mentadbir negeri ini, Amin ya rabbal alamin. Di dalam titah ucapan Tuanku Sultan merakamkan penghargaan kepada kepimpinan kerajaan negeri yang di bawah kepimpinan YAB. Jeneri dan di bawah kepimpinan EXCO Kerajaan dan Pentadbir Negeri Kedah dapat mentadbir negeri dengan baik dan stabil, sehinggakan kita telah menjana pendapatan hasil negeri yang paling tinggi seperti yang disebutkan oleh Ketua Backbencher yang paling tinggi sepanjang Negeri Kedah ini ada dalam dunia ni, iaitu RM816 juta. Pelaburan yang sangat banyak, keseluruhan pelaburan tahun 2025 saja RM27.8 billion melibatkan 397 projek dan menjadikan Negeri Kedah sebagai tempat yang kelima di Malaysia.

Seterusnya saya ingin juga untuk merakamkan tahniah kepada pegawai, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri yang baru. Insya-Allah kami akan berjumpalah. Jadi Alhamdulillah, kita mengharapkan apa yang disebutkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan tentang keyakinan rakyat kepada pemerintahan pentadbiran di bawah kepimpinan YAB. Dato' Seri Jeneri ini terbukti dengan beberapa program yang terkini, walaupun nampak macam membazir, orang kata membazir, tapi itulah rakyat. Bila kita ada himpunan, rakyat akan ikut. Kita buat jamuan, rakyat akan mai. Kita buat 80,000, dia mai 100,000. Tapi Alhamdulillah kita buat lebih, akhirnya daripada petang sampai ke malam pun penuh. Dan di setiap DUN, semua tempat yang buat jamuan Aidilfitri boleh dikatakan sangat banyak kehadiran yang hadir

meraikan. Ini menandakan bahawa kesukaan ataupun menandakan bahawa rakyat sangat selesa dengan pentadbiran di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita. Rakyat kalau dia tak selesa, dia akan bawa emoji, emoji yang disebutkan tadi ni. Ada satu kenyataan yang kita dengar, kita lihat. Bila ada satu kenyataan, rakyat suka kalau boleh tambah kepada YAB. Perdana Menteri satu penggal lagi.

Kita pun tengok, tengok di bawah tu semua negatif. Jadi maknanya rakyat tidak suka, nah, rakyat tidak suka dengan apa yang berlaku. Jadi bila rakyat suka, menunjukkan rakyat sangat suka, rakyat sangat selesa dengan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan kita. Jadi himpunan yang berlaku di Terengganu hari itu, itu adalah satu himpunan menunjukkan keselesaan rakyat kepada kepimpinan empat negeri SG4 (State Government 4) ini. Walaupun kita tak bagi duit, walaupun kita bukan sediakan duit untuk mereka bawak naik motor pergi mana. Tapi mereka pergi ke Ijtima Antarabangsa Perpaduan Ummah. Kenapa mereka pergi? Mereka pergi kerana mereka rasa tidak selesa dengan kerajaan yang ada pada hari ini. Mereka mengharapkan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita ini dengan keempat-empat negeri dibawah SG4 ini perlu mengambil-alih kerajaan yang ada pada hari ini. Itu mesej daripada rakyat. Mesej ini ingin sampaikan bahawa kepimpinan negeri SG4 ini mampu untuk mengambil-alih kerajaan, insya-Allah. Jadi naik motor sikit ja, naik heli lagi teruk kan?

YB. TUAN SPEAKER

Ada pencelahan YB.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ha? Ada ka? Haha, sila-sila.

YB. TUAN SPEAKER

Sila, YB. Pengkalan Kundor.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Setuju YB. Bukit Lada. Anak muda, rakyat naik moto tu guna duit sendiri, tak guna duit rakyat. Tapi Perdana Menteri, menteri naik helikopter tu guna duit negara.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ya, ya saya setuju.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Mohon, mohon mintak mencelah sikit.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Dah, dah, dah.

YB. TUAN SPEAKER

Ok YB. Sidam, silakan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baik, terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Bukit Lada. Okey saya ingin mengulas sikit la berkenaan dengan naik helikopter tu kan. Naik helikopter ni berbeza lah dengan naik moto tu. Memang lah guna minyak banyak tetapi ini melibatkan kedaulatan. Kalau kita, kalau YAB. Perdana Menteri tak pi tengok, kita akan kata "apa YAB. Perdana Menteri biar orang tambak sungai, tambak laut. Tak pi tengok ka?" Bila YAB. Perdana Menteri pi, tak kan lah naik moto pi tengah laut tu, kan? Jadi kita kena faham lah. Saya yakin kita semua faham, tapi kita saja-saja tak faham. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Teruskan, YB. Bukit Lada.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih pada YB. Sidam, Alhamdulillah**.** Dia memang macam tu. Dia kena *cover* bos dia kan. Satgi bos dia kata apa pulak kan. Ha ha ha. Jadi Alhamdulillah, jadi kita, rakyat boleh, rakyat akan menilai, YB. Sidam, insya-Allah. Rakyat akan menilai siapa yang bersama dengan rakyat. Kalau dulu kita berjanji, kita nak bagi yang ni, kita nak bagi yang ni. Tiba-tiba apa yang kita janji, semua kita tak 'capatikan' janji itu. Jadi semua rakyat akan nilai, rakyat akan lihat. Sama ada, siapakah yang layak untuk mentadbir negara kita. Seterusnya, saya ingin menyebut tentang satu, apa yang dititahkan oleh Yang Mulia Tuanku Sultan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, iaitu berkenaan dengan federalisme. Iaitu yang kita harapkan perkara ini dapat memahami, orang-orang dapat memahami.

Bagaimana senarai negeri, yang mana senarai negeri, yang mana senarai pusat, yang mana senarai sama. Negeri pun kena buat, pusat pun kena buat. Jadi kita tengok ada sorang *cybertrooper* Negeri Kedah ini yang dia pun mungkin, dia tak faham pun. Kita pun tak tau. Dalam masa dia dok hentam LRA kita, dia hentam jugak RTB. Jadi kita pun rasa pelik. Dia tak tau kata RTB tu kerajaan pusat punya.

Projek dibawah kerajaan pusat. Jadi maknanya projek-projek RTB, projek LRA, semua projek ini ada yang melalui EOT. Masa tambahan, sampai ada yang empat kali tambahan. Ada yang sampai kena tukar dan sebagainya. Semua ini kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan kita di peringkat negeri. Kita tidak pernah hentam kerajaan pusat sebab RTB lambat. Tapi mereka hentam kerajaan negeri kerana LRA lambat. Jadi kita boleh nampak dah bagaimana kecerdikan kepimpinan kita berbanding dengan seseorang yang tidak memahami apa yang berlaku dalam projek-projek ini. Jadi maksudnya sepatutnya kita tau siapa yang buat, kenapa projek ini lambat dan sebagainya. Dan semua ini ialah kerana isu dan sebagainya. Apa yang berlaku dalam dunia dan sebagainya, yang ada pada hari ini.

Jadi saya ingin mengucapkan syabas lah kepada pihak, yang pertama pihak SADA. Walaupun ada isu baru ni tentang air di waktu apa nama, waktu hari raya. Tapi bila saya dapat maklumat daripada SADA. Daripada 18 Mac sehingga 24 Mac, tujuh hari tu, hanya 1,627 akaun permohonan saja. 1,627 akaun yang memohon air selama tujuh hari tu. Dan sedangkan keseluruhan akaun yang ada di Negeri Kedah, 640 ribu akaun. Maknanya berapa peratus daripada 1,627 ini jika dibandingkan dengan peratus hanya 0.25 peratus sahaja, dalam masa seminggu itu yang memohon air daripada SADA. Termasuklah saya, di kawasan saya di Pokok Sena. Saya tau kadang-kadang ada jugak pegawai-pegawai SADA ni yang dia telefon tak angkat ni, ada. Tapi kita kalau boleh, kita hubungi. Saya sampai peringkat hubungi EXCO. Macam mana nak buat, macam mana nak pastikan supaya air ni boleh sampai di rumah. Alhamdulillah saya mengucapkan terima kasih kepada pihak SADA bila mereka sediakan satu platform i-SADA. Saya bagitau pada orang kampung, “hampa tolong isi, *WhatsApp* i-SADA ini. Kalau sehari depa tak hantar air mai, habaq mai, kita akan telefon, kita akan maklum kepada bos SADA. Dan Alhamdulillah, boleh kata semua selesai, di peringkat tempat saya lah. Iaitu lebih kurang 1,000, lebih kurang berapa ratus orang yang terlibat di peringkat di kawasan saya ini. Dan saya tanya pihak SADA berapa unit waktu dalam seminggu tu. Lebih kurang 113 unit lori di seluruh Negeri Kedah dalam masa seminggu. Dalam masa seminggu tu ada 113 lori. Jadi maknanya untuk nak *serve* kepada 1,627 permohonan. Jadi maknanya cukup-cukup memang lebih cukup lagi. Cuma mungkin kadang-kadang orang kampung ni dia tak tau nak isi i-SADA, tak dapat maklumat. Dia cuma dok habaq kata rumah aku air tak dak. Jadi air tak boleh sampai la pasal tak dak maklumat.

Jadi Alhamdulillah, saya mengharapkan pihak kita semua dapat bagi maklumat kepada pihak-pihak kita semua supaya maklumat ni sampai dan Alhamdulillah air boleh sampai di rumah-rumah kita, penduduk-penduduk kita ini, insya-Allah.

YB. TUAN SPEAKER

2 minit lagi YB.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Oh! 2 minit noh. Kemudian, saya nak ucapkan syabas juga kerana insya-Allah pada 7 Julai ini kalau ikut maklumat daripada pihak SADA, LRA Pelubang ini daripada 227 MLD kepada 454 MLD ini dapat beroperasi insya-Allah pada 7 Julai 2026 ini. Melibatkan 185,000 akaun dan saya tanya di Pokok Sena ni ada berapa ribu akaun, nah Tuan DO noh. Lebih kurang 2,500 akaun akan dapat manfaat dan bukan setakat LRA itu, sebenarnya dia juga buat paip. Ada beberapa paip yang sedang dibuat di kawasan Pokok Sena ini untuk mengatasi masalah itu. Ayat dia lebih kurang paip, penukaran paip ada di Masjid Kampung Tengah, pemasangan PRV (Pressure Reducing Valve) di Mukim Tualang, pemasangan paip HDPE (High-Density Polyethylene) di sekitar Taman Bandar Baru dan ada empat, ada empat tempat yang sedang diusahakan oleh pihak SADA. Insya-Allah, saya mengharapkan lebih kurang 2,500 ni akan mendapat manfaat daripada apa nama, LRA Pelubang ini, insya-Allah. Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, cuma saya nak minta satu sikit lagi la noh? Iaitu berkenaan dengan agensi MADA dan JPS lah.

Saya nak ucapkan terima kasih kepada pihak JPS yang sangat prihatin dan saya harap baru ni jadi lagi di Pokok Sena ni apa nama, kemarau pula yang lima tahun lepas tak berlaku, tahun ni jadi pula. Sehinggakan kita terpaksa naik air daripada hilir ke hulu, daripada hilir ke hulu kita terpaksa ambil pam untuk pam air. Jadi kos dia sangat tinggi lebih kurang RM 5,000 lebih kos minyak saja. Jadi saya nak mohon kepada pihak JPS untuk buat satu paip saluran daripada Sungai Mada turun ke Tandop Tok Man. Alhamdulillah, depa dah pun pi tengok dah dan saya sebut sekali lagi dalam ini supaya kita dapat, pihak JPS dapat pertimbangkan. Yang terakhir, iaitu berkenaan dengan MADA. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak MADA yang menyelesaikan isu di Telaga Emas. Bila orang kampung telefon kata “kami tak boleh buat bendang enam musim dah ni”. Kami pun turunlah pergi jumpa kan, orang kampung sembang macam mana sampai enam musim. Lepas itu bila pergi jumpa, barulah kita dapat maklumat, baru diluluskan untuk projek buat parit tu.

Alhamdulillah, ketiga-tiga tempat itu lebih kurang enam ataupun tujuh kilometer dah ada pun dilaksanakan oleh pihak MADA dan saya mengharapkan lepas ni kalau boleh janganlah sampai enam, lima, enam musim sampai tak boleh nak buat bendang kan.

Terima kasih kepada pihak MADA dan pihak JPS dan semua lah dan saya sekali lagi menjunjung titah ucapan menyokong titah ucapan Tuanku Sultan Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibnu Al-Marhum Sultan Badlishah dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Kedah ke-15. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih YB. Bukit Lada dan seterusnya, dipersilakan YB. Kuah.

YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum dan Salam Kedah Sejahtera. Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahas usul menjunjung kasih di atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas titah yang penuh hikmah sarat dengan kebijaksanaan dan cukup mendalam maknanya buat seluruh rakyat negeri ini. Titah Tuanku bukan sekadar ucapan Diraja, titah Tuanku adalah amanah. Titah Tuanku adalah suara hati rakyat yang mahu melihat negeri ini terus maju, adil dan sejahtera. Titah Tuanku kali ini amat luas dan menyeluruh. Menyentuh soal kebajikan rakyat, pembangunan, tadbir urus, pertanian, federalisme, ekonomi, keselamatan dan masa depan Kedah Darul Aman. Ini menandakan raja melihat negeri ini bukan daripada jendela istana semata-mata, tetapi dari denyut nadi rakyat yang di bawah.

YB. Tuan Speaker, hari ini saya bangun bukan sebagai wakil rakyat DUN Kuah. Saya bangun membawa suara sebuah pulau yang banyak berjasa kepada negara, namun terlalu kerap diminta menunggu ketika memerlukan pembelaan. Langkawi bukan pulau biasa, Langkawi ialah Permata Kedah. Langkawi ialah wajah pelancongan Malaysia. Langkawi ialah nama, negara yang dikenali di seluruh dunia. Namun hari ini rakyat bertanya mengapakah pulau yang mengangkat nama Malaysia ini masih dibelenggu isu yang sama setiap tahun?

Apabila Tuanku menyentuh soal Langkawi, infrastruktur, jeti, feri, status bebas cukai, dan hubungan antara kerajaan, maka itu bukan sebutan biasa. Itu peringatan, itu satu teguran berhemah, itu isyarat jelas bahawa masa yang bertindak adalah sekarang. Jangan jadikan titah Tuanku sekadar catatan di dalam *handsard*, jangan biarkan ia dipuji di dalam dewan tetapi sepi di luar dewan. Titah mesti dijawab dengan keputusan, titah mesti dibalas dengan tindakan, titah mesti diterjemah menjadi hasil. YB. Tuan Speaker, Tuanku menegaskan bahawa masalah rakyat mesti diselesaikan

melalui pelbagai agensi. Saya menyokong penuh titah tersebut kerana rakyat hari ini letih melihat jabatan A menyalahkan jabatan B, agensi B menunggu agensi C dan akhirnya rakyat terus menunggu.

Rakyat tidak peduli fail berada di meja siapa, rakyat mahu masalah selesai. Jika rumah rosak, rakyat mahu bantuan. Jika jalan berlubang, rakyat mahu diturap. Jika lesen lambat, rakyat mahu dipercepatkan. Jika masalah timbul, rakyat mahu penyelesaian. Sistem penyampaian kerajaan mesti bergerak sepantas masalah rakyat datang. YB. Tuan Speaker, Tuanku menyentuh konsep federalisme dan hubungan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Ini bukan isu kecil, ini adalah pembinaan negara. Malaysia tidak akan kukuh jika negeri-negeri hanya diingati semasa pilihan raya sahaja, tetapi dilupakan ketika memerlukan bantuan pembangunan. Kedah adalah negeri dalam persekutuan maka hak Kedah bukan ihsan sesiapa. Ia hak yang wajib dihormati. Semakan kadar cukai tanah yang masih menunggu kelulusan wajar dipertimbangkan segera. Jangan biarkan permohonan negeri tergantung tanpa kepastian.

YB. Tuan Speaker, realiti di Langkawi hari ini amat jelas. Masalah feri menghantui rakyat dan pelancong. Jadual tidak menentu, kekerapan tidak mencukupi pada waktu tertentu. Terminal perlu dinaik taraf, luas perjalanan memberi tekanan dan keyakinan pelawat boleh terjejas jika isu ini berulang. Bayangkan seorang pelajar yang perlu ke tanah besar untuk meneruskan pengajian, terpaksa menunggu jadual berubah. Bayangkan juga seorang pesakit yang perlu rawatan susulan tetapi perjalanan menjadi beban. Bayangkan juga peniaga kecil yang menunggu pelanggan tetapi pelancong membatalkan perjalanan kerana akses yang menyusahkan. Bagi sesetengah pihak ianya hanya statistik, bagi rakyat Langkawi ini adalah kehidupan yang sebenar. Langkawi dikenali sebagai pulau bebas cukai. Status ini bukan sekadar jenama pelancongan, tetapi nadi ekonomi rakyat. Apabila pelancong datang membeli belah, hotel penuh, restoran hidup, *E-hailing* bergerak, bot pelancong beroperasi, peniaga kecil berniaga, dan pekerja mendapat pendapatan. Lihat contoh dunia seperti di Dubai, membina ekonomi global melalui dasar mesra cukai dan pelaburan. Hong Kong menjadi destinasi membeli-belah antarabangsa dan juga Jeju *Island* diperkasa melalui insentif pelancongan dan akses cekap. Jika tempat lain memahami konsep insentif ekonomi, mengapa Langkawi telah lama menyumbang kepada negara seolah-olah dibiarkan kehilangan kelebihannya sedikit demi sedikit.

Saya tegaskan melemahkan status bebas cukai Langkawi bererti melemahkan periuk nasi rakyat Langkawi. Tuan Speaker, YB. Tuan Speaker, maaf. Kita sedang menuju Tahun Melawat Malaysia 2026. Jika benar negara serius mahu menarik jutaan pelancong, maka Langkawi mestilah berada di barisan hadapan. Kerana Langkawi sudah ada segalanya, pantai yang indah, *Geopark* bertaraf dunia, budaya yang unik, rakyat yang mesra dan nama yang sudah terkenal. Tetapi keindahan saja tidak

mencukupi jika akses menyusahkan. Keindahan saja tidak cukup jika promosi lemah. Keindahan sahaja tidak cukup jika dasar ekonomi tak menentu. Jika Langkawi dipandang endeh, enteng hari ini, negara akan membayarkannya, harganya hari esok. Saya turut menjunjung titah Tuanku berhubung agenda padi lima kali dalam dua tahun. Ini bukan sekadar soal pesawah, ini soal makanan rakyat Malaysia. Kedah ialah Negeri Jelapang Padi, maka kawasan tadahan mesti dipelihara, pesawah mesti dibantu, teknologi dipertingkatkan dan hasil mesti diperkasakan. Saya menyokong pemerkasaan MADA dan MARDI dengan teknologi moden seperti dengan izin, *internet of things* dan data pintar dan mekanisasi. Sawah hari ini tidak boleh diurus dengan cara semalam.

YB. Tuan Speaker, saya bercakap hari ini dengan terus terang. Kesabaran rakyat Langkawi ada batasnya. Terlalu, terlalu lama rakyat Langkawi diminta bersabar. Terlalu lama masalah sama di ulang. Terlalu lama kelulusan yang penting di tangguh dan terlalu lama Langkawi di layan seolah-olah bukan keutamaan negara. Saya tegaskan kelewatan demi kelewatan hari ini bukan lagi cabaran pentadbiran, ia menghampiri kegagalan membuat keputusan. Apabila isu feri terus berulang, itu kegagalan. Apabila kelebihan bebas cukai semakin terhakis, itu kegagalan. Apabila peniaga menanggung beban tanpa bantuan jelas, itu kegagalan. Apabila rakyat terus menunggu tanpa kepastian, itu juga kegagalan. Jangan minta rakyat memahami keadaan, sedangkan kerajaan gagal memahami kesusahan rakyat. Langkawi tidak rebah kerana ombak di laut tetapi boleh lemah kerana keputusan di darat. Justeru, saya mendesak kerajaan persekutuan agar membuat keputusan segera dan berani untuk Langkawi. Jangan datang Langkawi hanya untuk bergambar, jangan datang Langkawi untuk sidang media, jangan datang Langkawi membawa janji lama dengan wajah yang baru. Datanglah dengan keputusan, datanglah dengan peruntukan, datanglah dengan penyelesaian. Nak habis dah YB. Tuan Speaker tunggu sat, ha ha ha. Rakyat tidak boleh bayar bil dengan kenyataan akhbar, rakyat tidak boleh makan dengan janji politik. Saya menuntut satu inisiatif khas nasional untuk Pulau Langkawi diumumkan segera merangkumi yang pertama, pelan tuntas penyelesaian isu feri dan terminal. Yang kedua, tambahan subsidi pengangkutan laut dan udara, pemuliharaan serta pengukuhan status bebas cukai Langkawi, dana khas naik taraf infrastruktur dan kebersihan pulau, promosi antarabangsa agresif sempena Tahun Melawat Malaysia, insentif kepada pengusaha hotel, perniaga kecil dan usahawan tempatan, dan pelaburan baru yang membuka pekerjaan yang berkualiti. Buat sekarang, jangan tunggu krisis, jangan tunggu kemarahan rakyat, jangan tunggu peluang berlalu pergi.

Akhir kata YB. Tuan Speaker, YB. Tuan Speaker, sekali lagi patik merafak sembah, menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas titah yang penuh bermakna dan kasih kepada rakyat Kedah. Saya turut menjunjung kasih titah penghargaan Tuanku kepada Anggota Keselamatan, Agensi Kerajaan, Penjawat Awam, terutamanya yang berkhidmat di Langkawi. Mereka bukan sahaja bekerja siang dan

malam menjaga keamanan, mengurus bencana, menyampaikan perkhidmatan dan memastikan negara terus berfungsi. Jasa mereka mesti dihargai bukan sekadar dengan ucapan tetapi kebajikan, sokongan dan perkhidmatan yang sewajarnya. Semoga Allah SWT memelihara Tuanku, memakmurkan Kedah Darul Aman, mengangkat martabat Langkawi dan membuka hati semua pihak berlaku adil dan bertindak segera demi rakyat. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, YB. Kuah. Kalau minta masa tambah lagi pun YB. Tuan Speaker bagi. Ha ha ha, sama-sama lain kali. Okey, dan seterusnya, dipersilakan YB. Tokai.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan EXCO, kakitangan kerajaan negeri dan juga Persekutuan, seterusnya sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan yang menjadi pemerhati dalam dan juga di luar dewan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk bangun membahas usul titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang merasmikan persidangan kita semalam. Alhamdulillah, kita merasa bersyukur di atas nikmat yang Allah ta'ala berikan dan syukur juga kerana hari ini Allah ta'ala telah menurunkan hujan di Alor Setar dan juga di Kedah nilah nah. Banyak perkara yang disentuh oleh Tuanku baginda di dalam titah ucapan baginda, dan saya nak menyentuh berapa perkara saja berhubung dengan isu-isu yang timbul mutakhir ini. Terutamanya baginda telah menyentuh tentang ataupun memberi penghargaan kepada petugas-petugas kesihatan yang telah tidak jemu-jemu memberikan khidmat di dalam negara kita ini khususnya di Negeri Kedah melalui hospital, pusat kesihatan dan juga pusat-pusat rawatan yang lain.

Apa yang membimbangkan kita ataupun saya adalah apabila kita melihat di media baru ini, daripada 5,000 peluang *housemanship* yang dibuka kepada rakyat hanya 529 sahaja yang mendaftar untuk masuk ke bidang perubatan ataupun *housemanship*. *Housemanship* ni maknanya latihan selepas mereka *graduate* daripada universiti. Ini sesuatu yang membimbangkan iaitu lebih kurang 10 peratus sahaja daripada jumlah yang dibuka peluang pekerjaan tersebut. Puncanya kenapa, baru-baru ni kita lihat ada seorang *housemanship* di Hospital Kuala Krai eh, telah ditemui meninggal dunia menggantung diri di dalam asrama *housemanship* hospital tersebut. Apa punca sebenarnya apabila kita lihat, kita selidik, apa yang sedang berlaku mutakhir ini bandingkan dengan apa yang kami hadapi lebih kurang 30 40

tahun yang lepas, walaupun dulu kita mempunyai jumlah *housemanship* yang kurang, kerja yang lebih, tetapi sekarang di dalam bidang perubatan ini, rata-rata kita lihat nampak macam ramai di dalam sesuatu wad tetapi mereka mempunyai tekanan yang begitu hebat, begitu besar, di dalam bidang tugas mereka hari-hari, masalah yang dihadapi seperti stress, masalah kemurungan, masalah *depression*, masalah tekanan kerja, masalah peluang-peluang yang tak terjamin di masa depan, dan juga masalah kebanjiran-kebanjiran *student-student* daripada bidang perubatan yang tidak tahu peluang di masa depan, walaupun dulu kami masuk kerja, seingat sayalah gaji hanya RM1,360 itu pun puas buat demo, *work troll* cukup 4 petang kami balik, tak mahu sambung kerja dah, hat dok terlantar, terlantar lah, hat dok sakit ICU (Intensive Care Unit), ICU (Intensive Care Unit) lah, sebab apa itu adalah salah satu daripada demo kami dulu untuk mendapat ganjaran yang lebihlah. Bayangkan RM1,360 kerja lebih boleh kata sehari kerja, sehari cuti sat, sehari kerja, sehari cuti sat, sampai 3 4 wad kita terpaksa lihat pesakit-pesakit.

Begitulah, stress yang dihadapi oleh mereka yang berada di bidang perubatan pada hari ini. Sebab itulah kita dapati banyak isu-isu yang timbul terutama sekali daripada kerja yang dikatakan sebagai kontrak, macam kerja kontrak lah, belum tahu masa depan sama ada mereka nak diserapkan sebagai pegawai perubatan tetap ataupun masih berada sebagai pegawai perubatan kontrak dan peluang-peluang masa depan mereka belum tentu kalau kontrak 2 3 tahun ha tamat habis kerja. Ini masalah yang perlu di fikirkan oleh bukan sahaja saya minta YB. Kuala Ketil yang jawab tetapi saya nak *highlight* kan benda ini sebab perkara ini disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, penghargaan kepada petugas-petugas kesihatan. Yang kedua perkara yang saya nak sentuh adalah tentang peranan yang perlu ataupun mesti dimainkan oleh MARDI dan MADA di dalam kita nak mengendalikan masalah padi di dalam Negeri Kedah ini, yang menjadi semua disebut oleh sahabat-sahabat kita Jelapang Padi Negara, membekalkan beras 40 peratus lebih kepada rakyat negara Malaysia ini. Apa yang, selamat datang YB. Timbalan Speaker, bagi masa lebih boleh kot noh, saya tak ambil masa banyak sikit saja, banyak telah disentuh oleh sahabat-sahabat yang lain nah, MARDI

YB. TUAN SPEAKER

Tak apa, kita bagi tambahan.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

MARDI (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) dan juga MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda). MADA dari segi saliran, MARDI dari segi penyelidikan, Malaysia Agriculture Research and Development Institute, mengkaji apakah benda-benda ataupun bahan-bahan yang boleh kita letakkan sebagai benih

padi yang bermutu tinggi memberi *yield* yang tinggi sampai 67 tan sehektar dan juga memberi ketahanan kepada benih padi tersebut. Di dalam dunia ni, kita ada (IRRI) International Rich Research Institute berada di Los Baños, di Filipina, yang ia telah mengeluarkan benih yang mempunyai ketahanan banjir tahan, kemarau tahan, tenggelam air tahan, masin tahan, IR8 dipanggil tetapi kita di negara kita MARDI kita haraplah kalau sekiranya tidak sampai ke tahap itu, boleh menjalankan kajian supaya dapat mengeluarkan benih yang memberi ketahanan kepada benih-benih yang ditanam oleh petani kita.

Yang keduanya tentang MADA, banyak keluhan yang saya dapati di bawah sana petani-petani mengeluh bandingkan dengan petani di Yan, dengan petani di kawasan saya di Pendang, orang Yan dah ambil padi habis, dah selesai bila kemarau sampai pun, depa kata kami okeylah padi dah naik lori dah masuk kilang dah, yang di Pendang ini kering-kontang lagi, saliran air tak sampai. Sebab itulah banyak yang telah tinggal tak ambil mesin *harvester* tak masuk, pasal apa upah nak *harves*t ni lebih tinggi daripada hasil nak dapat, bayangkan kalau satu relung dapat 4 5 guni, tak balik modal depa kata, lebih baik bubuh api jah, ah cucu api ya lebih mudah daripada kalau hantar mesin untuk mengambil ataupun menuai padi tersebut. Jadi, inilah masalah yang dihadapi oleh petani kita penyelarasan di antara agensi-agensi ini supaya mereka melaksanakan tugas-tugas mereka dengan lebih disebut oleh baginda dengan lebih efisien lebih berkesan supaya hasilnya dapat dicapai oleh petani. Memang kita tahu kemarau ini suatu yang tidak dapat kita elakkan tetapi program ataupun penyelarasan jadual kita boleh susun untuk kita mendapat hasil yang maksimal daripada petani-petani kita.

Yang ketiga adalah tentang apa yang saya rasa satu syor yang saya lihat boleh memberi satu impak kepada mereka-mereka yang berada di masjid di negeri kita inilah. Sekarang ni kita lihat banyak ah orang-orang yang telah beralih kepada kenderaan elektrik, saya ingat YAB. Dato' Seri Menteri Besar pon lepas ni beli satu kot kenderaan elektrik kita boleh *share*. Penggunaan kenderaan elektrik disebabkan oleh kos minyak yang meningkat sekarang ini ya, terutama sekali jenis pakai diesel lah sekarang ni *pick up* diesel telah bertukar kepada petrol pon ada, tak silap saya jenis Hilux kot noh, dia tukar kepada Hilux menggunakan elektrik.

Saya syorkan kepada masjid-masjidlah untuk masa depan 5 10 tahun yang akan datang kita boleh merancang sekarang ni, buat bukan sekadar R&R (Rehat & Rawat) di lebuhraya saja mempunyai R&R untuk orang rehat tetapi di masjid-masjid juga ya, YB. Sungai Limau beri idea ini kepada pengurusan masjid kita supaya boleh R&R di masjid, di samping dia berehat letih bawa kereta, dia boleh singgah di situ, kita buat satu tempat untuk caj kenderaan elektrik di masjid-masjid supaya mereka ini di samping boleh caj kereta, mereka boleh juga berehat gunakan kemudahan tandas di situ dan juga solat jemaah di masjid tersebut pada waktu solat dan di samping kita

bolehlah kembangkan dengan kuliah ka, tazkirah ka, di samping kita membuka ruang untuk mereka mendapat ganjaran pahala, masjid dapat pahala, orang yang pergi pun dapat pahala, orang yang memberi tazkirah ataupun kuliah pun mendapat pahala. Ini merupakan salah satu inisiatif yang saya rasa boleh kita terapkan dalam pengurusan masjid kita di samping kalau ada mereka-mereka yang nak mewakafkan, mungkin syarikat-syarikat nak buat CSR ka, dia boleh wakafkan satu mesin dan masjid juga dapat peluang dana, bukan kita nak suruh *charge free*, dia kena duitlah, kalau R&R kena duit, stesen minyak kena duit, tetapi di masjid juga kita harap perkara ni dapat kita untuk masa depanlah, sekarang ni mungkin kita belum banyak lagi kenderaan elektrik yang wujud dalam negara kita. Dan seterusnya, Tuan Yang Di-Pertua, Tuan Speaker, aduh teringat benda lama lagi

YB. TUAN SPEAKER

Dak, duk rasa tak lama nak pi disitu

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tak mau dah, tak mau dah (ketawa). Yang ketiga, yang seterusnya, Tuan Speaker kita dapati di Negeri Kedah di banyak sahabat-sahabat kita dari petani, terutamanya ni saya nak *highlight* kepada YB. Kuala Ketil lah PBT-PBT yang mengendalikan kedai-kedai yang di dijalankan ataupun peniaga-peniaga di petani yang datang ke negeri kita meniaga terutamanya kedai-kedai tomyamlah "tumbuh seperti cendawan selepas hujan" ni. Mereka ini datang, saya tanya kepada pihak Ahli Majlis ada apa-apa kesan ataupun apa-apa hasil yang boleh diperolehi oleh PBT tak, daripada peniaga Pattni bukan petani pesawah ni, Pattani, Pattani, orang Pattani lah yang datang berniaga tempat kita ni, dia bawa pekerja daripada pattani nah, macam dengan nasi kandar tu dia India, maknanya mereka ini mai cari duit bawa balik tempat depa, apa yang PBT boleh dapat, dia sewa daripada tuan kedai, lesen tuan kedai itu bukan peniaga Pattani tersebut, kemudian apabila pihak kesihatan selalu kita dapati pi tengok nak makan oh kena tutup dan selorong itu semua tutup, pasal apa ada pihak kesihatan nak pergi *check* sama ada mereka ini mendapat suntikan *typhoid* ataupun tidak. Ni dah ada maklumat bila kesihatan nak buat ni YB. Kuala Ketil, hal ini perlu diberi perhatian oleh pihak kesihatan di daerah-daerah lah.

Maknanya mereka ini dari kesihatan pun kita pertikaikan, dari segi hasil yang PBT dapat pun kemungkinan PBT tak dapat apa langsung kerana mereka tidak mempunyai macam cop lesen tu, dia tak boleh pasal bukan bumiputera, bukan rakyat negara ini, jadi yang digunakan adalah tuan-tuan kedai itu. Ini satu masalah bukan masalah tetapi hasil kita tak dapat, mereka dapat duit, mereka dapat mewah, setengah-setengah tu sampai 3 4 apa kedai telah dibuka di sesuatu kawasan, tempat saya ada satu restoran tiga dah dibuka, yang duk pi makan kita jugalah, kita pi makan sedap. Jadi, ini

permasalahan yang perlu kita hadapi dan insya-Allah saya rasa YB. Kuala Ketil boleh masuk dalam mesyuarat ada jawatankuasa nanti berhubung dengan apa masalah peniaga-peniaga Pattani yang berniaga di tempat kita.

Seterusnya, Tuan Speaker, akhir sekalilah saya tak mahu pergi panjang-panjanglah nah, berhubung dengan banjir dan juga kemarau iaitu apa yang disebut oleh Menteri Besar selalu, Yang Amat Dato' Seri Berhormat Menteri Besar, sebut tentang takungan di tepi sungai, memang kita dah ada perancangan dan salah satu daripada apa cara yang paling mudah untuk dilaksanakan adalah takungan di tepi sungai dan tadi pihak pembangkang pun ada menyebut tentang kerajaan pusat telah memperuntukkan belanja untuk melaksanakan takungan di tepi sungai ini, cuma kita harap dengan kemarau yang ada pada hari ini, ia akan memberi pengajaran kepada kita bahawasanya perkara ini perlu disegerakan supaya ke depan ke depan ini, mungkin kalau kemarau tak panjang, mungkin tak ada masalah, tapi kalau kemarau ke depan ke depan ini akan mengambil masa yang panjang kita akan menghadapi masalah seperti mana, yang kita hadapi pada hari ini, sampai pokok durian pon habis luruh dah, tahun ni tak boleh makan durian tempatan dah, kena import daripada nuh Utara sana nu, jadi YB. Tuan Speaker, saya mengucapkan juga setinggi-tinggi junjung kasih di atas titah baginda yang telah merasmikan dewan kita pada hari semalam dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, yang telah melaksanakan tugas yang dibanggakan oleh Tuanku Sultan dan juga kepada semua kakitangan yang telah melaksanakan tugas yang cemerlang sehingga kita mendapat hasil yang tinggi pada tahun lepas. Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Tokai, yang menepati masa yang telah pun ditetapkan. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Bukit Selambau, dipersilakan.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat kerajaan negeri, Yang Berhormat ADUN-ADUN, Ketua-ketua Jabatan, seluruh pemerhati yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadrat Allah subhanahu wa ta'ala, pada hari ini merupakan petang, diberi peluang untuk saya berbahas berkaitan dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Negeri Kedah, mudah-mudahan sedikit apa yang dapat saya sampaikan boleh kita manfaatkan bersama di dalam sidang dewan ini. Apa yang Tuanku titah pada semalamnya, diantaranya suatu pengiktirafan kepada

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, selaku ketua negeri ini, yang Menteri Besar negeri ini, yang sudah melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin, apa yang disebut oleh Tuanku, Beta merakamkan penghargaan terhadap kepimpinan yang mana Menteri Besar yang berjaya memimpin barisan Ahli Yang Berhormat dengan baik, sekali gus memastikan pentadbiran negeri berjalan dengan lancar, stabil, dan terhindar daripada sebarang isu besar mahupun provokasi yang boleh menggugatkan keamanan serta keharmonian Negeri Kedah. Di sini, elok untuk saya nak imbas kembali pencapaian kerajaan negeri yang merupakan tanda mercu kejayaan bagi pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kadangkala di kalangan musuh politik tidak menimbulkan ataupun tidak menghargai sedikit pun pencapaian yang sudah pun dilakukan oleh kerajaan, maka kalau kita tak angkat balik, tidak menyebut pencapaian yang sudah pun kita dapat, siapa lagi yang akan memperkenalkan kejayaan kita. Jadi sudah tentulah benda-benda ni kita kena tengok lebih kepada seriusnya pencapaian untuk kita bergerak ke hadapan atas sebuah kerajaan yang senantiasa prihatin bukan hanya sekadar kepada petugas-petugas awam mahupun kepada rakyat jelata yang berbilang bangsa dan juga yang berbagai-bagai latar belakang. Di sini saya mengambil kesempatan insya-Allah ada sedikit pantun

Pergi ke pekan membeli selasih,
Singgah sebentar di Bukit Selambau,
Data dan fakta asas hujah yang bersih,
Bukan persepsi yang kita junjung selalu.

Ini diantara benda yang mesti menjadikan ianya satu kenyataan, hat kita dok hidup daripada pagi sehingga ke petang apa yang kita lakukan atas nama Yang Berhormat, bantuan yang dapat kita lakukan, kita tolong orang susah, kita tolong pelajar yang melanjutkan pelajaran, kita tolong orang yang mati bukannya sekadar hat hidup, hat mati pun kita tolong dengan sumbangan RM500. Ini di antara kejayaan, prihatinnya kerajaan terhadap rakyat yang perlu kita nyatakan dan terus kita berusaha bagi memastikan kita dapat membantu rakyat yang memerlukan. Tapi dalam suasana yang sama, ada hat kaya mai duk minta juga, kita habaq dah B40.

Saya ada pengalaman Ahli Mesyuarat sekalian, dia mai isi borang, nak Tabung Tengku Mahmud, tengok- tengok isteri dia gaji RM8,000, suami dia gaji RM5,000, hat yang tu tak apalah kita dapat kesan, kalau tak dapat kesan, hat yang tu pun dapat yang mana hat miskin yang maha memerlukan akan terabai maka kita dipertanggungjawab ke di alam barzakh esok untuk berhadapan dengan mereka yang sudah pun dizalimi dengan secara tidak langsung. Mahu tak, tentulah kita tak mahu, jadi makna keprihatinan kita melihat siapa yang memerlukan tiada seorang yang kita tinggal untuk memberi sumbangan dan bantuan daripada pihak kerajaan. Kita diamanahkan oleh kerana kita Yang Berhormat, diamanahkan untuk melaksanakan

apa yang sudah pun diputuskan oleh kerajaan maka lebih berhati-hati dalam memberi sumbangan takut-takut dapat dekat orang yang tidak patut dapat, yang ni kita kena tengok balik.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, hari ini, petang ni, saya berdiri, pada hari ini dengan satu prinsip yang utuh bahawa kemajuan sesebuah negeri mestilah diukur menerusi neraca data, fakta, dan angka kemajuan sesebuah negeri mestilah diukur menerusi neraca fakta dan angka yang sahih bukannya sekadar naratif politik yang bersifat bermusim semata-mata. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Bin Md. Nor, bukan sahaja bertahan dalam arus ekonomi global yang tidak menentu, malah telah memacu lonjakan yang signifikan. Yang pertamanya lonjakan ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kedah kini bukan lagi sekadar negeri pertanian tradisional semata-mata, pencapaian Kulim Hi-Tech (KHTP) adalah bukti nyata, serta tahun lalu Kedah terus menjadi destinasi utama pelabur asing dengan komitmen pelaburan yang mencecah puluhan bilion ringgit. Antara yang paling membanggakan adalah pelaburan INFINEON teknologi berjumlah kira-kira RM25 bilion untuk membina kilang kuasa silicon carbide yang terbesar sekali di dunia, ini bukan sekadar angka di atas kertas semata-mata, ini adalah peluang pekerjaan bagi anak-anak muda dalam Negeri Kedah dalam sektor teknologi tinggi, yang bakal meningkatkan pendapatan isi rumah kita, insya-Allah. Dalam sektor pertanian, Kedah kekal sebagai wira penyelamat kepada negara, negara kita menyumbang hampir 43 peratus pengeluaran beras negara, Kedah memikul tanggungjawab besar memastikan pinggan rakyat Malaysia ini sentiasa berisi, justeru sokongan terhadap infrastruktur pertanian mestilah terus diperkasakan demi menjamin kelangsungan keselamatan makanan nasional.

Yang ni yang kita bimbang, bila tengah-tengah kita duk buat kerja, di kalangan petani yang berusaha dengan titik peluh untuk mencapai suatu matlamat untuk menjayakan dari sudut pertanian padi semata-mata, tapi kita sedang di landakan dalam suatu ujian daripada Allah subhanahu wa ta'ala dengan kenaikan harga minyak, bukan lagi tindakan kerja minyak yang kita nak bincang masalah petrol, tapi diesel yang merupakan nadi kepada pengusaha setiap kenderaan ataupun setiap jentera yang digunakan untuk melaksanakan sawah ini merupakan satu benda yang mesti nak kena kita tak boleh lihat secara lebih detail iaitu diesel yang sudah pun meningkat. Kalau dulu diesel murah, dia mai sampai ke peringkat, *road tax* pun murah, cuma mungkin kita kira hat lain tu mahal. Tapi, la ni sudah jadi diesel sudah pon mahal, sudah tentulah bebanan kepada masyarakat petani khususnya keluarga petani akan terabai dalam membentuk suatu usaha menjamin makanan yang kita namakan beras untuk support kepada negara akan terjejas. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya mempunyai satu Hilux, kalau dulu sebelum naiknya minyak diesel, saya isi dalam

lingkungan RM220 *full tank,* bila dia naik sudah 4 kali, 1 tank bagi Hilux adalah 80 liter *calculate* kepada RM 6.72 RM500 lebih kalau *full tank* maha suci duit dalam poket. Tuan-tuan, Ahli Mesyuarat sekalian…

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Bukit Selambau, Yang Berhormat Kota Seputeh minta laluan sikit.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Sila.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Yang Berhormat Bukit Selambau, setujukah Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan seakannya tiada pelan kontingensi sejak berlakunya kejadian perang yang dikaitkan dengan kenaikan diesel ni, tapi dalam konteks asas pertanian ni bilamana para operator mesin sebagai contoh terpaksa naik ke harga traktor daripada RM120 perelung, contohnya pi kepada RM200 perelung, lepas itu mesin padi RM180 perelung kepada RM250, yang mana secara puratanya kenaikan sekitar 55 peratus, dalam segi kos operasi mesin dan sebagainya ini. Jadinya kerajaan tak ada pelan kontingensi seakan nya daripada dulu yang kita tuntut juga dalam Dewan Yang Mulia ini, untuk nak bagi *flip card* ka, nak bagi subsidi khas ka, kepada 'Pak Tani', 'Pak Tani' kepada operator ni, tapi tak ada sampai sekarang. Bagaimana respons Yang berhormat.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Saya bersetuju, pasal apa yang kita nampak hari ini seolah-olah mengaku sahaja tindakan tidak disusuli, barang makin naik, dengan kenaikkan harga minyak barang akan ikut naik, bila barang ikut naik mengikut pengalaman kita maka tidak akan turun walaupun minyak itu turun. Yakin, benda ini memang berlaku kita yang alami, kita yang selalu senantiasa berhadapan dengan benda yang sedemikian maka sudah tentulah dengan kenaikan harga minyak ini yang akan menyebabkan kalau tidak apa-apa halangan, kemungkinan besar petani akan tinggal bendang tidak ada lagi padi di dalam bendang tersebut. Dia cadang pula nak tabur untuk mengelakkan daripada oleh kerana air tak ada, cadangan untuk tabur kering, tabur kering ni lagi bala tuan-tuan orang Kedah kata, bala tabur padi… (YB. Tokai minta laluan)

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Bukit Selambau…

YB. TUAN SPEAKER

Laluan boleh YB. Bukit Selambau?

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Boleh.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Sebelum pi tabur kering nih.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Yang Berhormat Speaker tambah masa, ok?

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Sebut pi tabur kering ni, terima kasih Tuan Speaker. Berhubung dengan antara diesel dengan petrol, perlu kita lihat kalau kenaikan diesel ia menyebabkan semua sektor yang terlibat daripada laut, naik ke darat, dia sampai kepada rumah kitalah nah, pengangkutan orang nak pi ke laut tangkap ikan, petani nak pergi ke sawah mengerjakan sawah dia, dan juga pekerja-pekerja pengangkutan yang nak bawa barang-barang yang berhasil daripada ladang-ladang. Ini semua akan memerlukan diesel itu kos pengangkutan berbanding dengan kalau petrol, petrol ini kalau kita rasa kita tak mahu pergi naik kereta, kita boleh naik motor, tak mahu naik motor, kita boleh kayuh 'gerek', ini apa pengurangan kalau kita tak mahu pergi pejabat, kita boleh *work from home,* kalau kita tak mahu pergi *crowded* ni, kita tumpang-tumpang kereta, maknanya kekurangan penggunaan itu boleh dilaksanakan tapi kalau diesel sekali dia naik memang menjadi masalah kepada seluruh rangkaian apa pengangkutan. Setuju tak, YB. Bukit Selambau?

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Sekali boleh sekali?

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Masuk sebahagian daripada ucapan saya.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Pedu minta, boleh?

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Bagi YB. Pedu.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Bukit Selambau. Pasai tadi YB. Bukit Selambau sebut padi akan kurang, orang nak buat padi pasai kemarau la, pasai diesel la apa semua.

Adakah YB. Bukit Selambau jangkakan, beras akan jadi macam hari tu? Haritu tenggelam, beras tempatan hilang. Ni orang tak buat bendang, nak hilang macam mana pulak?

YB. TUAN SPEAKER

Sekejap YB. Bukit Selambau, saya nak tanya, tiga-tiga YB. yang bangun berucap tadi ni ada kereta diesel ka? Tak, pasai saya nampak bersungguh-sungguh.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

YB. Pedu ada diesel. Semacam dengan saya, bebanan sama macam saya. Satu liter RM 6.72, dia pun RM 6.72. Oleh kerana dia maha kaya, saya maha kaya.

YB. TUAN SPEAKER

Jadi memang terasa lah?

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Maha suci saya sebut tadi dalam poket. Duit kita pun ada banyak tu saja YB. Tuan Speaker. YB.-YB. ni bukannya kaya pun. YAB. Dato' Seri MB pesan kat kami, wakil rakyat jangan buat harta, ada duit kena belanja, kalau dah pi Mekah pun dua tiga kali, tok sah pi dah, pi tolong rakyat. Tambah rakyat hat Bukit Selambau, 83,000, YB. Tuan Speaker. Hat tu berat sikit, minta maaf jika ada yang terasa.

YB. TUAN SPEAKER

Saya tambah masa sikit.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Haa boleh. Ok, kalau banyak lagi boleh? Banyak lagi tak habis ni. Jadi, apa yang kita nak sebut tajuk yang kedua, tulang belakang keselamatan makanan negara lah. Yang itu di antaranya dalam sektor pertanian, Kedah kekal sebagai wira, sambung balik hat tadi, oleh kerana penyelamat negara kita menyumbang hampir 43 peratus pengeluaran beras negara, Kedah memikul tanggungjawab besar memastikan pinggan rakyat tidak akan kosong, yang sentiasa berisi. Justeru sokongan terhadap infrastruktur pertanian mestilah terus diperkasakan demi menjamin kelangsungan keselamatan makanan nasional. Yang ketiga, komitmen pengeluaran air atau pengurusan tanah. YB. Tuan Speaker, kerajaan negeri sedar akan kegelisahan rakyat mengenai isu air, namun kita selaku kerajaan tidak berdiam diri melalui apa yang sudah pun dilakukan secara komitmen ratusan juta ringgit telah disalurkan bagi mempercepatkan pembinaan dan menaikkan taraf 5 loji air LRA utama. Ini adalah penyelesaian jangka masa panjang yang sedang kita laksanakan secara fasa demi fasa. Inilah usaha bagaimana untuk nak mensejahterakan rakyat, menambahbaik kepada pengeluaran air yang sudah pun dilakukan diuruskan oleh SADA, tahniah kepada SADA.

Saya ada sikit pengalaman, SADA pun bagus, orang ramai pun bagus. Bila dalam duk kemarau ni, ni bulan puasa ni, kemarau-kemarau nak mai raya dekat dah, ada seorang hamba Allah telefon kat saya kata “tolong sat YB. di rumah dah tiga hari air tak dak, maka tolong sat jasa baik YB, telefon SADA”, lebih kurang setengah jam tak dan nak telefon SADA, tengok-tengok lori SADA sampai tepi lorong rumah dia, serupa saya buat kerja. Itulah baiknya SADA, tak dan sebut sampai dah. Jangan perkecilkan usaha SADA ni. Kita mesti ada hubungan yang cukup elok, insya-Allah SADA bagi perhatian, kita dapat nama tanpa bekerja. Ini untung kami tak bawa keluaq modai, untung dah. Haa YB. sampai teqa tu laa. Dan seterusnya, dari sudut pengurusan tanah, tadbir urus kita kini lebih bersifat berpaksikan rakyat dan efisien. Hasil untuk negeri, kutipan hasil premium tanah kekal menjadi nadi pendapatan negeri, mencecah ratusan juta ringgit setahun hasil pengurusan aset yang strategik. Kepantasan untuk pelabur proses meluluskan tanah bagi projek berimpak ekonomi telah dipendekkan bagi memastikan pelabur tidak lari ke negeri lain. Keadilan untuk orang kampung.

Namun, YB. Tuan Speaker, kelestarian ekonomi tidak bermakna jika kebajikan tanah rakyat terpinggir, kerajaan negeri komited memastikan permohonan tanah oleh orang kampung masuk urusan pemilihan tanah pusaka dan menyelesaikan geran yang tertunggak, dipercepatkan. Kini mahu rakyat kampung merasakan nikmat pembangunan yang sama, justeru birokrasi di peringkat Pejabat Tanah akan terus diminimumkan supaya urusan hak milik rakyat jelata tidak lagi memakan masa bertahun-tahun, sekaligus memberi jaminan sekuriti kediaman kepada mereka terjamin. Ada lagi sikit, YB. Tuan Speaker.

Jadi, kita masuk pada realiti nya perpaduan, kena bercakap juga perpaduan, pasal ada di antara yang menafikan perpaduan dalam Negeri Kedah, seolah-olah tidak sampai kepada matlamat dan sedang dilandai oleh suatu keadaan. Yang ni kita nak kena tengok balik. Untuk menyentuh berkenaan dapatan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2025, khususnya berkaitan kedudukan Negeri Kedah, saya percaya kita semua di dalam Dewan Yang Mulia ini mempunyai hasrat yang sama iaitu untuk melihat perpaduan negara terus kukuh dan diperkasakan. Namun begitu, dalam kita membincangkan dapatan ini, adalah penting untuk kita menilai secara adil dan berdasarkan fakta serta konteks yang dikemukakan dalam laporan tersebut. YB. Tuan Speaker, hakikat di lapangan juga perlu diambil kira, Kedah tidak menyaksikan rusuhan kaum, tidak berlaku konflik antara etnik yang serius, dan masyarakat di negeri ini hidup dalam keadaan aman serta saling menghormati antara satu sama lain. Malah, kita sentiasa menghargai pelbagai kaum sebagai satu kekuatan dalam Negeri Kedah ini; masyarakat Melayu, Cina, India, Siam, memainkan peranan yang penting dalam membangunkan negeri ini secara bersama. Kita sedar bahawa jika Kedah ingin terus maju, yang memerlukan sumbangan dan kerjasama semua kaum, bukan lagi perpecahan yang akan kita hadapi.

YB. Tuan Speaker, sehubungan itu kita tidak menolak kepentingan IPNas (Indeks Perpaduan Nasional) sebagai satu instrumen pengukuran, namun kita berpandangan bahawa kaedah yang digunakan perlu sentiasa ditambah baik supaya ia benar-benar mencerminkan realiti perpaduan di peringkat akar umbi. Perpaduan tidak boleh diukur hanya melalui persepsi terhadap dasar dan sistem yang sedia ada, tetapi perlu memberi penekanan yang lebih seimbang kepada interaksi. Sebenarnya, antara masyarakat, hubungan kejiranan, serta pengalaman hidup bersama dalam komuniti yang sama. Akhirnya, kita harus melihat usaha memperkukuhkan perpaduan ini sebagai satu tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama erat antara semua pihak kerajaan, masyarakat. Pendekatan inklusif ini, adil dan tanpa memilih kasih adalah asas kata pembinaan keyakinan rakyat dan seterusnya memperkukuhkan perpaduan negara secara mampan. Ada sikit lagi, izinkan saya.

YB. TUAN SPEAKER

Takpa, boleh.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

YB. Tuan Speaker, izinkan saya akhirnya ingin mencadangkan kemungkinan di kalangan orang ramai masyarakat khususnya sedang ternanti-nanti suatu benda yang merupakan keperluan selepas daripada hidup, di antaranya tanah perkuburan. Dengan pesatnya pembangunan di kawasan-kawasan tertentu, perumahan-perumahan yang naik secara macam cendawan yang menyebabkan bertambahnya

penduduk di kawasan-kawasan tertentu di dalam Negeri Kedah, yang menyebabkan bila mana orang ramai sudah pun berada, kita merancang untuk cara mana untuk nak hidup dengan adanya rumah, tetapi kita tidak pernah fikir bagaimana selepas daripada hidup, kita akan menemui mati. Maka, tanah perkuburan merupakan satu keperluan yang mesti kita, siapa yang diberi tanggungjawab yang berkuat yang bertanggungjawab supaya memikirkan bahawa tempat perkuburan selepas pada hidup mesti di syaratkan dengan tertentu. Takdir, contoh, kalau naiknya perumahan sehingga skala besar, kubur sudah pun tidak boleh menampung bagi orang yang sudah pun meninggal dunia. Jadi apa salahnya, masuk syarat diantaranya, kalau sebelum ni adanya syarat menaikkan perumahan untuk nak wujudkan perumahan, adanya kawasan, di antaranya; padang permainan. Yang kedua, adanya syarat surau dan segala-galanya selebih pada tu. Jadi, kalau kita boleh masuk dalam ni aa merancang untuk pembangunan tersebut, maka disyaratkan beberapa perumahan di sekitar kawasan untuk dijadikan satu tapak perkuburan maka bagi masa yang akan datang, sudah tentulah tidak akan menimbulkan masalah.

Lani saya nak sebut di Bukit Selambau, kubur yang ada di Bukit Lembu sudah cukup untuk mayat yang sudah pun meninggal dunia. Kubur besar yang berada dekat dengan Kelisa Ria, pun tak banyak tinggal dah. Jadi hat yang tu baru hat dekat, kalau hat jauh lagi memang banyak. Jadi saya boleh bawa keluar satu angka, bagaimana kedudukan masjid yang ada dalam Kuala Muda, jumlah kubur yang ada, masjid yang ada, memang tidak boleh menampung kematian bilamana selepas daripada ini. Ia merupakan Maqasid Syariah, lepas pada hidup kena mati. Mati tulah akan diambil kira oleh mereka yang menguruskan semasa ini. Jadi, saya ingin mencadangkan, supaya kapasiti tanah perkuburan sedia ada semakin kritikal dan padat, jarak perkuburan yang jauh dari komuniti baharu memberi beban emosi dan kos kepada waris. Ini adalah tuntutan Maqasid Syariah dalam memelihara kemuliaan insan walaupun selepas tiada. Saya mengesyorkan atau ingin mencadangkan agar syarat ini dimasukkan dalam Kebenaran Merancang (KM) oleh semua pihak berkuasa yang terpilih, kalau kita nak sebut itulah PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) agar pembangunan fizikal negeri seimbang dengan keperluan sosial dan spiritual rakyat.

Yang Berbahagia Tuan Speaker, sebagai kesimpulan Kedah hari ini… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat, YB. Bukit Selambau…

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Nak habis dah.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Oo… sat, sat, saya sebut apa tah? Oo… Yang Berhormat Berbahagia boleh kut?

YB. TUAN SPEAKER

Tak boleh.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Tak boleh, Yang Berhormat, minta maaf tuan menteri oi. Dan dinamik dengan kemasukan pelaburan global cekap dalam mengurus hasil bumi, stabil dalam memayungi kebahagiaan kepelbagaian kaum, resonari dalam merancang keperluan masa depan. Tinggi padi kerana berisi, lentur buluh kerana rebung nya, Kedah maju bukan direktori semata-mata, tapi hasil usaha data yang nyata. Jadi akhirnya, saya menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah. Wallahualam aqulu khaulihaza waastaghfirullahi walakum, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Bukit Selambau. Tengok cara tu macam puaih dah la noh? Jadi seterusnya saya menjemput YB. Pedu. Cuba habiskan perbahasan itu dalam tempoh 4:30pm. Boleh noh?

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Panjang sangat 4:30 tuu (sambil tersenyum).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker beri laluan pada Pedu untuk berucap akhir pada petang ini. Yang dihormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang dimuliakan para barisan EXCO, ADUN-ADUN, dan tidak dilupakan pada semua Ketua-ketua Jabatan yang dirahmati Allah sekalian. Jadi, tadi YB. Bukit Selambau pedeqaih, YB. Pedu kena turun gear sikit la *(sambil tertawa)*.

Jadi, Alhamdulillah pada petang ni Pedu nak petik sikit la apa nama yang telah dititahkan oleh Tuanku. Apa yang disebut, “Bebanan membawa suara, keperluan serta pemasalahan rakyat di akar umbi”. Jadi, apabila Tuanku titah macam ni, ada teringat program yang telah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan

Negeri Kedah untuk membantu rakyat miskin di setiap daerah di dalam Negeri Kedah, memberi tanah Desaku Sejahtera, kan? Sorang satu lot, dijangkakan lah satu daerah, 100 lot. Cumanya di sini nak sebut benda tu bagus, cuma apabila benda ni berlaku, pertama, buat di Daerah Padang Terap. Di Daerah Padang Terap pun setakat lani baru ada 50 lot lebih, yang dapat dah 6 lot daripada 7, tinggai 6. Pasai ada masalah ni lah nih. Masalah yang berlaku ni, benda tu terbaik cumanya tapak untuk kita letakkan satu-satu tempat untuk mendapatkan orang-orang yang boleh duduk di situ.

Kalau contoh di Padang Terap, dia duduk di hujung dalam daerah, sempadan dengan Kubang Pasu, kira dok di sempadan betoi. Jadi masalahnya, yang berlaku lani masalah orang yang layak tu duduk di hujung sempadan Sik. Dia duduk hujung padang Sik, sempadan dengan Durian Burung dan sempadan-sempadan lah, kalau tengah-tengah tu boleh tahan lagi. Jadi orang-orang yang susah yang perlu kita bantu ni kebanyakan sebagai buruh, dia dah tanah tak dak, harta tak dak. Dia kena bekerja dengan orang. Kalau contohnya di sebelah DUN Pedu, dia duduk di sempadan dengan Sik ataupun sempadan dengan Pendang. Dia nak ke Perik tu 40 kilometer ke atas. Jadi dia duduk di sana dia kerja seorang penoreh, seorang pencari buluh, seorang peniaga sayur, dan macam-macam lah. Jadi hat tu lah nak mencadangkan supaya daerah-daerah lain, supaya kalau dari Padang Terap pun mungkin boleh lagi kita ubah daripada yang hat dok ada tu, ada di situ. Yang '*balance*' lagi 30 40 lot tu kita ubah ke tempat-tempat yang sesuai yang kita ambil kira orang panggil apa, berdekatan dengan orang yang nak boleh duduk.

Kita cadangkan supaya buat dua tiga tempat pun tak apa walaupun status tapak tu 20 lot 15 lot atau macam mana. Tu baqu Padang Terap, tak luas mana, kalau Baling, Baling lagi luas, satu marhalah lebih perjalanan dia. Kalau tapak tu jauh lebih daripada tu, mungkin kepayahan kita untuk mencari, orang panggil apa, orang hat kita nak ambil nama tu. Pengalaman ni apabila Pedu mencadangkan beberapa orang, dia kata "aku nak pindah macam mana pak su oo, aku ni dok qeja potong hat orang ja, kalau aku nak balik habis duit minyak gitu ja lah" haaa. Jadi masalah tu yang berlaku, walaupun ada dua tiga orang dia duduk dalam rizab sungai, buat rumah di tepi rizab sungai, tapi kita suruh dia ke sana, memang dia tak berminat pasal dia duduk situ cari makan, dia cari pucuk palas, apa nama cari buluh, dan macam tu lah kerja dia cari benda-benda hutan untuk jual. Jadi apabila kita suruh pindah dok sana dia kata, "aku nak buat kerja apa?". Haa itu lah mencadangkan supaya kerajaan Negeri Kedah mengatur supaya di selerakkan tempat-tempat yang sesuai untuk tapak-tapak untuk orang-orang yang miskin ni.

Yang keduanya, tadi YB. Bukit Selambau sebut tanah kubur, selepas hidup kena mati. Cumanya di sebelah sana, kebanyakan sebelah hulu, kebanyakan tanah-tanah kubur ni dia, orang panggil apa, macam nak kata tak dak tuan, ada tuan, tapi tak dijaga. Jadi nak mencadangkanlah supaya Jabatan Agama ataupun kerajaan negeri melibatkan

semua pada imam-imam dan pegawai masjid supaya tanah-tanah tu, walaupun tak ada geran lagi, supaya tanda, tanda batu ke tanda apa ka, supaya tanah tu dijadikan hak milik masjid ataupun apa majlis agama ka apa ka. Sebab yang pernah berlaku di tempat saya, tanah perkuburan ni telah dicuri orang. Kawan ni ambil belah ni setengah relung, kawan ni ambil dua relung, kawan ni last-last tanah kubur tinggal sempit. Padahal benda tu banyak apa YB. Bukit Selambau, tanah di sana tu banyak tapi kerana tak ada orang yang menjaga, lama kelamaan kita takut last-last tinggal atas kubur tu saja tanah lain tak ada dah, semua dah jadi hak milik orang. Jadi yang ni pun kena ambil berat juga supaya di masa akan datang tak akan berlaku ketidakcukupan tanah perkuburan. YB. Tuan Speaker bagi masa panjang sangat.

YB. TUAN SPEAKER

Ada 9 minit lagi, boleh?

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Panjang oo.. 9 minit tu. Yang aaa, nak sebut apa tadi, yang terakhir, ada sikit lagi, nak ucapkan terima kasih lah kepada kerajaan negeri dan semua Ketua-ketua Jabatan yang telah…kalau di sebelah Pedu lah, kalau di sebelah Pedu jalan-jalan ni alhamdulillah 98 peratus dah selesai, jalan mini tar. Jadi kita dah selesai jalan ni yang ditinggalkan oleh zaman dulu yang tak sama '*colour*', hampir 30 40 tahun masyarakat di kampung ni tak pernah rasa jalan mini tar, jalan tanah merah 20 30 tahun. Alhamdulillah, Pedu takat 2026 ni dalam dua tiga peratus lagi ja. Yang ada tu insya-Allah, batu kasaran dah masuk cuma tar yang tak masuk.

Jadi, nikmat-nikmat yang telah kita rancangkan kepada masyarakat di pedalaman, alhamdulillah setakat la bab jalan dengan infra yang lain alhamdulillah dah mencukupi untuk meraikan masyarakat kita di kawasan pedalaman. Cumanya ada benda-benda yang terlebih besar tu insya-Allah, benda ni macam apa nama YB. Kubang Rotan tadi tu la, kalau nak cepat kena rendam biji kacang hijau supaya jadi taugeh, kalau nak cepat sikit lagi buat tapai. Tapi tapai kalau silap tak jadi, tak boleh makan, tapi kalau taugeh ni boleh gagah lagi. Jadi, yang lain untuk makluman lah, ha ni…banyak lagi tujuh minit noh, nak luah apa lagi (seluruh Ahli Dewan tertawa)… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Mungkin ada YB.- YB. kita yang ada cadangan untuk nak membantu YB. Pedu.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Haa… hat ni satu lagi, satu dan dua dan tiga lagi lah. Satu lagi kita duk tengok zaman Covid-19, ini bab masjid lah bab masjid. Zaman Covid-19, pakat marah boleh masuk sembahyang 4 orang lah 8 orang 12 orang, tapi kita duk tengok lani hat dok bunyi tu pun tak sampai di masjid dah. Jadi, apa kata kita cadangkan supaya Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) atau siapa-siapa yang berautoriti, kita gunakan kaedah nak menyelamatkan masyarakat kita yang tak ke masjid untuk solat Jumaat, hat lain-lain tu tak apa lagi lah. Solat jumaat. Pasal kita duk turun di mana-mana masjid, rungutan daripada pegawai-pegawai masjid ni, ada yang tak pernah langsung sembahyang Jumaat, ada, sapa kata tak dak.

Kalau pengalaman di Brunei tahun dua ribu berapa dah tak ingat dah, di Brunei diarahkan supaya setiap Jumaat mesti ada di masjid walaupun dia pakai seluar koyak pakai seluar pendek pun, mesti bagi dia ada dulu di masjid. Lama-kelamaan dia akan terikat dengan masjid. Tapi kaedah kita di sini mungkin kita boleh buat macam zaman Covid dulu, ada pendaftaran ka, ada thumbprint ka, apa tak kira lah, pasai benda tu tak berapa duit pun, duit masjid ni berlambak duk taruh RM70,000 RM80,000 dalam tabung masjid, guna pun dak pun. Tapi kalau kita ambil sedikit duit tu kita buat sistem untuk mengecamkan anak qariah tu hadir di masjid untuk solat Jumaat… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Ni, YB., berkaitan dengan masjid ni, ada satu lagi tambahan masjid kepada Padang Terap dan kebetulan di kawasan YB. sendiri tu. Jadi, masjid tu tok imam dia tu Pendang, anak qariah dia pun Pendang, tetapi terletak dalam kawasan Paksu (YB. Pedu), kawasan Pedu. Jadi ada masalah tak daripada segi nak sembahyang Jumaat ka, ataupun perlu kena buat cabutan bertuah ka apa ka untuk ni.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Alhamdulillah, Masjid Hujung Keton, Hujung Keton nama masjid fardu…apa tak ingat dah, baru masjid tu. Dia duduk dalam Daerah Padang Terap, anak kariah duduk Daerah Pendang tapi tok imam tu duduk Daerah Pendang alamat Pedu *(dewan tertawa)*. Alhamdulillah apabila masjid daripada dalam Hujung Keton bila dipindah ke tapak baru ni, orang yang ada di sebelah KEDA Pong Selatan, apa semua tu, dia boleh berjamaah di situ. Jadi, masjid tu lagi ramai lah, dulu dia pakai satu kariah Kampung Hujung Keton saja, tapi apabila pindah di situ apa anak-anak kariah daripada KEDA Pong Selatan dan sebagainya Bendang Sing dan Lingcan semua tumpu kat situ, jadi alhamdulillah jadi masjid tu lani sekarang ni hidup dengan keadaan yang kelia lah… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Jadi untuk nak sembahyang Jumaat apa semua tu tak ada masalah?

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Takdak masalah, alhamdulillah. Lebih ramai daripada masjid yang sebelum ni. Pasal dulu masjid sebelum, sebelum binanya masjid baru ni, masjid di Hujung Keton tu hanya buat Jumaat di tapak surau, jadi alhamdulillah. Apabila YB. Tuan Speaker sebut tadi, Masjid Hujung Keton ni dulu ada tanah 25 gelung, diwakafkan oleh hamba Allah. Apabila tidak diuruskan macam sebut tadi, lani tinggal 12 relung, telah dicuri orang lagi 13 relung. Yang Pedu sebut tadi supaya AJK masjid dan surau-surau dan apa semua yang harta wakaf ni, supaya dapat bubuh tanda, supaya jadi hak milik surau ataupun hak milik masjid supaya tak berlaku masalah di masa hadapan. Sikit saja lagi… (YB. Tokai mencelah)

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Pedu!

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Tokai…

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Pedu, saya nak mendapat penjelasan daripada YB. Pedu, berhubung dengan tanah kubur tadi ni, sebab setahu saya lah setiap tanah kubur tanah masjid, dia mesti berada di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), sekarang ni lah nah, itu mungkin dulu. Adakah jawatankuasa masjid ataupun kubur tersebut tidak mengesyorkan ataupun membuat satu keputusan bahawasanya kita kena pi ke pejabat tanah dan buat keputusan dengan pejabat tanah supaya ini tanah kubur hat semua orang, diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah? Dan satu lagi, bagi mereka yang berada di luar kariah tersebut, kalau sekiannya nak menggunakan ataupun nak mengabadikan jasad nya di kubur tersebut, dari kariah lain dia kena buat bayaran sikit lah supaya kita boleh gunakan duit tu sebagai wakaf untuk membeli tanah tersebut, kalau sekiranya masih belum berpunya. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Tokai. Teruskan YB. Pedu.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Terima kasih YB. Tokai. Saya setuju dengan cadangan daripada YB. Tokai tu. Jadi sebab tu lah sebut tadi supaya benda tu akan bersama antara pegawai masjid dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Ingat masa tak dak pulak dah, banyak lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Tak banyak dah, tak banyak dah, hurm.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Adoi, cuma yang *last* lah. Untuk makluman… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Buat penggulungan lah.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Semua Ahli Dewan ini, jadi Pedu, kemarin-kemarin, orang Pedu cakap kemarin lah, orang belah nu cakap petang semalam atau lebih kurang macam tu. Pedu dilanda ribut, jadi musibah itu melanda, setakat laporan tadi 153 buah rumah yang telah ditimpa musibah, jadi nak mohon lah kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk tengok-tengoklah supaya kita dapat (dewan tertawa)...dah nak minta kat siapa lagi, pak kita duk tang ni. Jadi, boleh lah untuk kita bincang untuk cara mana untuk kita menyalurkan sumbangan dan memperbaiki rumah, kedai dan sebagainya.

Jadi FELDA berhubung ni buat masa ni, semua telah ditanam semula, jadi pendapatan tak dak. Jadi semua maknanya hanya ambil duit bulanan yang FELDA bagi tu untuk sara hidup, jadi selepas ni mungkin tak mampu lah untuk repair repair rumah tu. Jadi itulah, Pedu mengharapkan supaya kerajaan negeri dapat melihat sedikit sebanyak apa yang perlu kita bantu. Alhamdulillah hari ini kita, aa ada NGO dan apa daripada pusat khidmat dan sebagainya untuk gotong-royong memunggah pokok-pokok dan rumah-rumah yang berselerak di sekitar yang terlibat dengan apa nama puting beliung di FELDA Lubok Merbau kelmarin.

Jadi akhir sekali, nak jemput semua masyarakat di dalam Negeri Kedah dan seluruh Malaysia ni, hadir ke program camp dam, 'DAM CAMP', terkalih pulak dah *(sambil tertawa)*... yang akan berlangsung pada 17, 18, 19 haribulan April ni bulan empat ni, dan juga terima kasih kepada EXCO Pelancongan yang memberi banyak juga lah sumbangan untuk menjayakan program yang telah dianjurkan oleh anak muda

Padang Terap. Jadi sama-sama kita warwarkan supaya ada *'oomph*' di Tasik Pedu, insya-Allah. Jadi, masa pun dah lebih seminit dah.

Sekian saja, saya menjunjung kasih Titah Ucapan Tuanku Sultan. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Pedu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat - Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan semua yang ada, saya mengambil kesempatan ini nak mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah pun mengambil bahagian dalam persidangan kita pada hari ini, sama ada dalam bentuk soalan dan juga perbahasan. Jadi, terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan ini Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok, terima kasih.

[Sidang Dewan ditangguh pada jam 4.30 petang]

[Sidang Dewan pada 15 April 2026 – Hari Ketiga Persidangan]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillahi rabbil 'alamin, wassalatu wassalamu 'ala asyrafil anbiya'i wal mursalin, sayyidina Muhammadin, wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Robbisrohli sodri wayassirli amri wahlul uqdatanmillisani yafqohu qouli. Bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - BACAAN DOA

Alhamdulillahi Rabbul Samawati Wa'l-Ardi Wa'l-Rabbul Alamin. Wa Salatu Wa Salamu Ala Sayyidina Muhammadin Sayyidil Mursalin. Wa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in.

Dengan nama Allah. Tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah. Tuhan yang memerintah sekalian langit dan bumi dan Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas Rasul kami Nabi Muhammad. Penghulu sekalian Rasul dan diatas keluarga dan sekalian sahabat-sahabatnya. Ya Allah yang Maha Berkuasa. Engkaulah Tuhan yang Maha Adil, Bijaksana dan Pemurah. Tuhan yang telah mengaturkan kewajipan Sultan Pemerintah dan meletakkan tanggungan pertubuhan dewan untuk keselamatan pemerintah dan kesejahteraan rakyat.

Kami hamba-hambamu yang Engkau telah perkenan meletakkan tanggungjawab bagi menyempurnakan segala pekerjaan dalam dewan ini memohon dengan limpah kurniaanmu berkatilah apa jua kiranya amalan-amalan pekerjaan kami dalam dewan ini. Sesungguhnya kami menjunjung perintah dan kebesaranmu maka anugerahkanlah kepada kami taufik dan hidayahmu yang menyeluruh bagi memimpin kami ketika berunding dan menimbang segala perkara yang didatangkan di hadapan kami. Dan kekalkanlah diatas kami sifat-sifat amanah jujur dan bertanggungjawab bagi menegakkan syariatmu dan menambahkan kemakmuran dan kesejahteraan negeri Kedah Darul Aman dan sekalian penduduknya.

Rabbana Atina Fiddunya Hasanah Wa Fil Akhirati Hasanah Waqina Azabannar.

Aamin Ya Rabbal Alamin.

YB. TUAN SPEAKER

Aamin ya Rabbal Alamin. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan pagi ini ada menerima pemerhati, yang pertama daripada Pemuda Gerakan Kedah 10 orang, Pondok Moden Zakat Kedah 12 orang, Kolej Agama Sultan Abdul Halim 12 orang. Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan kepada pertanyaan-pertanyaan mulut.

I. SAMBUNGAN SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seterusnya diminta ADUN Derga untuk sesi awal.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Pagi ini kita mula dengan pantun dulu.

Bunga melati harum berseri,
Tumbuh mekar diwaktu malam,
Jika ingin berjaya diri,
Jawab soalan nombor enam.

6. YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB
[ADUN DERGA]

Pohon dinyatakan apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan bantuan kebajikan diagihkan secara lebih telus dan sampai kepada golongan sasaran terutama di kawasan luar bandar?

YB. TUAN SPEAKER

Pantun (ketawa kecil). Dipersilakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Dua tiga kucing berlaga,
Ini jawapan ADUN Derga.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Derga. Soalannya, apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan bantuan kebajikan diagihkan secara lebih telus dan sampai kepada golongan sasaran terutama di kawasan luar bandar?

Kerajaan Negeri Kedah sentiasa komited untuk memastikan bantuan kebajikan di salurkan secara telus, sistematik dan tepat kepada golongan sasar, khususnya masyarakat di kawasan luar bandar. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri Kedah melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil beberapa langkah penting seperti berikut; Pertamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menggunakan sistem pengurusan bantuan seperti e-Bantuan JKM bagi merekodkan maklumat penerima, memproses permohonan dan memantau penyaluran bantuan secara sistematik. Sistem ini membantu meningkatkan ketulusan, mengelakkan penyelewengan serta memastikan bantuan disalurkan kepada penerima yang benar-benar layak.

Selain daripada itu, sistem eBSPT (Elektronik Bantuan Sejahtera Pesakit Terlantar) yang dibangunkan sepenuhnya oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) Negeri Kedah juga telah digunakan sepenuhnya bagi urusan permohonan Bantuan Sejahtera Pesakit Terlantar (BSPT) Negeri Kedah. Ketiganya untuk mengelak ketirisan dan pertindihan bantuan, kerajaan negeri ini mengintegrasikan sistem e-Bantuan JKM dengan sistem iSPEKS iaitu Sistem Perakaunan Akuan Kerajaan Negeri. Proses pembayaran kini dilakukan secara antara muka *interface* automatik mengurangkan risiko penyelewengan daripada kaedah bocor manual yang lama. Pemantauan secara *realtime* oleh pihak berkaitan seperti Bendahari Negeri Kedah dan juga Jabatan Akauntan Negara Negeri Kedah, secara langsung bagi memastikan dana benar-benar masuk ke akaun penerima yang sah. Dan seterusnya setiap permohonan bantuan yang dikemukakan bersama dengan dokumen lengkap akan dijalankan siasatan dan penilaian oleh pegawai kes bagi menentukan kelayakan pertimbangan bantuan.

Bagi memastikan kes-kes permohonan yang meragukan, pegawai kes akan membuat lawatan atau siasatan ke rumah bagi memastikan maklumat yang diterima adalah benar dan sahih. Proses ini memastikan status ekonomi pemohon disahkan dan bantuan diberi kepada kumpulan sasar seperti keluarga miskin, warga emas dan orang kurang upaya yang mana pemantauan secara berkala juga telah pun diadakan kepada penerima bantuan yang mana dijalankan untuk memastikan bantuan

digunakan dengan betul seperti penilaian sama ada masih layak menerima bantuan. Langkah ini membantu mengelakkan penyalahgunaan dan memastikan bantuan terus sampai kepada golongan yang memerlukan.

Kerajaan negeri juga turut bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti badan Lembaga Zakat Negeri Kedah, PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial), Baitulmal Negeri Kedah, NGO (Non-Governmental Organization) dan agensi pembangunan untuk menyelaras bantuan. Kerjasama ini penting bagi mengelakkan pertindihan bantuan serta memastikan liputan bantuan lebih menyeluruh terutamanya di kawasan pedalaman. Kerajaan negeri juga telah memperkukuhkan kerjasama antara agensi termasuklah pusat khidmat ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) iaitu setiap DUN (Dewan Undangan Negeri) dan juga jabatan kerajaan dan juga pemimpin komuniti setempat bagi mengenal pasti golongan yang memerlukan agar tiada individu yang tercicir daripada menerima bantuan. Pelaksanaan program turun padang dan *outreach* di kawasan luar bandar juga dipergiatkan bagi mendekati masyarakat serta memudahkan mereka membuat permohonan bantuan tanpa kekangan akses. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan. Dipersilakan YB.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Ya, soalan tambahan saya berbunyi, pohon nyatakan apakah usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu penerima bantuan bulanan menjadi lebih berdikari, sekaligus mengurangkan kadar kebergantungan kepada bantuan kewangan? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah telah pun melaksanakan program 2Yep (2 *Years Exit*) yang mana ia menyasarkan penerima bantuan kewangan bulanan. Penerima-penerima bantuan ini dipilih dan dilatih dalam kemahiran keusahawanan sebagai persediaan untuk keluar daripada kepompong kemiskinan, yang mana diadakan dalam tempoh 2 tahun. Program 2Yep ini juga telah bermula daripada sejak lama iaitu daripada tahun 2016 lagi yang mana dia dilaksanakan di bawah projek pembangunan bukan fizikal iaitu Peruntukan Pembangunan P48 dalam Rancangan

Malaysia Kesebelas (RMK-11). Kemudian, program 2Yep ini juga telah pun diteruskan sehingga tahun 2023 dan diteruskan program ini pada tahun 2025 seperti yang mana kita telah memperkasakan *empowerment* kepada golongan-golongan penerima. Jadi isi ahli rumah penerima bantuan JKM ini mereka akan diberi dengan kemahiran-kemahiran tertentu seterusnya melayakkan mereka. Bila mereka telah pun berusaha keras dan telah menerima pendapatan yang melebihi daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan oleh JKM dan seterusnya dalam masa tempoh 2 tahun itu kita akan menggugurkan nama-nama mereka daripada senarai penerima. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tokai silakan.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Bukit Kayu Hitam. Tadi disebut tentang kerjasama JKM dengan jabatan kerajaan. Saya nak sentuh tentang kerjasama antara JKM dengan jabatan pendaftaran kerana kita dapati ada di antara mereka-mereka yang apabila waris dia telah meninggal dunia pun bila kita selidik-selidik tengok masih lagi tersenarai dalam penerima bantuan daripada JKM. Jadi, bagaimanakah kerjasama ini boleh dieratkan, bila hari ni mati esok dah tau! Ataupun hari ni mati kelmarin dah tau! Maknanya, bila dia meninggal dunia saja, hak untuk dia dapat sudah tamat kemudian diberi peluang itu kepada orang lain pula lah yang memerlukan bantuan. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Dipersilakan, Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Tokai. Seperti yang mana telah saya maklumkan tadi bahawa setiap permohonan bantuan JKM perlu memohon melalui e-Bantuan JKM. Di situ kita telah pun selaraskan, jika penerima telah pun meninggal dunia dan bila kita *link* balik, tekan balik dalam sistem dia akan keluarlah, dia *link* sekali dengan JPN (Jabatan Pendaftaran Negara). Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Dipersilakan YB. Pedu.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. YB. Derga buat pantun apa tadi? Pantun. Nak pantun juga pagi ini.

Sayur taugeh campur tokua,
Minyak diesel harga enam ringgit tujuh,
Maaf lah nak bertanya,
Mohon jawapan nombor tujuh.

7. YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN
[ADUN PEDU]

Pohon dinyatakan perkembangan terkini penggubalan Dasar Sukan Satu Ibadah serta jelaskan elemen utama yang akan dijadikan teras kepada dasar ini.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, Yang Berhormat EXCO. Ada, rangkap-rangkap pantun tu ada.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, terima kasih kepada YB. Pedu. Nak jawab pantun macam mana YB. Pedu ni?

Makan taugeh dengan sudu,
Saya jawab soalan YB. Pedu.

"Boleh tera tu?" (sambil ketawa) Sudu lah… nak jawab bagi berlaga Pedu.. Soalan daripada YB. Pedu, pohon dinyatakan perkembangan terkini penggubalan Dasar Sukan Satu Ibadah serta jelaskan elemen utama yang akan dijadikan teras kepada dasar ini.

Untuk makluman YB. Pedu dan juga semua yang ada dalam Dewan ini, proses penggubalan Dasar Sukan Satu Ibadah telah melalui fasa akhir dan draf awal dasar telah pun dibentangkan pada 5 Mac yang lalu oleh jawatankuasa dasar yang dilantik. Sebenarnya proses ini adalah sebagai satu promosi awal sebelum kita laksanakan dan kita angkat di peringkat tertinggi. Kita mengharapkan proses kemurnian sebelum diangkat di peringkat tertinggi akan dijalankan ke secara *details* dari semasa ke semasa dan diputuskan sebelum dibentangkan diperingkat negeri atau diperingkat EXCO. Secara asasnya nama Dasar Sukan Satu Ibadah ini telah dibincang secara terperinci, buat masa ini nama ini kekal dengan mengambil kira bahawa istilah ibadah lebih mengutamakan atau memberi makna yang jelas terhadap dasar ini dan ia harus dinilai dari sudut yang lebih luas. Ibadah tidak hanya khusus kepada ibadah yang bersifat ritual semata-mata, nama tersebut meletakkan perspektif bahawa sukan juga satu ibadah dan bukan perkara yang asing dalam kehidupan masyarakat. Jadi ini satu pandangan yang kita rasa kita nak war-warkan dahulu bahawa ibadah juga boleh merangkumi bidang sukan dan boleh mendatangkan pahala.

Sepanjang proses penggubalan dasar ini, pihak jawatankuasa telah melaksanakan pelbagai proses libat urus bersama pelbagai pihak termasuklah pengajuran sidang media bulat yang dilaksanakan pada Julai 2024 bagi menetapkan hala tuju yang jelas dengan penggubalan dasar ini. Proses libat urus secara berfokus turut dilaksanakan di mana ia melibatkan pakar-pakar dalam bidang agama termasuklah Jabatan Mufti Negeri Kedah sendiri. Selain itu, proses libat urus juga turut dilaksanakan dengan pihak Majlis Sukan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah serta persatuan-persatuan yang terlibat secara langsung. Selain itu juga, kunjungan-kunjungan ke JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), pertemuan dengan pakar-pakar daripada UUM (Universiti Utara Malaysia) dan juga daripada pelbagai peringkat yang kita rasa yang boleh disatukan untuk mendapat pandangan-pandangan yang jelas supaya dasar ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Segala maklumat serta input daripada rangkaian proses libat urus ini telah diperhalusi sebelum merangka satu dasar yang lebih inklusif dan komprehensif serta mengambil kira pelbagai aspek yang ada. Selain itu, Dasar Sukan Satu Ibadah meletakkan tiga elemen utama untuk dijadikan teras pada dasar ini. Pertama menggalakkan iaitu satu bentuk galakkan kepada semua lapisan masyarakat bersukan bukan sebaliknya menghadkan aktiviti bersukan. Yang kedua, pengharmonian iaitu suatu bentuk pendekatan yang mengharmonikan hukum syarak atau lebih mesra kita jadikan mesra syariah dengan aktiviti bersukan menangkis tanggapan dan perspektif negatif dan

sempit serta mendahului penyelesaian dan pendidikan berbanding hukuman. Ketiga, pemberdayaan iaitu suatu bentuk langkah memperdaya pencapaian prestasi atlet berprestasi tinggi antara indikator utama bahkan menjadi enjin untuk memperkukuhkan industri sukan di Negeri Kedah.

Ketiga-tiga elemen ini meletakkan satu prespektif yang jelas bahawa dasar ini mendukung aktiviti bersukan dalam negeri bahkan bukan sebaliknya menambah beban terhadap aktiviti bersukan itu sendiri, malah ia bersifat inklusif serta menjadi suatu faktor penguat kepada kegiatan sukan sama ada untuk masyarakat awam mahupun kepada atlet berprestasi tinggi. Pihak kerajaan juga sedar dan tidak menolak bahawa pasti akan anda kebimbangan yang dibangkitkan oleh golongan bukan Islam berkenaan dasar ini. Secara dasarnya, Dasar Sukan Satu Ibadah tidak mendiskriminasikan mana-mana golongan sama ada golongan bukan Islam dan sebagainya. Dasar ini inklusif dan khusus untuk semua. Sebagai contoh, dalam soal penjagaan aurat yang menjadi salah satu item dalam dasar ini, atlet yang beragama Islam perlu mematuhi kriteria dan syarat-syarat pemakaian yang telah ditetapkan oleh agama. Adapun bagi masyarakat bukan beragama Islam, syarat-syarat yang diletakkan adalah lebih umum. Dasar ini tidak memaksa golongan bukan Islam untuk meneliti apa yang terkandung dalam syariat Islam. Ini prinsip yang jelas, namun kita amat menggalakkan jika dasar ini dijalankan kita mengharap orang yang *non* muslim juga akan turut seterusnya kita menggalakkan berpakaian secara sopan dan tidak mendedahkan aurat secara terbuka. Dasar ini bersifat inklusif melihat kepada perspektif tertentu sebagai contoh yang lain antara item yang diletakkan dalam dasar ini adalah soal sentuhan fizikal antara jurulatih dan atlet yang berbeza jantina dalam syariat Islam ia tidak dibenarkan, dalam perspektif lain perkara ini juga mengelakkan daripada berlakunya gangguan seksual sebagaimana yang terkandung di dalam Kod Sukan Selamat yang telah dibentang oleh KBS (Kementerian Belia dan Sukan) sendiri. Jadi, dasar ini melihat kepada pelbagai sudut demi kebaikan sukan para atlet dan rakyat secara umumnya. Ia tidak mendiskriminasikan mana-mana pihak dan tanggapan sebegini haruslah dielakkan. Sekian, terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, soalan tambahan YB. Pedu.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Soalan tambahan, sejauh manakah konsep sukan sebagai ibadah berupaya membendung masalah gangguan seksual dalam dunia sukan?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, Yang Berhormat EXCO.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Terima kasih YB. Pedu. Untuk makluman, kita amat yakin dan percaya bahawa apabila kita meletakkan Allah sebagai satu sandaran dan kita meletakkan Islam sebagai satu pegangan, kita yakin bahawa setiap program yang kita akan lakukan insya-Allah akan berjaya. Sebab saya yakin berdasarkan kepada ayat 7, Surah Muhammad:

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman, jika kalau kamu menolong (agama) Allah, pasti Allah akan menolong kamu".

Jadi, saya yakin sangat apabila kita meletakkan dasar ini sebagai satu dasar utama, kita yakin bahawa banyak proses-proses ataupun kecelaruan yang berlaku dalam dunia sukan ini akan dapat kita tangani. Antaranya kemungkinan dalam konsep satu ibadah ini kita akan letakkan antaranya jurulatih atau fisioterapi adalah dikalangan yang sama jantina. Jadi yang tu adalah punca-punca menyebabkan berlakunya jenayah seksual ini dikalangan sukan. Yang keduanya, dimestikan ataupun atlet-atlet yang memerlukan juga kalau memerlukan juga rawatan daripada doktor yang berbeza atau fisioterapi yang berbeza, kita harap ada di kalangan bersamanya sama ada jurulatih ataupun orang yang ketiga lah bukan berdua. Yang ketiganya, kita mengharapkan juga hasil daripada perbincangan yang telah kita buat kita yakin bahawa bukan sekadar berpakaian sopan dan menutup aurat itu boleh menutup rangsangan untuk orang terlibat secara langsung dalam benda-benda yang bercelaru ni, kita harap inilah satu ketetapan dan kita mengharapkan bahawa semua akan menerima dan semua akan bersedia dengan konsep Sukan Satu Ibadah ini. Wallahualam, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Seterusnya, dipersilakan YB. Bandar Baharu.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera YB. Tuan Speaker. Pantun saya,

Surung papan tarik papan,
Buah keranji dalam perahu,
Soalan saya nombor lapan,
Mohon dijawab saya nak tahu.

8. YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF
[ADUN BANDAR BAHARU]

a) Pohon dinyatakan maklumat terkini tentang Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berikut dari aspek kos projek, tarikh mula dan jangka siap serta peratus kemajuan kerja:

i) Jitra Selatan
ii) Sungai Kedah/Anak Bukit
iii) Sungai Pendang Pakej 1
iv) Sungai Pendang Pakej 2

b) Siapakah pelaksana dan penguasa projek-projek tersebut?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

YB. Bandar Baharu bahagia dan aman,
Insya-Allah saya jawab soalan nombor lapan.

Boleh tera tu? Kira lulus cukup la (ketawa kecil).

Alhamdulillah bismillahirrahmanirrahim YB. Tuan Speaker, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menjawab soalan daripada YB. Bandar Baharu yang berbunyi "pohon dinyatakan maklumat terkini tentang Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berikut dari aspek kos projek, tarikh projek dan jangka siap serta peratus kemajuan untuk projek RTB Jitra Selatan, Sungai Kedah/Anak Bukit, Sungai Pendang Pakej 1 dan Sungai Pendang Pakej 2 serta ditanya bahagian B "siapakah pelaksana dan penguasa projek-projek tersebut?"

Bahagian pertama berikut adalah senarai berikut adalah senarai projek terkini tentang RTB di Negeri Kedah. Yang pertama ialah Projek Membina dan Menyiapkan RTB Bandar Jitra Selatan dan Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan yang bernilai sebanyak RM34.7 juta dan tarikh mula ialah pada 9 Mei 2022 dan tarikh siap asal ialah pada 8

Mei 2024 telah diberikan EOT sebanyak 4 kali sehingga 30 Mei 2026 dan projek ini setakat ini telah mencapai sebanyak 92 peratus kemajuannya, kalau ikut jadual 95 peratus sedikit lewat sebab melibatkan pemindahan utiliti TNB (Tenaga Nasional Berhad) dan sekarang dalam proses insya-Allah dalam minggu depan akan siap dan dijangka projek ini akan siap pada hujung bulan 5 nanti insya-Allah.

Yang kedua ialah Projek RTB Lencongan Sungai Baru, RTB Sungai Kedah/Anak Bukit. Ini projek bernilai RM76.6 juta yang dimulakan pada 9 Mac 2020 dan sepatutnya siap 8 Mac 2023 tapi telah diberikan EOT sebanyak 5 kali dan dijangka siap insya-Allah pada 14 Jun 2026. Peratus kemajuan kalau ikut jadual 93.12 peratus tetapi setakat ini ialah 92.16 peratus, sedikit lewat.

Yang ketiga ialah RTB Sungai Pendang Pakej 1 bernilai RM101.8 juta yang telah dimulakan 30 April 2018 YB. Tuan Speaker, dan kalau ikut tarikh siap asal ialah pada 29 April 2021 telah diberikan EOT sebanyak 5 kali, dijangka siap ikut tarikh yang baru ialah pada 5 Ogos 2026. Peratus kemajuan 61 peratus ikut jadual dan yang sebenar ialah 66.73 peratus mendahului jadual. Namun demikian, mendukacitakan kontraktor ini telah diisytiharkan muflis dan sekarang ini dalam proses untuk ditender semula dan sekarang ini sedang dalam proses menyelesaikan bayaran kepada kontraktor yang telah ditamatkan pada bulan 12 yang lepas, 12 Disember 2025.

Dan yang terakhir ialah pakej RTB di Sungai Pendang, Pakej 2 bernilai RM156.9 juta yang telah dimulakan pada 12 Oktober 2021 yang sepatutnya siap pada 11 Oktober 2025 tapi telah diberikan EOT yang kedua sehingga 31 Disember 2026. Kemajuan 73.97 peratus ikut jadual dan yang sebenar ialah 74.04 peratus sedikit mendahului jadual.

Bahagian (b) berkenaan dengan penguasa projek. Untuk projek yang berkaitan dengan RTB Jitra Selatan yang disebutkan tadi, Pengarah JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) Kedah sebagai Pegawai Penguasa, yang kedua projek di Sungai Baru atau Sungai Kedah/Anak Bukit yang ini Pegawai Penguasanya ialah Pengarah Bahagian Projek Khas JPS Malaysia di bawah jurutera projek di Pejabat Projek Persekutuan, JPS Malaysia. Yang ketiga RTB Sungai Pendang Pakej 1, Pengarah JPS Kedah sebagai Pegawai Penguasa dan yang keempat Sungai Pendang Pakej 2, Pengarah JPS Kedah. Sekian, terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Terima kasih YB. Kuala Nerang. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) khususnya dalam pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandar Baharu yang baru bermula pada hujung tahun lepas dan saya dapati perkembangannya sangat memberangsangkan. Kerja-kerjanya mengikut, bukan mengikut, melebihi jadual yang sedia ada. Cuma saya nak bertanya dalam soalan tambahan ini, untuk melihat bagaimanakah keadaan di RTB Sungai Kedah yang telah mencatatkan beberapa kali EOT (Extension of Time) dan apakah kuasa atau tindakan kerajaan negeri dalam memastikan projek itu siap sebagaimana yang dirancang? Kemudian yang kedua, apakah tindakan-tindakan yang kerajaan ini untuk pastikan Rancangan-rancangan Tebatan Banjir ini siap mengikut jadualnya? Apakah inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan? Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker, boleh jawab sekali dak? Ka nak tunggu jawab ini dulu?

YB. TUAN SPEAKER

Bagi laluan YB.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Bagi laluan dulu.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Tokai.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Tokai.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Okey, terima kasih YB. Tuan Speaker. Kita dapati YB. Kuala Nerang, banyak projek-projek yang dikendalikan oleh projek Kerajaan Pusat ini dia macam kura. Lambat! Dan saya tengok daripada *highway exit* Pendang ke Pekan Pendang tu sendiri, ada dua *backhoe* saja yang menjalankan projek yang besar. Harga RM10 juta. Jadi,

bagaimanakah peranan kerajaan negeri kitalah *we have any say* kepada kontraktor-kontraktor yang terlalu lambat menjalankan kerja-kerja ini? Kadang-kadang EOT (Extension of Time) 5 kali, 6 kali. Apakah kita berhak untuk ke depan-ke depan ini meletakkan mereka ini dalam senarai hitam supaya lepas ni syarikat ni tak boleh lagi dah mengambil, mendapat projek-projek yang besar begini. Kita tengok saliran tersier di Pulai. Masyarakat jumpa dengan kita, benda tak boleh nak buat pasal air bertakung, kena guna pam. Jadi, diesel dah mahal la ni lagi teruklah depa nak buat bendang. Projek tak jalan, kontraktor, pekerja-pekerja dah lari dah (tertolak mikrofon). *Sorry*.

YB. TUAN SPEAKER

Sabar YB. (ketawa kecil).

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tengah *hot* ni. Pasal depa mai jumpa kita "kami tak boleh nak buat bendang ni ada masalah, hari tu dah sekali dah kena pam air keluar, ni diesel dah naik lagi teruklah". Kemudian, tentang projek Sungai Pendang ni dah di*terminate.* Saya nak rayu kepada terutama pegawai JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) yang ada di sini, jambatan di Tanjung Setol melintasi di situ dua malam lepas nasib baik saya tak menghentam paha konkrit jambatan tu. Pasal gelap tak dak lampu. Kemudian, dia punya lantai tu dah tercabut paku, terpaksa diubah kon dia ke tengah, lorong tinggal sempit. Pegawai JPS tolong ambil perhatianlah berhubung dengan masalah-masalah yang sedang berlaku disebabkan oleh terlalu lambatnya penyiapan projek-projek yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat ini. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai. Dipersilakan YB. EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Bandar Baharu dan juga YB. Tokai. Panjang soalan ni. Jawab pendek (ketawa kecil). Terima kasih atas penghargaan yang diberikan oleh YB. Bandar Baharu kepada JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) dan kita doa moga-moga dipermudahkan urusan semua dan juga dapat berjalan dengan lancar. Saya turut mengakui bahawa memang projek ini mengalami kelewatan dari sudut masa, setengah tadi dimulakan 2018 tapi tak boleh siap. Memang menimbulkan sedikit kesukaran dan mungkin bahagian tertentu banyak kesukaran kepada pesawah dan orang ramai. Namun demikian, EOT (Extension of Time) ni seperti yang selalu saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, diberikan atas alasan atas sebab-sebab yang tertentu yang dibenarkan mengikut peraturan-peraturan

dalam kontrak dan seumpamanya. Kemudian tu, soal senarai hitam seperti yang disebut oleh YB. Tokai tadi, saya percaya dan kita semua sedia maklum bahawa terdapat garis panduan yang tertentu bagaimana pihak berkuasa akan menyenaraihitamkan bahkan terus mungkin tidak dibenarkan untuk menyertai projek yang ke depan terutama yang telah ditamatkan perkhidmatan. Jadi, yang tu kita serahkan kepada pihak yang ada autoriti yang menjadi pegawai penguasa kepada projek yang berkenaan.

Baik, berbalik kepada soalan daripada YB. Kulim, Bandar Baharu tadi tentang juga ada kaitan dengan YB. Tokai tentang apa kuasa apa yang kita boleh buat terutamanya pihak kerajaan negeri. Untuk makluman, khusus berhubung dengan lanjutan oleh YB. Bandar Baharu tadi mengenai RTB (Rancangan Tebatan Banjir) Sungai Kedah/Anak Bukit yang sebelum ini pun telah ditamatkan dan dilantik kontraktor penyelamat. Itu pun memakan masa yang panjang, yang lama yang saya sebutkan tadi perlu lagi masa sehingga dapat disiapkan. Untuk makluman, RTB Sungai Kedah/Anak Bukit ini merupakan projek di bawah Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai Persekutuan di bawah JPS Malaysia. Pegawai Penguasa Projek RTB Sungai Kedah/Anak Bukit ini ialah Pengarah Bahagian Projek Khas Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, manakala wakil penguasa ialah Jurutera Projek Pejabat Projek Persekutuan Kedah, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Sebenarnya JPS Kedah untuk projek ini tidak punya kuasa dalam kontrak projek ini tetapi hanya bertindak sebagai pemudah cara dan juga dari segi membantu pengurusan perjalanan projek. Terutamanya dalam hal mempercepatkan proses pengambilan tanah, menyelaras isu berkaitan dengan aduan agensi, penduduk, aduan penduduk dengan pihak JPS Malaysia. Lebih kepada penyelaras perkara-perkara teknikal berkaitan dengan projek-projek dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan dengan JKR (Jabatan Kerja Raya), PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) dan TNB (Tenaga Nasional Berhad), SADA (Syarikat Air Darul Aman) dan sebagainya.

Kesimpulannya, kita lihat apa yang boleh kita lakukan untuk membantu memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual ialah pertama membantu mempercepatkan proses urusan pengambilan tanah. Ini bidang kuasa yang boleh kita buat di peringkat negeri. Yang kedua, membantu urusan penguatkuasaan terhadap pencerobohan rizab sungai yang terlibat dalam kawasan RTB. Yang ketiga, membantu menyelaras kerja berkaitan dengan pengalihan utiliti seperti TNB, SADA pembentungan, telekom dan lain-lain. Pihak kerajaan negeri telah memberi komitmen dan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan RTB sama ada di Anak Bukit atau di tempat lain berkaitan dengan urusan yang disebutkan tadi, urusan pengambilan tanah, tindakan penguatkuasaan dan kerja pengalihan utiliti telah selesai dilaksanakan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu seperti kekangan yang sebenarnya berpunca daripada kelemahan pengurusan dalaman kontraktor sendiri. Itu yang menyebabkan beberapa projek terpaksa lewat, terpaksa disambung EOT

atau sebab teknikal dan juga ada kes yang terpaksa ditamatkan seperti mana projek LRA (Loji Rawatan Air) Sungai Limau sebagai contoh. Jadi, sedaya upaya kerajaan negeri berusaha untuk membantu mempercepatkan apa yang boleh dipercepatkan insya-Allah. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Lada. Soalan tambahan.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Kita tahu berkenaan dengan RTB (Rancangan Tebatan Banjir) ini, di peringkat negeri kita terdapat lebih kurang 4 dan kita pun sekarang ni di Pokok Sena kita nak pohon satu lagi RTB kerana di kawasan itu kalau tak diselesaikan dengan RTB ni rasanya banjir tu tiap-tiap tahun lah akan berlaku di kawasan Pokok Sena ini. Jadi, kita pun dah bincang dengan pihak JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) supaya dimasukkan dalam permohonan dan saya nak tanyalah, sejauh mana perkembangan RTB di Nawa ini? Dan kemudian saya mengharapkan pihak pembangkang juga boleh bawa perkara ini kepada pihak Pusat supaya dipercepatkan. Isu dia ialah bila RTB-RTB ini lambat menyebabkan kita Negeri Kedah ini banjir selalu berlaku. Puncanya ialah kerana saliran kita yang begitu tak cantik dan tak eloklah kerana tidak tersusun dan sebagainya. Jadi, saya mengharapkan pihak pembangkang juga boleh bawa kepada PMX (Perdana Menteri Ke-10) cepat sikit. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat EXCO.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Boleh masuk sikit? Mencelah.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Tuan YB. Speaker. Projek benteng pemecah ombak di Kampung Huma dan Sungai Pial di Tanjung Dawai dah pun mula. Alhamdulillah, terima kasih. Cuma, bagi menghadapi ombak yang beberapa bulan ni akan mai besar, jadi mohon projek tu diutamakan di kawasan yang dekat dengan rumah penduduk yang boleh menyebabkan runtuhlah kalau bila ombak mai nanti. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. EXCO.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Nak masuk celah sikit?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baik, terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Bukit Lada kerana menghangatkan sikit, bukan hangatlah noh cuma saya difahamkanlah untuk menjawab sikit soalan daripada YB. Bukit Lada. Saya difahamkan kebanyakan kontraktor yang dilantik untuk mengendalikan RTB (Rancangan Tebatan Banjir) ini adalah lantikan kerajaan negeri. Jadi, saya rasa peruntukan memang diturunkan oleh Kerajaan Pusat tapi kontraktor tu dilantik oleh Kerajaan Negeri. Jadi, kita yang mengharapkan Kerajaan Negeri yang tekan kepada kontraktor yang dilantik itu. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker. Soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi laluan lagi YB.?

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Boleh! Boleh!

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Okay, YB. Tuan Speaker. Cuma saya nak tanya di sini adalah apakah tindakan yang akan diambil terhadap projek-projek yang lambat ini? Yang EOT sampai 5 kali. Kalau kita lihat ini Sungai Pendang (Pakej 1) mula 2018 sampai hari ini EOT 5 kali tak siap lagi. Jadi, ia telah mengakibatkan kerugian begitu banyak dari masa, daripada kos. Jadi saya nak tahu adalah apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, terima kasih kepada YB. Bukit Lada, YB. Tanjung Dawai, YB. Sidam dan juga YB. Bakar Arang. Nak jawab hat mana dulu ni? (ketawa). Jawab sekali? Kalau ada yang tertinggal minta maaf. YB. Bukit Lada tadi berhubung dengan RTB di Nawa. Seperti yang saya pernah maklumkan sebelum ini kepada Yang Berhormat, projek itu sekarang sedang dalam kajian ya dan saya kira melalui proses peringkat akhir dan kita berdoa, kita harap dapat dipercepatkan. Setuju dengan apa yang disebutkan oleh YB. Bukit Lada tadi supaya disegerakan.

Sementara YB. Tanjung Dawai sebut tentang Projek Benteng Pemecah Ombak yang bernilai RM22.2 juta itu, itu peruntukan Persekutuan. Terima kasih Yang Berhormat ya. Terima kasih Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan itu dan saya sangat bersetuju memang diutamakan patutnya utamakan tempat-tempat yang melibatkan penduduk ini. Insya-Allah JPS akan ambil perhatian. Walau bagaimanapun, tentu ada perkara-perkata teknikal yang patut dipertimbangkan untuk dilaksanakan projek ini.

YB. Sidam dan juga YB. Bakar Arang, saya rangkum sekali. Memang kita sangat prihatin dan kita ambil perhatian untuk ambil tindakan dalam bidang kuasa yang dibenarkan kepada kita. Sepertimana yang saya jelaskan tadi, ada benda-benda yang yang kita boleh ambil tindakan, kita ambil tindakan. Bahkan ketika projek dijalankan,

JPS negeri pun turut sama pergi melihat, memantau dari semasa ke semasa untuk memastikan projek itu dapat berjalan dengan lancar. Namun demikian, apabila berkait dengan kontrak, itu memang kena pihak yang terlibat dengan pegawai penguasa itu sendiri untuk bertindak. Kita lihat apa yang diuruskan oleh kerajaan, maaf oleh JPS negeri sebagai pegawai penguasa seperti yang saya sebut tadi semuanya ada yang mendahului jadual ya. Walaupun ada EOT, EOT dibenarkan dengan sebab-sebab tertentu bukan sengaja dilewatkan ya dan bila ada EOT memang kontraktor tidak akan dikenakan denda dan tidak akan ditamatkan kontraknya ya. Jadi, saya percaya insya-Allah kerajaan negeri terus komited dan telah dibuktikan memang kita boleh buat dalam jadual yang ditetapkan mendahului jadual. Cuma bila mana ada kontraktor yang terpaksa ditamatkan kerana tidak boleh *perform* ataupun kerana telah muflis seperti disebut tadi, kita tak boleh nak bertindaklah di luar daripada kuasa kita. Wallahua'lam terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO dan seterusnya dipersilakan YB. Kupang.

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Tuan Speaker, mohon jawapan nombor 9.

9. YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD [ADUN KUPANG]

Sebenarnya, sejak merdeka lagi sektor penternakan dijadikan Dasar Utama Negara dalam mengisi kemerdekaan. Namun, hingga kini dasar-dasar ini belum menjadi kenyataan.

Pohon dinyatakan:-

Adakah kerajaan berusaha memperkenalkan mekanisme baru bagi melicinkan pelaksanaan dasar-dasar yang sedia ada dalam sektor penternakan untuk melonjakkan hasil ternakan negeri supaya tidak lagi bergantung kepada hasil import?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. EXCO.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Soalan YB. Kupang berbunyi, sebenarnya sejak merdeka lagi sektor penternakan dijadikan Dasar Utama Negara dalam mengisi kemerdekaan. Namun, hingga kini dasar-dasar ini belum menjadi kenyataan. Pohon dinyatakan adakah kerajaan berusaha memperkenalkan mekanisme baru bagi melicinkan pelaksanaan dasar-dasar yang sedia ada dalam sektor penternakan untuk melonjakkan hasil ternakan negeri supaya tidak lagi bergantung kepada hasil import?

YB. Tuan Speaker, kerajaan negeri sentiasa komited dalam memperkukuh pelaksanaan dasar sedia ada dalam sektor penternakan bagi meningkatkan pengeluaran ternakan tempatan melalui beberapa langkah berikut. Pertama, mengoptimumkan penggunaan kawasan padang ragut serta menggalakkan penggunaan tanah terbiar bagi penanaman makanan ternakan serta menggalakkan penggunaan teknologi moden dan amalan penternakan yang lebih efisien. Kedua, menggalakkan penglibatan rakyat terutamanya golongan belia dalam aktiviti penternakan melalui pemberian insentif sama ada dalam bentuk geran penuh atau geran pemadanan di bawah insentif negeri. Dalam program ini kita ada anak-anak muda yang bela lembu sado. Seekor dekat setan berat. Tahniah saya ucapkan pada kumpulan anak muda yang bela lembu. Yang ketiga, memperkukuh program pembiakan ternakan melalui program ladang pengganda, perolehan baka dan induk berkualiti serta memperkasakan perkhidmatan permanian beradas bagi meningkatkan kualiti baka ternakan. Yang keempat, menggalakkan penggunaan sumber makanan alternatif seperti sisa pertanian termasuk batang jagung dan jerami padi sebagai makanan ternakan. Yang kelima, memperkasakan kawalan penyakit ternakan melalui pewujudan ladang bebas penyakit, pelaksanaan biosekuriti ladang, program survelan serta peningkatan liputan vaksinasi seperti penyakit kuku dan mulut dan *lumpy skin disease*. Sekian, YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan soalan tambahan YB. Kupang.

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, yang mana kita tahu bahawa pasti yang Kedah ini ialah negeri yang mengimport lembu dan juga daging dan juga kambing. Bagaimana dengan khinzir? Eksport ka import? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. EXCO.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

YB. Tuan Speaker, dalam situasi ini kita masih lagi berusaha supaya dapat kita membekalkan permintaan tempatan dahulu. Dalam ternakan lembu kita masih lagi banyak mengimport, kambing pun kita masih banyak mengimport. Kita juga telah berbincang dengan pihak jabatan veterinar untuk mempertingkatkan usaha-usaha. Sebab itu kita cuba sedaya upaya untuk mengoptimumkan penggunaan padang-padang ragut ni. Kita ada sejumlah 745.35 hektar padang ragut dan kita telah berusaha untuk menggunakan padang peragut ini seoptimum yang mungkin dengan menggalakkan seperti saya sebutkan tadi, anak muda melibatkan diri dalam ternakan kerana orang lama-lama ni yang disebut oleh YB. Pengkalan Kundor ni warga emas tak upaya nak pi dah. Jadi, kita minta anak muda seperti saya sebut tadi anak muda telah mengusahakan ternakan lembu sado. Juga dalam bidang ternakan YB. Kupang, kita telah pun berbincang dengan beberapa pihak untuk kita membangunkan ladang-ladang ternakan ayam. Kita tak sembang saja pasal lembu kambing, ayam juga kita duk import banyak dan insya-Allah satu hari nanti kita akan dapat satu ladang yang dapat mengeluarkan bukan saja ayam tetapi baka tu, benih ayam sendiri kita bawa keluar. Lembu juga pihak veterinar sedang berusaha untuk memperkenalkan baka Kedah insya-Allah. Kita akan memperkenalkan baka Kedah supaya kita dapat memperbanyakkan lagi hasil ternakan lembu dan ayam Negeri Kedah ni. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO dan seterusnya dipersilakan YB. Bukit Selambau.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Sahabat-sahabat saya ada pantun, saya pun ada pantun 2 kerat.

Hiasan rumah pokok buluh,
Soalan saya nombor sepuluh.

10. YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH
[ADUN BUKIT SELAMBAU]

Pohon dinyatakan sejauh manakah pemantauan secara berfasa dilaksanakan bagi memastikan visi dan misi yang terkandung dalam perancangan The Greater Kedah akan direalisasi menjelang 2050?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. EXCO.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Bukit Selambau. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya jawab soalan nombor 10 seperti yang diutarakan berbunyi, pohon dinyatakan sejauh manakah pemantauan secara berfasa dilaksanakan bagi memastikan visi dan misi yang terkandung dalam perancangan The Greater Kedah (TGK) akan direalisasikan menjelang 2050?

YB. Tuan Speaker, agenda The Greater Kedah adalah satu agenda besar negeri kita. Ia bukan hanya dalam konteks ekonomi, ia dipanggil dalam konteks yang lebih menyeluruh atau lebih besar dipanggil reformasi struktural Kedah. Iaitu merentasi pelbagai aspek bagi membolehkan negeri kita ini digerakkan dalam kerangka sepertimana yang telah digagaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan disambut oleh Yang Amat Berhormat Jeneri yang mana kita sama-sama saksikannya. Dalam konteks untuk memastikan satu perancangan besar, sebesar The Greater Kedah ini, kita telah mengambil segala langkah yang bersesuaian bagi membolehkan gagasan ini dapat direalisasikan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Untuk makluman Dewan yang mulia, kita menyasarkan fasa pertama agenda The Greater Kedah ini sehingga tahun 2050 iaitu 25 tahun dari tarikh ia dilancarkan. Fasa keduanya sehingga 2075, fasa ketiganya 2100, fasa keempat 2125 *is 100 years plan*. Iaitulah yang saya katakan dia adalah satu gagasan yang dipanggil *structural reformations* dalam konteks negeri kita Kedah.

Jadi, untuk fasa pertama ini pastinya banyak ruang-ruang yang perlu kita perkemaskan dan dalam konteks pemantauan pelaksanaan kita mengeluarkan laporan secara berkala iaitu setiap 3 bulan ya YB. Tuan Speaker, YB. Bukit Selambau. Inilah laporan yang dihasilkan untuk tahun 2025. Jadi dengan kata lain, setiap aspek yang kita telah jadikan dia sebagai KPI (Key Performance Indicator) dan PI (Performance Indicator) telah kita garap dari sudut bagaimana ianya boleh dipantau dan boleh kita terus perbaiki prestasi agensi-agensi yang terlibat. Secara khususnya dalam konteks negeri kita Kedah, kita memfokus kepada 6 teras iaitu pertama, kemakmuran ekonomi. *This is a structural economic reform needed*. Dengan kata lain, kita harus memperkemaskan kekuatan ekonomi kita.

Yang kedua ialah kecemerlangan infrastruktur sepertimana sebentar tadi YB. Kuala Nerang. Ini adalah isu-isu *fundamental* yang perlu terus diangkat untuk membolehkan ekonomi digerakkan dan dimajukan dalam kapasiti yang terbaik apabila infrastruktur-infrastruktur kita berada dalam konteks yang terbaik. Kemudian, keterangkuman sosial budaya. Kita memerlukan mentaliti, inilah satu perkara reformasi mental,

revolusi mental. Kalau boleh saya katakan perlu rakyat Negeri Kedah harus berfikir sebagai kita ini adalah rakyat negara ataupun negeri pertama. *First class mentality* perlu ada, tak boleh *third class* untuk maju, untuk berubah, untuk *reform*. Kita perlu ada *struggle*. *Struggle* ini yang membolehkan kita bergerak laju ke hadapan. Kalau kita *complacent*, kalau kita dalam *comfort zone* kita akan biasa dengan apa yang kita ada dan *reform* yang kita bawa ini tidak akan menjadi kenyataan.

Keempat, keseimbangan modal insan dan bakat. Ini adalah perkara yang diberi perhatian dalam agenda The Greater Kedah kita. Sebab itu kita melancarkan Program Bakti Siswa Perdana kita juga insya-Allah dalam masa terdekat melancarkan Program 1000 Young Professional yang mana kita memfokus kepada melahirkan saintis-saintis, *engineer-engineer* dan *professional accountants*, *lawyers* dan semua bagi membolehkan negeri ini disandarkan harapan dan tunjangnya kepada anak negerinya sendiri. Ini satu perkara yang besar yang mana mungkin sebelum ini kita berfikiran terbuka siapa pun boleh, tetapi saya walaupun lahir di Negeri Perak dan tapi telah di sini selama 25 tahun. *So*, saya nampak kalau *we want to build this state*, kita perlu menyandarkan harapan ini yang terbesar kepada anak negeri ini. Jadi, harus dilakukan usaha untuk memastikan modal insan kita adalah modal insan kelas pertama dan juga dalam konteks kompetensi pentadbiran. Ini perlu, kita harus memastikan *the good governance* di setiap peringkat menjadi tunjang kepada *reform* yang kita ingin bawa dalam agenda The Greater Kedah. Dan yang keenam iaitu kemampanan alam sekitar. Sebagai sebuah negeri maju, kita harus memastikan segala perkara yang kita lakukan ini adalah dalam kerangka yang mana sesuai apa yang telah diamanahkan oleh generasi akan datang kepada kita *to look after* akan Negeri Kedah ini yang mereka pinjamkan kepada kita dan apabila kita serahkan pentadbiran negeri ini kepada mereka, mereka mengatakan kita telah melakukan yang terbaik dalam menguruskan alam sekitar negeri kita.

Jadi, kembali kepada prestasi negeri kita, Alhamdulillah kita telah mencapai prestasi memberangsangkan untuk tahun pertama tetapi ianya tidak mencukupi YB. Tuan Speaker. Kerana apa? Masih banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita lakukan bagi membolehkan kita bergerak ke hadapan. Jadi, saya yakin dan percaya pendekatan kita menubuhkan iaitu dipanggil The Greater Kedah Project Management Office. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah bersetuju untuk menubuhkan satu *office* yang *dedicated*, di bawah *wing* BPEN iaitu Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri telah ada satu entiti yang memantau secara komprehensif akan pencapaian The Greater Kedah kita ini. Itu jawapan saya YB. Tuan Speaker, YB. Bukit Selambau.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Soalan tambahan. Adakah pendekatan kerajaan menangani krisis minyak yang akan memberi kesan kepada agenda The Greater Kedah khususnya Negeri Kedah dan Malaysia?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Ini soalan pancing ni (ketawa kecil). YB. Bukit Selambau, terima kasih. Agenda The Greater Kedah sebagai sebuah negeri di dalam negara Malaysia pastinya dasar-dasar kerajaan hari ini memberi kesan kepada kita secara langsung dan tidak langsung. Dan saya rasakan kita semua hari ini berasa dalam keadaan yang tidak selesa dengan apa yang kita lihat tentang pendekatan-pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Pusat dalam menangani krisis tenaga ini ya, ataupun krisis minyak ini. Yang mana kalau boleh saya katakan mesej-mesej yang disampaikan oleh Kerajaan Pusat hari ini kepada dunia di luar sana. Ini kita lihat dari sudut ekonomi. Apabila negara kita menyatakan bahawa bekalan tenaga kita atau minyak kita boleh bertahan sehingga hujung Mei iaitu kalau daripada *mid* April sehingga hujung Mei, 55 hari. Jadi ia memberi satu gambaran yang sangat bahaya buat sebuah negara yang menghasilkan, mengeluarkan minyak walaupun digambarkan kita sebagai *net importer* tetapi kita ada *reserve oil* kita yang boleh kita cari gali dan boleh kita *convert* kepada memastikan kelangsungan bekalan tenaga kita. Tetapi *the way the governments today* memberikan gambaran bahawa *we are in crisis in 55 days because* lepas 55 hari maka keadaan akan lebih kritikal. Ini adalah satu mesej yang sangat salah dan saya berharap Kerajaan Pusat lebih bertanggungjawab dalam *statement-statements* yang dikeluarkan. Kerana apa? Dia memberi gambaran negatif kepada para pelabur di luar sana yang ingin melabur ke negara kita Malaysia, ke negeri kita Kedah.

Apabila mereka mengatakan bahawa kita seperti tidak mampu menangani krisis tenaga ini walaupun kita sebagai sebuah negara pengeluar minyak. Saya bagi contoh Negara Jepun, mereka ada *reserve* 254 hari. Ini saya ambil daripada tarikh *report* ini keluar iaitu pada tarikh 14 atau 15 April sehingga *end of Mei* ya. Mereka ini daripada 15 April sehingga *reserve* mereka habis. *So*, berapa Jepun ada? 254 hari. Lebih daripada setengah tahun, tujuh, lapan bulan mereka ada *reserve*. Kalau kita ambil China 115 hari. Kita ambil Filipina yang mana negeri jiran kita yang kita tahu mereka ya, juga dalam *position* yang sama seperti kita sedang bersaing dengan kita untuk menarik pelabur. Mereka ada *reserve* 90 hari.

Jadi kita ambil contoh bagaimana, *sorry* Thailand 91 hari. Dan Filipina adalah negara juga yang mempunyai *reserve* yang lebih tinggi daripada kita. Malahan Singapura tak ada minyak tetapi Singapura ada *reserve* berbulan-bulan. Tidak ada isu kepada Singapura sebenarnya dalam konteks ini untuk beberapa bulan akan datang. Inilah *strategic communication* yang gagal dilakukan oleh negara apabila bicara kepada dunia luar tentang perkara-perkara seperti ini. Dan ini memberi kesan kepada kita. Saya ingin juga memberikan gambaran kepada Ahli Dewan yang mulia ini iaitu kalau ambil contoh *backbone* kepada ekonomi negara kita adalah SME (Small Medium Enterprise). Berapa banyak syarikat ada Small Medium Enterprise ni? Lebih kurang 54,000 syarikat di dalam Malaysia. Berapa dia menyumbang kepada KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) negara? 39.5 *percent*. *Almost 40 percent* KDNK negara datangnya dari SME dan juga berapa dari segi dolar dia ringgit dia berapa banyak? Iaitu sekitar 652.4 bilion *contribution from the* SME (Small Medium Enterprise).

YB. Tuan Speaker, saya mendapat laporan daripada Federation of Malaysia Manufacturing (FMM) yang mana saya boleh katakan mereka hari ini berada dalam keadaan yang sangat-sangat tertekan atas pendekatan kerajaan hari ini yang bagaikan tidak jelas akan langkah-langkah nak diambil walaupun kita pengeluar minyak. Dan apa yang berlaku? Dalam kes ini, saya kongsikan di sini dan ia memberi gambaran kepada syarikat-syarikat SME di Kedah juga dan juga kepada syarikat-syarikat MNC (Multinational Corporation) yang mana terkait akan kesan daripada krisis tenaga ini. Iaitu sekitar 25,000 syarikat ataupun dengan kata lain 48.6 *percent* terkesan sehingga 10 peratus ke 20 peratus. Kesan kenaikan kos operasi mereka iaitu sekitar 25,000 syarikat 10 *percent to* 30 *percent*. Sekitar 12,000 syarikat terkesan sekitar di antara 30 peratus ke 50 peratus. Dan sekitar lebih kurang 6,000 syarikat SME terkesan lebih daripada 50 peratus daripada kos *manufacturing* mereka. Bayangkan kalau kerajaan tidak secara serius dan tidak ada *strategic approach*. Maka, kita berada dalam landasan yang sangat dahsyat. Kejatuhan ekonomi kita apabila *the backbone of the economy SME ini paralyse*, lumpuh kerana krisis yang kita sedang hadapi ini.

Sebab itulah saya rasakan di sini, hari ini maaflah saya katakan Kerajaan Pusat adalah hari ini kerajaan yang paling gagal dalam konteks *crisis management* di mana mereka gagal untuk memberikan optik yang betul kepada masyarakat di luar sana, naratif yang sihat, yang masih lagi memberi harapan. Apa yang digambarkan adalah sesuatu yang mendukacitakan. Jadi, saya berharap kita dapat sama-sama di Kedah ini menggerakkan usaha kita dan memastikan negara akan dapat mengambil langkah yang lebih baik iaitu kita perlu ada simpanan *reserve, strategic reserve on* petroleum yang lebih tinggi. Kita juga harus memastikan kebergantungan kita kepada pasaran terbuka ini dapat kita kawal dengan lebih baik kerana kita adalah pengeluar minyak dan juga dalam pada masa yang sama, kita harap Kerajaan Pusat hentikanlah hanya merancang dalam jangka masa pendek. *We are building a nation, we are building our*

country. We are not talking about next election. This is the future of our country dan sama-sama kita bina *better* Malaysia dan insya-Allah The Greater Kedah akan menjadi kenyataan. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO. YB. Bakar Arang, silakan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker, saya cuma nak bertanya sedikit saja. Tadi YB. EXCO belum jawab lagi. Apakah perancangan Negeri Kedah dalam menghadapi *oil crisis* ini? Sebab saya tadi dengar jawapan dari YB. EXCO hanyalah bercakap tentang kesalahan di peringkat Pusat. Dan juga banyak-banyak fakta saya juga nak pertikaikan jugalah Tuan YB. EXCO tadi kata, "Jepun ada 200 lebih hari *reserve".* Sebenarnya, Jepun dia sudah *start* dia punya *reserve* sejak tahun 1970 semasa *oil crisis* tu. Mereka sebenarnya ada satu akta dan kali ini punya *oil crisis* bukannya kita yang pilih. *It happens because of geopolitics*. Setiap negara pun ada masalah, bukan sahaja Malaysia. Vietnam, Thailand, Philippines, semua ada masalah. Jadi, saya rasa lebih baik YB. fokus kepada dari segi sudut negeri, apakah perancangan untuk Negeri Kedah. Bukannya cari kesalahan saja. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih, syabas YB. Bakar Arang. *It's a proof*, YB. buat kerjalah, *to defend under federal government.* Tapi kalau YB. nak tahu, YB. tanya soalan dalam kerangka yang kecil iaitu apa Kedah buat dalam konteks kita. *Actually we can do better if we control the federal government. We can do a lot more than what the present government is doing*. Tapi apa pun dalam konteks negeri kita, kerana apa kita kata begitu, kerana *the decision to set* ataupun meletakkan kadar harga minyak pada kadar seperti hari ini *made by the federal government*. Kalau kita ada kuasa *to determine*, kita pastinya akan lebih berkonsepkan, berorientasikan kepada ekonomi negeri kita dan negara kita. Dan pada masa yang sama, *all the incentives* yang ada hari ini semuanya, c*offer* itu semua pendapatan negara, kenaikan SST (Sales and Service Tax) yang berbilion-bilion dikumpulkan, ya, *rationalization* subsidi yang berbilion-bilion dijimatkan dan semua perkara yang konteks bagaimana keadaan kerajaan hari ini dapat kumpulkan sepatutnya *the time of crisis*, inilah sepatutnya diberikan kembali kepada rakyat tetapi *federal government has failed to do that*.

Jadi dalam konteks ini, kerajaan negeri apa yang kita mampu lakukan ialah menggerakkan dan mengharapkan semua sektor di negeri kita memainkan, mengambil pendekatan untuk memperkemaskan ekonomi.

Dan juga sebahagian daripada soalan tadi, iaitu apa tadi bahagian kedua tadi? YB.? Oh, Jepun! Okay. YB kata Jepun telah lebih awal. Itu tandanya orang merancang. *You know, this is something a fundamental failure*. Macam mana YB. boleh mempunyai gambaran orang yang merancang lebih awal itu adalah satu kebetulan? Bukan kebetulan! *Things are being done by design* bukan *by chance. Our country* tak boleh dibawa*,* dipandu *by chance,* mesti *by design, Japan designed it earlier*. Kita kena tahu, boleh buat *projection* bila krisis nak datang. Sebab itu kita ambil contoh, Thailand pun 91 hari. Kita ada 45 hari. Filipina, dia ada 55 hari, kita 45 hari. *Singapore, our neighbour*, dia ada *months of reserve of oil*. Sebab apa? Dia *plan, we fail to plan*. Kalau kita gagal merancang, kita merancang untuk gagal. *Thank you*, YB.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Soalan tambahan, boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Okey, terima kasih YB. Tuan Speaker. Seperti yang YB. EXCO kata tadi ya, kita ada mempunyai stok sampai bulan Mei. Tetapi oleh kerana kebijaksanaan PMX (Perdana Menteri Ke-10) sekarang, beliau berupaya untuk menghubungi pihak Iran untuk dilepaskan, untuk lepaskan kapal-kapal Malaysia untuk kita menjadikan stok untuk kita tu. Jadi saya tak, saya rasa berkenaan dengan…okey lagi satu. Berkenaan dengan apa yang dirancang oleh Jepun macam, seperti yang YB. Bakar Arang kata tadi, itu memang tepatlah mereka boleh buat. Tetapi apa yang saya nak tanya sekarang, masa 33 bulan dulu, adakah kita merancang benda ini untuk dijadikan stok? Jadi, ini soalan yang perlu kita nak tahu juga. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. EXCO. YB. Kota Siputeh juga bangun. Nak bagi laluan?

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Saya nak mencelah sekejap. YB. EXCO Jitra, adakah YB. EXCO setuju bahawa ada dikhabarkan minyak stok tak cukup? Tapi PMX (Perdana Menteri ke-10) boleh pula berdagang pi hantar pula jual minyak kita dekat Philippines. Apa cerita tu? Macam mana dia boleh buat atas, berniaga atas kita pula? Itu yang pertama. Yang kedua, kenapa kita ni tak kontra hasil eksport kita yang tinggi dalam dunia dalam konteks LPG (Liquefied Petroleum Gas)? Kenapa kita tak ambil kesempatan atas perkara tersebut untuk kita kontra bagi balik kepada rakyat dalam waktu krisis ni? Terima kasih. Kalau kata bijak sangatlah PMX (Perdana Menteri ke-10) tu.

YB. TUAN SPEAKER

Okey, dipersilakan YB. EXCO. Tak ada soalan tambahan dah kut?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Aaa, YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi apa nama ni, YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Okey YB. Tuan Speaker, terima kasih. Berkenaan dengan YB. Kota Siputeh tadi tanya, kenapa kita jual minyak kepada Philippines. Saya rasa…. (YB. Bandar Baharu mencelah)

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

YB. Tuan Speaker, ini *floor* untuk jawab. Bukan *floor* untuk ni…

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Biar saya cakap dulu.

YB. TUAN SPEAKER

Untuk soalan!

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Saya nak cakap dulu, yang sebenarnya, tadi YB. pun belum jawab lagi. Apakah perancangan untuk Negeri Kedah? Itu saya rasa.

YB. TUAN SPEAKER

Okey.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Baik.

YB. TUAN SPEAKER

Okey. Terima kasih, YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Cuma *you* cakap *you* jadi kerajaan, *you* boleh buat ini, buat itu. Tetapi, kerajaan negeri sendiri pun, perancangan pun… (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Kalau kami bagi solusi, baik kami jadi kerajaan lah!

YB. TUAN SPEAKER

Okey, dipersilakan YB. EXCO!

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Okey, saya jawab. Saya jawab dulu tentang hubungan baik dengan Iran. Ini YB., ini komunikasi saja, *nothing special*. G2G (Government to Government), *it's a normal thing*. *YB.,* kita kalau kita nak angkat la ni nak bagi tau PMX (Perdana Menteri ke-10), *you've done a great job by giving a call to the President of Iran*, lekeh sangat lah kita. Selalu Perdana Menteri tak bagi tahu rakyat dia *call* siapa. Perdana Menteri tak buat kerja ni. Perdana Menteri ni dia buat kerja tanpa diketahui oleh rakyat, tahu-tahu selesai masalah. Itu dia, setakat bagi tahu dia *call*, hubungan itu hubungan ini. *We have building this relationship with Iran for many years*, zaman Tun Dr. Mahathir lagi. Ketika mana Iran dalam krisis *world is boycotting them*, Tun Dr. Mahathir hantar minyak sawit kepada mereka *as to ensure the economy* Iran tu *revive*. *Who did that?* Tun Dr. Mahathir Mohamad! *So*, ini satu gambaran YB, kalau dalam konteks hanya

phone call hubungan baik, terima kasih, ya. Dalam konteks ini, kita memang itulah kerja dia. Kita lantik sebagai Perdana Menteri, *to set the vision and direction for the country*. Tetapi tak perlulah diangkat segala *phone call* hubungan itu, kita rasakan bahawa kita dalam konteks suatu yang luar biasa dilakukannya, ya. Iran kata dia bagi lalu tak caj, kita kata caj. Ini *communication breakdown* juga, rakyat pun *confuse*. Iran kata *free, let's go, Malaysia ships* boleh lalu, kita kata kena bayar pula RM80 juta. Apa benda ni semua? Perkara-perkara macam inilah sesuatu yang mengelirukan rakyat. *So, communication* ni sangat penting, *strategic communication* YB., *need to be address by the government*.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Insurans tu, insurans kena bayar.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Kalau kita ambil contoh lagi yang kedua YB., ya. Kita ambil contoh YB. kata apa jadi 33 bulan ketika mana kita memerintah. Masa tu covid, YB. nasib baik *survive* hari ini ada dalam Dewan ni. Kalau tak YB. pun dah tak ada mungkin di Dewan ni. Kalau tidak, kerajaan bertanggungjawab melakukan yang terdaya. Masa tu tak fokus ekonomi, masa tu fokus kepada *survival* rakyat, nyawa rakyat. *Billions of money being pawned to help the* rakyat*. At the same time, we allocated a significant amount of money* untuk *reviving the economy*. Ini dilakukan oleh kerajaan kita pada masa kita memerintah. Jadi, berbalik kepada cerita tadi, dalam keadaan negara kita hari ini, yang mana kita tahu dalam keadaan krisis sepertimana tadi YB. Kota Siputeh katakan tadi. Kita ada gas yang banyak pada ketika ini, krisis ini, okey. LNG (Liquefied Natural Gas) kita yang mana kita boleh komersialkan, kita boleh jual pada harga tinggi, sepatutnya kita jual. Kenapa kerajaan senyapkan jualan gas ini ke pasaran dunia yang menjana berbilion-bilion ringgit? Kenapa tidak di*transfer* kembali untuk *subsidize* minyak kita, di negara kita? Soalan kepada Kerajaan Persekutuan hari ini. Ini kita lakukan dalam konteks yang sepatutnya harga lebih rendah daripada apa yang harga ada pada hari ini. Dan mengapa hari ini sebuah negara bernama Malaysia ada dua harga berbeza, Semenanjung Malaysia dan juga Sabah, Sarawak? Bagaimana seorang pemimpin ingin menyatakan kepada rakyatnya, apabila dalam negaranya ada jurang harga yang sangat ketara. Ini adalah manifestasi kegagalan sebuah kerajaan. Iaitu kerajaan MADANI telah gagal untuk menjaga kebajikan seluruh rakyat Malaysia. Kalau betul, PMX (Perdana Menteri ke-10) jadi Perdana Menteri Sabah, Sarawak sajalah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. EXCO. Untuk urusan seterusnya.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh, boleh masuk lagi?

YB. TUAN SPEAKER

Masa kita sudah pun cukup. Urusan seterusnya, dipersilakan Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan perbahasan usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

II. SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, YB. Guar Chempedak.

YB. TUAN HAJI ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih, YB. Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, robbisrohli sodri wa yassirli amri wahlul 'uqdatam mil-lisani yafqahu qauli. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua. YB. Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Dan Persekutuan, para pemerhati, pengamal media, serta hadirin sekalian.

YB. Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, pada pagi ini, pertama sekali ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Penguatkuasaan Perikanan telah berjaya menangkap tiga bot pukat tunda yang menceroboh zon menangkap ikan di Pulau Bidan, Yan, Kedah. Ini adalah satu usaha untuk membantu para nelayan. Yang mana ketika ini, para nelayan memang terkesan akibat kenaikan harga minyak. Sepertimana yang dibahas sebentar tadi, ingin saya nyatakan juga di sini bahawa kerajaan pada hari ini benar-benar gagal untuk mengantisipasi kenaikan harga minyak. Kerajaan yang ada pada hari ini hanyalah bertindak seolah-olah mereka ni adalah seorang peniaga sebuah syarikat. Apabila bahan mentah naik, harga pun harus dinaik. Sebenarnya kerajaan yang ada pada hari ini harus menyusun atur tindakan-tindakan ataupun berfikiran lebih awal sebab Amerika dengan Israel bukan baru kelmarin tiba-tiba merancang untuk menyerang Iran. Ianya telah dilakukan dan sudah digembar-gemburkan berbulan-bulan sebelum

kejadian penyerangan yang pertama berlaku. Tetapi pihak kerajaan kita masih gagal untuk menghidu atau mengantisipasi apa yang akan terjadi jikalau pihak Amerika dan Israel menyerang Negara Iran, apakah akibatnya kepada ekonomi negara dan sebagainya. Di situlah yang dikatakan gagal untuk merancang.

Seterusnya YB. Tuan Speaker, izinkan saya untuk membahas titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman, raja pemerintah dan payung negeri ini. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah pada sidang kali ini amat penting, memandangkan negara dan kini di ambang kegawatan. Bahkan, di peringkat global sudah pun terdapat negara-negara yang terjejas teruk. Penekanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan berhubung dengan peranan yang perlu diambil oleh kerajaan dalam tempoh krisis peperangan yang berlaku tidak boleh dipandang enteng. Rata-rata di media sosial bahkan, oleh Kerajaan Persekutuan menganjurkan agar semua pihak berjimat-cermat. Benar secara asasnya, kita perlu berjimat. Namun jika diteliti, pedoman yang dititipkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, baginda menggunakan terma berjimat-cermat dalam nasihat baginda kepada rakyat dan mengguna pakai fasa perbelanjaan yang cekap dan berstrategi apabila merujuk kepada kerajaan.

Sepertimana yang kita sedia maklum, perkara pokok yang mencetus kegawatan ekonomi ekoran peperangan ini adalah bekalan bahan api, minyak dan gas. Jika negara tidak mempunyai bekalan bahan api yang mencukupi, segala aktiviti harian, perniagaan dan ekonomi akan tergendala. Kos logistik akan meningkat, harga barang akan meningkat, kuasa membeli rakyat akan menurun dan kesannya perniagaan akan menguncup dan akhirnya membawa kepada pekerja-pekerja yang mungkin diberhentikan atau bagi menjimatkan kos operasi. Jika kita telah memasuki fasa ini, di mana rakyat sudah hilang pendapatan, saya percaya negara bukan sekadar berhadapan krisis ekonomi, malah menghadapi risiko keselamatan dalam negeri yang serius. Kerajaan perlu memahami fasa-fasa permasalahan ini agar kita boleh bertindak sebagai agen penampan atau kusyen kepada krisis yang akan berlaku. Apabila rakyat dan perniagaan berjimat, pada hemat saya, kerajaan wajib berbelanja. Jika tidak, tidak akan ada langsung aliran wang dalam pasaran tempatan. Satu keadaan yang disebut oleh ahli ekonomi sebagai *stagnation*, dengan izin.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang menyeru agar kerajaan berbelanja secara strategik, saya mohon untuk kerajaan negeri mengeluarkan dasar perbelanjaan negeri dengan memaksimumkan perbelanjaan dalam sektor penampan sebagai rujukan kepada seluruh jentera kerajaan untuk berbelanja dalam tempoh kegawatan. Antara kriteria-kriteria yang boleh diklasifikasikan sebagai sektor penampan adalah seperti berikut; perniagaan yang berciri domestik dalam sepanjang rantaian perniagaan, perniagaan yang mempunyai bilangan tenaga kerja yang tinggi, perniagaan dalam rantaian

pengeluaran bahan mentah makanan dan pertanian, sektor perniagaan berciri perkhidmatan, dan peniaga-peniaga kecil. Dan kerajaan perlu mengelakkan perbelanjaan yang mempunyai kaitan dengan pembelian barang import.

Bagi memastikan hasil cukai negeri tidak tergendala, sektor-sektor yang menyumbang kepada hasil negeri turut perlu disokong agar sektor ini berdaya tahan untuk terus menyumbang kepada hasil negeri. Pada hemat saya, satu *special task force* krisis ekonomi negeri perlu ditubuhkan yang merangkumi pegawai-pegawai dari pelbagai bidang dan jabatan agar seluruh jentera kerajaan fokus dalam menghadapi krisis bakal berlaku ini. Benar, tanggungjawab hal ehwal luar negeri adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Namun, urusan domestik yang bertindak sebagai penampan adalah sebahagian besarnya di bawah kuasa negeri dan kerajaan tempatan. Untuk itu, kita perlu berperanan dengan aktif dan proaktif demi kelangsungan negara dan negeri. Sekali lagi saya menyeru supaya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan agar kerajaan berbelanja secara strategik diberi perhatian dan keutamaan oleh kerajaan negeri.

Berkaitan dengan penanaman padi YB. Tuan Speaker, jika kita meneliti *Theory Maslow's Hierarchy of Needs*, (dengan izin) yang menggariskan tingkatan keperluan-keperluan manusia ternyata di bawah dan yang terpenting sekali adalah makanan dan keselamatan diri. Dalam mentadbir sebuah negara, itu jugalah yang paling penting. Malangnya, kadangkala kita terlalu selesa hidup dalam dunia globalisasi sehingga terlalu bergantung kepada dunia luar dalam membekalkan makanan kepada negara. Kita sangkakan sistem globalisasi ini utuh, namun ternyata ianya sangat rapuh dan mudah runtuh. Dalam tempoh ketidaktentuan ekonomi global, Negeri Kedah yang dianggap mundur ini sekali lagi menjadi tempat negara bertaut. Sejarah panjang Negeri Kedah sebagai pembekal keperluan beras dan makanan negara kini menjadi *safe deposit* negara dalam keterjaminan keselamatan makanan. Namun, kita berasa sedikit terkilan apabila peranan penting ini tidak mendapat balasan yang setimpal. Kita menjadi seolah-olah orang tua di kampung yang mana bila susah baru orang balik cari, bila senang diabaikan. Tiga perkara yang Kerajaan Persekutuan perlu beri perhatian, yang pertama penggunaan tanah bagi tujuan penanaman padi ini terlalu luas sehingga mencecah 110,000 hektar ataupun lebih 10 peratus daripada keseluruhan tanah negeri. Ini secara *de facto* menyekat pembangunan negeri. Yang kedua, hasil negeri yang sangat rendah kurang daripada RM6 juta setahun bagi keseluruhan kawasan tersebut.

Yang ketiga, pengawalan yang terlalu ketat ke atas industri padi namun tiada pelaburan yang berimpak bagi memajukan industri padi. Yang menjadi parah sekali, apabila disebabkan harga beras dikawal membawa kepada risiko panjang yang tidak bertanggungjawab, *relabel* beras tempatan sebagai beras import, membawa kerugian kepada para petani dan pembeli. Yang untung adalah pengilang. Kesemua faktor ini

membuatkan industri padi semakin lesu dan uzur dan tidak mendapat tempat di hati generasi baru. Sedar tidak sedar, tindak-tanduk ini bertindak sebagai pemutus kelahiran pesawah-pesawah muda dan moden. Jika tiada sawah baharu, sudah pasti tiada sawah yang akan diusahakan. Ataupun lebih memburukkan lagi keadaan generasi baharu lebih berminat menukar guna tanah dari sawah kepada aktiviti yang lain seperti *homestay*, ruang meniaga dan lot lidi. Jika sawah padi sudah susut, maka *safe deposit* makanan negara turut menyusut. Maka negara akan berhadapan risiko mempunyai payung bocor yang tidak mampu menampan ribut ekonomi yang bakal melanda di masa hadapan.

YB. TUAN SPEAKER

3 minit lagi YB.

YB. TUAN HAJI ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih. Sudah tiba masanya usaha negeri dalam memayungi kedaulatan makanan negara di timbal-balas dengan suntikan fiskal yang setimpal. Tujuan utama negeri perlukan suntikan fiskal adalah bagi mengimbangkan perbelanjaan domestik antara negeri-negeri di Malaysia. Seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, kerajaan negeri adalah penyuntik aliran wang ke dalam pasaran tempatan. Jika kemampuan negeri berbelanja adalah tinggi, maka tinggilah aliran suntikan wang kepasaran domestik khususnya di dalam Negeri Kedah. Ini adalah sebagai langkah selamat dalam usaha kerajaan untuk memastikan perniagaan di Negeri Kedah terus subur dan mendapat dukungan kerajaan dalam berhadapan krisis ekonomi.

YB. Tuan Speaker, semakan cukai tanah. Yang pertama negara seperti Turki Uthmaniyah di mana kuasa, minta maaf. Niccolò Machiavelli ada menjelaskan dalam bukunya, “The Prince”, bahawa terdapat dua bentuk negara di dunia ini. Yang pertama, negara seperti Turki Uthmaniyah, di mana kuasa pemerintahan berpusat dan wilayah di tadbir oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh pusat menjadikan pemerintahan pusat adalah segala-galanya. Kelemahan sistem ini adalah sekali pentadbiran pusat runtuh, semuanya runtuh. Itulah hakikat yang telah berlaku kepada Empayar Agung Uthmaniyah. Berbeza dengan sistem kedua seperti Perancis di era feudal, di mana raja bertindak sebagai pemerintah negara namun pembesar tempatan mempunyai kuasa pentadbiran dan ketenteraan yang signifikan di peringkat wilayah. Hal ini menjadikan Negara Perancis era feudal kalis krisis peperangan. Jika Raja Perancis kalah perang, wilayah di bawah Negara Perancis masih terus boleh bertahan disebabkan pemerintahan tempatan tidak terganggu disebabkan desentralisasi kuasa tersebut.

Saya berpendapat, sudah tiba masanya kita menguatkan lagi usaha untuk memberi lebih autonomi dan kelebihan kepada negeri-negeri dalam kerangka Persekutuan sebagai langkah untuk mengukuhkan lagi tahap ketahanan negara melalui pemerkasaan negeri-negeri. Mungkin, krisis tenaga ekoran peperangan Timur Tengah ini boleh dijadikan sebagai titik permulaan agenda desentralisasi kuasa kepada negeri khususnya yang melibatkan urusan tempatan dan domestik seperti tanah, kerajaan tempatan dan pertanian.

YB. TUAN SPEAKER

Boleh *landing*, YB.

YB. TUAN HAJI ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Sikit, terima kasih. Seperti yang kita tahu, dalam Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan hal ehwal tanah dan kerajaan tempatan di bawah kuasa negeri selaras dengan Jadual Kesembilan, Senarai Kedua. Namun, dalam konteks semakan cukai tanah, pihak berkuasa negeri masih lagi memerlukan restu dari Kerajaan Persekutuan untuk menyemak semula cukai tanah. Hal ini menyebabkan perancangan fiskal negeri terbantut apabila tidak mendapat restu tersebut. Jika perancangan negeri untuk menyemak kadar cukai tidak disokong, malah suntikan fiskal ekoran penanaman padi juga tidak dipertimbangkan, bagaimana kerajaan negeri boleh bertindak sebagai ejen penampan dalam mendepani krisis. Pastinya sukar untuk Negeri Kedah bersama-sama Kerajaan Persekutuan dalam mengharungi krisis yang bakal mendatang ini. Untuk itu, saya menyokong penekanan yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan agar pelaksanaan semakan cukai ini diberi laluan mudah oleh Kerajaan Persekutuan dan turut memohon agar negeri menguatkan lagi agenda desentralisasi kuasa dari Pusat kepada Negeri agar negara secara keseluruhan lebih berdaya tahan dalam mendepani krisis.

YB. Tuan Speaker, sebagai penutup, saya ingin menyeru kepada kerajaan negeri agar melihat segala saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan melibatkan semakan cukai tanah, isu berkaitan sektor pertanian padi, langkah perbelanjaan berhemah kerajaan sebagai bukan isu berasingan tetapi sebagai isu yang saling berkait rapat untuk memastikan agenda kelangsungan negeri terjamin dan terjaga. Saya sekali lagi menekankan bahawa satu *special task force* rentas jabatan dan bidang perlu ditubuhkan segera oleh kerajaan negeri sebagai satu *platform* strategik yang dapat menasihati kerajaan negeri dengan lebih menyeluruh dalam mendepani krisis ekonomi yang akan berlaku. Saya mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Tuanku Sultanah terus diberi kekuatan oleh Allah SWT, dalam memerintah dan memayungi Negeri Kedah. Saya juga mendoakan agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar kekal sihat dan diberi kekuatan serta dukungan untuk

terus memimpin pentadbiran Negeri Kedah dalam masa-masa yang getir ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menyokong penuh titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena Perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah, Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-15. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, YB. Guar Chempedak. Seterusnya, dipersilakan YB. Belantek.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil alamin, washolatu wassalamu 'ala saidina muhammadin asrafi mursalin, wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Terima kasih YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah, ADUN Jeneri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, pemerhati-pemerhati ke Dewan hari ini, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Saya mulakan perbahasan hari ini dengan menyentuh titah Tuanku Sultan di muka surat 9, mengenai pengorbanan Negeri Kedah dalam mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda. Tuanku menekankan perlunya ada insentif kewangan oleh Kerajaan Persekutuan sepertimana yang telah dipohon oleh Kerajaan Negeri Kedah. Itu disebut, dititah dalam muka surat 9. Dan saya juga ingin merujuk pada apa yang telah dilapor oleh Portal Digital Perdana, pada 13 haribulan juga menyebut tentang tajuk utama "Kedah Berkorban Kekalkan Kawasan Padi, Tadahan Air", sudah menjadi tajuk utama, YB. Tuan Speaker.

Kawasan Hutan Ulu Muda ialah antara tadahan air paling penting di utara Semenanjung. Membekalkan air pada Kedah, Perlis dan Pulau Pinang serta menyokong empangan seperti Empangan Muda dan Empangan Pedu. Jadi, sejak sekian lama Kedah mengorbankan Hutan Simpan Ulu Muda-nya untuk kawasan tadahan air termasuk manfaat kepada negeri-negeri jiran dan kebetulan Hutan Ulu Muda ini berada di Daerah Sik dan DUN Belantek berada di situ YB. Tuan Speaker. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan dan memberi saranan-saranan terbaik yang dapat kita majukan, kita dapat pelihara Hutan Simpan Ulu Muda ni, YB. Tuan Speaker. Dan oleh sebab kepentingannya, Kerajaan Persekutuan memang ada peranan besar dan seharusnya memainkan peranan yang proaktif untuk membantu negeri memelihara kawasan ini. Inilah yang disarankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Dan di sini saya ingin menyebut beberapa langkah inisiatif yang boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu dalam perkara ini. Satu YB. Tuan Speaker, pampasan kewangan pada kerajaan negeri, (dengan izin) *payment for ecosystem services*. Yakni, Kerajaan Persekutuan boleh memberi pampasan kepada Kedah kerana mengekalkan hutan tanpa pembalakan. Ini harus dipertimbangkan dan ini penting sebab biasanya negeri akan hilang hasil balak bila kawasan dilindungi untuk memelihara ekosistem kawasan tadahan air dan pampasan atau bayaran kepada Kedah kerana menjaga sumber air dan menyalurkannya ke negeri-negeri lain. Ini satu pengorbanan yang cukup besar, YB. Tuan Speaker. Itu yang pertama. Yang kedua, kita wartakan sebagai kawasan perlindungan kekal, ya. Mungkin boleh kita naik taraf *status* kepada Hutan Simpan Kekal Bertaraf Perlindungan, bertaraf perlindungan. Atau wartakan ia sebagai kawasan sensitif alam sekitar ESA (Environmentally Sensitive Areas) tahap tinggi, dan ini dapat membantu untuk kita memelihara Hutan Ulu Muda. Kita boleh hadkan atau hentikan aktiviti pembalakan di zon tadahan air yang kritikal, YB. Tuan Speaker. Okey yang kedua.

Yang ketiga, sudah pasti kita dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kita menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat. Mungkin undang-undang yang sudah ada sekarang tapi nak kita ketatkan lagi dan rondaan boleh dibuat oleh agensi seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Gunakan teknologi seperti dron dan pemantauan satelit untuk kesan pencerobohan dan sudah pasti hukuman lebih tegas terhadap pembalakan haram. Sekiranya ada aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, pihak berkuasa seharusnya peka dan cepat mengambil langkah-langkah yang sepatutnya, itu yang ketiga. Yang keempat, kerjasama dengan Persekutuan juga seharusnya ada kajian saintifik dan pemantauan berterusan, biaya kajian hidrologi, biodiversiti dan perubahan iklim. Pakar-pakar yang ramai dan sudah pasti ingin melibatkan universiti dan agensi seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan data-data yang diperolehi adalah penting untuk membuat satu dasar yang tepat dan kemas untuk kita memelihara Hutan Ulu Muda ini YB. Tuan Speaker.

Yang kelima, kerjasama antara Negeri dan Persekutuan khusus dalam bab ini, kita nak ada tubuhkan pelan pengurusan bersama antara Negeri dan Persekutuan sebab air dari Ulu Muda ni digunakan oleh negeri-negeri lain bukan oleh Negeri Kedah saja, ianya memberi faedah kepada negeri-negara lain dan Pulau Pinang dan Perlis juga boleh menyumbang dana permuliharaan dari segi kewangan juga kita minta dari negeri-negeri jiran, negeri-negeri berkaitan untuk kita memelihara Hutan Ulu Muda. Yang keenam, pembangunan alternatif untuk komuniti setempat dan sudah pasti ianya boleh menyediakan peluang ekonomi lain seperti ekopelancongan. Ini sudah pasti YB. Tuan Speaker, satu tempat yang menarik, yang penuh dengan kehijauan, sudah sampai sekarang pun menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong untuk hadir, dan hari ini pula dengan cuaca kemarau YB. Tuan Speaker, air dah surut dan

kita dapat melihat kesan-kesan lama kampung-kampung lama yang ditinggalkan, ada kesan-kesan tanah-tanah perkuburan yang boleh dilihat dan saya Alhamdulillah YB. Tuan Speaker, sempat masuk minggu lepas dan dapat melihat sendiri keindahan peninggalan artifak-artifak lama YB. Tuan Speaker dan ini harus diambil tindakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk kita mempromosi pelancongan ini YB. Tuan Speaker dan…(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

4 minit lagi YB.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Berapa minit lagi?

YB. TUAN SPEAKER

4 minit lagi.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Allah, banyak lagi ni!

YB. TUAN SPEAKER

Ringkaskan!

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Ya, okey. Jadi, dengan kajian pihak universiti, insya-Allah akan dapat membantu untuk kita mempromosi pelancongan ini Tuan Speaker. Dan yang ketujuh ialah pengiktirafan antarabangsa, kena ada usaha untuk menjadikan Ulu Muda sebagai tapak biodiversiti penting atau kawasan perlindungan bertaraf antarabangsa begitu YB. Tuan Speaker, perlindungan antarabangsa dan ini saya yakin boleh menarik masuk dana secara global dari seluruh dunia dan membantu memelihara Hutan Ulu Muda ini. Kesimpulannya YB. Tuan Speaker, peranan Persekutuan adalah sangat penting terutama dari segi kewangan, dasar, dan penguatkuasaan. Sama-sama kita Negeri dan Persekutuan berganding bahu menjaga Hutan Ulu Muda, menjaga sumber air untuk jangka panjang, bukan saja untuk kita hari ini tapi juga untuk anak cucu kita YB. Tuan Speaker.

Seterusnya di muka surat 5 juga Tuanku menyebut melalui prinsip federalisme, hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh dilihat secara terpisah sebaliknya perlu berlandaskan semangat kerjasama yang adil dan saling melengkapi. Ini penting YB. Tuan Speaker. Kita melihat ada satu permasalahan yang disebut di sini perangkap federalisme fiskal (dengan izin) *fiscal federalisme track* yang tempang sejak dari awal. Hasil mahsul yang diambil sebagai contoh dari Sarawak contohnya telah mencecah trilion ringgit namun manfaat yang dikembalikan kepada Sarawak melalui *royalty* hanya kira-kira beberapa puluh ribu sahaja, ini satu contoh. Dan YB. Tuan Speaker yang penting Kedah juga berhadapan dengan perangkap yang sama, sejak sekian lama Kedah mengorbankan tanah bersyarat padinya untuk penanaman padi, namun tiada pampasan dalam bentuk fiskal dikembalikan ke negeri ini. Sejak sekian lama juga Kedah mengorbankan Hutan Simpan Ulu Mudanya untuk kawasan tadahan air, termasuk manfaat kepada negeri-negeri jirannya tiada pampasan fiskal diberikan sebagai timbal balas. Malah, tuntutan caj penggunaan air yang melalui Sungai Muda juga ditolak mentah-mentah YB. Tuan Speaker. Ada lagi, sejak sekian lama juga saya menggunakan perkataan sejak sekian lama juga Kedah menerima wang pajakan Pulau Pinang tidak pernah dinilai tersebut diperhalusi semula, mengikut peredaran masa. Kedah dibiarkan terus peningkatan miskin dan kekurangan wang.

YB. Tuan Speaker kita nak bertanya, apakah wacana federalisme telah lumpuh dalam negara ini? Telah lumpuh dalam negara ini. Dewan ini perlu menuntut ketegasan terhadap mengangkat wacana federalisme ke tempat yang sepatutnya, tuntutan fiskal yang menjadi sebahagian daripada hak negeri ini, perlu disuarakan dan terus disuarakan dan dikumandangkan sampai bila-bila sebab kita nampak tempang, antara kemudahan-kemudahan *benefit* yang kita dapat antara Negeri dan Persekutuan. Malah tidak keterlaluan kalau kita katakan jika penggubalan dasar dan enakmen yang telus harus digembleng bersama. Mungkin di Dewan yang mulia ini kita boleh menggembleng satu akta yang ataupun enakmen yang seharusnya merapatkan, menjelaskan lagi peranan antara Negeri dan Persekutuan YB. Tuan Speaker…. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Boleh *landing* Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Federalisme fiskal yang tidak meminggirkan kepentingan negeri yang telah berkorban kepada negara…. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tokai bangun Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Negeri banyak berkorban YB. Tuan Speaker

YB. TUAN SPEAKER

Bagi laluan tak YB. Tokai bangun?

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

YB. Tokai?

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Boleh?

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Satgi bagi masa dekat saya lebih sikit.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Saya nak pi Belantek ikut Pendang. Terima Kasih YB. Tuan Speaker. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh YB. Belantek berhubung dengan pengorbanan Negeri Kedah ni. Selain daripada kita menyediakan periuk nasi kepada rakyat Malaysia, 43 peratus melalui beras kita ni, kita juga menyediakan empangan-empangan Pedu, Muda, Ahning untuk domestik kita sediakan, untuk perindustrian kita sediakan, untuk pertanian pun kita yang sediakan. Jadi, negeri-negeri yang berdekatan dengan kita ni mendapat faedah, manfaat daripada empangan yang kita ada ni. Tetapi ada sahabat kita, rakan kita, duk sedut air tapi tak mahu bayar, ini merupakan salah satu daripada dasar federalisme yang tidak dipatuhi oleh sahabat dan juga rakan kita. Jadi kita kena pulun lagilah nah, YB. Belantek desak lagi supaya hat ni kita dapat sekurang-kurangnya dapat meringankan beban kita nak apa teroka hutan kita ini. Sekian YB. Tuan Speaker, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat Belantek, terus gulung dan *landing.*

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Terima kasih kepada YB. Tokai, jadi insya-Allah masukkan keseluruhan ucapan YB. Tokai itu dalam ucapan saya. Dan perkara ini perlu diperlu diwacanakan dan perlu dibincang sampai bila-bila supaya hubungan antara Negeri dan Persekutuan dapat kita mesrakan, rapatkan, dan memberi faedah yang banyak kepada negeri. Dan untuk tajuk yang terakhir ini YB. Tuan Speaker insya-Allah saya akan *landing* selepas ini, ialah satu isu yang semua disentuh oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat sekalian iaitu kenaikan harga minyak. Kita tanya sikit siapa yang selama ini membina persepsi bahawa harga minyak hanya boleh turun dengan menukar kerajaan. Siapa yang memulakan? "Hari ini kita memerintah, besok harga minyak akan turun" YB. Tuan Speaker. Bila dah jadi kerajaan, kita dengar alasan yang berbeza, kononnya isu harga minyak ni kompleks lah, bergantung kepada geopolitik lah, begitu begini lah, pasaran global lah, kesan politik lah, dan macam-macam lagi lah, dan nak rakyat faham, seolah-olah nak menekan rakyat kena faham, tapi rakyat dipaksa pula untuk faham dan faham. Soalan saya mudah saja YB. Tuan Speaker, kenapa hujah ini tidak digunakan semasa menjadi pembangkang dulu? Dulu semuanya nampak mudah, sekarang semuanya nampak rumit, macam-macam alasan. Jadi, di manakah perancangan strategik kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga dari Asia Tengah yang kita tahu berisiko tinggi? Kita tahu dari dulu, bukan hari ini, bukan kelmarin, tapi ini dah lama, kawasan Asia Tengah yang berisiko tinggi dan soalan asas yang kita nak tanya di sini YB. Tuan Speaker ialah, apakah pelan konkrit kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat? Yang penting rakyat sekarang ini terbeban, kita nak kurangkan beban rakyat. Kalau jawapan hanya dengan justifikasi, hanya dengan justifikasi tapi kosong solusi, kosong solusi, ia bukan penjelasan tapi ia hanya satu alasan-alasan yang bermacam-macam yang keluar yang diberi seolah-olah rakyat tak faham, rakyat tak reti.

Dan dalam masa yang sama juga YB. Tuan Speaker kita melihat hubungan antarabangsa diraikan, pelaburan kita dengar berbilion-bilion diumumkan, jadi kenapa manfaat ini tidak digunakan untuk membantu rakyat melalui subsidi yang lebih stabil, kenapa beban tetap dipindahkan kepada rakyat YB. Tuan Speaker. Saya ulang balik kenapa beban tetap dipindahkan kepada rakyat, apa yang rakyat perlu YB. Tuan Speaker ialah jawapan yang jelas, jawapan yang jelas. Rakyat perlukan pelan yang konkrit dan yang penting rakyat perlukan kejujuran dari kerajaan, kejujuran dari kerajaan. Kalau dulu begitu indah, begitu seronok, begitu lunak, menjanjikan harga minyak boleh diturunkan dengan berbagai formula itu, dan formula ini, maka hari ini jangan salahkan rakyat kononnya mereka tidak faham ekonomi, hakikatnya rakyat sangat faham di luar sana rakyat berbagai-bagai lapisan faham tentang ekonomi, yang jadi persoalan sekarang ialah kerajaan benar-benar ada tak penyelesaian atau kerajaan semakin hampir untuk menjadi kerajaan yang sentiasa memberi alasan itu dan alasan ini. Itulah persoalannya YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Masa sudah terlalu panjang Yang Berhormat, Sila *landing* terus.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Baik, insya-Allah, saya akan *landing* dan yang terakhir sekali, saya ingin menyebut dari segi sudut agama iaitu bagaimana kita telah menekankan tentang Kempen Solat Subuh Seperti Jumaat di seluruh negeri yang kita telah lancarkan beberapa bulan dulu dan kita hendak kempen ini di diperkasakan lagi ke seluruh Negeri Kedah. Kita nak pastikan semua rakyat Kedah ini, semua penjawat awam, sebelum pergi kerja, pastikan mereka mengerjakan solat subuh berjemaah secara beramai-ramai, hidupkan masjid-masjid dan surau-surau di kawasan-kawasan kita, dan insya-Allah apabila kita mengerjakan solat subuh berjemaah setiap hari, apabila kita masuk pejabat pukul 8.00 pagi, 8.30 pagi, 9.00 pagi, memulakan kerja kita, Allah akan sentiasa memudahkan kerja kita YB. Tuan Speaker.

Jadi, saya mengharapkan supaya Kempen Solat Subuh Seperti Jumaat ini diperkasakan mungkin ada kaedah-kaedah tersendiri yang boleh, yang cantik untuk kita merapatkan saf-saf supaya rakyat kita di Negeri Kedah ini sama-sama dapat memulakan solat subuh berjemaah. Apabila mereka menjaga solat subuh berjemaah, maka mereka juga secara langsung akan menjaga solat zohor berjemaah, asar berjemaah, maghrib berjemaah, dan isyak berjemaah.

Dan terima kasih banyak YB. Tuan Speaker, akhir sekali saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Tuanku menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Kedah Darul Aman Yang Ke-15. Sekian, Wabillahi taufik hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Belantek dan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Ayer Hangat.

YB. SHAMSILAH BINTI SIRU

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Kedah Sejahtera. YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah dan juga ADUN Jeneri, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Dr. Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Tuan

Pegawai Undang-undang Negeri, para EXCO Kerajaan Negeri, serta Ahli-ahli Yang Berhormat, yang berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri dan Persekutuan, pengamal media, rakyat Langkawi, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Berdiri tegak memegang panji,
Laksana menahan maruah negeri,
Syawal nan indah masih dirai',
Perjuangan rakyat tidak dilupai.

Menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, di atas titah ucapan Tuanku Sultan, yang memperlihatkan rasa keprihatinan yang sangat tinggi terhadap permasalahan rakyat Negeri Kedah terutama bagi Pulau Langkawi "Permata Kedah".

Langkawi pulau indah penuh misteri,
Terkenal dengan sejarah Mahsuri,
Tempat bercuti rakyat dalam dan luar negeri,
Nak sampai ke sini boleh naik feri.

Langkawi ada segalanya, dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, *Cable Car* di Langkawi, *Skycab* antara yang tercuram di dunia dengan pemandangan indah Laut Andaman, hutan hujan, pemandangan pulau-pulau sekitar Langkawi dengan panorama 360°. Banyak pulau-pulau kecil yang sangat indah untuk dunia penyelam dan juga pemandangan aurora Langkawi di waktu malam, syurga bagi pemancing dan acara mencandat sotong. Tidak susah mencari makan di Langkawi kerana sumber makanan ada di sekeliling, Langkawi ibarat "angsa emas" anugerah tuhan buat Negeri Kedah dan Malaysia.

YB. Tuan Speaker dan sidang Dewan yang saya hormati, mendepani cabaran akibat konflik di Asia Barat dan juga Eropah Timur sedikit sebanyak memberi kesan kepada kestabilan ekonomi negara dan negeri termasuk dalam industri pelancongan di Pulau Langkawi. Namun, apakah tindakan kita untuk menstabilkan keadaan ini? Langkawi masih luas untuk diterokai, masih banyak peluang untuk menjana ekonomi kepada negeri, justeru saya berpendapat satu pelan jangka panjang dan juga jangka pendek perlu dirangka segera bagi mendepani situasi ini dan menjamin pendapatan dan kemajuan ekonomi penduduk di pulau ini.

Apakah sumber lain yang boleh dimanfaatkan untuk mengekalkan tarikan pelancong ke Langkawi? Saya percaya YB. Lada sebagai agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan serta agensi yang lain seperti *Kedah Tourism* telah melakukan pelbagai usaha untuk mengekalkan sasaran jumlah kemasukan pelancong bagi Tahun Melawat

Malaysia 2026 ini. Acara-acara baru yang tidak memerlukan kos yang tinggi boleh dilaksanakan. Latihan dan kursus kepada *frontlines* perlu diperkasakan, barisan hadapan yang menyambut pelancong di jeti, di lapangan terbang, di kedai makan, di tempat tumpuan pelancong perlu lebih berketerampilan dan dijenamakan semula dengan identiti Kedah yang lebih menarik hati. Kembalikan acara-acara atau pesta yang kurang kos belanja contohnya Pesta Pantai Langkawi yang menjadi tarikan kepada pelancong domestik dan luar negara, acara tarik tali pantai, *Beach Tug of War* yang telah kami buat di Dataran Tanjung Rhu pada tahun lepas, boleh dijadikan acara dwitahunan, bukan semua orang mai ke Langkawi nak masuk ke *Dream Forest*, bukan semua yang mai nak naik *Cable Car* ataupun ke *Underwater World*, atau naik Ferrari di Laut Cenang. Kita contoh Negeri Perlis lah yang mewujudkan banyak tarikan semula jadi, tarikan Gastronomi makanan yang pelik-pelik macam bronok, macam rumpai laut, atau laktut hanya di Langkawi, dan bantulah usahawan-usahawan kedai makan di pinggiran desa yang menunjukkan keindahan alam semulajadi.

Pintu masuk pelancongan seperti di jeti Kuah, Tanjung Lembung, lapangan terbang, terminal *cruise* perlu diletakkan papan tanda atau *signage Experience* Kedah untuk mengalu-alukan pelancong tempatan dan luar negara. Boleh juga mainkan video-video promosi *Experience* Kedah di dalam di dalam feri, selain kita duk bubuh cerita Mr. Bean dan kartun larva tu, eloklah kita mainkan video apa yang Kerajaan Negeri Kedah dah buat sepanjang tahun lepas. Boleh juga tunjuk ikon tarikan pelancongan di tanah besar yang ada di daerah-daerah di Negeri Kedah. Perkenalkan tarikan sukan baharu yang melibatkan trek hutan, sungai dan sawah padi serta tepian pantai bagi merasai pengalaman dan melihat keindahan alam semula jadi. Saya juga nak mengucapkan selamat berjaya dan tahniah kepada sahabat saya, dari Northern Runners yang akan mengadakan *Kilim Trail Run* pada 18 hari bulan nanti dengan anggaran kehadiran hampir 500 peserta termasuk dari luar negara. Semoga acara ini dapat dibuat setiap tahun.

Selain itu, wujudkan lebih banyak tarikan pelancongan baru yang dibina yang berkonsepkan sederhana dengan tiket masuk yang mampu dibayar oleh golongan berpendapatan rendah, ini kerana manusia ni dia susah macam mana pun dia suka nak berjalan, cuti sekolah ka, cuti umum ka, tetap nak berjalan. Memandangkan dengan minyak mahal dan segala-galanya sekarang ni, pusat-pusat tarikan berkos sederhana diharap dapat menarik jumlah pelancong ke Pulau Langkawi juga di seluruh Negeri Kedah. Contoh boleh diadakan mini zoo, aktiviti rekreasi di dalam hutan, aktiviti air dan sebagainya yang mampu dibayar oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Kemudahan atau fasiliti di jeti perlu ditingkatkan lebih mesra pelanggan, *easy access,* kemudahan pergerakan terutama bagi warga emas dan orang kurang upaya. Ada orang tak mahu pergi ke Langkawi pasai depa kata nak kena jalan jauh, YB. Tuan Speaker. Jadi, mau tak mau, ada orang tak mau, jadi depa lupa kita juga ada roro, roro yang mana boleh bawa kereta, naik di pintu rumah boleh

sampai di pintu *homestay* di Langkawi, dan promosi untuk menggunakan roro ini harus dipertingkatkan di saat-saat *trip* feri sekarang ini semakin berkurang.

YB. Tuan Speaker dan sidang Dewan yang saya hormati, isu keselamatan, isu keselamatan rakyat dan perairan Pulau Langkawi harus diberi perhatian sepanjang masa. Ini berikutan kebanjiran warga asing di Pulau Langkawi sering dibangkitkan oleh penduduk. Kemasukan secara tidak terkawal ini lambat-laun di kuatiri membunuh ekonomi yang diusahakan oleh penduduk Langkawi sejak sekian lama. Maka saya menggesa Kerajaan Persekutuan berilah perhatian dan ambil tindakan segera dan agresif untuk mengawal kemasukan warga asing yang kita kuatir akan merencatkan ekonomi rakyat asal pulau ini. Dalam isu kawalan keselamatan di perairan sekeliling pulau, di mana pantai di DUN Ayer Hangat adalah kawasan pantai yang paling dekat dengan garisan sempadan negara jiran. Walau kita difahamkan kita mempunyai peralatan dan aset yang canggih untuk mengesan pergerakan entiti-entiti asing yang menghampiri perairan di sekeliling pulau ini, tetapi ternyata masa ke semasa masih ada yang dapat membolosi, masih ada perahu-perahu dicuri di pengkalan-pengkalan kecil, dan dibawa balik ke negara jiran.

Kos untuk membeli bot ini bukanlah murah bagi para nelayan untuk mendapatkan sebiji bot pon susah-payah apatah lagi bila hilang dicuri pula. Kalau perlu Kerajaan Persekutuan menambah bilangan aset yang berkurangan atau kakitangan yang tidak mencukupi tambahlah dengan segera, kerana kedaulatan negara ini perlu dipantau sepanjang masa tak kira harga minyak mahal ataupun murah. Janganlah harga minyak naik rondaan pula kurang, ini akan buka peluang lebih luas kepada entiti luar untuk masuk ke perairan kita tak kiralah, pelarian atau bot-bot nelayan asing yang kadang-kadang sengaja terlajak masuk ke perairan kita. Begitu juga dengan kawalan keselamatan di pintu masuk melalui jeti penumpang dan roro yang harus melalui pemeriksaan yang lebih ketat untuk menangani kemasukan bahan-bahan terlarang dan sebagainya ini dikuatiri memberi kesan negatif kepada kesejahteraan penduduk di Pulau Langkawi.

YB. Tuan Speaker, masalah telekomunikasi, *coverage* yang terbatas di sekitar Teluk Datai perlu diberi perhatian. Kerap kali para nelayan mengadu jika berlaku masalah seperti bot rosak atau pencerobohan nelayan asing, maklumat tidak dapat disampaikan dengan cepat. Walaupun kita tahu ada usaha oleh MCMC (Malaysian Communications and Multimedia Commission) dalam menyelesaikan masalah ini.

YB. Tuan Speaker dan sidang Dewan, isu pendidikan dan pembangunan modal insan. Soal pembangunan modal insan tidak dapat dielakkan bila bercakap mengenai pembangunan negeri. Kita meraikan pelajar-pelajar cemerlang yang *straight A,* yang kita hampir pasti ke semua mereka akan berjaya dalam kehidupan akan datang, insya-Allah. Tahniah saya ucapkan kepada seorang pelajar daripada Maktab Mahmud Langkawi Muhammad Adeeb Qayiem Bin Mohd Nizam yang mendapat 11A yang

merupakan salah seorang *top three student* Negeri Kedah telah mencipta sejarah bagi sekolah tersebut. Bagaimana pula dengan pelajar yang sederhana yang terkebelakang dalam pelajaran? Alhamdulillah Negeri Kedah ada 45 buah institusi pengajian awam yang menawarkan kursus kemahiran dan 19 buah institusi pengajian swasta yang menawarkan kursus yang serupa di seluruh Negeri Kedah. Semoga semua pihak termasuk pemimpin-pemimpin di pelbagai lapisan dan masyarakat, tak kiralah MKK (Majlis Ketua Kampung) atau JPKK (Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung) penghulu imam dan semua mewar-warkan agar para pelajar yang tidak dapat memasuki pusat pengajian tinggi, mengambil peluang ini untuk melengkapkan diri dengan ilmu kemahiran.

YB. Tuan Speaker, saya juga ingin menyeru agar Tabung Usahawan Wanita ataupun bantuan-bantuan lain ditambah untuk membantu meringankan beban peniaga-peniaga kecil terutamanya wanita yang paling terkesan dengan kenaikan barang pada hari ini. Saya juga nak mohon ditambahkan lebih banyak kursus-kursus keusahawanan seperti kemahiran *Information Technology (IT), Artificial Intelligent (AI),* untuk memperkasakan wanita dalam bidang keusahawanan. Selain itu juga, saya menyeru agar institusi penghulu dan MKK (Majlis Ketua Kampung) perlu diperkasakan. Lengkapkan dengan ilmu pengetahuan pengurusan, kemahiran, logistik, dan lain-lain keperluan dari masa ke semasa.

Alhamdulillah, kami di Langkawi mesyuarat *focus group* dan juga di Pejabat Daerah kami adakan setiap bulan, tidak *fail* lah. Jadi, tahniah saya ucapkan kepada Tuan DO (District Officer) dan juga kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Kedah yang bersungguh-sungguh memberikan khidmat dan kerjasama yang terbaik untuk menjaga kemakmuran rakyat negeri ini. Juga saya tak lupakan kepada agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, semua untuk Ketua-ketua Jabatan di Langkawi, Ahli-ahli Majlis, JKR (Jabatan Kerja Raya), SADA (Syarikat Air Darul Aman), JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) dan semua lah, Imam-imam, Pengerusi MKK (Majlis Ketua Kampung), serta penghulu serta semua yang sangat komited dalam menjalankan tugas. Semoga khidmat yang baik ini akan berterusan di masa depan, “berat sama kita pikul, ringan sama kita jinjing”.

Akhir kata, patik menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas titah ucapan yang sangat prihatin kepada patik dan kami seluruh rakyat negeri ini. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Dan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Bismillahhirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah wasala tuwassalamu ala rasulillah wa ala alihi wasahbihi waman wallah. Terima kasih YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan, seterusnya para hadirin tetamu yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah syukur kerana pada pagi ini saya berkesempatan untuk turut membahaskan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku sempena Perasmian Pembukaan Persidangan DUN dan sempena persidangan kali ini untuk sekian kalinya Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan memberikan penghargaan dan pujian kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dengan pentadbiran yang berjalan dengan lancar, yang pastinya dengan kerjasama semua pihak daripada pihak pegawai tadbir negeri, daripada pihak ADUN, pegawai-pegawai daerah, pihak penghulu, MKK (Majilis Ketua Kampung) dan semua yang terlibat.

Dan bagi saya apa yang disebut sebagai penghargaan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, khusus kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar atas kejayaan mengemudi kerajaan ini sehinggalah berada di satu fasa yang tidak pernah dirasai ataupun berjaya untuk dicapai oleh kerajaan-kerajaan sebelum ini. Yang pertamanya ialah Alhamdulillah Kedah sudah berada dalam *top five*, dalam pelancongan bahkan pelaburan dalam negara kita. Suatu kejayaan yang tidak pernah dicapai oleh Kedah sebelum ini. Yang keduanya, pujian juga wajar kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar apabila berjaya menghasilkan kutipan tertinggi dalam sejarah sebanyak RM816 juta dengan kerjasama daripada semua pihak. Yang ketiganya, projek-projek yang menyentuh tentang rakyat, kepentingan rakyat dilaksanakan dengan jayanya sepertimana yang kita maklumi, kalau dulu loji rawatan air yang tak dapat dibuat ketika mereka kerajaan terdahulu memerintah. Apabila kerajaan PH (Pakatan Harapan) selepas itu berkuasa, mereka menangguhkan projek yang sepatutnya dimulakan dan kita berjaya untuk memulakan projek yang menjadi keperluan bagi memenuhi keperluan rakyat walaupun ada rintangan dan cubaan dan juga ujian untuk menyelesaikannya.

Selain daripada itu, saya secara peribadi memang tersentuh dengan Projek Beras Sejahtera, yang dapat dirasai oleh rakyat lebih-lebih lagi yang kurang berkemampuan, dan harap-harap, moga-moga jumlah bantuan Beras Sejahtera ni dapat ditambah insya-Allah di tahun-tahun kedepan. Selain daripada itu, anak-anak kita yang nak

meneruskan pendidikan, disediakan sumber untuk dapat bantuan melalui iBAKIPT (Bantuan Awal Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi), Tabung Tengku Mahmud, bahkan bukan takat yang hidup kita bantu, hat mati pun kita bantu walaupun manafaatnya boleh dekat hat hidup melalui iKAFALAH. Suatu perkara yang besar. Pasal apa saya sebut besar? Waktu kerajaan sebelum ini, iKAFALAH ni ada kerana iKAFALAH bermula zaman Almarhum Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak dengan RM500 untuk satu kematian, tapi lepas tu turun, pernah turun sampai RM250 dan turun sampai RM300, Alhamdulillah apabila kita mengambil alih kerajaan pada tahun 2020, kita naikkan kembali jumlah sumbangan itu ke jumlah yang asal, sepertimana mula diperkenalkan iaitu sebanyak RM500.

Yang keempatnya, bagaimana kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, matang dalam berpolitik. Kerajaan yang dipimpin ini Yang Amat Berhormat sering menyebut bahawa dia tidak akan memberikan tekanan kepada pihak pegawai-pegawai, mereka boleh berpolitik selepas daripada waktu kerja bahkan saya yakin semua ahli sidang pernah mengikuti pengakuan terbuka yang pernah diluahkan oleh Encik Sufian salah seorang staf SADA (Syarikat Air Darul Aman) apabila majlis graduasi SADA yang menjadi kontroversi sebelum ini. Dia boleh terus terang menyatakan dia duduk kem lain, di pihak lain, tapi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, tak pernah tekan dan sekat dia daripada melaksanakan tanggungjawab di SADA walaupun pegangan politik yang berbeza daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Dan yang kelimanya, aura Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni bukan takat dalam negeri, bahkan sampai luar negeri Mekah dan Madinah pun Arab sebut, orang luar daripada Kedah ni kata beruntung orang Kedah, dan mereka kata kalau boleh pindah mai dok Kedah, depa nak mai duk di Kedah ini.

YB. Tuan Speaker, Duli Yang Mulia Tuanku Sultan menyentuh dalam titah baginda, dan bagi saya semua yang disebutkan oleh Tuanku Sultan berkait rapat tentang keamanan dan keharmonian. Sama ada keamanan dan keharmonian itu sesama rakyat, ataupun kerajaan dengan rakyat Negeri Kedah, ataupun Kerajaan Negeri Kedah dengan Persekutuan dan juga negeri-negeri yang berjiran dengan kita. Bagaimana keharmonian dan keamanan ini perlu untuk dipertahankan bahkan diperteguhkan lagi.

Antara yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ialah berkaitan rumah ibadat, bukan sekadar rumah ibadat orang bukan Islam, tetapi juga disentuh berkaitan dengan rumah ibadat orang Islam. Orang Islam ada masjid, ada surau dan kita maklumi, setiap kali untuk pembinaan masjid dan surau, mesti dipastikan pemilikan tanahnya yang terlebih dahulu diselesaikan. Cuma ada salah faham di kalangan orang Islam, bila orang Islam buat masjid ataupun surau atas nama tanah

wakaf, sebahagian kecil daripada orang bukan Islam menyangka tanah wakaf itu maksudnya kerajaan yang bagi tanah percuma kepada masjid ataupun surau, mereka tak tau rupa-rupanya tanah wakaf tu adalah bagaimana seorang yang memiliki tanah dia menyerahkan pemilikannya kembali kepada Allah ta'ala untuk tujuan pembinaan masjid atau surau ataupun pembinaan sekolah dan sebagainya.

YB. Tuan Speaker dan sidang, orang Islam kalau nak buat masjid, nak buat surau, kena ikut peraturan, tak boleh langgar tak boleh buat ikut dan tang mana dia nak buat. Begitulah peraturan tersebut dilaksanakan dan kena kepada orang bukan Islam sendiri. Dalam sejarah dunia, bercakap tentang keadilan, saya lebih suka untuk berkongsi dari aspek sejarah orang Islam. Saidina Umar Radhiallahu 'anhu; apabila dia dijemput ke Baitul Maqdis untuk menerima kunci kota Baitul Maqdis selepas pembukaan kota Baitul Maqdis. Saidina Umar bila masuk ke Baitul maqdis dan dipelawa untuk pergi ke gereja Qiyamah atau gereja paling suci bagi orang kristian yang masih ada sampai sekarang, Saidina Umar menyatakan dia nak sembahyang dan dipelawa oleh gereja Qiyamah tersebut untuk menunaikan sembahyang Zohor dalam gereja tersebut, tetapi Saidina Umar menyatakan; "kalaulah dia bersembahyang dalam kerajaan itu, pasti satu hari nanti ada orang Islam yang akan mai ambil dan menguasai gereja ni dengan alasan Umar bin Al-Khattab pernah bersembahyang di dalam gereja ini". Saidina Umar bersembahyang di atas tangga di luar daripada gereja tersebut demi untuk memastikan di masa depan gereja itu tidak tergugat apabila beliau bersembahyang dalam gereja tersebut. Bahkan cicit kepada Saidina Umar iaitu Saidina Umar bin ibnu Aziz ketika memerintah dalam tempoh 29 bulan, Saidina Umar ibnu Aziz pernah mengarahkan kepada pemerintah gabenornya di Damsyik untuk mengembalikan sebuah gereja yang telah diambil alih oleh Bani Nasr secara tidak benar, dikembalikan kepada pihak kristian.

YB. Tuan Speaker, saya sebut tadi gereja Qiyamah yang ada di Baitul Maqdis sekarang, gereja yang dibina pada tarikh 326 masihi, satu tempoh yang lama, tapi gereja tersebut menghadapi pertikaian 6 mazhab dalam kristian. Masing-masing mendakwa mereka berhak untuk mengurus gereja tersebut. Mereka lebih berhak untuk bertanggungjawab memegang kunci kepada gereja tersebut. Akhirnya, kunci untuk membuka dan menutup pintu gereja Qiyamah tersebut, lebih daripada 800 tahun diserahkan kepada dua keluarga Islam, sampailah hari ini.

Pertama, keluarga Nusaibah yang bertanggungjawab membuka dan menutup pintu gereja Qiyamah tiap-tiap hari, dan yang menjaga kunci pintu gereja Qiyamah tersebut ialah yang keduanya keluarga Judah. Lebih daripada 800 tahun. Kenapa jadi macam tu? Kerana orang kristian, 6 mazhab yang mendakwa mereka berhak untuk menguruskan gereja tersebut, akhirnya terpaksa untuk menyerahkan kunci tersebut kepada dua keluarga Islam untuk menjaga hak mereka tersebut.

YB. Tuan Speaker, di Mesir Saidina Amru ibnu Al Asr, gabenor Saidina Umar, apabila dia merancang untuk meluaskan masjid dia, Masjid Saidina Amru Asr, masjid tertua di Afrika. Tanah yang nak diperluaskan masjid tersebut mempunyai rumah, dan rumah itu di atas tanah milik seorang yahudi. Saidina Amru bertegas mengarahkan untuk dia roboh rumah yahudi tersebut. Yahudi tersebut, dia mengadu kepada pegawai-pegawai yang lain, pegawai kepada Saidina Amru, tapi tidak dapat untuk menyelesaikan masalahnya. Akhirnya, orang kata kena jumpa dengan ketua Saidina Amru sendiri, tapi duduk di Madinah.

Yahudi itu berjalan pi ke Madinah. Terkejut dia tengok bagaimana Saidina Umar tidak ada istana yang megah walaupun dia adalah pemimpin kepada orang Islam. Duduk, tidur bawah pokok depan Masjid Nabi. Bagaimana Saidina Umar bila mendengar isu tersebut, dia suruh si yahudi tu pi tempat pembuangan sampah untuk cari tulang unta, dan yahudi tu pun bawa mai tulang. Hairan, mai jauh-jauh suruh cari tulang unta. Saidina Umar menggunakan pedangnya, menggoreskan satu garisan di tengah-tengah tulang tersebut dan dikerat tengah-tengah garisan tersebut dan serah pada yahudi tersebut untuk bawa balik ke Mesir dan serah kepada Saidina Amru ibnu Al Asr. Yahudi tu mai jauh-jauh, dia rasa bawa balik tulang tak baloi.

Bawa balik kepada Saidina Amru, serah tulang tersebut, bagitau ni pemimpin kamu yang bagi. Lagi pelik bila dia tengok tulang yang diberikan kepada Saidina Amru itu menyebabkan Saidina Amru gementar dan takut, lagi hairan dia. Kawan nu bagi dia tulang, hat ni tengok tulang jadi takut. Saidina Amru mengarahkan supaya tanah dan rumah milik yahudi itu dibina kembali. Yahudi tu tanya, “pasaipa dengan tulang ni?” Lalu Saidina Amru kata, “pemimpin aku, Umar bin al-Khattab, dia bagitau melalui tulang ini, *“Mu Amru bukan sapa-sapa pun. Satu hari mu akan jadi macam tulang ni lah juga bila mati. Kalau mu tak boleh berlaku lurus, sepertimana garisan seperti alif, garisan yang panjang dibuat oleh Saidina Umar, tak boleh berlaku lurus seperti garisan ni, aku yang akan kerat kau”. S*epertimana dikerat oleh Saidina Umar garisan tersebut dengan pedang dia.

YB. Tuan Speaker, ni contoh bagaimana keadilan yang telah terakam dalam sejarah umat Islam dan diakui oleh orang-orang talis berkaitan keadilan dalam hidup orang Islam. Di Kedah, di Malaysia kita ini, apabila kita menghargai keamanan dan keharmonian, pastinya perkara buruk kita dapat untuk hindari. Maka, antara yang membolehkan menjamin keamanan dan keharmonian ini dapat dipertahankan, ialah masing-masing menghormati undang-undang yang telah tersedia.

YB. Tuan Speaker, saya tengok keadaan negara kita lani ni dengan ekonomi akibat perang, tak perang pun memang dah semakin buruk, dan bila perang ni macam-macam lagi koi jadi, dan kesannya bukan setakat ekonomi bahkan juga kepada kehidupan rakyat, sosial, mental dan sebagainya. Dua tiga hari lepas, inspektor polis

langgar polis trafik, masalah mental. Di kampung saya, jarak setengah kilo daripada rumah saya, semua tau, kes pembunuhan anak bunuh mak ayah. Kemurungan daripada sekolah. Banyak sekarang ni rakyat hadapi kemurungan, *anxiety*. Masalahnya bila pi berubat, *anxiety* ni, depa kata masuk jin, tak pasal-pasal jin kena tuduh. *Anxiety* ni memang susah berubat dan ciri dia macam orang kena ganggu jin, susah. Jadi, kita tak mau dengan keadaan yang berlaku hari ini, rakyat makin susah. Dan apa yang menjadi kewajipan kepada Kerajaan Persekutuan terutamanya, kalaulah Kerajaan Persekutuan boleh layan Pulau Pinang dengan elok, projek di Pulau Pinang tu daripada RM10 bilion yang asal dikatakan projek swasta, lepas tu ubah pula sambung ke Seberang Perai ni naik sampai 70 peratus tambahan kos jadi RM17 billion, ubah jadi projek kerajaan, bukan swasta.

Kenapa apa yang dituntut oleh Kedah untuk Hutan Simpanan Ulu Muda untuk kekalkan sawah padi di Kedah, bukan banyak mana pun kita minta untuk Hutan Ulu Muda, setahun RM100 juta ja YB. Tuan Speaker, lama dah. Kita minta kekalkan sawah-sawah padi. RM200 juta noh? RM200 juta untuk kekalkan sawah padi. Kita tak tau ni cerita bab minyak, bila bab minyak rizab minyak tak dak, macam tulah yang berlaku. Kita ada sawah tapi kita tak hargai pesawah. Padi yang dituai tak tahu pi mana. Bila mai, tak jumpa padi-padi ataupun beras tempatan, import semua, bila nak bayar fitrah itu kacau lah. Nak bayar RM9 ka RM15. Pasai hat tempatan tak dak, dah import. Kalaulah minyak kita kata kita pengeluar tapi kita tak simpan, macam tulah ke depan berkaitan dengan makanan, *security* makanan kita terjejas. Kalau kita tak ada perancangan sepertimana yang disebut oleh YB. Jitra, apa nasib kita bilamana dunia ni dalam keadaan peperangan yang lebih besar. Makanan yang kita import daripada luar tidak dapat untuk kita dapat, kita beli. Bekalan dalam negeri pula kita tak *spare* kita tak sedia. Apa akan jadi dengan keadaan hidup rakyat di ketika itu?

Jadi, saya memohon hendak menyeru Kerajaan Persekutuan untuk menilai dan memandang apa yang dituntut oleh Kerajaan Negeri Kedah bukan untuk peribadi tertentu, tetapi untuk kepentingan rakyat di seluruh Negeri Kedah dan Kedah sudah pun lama berkorban untuk negara ini. Berilah sedikit penghargaan yang diminta oleh Kerajaan Negeri Kedah, bukanlah banyak, bukanlah boleh menyebabkan kering terus kontang kewangan di peringkat Persekutuan itu.

YB. Tuan Speaker, ada masa lagi ka?

YB. TUAN SPEAKER

Ah, *extra time*.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Jadi, saya takat tu lah kut. Tak boleh panjang-panjang.

YB. TUAN SPEAKER

Silap saya pi jawab *(sambil ketawa).*

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

(sambil ketawa) Dan saya pun, masa ambik sikit, harap-harap kita yang di Kedah ini, kita sudah ada persiapan untuk kita dapat hasil baru melalui REE (Rare Earth Elements), dan kita harap kita tidak menjadi mangsa sepertimana Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak, berkaitan dengan minyak. Yang kalau, kalau nilai contohnya Sarawak, nilai minyak yang disedut dijual oleh Persekutuan lebih daripada RM2 trilion, tapi rekod Kerajaan Sarawak dapat daripada royalti minyak takat RM50 billion. Sarawak berjuang. Kita? Kita tak mau. Ada pemimpin, yang dulunya waktu jadi pembangkang, janji dengan orang Terengganu nak bagi 20 *percent*, tak boleh bagi sampai sekarang. Kita tak mau jadi mangsa dan ditipu macam tu dalam bab REE (Rare Earth Elements) dan di aset kita. Apa yang kita nak kutip daripada REE ni, kita kembalikan kepada rakyat, kita tak mau orang lain yang nikmati, orang lain yang dapat, sedangkan itu adalah anugerah Allah untuk kita di Kedah.

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan terima kasih kepada semua sahabat dan moga-moga apa yang kita bicarakan dan perbahasan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan membuahkan idea-idea dan hasil yang lumayan untuk kita di Kedah, insya-Allah. Saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Wallahualam, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Tanjung Dawai. Seterusnya, saya menjemput YB. Bandar Baharu, dipersilakan.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah. Alhamdulillah hill ladzii arsala rasuulahu bil huda wadiinil haqqi liyuzhhirahu 'aladdiini kullihi wakafa billahi syahiida. Robbisrohli sodri, wayassirli amri wahlul 'uqdatam mil-lisani yafqahu qauli. Allahumma salli ala sayyidina Muhammad wa ala alihi wasohbihi ajma'in. Terima kasih YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Jeneri, saf kepimpinan EXCO Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Datuk Seri Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga kepimpinan kerajaan negeri, seterusnya rakan-

rakan dan sahabat-sahabat Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati tuan-tuan puan-puan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah saya mengambil kesempatan ini terutamanya untuk menzahirkan ucapan setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas kesudian mencemar duli dalam menyampaikan titah ucapan Istiadat Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Sidang DUN Ke-15.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah menyatakan beberapa perkara yang panjang lebar memberi nasihat, memberi tunjuk ajar dan juga menegur kepada kita bersama. Alhamdulillah, telah dibahaskan oleh rakan-rakan sebelum daripada saya dan saya ingin menyambung apa yang telah dibahas oleh YB. Tanjung Dawai tadi.

Yang pertamanya, berkaitan prinsip federalisme yang disentuh dengan panjang lebar. Ini di antara asas pembentukan Malaysia dan asas kepada pemerintahan Negeri Kedah. Prinsip federalisme ini bermula sejak penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, yang sebelumnya penjajah British yang datang ke Semenanjung Tanah Melayu. Mereka cuba melaksanakan Malayan Union untuk meletakkan Semenanjung Tanah Melayui ni di bawah jajahan British. Tapi oleh sebab tentangan yang hebat di kalangan orang-orang Melayu, pejuang-pejuang Melayu, tentangan yang hebat di kalangan Raja-Raja melayu, mereka tidak mampu untuk meneruskan Malayan Union yang bermula pada 1946. Akhirnya pada 1948, 1 Februari 1948, satu perjanjian penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang mana menggabungkan sembilan Negeri-negeri Melayu dan juga dua Negeri Selat. Negeri-negeri Melayu itu termasuklah semua seluruh negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini yang diperintahkan oleh Sultan-sultan dan juga Raja-Raja, dan dua Negeri Selat termasuklah Pulau Pinang dan Melaka.

Dan inilah bermulanya konsep federalisme yang berlangsung, yang berlarutan daripada itu. Oleh sebab itulah konsep federalisme ini sangat dekat dengan Tuanku Sultan Kedah kerana mereka telah menandatangani bagi menzahirkan mewujudkan Persekutuan Tanah Melayu ini di bawah satu pentadbiran. Yang mana dimulakan dengan seorang residen, King George dan juga Ratu Elizabeth selepas daripadanya dan bermula kita selepas 1957 selepas kemerdekaan, barulah bermulanya pemerintahan Malaysia ni di bawah seorang Yang di-Pertuan Agong. Jadi, di sanalah bermula apa yang dimaksudkan dengan senarai Persekutuan, senarai Negeri dan senarai bersama, dan inilah yang kita sedang bincangkan, dan inilah yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

Senarai Pusat, apa yang dimaksudkan dengan senarai Pusat? Senarai-senarai yang diuruskan oleh Pusat termasuklah kewarganegaraan, hubungan luar, pertahanan, kementerian dalam negeri, keselamatan dalam negeri, kewangan, pendidikan, perdagangan, dan industri. Ini ruang skop, ruang lingkup yang diuruskan oleh Persekutuan.

Dan senarai Negeri, apakah senarai Negeri? Undang-undang Islam, agama Islam, ditadbir oleh Negeri; pertanian, perhutanan, termasuklah pengurusan hutan, balak dan sebagainya, kerajaan tempatan, tanah dan sumber asli. Ini senarai-senarai yang diuruskan khusus di peringkat negeri. Negeri ada hak untuk menguruskan dan mengutip hasil daripada senarai negeri ini. Dan ada senarai bersama yakni kebajikan masyarakat, sebab itulah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada peringkat Persekutuan dan ada peringkat Negeri. Perancangan bandar, kesihatan awam, *public health* (dengan izin). Ini di antara senarai-senarai bersama.

Apa yang berlaku yang disebut dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan adalah nilai federalisme, roh federalisme sudah hilang akibat daripada beberapa fenomena yang berlaku, di antaranya semangat federal ini menjadi luntur, menjadi cair. Kerana apa? Kerana konflik apabila berlakunya Kerajaan Pusat diperintah oleh parti yang berbeza dengan Kerajaan Negeri. Ini di antaranya. Dan apa yang berlaku kepada kita sekarang yang dirasai oleh kita di peringkat Negeri Kedah ini khususnya, ada beberapa perkara yang antaranya, tuntutan caj air mentah yang kita salurkan kepada negeri-negeri di utara ini, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang, yang mana air mentah ini mengalir daripada Negeri Kedah. Sumbernya daripada Negeri Kedah, mengalir melalui Negeri Kedah dan diambil oleh Pulau Pinang dan sewajarnya Kerajaan Persekutuan memudahkan Negeri Kedah ini untuk mendapat caj, mendapat imbuhan daripada pengurusan air ini yang kita pastikan Negeri Kedah ini memastikan bahawa air yang sampai ke negeri ini air yang bersih, air yang elok, air yang tidak tercemar, inilah fungsi kita di Negeri Kedah ini memastikan bahawa sumber air ini walau setitik pun kita akan pastikan bahawa rakyat di tiga negeri ini yang ramainya di Negeri Pulau Pinang 1.8 juta, di Negeri Kedah 2.2 juta dan Negeri Perlis 0.3 juta begitu, 3 juta lebih yang menikmati air yang mengalir daripada Negeri Kedah ini.

Sepatutnya Persekutuan prihatin dengan perkara ini, dan perkara ini sepatutnya kita mendapat imbuhan dengan sumber yang bernilai tinggi ini. Air setitis pun kalau tuan-tuan lihat bagaimana kalau rumah-rumah tak menerima air, waktu musim raya ka, waktu musim kemarau ka, tengok apa kesannya, boleh mengamuk, boleh berlaku macam-macam di luar jangkaan kita kerana air ini.

Dan kemudian bagaimana Hutan Simpan Ulu Muda yang menjadi kawasan tadahan Kedah ini. Hutan Simpan Ulu Muda ni bukan hanya untuk kepentingan kita di Negeri

Kedah ini juga untuk kepentingan di negeri-negeri lain, untuk menguasai ekosistem, perubahan iklim dan sebagainya. Dan juga selain daripada itu, membantu mengekalkan air di seluruh negeri di sebelah utara ini. Ada gelaran yang menyatakan bahawa Hutan Ulu Muda ini, yang disebut keluasannya ratusan ribu hektar, merupakan paru-paru utara. Tanpa air orang tak boleh hidup, tanpa air tanaman tak boleh hidup. Inilah kehidupan kita semuanya bergantung kepada air. Hutan Ulu Muda ni sepatutnya diberikan satu EFT, (dengan izin) *Ecology Fiscal Transfer*, imbuhan kepada kita yang lebih besar bagaimana telah dinyatakan tadi, 300,000, 100,000 plus 200,000, 200 juta, 100 juta 200 juta tidak mencukupi untuk menguruskan semua hal ini. Inilah diantaranya.

Kemudian, konflik yang ketiga, hasil daripada konflik federalisme ini, Kedah mempunyai sumber mineral termasuklah REE (Rare-Earth Element) Unsur Nadir Bumi yang mana ianya sepatutnya diberi kebebasan kelonggaran kepada kita di Negeri Kedah ini. Dengan peluang ini sepatutnya kita menjadi satu negeri yang kaya, hasil daripada perlombongan REE ini. Tapi, disebabkan oleh kuncinya dipegang oleh Pusat untuk nak buat satu eksplorasi pencari galian, perlombongan, semuanya bergantung kepada Pusat dan begitu juga dengan peraturan-peraturan dari segi pemprosesan, pengeksportan, hal ini dipegang oleh Pusat. Dan sepatutnya, atas semangat federalisme inilah yang diharapkan oleh Tuanku Sultan bahawa permudahkan urusan ini untuk kita teroka REE dan juga mineral-mineral yang lain supaya rakyat Negeri Kedah ini dapat menikmati, bukan hanya Negeri Kedah, negeri lain pun akan dapat menikmati REE ini dan juga unsur nadir bumi ini.

Kemudian, satu perkara yang terdekat dengan kita, yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Jeneri, bagaimana cukai tanah ini tak dapat kita nak laksanakan pada tahun ini. Walaupun satu penilaian kita sudah buat, walaupun kita sudah menjalankan kajian-kajiannya dan kita bersedia untuk meningkatkan nilai ekonomi, meningkatkan pendapatan Negeri Kedah, tetapi masih belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan, daripada federal. Ini di antaranya. Jadi YB. Tuan Speaker, inilah di antara konflik federalisme yang mengikat dan mengongkong kita dan berharap keadaan ini tidak mencekik kita. Ada satu istilah, ‘untuk membunuh kita’, tak tidak akan berlaku. Ya, silakan.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih. saya ingin tambah sikit lah. Nak tanya, apa pandangan kepada YB., seolah-olah macam Kerajaan Pusat sedang membuli rakyat Negeri Kedah ini? Walaupun nampak macam seolah-olah melengah dan sebagainya, seolah-olah ia adalah satu tindakan yang tak wajar berlaku kepada kita sebagai Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Contoh yang satu lagi, bayangkan setiap MP (Ahli Parlimen) daripada kerajaan dapat RM3.8 juta, cuba bayang. Kedah ada 15, satu saja yang dapat RM3.8

juta. Bayangkan ada 14 lagi yang tak dapat RM3.8. Keseluruhannya RM54 juta setahun, sedangkan itu adalah hak rakyat Negeri Kedah. Apa pandangan YB. Bandar Baharu?

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Terima kasih YB. Bukit Lada. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut. Inilah di antara kriteria-kriteria pembuli, saya tak kata mereka ni membuli. Tapi itu ciri-cirinya, itu ciri-cirinya. YB. Tuan Speaker, saya sebenarnya di peringkat awal saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Nadzman Mustaffa sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru. Tahniah, selamat maju jaya dan juga kepada Yang Berusaha Dato' Muhamad Mahazi sebagai TSUK (Timbalan Setiausaha) Pengurusan. Dan dikesempatan ini juga di Dewan yang mulia ini saya ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada dua orang senator, Yang Berhormat Musoddak Haji Ahmad dan juga Yang Berhormat Abdul Nasir Idris. Kedua-duanya orang yang berpengalaman yang saya yakin mereka berdua ini dapat membawa suara Kedah ke Dewan Rakyat insya-Allah. Dan…. (YB Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat cuba pendekkan ada 5 minit lagi.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Okey 5 minit lagi okey insya-Allah saya ada satu isu lagi YB. Tuan Speaker. Tuanku Sultan Kedah dalam titahnya menyebut dalam muka surat yang ke 13. Akhir-akhir ucapan tuanku, Tuanku menyatakan tentang perlunya Ahli-ahli Yang Berhormat ini menzahirkan jiwa besar dan keikhlasan yang tulus dalam berkhidmat serta meletakkan kepentingan negeri mengatasi kepentingan peribadi. Saya nak menyatakan disini bahawa inilah hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa kita yang berada di sini nak mengurus dan mentadbir negeri ini haruslah mempunyai jiwa yang besar dalam mentadbir Negeri Kedah ini. Memberi keutamaan kepada keamanan, kesejahteraan negeri ini dan mengenepikan kepentingan-kepentingan peribadi. Ada di antara kita ini, di antara Yang Berhormat ini yang mementingkan diri sendiri, tak hadir Sidang Dewan DUN. Hang pi mana? "Hang" bahasa Kedah *sorry* ya . Di mana letaknya Negeri Kedah dalam hati kita, kalau kita tidak hadir Sidang DUN. Tang mana kita? Apakah kita ni bersugguh-sungguh untuk membantu negeri, menjaga rakyat kita? Sedangkan inilah hasrat rakyat melantik kita ni sebagai Yang Berhormat sedangkan kita ni tidak ada, ada di luar negara pula itu saya dimaklumkan. Ini keseriusan kita nak membantu negeri. Begitulah juga tuan-tuan, memang kadang-kadang kita ni ada perselisihan faham di kalangan kita, tapi biarlah perselisihan faham itulah memberi satu makna yang baik kepada negeri kita.

Jangan kita meruntun, meronta sehingga merosakkan struktur kerajaan negeri. Tuan-tuan, dalam hal ini saya melihat satu perkara dalam kata-kata Arab disebut:

نتعاون فيما اتفقنا عليه ويعذر بعضنا بعضا فيما اختلفنا فيه

Kita bekerjasama dalam hal-hal yang boleh kita sepakat, boleh kita bersetuju bersama".

ويعذر بعضنا بعضا

"Dan hendaklah kita saling bermaaf-maafan".

فيما اختلفنا فيه

"Dalam hal-hal yang kita tidak sepakat".

Dan inilah sepatutnya kita bawa dalam roh membina Negeri Kedah ini, memang kadang-kadang kita terdapat perselisihan faham tapi kadang-kadang bila kita lihat bagaimana Jamuan Raya Aidilfitri MB (Menteri Besar) pun kita tak sanggup nak hadir, itu jamuan raya itu sepatutnya sepakat bersama. Ada dikalangan Yang Berhormat tak hadir, Jamuan Raya Menteri Besar tuan-tuan, kalau kita bertelagah dalam hal-hal lain, raya ni marilah! Ini tempat untuk kita bersatu bersama. Ini satu contoh yang tak ada satu semangat kenegerian dalam diri kita.

YB. Tuan Speaker, begitulah juga saya berharap dengan pengurusan pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri ini membawa bahtera yang besar, membawa bahtera di kalangan EXCO-EXCOnya yang mantap, yang sudah cekap, yang sudah sederap, saya berharap tidak akan berlaku gangguan ataupun goncangan kepada bahtera yang dibawa oleh Menteri Besar ini, kalau di lambung badai ombak dan sebagainya. Saya yakin bahtera yang ada ini mantap, kuat tapi kalau di jolok, kalau dikacau tiang yang… bukan Sungai Tiang, tiang yang tinggi pun boleh patah. Tuan-tuan, jangan dikacau benda yang berada di atas kayangan pun kalau diganggu gugat kayangan pun boleh runtuh, setakat pelam muda, harum manis pun boleh jatuh ini, kayangan, boleh runtuh! Ada contoh, sebab itulah kita kena mempertahankan kedudukan yang ada di sini. Oleh sebab itulah kalau marilah apa-apa sekalipun ribut ka, angin ka, bayu ka sekali pun di dalam yang mengganggu gugat keadaan kita, saya berharap kita akan tetap bersama dengan Menteri Besar kita insya-Allah, sebagaimana yang telah disebut oleh titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah ini atas kekuatan Menteri Besar kita dapat berada di tahap yang sekarang ini. Tak perlu saya sebut kejayaan-kejayaan kita sebagaimana yang telah dibuktikan oleh YB. Jitra dan juga yang lain-lain, sebagaimana yang dibuktikan oleh YB. Merbau Pulas, sebagaimana yang dibuktikan oleh YB. Suka Menanti, YB. Kubang Rotan, YB.

Kuala Ketil semua lah! Termasuk YB. Bukit Kayu Hitam, semua terbukti dengan baik. Insya-Allah kita dapat melayarinya sehingga akhir penggal ini tuan-tuan. YB. Tuan Speaker, saya berharap itu sahaja, ada isu yang lain sebenarnya tapi saya tidak sentuh isu Bandar Baharu ini banyak benda yang saya nak sentuhkan disebabkan kesuntukan masa saya berharap Bandar Baharu ini juga diberi perhatian. Saya nak satu lagi YB. Tuan Speaker, boleh? Satu lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Boleh!

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Lepas ni saya *landing*. Saya nak mengambil kesempatan ini mengucapkan kepada sebuah institusi pendidikan di Daerah Bandar Baharu ini iaitu Maktab Mahmud Bandar Baharu. Untuk perhatian YB. Sungai Limau, Maktab Mahmud Bandar Baharu ini perlu dipertingkatkan dan di*upgrade* ini keselesaan pelajar kita, Maktab Mahmud Bandar Baharu ini mendapat *ranking* pertama bertahun-tahun dalam peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) baru-baru ini pun, tahun sudah, tahun sebelum ini Maktab Mahmud inilah yang menjadi juara *ranking* pertama tetapi dari segi infrastrukturnya saya berharap kerajaan negeri khususnya YB. Sungai Limau dapat beri perhatian kepada Maktab Mahmud ini kerana kita boleh majukan Maktab Mahmud ini dengan lebih hebat lagi. Di Bandar Baharu tak ada institusi pengajian tinggi, untuk makluman YB. Tuan Speaker, tak ada, sekolah-sekolah berasrama penuh pun tak ada, tapi inilah keadaan Maktab Mahmud yang boleh mampu untuk menjaga warga Bandar Baharu ini khususnya. Oleh sebab itu saya minta perhatian agar memberi satu tapak tanah yang luas di Bandar Baharu ini kita ada 80 peratus tanah pertanian, 12 estet yang ada, estet ini estet kelapa sawit, estet getah, banyak lagi tanah-tanah yang boleh kita majukan. Jadi, bagi YB. Jitra kalau nak majukan Bandar Baharu ini ambil tanah-tanah estet ini. Di antaranya besar, saya bukan cakap saja, Syarikat Guthrie, Genting, Asiatic, Varlo, Parlemo, ACM (Agricultural Chemicals (M)), semua nama orang-orang putih belaka, itu keadaan di Bandar Baharu ini. Jadi, sampailah masanya kerajaan negeri mengambil alih tanah-tanah ini untuk ditukar kepada industri walaupun estet ini estet nama orang putih tapi dia Tanah Rizab Melayu. Itu di antara kesukaran kami di Bandar Baharu. Saya yakin insya-Allah kalau boleh.. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Boleh gulung dah YB. nah?

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Okey saya gulung ini, saya tutup dah. Saya berharap perhatian daripada seluruh EXCO dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan begitu juga saya mengambil kesempatan ni menjunjung kasih atas ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dalam titah perasmian hari Isnin yang lalu. Terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Bandar Baharu. Saya menjemput pembahas yang terakhir YB. Lunas, dipersilakan.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Bismillahirrahmanirrahim, alhamdulillah, thumma alhamdulillah, wa ma tawfiqi waktu sommi illa billah, 'alayhi tawakkaltu wa ilayhi unib. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, nampak makin segak dari hari ke hari.

YB. TUAN SPEAKER

Boleh sampai pukul 12.00 tengah hari.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

(ketawa kecil) Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Kewangan Negeri, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan dan khususnya rakyat Negeri Kedah yang saya kasihi. Alhamdulillah pertama sekali kita panjat rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberikan ruang dan peluang kali ini untuk meneruskan agenda dan tanggungjawab besar kita khususnya kepada Negeri Kedah Darul Aman. Dikesempatan ini juga patik ingin merafak sembah setinggi-tinggi junjungan kasih ke hadapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas titah ucapan sempena pembukaan sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Nadzman yang dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri dan ini satu penghormatan kepada warga Padang Serai dan semalam pun ada yang bisik kepada saya, Yang Berhormat, dia kata, “duit dah ada dekat dengan kita”. Jadi, dekat dah tu dekat dah (sambil ketawa), baik.

YB. Tuan Speaker, sesungguhnya titah Tuanku ini bukan sekadar ucapan biasa dan kita tengok daripada baris demi baris, ayat demi ayat yang dititahkan oleh Tuanku ianya merupakan satu panduan dan juga amanah besar kepada kita semua untuk terus memacu Negeri Kedah ni kepada negeri yang lebih maju, sejahtera dan berdaya tahan, Aalhamdulillah. Dalam kita bercakap soal pembangunan dan kemajuan negeri, saya juga ingin membawa suara rakyat di peringkat bawah. Mungkin suara ini tidak kuat, tidak seperti kita menggunakan ruang ataupun platform ini tetapi suara rakyat ini sangat penting untuk kita dengar. Mengambil contoh di kawasan saya sendiri bagaimana kita melihat rakyat masih bergelut dengan peningkatan kos sara hidup dari sehari ke sehari, harga barang naik, kos harian bertambah tetapi pendapatan rakyat tetap sama. Sebab itu saya juga ingin mengutarakan cadangan untuk perhatian dan pertimbangan pentadbiran Yang Amat Berhormat Jeneri dalam keadaan rakyat khusus Negeri Kedah ini berhadapan dengan kesukaran, perlu kerajaan mempertimbangkan kepada setiap DUN-DUN (Dewan Undangan Negeri) yang ada dalam Negeri Kedah ini diberikan peruntukan khas untuk mengadakan program-program selain daripada program Bantuan Beras Sejahtera adalah program jualan-jualan murah yang boleh membantu meringankan beban rakyat untuk mereka meneruskan kehidupan. (YB. Tanjung Dawai mencelah)

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

YB. Tuan Speaker, mohon mencelah.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Sila, sila. Awal.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

DUN YB. jadi tempat tumpuan Menteri Dalam Negeri, takkan susah kut? Tentu dapat bantuan banyak….

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Terima kasih, YB. Tanjung Dawai. Dia ada satu unik di Negeri Kedah ni, saya rasa Lunas kalau nak banding dengan Jeneri sendiri pun hebat lagi Lunas, Yang Berhormat Tanjung Dawai sebab hampir setiap minggu ada Menteri Dalam Negeri akan mai. Saya pun tak tau sampai apa benda ni sampai dah macam tak dak hala tuju, banyak lagi benda yang patut diberikan perhatian. Tetapi dia minat sangat ke Padang Serai/Lunas ni, saya pun tak pasti pasal apa mungkin saya boleh kaji, kaji balik ada benda apa, tapi yang betul-betul bawa nikmat untuk rakyat ni "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua" hat tu betul.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Lunas, kalau tak silap saya dalam sidang yang lepas YB. Lunas ada membangkitkan bahawa Lunas itu dah jadi "negeri Bangla" dah. Jadi mungkin sebab itu kut, KDN (Kementerian Dalam Negeri) dah sampai.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

YB. Tuan Speaker, saya pun dalam mesyuarat di peringkat daerah pun saya ada melihat pembentangan oleh pihak PDRM (Polis Diraja Malaysia) tentang kemerosotan indeks jenayah di kawasan Lunas, Kulim ni dan awal-awal saya dah bagi tahu kepada PDRM tu pasal orang jahat tak berani masuk Lunas pasal Menteri Dalam Negeri tiap-tiap minggu ada, jadi di situ ada penurunan dari segi kadar jenayah, "menjawab soalan YB. Tuan Speaker". Namun saya percaya rakyat Kedah tidak mahu hanya bergantung semata-mata kepada bantuan. Mereka mahukan peluang, mereka mahukan kestabilan dan rakyat juga mahukan kehidupan mereka yang lebih baik untuk keluarga mereka.

YB. Tuan Speaker, antara faktor utama yang kita lihat menyebabkan kenaikan kos sara hidup yang begitu melambung dalam masa beberapa bulan ini, yang pertama sepertimana disebutkan oleh sahabat-sahabat saya dalam Dewan yang mulia ini iaitu kenaikan harga minyak. Ianya bukan lagi sekadar perbincangan biasa yang mana berkisar di kedai kopi, di kafe-kafe, restoran-restoran tapi juga adalah menjadi kemarahan kepada rakyat. Rakyat bukan marah tanpa sebab mereka marah kerana setiap kali harga minyak naik kehidupan mereka semakin terhimpit. Gaji tak naik, mungkin penjawat awam ada yang naik tetapi rakyat kelompok rakyat bawahan yang B40 ni gaji mereka tak naik tetapi harga barang melonjak, nak pergi kerja pun mahal, beli barang dapur pun lagi mahal. Kita ambil contoh dalam bulan Ramadan sudah, jual murtabak, ada yang peniaga jual RM5 sampai ke RM8. Kalau dia bajet satu keluarga itu dia ada 6 orang termasuk suami dan isteri anak 4 orang, kalau bawa RM50 pergi bazar Ramadan, takkan nak makan murtabak sahaja, takkan nak beli kuih 10 biji kerat 4. Bila kita tanya peniaga, kita pun tak boleh salahkan mereka kerana kenaikan harga barang menyebabkan mereka terpaksa menaikkan jualan walaupun kadang-kadang mereka juga berdepan dengan risiko bila naik harga jualan, maka pembeli sukar untuk membeli dan mereka akan menanggung kerugian. Namun YB. Tuan Speaker, saya juga ingin merujuk kepada kedua-dua sahabat saya YB. Sidam dan YB. Bakar Arang**.** Sampai bila? Sampai bila rakyat khususnya rakyat Negeri Kedah ni kena tanggung dengan masalah akibat kenaikan harga minyak ini. Sabar! Sabar! Sabar! Kita bukan parti sabar, kita juga manusia insan yang Allah berikan kesabaran yang ada limit. Begitu juga rakyat di bawah sabarnya pun ada limit. Kalau dalam sampai 1 bulan harga minyak naik menggila, bukan 10 sen bukan 20 sen, beringgit naik, daripada RM2 lebih sekarang sampai RM6 lebih. Ini namanya gila! (YB. Sidam mencelah)

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh mencelah?

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Silakan!

YB. TUAN SPEAKER

Itu saya cakap YB. Lunas. Jangan sebut nama dia, sebut dia bangkit (ketawa kecil).

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih YB. Lunas dan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker. Kita di sini, kita semua saya rasa semua ni duk ratib kata minyak naik! Minyak naik! Minyak naik! Tapi kalau kita bayangkan adakah orang-orang dalam sini yang kena beli minyak lebih daripada RM 1.99? Semua ada yang dapat subsidi dan ditambah pula dengan walaupun ada kenaikan sikit harga diesel, itu pun ada penambahan yang diumumkan kelmarin iaitu penambahan daripada 300 kepada 400 boleh *claim* lagi dekat kerajaan. Jadi, saya rasa ini hanya politik saja, politik saja nak kata minyak naik! Minyak naik! Minyak naik! Semua orang di sini, ada siapa yang tak dapat RM 1.99? Cuba angkat tangan, termasuk dengan pengundi-pengundi dan juga, Tan Sri… (YB. Bandar Baharu mencelah)

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Tak pa nanti saya minta laluan nanti. (ketawa kecil sambil mengangkat tangannya)

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Tak dapat RM 1.99? Ada dapat tu, tapi kita guna tak cukup, itu saja pasal kita jalan banyak. Mungkin ada banyak tempat, tapi akan dapat RM 1.99. Semua orang akan dapat. Jadi ini hanya politik lah YB. Tuan Speaker, saya rasa ini politik yang hanya nak menggambarkan bahawa Kerajaan Pusat tidak membantu, sebenarnya membantu. Satu lagi katakanlah yang tadi ada satu, Yang Berhormat sebut berkenaan dengan minyak di Sabah, Sarawak lebih murah, ini pun hanya politik Yang Berhormat. Kalaulah betul okey, saya nak terangkan kalau bukan kerana politik, kalau sebagai contoh, kalau bulan depan ada PRN (Pilihan Raya Negeri) Sabah, ada dak sapa-sapa YB. yang akan sebut benda ni? Tak dak kan? Kita nak ambil hati orang Sabah, Sarawak juga. Itulah ceritanya, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dak, saja saya nak tanya YB. Sidam ni, yang minyak murah di Sabah Sarawak tu pasal nak pilihan raya lah?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sebenarnya pilihan raya dah lepas yang PRN tu dah lepas, cuma ini hanya politik untuk menunjukkan bahawa kerajaan sabit tidak adil kepada rakyat sahaja. Trima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Oh! Saya ingat kut pilhan raya Sarawak semakin hampir, sebab tu di sana murah. Mungkin saya tersilap kut.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Terima kasih, saya pun tak tau perbahasan Lunas ni pun menarik sungguh, masuk ramai sungguh, saya rasa saya minta sampai pukul 2:00 boleh kut YB. Tuan Speaker. Baik. Jawapan kepada… tapi YB. Sidam dia patut tanya soalan, tapi dia berbahas. Jadi bila berbahas saya pun tak tau, dia nak suruh saya jawab tang mana. Tapi, tapi, tapi, tapi, sat lagi saya jawab, kena banyak kali tapi kat dia, sat lagi saya jawab dekat hujung-hujung tu ada jawapan dia. Noh, Yang Berhormat Sidam? Sebab kita bila kita bagi ruang tu bangun untuk tanya soalan, itu peraturan Dewannya begitu. Kalau kita nak bahas, semasa kita bahas, kita bahaslah, itu cara dia. Sat lagi ada jawapannya sabar.

Saya nak tarik perhatian sidang Dewan, kita pernah, kalau saya sendiri dengan usia yang 45 tahun ni saya dah rasai Perdana Menteri daripada Tun Hussein Onn sampailah yang terkini PMX (Perdana Menteri Malaysia ke-10). Pendekatan setiap Perdana Menteri itu berbeza dan kalau kita tengok juga kepada cara pentadbiran ataupun cara *handle* sesuatu isu (dengan izin) YB. Tuan Speaker, terutama sekali dalam berhadapan dengan krisis minyak ini, saya rasa di zaman pentadbiran dengan izin YB. Tuan Speaker Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib, Perdana Menteri waktu itu, harga minyak jauh lebih tinggi daripada sekarang, 108 ke 110 dollar per barrel atau satu tong. Walaupun ada kenaikan pada waktu itu, tetapi kemarahan rakyat tidaklah membuak-buak macam sekarang. Sekarang ni harga minyak baru 99 ke 102 dollar setong, tetapi kenaikan harga diesel ini menyambung jauh lebih tinggi dan ini yang dikatakan membebankan rakyat.

Kita boleh kata, harga minyak ini adalah kerana perang. Kita boleh bagi alasan perang menyebabkan Selat Hormuz tak boleh masuk. YB. Jitra ada sentuh tadi, ada kata kapal masuk kena bayar caj, ada yang kata tak kena, *miscommunication.* Namun apa yang berlaku sekarang, adakah kerajaan hanya nak bersandarkan kepada masalah perang itu semata-mata tanpa ada satu mekanisme yang jelas dalam memastikan kalaupun ada kenaikan, janganlah sampai membebankan rakyat khususnya masyarakat B40 di bawah! Itu kena jelas yang boleh digariskan oleh kerajaan, bukan sekadar tambah subsidi itu yang katanya nak dinaikkan RM400 kerana ada kelompok-kelompok yang dalam rantaian ekonomi menggunakan minyak dalam kadar yang lebih. Sebagai contoh, kalau dia bekerja di Penang daripada Alor Setar dia nak pergi, adakah cukup dengan jumlah subsidi yang diberikan? Tak kan kita nak kata, kalau dah minyak mahal, toksah pi kerja, duduk di rumah. Kalau PMX (Perdana Menteri Malaysia ke-10) nak bagi tak apa, nak ganti balik apa yang dia orang tak dapat.

YB. TUAN SPEAKER

Ada 5 minit lagi YB. Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Ada banyak isu ini (ketawa kecil). Kemudian, saya juga nak jawab yang tadi YB. Sidam cakap, dia kata kan pasal minyak naiklah, globallah, semua kan. Apa yang rakyat pegang hari ini adalah kenyataan PMX (Perdana Menteri Malaysia ke-10) sebelum dia jadi Perdana Menteri lagi. Kalau saya nak siarkan video-video ucapan dia, hari ini menang, minyak turun. YB. Pengkalan Kundor dah sebut dan haritu terbaru 2022 semasa belum bentuk kerajaan dia kata apa, “kenapa minyak tak turun, kita belum jadi kerajaan, saya belum jadi Perdana Menteri”. Nah! Sekarang dah jadi Perdana Menteri, awat hang tak turun harga minyak? Jadi, cakap-cakap begini dipegang oleh rakyat dan dibawa sehingga hari ini bila mana PMX (Perdana Menteri Malaysia ke-10) menjadi Perdana Menteri, dia tak buat dan dia tak laksanakan apa yang dia cakap. Cakap tak serupa bikin, bikin tak serupa cakap, cakap, cakap tak bikin! Itu masalah dia YB. Sidam. Sebab itu ada rakyat di kawasan saya, semalam saya jumpa satu penduduk di kampung saya, namanya Pak Ngah Hashim, *famous* Pak Ngah Hashim harini. Dia bagi pantun kat saya, senang saja YB. Sidam. Dia mai bisik kat telinga saya, “Yang Berhormat, saya ada satu pantun mungkin Yang Berhormat boleh guna dalam Sidang DUN”. Apadia pak ngah?

Siakap senohong,
gelama ikan duri,
Bercakap bohong,
Lama-lama jadi Perdana Menteri.

Itu dia bagitau kepada saya…. (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker, YB. Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat 35(9) "kalau apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan dalam menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau pegawai kerajaan (b) perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan". Jadi, tadi ADUN Lunas dia merujuk kepada Perdana Menteri negara kita yang dia tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Saya mohon ADUN Lunas tarik balik.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Saya hanya cakap apa yang rakyat sampaikan. YB. Bakar Arang, tengok kepada *point* yang kita sampaikan. Bukan, ini bukan fitnah, saya tak fitnah saya tidak tuduh yang Yang Amat Berhormat PMX (Perdana Menteri Malaysia ke-10) dengan tuduhan-tuduhan baru. Tapi saya hanya petik apa yang disampaikan oleh rakyat dan kalau saya nak pasang video ni saya ingat satu jam Yang Berhormat dengar tak habis.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Lunas, teruskan perbahasan.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Tambahan lagi 3 minit!

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu isu yang cukup dekat kepada rakyat khususnya di kawasan saya Lunas, Padang Serai iaitu Projek Naik Taraf Klinik Kesihatan Padang Serai. Untuk makluman Dewan, projek ini telah mengalami kelewatan dan akibat kegagalan kontraktor yang dilantik untuk menyiapkan projek ini mengikut jadual. Walaupun dikatakan projek ini dalam proses tender semula namun, pelaksanaannya sehingga kini masih belum dapat dimulakan. Tambahan pula dengan kenaikan kos, kesannya amat besar YB. Tuan Speaker kepada rakyat. Saya turun baru-baru ni ke klinik kesihatan tersebut. Saya bertemu dengan kakitangan klinik dan juga pesakit yang datang ke situ. Saya cuba dapatkan laporan daripada mereka dan dimaklumkan kepada saya, klinik ini beroperasi

menerima pesakit lebih kurang 800 orang satu hari. Dalam keadaan klinik yang dikelilingi oleh kepesatan pembangunan yang ada di sekeliling Padang Serai itu, tetapi kita masih berhadapan dengan masalah dari segi menyediakan kemudahan infra melibatkan kesihatan rakyat. Dan klinik tersebut juga menjadi tempat pesakit-pesakit mendapatkan rawatan terutamanya ibu dan anak yang mana ramai ibu-ibu yang mengandung mendapatkan rawatan di situ sehinggakan ada kakak yang saya jumpa tu dia kata, "kalau macam nilah YB., saya rasa saya kena tangguh beranak dulu sebab nak kena ulang-alik ke klinik tu sesak padat". Tapi dia nak tangguh beranak pun dia dah beranak 6 Yang Berhormat. 6 dah anak, tu pun dia nak tangguh lagi. Saya kata, "tak apa kak, tugas kak untuk beranak dan mengandung, tugas saya usaha untuk sediakan kemudahan dari segi perubatan kepada rakyat."

YB. Tuan Speaker, bila terlalu banyak berpolitik, terlalu banyak menggunakan kuasa untuk berlegar-legar demi agenda politik di dalam kawasan Padang Serai yang disebutkan tadi oleh YB. Tanjung Dawai, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ini adalah Pengerusi Pembangunan Negeri Kedah. Sepatutnya bila dah berlegar tu tengoklah sama apa keperluan masyarakat yang ada di kawasan situ. Tambahan pula, Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang ni tidak diberikan peruntukan. Jadi, kita yang nak membantu ni pun terhad. Sebab itu dalam lawatan saya, saya luluskan, cari peruntukan sendiri untuk membaik pulih tapak *parking* di klinik tersebut yang mana keadaannya berlubang-lubang dan boleh bela ikan tilapia. Berlubang dan kita buat balik, Alhamdulillah minggu lepas siap. Kita tak bubuh tar tapi kita buat balik, kita tambah batu kasaran dan kita *level* balik kawasan *parking* itu untuk memberikan kemudahan kepada rakyat. Ini yang diajar oleh pentadbiran YAB. Jeneri kepada semua wakil-wakil rakyat yang ada dalam Dewan DUN ini supaya kita cakna terhadap masalah rakyat dan ambil tindakan pada kadar apa yang kita mampu. Itu YB. Sidam dan YB. Bakar Arang kena faham! Saya pun tak tau YB. Sidam dengan YB. Bakar Arang ni peranan dia bukan sekadar *check and balance*, ambillah isu-isu positif yang kita sampaikan pada hari ini daripada awal perbahasan. Ambil dan bagilah kepada kerajaan di peringkat Persekutuan kut-kut kalau kami ni bawa tak mau dengar, hangpa ambillah kredit macam mana pun, lantiklah kontraktor macam mana pun yang penting kita nak projek kesihatan rakyat itu dapat disiapkan dengan sebaik mungkin. Itu yang patut dimainkan oleh YB. Sidam dan YB. Bakar Arang walaupun YB. Kota Darul Aman tak dak di sini.

YB. TUAN SPEAKER

Okey, boleh buat penggulungan.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

YB. Tuan Speaker, kalau ikut panjang lagi ni(ketawa kecil). YB. Tuan Speaker, tak apalah saya gulunglah hujungnya. Baik. Kesimpulannya, Ahli-ahli Mesyuarat, Ahli-ahli Dewan sekalian, kita boleh berbeza politik, kita boleh berbeza pandangan, kita mungkin boleh berbeza pendapat dan juga hujah. Tetapi dalam soal kebajikan rakyat, dalam soal yang menyentuh hal keselamatan rakyat, kita kena bersatu hati dan bekerjasama. Itu juga selaras dengan titah tuanku yang dilafazkan beberapa hari lepas. Berbeza tak ada masalah, tapi jangan sampai kita memegang kuasa tampuk pemerintahan di peringkat Persekutuan kerana negeri ini tidak sama dan sealiran politik dengan kita, kita menghukum negeri dan yang terhukum paling teruk adalah rakyat yang mana hari ini rakyat di bawah ini yang terkesan dengan apa yang berlaku!

Jadi, saya menggunakan ruang dan kesempatan ini juga untuk menyeru sahabat-sahabat saya daripada pembangkang. Saya tak kisah dia nak protes pun tak apalah, dia nak jawab soalan ka, dia nak komen pun dia boleh komen. Tapi, apa yang saya nyatakan tadi ambillah pedoman, ambillah catitan. Sampaikanlah kepada kerajaan di peringkat Persekutuan agar apa juga permasalahan yang boleh dibantu ini, wajib dibantu kerana di situ rakyat akan melihat sejauh mana tahap profesionalisme kita dalam mengurus tadbir kerajaan ini. Adakah kita membawa politik sempit ataupun kita membawa politik matang dan sejahtera sepertimana yang digagaskan kalau di Negeri Kedah oleh Yang Amat Berhormat Jeneri.

Akhir kata, patik sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas titah Tuanku yang penuh hikmah. Insya-Allah, patik yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Jeneri dibantu oleh barisan EXCO, ditunjangi juga oleh Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggota pentadbiran, insya-Allah Negeri Kedah akan terus maju dan berjaya, selaras dengan hasrat, slogan yang selalu diutarakan yang mana "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua." Sekian, saya mohon menyokong titah ucapan Tuanku. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Lunas. Alhamdulillah, selesai sudah sesi Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ini. Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi penggulungan di atas Usul Yang Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan.

III. PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Sesi penggulungan. Saya dengan ini menjemput YB. Wong Chia Zhen untuk menggulung sesi perbahasan ini. Dipersilakan.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Tahniah kepada YB. Lunas atas perbahasan tadi. Macam berkempenlah. Lepas ini mungkin pindah ke pentas yang lebih besar kut (ketawa). Terima kasih sekali lagi YB. Timbalan Tuan Speaker, YB. Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Yang Amat Berhormat Jeneri, Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan para sidang hadirin yang dikasihi sekalian. Salam sejahtera, selamat tengah hari dan salam "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua." Ampun Tuanku, terlebih dahulu patik dengan penuh takzim merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas titah yang penuh hikmah berimbang serta berpandangan jauh. Sebagaimana titah Tuanku yang sentiasa menekankan peranan wakil rakyat sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat di peringkat akar umbi, patik melihat ini sebagai satu peringatan yang sangat tepat daripada seorang sultan yang memahami denyut nadi rakyat.

Sesungguhnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah seorang pemerintah yang bijaksana yang bukan sahaja memerhati dari atas tetapi memahami realiti di bawah, suara rakyat, keperluan masyarakat dan cabaran sebenar di lapangan. Patik dengan penuh rasa tanggungjawab menyambut baik segala titah, pesanan dan peringatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan berikrar akan memastikan amanah ini diterjemahkan dalam bentuk tindakan khususnya dalam memastikan pentadbiran negeri ini sentiasa berpaksikan kepentingan rakyat, keharmonian masyarakat serta keluhuran undang-undang. Patik juga dengan penuh rendah diri mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah serta seluruh Kerabat Diraja Negeri Kedah sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan serta kesejahteraan yang berterusan dan terus bersemayam di atas takhta pemerintahan dengan penuh kedaulatan serta kebesaran.

YB. Tuan Speaker dan para sidang hadirin yang saya kasihi sekalian, dikesempatan yang penuh bermakna ini, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut perayaan kepada seluruh rakyat Negeri Kedah

yang meraikan pelbagai perayaan pada bulan April ini. Kepada umat Islam, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin. Semoga Aidilfitri ini menjadi titik penyatuan, mengeratkan silaturahim serta memperkukuh semangat kebersamaan dalam masyarakat. Kepada masyarakat India, *Iniya Tamil Puttantu*, *Happy Tamil New Year!* Dan kepada masyarakat Punjabi Sikh, *Vaisakhi Diyan Lakh Lakh Vadhaian*, *Happy Vaisakhi Day!* Yang disambutkan pada hari semalam. Semoga perayaan ini membawa sinar baru, kemakmuran dan kejayaan kepada seluruh komuniti. Dan kepada masyarakat Siam, kepada YB. Timbalan Tuan Speaker, YB. Sidam, *Sook-san wan Songkran, Happy Songkran Festival!* Semoga perayaan ini terus menyemarakkan nilai kebersamaan, keharmonian dan perpaduan dalam negeri kita. Sesungguhnya kepelbagaian perayaan yang diraikan ini mencerminkan kekuatan dan keunikan Negeri Kedah sebagai sebuah negeri yang harmoni dan bersatu padu. Kerajaan Negeri sentiasa komited… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kulim.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Ya, ya.

YB. TUAN SPEAKER

Khop khun khrap.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Sawadee-kap (ketawa). Kerajaan negeri sentiasa komited dalam memastikan setiap kaum dan komuniti terus diberi perhatian, dihargai serta dilibatkan dalam arus pembangunan negeri. Selamat menyambut perayaan kepada semua yang meraikannya. YB. Tuan Speaker dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan isu rumah ibadat dan perpaduan. Saya ingin menyatakan pendirian yang jelas, kita semua bersetuju bahawa agama adalah sesuatu yang amat peribadi kepada setiap insan yang menyentuh soal kepercayaan, nilai hidup dan hubungan manusia dengan tuhan. Sebab itu, setiap rakyat berhak untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing dengan aman dan bebas. Kerajaan negeri juga komited untuk memastikan semua komuniti tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa diberikan ruang yang sewajarnya untuk mempraktikkan dan menjalankan ibadah agama masing-masing. Dalam hal ini, mekanisme pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam atau RIBI sentiasa dijadikan saluran untuk meneliti dan memproses permohonan secara teratur dan jelas.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat April tahun 2026 ini terdapat 17 permohonan dengan 15 diluluskan, 1 ditangguhkan dan 1 ditolak. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri bukan menutup ruang, bukan menafikan hak tetapi mengurus perkara ini melalui saluran yang sah, tersusun dan bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, kita juga memahami bahawa proses menguruskan permohonan RIBI kelulusan sama ada di peringkat pejabat daerah atau di peringkat negeri serta pematuhan kepada undang-undang berkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah penting untuk memastikan segala pembangunan kerajaan berjalan dengan teratur. Ini juga penting untuk memastikan kepentingan semua pihak terpelihara dan keharmonian jangka panjang dapat dijaga. Seperti yang dititahkan oleh tuanku, keharmonian bukan sesuatu yang boleh dipandang remeh, sebaliknya perlu dipupuk dengan sikap saling hormat-menghormati dan memahami akan batas sensitiviti masing-masing.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, namun apa yang lebih penting dan yang ingin saya tekankan adalah bahagian kedua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Tuanku dengan tegas mengingatkan supaya isu agama tidak dipolitikkan dan tidak dijadikan alat untuk kepentingan sempit sehingga boleh memecahbelahkan rakyat dan masyarakat. Ini bukan ayat biasa, ini satu peringatan yang sangat jelas, sangat tegas dan sangat tepat untuk keadaan semasa ini. Berhubung beberapa insiden yang terbaru melibatkan rumah ibadat yang kita dapat lihat di media sosial yang telah mencetuskan tindakan tidak bertanggungjawab oleh segelintir pihak berunsur ekstrem sehingga berlaku *witch hunt* (dengan izin), terhadap individu atau komuniti tertentu. Kami ingin menegaskan bahawa tindakan sebegini adalah amat tidak wajar dan berpotensi merosakkan keharmonian hubungan antara kaum. Dalam sesebuah negeri dan negara yang berbilang kaum dan agama, kita tidak boleh membenarkan mana-mana pihak sama ada pemimpin ataupun penyokong mengambil pendekatan yang ekstrem. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pihak agar kita bersama-sama mendidik dan menasihati penyokong kita supaya tidak melampaui batas. Jangan ada unsur hasutan, jangan ada kenyataan yang mengeruhkan keadaan, jangan ada sikap yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama. Kita semua mempunyai tanggungjawab bukan sahaja di dalam Dewan ini tetapi juga di luar sana untuk memastikan keharmonian ini terus terpelihara.

Hampir 70 tahun negara kita merdeka. Ini bukan tempoh yang pendek. Keharmonian yang kita kecapi hari ini bukan sesuatu yang datang bergolek, bukan sesuatu yang boleh diambil mudah dan bukan sesuatu yang boleh kita gadaikan hanya kerana mahu menang sorakan semata. Justeru, kita mesti menjaganya dengan penuh tanggungjawab. Hal ini kerana perpaduan bukan boleh dibina dalam sehari dua tetapi melalui usaha berterusan dan keikhlasan semua pihak. Kalau tanam taugeh, 3, 4 hari boleh jadi kalau tak jadi pun, boleh tanam semula. Tapi kalau perpaduan runtuh, ia

memerlukan masa, kepercayaan dan usaha yang berlipat kali ganda untuk dibina kembali. Sehubungan dengan itu, kami menggesa Kerajaan Persekutuan supaya untuk mengambil tindakan yang lebih tegas dan tuntas terhadap mana-mana pihak yang mencetus ketegangan antara kaum dan agama tanpa mengira latar belakang kaum atau agama sama ada Cina, India, Melayu, Siam atau mana-mana komuniti yang lain. Pendekatan ini yang adil dan tidak memilih kasih amat penting bagi memastikan keyakinan rakyat terhadap sistem keadilan terus terpelihara serta bagi mengekalkan perpaduan nasional yang menjadi asas kestabilan negara seperti yang dibahaskan oleh YB. Pantai Merdeka semalam lagi.

YB. Tuan Speaker dan para sidang hadirin yang saya hormati sekalian, Tuanku juga menegaskan bahawa institusi keagamaan tidak boleh disalahgunakan untuk kepentingan peribadi atau agenda politik tertentu. Saya melihat ini sebagai satu prinsip yang sangat penting. Ini kerana rumah ibadah merupakan tempat yang suci, tempat manusia mendekatkan diri kepada tuhan, tempat yang sepatutnya membentuk hati ke arah yang lebih baik, lebih tenang dan lebih beradab. Maka, sebab itulah rumah ibadat tidak boleh dijadikan medan untuk menyemarakkan kebencian, tidak boleh dijadikan alat untuk memancing emosi sempit dan tidak boleh dijadikan pentas untuk agenda politik yang memecahkan masyarakat. Dalam konteks ini, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kedah di bawah Perikatan Nasional mesti menjadi contoh. Kita mesti menunjukkan bahawa kita tidak menyalahgunakan agama untuk politik sempit. Kita tidak memainkan sentimen perkauman dan kita tidak memecahbelahkan rakyat demi kepentingan tertentu. Sebaliknya kita mesti menjadi kerajaan yang matang, bertanggungjawab dan menghormati kepelbagaian masyarakat. Kalau suatu hari nanti kita diberi amanah yang lebih besar di peringkat Persekutuan, pendekatan inilah yang kita akan bawa iaitu politik yang memelihara bukan politik yang memecahbelahkan masyarakat!

YB. Tuan Speaker dan sidang hadirin yang saya kasihi sekalian, seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, perpaduan adalah asas kepada kestabilan negeri dan negara. Perpaduan bukan sekadar slogan yang perlu diterjemahkan dalam tindakan harian. Dalam konteks Negeri Kedah, kita telah melihat bagaimana rakyat daripada pelbagai kaum dan agama saling menghormati amalan masing-masing. Bersama-sama kita meraikan perayaan dan hidup dalam keadaan aman serta harmoni. Tetapi pada masa yang sama, kita juga melihat bahawa setiap kaum terus mengekalkan dan mengamalkan budaya masing-masing dalam keadaan yang aman dan tenteram. Dan pada saya, itulah keindahan sebenar sesebuah masyarakat majmuk. Saya sendiri amat terharu apabila saya menghadiri sambutan Hari Vaisakhi di Gurdwara Sahib Kulim di mana hati saya tersentuh apabila melihat bahawa mereka mempunyai pusat pendidikan sendiri. Digerakkan secara sukarela oleh golongan profesional yang terdiri daripada peguam, *accountant* untuk mengajar generasi muda mereka dalam kelas Bahasa Punjabi. Ini bukan perkara yang kecil. Ini

soal warisan, soal identiti, soal kesinambungan sebuah komuniti. Sebab itu saya telah menyalurkan RM10,000 bagi menyokong sambutan Hari Vaisakhi dan program komuniti mereka dan saya juga berjanji untuk terus menyokong kelas Bahasa Punjabi itu supaya dapat diteruskan dan dinikmati oleh masyarakat Punjabi Sikh secara turun temurun.

Begitu juga dengan Pesta Songkran Negeri Kedah yang akan berlangsung pada 18 hari bulan April, Sabtu ini. Saya juga akan menggunakan Peruntukan Sejahtera Kaum dengan menyalurkan sebanyak RM10,000 kepada kelas Bahasa Siam yang terdapat di Watt Siam kawasan Padang Terap, Pendang dan Sik. Jadi untuk maklumat YB. Sidam, ini bukan janji-janji yang manis tapi ini *walk to the talk* iaitu tunaikan janji yang saya pernah sebut dalam penggulungan sebelum ini. Inilah salah satu usaha mengukuhkan perpaduan di Negeri Kedah. Dengan penganjuran kelas Bahasa Siam ini, diharap dapat memartabatkan bahasa ibunda masyarakat Siam agar kekal diteruskan dan supaya dapat membina jati diri bangsa Malaysia yang berbilang agama dan kaum tanpa mengabaikan kepentingan Bahasa Malaysia. Ini penting! Kita mahu anak-anak kita kenal akar budaya mereka tetapi dalam masa yang sama teguh sebagai rakyat Malaysia. Bagi saya, inilah wajah perpaduan yang sihat. Bukan perpaduan yang memaksa semua orang menjadi sama. Bukan perpaduan kosmetik untuk gambar pentas atau hanya untuk poster media sosial. Tetapi, perpaduan yang lahir apabila setiap komuniti merasa dihormati, merasa ada tempat dan merasa boleh berdiri dengan identiti sendiri dalam sebuah rumah besar yang bernama Malaysia.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin menarik perhatian Dewan terhadap dapatan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas 2025) khususnya berkaitan dengan kedudukan Negeri Kedah. Sudah tentu kita semua berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk memastikan perpaduan negara terus diperkukuh dan dipelihara. Namun dalam menilai hasil kajian ini, kita perlu melihatnya secara menyeluruh, berpandukan fakta serta kefahaman yang adil terhadap konteks yang dibentangkan. Penilaian dibuat berdasarkan persepsi responden terhadap pelbagai kenyataan seperti keadilan peluang, layanan tanpa memilih kasih, keberkesanan kerajaan, akses kepada peluang dan perkhidmatan. Ini menunjukkan bahawa IPNas iaitu Indeks Perpaduan Nasional bukan mengukur fakta semata-mata tetapi turut mengukur persepsi rakyat terhadap sistem dan pengalaman harian mereka. Berdasarkan laporan IPNas, dokumen IPNas indeks ini diukur melalui beberapa konstruk utama. Antaranya Kesepaduan Sosial (KS), Etos Nasional (EN), Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE), Tadbir Urus dan Pembangunan (TUK) serta Tahap Keetnikan (TK). Jika diteliti dengan lebih mendalam, Laporan Indeks Perpaduan Nasional ini menunjukkan komponen Tadbir Urus dan Pembangunan menyumbang pengaruh terbesar terhadap kesepaduan sosial iaitu sebanyak 69.7 peratus. Ini menggambarkan bahawa tahap keyakinan rakyat terhadap sistem, dasar, keselamatan serta kecekapan perkhidmatan awam menjadi faktor utama dalam menentukan skor keseluruhan perpaduan.

Sebaliknya aspek yang benar-benar mencerminkan hubungan antara masyarakat, hubungan antara kaum iaitu Hubungan Sosial Rentas Etnik hanya menyumbang 31.4 peratus. Maka, timbul persoalan yang wajar kita tanya secara jujur. Sejauh mana penilaian ini benar-benar menggambarkan realiti hubungan antara kaum di peringkat akar umbi di negeri kita ini jika komponen terbesar datang daripada faktor yang lebih luas sifatnya? YB. Tuan Speaker dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian, dalam hal ini kita perlu berlaku adil dan melihat keadaan sebenar di lapangan. Negeri Kedah tidak berhadapan dengan konflik antara kaum yang serius. Tiada rusuhan, tiada ketegangan etnik yang besar. Menurut kertas analisis isu perpaduan bagi tempoh Januari hingga Mac 2026 yang dibentangkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Negeri Kedah mencatat antara jumlah kes paling rendah iaitu 2 dalam jumlah 195 kes yang direkodkan di seluruh negara. Masyarakat kita hidup dalam suasana yang aman serta saling menghormati antara satu sama lain. Ini realiti di lapangan. Ini bukan realiti atau ini bukan naratif yang direka. Ini keadaan sebenar yang kita lihat sendiri.

Namun berdasarkan struktur indeks ini, skor perpaduan turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk persepsi terhadap institusi dan dasar seperti kebebasan bersuara dan amalan demokrasi. Ini menunjukkan perpaduan berkait rapat dengan keyakinan terhadap sistem dan institusi. Begitu juga dengan isu pelaksanaan di lapangan, contohnya larangan ADUN-ADUN Kerajaan Negeri atau kerajaan pembangkang memasuki sekolah walaupun untuk tujuan kebajikan atau pendidikan. Perkara sebegini boleh menimbulkan persepsi yang wujud layanan yang tidak seimbang dan kurang keterangkuman dalam sistem pentadbiran. Mungkin pada pandangan setengah pihak ia merupakan isu yang kecil tetapi dalam soal persepsi rakyat, perkara sebegini memberi kesan. Sosial media atau *cyber trooper* turut memainkan peranan dalam membentuk persepsi dan persepsi seperti inilah yang akhirnya mempengaruhi skor.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Kedah mengambil maklum bahawa perpaduan bukan hanya isu hubungan kaum semata-mata, ia juga melibatkan keadilan sistem, peluang ekonomi dan akses kepada perkhidmatan. Dalam masa yang sama, banyak faktor yang mempengaruhi skor ini berada di luar kawalan langsung kerajaan negeri. Sebagai contoh dasar pendidikan berada di bawah persekutuan, peraturan akses ke universiti, kolej dan matrikulasi bukan ditentukan oleh negeri. Kelewatan, kelulusan semakan kadar cukai tanah yang menyebabkan negeri kehilangan potensi hasil, dasar ekonomi makro dan banyak agensi penguatkuasaan juga berada di bawah bidang kuasa Persekutuan. Maka, skor Indeks Perpaduan Nasional ini tidak boleh ditafsir sebagai tanggungjawab negeri semata-mata.

Walau begitu, negeri tetap melaksanakan pelbagai usaha yang sedia ada seperti program perpaduan antara kaum, sambutan perayaan pelbagai etnik, penyelesaian isu komuniti seperti kuil, tapak rumah ibadat dan NGO (Non-Governmental Organizations) serta penglibatan masyarakat pelbagai kaum dalam program negeri. Namun, kita juga perlu jujur bahawa usaha ini perlu disokong oleh dasar dan pelaksanaan yang lebih menyeluruh di semua peringkat. Kepelbagaian kaum di negeri ini bukan satu kelemahan tetapi ia merupakan satu kekuatan. Masyarakat Melayu, Cina, India dan Siam masing-masing memainkan peranan dalam pembangunan negeri. Kita sedar bahawa kemajuan Kedah bergantung kepada kerjasama semua pihak, bukan perpecahan.

YB. Tuan Speaker dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian, saya ingin menegaskan bahawa kita tidak menolak peranan IPNas sebagai satu instrumen pengukuran. Namun begitu, pendekatan dan kaedah yang digunakan wajar sentiasa diperhalusi supaya lebih mencerminkan keadaan sebenar perpaduan dalam masyarakat bagi meningkatkan skor perpaduan secara menyeluruh. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri termasuk menyemak dasar atau arahan yang memberi persepsi layanan tidak seimbang. Contohnya, akses wakil rakyat ke institusi awam seperti sekolah.

Seperti yang dititahkan oleh Tuanku, melalui prinsip federalisme hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh dilihat secara terpisah. Sebaliknya perlu berasaskan semangat kerjasama yang adil dan saling melengkapi. Kerajaan Negeri Kedah berpandangan bahawa Indeks Perpaduan Nasional mencerminkan persepsi menyeluruh rakyat terhadap sistem bukan hanya hubungan kaum semata-mata. Oleh itu, peningkatan skor perpaduan memerlukan kerjasama yang erat antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri, penyelarasan dasar serta pelaksanaan yang konsisten di semua peringkat. Negeri Kedah komited untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan menyokong usaha memperkukuh perpaduan nasional. Namun pada masa yang sama, adalah penting untuk difahami bahawa pencapaian indeks ini melibatkan faktor yang lebih luas daripada kawalan kerajaan negeri semata-mata. Jadi, saya percaya indeks boleh silap tetapi rakyat Kedah tidak akan menipu.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin ambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Negeri di bawah portfolio saya atas komitmen, kerjasama dan dedikasi yang tidak pernah luntur dalam memastikan setiap agenda dan perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan berkesan. Penghargaan yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada para penghulu di Daerah Kulim yang sentiasa tampil membantu tanpa

mengira masa dan keadaan sama ada ketika berlakunya bencana mahupun dalam menangani pelbagai isu melibatkan kawasan DUN Kulim. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi perhargaan kepada Syarikat Air Darul Aman (SADA) yang sentiasa responsif dan komited dalam memberikan bantuan walaupun dihubungi pada lewat malam, 7 hari 24 jam seperti bilik bersalin demi pastikan keperluan asas rakyat terus terjamin.

Pada masa yang sama, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) atas usaha berterusan dalam menyelesaikan pelbagai isu penduduk di taman-taman sekaligus meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat. Sesungguhnya segala kerjasama dan sokongan yang diberikan ini amat bermakna dan menjadikan kekuatan kepada saya untuk terus berkhidmat kepada rakyat dengan lebih berkesan. Semoga jalinan kerjasama ini akan terus diperkukuh demi kesejahteraan dan kemajuan DUN Kulim.

YB. Tuan Speaker dan para sidang hadirin yang saya hormati sekalian, saya ingin menyebut satu perkara dengan secara terus terang. Mungkin dalam Dewan ini ada yang melihat saya sebagai antara EXCO yang lebih muda, bukan paling muda, yang lebih muda. Lalu, mudah meletakkan saya dalam kerangka yang kecil tetapi tanggungjawab yang saya pikul tidak kecil. Amanah yang saya bawa juga bukan terhad kepada satu lapisan semata-mata. Maka sebab itu, apabila saya bercakap soal perpaduan, soal institusi, soal keterangkuman, soal hubungan Negeri dan Persekutuan, saya tidak melihatnya dari sudut yang sempit. Saya melihatnya dalam kerangka yang lebih luas iaitu dari sudut negeri, sudut negara dan sudut masa depan kita semua. Sebab itu saya percaya kita tidak boleh bercakap secara dangkal dalam soal perpaduan. Kita tidak boleh hanya sibuk dengan angka tetapi gagal membaca realiti. Kita tidak boleh hanya pandai melaungkan slogan tetapi gagal memahami sensitiviti sebenar rakyat. Dan kita tidak boleh hanya menuding jari kepada negeri apabila banyak faktor sebenar terletak di tempat lain.

Sebagai penutup, saya sekali lagi ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas titah yang penuh kebijaksanaan. Titah Tuanku bukan sahaja menjadi panduan kepada kerajaan, tetapi juga peringatan kepada kita semua pihak bahawa kestabilan, keharmonian dan masa depan negeri ini bergantung kepada sikap kita semua. Saya berdiri di sini dengan pendirian yang jelas menjunjung titah mempertahankan keharmonian dan menolak sebarang bentuk ekstremisme boleh merosakkan perpaduan rakyat. Akhir kata, saya dengan penuh takzim menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang amat kita kasihi. Sekian, terima kasih. *Xie xie ta cia, nandri, vanakkam, khop khun khrap.*

YB. TUAN SPEAKER

Khob khun khrab. Terima kasih YB. Kulim. Seterusnya, saya menjemput YB. Alor Mengkudu. Silakan.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Terima kasih, YB. Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil alamin, washolatu wassalamu ala asrofil anbiya-i wal mursalin, wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Dato' Nadzman, SFO (Pegawai Kewangan Negeri) yang baru, tahniah sekali lagi, Yang Berhormat (LA) Pegawai Undang-undang Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, seterusnya sidang hadirin yang dirahmati Allah SWT. Turut bersama kita pada hari ini juga, saya mengalukan kedatangan adik-adik daripada Pemuda Gerakan. Ada setengah kut, tak dak dah, balik dah. Daripada pondok moden dan jugak kolej agama. Robbisrohli sodri wayassyirli amri wahlul uqdatan mil-lisani yafqahu qauli.

YB. Tuan Speaker, terlebih dahulu patik dengan penuh takzim merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan serta Titah Diraja sempena Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah 2026, Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada kali ini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Saya tak bercadang nak bercakap banyak kerana sahabat saya tadi, panjang, lebar, menarik dan saya ucap tahniah pada sahabat dapat laksanakan dengan baik.

Sesungguhnya di bawah naungan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang berdaulat, adil, lagi bijaksana, Negeri Kedah terus menikmati limpahan keamanan yang berkekalan, kemakmuran yang kian berkembang, serta keharmonian rakyat yang sentiasa terpelihara. Hikmah dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam menyantuni aspirasi rakyat serta memberikan nasihat dan panduan kepada pentadbiran negeri amatlah dihargai dan dijunjung tinggi. Ia bukan sekadar menjadi pedoman, bahkan menjadi sumber ilham yang menguatkan tekad kerajaan dalam merangka dasar serta melaksanakan agenda pembangunan negeri secara lebih tersusun, inklusif dan berimpak tinggi. Lebih daripada itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan turut menjadi tunjang kepada usaha memperkasa pembangunan sukan dan belia negeri agar generasi muda Kedah terus dibentuk sebagai pewaris kepimpinan yang berwibawa, berdaya saing dan berjiwa besar selaras dengan aspirasi "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua".

YB. Tuan Speaker, dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai kerajaan kanan negeri yang baru sahaja dilantik memegang jawatan penting di dalam pentadbiran kerajaan negeri ini. Semoga pelantikan ini akan mengukuhkan lagi jentera pentadbiran negeri seterusnya melonjak kecekapan, perkhidmatan serta keberkesanan dasar-dasar kerajaan demi kesejahteraan rakyat. Ucapan tahniah dan syabas juga dizahirkan kepada Yang Amat Berhormat Jeneri, bersama Yang Amat Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri atas kejayaan membina sebuah pentadbiran yang bukan sahaja tersusun, malah bergerak dengan penuh lancar, cekap dan berwibawa selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semasa merasmikan pembukaan Dewan yang mulia ini.

Sesungguhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan itu bukan sekadar satu ucapan perasmian tapi satu isyarat yang jelas, satu amanah yang besar dan satu pengiktirafan yang amat bermakna terhadap komitmen dan serta kepimpinan Yang Amat Berhormat Jeneri dalam mentadbir negeri ini. Ini membuktikan bahawa pentadbiran hari ini bukan sekadar berjalan atas dasar rutin tetapi digerakkan dengan disiplin, kesungguhan dan iltizam yang tinggi demi memastikan Negeri Kedah terus stabil, makmur dan dihormati.

Maka izinkan saya tegaskan di sini, di Dewan yang mulia ini bahawa kejayaan ini bukan datang secara kebetulan tetapi hasil kepimpinan yang jelas, hala tuju yang teratur serta kesatuan jentera pentadbiran yang kukuh dari peringkat tertinggi hingga ke akar pelaksana. Dan lebih penting, inilah yang sedang kita terjemahkan bersama sebuah negeri yang bergerak dengan roh kesatuan, kebersamaan dan kesejahteraan untuk semua. Benarlah sepertimana yang dirakamkan dalam Al-Quran, surah Al-A'raf ayat 96, mafhumnya, *"Dan Tuhan berfirman lagi, sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah dan berkatnya dari langit dan bumi*. *Tetapi mereka mendustakan Rasul kami, lalu kami timpakan mereka dengan azab siksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan".* "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua" bukan sekadar slogan, tetapi sedang dizahirkan dalam tindakan dalam pentadbiran dan dalam setiap keputusan yang dibuat. Kedah hari ini berdiri dengan lebih yakin, lebih tersusun dan lebih dihormati dan insya-Allah akan terus melangkah kehadapan sebagai sebuah negeri yang unggul di bawah naungan Tuanku dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Jeneri.

YB. Tuan Speaker serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, masuk tajuk saya di bawah portfolio sukan, Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026 akan berlangsung pada 15 hingga 26 Ogos 2026 dan merupakan medan paling berprestij di peringkat kebangsaan dalam mencungkil serta mengukur serta menyerlahkan keupayaan sebenar dalam atlet-atlet negara. Bagi edisi kali ini, kontinjen Kedah akan menyertai 35 daripada 37 sukan yang dipertandingkan. 2 sukan yang tidak disertai ialah lawan

pedang dan gimnastik, hasil pertimbangan strategik berdasarkan tahap kesiapsiagaan serta kekuatan semasa kontinjen. Setakat sekarang, saya dikhabarkan ada 32 jenis sukan yang telah melepasi penanda aras dan insya-Allah, 31 sukan dan 4 belum lagi melepasi *benchmark* iaitu bola sepak, bola tampar, bola keranjang dan tenis. Jumlah atlet melepasi *benchmark* sehingga sekarang ialah 177 orang, melibatkan pengurus, jurulatih dan urus setia. Kita meramalkan untuk SUKMA 2026 di Selangor ini, seramai 1,000 lebih akan dihantar ke… maaf. Sehingga kini, seramai 324 atlet telah berjaya melepasi tahap penanda aras *benchmark* yang ditetapkan. Penetapan *benchmark* oleh Majlis Sukan Negeri Kedah (MSNK) dilaksanakan secara ketat, sistematik dan berorientasikan prestasi tinggi bagi memastikan hanya atlet-atlet yang terbaik sahaja yang dapat dihantar ke Selangor untuk pertandingan SUKMA (Sukan Malaysia) ini.

Dalam masa yang sama, pengurusan kontinjen turut berhadapan dengan cabaran peningkatan kos semasa, khususnya melibatkan kenaikan harga diesel dan kos sewaan pengangkutan yang memberi tekanan kepada perbelanjaan keseluruhan temasya. Kita mengharapkan sokongan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Amatlah diharapkan bukan sahaja sebagai tanda kebersamaan tetapi sebagai suntikan semangat kepada para atlet untuk berjuang habis-habisan demi mengharumkan nama Negeri Kedah dengan iltizam, sokongan dan doa semua pihak. Insya-Allah, kontinjen Kedah mampu melakar kejayaan yang membanggakan di pentas SUKMA Selangor 2026, berbanding dengan SUKMA 2024 di Sarawak.

YB. Tuan Speaker dan makluman kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Negeri Kedah terpilih menjadi tuan rumah kepada dua kejohanan peringkat kebangsaan pada tahun ini. Dalam bulan April baru-baru ini, kita telah berlangsung satu Kejohanan Kedah Tennis Malaysian Junior Tour Leg 2 2026 peringkat kebangsaan. Seramai 250 peserta dan para pegawai termasuk waris-waris telah hadir di gelanggang tenis di UUM (Universiti Utara Malaysia) dan kehadiran kesemua hampir melepasi 500 orang. Ini merupakan satu kejayaan di peringkat kebangsaan di atas kepercayaan dan penghargaan yang telah memilih Kedah sebagai tuan rumah.

Kejohanan yang kedua ialah pada minggu ini yang saya rasa sedang berlangsung. Kedah menjadi medan pertempuran bakat muda negara menerusi penganjuran Karnival Bakat Olimpik Kebangsaan (KBOK) Siri 1/2026. Satu pentas yang menghimpunkan atlet-atlet pelapis terbaik tanah air. Sebanyak 9 acara dipertandingkan merangkumi akuatik, renang dan terjun, angkat berat, memanah, skuasy, taekwondo, karate, tenpin boling, serta berbasikal. Kesemua atlet yang beraksi berusia di antara 13 hingga 17 tahun. Atlet muda, bertenaga dan penuh semangat juang membawa harapan masa depan sukan negara. Apa yang lebih membanggakan, kontinjen Kedah tampil garang di gelanggang sendiri apabila berjaya mengumpul sehingga sekarang. Hari ini masih ada lagi perlawanan-perlawanan final. Sehingga kini Kedah berjaya mengumpul 27 pingat emas, 30 perak dan 33 gangsa. Ini bukan sekadar… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu….

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Ya?

YB. TUAN SPEAKER

Tolong bagi laluan kepada Yang Amat Berhormat Jeneri.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Baik.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan di bawah peraturan 12 (1)(a), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2:30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Jeneri dan juga YB. Sungai Limau. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tersebut. Sekian, terima kasih. Teruskan YB. Alor Mengkudu.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Sambungan daripada tadi nah. Lebih manis pasukan tenpin boling Kedah yang saya turut bersama-sama di gelanggang semalam, apabila muncul sebagai juara keseluruhan acara tersebut. Ini merupakan satu pencapaian yang wajar diberikan pujian oleh seluruh rakyat negeri ini. Hari ini merupakan hari terakhir karnival ini. Beberapa acara kemuncak bakal berlangsung, namun demikian, semangat yang telah dipamerkan serta kejayaan yang telah dicapai sepanjang penganjuran ini tidak akan berakhir di sini. Semangat dan kejayaan yang tercipta tidak

akan berakhir di sini. Inilah permulaan kepada lahirnya lebih ramai jaguh negara dari bumi Kedah yang bakal mengharumkan nama negeri dan Malaysia di pentas dunia. Mungkin pemenang pingat emas pertama lahirnya daripada Negeri Kedah, insya-Allah. Inilah bakal-bakal wajah "The Greater Kedah", negeri yang bukan sahaja melahirkan bakat tetapi membina juara, insya-Allah. YB. Jitra, rasa kita dah capai dah, tahap apa kita punya pelan strategik kita tu, insya-Allah kita dah capai "The Greater Kedah", insya-Allah.

YB. Tuan Speaker dan juga Ahli-Ahli DUN, di samping itu, sebagaimana yang pernah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, peranan dan pembangunan belia di Negeri Kedah sentiasa diperkukuhkan melalui penubuhan sebuah badan khas yang mengurus hal ehwal belia negeri diwujudkan di atas nama Sekretariat Belia Sejahtera Negeri Kedah. Antara program besar yang dirancang dan bakal dilaksanakan pada tahun ini adalah Program ADUN Belia Negeri Kedah. Anak-anak Kedah sentiasa diberi peluang untuk bersama-sama membina negeri dengan mengembalikan Adun Belia Negeri Kedah. Program ADUN Belia Negeri Kedah atau singkatannya (ABK) telah dirancang ini yang akan menjadi sebagai platform rasmi latihan kepimpinan untuk mengetengahkan dan menyerlahkan kepimpinan belia negeri yang berfungsi secara berstruktur, berdisiplin dan berimpak tinggi. Program ini juga dijangka mampu menghasilkan objektif berikut. Pertama, melahirkan pemimpin belia yang jelas dan memahami hala tuju perancangan pembangunan negeri secara tidak langsung mampu menjadi agen penerangan dan membantu menjayakan semua dasar dan perancangan kerajaan negeri.

Yang kedua, menyediakan saluran input dasar belia yang berstruktur dan bertanggungjawab. Yang ketiga, menghubungkan isu belia peringkat DUN dengan perancangan negeri. Yang keempat, membina budaya kepimpinan belia yang berintegriti, berdisiplin dan berorientasikan penyelesaian. Dari segi sasaran pelaksanaan program ini, yang pertamanya memilih dan melantik 72 Ahli Dewan Undangan Belia Negeri Kedah yang merangkumi dua wakil daripada setiap DUN, lelaki dan wanita, memberi latihan kepimpinan dan kefahaman dasar negeri secara berpusat dan sistematik, melaksanakan persidangan belia berkualiti berasaskan amalan DUN sebenar, melaksanakan projek komuniti berimpak di peringkat DUN dan yang terakhirnya menghasilkan resolusi dan ringkasan dasar *policy brief* untuk membangunkan, menambah baik dan mencadang kepada kerajaan negeri. Pelaksanaan ADUN Belia Kedah ini selari dengan aspirasi "The Greater Kedah 2050" dan "Pelan Pembangunan Kedah 2035" di bawah teras keempat keseimbangan modal insan dan bakat. Ia diyakini mampu melahirkan barisan pemimpin belia Negeri Kedah yang berintegriti, matang, berpengetahuan dasar, serta mestilah menyumbang kepada pembangunan negeri.

Selain itu, bagi menjawab kenyataan daripada YB. ADUN Sidam, berkenaan dengan isu kenaikan harga barang terutama apabila dunia dikejutkan dengan krisis geopolitik di Timur Tengah serta kenaikan harga minyak global. Kerajaan Negeri Kedah dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah sentiasa melaksanakan pelbagai tindakan proaktif bagi memantau harga barangan serta memastikan peniaga mematuhi undang-undang, khususnya dalam usaha melindungi pengguna daripada kenaikan harga yang tidak bermunasabah. Di peringkat portfolio, sentiasa memantau di samping kita berurusan dengan KPDNKK (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan), kita juga sentiasa bertemu dan berbincang dengan Persatuan Pengguna Negeri iaitu (CAKE) untuk mendapat maklumat dan pemantauan supaya tiada berlaku kenaikan harga yang tidak seimbang.

Untuk makluman, sepanjang tempoh 1 Januari hingga 4 April 2026, KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) Kedah telah menjalankan 31,679 pemeriksaan premis di seluruh negeri. Pemeriksaan ini melibatkan kesemua cawangan utama seperti Alor Setar, Kubang Pasu, Sungai Petani, Baling, Kulim dan Langkawi.

Tindakan ini menunjukkan komitmen tinggi pihak KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) dalam memastikan pemantauan dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan di kawasan bandar mahupun luar bandar. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 460 tindakan kes telah diambil melibatkan pelbagai kesalahan di bawah undang-undang berkaitan perdagangan. Antara cawangan yang mencatatkan tindakan kes tertinggi ialah di Alor Setar dengan 232 kes, diikuti Langkawi, 54 kes, Sungai Petani 50 kes. Ini membuktikan bahawa penguatkuasaan dijalankan secara tegas tanpa kompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan.

Selain itu, KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) Kedah turut melaksanakan operasi rampasan (OPS 555) dengan jumlah nilai rampasan keseluruhan sebanyak RM1,513,363.48. Nilai rampasan tertinggi direkodkan di Kubang Pasu sebanyak RM932,018 menunjukkan keberkesanan operasi dalam mengesan dan mengambil tindakan terhadap barangan yang melanggar peraturan. Keseluruhannya, kerjasama KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) dalam memantau harga barangan di pasaran awam jelas dapat dilihat melalui jumlah pemeriksaan yang tinggi, tindakan kes yang diambil serta nilai rampasan dan kompaun yang dikenakan. Usaha ini penting bagi memastikan kestabilan harga, melindungi hak pengguna dan mengelakkan peniaga daripada menaikkan harga sesuka hati. Ia juga mencerminkan kecekapan dan kesungguhan KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) Kedah dalam menjalankan tanggungjawab penguasaan demi kesejahteraan Negeri Kedah Darul Aman. Sebelum menamatkan penangguhan ucapan… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu ada 6 minit lagi. Boleh teruskan.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Okey. Haa… Nak cerita apa pulak lagi ni?

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Alor Mengkudu, mohon mencelah. Terima kasih. Boleh, YB. Tuan Speaker? Terima kasih YB. Tuan Speaker. Tadi sebelum masuk kepada apa, pengguna tadi ni, YB. Alor Mengkudu ada menyentuh tentang ADUN Belia. Saya tertarik dengan konsep ADUN Belia ni, di mana kita melatih di peringkat Dewan Undangan Negeri, belia-belia untuk menjadi pemimpin di peringkat DUN dan juga di negerilah. Cuma, pada fahaman sayalah, ataupun maklumat yang ada, apakah hubungan ADUN Belia ni dengan pusat khidmat yang kita ada ataupun dia ni dipilih secara rawak oleh peringkat belia negeri untuk berada sebagai ADUN Belia di peringkat negeri dan berbahas berhubung dengan isu-isu yang berlaku. Apakah mereka ini dapat kita latih di peringkat Dewan Undangan Negeri oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat kita yang ada, baik di pihak sini ataupun pembangkang? Mungkin kita kena juga ADUN Belia pembangkang, untuk menjadi semak dan imbang di atas ADUN Belia yang dilantik ini. Terima kasih, YB. Alor Mengkudu.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Terima kasih kepada… YB. Tokai.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tokai!

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Orang lama ni YB. Tokai ni, Ya Allah. Terima kasih kepada YB. Tokai atas soalan. Sebenarnya memanglah, itulah hasrat dan cita-cita kita. Untuk makluman, ADUN Belia ni saya pun tak pasti. Lama dah tak dibuat di peringkat Negeri Kedah ni. Dan insya-Allah ni antara permulaan daripada inisiatif daripada Kerajaan Negeri Kedah di bawah errr… Saya amanahkan, kita amanahkan kepada Sekretariat Belia Sejahtera untuk melancarkan program ini dan sebenarnya, memang itulah hasrat kita. Seperti yang telah dimaklum oleh YB. Tokai tadi, memang hasrat kita inilah sebagai satu hubungan seperti yang saya maklum tadi sebagai menghubungkan isu belia-belia peringkat DUN dengan perancangan Negeri Kedah dan juga di peringkat apa,

peringkat-peringkat ADUN juga, ADUN Belia ni juga sebagai memain peranan di samping orang kata apa, menyediakan segala input dasar belia yang berstruktur dan bertanggungjawab. Dan untuk makluman kepada belia-belia semua di peringkat Negeri Kedah dan juga khususnya di peringkat DUN lah.

Jadi, saya nak ambik kesempatan ni juga pasal masa ni ada lagi ni. Ada 3 minit lagi YB. nah? Untuk makluman semasa lah, kita nak maklum semasa tentang kedudukan, orang tak tanyalah tentang dunia bola sepak hari ni tapi kita nak melonjak kedudukan terkini dunia bola sepak. YB. LA (Pegawai Undang-undang) ni duk tanya saya, pasal apa tak maklum bab bola? Jadi saya nak maklum juga lah keadaan semasa bola sepak hari ini. Kita dalam kedudukan yang agak baik dalam Liga A1, seperti yang kita maklum atas kepimpinan presiden, atas hasrat presiden. Dan insya-Allah, kita akan cuba meletakkan kedudukan kita sehingga habis musim ni dalam kedudukan sekurang-kurangnya 'top 5' lah, 'top 5'. Yang kelima terbaik lah. Tapi apa pun, kita yakin berdasar kepada prestasi semasa, kita yakin kita mampu untuk melonjakkan lebih daripada yang kelima, sama ada tiga atau nombor empatlah. Itu ialah harapan daripada kita semua dan kita mengharapkan perlawanan-perlawanan seterusnya yang saya rasa dalam enam lagi baki perlawanan, kita mengharapkan dapat menghasilkan satu keputusan yang terbaik dan melonjakkan kedudukan kita di tempat terbaiklah. Ini hasrat kita di peringkat tu.

Dan untuk makluman juga, kita telah ditawarkan untuk menyertai pasukan presiden. Presiden ni sebenarnya ditawar kepada pasukan utama di liga utama, tapi disebabkan atas prestijnya pasukan Negeri Kedah ini. Jadi atas kemahuan, atas kelebihan yang ada pada nama Kedah tu sendiri. Jadi kita A1 ditawar dan insya-Allah kita akan memulakan perlawanan kita yang pertama pada hari Ahad ni. Hari Ahad ni kita akan bertemu Selangor di Selangor lah, di Shah Alam. Dan insya-Allah, kita mengharapkan selepas kita ada pertemuan dengan anak-anak di perantauan, saya ingat EXCO dan juga ADUN-ADUN jangan baliklah. Tolong bantu kita, tolong bagi sokongan kepada Pasukan Kedah yang akan bertanding buat pertama kali dengan Pasukan Selangor di Shah Alam. Dan itulah, saya ingat sedikit sebanyak tentang bola sepak. Dan sebelum menamatkan penangguhan saya pada pagi ini, ada dua pantun, YB. Tuan Speaker.

Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan,
Sidang dirasmi penuh restu,
Negeri gemilang jadi harapan.

Burung helang terbang tinggi,
Hinggap sebentar di pokok sena,
Sidang berjalan penuh harmoni,
Bersama membina Kedah Sejahtera.

Akhir kata, saya dengan penuh takzim menjunjung kasih dan turut menyokong sepenuhnya Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman sempena sidang Perasmian DUN Kedah 2026 Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Wallahualam, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Alor Mengkudu. Memang dia punya pengurusan masa dia tu saya tengok cukup hebat. Tepat jam 1.00. Jadi tahniahlah. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]

[Sidang Dewan Undangan Negeri disambung pada jam: 2.30 petang]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Dewan disambung semula dengan sambungan usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sehingga selesai. Penggulungan. Dipersilakan Yang Berhormat Kubang Rotan.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi rabbil alamin, wassola tuwassala muala asrofil ambiya iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajmain. YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Pegawai Kewangan, Penasihat Undang-undang, Ketua-ketua Jabatan dan Hadirin yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah sama-sama kita merafakkan kesyukuran kita ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan izinnya dapat kita bersidang pada hari ini dalam suasana segar, bernas dan matang. Pada kesempatan ini saya ingin merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas titah ucapan Tuanku sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Kali Yang Ke-15 ini.

Titah Kebawah Duli Tuanku yang menyentuh keperluan agar Kerajaan Persekutuan terus memperkukuh sokongan terhadap pembangunan Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama negara dengan meneliti serta mengambil langkah penambahbaikan yang sewajarnya termasuk mempertimbangkan semakan dan kajian semula terhadap kadar subsidi diesel kepada pengusaha feri dan seruan Tuanku, agar Kerajaan Persekutuan pertimbangkan untuk mengembalikan semula status Pulau Langkawi sebagai "Pulau Bebas Cukai" dengan keistimewaan-keistimewaan yang pernah dinikmati sebelum ini, adalah suatu pandangan yang amat bertepatan dengan keperluan semasa.

Patik dengan penuh takzim menjunjung tinggi titah tersebut dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan Kebawah Duli Tuanku terhadap pembangunan Negeri Kedah Darul Aman. Patik percaya bahawa aspirasi ini turut dikongsi oleh seluruh rakyat negeri ini yang mengharapkan kemakmuran yang lebih menyeluruh dan berterusan.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya meneruskan penggulungan, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan sepanjang tiga hari ini, terutamanya yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan portfolio pelancongan, kebudayaan, dan juga keusahawanan yang telah diamanahkan kepada saya.

Semalam ini YB. Tuan Speaker, saya menjawab soalan nombor 4, soalan tersebut daripada YB. Guar Chempedak. Sepanjang saya menjawab soalan tersebut, sekalipun saya tak beralih ke belakang ini. Jadi, secara khusus saya ingin merakamkan penghargaan paling istimewa kepada Yang Berhormat Guar Chempedak yang sentiasa menunjukkan komitmen dan keprihatinan terhadap pembangunan sektor pelancongan negeri. Jika diimbas, setiap kali Persidangan DUN hampir ada soalan-soalan daripada YB. Guar Chempedak untuk saya jawab. Jadi, terima kasih lagi sekali kepada YB. Guar Chempedak.

YB. Tuan Speaker, semalam juga ni saya agak terkejut apabila YB. Bayu menyentuh RM7 juta yang diperkatakan yang diperoleh daripada pihak saya daripada MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture), dan Yang Berhormat Bayu juga meminta saya menjelaskan secara terperinci peruntukan tersebut di mana digunakan. Saya pun mencari-cari dari mana angka RM7 juta yang YB. Bayu sebutkan. Jadi saya balik-balik fikir saya teringat lah, mungkin ada *posting* saya berkaitan saya ada menerima *mock cheque* yang bernilai RM6.135 juta daripada KSU (Ketua Setiausaha) MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture) yang telah berkunjung ke pejabat saya. Apakah benar itu yang dimaksudkan oleh YB. Bayu? Oh! Kalau itu, perlu saya memberi penerangan di sini.

Untuk makluman YB. Bayu dan Dewan yang mulia ini, wang RM6.135 juta yang tertera pada *mock cheque* itu bukanlah untuk portfolio saya, jumlah berkenaan adalah peruntukan bagi permohonan projek fizikal bagi kerja-kerja Pemulihan, Pemuliharaan Ubah Suai dan Naik taraf atau pun singkatan dia kita sebut PPUN. Sebagai maklumat tambahan, PPUN (Pemulihan, Pemuliharaan Ubah suai dan Naik taraf) ini telah diperkenalkan oleh MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture) untuk membantu jabatan dan juga agensi-agensi Negeri dan juga Persekutuan untuk menambah baik infrastruktur bangunan pelancongan yang sedia. Permohonan PPUN (Pemulihan, Pemuliharaan Ubah suai dan Naik taraf) ini akan dibuka setiap tahun dan pihak MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture) akan memaklumkan kepada BPEN (Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri) dan pihak BPEN (Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri) juga akan menyalurkan maklumat ini kepada agensi dan juga jabatan-jabatan di negeri termasuklah ke PBT (Pihak Berkuasa Tempatan). Apabila BPEN (Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri) penerima permohonan daripada agensi, PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) ataupun semua jabatan-jawatan agensi ini,

BPEN (Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri) akan menyemak terlebih dahulu, yang memenuhi kriteria yang ditetapkan, juga menyusun. Menyusun apa? Menyusun dari segi keutamaan projek ataupun peruntukan yang dipohon. Dan untuk makluman juga, di BPEN (Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri) akan duduk bersama dengan MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture) negeri untuk menyusun keutamaan ini.

Seterusnya permohonan-permohonan ini akan diangkat oleh MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture) negeri ke MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture) HQ, dari situlah pertimbangan yang dibuat daripada pihak HQ, dan apabila permohonan tersebut diluluskan, peruntukan akan disalurkan melalui *EFT (Electronic Funds Transfer)* terus ke akaun jabatan ataupun agensi yang mohon. Apa yang saya terima tu Yang Berhormat Bayu, hanyalah simbolik, tak lebih tak kurang, saya mengharapkan penjelasan itu pihak YB. Bayu berpuas hati, sedikit saya sentuh di sini, tidak ada lagi… (YB. Bayu mencelah)

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

YB. Tuan Speaker, bukanlah ni, nak tambah sikit saja. Terima kasih di atas penjelasan daripada YB. Kubang Rotan, yang mana kami ni sahabat salah faham sikit kut tadi kan. Cuma, RM6 juta ni adalah Program Pemeliharaan Pemulihan Ubah Suai Struktur Pelancong di kawasan yang terjejas. Cuma, lepas ni saya minta YB. Kubang Rotan dan juga kerajaan negeri tengok-tengok samalah di Baling, sebab infrastruktur pelancongan di Baling tu dah banyak yang uzur, yang banyak rosak. Semasa banjir melanda tempoh hari, banyaklah tempat-tempat pelancongan tu rosak, kalau boleh lepas ni utamakanlah sebab Baling ni sebagai apa ni, daerah ekopelancongan, kalau boleh utamakan yang tulah. Terima kasih banyak YB. Kubang Rotan atas penjelasan.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Terima kasih YB. Bayu. PPUN (Pemulihan, Pemuliharaan Ubah suai dan Naik taraf) ini permohonannya melalui agensi ataupun jabatan seperti PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) tu sendiri. Saya percaya, kalau peruntukan awal yang YB. Bayu maksudkan itu tidak ada daripada Majlis Daerah Baling, sebenarnya ada lagi senarai-senarai yang lebih apa, dilihat dan diberi keutamaan dari segi impak dia kepada ekonomi setempat dan juga produk tersebut. Dan untuk makluman YB. Bayu, PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) daripada Baling ni ataupun Majlis Daerah Baling ni antara Majlis Daerah yang paling aktif dan di antara daerah-daerah yang paling hebat dari

segi pelancongannya. Selepas Langkawi, saya boleh katakan di tanah besar ni adalah Baling. Jadi Baling perlu berbangga kerana duduk di kawasan yang aktif, yang melihat kesungguhan untuk membangunkan sektor pelancongan negeri, apapun terima kasih kepada YB. Bayu.

YB. Tuan Speaker, semalam juga YB. Lunas ketika bangun membuat celahan membangkitkan soalan adakah kerajaan negeri di bawah portfolio pelancongan mempunyai Laporan Audit Kejayaan Tahun Melawat Kedah 2025. Terima kasihlah kepada YB. atas soalan yang bernas itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang tidak terdapat audit formal yang khusus bagi kempen Tahun Melawat Kedah 2025. Dan perkara ini bukan hanya berlaku di Kedah, malah merupakan amalan yang sama di negeri-nilai di Malaysia. Namun begitu, ketiadaan audit khusus tidak bermaksud ketiadaan mekanisme penilaian, kerajaan negeri tetap menilai prestasi kempen ini secara menyeluruh, berdasarkan data dan indikator yang sahih serta diiktiraf di peringkat nasional, antaranya termasuk lah data rasmi daripada DOSM (Department of Statistics Malaysia) dan juga MOTAC (Ministry of Tourism, Arts and Culture) yang menggunakan metodologi statistik standard dan turut diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan, dalam merangka dasar serta hala tuju sektor pelancongan negara.

Selain itu, kerajaan negeri juga mengambil kira indikator sokongan industri seperti jabatan dan agensi-agensi kerajaan, pemain-pemain industri serta badan bukan kerajaan. Daripada sumber-sumber ini, kita memperoleh gambaran yang jelas dan berasaskan realiti lapangan terhadap prestasi kempen yang dilaksanakan. Apa yang lebih penting bukan semata-mata level audit, tetapi ketepatan data, keseragaman metodologi dan impak sebenar kepada ekonomi serta rakyat. Dalam hal ini, kerajaan negeri yakin bahawa angka-angka yang dibentangkan adalah berasaskan sumber yang berautoriti, telus dan boleh dipercayai.

Justeru, Tahun Melawat Kedah 2025 dilihat, dinilai bukan sahaja memberi angka statistik, tetapi juga melalui kesan langsung kepada industri pelancongan, peluang ekonomi kepada rakyat dan peningkatan daya tarikan Negeri Kedah sebagai destinasi pelancongan. Yang lebih penting, TMK 2025 (Tahun Melawat Kedah) bukanlah kempen secara *one off* tetapi ia adalah permulaan kepada era baru pelancongan di Negeri Kedah, dan yang dijangka akan terus dirancakkan lagi pada tahun ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, semalam juga YB. Kota Siputeh yang sentiasa berpandangan jauh turut bertanya mengenai sama ada kerajaan negeri melihat kemungkinan menjadikan Langkawi sebagai destinasi baru *medical tourism* (dengan izin) atau pelancongan kesihatan. Sebagai perkongsian dengan Dewan yang mulia ini, *medical tourism* adalah satu kluster pelancongan yang

telah lama berada di dalam industri ini. Namun begitu tidak semua negeri, mahupun daerah yang mempunyai kemudahan tersebut yang bertaraf antarabangsa, yang mampu menarik kunjungan pelancong-pelancong dari negara luar. Pelancongan kesihatan bermaksud aktiviti seseorang itu ke sesuatu destinasi, dengan tujuan utama untuk mendapatkan rawatan kesihatan, penjagaan perubatan atau meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental. Malaysia terkenal sebagai destinasi pelancongan kesihatan kerana mempunyai hospital yang moden, doktor pakar dan kos rawatan yang *competitive* berbanding negara lain. Di Kedah pula, kerajaan negeri dalam perancangan untuk menerapkan dua elemen utama iaitu perkhidmatan kesihatan moden, hospital, klinik, rawatan pakar serta tarikan alam semulajadi dan rekreasi, gunung, pantai, pulau, dan sawah padi. Kerajaan negeri juga melihat pelancongan kesihatan sebagai berpotensi besar terutama berasaskan alam semula jadi dan warisan selaras dengan *trend* global masa kini.

Langkawi juga pada dasarnya mempunyai segala apa yang diperlukan untuk menjadi destinasi pelancongan kesihatan dan kita yakin ia akan bergerak ke arah itu apabila tiba masanya nanti. Dan mengenai YB. Kota Siputeh sebagai alternatif, saya melihatnya sebagai cadangan yang menarik dan wajar diberikan perhatian, dengan pandangan jauh dan iltizam yang kuat, gerak boleh disusun dan langkah boleh diatur.

YB. Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada pertanyaan dari YB. Bakar Arang, mengenai perbezaan antara pelancong dan pelawat dan kemudian nak jelaskan juga beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beliau. Untuk makluman YB. Bakar Arang, dalam sektor pelancongan ni secara amnya istilah pelancong biasanya merujuk kepada individu yang hadir ke satu-satu lokasi dan bermalam di kawasan berkenaan, manakala pelawat pula merujuk kepada pihak yang hadir singgah dan tidak menginap di kawasan tersebut. Kepada soalan YB. Bakar Arang sama ada definisi sebenar pelancong atau pelawat digunakan dalam pengiraan jumlah pelancong ke negeri ini, saya boleh katakan begini, kita mengambil kira semua aspek, kerana sama ada individu berkenaan seorang pelawat atau pelancong, mereka tetap hadir dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi di negeri ini. Sebab itulah kalau disemak balik semua ucapan-ucapan saya, baik di Dewan ini mahupun di mana juga, saya sering menggunakan istilah pelancong dan pelawat sebab kedua-duanya sama penting.

YB. Bakar Arang juga mendakwa kononnya terdapat keraguan terhadap angka 7 juta pelancong sepertimana dinyatakan semalam. Kedah telah menerima sebanyak 6.9 juta pelancong dan 14.7 juta pelawat pada tahun 2024, yang dikeluarkan oleh DOSM (Department of Statistics Malaysia) pada Jun 2025.

Jadi YB. Bakar Arang, di mana peliknya angka 7 juta itu kalau tahun sebelumnya angka kehadiran pelancong memang dah cukup tinggi. Memanglah 7 juta pelancong itu persamaan dengan 20,000 sehari, kita memang tak nampak selonggok, selonggok depa tu macam kita nampak longgok buah durian lah YB. Bakar Arang. YB. Bakar Arang sendiri faham kut kita buat majlis kenduri kita tak kira tetamu cara selonggok macam tu, kita kira dari saat buka majlis sampai habis majlis. Ada ketikanya tak penuh khemah, ada ketikanya orang kata apa melimpah keluar khemah tu. Lagi satu, 20,000 orang tu sebuah negeri yang ada 12 daerah ni bukanlah banyak, lebih kurang 1,600 sahaja satu daerah.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Kubang Rotan!

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Dan kita kena faham bukan semua 20,000 itu pelancong luar… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tokai bangun YB.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Ya?

YB. TUAN SPEAKER

Bagi laluan?

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Kubang Rotan boleh? Boleh ambil masa sikit?

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Boleh! Boleh!

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya tertarik apabila YB. Kubang Rotan menjawab soalan YB. Bakar Arang berhubung dengan jumlah pelancong ataupun pelawat.

Apabila kita menilai sesuatu tetamu yang datang tu terutamanya dalam industri pelancongan ni, kita kena ada kualiti dan juga kuantiti pelancong itu, terutama sekali bila YB. Kota Siputeh menyebut tentang apa perubatan *medical tourism* ni kan. *Medical tourism* ni antara apa, kualiti pelancong yang memberi banyak dana kepada sesuatu industri pelancongan itulah. Dan sekarang ni Pulau Pinang merupakan negeri yang mendapat hasil banyak dari segi *medical tourism* ni dan Langkawi dikatakan mempunyai potensi. Jadi bila sebut tentang potensi *medical tourism* ni dia mesti mempunyai rangkaian-rangkaian apa kita kata kemudahan yang lainlah, pertamanya kalau Langkawi mesti ada jalinan perhubungan ya, kita dah ada antarabangsa apa Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan juga masalah yang kemungkinan perlu diselesaikan adalah ambulans feri untuk pengangkutan *medical emergencies* ini.

Jadi, apakah selama ini, setakat ini pihak EXCO mempunyai statistik berapa ramai yang datang dari segi kualiti pelancong yang sampai ke Negeri Kedah ini dan juga dari segi bermalamnya berapa malam depa duduk di Negeri Kedah ini dan saya mendapat keluhan daripada pelancong daripada Arab, terutamanya menggunakan feri ya, biasanya Arab ni dia bawa barang banyak, dia duduk banyak hari, barang banyak. Teksi kita yang ada di Kuala Kedah tu dia tak muat, dia terpaksa ambil 2 teksi untuk 1 keluarga, beg dia besar-besar, orang dia pun besar-besar kan. Jadi apa persediaan kitalah untuk menerima pelancong yang berkualiti ini bukan setakat kuantiti. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. EXCO.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker..

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bakar Arang bangun YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker. Terima kasih kepada YB. Kubang Rotan tadi menjelaskan berkenaan dengan perbezaan pelawat dan juga pelancong. Tapi saya lihat di sini sebab kalau kita bagi satu contoh macam semalam saya bahas, di mana kalau satu orang dia dari Kuala Lumpur dia *just* melepasi Kedah pergi ke Thailand, adakah itu kira sebagai pelawat? *So*, saya rasa dalam konteks terutama bila kita nak

kira berapa pelancong datang ke negeri kita, saya rasa memakai pelan jumlah pelancong adalah lebih sesuai. Okey, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Baik, terima kasih YB. Bakar Arang, terima kasih YB. Tokai. Dia macam ni, macam ni. Bila YB. Tokai tanya tadi, apakah persediaan kita dan sebagainya saya jawab YB. Tokai sekejap, sebab itu saya sering katakan bahawa tahun 2025 adalah tahun permula dalam usaha kita untuk merancakkan sektor pelancongan dalam negeri. Kita semua kena adil dengan diri kita, kalau kita *compare* dengan Penang, dengan Melaka yang mereka dah berpuluh tahun membuat persediaan itu. Sebab itulah bermula tahun lepas kita bersungguh-sungguh dengan harapan, jadi sambung dengan semangat itu pada tahun ini, sebab itu di antara yang berjayanya yang kita nak buat ini, kalau kita boleh di awal ni pun yang jawapan saya semalam tentang *tourism mindset* ini pun dah cukup hebat okey, kita nak perbetulkan dengan rakyat kita ini betapa pentingnya pelancongan ini dan kita nak melihat ianya adalah satu sektor ekonomi yang dapat memberi manfaat kepada semua orang, itu yang pertama okey.

Dan juga, semalam juga ada kalau tak silap tanya tentang kelemahan-kelemahan. Kita memang mengakui kita dapat kenal pasti beberapa kelemahan dan inilah yang akan kita ambil tindakan, kita akan menambah baik dari semasa ke semasa dan juga permulaan daripada tahun lepas inilah kita mengharapkan lebih banyak lagi pelaburan dan berbalik kepada soalan dari YB. Kota Siputeh kita mengharapkan Langkawi juga akan menerima pelaburan khusus, kalau tentang *tourism* kesihatan ini nak bagi tahu. Jadi, saya harap sedikit sebanyak itu dapat jawab serba sikit.

Dan kepada YB. Bakar Arang dan juga kepada YB. Tokai cakap tadi pelancong berapa malam yang tidur, bermalam di negeri kita ni. Kebetulan dua hari lepas, sebenarnya kita tengah menunggu statistik daripada DOSM (Department of Statistics Malaysia) berapa banyakkah pelancong dan pelawat yang masuk ke dalam Negeri Kedah ini dan juga daripada Tourism Malaysia, kebetulan 2 hari lepas Tourism Malaysia ada keluarkan statistik, yang ni kita boleh pakai statistik ni daripada Tourism Malaysia. Okey, kalau boleh saya bacakan di sini, bagi tahun ini kalau domestik yang duduk yang bermalam di hotel ini adalah hotel yang berdaftar dalam Negeri Kedah ini dengan Tourism Malaysia okey. 2025 jumlah dia adalah 3,121,208, tiga juta seratus dua puluh satu ribu okey, berbanding dengan 2024 iaitu 2.876 juta peningkatan dia. Kalau daripada segi *foreigner* pula tahun 2025 ini adalah 2,109,996 juta berbanding dengan 2024, 1,945,168. Makna kata ini adalah angka rasmi yang dikeluarkan oleh

Tourism Malaysia yang boleh kita guna tajuk ini, menunjukkan ada peningkatan, ini yang berdaftar dengan Tourism Malaysia. Masih banyak lagi tempat-tempat, *homestay*, hotel-hotel yang tidak berdaftar yang tidak dikira dalam ini.

Berbalik kepada YB. Bakar Arang, YB. Bakar Arang saya duk terngiang-ngiang, seperti YB. Bakar Arang cakap semalam 20,000 satu hari ini. 20,000 satu hari ini, kita kena faham bukan semua 20,000 itu pelancong luar, duk karang tadi ni, ia termasuk pelancong atau pelawat domestik, contohnya orang YB. Bakar Arang buat rombongan pi buat lawatan di *port* Padang Garam Kubang Rotan, depa tak bermalam di sana, lepas tu depa makan Gulai Temenung di Kuala Kedah. Depa juga dikira sebagai pelawat kerana mereka melancong, depa mai nak tengok keindahan kawasan Kubang Rotan ni, depa juga dikira sebagai pelawat, sebagai contoh.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi Yang Berhormat.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Hah?!

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi!

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

5 minit lagi? Banyak lagi YB. Tuan Speaker!

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

Kerat lah, kerat.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Nak kerat noh? Okey. nak kerat senang saja YB. Tuan Speaker, nak karang ni yang payah. Tak apalah saya kerat noh. Okey tak apalah saya kerat terus lah. Ingin saya nyatakan kepada YB. Bakar Arang dan seluruh Ahli Dewan yang mulia ini, bahawasanya *impact* kepada perbelanjaan pelancongan ini amat besar kepada Negeri Kedah kerana ia memberi kesan langsung kepada penduduk negeri ini, kerana transaksi aliran kewangan ini berlaku secara terus kepada rakyat berbanding industri lain yang pendapatannya berada di ruang lingkup di sekeliling mereka terlebih dahulu. Saya terus *jump* tu, pendapatan kita sekitar RM7 bilion itu.

Sahabat kita YB. Kuah semasa membahaskan Titah Diraja semalam turut menyentuh beberapa perkara yang melibatkan Pulau Langkawi dengan sektor pelancongan. Antaranya status daripada cukai, keperluan menaik taraf terminal feri, akses ke Langkawi dan jadual perkhidmatan feri yang tidak menentu. Saya bersetuju dengan YB. Kuah bahawa kebanyakan perkara ini merupakan isu-isu sama dan lama yang dibangkitkan setiap tahun. Namun, kerana sebahagian besarnya pada di luar bidang kuasa kerajaan negeri, apa yang boleh kita lakukan hanyalah terus bersuara mengenainya sehingga ada yang mendengar suara kita inilah.

Dalam hal ini, saya rasa nak sentuh sikit mengenai perkhidmatan feri yang sememangnya terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Saya berpandangan bahawa langkah-langkah drastik perlu diambil bagi menangani isu ini dalam erti kata sebenar. Pertama perspektif kita terhadap perkhidmatan feri di Langkawi perlu diperbetulkan. Bagi Langkawi, feri bukan sekadar sebahagian daripada produk pelancongan, ia sebenarnya merupakan pengangkutan awam yang menjadi nadi kehidupan penduduk-penduduk di pulau itu. Jadi operasinya tidak boleh sepenuhnya berorientasikan perniagaan, kerana ia juga adalah tentang perkhidmatan kepada rakyat. Apabila tentang perkhidmatan kepada rakyat bermakna, aspek keuntungan komersial menjadi perkara kedua. Cara perlu dicari dan langkah perlu diambil bagi memastikan perkhidmatan itu terus berjalan lancar kerana ia adalah hak rakyat untuk menikmatinya.

Mengenai usaha mempromosi Langkawi, kita di peringkat Negeri Kedah telah melakukan segala yang terdaya sesuai dengan kedudukannya sebagai permata negeri ini. Pihak LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi) juga setahu saya melakukan usaha yang sama, namun saya bersetuju dengan YB. Kuah bahawa seiring dengan berjalannya Tahun Melawat Malaysia 2026 yang sedang berlangsung sekarang usaha mempromosi Langkawi di peringkat global harus dilipatgandakan.

YB. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat, akhir sekali izinkan saya menyentuh satu perkara yang mungkin tidak tertera dalam mana-mana laporan rasmi, tidak diukur oleh statistik dan tidak dinilai melalui angka-angka peruntukan tetapi hakikatnya merupakan asas paling penting dalam kejayaan sektor pelancongan negeri kita, iaitu *mindset* dan jiwa kita sebagai rakyat negeri ini. Kita boleh merancang pelbagai program, meluluskan peruntukan sebanyak yang mampu, membina infrastruktur yang hebat, dan melaksanakan kempen promosi yang agresif, namun semua itu tidak akan membawa makna yang sebenar sekiranya kita sendiri tidak mempunyai *tourism mindset* yang betul.

Dari sudut psikologi saya percaya bahawa kekuatan sebenar sektor pelancongan bukan terletak pada wang ringgit semata-mata, tetapi kepada sikap kefahaman dan kesediaan rakyat untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem pelancongan itu

sendiri. Apabila rakyat kita mesra, bangga dengan negeri sendiri, menjaga kebersihan, menghargai warisan dan melihat kehadiran pelancong sebagai satu peluang, maka di situlah sebenarnya kita sedang membina kekuatan yang tidak boleh dibeli dengan apa juga peruntukan sekali pun.

Saya juga nak ambil kesempatan ini, untuk merakamkan setinggi tahniah kepada Penganjuran Bendang Antarabangsa Matang Kenanga. Pesta Bendang Antarabangsa Matang Kenanga yang telah dianjurkan pada 9 hingga 11 hari bulan, yang dianjurkan oleh Daerah Kubang Pasu yang mendapat liputan luas media tempatan dan antarabangsa dan juga berjaya, mengangkat budaya Kedah di peringkat antarabangsa, yang mana program tersebut telah melibatkan 22 buah negara. Jadi tahniah, terutama adalah kawasan YB. Ayer Hitam, YB. Ayer Hitam sentiasa memberi sokongan penuh kepada program kebudayaan yang macam tu, tahniah saya ucapkan.

Sebab itu saya ingin menyeru kepada seluruh rakyat Kedah marilah kita terus menyuburkan *tourism mind* ini, jadikan dia sebagai satu budaya, satu cara hidup, satu pemikiran bersama. Jangan kita lihat pelancongan ini hanya sebagai tanggungjawab kerajaan atau agensi semata-mata, hakikatnya setiap daripada kita adalah duta kepada negeri ini sama ada kita sedar ataupun tidak. Jika *mindset* ini dapat kita kekalkan dan perkasakan, saya yakin apa juga cabaran yang datang sektor pelancongan Kedah akan terus berkembang dengan lebih mapan dan berdaya tahan, kerana akhirnya pelancongan bukan sekadar tentang tempat yang kita ada, tetapi tentang bagaimana kita mempersembahkan negeri ini kepada dunia. Dengan segala usaha yang telah dan sedang dilaksanakan dengan sokongan padu daripada semua pihak serta dengan semangat dan iltizam rakyat negeri ini, saya menaruh keyakinan yang tinggi bahawa sektor pelancongan Kedah akan terus melonjak ke tahap yang lebih membanggakan. Dan insya-Allah, Kedah bukan saja akan kekal sebagai destinasi pilihan, tetapi akan muncul sebagai antara pemain utama dalam industri pelancongan negara dan serantau.

Akhir sekali, saya dengan ini menyokong dan menjunjung Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. YB., lebih seminit saja, tak pa. Seterusnya dipersilakan YB. Suka Menanti. Dipersilakan.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

A'uzubillahi minassyaitonnirajeem Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillahirrabbil 'alamin wassalatu wassalam mua'ala asyrafil anbiya'i wal mursalin wa'ala 'alihi wasohbihi ajma'in. YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Dato' Pegawai Negeri Kedah, Yang Berhormat Penasihat Undang-undang, Pegawai-pegawai Daerah, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita masih lagi dapat menjalankan tanggungjawab dan amanah rakyat dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari ini dengan keadaan sihat walafiat.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun, izinkan patik mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman di atas Titah Ucapan Sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-15 pada 13 April yang lalu. Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah memberi panduan serta arah tuju yang jelas kepada patik-patik semua dalam melaksanakan amanah memakmurkan Negeri Kedah Darul Aman khususnya dalam usaha meningkatkan produktiviti hasil padi melalui inisiatif tanaman padi 5 kali 2 tahun, pembangunan benih padi yang lebih bermutu tinggi dan juga skim penanaman padi dan estet serta pengurusan sumber air yang lebih efisien agar kelangsungan sektor pertanian dapat diuruskan secara mampan. Juga agar negeri Kedah benar-benar menjadi "Jelapang Padi Negara". Patik menurut perintah.

Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah di atas kepemimpinan yang jelas, komited dan berwawasan dalam memacu pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat. Tidak lupa juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dengan penuh tanggungjawab, memberikan pandangan, teguran, serta cadangan yang membina demi membangunkan Negeri Kedah yang kita cintai ini. Ada tanaman baru pulak timbul, taugeh pulak, kiqa duk cakap pasai taugeh pulak hari ni (sambil ketawa).

Berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan negeri telah dan sedang mengambil langkah proaktif dengan kerjasama agensi-agensi Persekutuan dan pihak berkepentingan bagi mencari penyelesaian yang menyeluruh dan berkesan.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada jentera pentadbiran negeri yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Seri Setiausaha Kerajaan Negeri bersama-sama pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang selama ini telah bertungkus-lumus dalam merangka serta melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi memastikan rakyat Negeri Kedah mendapat bantuan dan manfaat yang sewajarnya yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Saya berharap, semangat kerjasama ini akan terus dikekalkan demi memastikan segala dasar dan inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar, efisien, dan memberi manfaat yang menyeluruh kepada seluruh rakyat negeri ini, insya-Allah.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, menyentuh berkenaan dengan isu padi. Panaih ni pasai padi. Semua cakap pasai padi, pasai negeri kita ni Jelapang Padi. Cerita soal padi ni YB. Tuan Speaker, letih dah. Pada pesawah petani kita ni, letih dah. Minyak dekat tiga empat ringgit pun depa mengah dah, senak dah. Ni tambah minyak RM6.72, perasan pakat cirit dah puak tu… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Mabuk terus!

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

Ada. Penat habis dah, tinggal tak pengsan rebah dalam bendang saja. Depa nak hempuk apa lagi atas kepala pak bendang kita pun tak tau, wallahualam, macam-macam dah. Seperti disebut YB. Tokai, di Langkawi, tempat YB. Tuan Speaker sendiri, lebih seribu lebih pesawah dah buat pengumuman tak mau buat bendang dah. Tak kata kat depa la YB. Tuan Speaker, kalau kita pun kita tak mau buat bendang. Sapa nak buat bendang kalau rugi? Sapa pun dalam Dewan ni takkan mau meniaga aih, takkan mau buat benda yang merugikan. Takkan! Tanya lah sapa pun, kut-kut ada soqang yang boleh angkat tangan nak meniaga apa yang rugi, mau ka? Tak dak sapa mau aih! Kadang-kadang jadi terpikiaq juga ni, hangpa pikiaq macam mana ni? Oqang buat bendang, bendang ni tanam padi, padi tu menghasilkan beras, beras tu dimakan oleh seluruh rakyat di negara kita ni! Beras ni adalah makanan asas.

Siapa-siapa tadi dah ada yang pekena dua tiga bungkus nasi lemak, nasi jugak. Lepaih kena nasi lemak, depa keluaq pulak makan tengah hari, nasi lagi. Satgi malam depa tibai nasi lagi, makan malam. YB. Sidam berapa bungkuih hari ni? YB. Kuala Ketil 4 bungkuih nasi lemak *(dewan tertawa)..*haa kan, makan pulak nasi. Balik malam satgi tak makan, orang rumah tanya, “eh, makan tang mana pulak ni tak makan di rumah?” Jadi kena makan pulak. Sat lagi pukul 10:00 pukul 11:00 ada kawan pula telefon, “eh hang duk buat apa ni, jom pekena nasi mamak”. Nasi lagi! Pagi, petang, siang, malam makan nasi. Nu, orang yang duk buat bendang menyediakan beras

untuk kita tu, depa sekarang ni tertekan! Tidoq tak lena! Berapa ramai dah tu yang jumpa saya, "YB. kami musim ni, kami tak mahu buat dah". Saya tanya pasal apa? "Makan modal!"

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, untuk mengeluarkan atau menghasilkan satu tan satu matrik tan padi, kos dia RM1,500. Kilang beli berapa duit? RM1,500 juga! Bawak hasil balik asal. Tak tau la Siam kata apa kan? *Nang putinang kui patikui.* Siapa nak buat? Tak ada siapa nak buat aih! Nu, tengah matahari lit-lit nu, turun pi buat bendang. Sudah tu, bukan boleh buat hari ni macam YB. Kubang Rotan kata tanam taugeh tu. Ni nak kena tunggu empat bulan, empat bulan setengah baru dapat hasil. Kut celah tu tikus mai lah, segala serangga mai lah, padi angin lah, padi rebah la apa semua, tak tentu lagi, kemarau lagi. Taugeh tak palah kan, 3 hari saja. Nak kena tengok pula, peqasan ini tanam taugeh pula kut. Haa.. kan?

Dan depa minta tu bukan minta yang bukan-bukan, minta untuk depa ni nak *survive* saja, supaya depa buat bendang tak rugi! Bukan nak minta supaya depa boleh beli kereta Mercedes, dak! Bertahun dah depa merana, bertahun dah! Ni Alhamdulillah, dengan peruntukan yang sedikit yang bawah portfolio saya, saya bagi tu, mesin kisar padi. Seronok YB. Tuan Speaker, "Alhamdulillah, terima kasih YB, lama dah kami tak boleh rasa ni beras yang kami tanam ni selama ni. Ada mesin kisar padi ni boleh pi kisar padi yang kami tanam, dapat kami rasa beras kami, lama dah kami tak rasa". Itulah antara usaha-usaha kerajaan negeri nak bantu petani pesawah, nak bagi depa seronok sikit. Depa pun nak rasa nikmat macam kita juga rasa macam ni. Pakat boleh ada kereta masing-masing, depa pun nak juga, bukan depa tak mau, sapa tak mau.

Ni orang buat bendang, baru-baru ni depa pernah buat perjumpaan secara aman, bukan buat demo pun, nak minta kerajaan tengok balik, apa bantuan yang patut dibagi dengan kenaikan harga minyak yang mendadak. YB. Tuan Speaker, Kerajaan Pusat boleh naik harga minyak dalam tempoh sebulan saja kan? Dekat sekali ganda, tapi harga jualan padi jenuh! Pesawah-pesawah jenuh nak kena pi minta! Merayu! Tu pun naik daripada RM1,300, naik RM200, pi sampai RM1,500. Mana nak cukup nak *cover* modal dengan kenaikan kos yang begitu tinggi, takkan boleh *cover* aih!

Jadi YB. Tuan Speaker, saya merayu lah bagi pihak petani pesawah kita ni, pihak Kerajaan Pusat tengok balik betul-betul. Perkara ni bukan kata berlaku tahun ni, dah bertahun dah, benda ni, isu orang buat bendang ni isu lama. Tapi masalah-masalah yang agak serupa berulang kali berlaku. Seperti yang disebut YB. Jitra, tengok perancangan tu kita kena ada, perancangan yang menyeluruh. Bukan bila timbul masalah, baru nak bincang segala masalah. Kena ada satu perancangan yang menyeluruh dalam industri padi. Ni, padi ni seperti yang saya kata tadi, orang duk makan nasi tiap-tiap hari. Bukan kata makan nasi bila nak raya saja, dak! Tiap-tiap hari orang makan nasi, tengok, makanan asas seluruh rakyat Malaysia. Bukan kata Kedah saja, dak. Kut kata orang Suka Menanti saja sukan makan nasi, dak, Satu

Malaysia makan! Ni tengok, perancangan menyeluruh untuk kita memartabatkan petani pesawah kita agar depa boleh merasa sikit nikmat.

Baru-baru ni perbincangan diadakan dengan Ahli-ahli Parlimen pembangkang diketuai oleh Ketua Pembangkang, dengan pesawah-pesawah. Salah satu cadangan agar harga padi dinaikkan kepada RM3,000. Apa salahnya? Apa saalahnya? Bagi la depa qasa seronok sikit. Dan saya rasa berbaloi, pasai atas usaha depa, bukan tanam taugeh, tanam taugeh tak pa lah duk dalam rumah boleh tanam taugeh. Ni nak buat bendang, nak kena mengala, lepas mengala kena buat apa lagi? Bukan kata buat dalam bilik aircond. Tu! Tengah panas melit lit. Meqelit dah orang Kedah ni yang buat bendang, mana ada yang macam, YB. Sungai Limau tu, tak dak. Duk jemur tengah panas. Saya pun dulu cerah la sikit, peqasan duk turun bendang kut peqasan, tapi tak pa lah kan, dah berumur ni sapa pun tak ambil peduli dah *(sambil ketawa)*.

Jadi Yang Berhormat, saya merayu kepada pihak kerajaan dan yang berwajib. Tengok balik betul-betul, tengok lah sama ada, saya berterima kasih pada Kerajaan Pusat dan pihak kementerian. Ni depa hantaq mai ni, berita baik meluluskan, Kerajaan Pusat ada berita baik bantuan tambahan kerajaan Madani. Tapi tengok lah, saya pun dapat berita dan komen daripada pesawah-pesah, depa kata, “ni ada nak cukup”. Ada nak cukup. Tengok balik jentera-jentera yang tak dapat plat kad tu, nu kubota, pam air, trektor harvester, nu lori hat angkut padi tu, depa bukan pakai air sejuk, haa, tengok balik. Yang hat pengusaha sayur di Cameron Highland, oh, cepat dapat! Dalam masa dua minggu ka, tak sampai tiga minggu kut dah dapat plat kad.

Dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri), baru-baru ni kata ada sesi dialog antara petani pesawah, bersama dengan pihak KPDN dan agensi-agensi kerajaan. KPDN bagi kelonggaran sikit lah untuk memudahkan petani pesawah dan pemilik-pemilik jentera untuk mendapat permit nak beli diesel melebihi 20 liter dan juga kita minta, antara rungutan orang yang ada jentera ni depa kata stesen minyak yang ada bekalan ni ataupun yang dibenarkan pihak KPDN, tak banyak. Kadang-kadang satu kawasan, satu stesen minyak saja. Jadi kita minta banyakkan, sebab kalau stesen tu habis minyak, orang nak mengerat padi bukan boleh tunggu, depa kerja siang malam, bawa *harvester* tu. Takkan depa nak tunggu pagi esok, depa pun ligan *trip* juga. Jadi, tengok balik benda-benda macam ni, supaya tak lah menjadi rungutan dan rayuan petani pesawah kita saban tahun. Cari jalan dapat penyelesaian untuk selama-lamanya, supaya kita dapat mempertingkatkan, memperkasakan dan memartabatkan industri padi kita ni.

Kita dulu ni hebat daripada Siam, hebat daripada Indonesia. Saya pi melawat Indonesia, depa sana dapat menghasilkan benih padi ataupun *variety* padi yang boleh menghasilkan 15 tan satu hektar, YB. Tuan Speaker. Kita kut ni nak boleh pi 6 tan pun gagah, *average* 5 saja. Dan antara usaha kerajaan negeri untuk menghasilkan benih

padi yang elok untuk kita bekalkan kepada petani pesawah adalah kita bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan; antaranya UPM (Universiti Putra Malaysia), UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), UiTM (Universiti Teknologi MARA), Agensi Nuklear di atas sebidang tanah yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan kita ni untuk kita jadikan tapak ujian.

Dan Alhamdulillah untuk makluman semua para hadirin, musim lepas, benih terbaik dapat menghasilkan 5.7 tan satu hektar. Musim pertama, *sorry*, musim pertama, ujian. Dan Alhamdulillah ujian pada musim kedua peningkatan 2 tan per hektar, dapat 7.7 tan. Ni saya perasan kalau orang yang buat bendang dengar ni saya perasan duk "geli" dah nak minta pasal hat 5.7 tan pun pakat telefon saya tak sangka dah, *"YB. kami nak benih tu".* Saya kata, *"benih tu tak boleh pakai tu, benih ujian lagi tu tak dapat kelulusan, kena dapat kelulusan dulu, DNA la apa semua".* Kelulusan tu nak dapat, kelulusan MARDI untuk satu-satu *variety* YB. Tuan Speaker, bukan macam balik tanam taugeh tu, bukan dua tiga hari. *(Dewan ketawa)* Kena 13 musim. Haa, 13 musim. Berapa tahun, YB. Jitra? YB. Jitra cekap kali-kali. 6 tahun setengah! Baru boleh dapat kelulusan, *variety* baru.

Dan YB. Tuan Speaker, negara kita ni bila mengumumkan *variety* baru, baru-baru ni kementerian dah umumkan dah, berapa jumlah *variety* baru yang diumumkan? Satu. Ingat dak? Kan? Berbanding dengan Negara Thailand, sekali umum *variety*, 30 *variety* baru depa umum, sekali umum. Jadi, di situ kita boleh tengoklah di mana kedudukan kita berbanding dengan negara jiran-jiran kita. Lepas tu nak ligan depa macam mana? Kita bercakap tentang keterjaminan makanan.

YB. Tuan Speaker, untuk makluman semua juga, dengan keluasan sawah bendang yang kita ada di Malaysia ni, kalau kita urus dengan baik, dengan efisien, sebenarnya YB. Tuan Speaker kita tak gaduh import sebiji beras pun, YB. Tokai ni nak habaq bagi. Tapi ingat hari ini, kita masih mengimport lebih daripada 50 peratus keperluan beras negara. Tang mana tak kena, wallahualam. Jadi siapa yang bertanggungjawab yang berwajib, sila tengoklah. Kita boleh buat, orang pesawah petani ni tak penyegan depa rajin, saya tau saya turun bendang, dulu memang saya tak pernah turun bendang, dulu kecik-kecik turun bendang pun tangkap ikan, ikan karin ka, hat tu saja. Tak pernah menanam pun. Biasa kan tunggu musim hujan, bila hujan boleh ligan burung dalam bendang, pasal burung bila sayap dia basah, mudah sikit tangkap. Itulah tu masa kecil dulu main dalam bendang, balik kena tibai la. Jadi tengok balik macam mana. Kalau kita duk macam ni juga tahap kita macam ni, jenuh. Sekiranya berlaku apa-apa.

Dan satu lagi saya nak *highlight* di sini ya, (dengan izin) YB. Tuan Speaker, dalam hal padi ni kan, bila cakap saya padi ni perasan sehari sembang tak habis kut kalau pasal padi ni.. Kita bukan ada *stockpile* padi kita. Ni saya nak tanya semua para hadirin,

tang mana *stockpile* padi kita? Tolong habaq kut-kut ada siapa ada yang tau. Dulu masa zaman LPN (Lembaga Padi dan Benas Negara), semua tau tang mana simpanan padi kita, ada gudang di Anak Bukit. La tang mana, cuba habaq mai untuk Negeri Kedah kita?

Saya biasa bertanya kepada seorang pegawai, dia kata, *"*kami telah menulis surat atau bagi arahan kepada semua kilang-kilang beras untuk menyimpan 20 peratus daripada apa yang ada di kilang depa sebagai *stockpile"*. Saya kata, "gak-agak lah kut… puak tu berniaga, orang yang meniaga takkan nak simpan stok lama-lama. Ada orang nak mai beli, depa jual la. Takkan kita nak letakkan keterjaminan makanan kita dengan *stockpile* tu kepada pengilang-pengilang. Ini kita kena tengok balik.

Begitu juga dengan benih padi. Petani pesawah kita ada pilihan banyak ka? Nak tanya ni, kut YB. Tuan Speaker buat bendang, cuba habaq mai tengok. Apa pilihan depa tentang benih padi? Padi ni kalau kita dapat hasil yang elok, dia bermula daripada benih, maaf, mula daripada tanah, kalau tanah elok, kalau tanah tak elok bubuh benih elok pun tadi juga. Tanah masam ka apa ka. Benih ni penting. Kalau benih tak elok, jenuh tabur baja la, betul dak YB. Pantai Merdeka? Jenuh tabur baja. Haa, jenuh tabur YB. Tuan Speaker. Rata-rata saya pi, ni YB. Kota Siputeh boleh setuju dengan saya, rungutan daripada pesawah tentang benih padi, berapa lama dah depa duk urus ini, depa duk *complaint* ni pasal benih padi.

Itulah pada suatu ketika dalam Dewan yang mulia ini juga, saya telah mencadangkan pada pihak-pihak kementerian, tengok balik, Sistem Subsidi Benih Padi Sah. Yang duk ada la ni, skim subsidi tu, kerajaan bagi kepada kilang. Di Kedah/Perlis hanya empat kilang sahaja yang dibenarkan, ataupun yang dilesenkan untuk terima subsidi benih padi sah ni. Antaranya, satu MADACorp. (Syarikat Perniagaan Peladang MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) Sdn. Bhd.), hat lain tu pihak swasta. Jadi lebih kurang 80,000 pesawah yang ada di Kedah ni, empat syarikat ni saja la yang boleh dapat harga benih padi subsidi, empat syarikat ini saja. Makna kata tak dak pilihan sangat! Walhal, semasa saya buat lawatan pi Cambodia, pesawah ikut dia nak beli tang mana, nak buat benih sendiri pun buat lah, elok pun beras depa. Beras Cambodia ni Vietnam pun beli, Siam pun beli, YB. Tuan Speaker. Haa padi Cambodia tu. Dan hantar mai ke negara kita juga. Di sana orang buat bendang boleh buat benih sendiri saja, tak ada ketat sangat macam kita sini, buatlah. Walhal tok nenek moyang kita ni pun buat benih kita sendiri saja, tu pun boleh dapat hasil, boleh pi Mekah, boleh hantar anak mengaji masuk universiti. Ha, masa dulu ni yang paling ramai bayaq zakat ni orang buat bendang lah, betul YB. Pantai Merdeka? La ni,... (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi YB.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

Jadi, takat tu lah saja saya nak menggambarkan suasana padi kita, suasana pesawah kita, suasana bendang kita, walaupun Negeri Kedah ini dapat gelaran "Jelapang Padi". Jadi, saya mengharap Kerajaan Pusat, jangan sayanglah nak lempar duit mai sini. Depa boleh bagi kat Pulau Pinang berapa billion, YB. Kota Siputeh? Tadi sapa sebut tah, YB. Tanjung Dawai ka? Yaa? RM17 billion! Ni Negeri Kedah ni, yang menghasilkan padi terbanyak di Malaysia! Hangpa nak sayang apa, mai lempaq duit kat kami, kami bukan nak joli! Kami nak tanam padi supaya dapat menghasilkan beras, supaya semua pakat boleh makan! Bukan kami nak joli! Kami tak mau aih RM17 billion, tak payah. Mai setengah pun cukup dah, pada dah. Jangan takut ketirisan, kita ada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang penuh jujur dan amanah! Kita ada Ketua Pentadbiran Negeri Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan yang penuh berwibawa! Ni kita ada Pegawai Kewangan Negeri yang baru, saya kenal dia lama dah, sampai hari ini ni duit sekupang tak boleh makan lagi duit dia. Tu hangpa jangan duk tuduh ketirisan di Kedah ni tak dak aih, depa jaga duit hampa tengok, tu dia genggam tu. Jadi jangan sayang, jangan duk fikir banyak, lempar mai duit kat kami, banyak-banyak. Kami tak mahu semua, RM17 billion banyak sangat kut, sat lagi kita tak tau nak buat apa kan? Mai setengah pada tu pun pada dah. Tengok, macam mana kami nak buat bendang. Insya-Allah, kalau kata bagi banyak tu peruntukan, saya rasa orang buat bendang ni boleh buat kenduri besaq dah.

YB. Tuan Speaker, ... (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Suka Menanti, boleh buat penggulungan.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

Baik, terima kasih. Masuk-masuk mai dia suruh kita gulung terus *(sambil ketawa)*. Kena jadi macam YB. Kubang Rotan juga lah, kena kerat jugak lah nampak gaya.

Jadi itu lah, saya pun tak mau nak beletiaq banyak sangat, pasai ni, kita sebut lah tentang, Tuanku Sultan sebut tentang estet padi, hal ni pun kita duk usaha buat estet padi. Yang kita uruskan dan kita usahakan di bawah portfolio saya yang kita buat di Tobiar 50 ekar, dan kita pulihkan balik sawah padi Langkawi lebih kurang 50 ekar juga. Ini adalah dengan menggunakan kaedah estet lah, kerana kita dapati kalau kita buat bendang kecik-kecik ni 4 ke 5 relung ni, tak boleh pi ke mana. Jadi kita buat estet

padi. Alhamdulillah, pihak Zakat pun buat, pihak Jabatan Pertanian pun ada buat, Lembaga Penanam Padi pun ada buat, depa buat kerjasama dengan syarikat swasta di Tikam Batu dekat Kampung Padi. YB. Tuan Speaker biasa pi kut? Biasa? Tak biasa nak bawa pi.

YB. TUAN SPEAKER

Cuma YB. Suka Menanti, saya nak tanya satu. Daripada hari mula sampai hari ni, saya duk tengok isu padi ni banyak dibangkitkan oleh Yang Berhormat semua. Jadi, selaku EXCO Pertanian ni, ada dak pernah terdengar mungkin ada cadangan untuk nak tukar daripada makan nasi pi makan kentang ka apa, tak dak? Ada?

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

YB. Tuan Speaker, nak makan taugeh pun tak berapa mau dah, ada yang sebut makan taugeh makan dengan sudu pun ada dah. Duk biasa makan nasi YB. Tuan Speaker, orang kita ni kalau tak makan nasi sehari, perasan, melainkan lah bulan Ramadhan depa tak makan lah, tu pun malam cari nasi jugak buka puasa. Depa tak cari bihun, depa tak cari ubi aih, cari nasi juga. Pi lah majlis buka puasa tang mana pun, dia jamu nasi, dia tak jamu ubi. Makanan asas, tok nenek moyang kita, dulu kita pun saya rasa YB. Tuan Speaker dulu pun mak duk suap lenyek tu. Haa dari dulu… *(*YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Jadi memang tak boleh tukaq la noh?

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

Tak boleh dah, tak upaya. Perut ni memang tak boleh pi dah. Pi ngaji luar negara pun cari nasi juga. Tak upaya. Jadi YB. Tuan Speaker, isu padi ni saya harap dapat lah pembelaan yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan Pusat kerana duit duk ada kat depa, kelulusan duk ada kat depa. Maksud saya macam contoh, kita buat bendang, kita tanam padi, tapi nak jual padi pun tak boleh nak letak harga, tak boleh! Harga depa tetapkan. Tapi kalau tanam pelam, YB. Tuan Speaker ada tanam pelam kan? Boleh jual ikut suka kan harga berapa duit? Hat tanam cabai pun boleh letak harga. Padi boleh buh harga berapa duit? Boleh buh RM1,800? Tak boleh. Kilang tak beli. Pasai itu harga kawalan. Ada YB. yang bangkitkan isu kehilangan beras tempatan kan? Kes tu la. Bila kilang beli harga mahal, dia nak *cover* kos dengan apa? Harga jualan terkawal, kalau dia jual dengan harga kawalan beras tempatan, dia makan modal dia rugi, dia bubuh kampit asing la. Dia jual dengan harga beras import. Nak *cover* balik, sebab tu yang beras tempatan pada suatu ketika tak ada di pasaran.

Jadi itulah, saya nak gulung balik. YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, segala isu dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diteliti secara menyeluruh dan diambil tindakan sewajarnya. Saya juga YB. Tuan Speaker, banyak yang dibahaskan tentang subsidi ni. Jadi nak *landing* ni saya nak bagi serangkap pantun. Pasal banyak cakap pasai subsidi, saya banyak duk *complaint* pasal subsidi, pantun saya bunyi begini;

Negeri Kedah Jelapang Padi,
Hijau kuning sejuk di hati,
Toksah duk kalut lah pasal subsidi,
Hangpa hantar mai duit dekat kami kami urus sendiri.

Hantaq mai tengok. Hampa nak tengok macam mana kami urus, hampa hantaq mai duit. Ni duit tak berapa nak ada, nak urus macam mana. Tak begitu ka, YB. Bayu?

Di sini juga, saya ingin mengambil kesempatan untuk menjemput seluruh para hadirin, kita akan mengadakan satu Festival Harum Manis D'Aman. Takdan nak sembang pasal pokok lain pun taugeh pun pecah sikit saja, sembang pasal padi yang banyak, yang getah pun YB. Bayu bangkit pun takdan nak cakap, nanti sembang lain nah, pm (Personal Message) tepi lah noh? Jadi kita akan mengadakan, sebab kita nak memartabatkan, kita nak mempromosikan Harum Manis Kedah ni D'Aman yang semakin mendapat permintaan.

Singapore sekali *order* 5 tan YB. Tuan Speaker, sekali *order*. Tapi kita tak cukup nak *supply,* permintaan Harum Manis. Baru-baru ni saya bersama dengan YB. Sungai Limau, kita pi Festival Mempelam di Sala. YB. Sungai Limau sendiri tengok berapa banyak permintaan, jualan laris. Insya-Allah, saya menjemput pada hadirin semua ke Festival Harum manis D'Aman Kedah yang akan berlangsung pada 30 April sehingga 3 Mei di tapak mempelam di Jalan Alor Mengkudu. Jadi mai lah beramai-ramai, noh YB. Derga mai la dekat saja, tak mai kami cari di cari di rumah.

Akhir kata, saya dengan penuh takzim menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang amat kita kasihi. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Suka Menanti, sama-sama kita doakan semoga sektor pertanian akan terus berkembang maju di bawah kepimpinan Yang Berhormat EXCO.

Seterusnya saya menjemput YB. Kuala Ketil, dipersilakan. Masa yang diberi 30 minit sahaja.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyarafil Anbiya'e Wal Mursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in, Salam Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua. Terima kasih YB. Tuan Speaker, yang saya hormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman, yang saya hormati Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sahabat-sahabat Ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan, agensi yang dikasihi Allah SWT dan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker kerana beri ruang dan peluang kepada saya untuk membuat penggulungan pada petang ni. Kita dengar dah isu taugeh, isu padi, giliran sayalah tiada isulah, tak berapa panas sangat macam tahun lepas. Yang tahun lepas panas sangat *spin* pun sampai 3,4 hari juga. Nasib menang juga di Sabah tu. Ta buat isu panas dah kali ni kira baca teks saja hari ini, YB. Tuan Speaker, boleh eh? Hangpa jangan menyampuk saja, menyampuk dia *spark* terus (ketawa kecil).

Alhamdulillah, saya ingin panjatkan sepenuhnya kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia izin dan rahmat dapat kita bertemu dalam sidang kali ini. Sebelum saya membuat penggulungan berkenaan isu-isu yang berbangkitkan, izinkan saya menzahirkan rasa hormat merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas Titah Tuanku yang penuh hikmah berwawasan dan menyentuh jiwa rakyat sekalian. Sesungguhnya Titah Tuanku bukan sekadar peringatan malah merupakan panduan yang amat bernilai dalam memastikan kesejahteraan negeri dan kemakmuran rakyat terus terpelihara. Setiap amanat yang dizahirkan mencerminkan keprihatinan Tuanku terhadap pembangunan negeri, perpaduan rakyat serta kelangsungan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah semasa Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Ke-15 pada hari Isnin yang lalu. Yang banyak menyentuh beberapa isu dalam portfolio saya iaitu perumahan, kerajaan tempatan dan juga kesihatan. Sebelum saya teruskan penggulungan saya YB. Tuan Speaker, dengan kesempatan yang ada ingin saya menyampaikan salam takziah buat keluarga atas pemergian Allahyarham Tuan Badrulhisham, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kubang Pasu pada 3 Mac yang lalu. Sebagai warga PBT (Pihak Berkuasa Tempatan), marilah sama kita sedekahkan al-Fatihah buat beliau (Bacaan surah al-Fatihah).

Seterusnya saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah dan syabas buat Encik Ahmad Fuad bin Che Ani, "belakang sana yang *handsome* itu" atas pelantikan sebagai

Yang Dipertua Majlis Daerah Yan yang baru, juga kepada Encik Junaidi bin Abdul Rani atas pelantikan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kubang Pasu yang baru, serta Encik Shamsuharizal bin Basir, Pengarah SWCorp Negeri Kedah bagi menggantikan Encik Nordin yang telah bertukar ke Cyberjaya. Tidak dilupakan, saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelantikan Dato' Dr. Nadzman sebagai Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mahazi sebagai TSUK (Timbalan Setiausaha Kerajaan) Pentadbiran dan juga Puan Amirah sebagai Pegawai Daerah Kubang Pasu yang baru. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Puan Hajah Maznim binti Ismail, sebelum ini Yang Dipertua Majlis Daerah Yan ke atas sumbangan dan bakti sepanjang bertugas sebagai Yang Dipertua Masjid Daerah Yan yang bertukar sebagai Timbalan Ketua Eksekutif Pengurusan di LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi).

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pencapaian PBT. Di sini ingin saya sampaikan ucapan tahniah di atas pencapaian dan kejayaan yang telah diperolehi oleh beberapa PBT Negeri Kedah bagi Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025 anjuran Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation *(*MGTC) pengiktirafan 5 *diamonds* merupakan tahap tertinggi bagi penerapan *low carbon city frameworks.* Ini merupakan satu komitmen yang sangat cemerlang pihak PBT dalam melaksanakan inisiatif bandar rendah karbon secara menyeluruh dan mampan. Antara PBT yang telah memperoleh anugerah tersebut adalah Majlis Perbandaran Sungai Petani bagi pengiktirafan 5 *diamonds,* Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan pengiktirafan 5 *diamonds,* Pihak Berkuasa Tempatan Hi-Tech Kulim, pengiktirafan 5 *diamonds,* dan Majlis Bandaraya Alor Setar, pengiktirafan 3 *diamonds. Se*moga Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Kedah terus mempergiat dan memperkukuhkan usaha penambah baik penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan semasa dan aspirasi pembangunan negeri.

YB. Tuan Speaker, saya akan teruskan dengan beberapa soalan ataupun semasa perbahasan Ahli Dewan semalam dan juga pagi ini. Yang pertama saya pergi kepada YB. Sidam iaitu "tindakan kerajaan negeri dalam mengatasi pembangunan yang terganggu akibat isu LRA Bukit Selambau". Isu kelihatan berkaitan LRA (Loji Rawatan Air) Bukit Selambau bukan perlu dilihat secara menyeluruh dan berfakta tanpa dimanipulasi sehingga menimbulkan persepsi negatif yang tidak tepat. Secara tidak langsung, kelewatan LRA Bukit Selambau sememangnya terdapat kesan kepada pembangunan, namun kerajaan khususnya di peringkat PBT Majlis Perbandaran Sungai Petani sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan kesinambungan pembangunan dan keperluan rakyat disediakan berjalan seiring dengan pembangunan khususnya dalam Daerah Kuala Muda. Sebagai contoh, isu berkaitan pembangunan tidak boleh diteruskan. Namun secara realitinya penggunaan masih terkawal dan dirancang rapi walaupun bekalan air merupakan keperluan asas setiap permohonan, pembangunan nilai secara teliti kelulusan Kebenaran Merancang (KM)

tidak dibuat sewenang-wenangnya, sebaliknya mengambil kira ketersediaan utiliti bagi memastikan pembangunan yang diluluskan adalah mampan dan tidak menimbulkan masalah di kemudian hari.

Yang keduanya potensi berlaku projek terbengkalai namun ia tidak berlaku secara meluas. Secara umumnya kerajaan bersama agensi teknikal sentiasa memantau projek pembangunan dan pemaju juga diberi panduan serta penyelesaian sementara bagi memastikan projek dapat diteruskan mengikut perancangan. Yang ketiga, isu pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) mungkin berlaku namun dikawal selaras dengan kepentingan awam. Keperluan bekalan air sebelum pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) adalah langkah kawal selia penting bagi melindungi pembeli dan pengguna. Ini merupakan komitmen kerajaan dalam memastikan setiap pembangunan benar-benar lengkap dan selamat diduduki.

Yang keempat, kos pembangunan meningkat namun langkah mitigasi dititikberatkan bagi mengawal kos pembangunan, penyediaan sistem sokongan sementara oleh pemaju adalah amalan biasa dalam industri dan telah diambil kira dalam perancangan projek. Kerajaan turut bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi meminimumkan beban kos agar tidak memberi kesan kepada pembeli. Dan yang kelima kesan kepada keyakinan daripada pelabur untuk tujuan pembangunan secara asasnya pembangunan sentiasa dinamik dan masih di mana kerajaan sentiasa komited meningkatkan infrastruktur dan utiliti asas termasuk bekalan air. Dari sudut positif, pelabur melihat usaha berterusan ini sebagai tanda kesungguhan kerajaan dan bukan sebagai risiko yang menjejaskan keyakinan melalui penyelesaian bersama atas sokongan pelbagai agensi. Dan yang keenam tidak dinafikan berlaku tekanan kawasan sedia ada namun bekalan air kepada penduduk sedia ada sentiasa diberi keutamaan. Sebarang isu tekanan atau gangguan bekalan ditangani secara berperingkat melalui pelan penambahbaikan dan pemantauan berterusan oleh agensi berkaitan kebajikan penduduk sedia ada kekal menjadi keutamaan kerajaan. Namun, kita yakin semua permasalahan ini akan diatasi dengan segera.

Yang keduanya adalah daripada Kota Siputeh, isu berkaitan komuniti pembangunan di kawasan yang melibatkan warga emas boleh mudah. Negeri Kedah kini mencatatkan peratusan warga emas, individu berumur 60 tahun ke atas sebanyak 9.4 peratus selaras dengan *trend* nasional yang menjangkakan Malaysia mencapai status negara menua pada tahun 2030. Apabila populasi ini mencecah 15 peratus, kerajaan negeri menangani cabaran demokrasi ini melalui tindakan proaktif yang berteraskan garis panduan perancangan fizikal bagi warga emas ataupun GPP 2018 dan Pelan Pembangunan Kedah 2035 bagi memastikan golongan ini mencapai aset produktif. Strategi utama adalah peralihan daripada model bantuan pasif kepada penuaan aktif di mana warga emas diperkasa melalui pengoperasian 15 buah pusat aktiviti warga emas sebagai pusat pemindahan ilmu dan kepakaran kepada generasi muda. Maksud saya, untuk Kota Siputeh kita memang ada garis panduan ini, sudah dikeluarkan oleh PLANMalaysia 2018 yang terperinci.

Bagi memastikan persidangan dasar yang mampan, kerajaan negeri mewajibkan penetapan reka bentuk sejagat *Universal Design* dalam setiap pembangunan baharu melalui Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjamin persekitaran yang selamat, mudah sampai dan mesra pengguna. Tindakan ini disokong oleh peruntukan penerangan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 (Akta 802) bagi mengawal selia kualiti penempatan warga emas di negeri ini melalui pemakaian GPP ataupun Garis Panduan Perancangan tadi 2018, iaitu permohonan penempatan kini dikategorikan sebagai khusus kepada pusat jagaan perumahan khas warga emas dan perumahan persendirian yang mematuhi piawaian keselesaan dan keselamatan.

Jadi, saya telah pun meneliti ucapan YB. Kota Siputeh semalam dengan mencadangkan projek *silver town* yang hendak diasaskan di Kota Siputeh atas beberapa faktor dan saya juga telah meneliti satu kertas kerja, proposal yang dihantar oleh YB. Kota Siputeh dan saya telah memperhalusi dan insya-Allah akan mempertimbangkan beberapa perkara kerana ia telah melibatkan banyak pihak yang berkepentingan pada kertas kerja tersebut dan saya hargai usaha YB. Kota Siputeh tersebut walaupun ianya bukanlah untuk menyanggah Langkawi sebagai "Daerah Pelancongan" ataupun pulau pelancongan tetapi ini sebagai satu inisiatif kepada Kota Siputeh kerana ianya mempunyai asas keperluan-keperluan asas tertentu di kota Siputeh tersebut dan insya-Allah akan dipertimbangkan.

Seterusnya daripada YB. Anak Bukit, "sejauh mana kerajaan negeri memantau pembangunan di kawasan tanaman padi bagi memastikan kelestarian sektor pertanian?" Untuk maklumat YB. Anak Bukit, setakat sekarang daripada 83,993.15 hektar Jelapang Padi, kita di pembangunan yang melibatkan industri komersial dan perumahan hanya melibatkan 10,677.97 hektar ataupun lebih kurang 12.78 peratus. Ini bermaksud, pembangunan di kawasan-kawasan Jelapang Padi masih lagi terkawal walaupun kita mendapat kebenaran daripada pusat untuk membangunkan kawasan-kawasan Jelapang Padi, tapi kita masih kawal supaya kita tidak mahu kawasan-kawasan Jelapang Padi kita dijadikan kawasan industri, perumahan dan sebagainya. Kita masih nakkan Kedah sebagai negeri pengeluar utama padi, YB. Tuan Speaker.

Seterusnya daripada ADUN Pengkalan Kundor, proses bagi melihat semula undang-undang lapuk yang terpakai di PBT dan juga melibatkan penggunaan sistem pembayaran tanpa tunai "*cashless*" yang semakin meluas pada masa kini dilihat memberi kesukaran pada warga emas dan golongan yang berpendapatan rendah serta kurang terdedah kepada teknologi digital. Untuk maklumat YB. Pengkalan Kundor berkaitan dengan pengemaskinian undang-undang lapuk, maksud saya untuk undang-undang PBT lah, undang-undang lain saya tak pasti, untuk PBT kita pun telah membuat bengkel pertama dengan undang-undang sendiri dan kita telah usaha untuk

tambah baik tapi mengambil masa sedikitlah sebab dia melibatkan undang-undang dan insya-Allah kita akan ada usaha untuk kemaskini dia undang-undang ini.

Dan bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan sistem *cashless* ataupun QR ataupun *parking* yang mungkin bagi maksud YB. Pengkalan Kundor menyusahkan beberapa warga emas, PBT telah merangka pelbagai inisiatif bagi memastikan peralihan kepada sistem pembayaran tanpa tunai dilaksanakan secara inklusif tanpa meminggirkan warga emas dan golongan berpendapatan rendah. Sebagai contoh, saya ambil contoh satu PBT ya, sebagai contoh Majlis Perbandaran Sungai Petani telah melaksanakan langkah-langkah berikut bagi menggantikan penggunaan kupon parkir kertas yang telah dihentikan bermula 31 Mac 2025. Pertamanya ialah program kesedaran dan edaran pelekat QR. Sejak 17 Mac 2025, edaran pelengkat kod QR fleksi *parking* telah dilaksanakan di premis-premis makanan di sekitar kawasan Sungai Petani. Melalui inisiatif ini, penerangan ringkas mengenai langkah-langkah memuat turun dan penggunaan aplikasi diberikan secara terus kepada orang ramai bagi menggantikan sistem kupon lama.

Yang keduanya sesi bimbingan lapangan. Pada 22 April 2025, program User Approaching Hour atau Connect with Flexi Parking telah diadakan di lokasi tumpuan ataupun *hotspot* seperti Bandar Amanjaya, Bandar Lagenda Heights, Pusat Bandar, Taman Sejati Indah, Bandar Laguna Merbok, Bandar Puteri Jaya, Taman Batik, Pekan Lama, Taman Ria, Taman Ria Jaya, Cinta Sayang Park Homes dan N-City. Seramai 50 anggota penguatkuasa terlibat dalam memberikan bimbingan teknikal secara langsung kepada pengguna. Sepanjang aktiviti ini, tiada sebarang kompaun dikeluarkan bagi memberi ruang kepada masyarakat untuk menyesuaikan diri dengan sistem baru.

Yang ketiganya mekanisme sokongan berterusan. Bagi memastikan tiada golongan yang tercicir, MPSPK (Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah) melaksanakan pendekatan berikut iaitu pembukaan kaunter pengaktifan bagi membantu pengguna yang memerlukan bantuan teknikal, yang kedua penyediaan pasukan pembimbing untuk memberi tunjuk ajar secara bersemuka kepada orang awam, pelaksanaan sesi pertemuan mengikut lokasi secara berkala dalam tempoh 6 bulan pertama pelaksanaan pembayaran melalui aplikasi, yang keempat hebahan tutorial penggunaan secara meluas melalui media sosial rasmi seperti Facebook dan yang kelima menggalakkan penglibatan ahli keluarga atau anak-anak untuk membantu melakukan pembayaran parkir bagi pihak ibu bapa atau warga emas melalui aplikasi *flexi parking.* Untuk *off-street parking,* parking berpalang, pemantauan secara berterusan melalui bilik kawalan CCTV (Closed-Circuit Television) sepanjang tempoh waktu operasi 8:00 pm sampai 9:00 pm. Sekiranya berlaku masalah kesesakan atau gangguan capaian internet, palang akan dibuka untuk melancarkan pergerakan kenderaan. Petugas turut ditempatkan di lokasi *off-street* bagi membantu orang awam

yang memasuki kawasan *parking* berpalang untuk membuat bayaran semasa keluar sekiranya berlalu kesulitan.

Seterusnya YB. ADUN Bayu "apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menangani isu pencerobohan ke atas tanah kerajaan, tanah persendirian khususnya terhadap pembinaan rumah ibadat atau premis yang tidak sah?" Kerajaan negeri bersetuju sepenuhnya dengan saranan YB. Bayu yang membangkitkan isu ini. Isu pencerobohan tanah untuk tujuan pembangunan atau rumah ibadat bukan sekadar isu sensitiviti tetapi isu pelanggaran undang-undang yang perlu ditangani secara tuntas. Kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa bersikap terbuka dan menghormati hak setiap rakyat untuk mengamalkan ajaran agama masing-masing. Walau bagaimanapun, kebebasan ini mestilah dilaksanakan dalam kerangka undang-undang demi menjamin ketenteraman awam dan kedaulatan undang-undang PBT berdasarkan punca kuasa yang telah dibawa Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan dan Parit Bangunan 1974 (Akta 133). Sebarang struktur sama ada komersial, kediaman mahupun rumah ibadat mesti mempunyai kemudahan merancang dan kelulusan pelan bangunan.

Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah pada 13 April 2026, baginda telah berpesan bahawa setiap pelaksanaan dalam apa jua perkara hendaklah berlandaskan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Sebarang tindakan yang mengenepikan saluran serta kelulusan yang sah adalah suatu yang tidak boleh dikompromi**.** Titah ini menjadi panduan utama agar aspek perundangan sentiasa diutamakan melebihi sentimen yang cuba dimainkan oleh pihak-pihak tertentu. Pihak berkuasa tempatan akan mengutamakan sesi perbincangan dengan pihak terlibat sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan dijalankan. Langkah ini penting bagi memastikan setiap isu dapat diselesaikan secara berkesan dan harmoni**.** Selain itu, penilaian terperinci status tanah wajib dilakukan terlebih dahulu bagi mengenal pasti hak milik serta kesahihan tapak sebelum sebarang keputusan atau tindakan akhir dimuktamadkan. Prosedur ini bagi memastikan setiap langkah yang diambil adalah adil, mematuhi peruntukan undang-undang serta peraturan yang sedang berkuatkuasa.

Bagi memastikan isu ini ditangani secara berkesan dan harmoni, kerajaan negeri menetapkan parameter berikut. Yang pertama penilaian status tanah. Sebelum sebarang keputusan dibuat, penilaian terperinci mengenai status tanah dan hak milik wajib dikenal pasti bagi memastikan kesahihan tindakan. Yang kedua mekanisme rundingan. PBT diwajibkan mengadakan sesi perbincangan teknikal dengan pihak terlibat untuk mencari penyelesaian terbaik sebelum tindakan fizikal diambil terutamanya bagi kes di tanah kerajaan. Yang ketiga pemantauan proaktif. PBT diarahkan bertindak di peringkat awal pembinaan bagi mengelakkan konflik sosial dan pembaziran kos dikemudian hari dan yang keempat langkah terakhir, tindakan

perobohan hanya akan diambil sebagai jalan terakhir sekiranya rundingan dan tempoh notis undang-undang gagal dipatuhi. Kesimpulannya, YB. Tuan Speaker, tindakan ini ialah satu keperluan perundangan demi keselamatan awam dan bukan bersifat diskriminasi. Kerajaan negeri komited memastikan keharmonian terus terpelihara melalui tadbir urus yang telus dan adil.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil ada 4 minit lagi.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

4 minit lagi, insya-Allah. Seterusnya daripada ADUN Bukit Selambau mengenai isu tanah perkuburan yang terhad apabila pembangunan pesat. Rancangan bagi tempat perkuburan Islam termaktub dalam Garis Panduan Perancangan Perkuburan Islam yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) Pelan Malaysia Bilangan 3 2023 pada 19 Jun 2023. Pelaksanaan dan penguatkuasaan garis panduan ini perlu selaras dengan rancangan pemajuan yang telah berkuatkuasa di sesuatu Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Ada perancangan la ni Yang Berhormat Bukit Selambau. Kubur pun ada perancangan noh? Saiz kubur, kalau badan besar saiz besar sikit lah noh, dia terperinci. Cuma saya ingin menyatakan sini, dalam garis panduan ini kita meletakkan syarat yang paling minimum ialah kalau 5,000 orang penduduk kena sediakan tapak kubur 0.9 ekar, dekat-dekat 1 ekar, 0.9 nah. Jadi kalau 5,000 penduduk, satu kawasan perumahan tu pemaju kena sediakan tapak inilah. Manakala bagi kaedah penyediaan tapak kuburan juga telah diperhalusi sebaik mungkin. Dia ada landskap dia semua sekalilah, tapi cuma saiz tu saya nak maklum dekat YB. Bukit Selambau insya-Allah dalam perancangan kemajuan. Mulai hari sebelum ni dah ke depan memang telah diambil kira dah untuk tanah perkuburan. Ada masa lagi YB. Tuan Speaker?

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Sikit pertanyaan boleh tak?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam minta laluan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh! Boleh!

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Ya, YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Kuala Ketil. Cuma tentang tanah perkuburan itulah, bila kita minta pemaju sediakan ruang untuk tanah perkuburan itu, adakah bercampur maksudnya untuk orang Islam dan bukan Islam ataupun macam mana?

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Untuk maklumat YB. Ayer Hitam, kalau ikut dalam perancangan ini tak bercampur, dia ada kawasan-kawasan dia sebab kalau buat perumahan pun kita asingkan, perumahan bumiputera dengan bukan bumiputera *so* berasingan lah, yang ini kita kata kubur orang Islam punya.

Seterusnya daripada YB. Tokai. YB. Tokai ini panjang, dia saja nak perkena kita, tanya soalan naik kementerian nu. Boleh jawab YB. Tokai noh? Pasal isu impak kedai warga asing, kedai Pattani, dia khusus untuk Pattani sahaja, tak dak PBT. Dulu pun YB. Sidam kerap tanya kedai Pattani kan? Semua orang suka Pattani ni sebab dia panggil "abe", kan? Duk rumah dia panggil, "ayah hang, mai makan sat!" "Ayah hang tu lambat sikit, panggil tok mai makan nu". Dia lambat sikit, kalau pi kedai Pattani dia panggil "abe", itu yang kerap pi. Melawak saja, "hangpa jangan usik aku" (ketawa). Sesi perlesenan dan penguasaan premis makanan, maksud dia Pattani Thailand sehingga 31 Mac 2026 ini, kalau ikut statistik di setiap PBT membuat catatan ada lebih kurang 328 buah kedai, banyak juga lah 328 buah kedai yang berlesen dan yang tidak berlesen. Kalau yang tidak berlesen yang telah diambil tindakan walaupun dibuat, ada tindakan diambil PBT sebanyak 294 buah kedai yang telah diambil tindakan. *So* maksud dia, walaupun kedai itu ada tapi PBT tak la lepas tangan, pi ambil juga tindakan. Di samping itu, pihak kesihatan juga telah melancarkan program Kedah ke arah bebas keracunan makanan menjelang 2030 pada 28 Februari yang lalu di bazar Ramadan Stadium Darul Aman, saya yang buat pelancaran itu. Daripada Januari hingga April 2026, sebanyak 5,696 premis makanan telah diperiksa di seluruh Negeri Kedah. Pemeriksaan ini turut meliputi kedai dan restoran makanan Thai dan dari jumlah tersebut, sebanyak 2 peratus ataupun 114 premis makanan adalah didapati tidak bersih dan telah dikenakan tindakan penutupan di bawah Akta Makanan 1983. Selain daripada itu, 73 pengendali makanan didapati tiada suntikan tifoid dan 137 pengendali makanan pula tidak menghadiri latihan pengendali makanan. Sehubungan itu, tindakan penguasaan telah pun diambil ke atas pengendali-pengendali makanan tersebut. Bermakna tindakan pihak kesihatan pun telah dibuat kepada pengendali-pengendali makanan.

Dan yang terakhirnya adalah daripada YB. Lunas, mengenai status Klinik Kesihatan Padang Serai yang dilaporkan ada masalah daripada segi pembinaan dan sebagainya. Projek pembinaan Klinik Kesihatan Padang Serai telah dikategorikan

projek bermasalah berikutan kegagalan kontraktor asal menyiapkan kerja-kerja pembinaan mengikut jadual yang telah ditetapkan sehingga kontraknya ditamatkan. Selaras dengan komitmen pihak kerajaan untuk memastikan kemudahan kesihatan disiapkan serta kesejahteraan penduduk setempat, langkah pemulihan telah diambil dengan segera melalui proses pelantikan semula kontraktor oleh Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan kaedah tender terbuka bagi memilih kontraktor penyiap yang kompeten di mana iklan tender telah dikeluarkan pada 15 Disember 2025 diikuti dengan sesi lawatan tapak dan taklimat tender pada 23 Disember 2025, seterusnya tarikh tutup tender pada 26 Januari 2026.

Status terkini bagi projek ini adalah dalam peringkat perolehan dan dijangka pelantikan kontraktor penyiap ini akan dimuktamadkan sepenuhnya pada Mei 2026 bagi membolehkan kerja-kerja di tapak disambung semula. Berkenaan implikasi kewangan akibat kelewatan dan penamatan kontraktor asal kerajaan menganggarkan akan berlaku peningkatan kos sehingga 27.5 peratus berbanding kos kontrak terdahulu. Walau bagaimanapun, anggaran peningkatan kos ini masih berada dalam lingkungan siling peruntukan asal yang telah diluluskan bagi projek ini. Nilai sebenar peningkatan kos tersebut hanya akan dimuktamatkan terperinci setelah pelantikan kontraktor memastikan projek penyelamat ini dibuat. Langkah kawalan selia ini dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan projek ini disiapkan tanpa menjejaskan kualiti kemudahan yang bakal dinikmati oleh rakyat. Sebagai penutup kepada pembahasan ini, saya ingin mengajak ahli Dewan yang mulia ini merenung pesanan akhir dalam ayat Quran menjadi asas kepada pentadbiran dan kepemimpinan. Firman Allah dalam Surah Hud ayat 88 bermaksud;

“Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki (keadaan kamu) sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNyalah aku kembali’.

Kata-kata Nabi Syu'aib kepada kaumnya. Itu mengingatkan kita bahawa tujuan kepimpunan ini adalah islah iaitu pembaikan yang sebenar kepada kehidupan manusia. Ayat ini memberi isyarat jelas kepada semua sebagai pembuat dasar dan pelaksana amanah rakyat bahawa dalam mentadbir negeri bahkan negara kita tidak boleh berhenti sekadar mengumumkan formula tanpa laksana, menabur janji tanpa tepati, mencipta helah dan fakta tetapi yang lebih utama ialah islah yang benar berlaku perubahan yang sampai kepada rakyat, dirasai oleh rakyat dan memberi kesan kepada kehidupan kita semua. Ayat ini juga mengingatkan kita bahawa segala usaha, segala dasar dan segala gerak kerja kita akhirnya tidak akan sempurna tanpa pertolongan daripada Allah SWT.

Akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada semua ketua-ketua jabatan dan agensi yang telah memberikan sepenuhnya kerjasama dalam menjayakan agenda “The Greater Kedah” serta moto ‘Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua”. Akhir kata, saya

menyokong penuh Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah. Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Ketil. Seterusnya saya menjemput YB. Kuala Nerang. Dipersilakan.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim, alhamdulillahi rabbil 'alamin, wassalatu wassalamu 'ala asrafil anbiyaiwal mursalin, saidina muhammad wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in. Robbisrohli sodri, wayassirli amri, wahlul 'uqdatammil lisani yafqohu qauli. Ama ba'ad. Terima kasih YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat Pegawai Kewangan, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan atau wakil ketua jabatan dan seterusnya para pemerhati yang dihormati sekalian.

Saya juga mengambil kesempatan untuk merafak sembah setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Perasmian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang telah memberikan banyak peringatan, banyak nasihat dan panduan yang sangat bermakna buat kita semua. Kerajaan Negeri khususnya portfolio yang diamanahkan kepada saya amat menyambut baik pesanan baginda agar pengurusan sumber negeri, pengurusan sumber air dan lain-lain dilaksanakan dengan secara lebih berhemah, lebih cekap, lebih berstrategi, lebih serius bagi mendepani ketidaktentuan global termasuk kesan konflik Asia Barat dan Eropah Timur yang memberikan impak kepada ekonomi kita.

YB. Tuan Speaker, kerajaan negeri mengambil maklum penegasan Tuanku bahawa pertama pengurusan sumber air perlu diperkukuhkan berikutan perubahan iklim dan ketidaktentuan cuaca. Yang kedua, kawasan tadahan air termasuk Hutan Simpan Ulu Muda perlu dipelihara secara tegas dan secara tersusun. Yang ketiga, infrastruktur sokongan perlu diperkasa bagi memperkukuh dan menyokong pertumbuhan ekonomi termasuk di Pulau Langkawi. Sehubungan itu, portfolio ini yang diamanahkan kepada saya dengan komited berusaha untuk memastikan Pengurusan Sumber Air Bersepadu, IWRM atau Integrated Water Resources Management melalui agensi utama Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) dengan sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah, Jabatan Perhutanan, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Kedah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah, Syarikat Air Darul Aman (SADA) bagi memastikan perancangan dan perlaksanaan infrastruktur berdaya tahan serta pematuhan undang-undang dan tadbir urus yang baik.

YB. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit tentang Projek Tebatan Banjir (RTB). Kerajaan Negeri melalui JPS telah melaksanakan projek-projek utama RTB yang dalam sidang DUN pagi tadi pun saya sebut berhubung dengan RTB Jitra Selatan yang hampir siap, sudah mencapai 92 peratus, RTB Sungai Kedah/Anak Bukit sudah melebihi 92 peratus dan RTB Sungai Pendang (Pakej 2) 74 peratus. Walaupun terdapat cabaran seperti kontraktor ditamatkan, RTB Sungai Pendang (Pakej 1) tindakan tender semula telah diambil bagi memastikan kesinambungan projek ini. Secara keseluruhannya, projek RTB ni melibatkan peruntukan ratusan juta ringgit. Alhamdulillah telah berjaya dibawa ke negeri ini sebagai usaha mitigasi banjir dan perubahan iklim untuk jangka panjang. YB. Tuan Speaker, tadi YB. Sidam, Ketua Pembangkang sebut tapi dia tak dak dalam Dewan pula. Dia menyebut bahawa lantikan kontraktor untuk projek RTB ini adalah oleh kerajaan negeri. Itu adalah kenyataan yang salah, kenyataan yang silap yang sebenarnya proses tender penyediaan dokumen tender dan pelantikan kontraktor untuk RTB yang berkenaan adalah diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan, bukan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, kita harap tidak mengelirukan Dewan, tidak mengeluarkan fakta yang silap, yang salah.

Demikian juga YB. Sidam membangkitkan soal loji rawatan air yang disebut telah ditamatkan. Sebenarnya belum, juga fakta yang tidak tepat. Walaupun kita mengakui projek tersebut mengalami kelewatan dan tidak berapa lama lagi akan dibawa ke Jawatankuasa CCP (Contract Coordination Panel) untuk tindakan selanjutnya. Yang ditamatkan itu adalah projek LRA (Loji Rawatan Air) Sungai Limau yang baru-baru ini telah pun dibuat lawatan tapak di mana seramai 17 kontraktor telah mengambil bahagian dan tidak berapa lama lagi akan dilantik kontraktor penyelamat untuk LRA Sungai Limau yang akan membawa manfaat kepada khususnya pengguna-pengguna di kawasan Baling. YB. Bayu tak ada dalam Dewan, dia bangkitkan kelmarin untuk dibuat mini loji kerana air di Baling tu jernih cantik. Untuk makluman, setakat ini SADA tidak bercadang untuk membina loji tersebut kerana insya-Allah bila mana Loji Rawatan Air di Sungai Limau siap oleh kontraktor penyelamat satu masa nanti, dia akan *cover* kawasan-kawasan yang terlibat di Bayu tersebut. Ya, bukan taugeh, taugeh lagi (ketawa kecil).

Kerajaan Negeri juga memandang serius aspek keselamatan jalan raya sebagai soalan jawapan kepada YB. Bandar Baharu tadi. Sebenarnya sebanyak RM100,000 telah… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang, YB. Tokai minta laluan.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Siapa minta laluan Yang Berhormat?

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tokai! Tokai!

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Tokai.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Oh! Duk belakang, tak nampak. Minta maaf.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Takpa, tak nampak takpa pasal mata tak duk depan, mata tak duk belakang. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Sebelum YB. Kuala Nerang pi kepada jalan raya, saya nak sentuh sikit tentang RTB Sungai Pendang ni. Saya tengok dan dalam Mesyurat Pembangunan Daerah pun saya dah sentuh tentang RTB Sungai Pendang ini sebab dibuat tebatan banjir tu adalah sungai yang dikorek, bukan sungai asal. Banjir ni maknanya masalah berlaku di sungai asal bukan sungai yang dikorek. Sungai korek ni maknanya sungai masa MADA dululah nah. Sama ada dia mengguna pam untuk kawasan-kawasan daripada sungai asal ke sungai yang dibuat tebatan banjir ni ataupun dia mempunyai empangan. Ternyata mereka mengatakan tidak ada pam. Jadi, bagaimanakah kemungkinan air yang banyak di sungai asal ni akan disalurkan kepada sungai yang dijadikan sebagai sungai tebatan banjir ini? Itu yang menjadi kerisauan saya. Kalau sekiranya projek ini siap besok pun air tu akan bertakung ataupun melimpahi kampung-kampung melalui sungai yang asal tadi ni. Saya minta huraian daripada YB. Kuala Nerang ataupun mungkin mereka boleh menjawab melalui premis-premis yang lainlah terhadap kerisauan yang menghantui pemikiran kami di Pendang ni. Sekian, YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Ada soalan YB. Tuan Speaker.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Boleh? Terima kasih YB. Tokai.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Boleh saya mencelah sat?

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Ya, dalam projek RTB ni kadang-kadang kita tengok rasa pelik. Nak tanya ka?

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Boleh?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu mintak laluan.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Ya, ya.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Sebelum YB. Kuala Nerang terus kepada jalan raya tadi, melibatkan YB. Bandar Baharu juga. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada YB. Kuala Nerang di atas usaha untuk melancarkan perasmian Loji Lubuk Buntar yang lalu bersama dengan YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Terima kasih. Kemudian yang keduanya berkaitan dengan tebatan banjir di Bandar Baharu. Saya berharap tebatan banjir di Bandar Baharu dapat dilaksanakan dalam tempoh yang dirancang dengan RM88 juta dia punya bajet. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu. Silakan Yang Berhormat Kuala Nerang.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Terima kasih YB. Tokai, YB. Bandar Baharu. Ya, seperti yang saya sebut tadi bila tengok projek RTB ni kadang-kadang kita rasa pelik dan hairan. Pasal kadang-kadang dia korek parit tu dia korek terusan tu di tengah-tengah tak bersambung pun dengan sungai, kan? Jadi, air tu nak mai ikut mana? Air tu bertakung lah macam YB. Tokai

kata tadi (ketawa kecil). Sama seperti kita lihat di Sungai Baru/Anak Bukit/ Kuala Kedah. Yang tu belum siap, kalau dah siap nanti dia akan bersambung menyebabkan air daripada sungai tu akan dialirkan ke terusan yang dibuat itu. Insya-Allah bila mana berlaku limpahan, dia akan masuk ke sana dan insya-Allah akan kuranglah risiko banjir kepada kawasan-kawasan kampung dan sebagainya. Ni projek tak siap lagi memang kita nampak air tu nak pi ke mana? Mai dari mana? Nak masuk ke mana? Nak pi ke mana? Berhubung dengan YB. Bandar Baharu tadi projek RTB di sana juga insya-Allah akan dilaksanakan dalam masa yang tidak lama insya-Allah.

Baik YB. Tuan Speaker, saya sambung. Sebanyak RM100,000 peruntukkan telah disediakan untuk pencegahan awal di Jalan Gunung, Sungai Korok melalui penanaman pokok Asoka, pokok buluh sebagai penampan estetik dan selain itu, pemasangan *steel sheet pile* dan *guardrail* oleh JKR (Jabatan Kerja Raya) untuk mencegah kegagalan cerun.

Bagi menangani isu kecurian kabel yang sering berlaku terutama di DUN Sidam yang disebutkan itu, sebenarnya kerajaan telah mula beralih kepada lampu solar LED secara berfasa berperingkat ya. Kalau kita tengok hari ini, lampu solar banyak digunakan kerana ia menjimatkan penggunaan elektrik dan kosnya pun sebenarnya lebih murah berbanding dengan pemasangan lampu yang menggunakan tenaga elektrik yang kita kena bayar secara setiap bulan. Selain itu juga, saya suka maklumkan bahawa untuk tahun 2026 sehingga Mac 2026 sebanyak RM118.08 juta telah diperuntukkan untuk senggaraan Jalan Persekutuan dan juga RM41.72 juta bagi Jalan Negeri yang melibatkan pelbagai kerja-kerja fizikal untuk penyelenggaraan jalan.

YB. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit tentang LRA. Tadi disebut oleh YB. Banyak Baharu. Ya betul, Alhamdulillah hasil kerja kuat pihak JKR, kontraktor dan semua pihak melalui peruntukan yang diberikan, projek Loji Rawatan Air di Lubuk Buntar yang telah pun siap. Kalau digabungkan dua loji itu, yang lama dan baru 34 MLD campur 25 MLD jumlahnya 59 juta MLD telah pun siap pada 8 hari bulan 1 tahun 2026. Siap 100 peratus, Alhamdulillah dan telah pun diserahkan secara rasmi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar turun dulu pada 29 hari bulan 3 tahun 2026 diserahkan secara rasmi di mana ditandatangani proses penyerahan tersebut dan telah pun beroperasi sepenuhnya yang memberi manfaat kepada bukan ratusan orang tetapi seramai 12,359 akaun di Bandar Baharu. 12,359 akaun ni boleh darab tengoklah kalau satu rumah 5 orang lebih kurang 60,000 dapat manfaat. Bahkan Alhamdulillah ada lebihan sebanyak 22.5 juta liter daripada loji tersebut yang telah pun siap. Maknanya air tu lebih, ada margin ada lebihan yang dulu Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut, “boleh jual kalau kita nak jual kat Pulau Pinang.”

Ini antara kejayaan kita yang menguruskan juga JKR kedah. Tahniah kepada JKR Kedah. Demikian juga Loji Rawatan Air (LRA) di Jenun Baru yang ni 55 MLD tambah yang baru buat 100 MLD jadi jumlah 110 MLD yang dijangka siap insya-Allah pada 29 hari bulan 5 nanti ya, sekarang ni sudah mencapai 98.13 peratus. Alhamdulillah, walaupun tak siap sepenuhnya dan insya-Allah akan siap ia akan beri manfaat kepada seramai lebih kurang 37,000 akaun. Ini satu lagi kejayaan kita yang kita buktikan bahawa Kerajaan Negeri mampu dan boleh urus. Cuma, dia perlu kepada masa. Dan yang terakhir, Loji Rawatan Air Pelubang. Daripada dulu dua dua tujuh atau 227 MLD juta liter sehari…. (YB. Tokai mencelah)

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Jenun Baru ni. Di kawasan Yang Berhormat Timbalan Speaker ni, Jenun. Boleh ya, saya tolong bagi kredit? Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker dan juga kepada YB. Kuala Nerang. Bila sebut Jenun Baru maknanya dia belah DUN Sungai Tiang. Saya tengok di belah DUN Sungai Tiang satu *elevated reservoir* di Kubur Panjang dah lama siap dan dinyatakan sebelum-sebelum ni tak dapat digunakan disebabkan terpaksa pam air naik ke *reservoir* tu menggunakan tenaga elektrik yang banyak, jadi tak ekonomikal. Jadi, selepas Jenun Baru siap ataupun mana-mana sebelum inilah pusat rawatan air yang siap ni saya harap *elevated reservoir* di Kubur Panjang tu boleh kita gunakanlah kerana terlalu besar dan manfaat yang terlalu banyak kepada mereka-mereka ada di sekeliling Kubur Panjang sampai ke hujung Ketun dan juga Kampung Linchan di sebelah Naka sana. Jadi, saya harap pihak YB. Kuala Nerang dapat mengambil perhatian terhadap *elevated reservoir* di Kubur Panjang ni. Sekian, terima kasih. YB. Tuan Speaker, ini masuk Sungai Tiang ni.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai. Terima kasih (ketawa).

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Terima kasih YB. Tokai. Ya, kita ambil maklum dan ambil perhatian insya-Allah ke arah penambahbaikan. Baik, YB. Tuan Speaker, loji air di Pelubang 227 juta liter sehari bila dibuat, tambah lagi 227, lebih kurang 454 juta liter sehari yang akan memberi manfaat. Yang ni lagi sakan, lagi banyak di Kota Setar sebanyak 94,406 akaun dan di Kubang Pasu 54,988 akaun. Sekarang ni telah mencapai 91 peratus kemajuannya. Cuma berdepan dengan sedikit isu berhubung dengan izin lalu pihak LLM (Lembaga Lebuhraya Malaysia) atau PLUS yang sedang diusahakan. Kalau dapat diselesaikan dengan segera, dengan cepat projek itu insya-Allah akan dapat siap. Kita harap pada tahun ini juga insya-Allah.

Selain daripada itu YB. Tuan Speaker, Pelan Bekalan Air Kedah Tahun 2050 sedang dilaksanakan dengan sasaran *resort margin* air. La ni *resort margin* kita kosong, jadi dengan perancangan-perancangan yang dibuat ini kita letak *target* sekurang-kurangnya dapat 10 peratus hingga 15 peratus melalui pelaksanaan pembinaan Loji Rawatan Air yang baru di Sungai Karangan, di Sidam Kiri ya, dan juga dalam beberapa projek yang lain yang insya-Allah akan dimulakan pada tahun 2027. Secara *detail* insya-Allah saya akan sebut kemudian.

Begitu juga di Pulau Langkawi, SADA komited untuk menangani isu bekalan air dengan pemasangan *booster pump Malut* yang akan meningkatkan pengambilan air mentah daripada 30 MLD kepada 45 MLD. Demikian juga, kerja pembaikan paip dasar laut yang dibuat secara berterusan dan juga peruntukan yang diterima yang sedang dilaksanakan sebanyak RM50 juta itu yang insya-Allah dijangka siap pada September 2026 nanti. YB. Tuan Speaker, hasil daripada usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak SADA, untuk makluman Dewan, setakat ini SADA juga telah berjaya menurunkan kos penghantaran lori air ni, kos penghantaran air melalui lori ini bagi tahun 2024, kosnya ialah sebanyak RM16.2 juta tetapi pada tahun 2025 kos itu menurun tinggal RM4.1 juta. Menurun sebanyak 75 peratus. Ini satu kejayaan lagi yang boleh kita banggakan, menunjukkan SADA telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah kekurangan air. Walaupun baru-baru ini kita lihat bila musim perayaan memang kita tidak nafikan ramai warga perantau balik, penggunaan air yang tinggi ditambah pula dengan musim kemarau. Jadi, ini menyebabkan banyak kawasan di hujung sistem atau di tempat yang tinggi tidak mendapat air.

Namun demikian, pihak SADA telah menghantar air secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan dan kalau dilihat secara purata seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, purata gangguan berbanding dengan tahun lepas perayaan tahun ini 0.74 peratus lebih kurang berbanding dengan yang sebelum itu 0.94 peratus. Jadi maknanya, ada sedikit penurunan. Walaupun kita tidak nafikan ada kesan gangguan tetapi tindakan telah diambil oleh pihak SADA untuk mengatasinya. Cuma saya menyeru, saya berharap kepada yang terganggu ini dapat terus bertabah. Tindakan-tindakan sedang dibuat dan akan dibuat dan menyampaikan aduan kepada pihak SADA. Kalau pihak SADA tak ambil tindakan saya bersedia pada bila-bila masa untuk menerima Whatsapp atau menerima telefon untuk kita menghubungi SADA seterusnya bagi dia ambil tindakan segera, insya-Allah.

YB. Tuan Speaker, di dalam Dewan ini juga dibangkitkan tentang beberapa isu utama yang disebut tentang keselamatan jambatan seperti yang disebut oleh YB. Tokai. Bila ada kaitan dengan RTB di Pendang ya, projek itu pula dah ditamatkan ke Pakej 1 dan jambatan itu agak terganggu dan tindakan telah dan akan terus dibuat, diselenggarakan jambatan tersebut untuk ditambah baik. Tambah dengan lampu solar, ditambah dengan *amber light* dan beberapa langkah keselamatan yang lain

sementara menunggu projek itu disiapkan oleh kontraktor penyelamat nanti. Di samping itu juga, seperti saya sebut tadi, untuk mengurangkan kos penyelenggaraan sistem lampu solar LED telah dilaksanakan di beberapa tempat. Dan saya kira semua ini akan membantu rakyat supaya dapat lebih selesa dan lebih selamat, insya-Allah.

YB. Tuan Speaker, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah menitahkan supaya pengurusan air ini juga diuruskan dengan secara lebih serius, dengan lebih mampan. Dan saya sebut di awal ucapan tadi, agensi yang bertanggungjawab antaranya ialah yang paling utama Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK). Saya ingin kongsikan apa perancangan, apa yang telah dan akan dibuat. Ada empat perkara. Yang pertama, cadangan untuk membina Takungan Air Pinggiran Sungai atau ringkas disebut TAPS di Kampung Lesung Daerah Kuala Muda. Yang ini insya-Allah akan membekalkan air mentah kepada Loji Rawatan Air di Bukit Selambau sebanyak yang akan dinaik taraf daripada 30 juta liter kepada 70 juta liter dan akan mengurangkan kebergantungan LRA Bukit Selambau kepada Sungai Muda dan juga pelepasan-pelepasan daripada Empangan Beris semasa musim kemarau. Ini tujuan dan juga manfaat bila berlaku bila dibuat TAPS di Lesung ini dan kita nak pastikan supaya LRA Bukit Selambau dia tak terganggu masa musim kemarau akibat penyusutan air di Sungai Muda. Kos projek ini ialah RM65 juta dan setakat ini statusnya ialah telah selesai iklan pra-kelayakan dalam tindakan memuktamadkan kehendak kerajaan *new statement* oleh kerajaan.

Yang kedua, untuk bina TAPS di Sungai Karangan di Kulim. Yang ni untuk membekalkan air mentah kepada LRA Karangan dengan kapasti 450 juta MLD yang bernilai RM496 juta. Yang ni dalam peringkat penyediaan TOR (Terms of Reference) untuk lantikan perunding kejuruteraan. Yang ketiga, pembinaan empangan bawah tanah, telaga tiub dan struktur takungan di Padang Matsirat, Langkawi yang dulu disebut projek UGD untuk membekalkan sumber air mentah kepada LRA Padang Saga yang berkapasiti 30 MLD dengan nilai RM412 juta. Untuk makluman Dewan, JBA (Jabatan Bekalan Air) telah melantik UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) sebagai pakar runding untuk menilai semula cadangan membina UGD di Langkawi dan JBA telah buat permohonan untuk NOC (Notis Perubahan) projek UGD ni kepada penyedutan terarah air NAHRIM (Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia) sistem infiltrasi dasar sungai PETRAN-SIDS di lembangan Sungai Melaka. Ada sedikit pindaan, tetapi kita yakin projek ini tidak ditarik balik peruntukannya cuma diubah konsep dan skop perlaksanaannya untuk memastikan kapasiti air dapat diterima untuk LRA Padang Saga.

Yang keempat, cadangan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai di Langkawi juga untuk membekalkan air mentah LRA Padang Saga 4 berkapasiti 30 MLD bernilai RM105 juta dan ini dalam peringkat reka bentuk konsep dan dalam tindakan melantik kontraktor maaf, perunding ukur dan juga kontraktor untuk SI (Soil Investigation) atau

penyiasatan tanah. YB. Tuan Speaker, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh tentang pengurusan sumber air yang saya kira ini berkait rapat dengan soal pengurusan hutan. Saya ingin berkongsi sedikit maklumat kepada Dewan yang mulia ini walaupun sebelum ini telah disebut dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Untuk makluman Dewan, secara keseluruhan luas Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Kedah ini adalah seluas 343,465.92 hektar. Daripada jumlah tersebut, 206,896 hektar adalah dikelaskan sebagai hutan pengeluaran iaitu kawasan yang diurus bagi aktiviti hasil hutan secara terkawal, berhemah selaras dengan prinsip pengurusan hutan secara lestari. Sementara baki 136,569 hektar merupakan hutan perlindungan yang berfungsi sebagai benteng semula jadi alam dalam memelihara biodiversiti, kestabilan tanah serta sistem hidrologi negeri. Sementara hutan pengeluaran ialah 206,896.66 hektar. Daripada hutan perlindungan ini, 110,495 hektar diwartakan secara khusus sebagai Hutan Tadahan Air (HTA). Ini yang saya nak sebut antara kaitan dengan pengurusan air yang memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kesinambungan bekalan air kepada penduduk dalam sektor pertanian dan juga industri. Pewartaan kawasan ini menunjukkan keutamaan tinggi yang diberikan oleh kerajaan negeri terhadap keselamatan sumber air khususnya dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dalam ketidaktentuan cuaca yang boleh menjejaskan paras simpanan air. Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang, boleh buat penggulungan.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Takdan habis pa Yang Berhormat (ketawa kecil). Tak komen hat lain-lain. Saya perhabis hat hutan sikit boleh Yang Berhormat?

YB. TUAN SPEAKER

Ya!

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Jangan panjang sangat na?

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Ya?

YB. TUAN SPEAKER

Jangan panjang sangat!

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Sikit saja, setengah saja.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, ya.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri adalah kekal komited dengan memastikan kawasan Hutan Tadahan Air ini sentiasa dilindungi dan diurus secara lestari. Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga sentiasa memperkukuhkan pelaksanaan pemantauan secara berjadual melalui rondaan berkala di lapangan yang dilaksanakan oleh pegawai dan anggota penguat kuasa di kawasan strategik. Usaha ini diperkasakan lagi dengan penggunaan kaedah pemantauan yang lebih sistematik dan bersepadu termasuk teknologi pemantauan moden seperti dron, sistem satelit yang disebut oleh YB. Belantek tak silap saya, ya memang telah dilaksana dan akan terus dilaksanakan melalui pendekatan *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS). Teknologi ini membolehkan pemantauan dilakukan secara lebih menyeluruh, tepat dan berterusan sekali gus meningkatkan keupayaan pengesanan awal terhadap sebarang perubahan guna tanah, pencerobohan atau aktiviti mencurigakan di kawasan tadahan air yang sensitif khususnya di Hutan Simpan Ulu Muda. YB. Tuan Speaker, sambung esok ka? Boleh kut sikit lagi? Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Banyak lagi ka?

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Ada lagilah. Mungkin 10 minit lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Kita minta sambung esok, boleh?

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

(mengangguk) Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih kepada semua yang telah pun memberi kerjasama melancarkan Persidangan Dewan kita pada hari ini. Maka dengan ini, saya menangguhkan Dewan ini sehingga jam 9.00 pagi esok.

[Sidang Dewan ditangguh pada jam 4:30 petang]

[Sidang Dewan pada 16 April 2026 – Hari Keempat Persidangan]

YB. TUAN SPEAKER

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera kepada semua. Dewan disambung semula. Bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - BACAAN DOA

Alhamdulillahi Rabbul Samawati Wa'l-Ardi Wa'l-Rabbul Alamin. Wa Salatu Wa Salamu Ala Sayyidina Muhammadin Sayyidil Mursalin. Wa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in.

Dengan nama Allah. Tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah. Tuhan yang memerintah sekalian langit dan bumi dan Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas Rasul kami Nabi Muhammad. Penghulu sekalian Rasul dan diatas keluarga dan sekalian sahabat-sahabatnya. Ya Allah yang Maha Berkuasa. Engkaulah Tuhan yang Maha Adil, Bijaksana dan Pemurah. Tuhan yang telah mengaturkan kewajipan Sultan Pemerintah dan meletakkan tanggungan pertubuhan dewan untuk keselamatan pemerintah dan kesejahteraan rakyat.

Kami hamba-hambamu yang Engkau telah perkenan meletakkan tanggungjawab bagi menyempurnakan segala pekerjaan dalam dewan ini memohon dengan limpah kurniaanmu berkatilah apa jua kiranya amalan-amalan pekerjaan kami dalam dewan ini. Sesungguhnya kami menjunjung perintah dan kebesaranmu maka anugerahkanlah kepada kami taufik dan hidayahmu yang menyeluruh bagi memimpin kami ketika berunding dan menimbang segala perkara yang didatangkan di hadapan kami. Dan kekalkanlah diatas kami sifat-sifat amanah jujur dan bertanggungjawab bagi menegakkan syariatmu dan menambahkan kemakmuran dan kesejahteraan negeri Kedah Darul Aman dan sekalian penduduknya.

Rabbana Atina Fiddunya Hasanah Wa Fil Akhirati Hasanah Waqina Azabannar.

Aamin Ya Rabbal Alamin.

YB. TUAN SPEAKER

Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi ini, Dewan Undangan Negeri Kedah ada menerima tetamu daripada Sekolah Menengah Islam Darul Ulum, seramai 39 orang termasuk guru dan pegawai-pegawai daripada SADA (Syarikat Air Darul Aman) seramai 11 orang. Saya mengambil kesempatan ini untuk nak mengucapkan selamat datang ke Dewan Undangan Negeri Kedah. Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan kepada pertanyaan-pertanyaan mulut.

I. SAMBUNGAN SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

YB. TUAN SPEAKER

Sebelum saya menjemput YB. Bayu, saya ingin menyampaikan serangkap pantun. Saya mohon izin sebab pantun saya ni pantun import. Sebab saya duk tengok tadi ni bila saya masuk ramai YB-YB macam dalam keadaan tertanya-tanya kenapa timbalan awal pagi ni. Jadi bukan apa, sebab saya nak menyampaikan serangkap pantun yang telah pun diimport, jadi saya minta izin.

Prachum sapa ruamchai phatana,
Kedah rungreung kau klai talot pai.

Jadi saya nak terjemah ka YB. Sidam nak terjemah? Saya terjemah.

Persidangan Dewan bersama membangun,
Kedah makmur terus maju selamanya.

Seterusnya, saya menjemput YB. Bayu untuk membuat persoalan.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Terima kasih YB. Tuan Speaker. YB. Tuan Speaker mula dengan pantun, saya pun nak mula dengan pantun jugalah.

Pecah kaca pecah gelas,
Soalan saya nombor sebelas.

Terima kasih.

11. YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB
[ADUN BAYU]

Pohon dinyatakan apakah program dan langkah yang telah serta akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi memperkukuhkan semula semangat muhibah dan perpaduan antara kaum dan agama dalam keadaan semasa yang semakin mencabar?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Kulim.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Pagi-pagi soalan satu,
Saya jawab soalan Bayu.

Hahaha…Terima kasih YB. Tuan Speaker. Salam sejahtera dan selamat pagi. Soalan daripada YB. Bayu. "Pohon nyatakan program dan langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi memperkukuhkan semula semangat muhibah dan perpaduan antara kaum dan agama". Jawapannya, kerajaan negeri sentiasa komited dalam memastikan keharmonian serta perpaduan antara kaum dan agama terus dipelihara dalam menghadapi cabaran semasa yang semakin kompleks. Pelbagai program dan inisiatif telah serta terus dilaksanakan bagi memperkukuhkan semangat muhibbah dalam kalangan rakyat.

Antara langkah yang diambil oleh kerajaan negeri adalah seperti menganjurkan program perpaduan dan kemasyarakatan seperti sambutan rumah terbuka perayaan utama. Program kebudayaan serta aktiviti komuniti yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum bagi memupuk interaksi dan persefahaman antara masyarakat. Seperti contoh, kerajaan negeri melalui rumah terbuka Aidilfitri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Kedah, telah memperlihatkan kehadiran pelbagai lapisan masyarakat dalam kalangan pelbagai budaya yang turut hadir memeriahkan majlis tersebut. Ada melayu, cina, india, siam. Ada yang tua, ada yang muda, ada yang kecil, ada sami, ada sifu, dan sebagainya. Kehadiran pemimpin kaum yang turut sama hadir menunjukkan bahawa nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat di negeri ini sangat tinggi, sekali gus menepis dakwaan bahawa Negeri Kedah merupakan negeri yang mempunyai tahap perpaduan yang sangat rendah di negara kita ini.

Di samping itu, melalui memperkasakan peranan komuniti setempat melalui Majlis Ketua Kampung dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam melaksanakan program kemasyarakatan dan aktiviti perpaduan di peringkat akar umbi. Apa yang kita boleh buat di peringkat akar umbi. Seperti mengaktifkan semula aktiviti gotong-royong di taman-taman perumahan, bangunan serata, sambutan perayaan bersama, dan aktiviti kebudayaan melibatkan pelbagai kaum bagi merapatkan jurang persefahaman sesama ahli masyarakat.

Sebagai contoh, sempena Tahun Melawat Kedah 2025, kerajaan negeri telah menganjurkan gotong-royong besar-besaran "Experience Kedah" yang telah melibatkan semua daerah yang berjalan serentak di 36 kawasan DUN Negeri Kedah. Program gotong-royong ini bukan sahaja bertujuan untuk membersihkan kawasan sekitar, namun turut menjadi wadah bagi memperkenalkan kawasan-kawasan menarik di Kedah. Melalui aktiviti ini juga, kita dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di Negeri Kedah.

Tahniah kepada YB. Kuala Ketil dan YB. Kubang Rotan yang menjayakan program gotong-royong ini. Seterusnya, melaksanakan program dialog dan wacana antara agama serta kaum dengan kerjasama agensi kerajaan, institusi pendidikan dan pertubuhan masyarakat bagi meningkatkan kefahaman, toleransi dan sikap saling menghormati. Sebagai contoh di bawah portfolio saya, kami telah mengadakan mesyuarat berkaitan hal ehwal masyarakat cina, india, siam dengan penglibatan NGO-NGO (Badan Bukan Kerajaan) serta pemimpin-pemimpin komuniti. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan pelbagai isu yang melibatkan agama, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebajikan bagi setiap masyarakat agar suara-suara mereka dapat didengar dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Selain daripada itu, memperluaskan program kesedaran dan pendidikan perpaduan khususnya dalam kalangan belia dan pelajar melalui ceramah, forum, program, sukarelawan, dan aktiviti komuniti yang menekankan nilai keharmonian serta kebersamaan dalam masyarakat majmuk. Sebagai contoh, kerajaan negeri telah menganjurkan kem bina sahsiah di bawah YB. Merbau Pulas, EXCO Pembangunan Insan, bagi menyediakan pengisian rohani dan jasmani kepada anak-anak Kedah yang berusia dari 14 hingga 19 tahun. Selain daripada itu, kita ada program Bakti Siswa Perdana yang dianjurkan di bawah YB. Jitra, EXCO Pengajian Tinggi, dengan penglibatan seramai 1,500 mahasiswa mahasiswi anak Kedah yang sudi menyumbang kembali kepada negeri tercinta kita ini melalui pelbagai aktiviti pembangunan dan khidmat masyarakat.

Tahun lepas, para peserta Bakti Siswa Perdana juga turut serta dalam Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Kampung, Karnival Kampung Sejahtera serta Kenduri Rakyat bersama masyarakat setempat yang memupuk semangat muhibah dan perpaduan. Langkah seterusnya, untuk memperkukuhkan semangat kerjasama, semangat perpaduan melalui kerjasama strategik antara kerajaan negeri, agensi persekutuan, pihak berkuasa tempatan, serta pelbagai pertubuhan masyarakat dalam merancang dan melaksanakan program yang bersifat inklusif demi memastikan kestabilan sosial dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Sebagai contoh, kerajaan negeri turut menjalinkan kerjasama yang erat dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan di negeri kita.

Dalam usaha memperkukuhkan semula semangat muhibah dan perpaduan antara kaum dan agama, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menganjurkan program-program seperti ceramah perpaduan dan kempen-kempen kesedaran yang menekankan pentingnya hidup bersama secara harmoni dalam kepelbagaian agama, budaya dan adat resam pelbagai kaum terutamanya melalui penggunaan media sosial masa kini, misalnya, aplikasi *TikTok*.

Sebagai contoh, sempena Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Kedah yang telah diadakan di Dataran Darul Aman, Jitra telah mengetengahkan kepentingan silang budaya dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa di Negeri Kedah. Termasuk juga inisiatif Kawasan Rukun Tetangga (KRT) berfungsi sebagai tunjang perpaduan, keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat melalui usaha sukarela. Jawatankuasa KRT diperkasakan dan menganjurkan dialog antara pemimpin, agama, kaum, dan dialog bersama wakil rakyat untuk menyelesaikan isu sensitif secara harmoni. Sebagai contoh, penganjuran rumah terbuka Aidilfitri dan perayaan serta program bubur lambuk di kawasan KRT telah membuka peluang bagi mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum yang tinggal di taman atau kawasan berkenaan. Secara tuntasnya, kerajaan negeri dengan kerjasama semua agensi kerajaan yang berkaitan akan terus komited dalam memperkasa usaha-usaha ini agar semangat muhibbah, toleransi dan perpaduan dalam kalangan rakyat Negeri Kedah ini terus kukuh dan terpelihara. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kulim. Soalan tambahan.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada YB. Kulim di atas jawapan daripada YB. Bayu tadi. Cuma soalan tambahan saya kepada YB. Kulim, adakah kerajaan negeri mempunyai pelan jangka panjang atau dasar khusus bagi memperkukuh perpaduan antara kaum dan agama khususnya dalam menghadapi cabaran semasa? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Kulim.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Saya memang setuju dengan soalan yang dikemukakan oleh saudara kita YB. Bayu, bahawa usaha memperkukuhkan semangat perpaduan pada masa kini semakin mencabar lebih-lebih lagi dengan pelbagai pengaruh dan isu yang telah timbul di kalangan media sosial. Jadi pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri termasuk penyediaan RM600,000 dalam setahun, dalam bajet kerajaan negeri sebagai dasar kerajaan negeri bertujuan untuk menganjurkan program-program yang boleh memupuk semangat perpaduan. Setakat pengetahuan saya, tidak ada semua negeri menyediakan peruntukan ini, peruntukan seumpama ini. Jadi, usaha atau peruntukan ini bukan sekadar tertumpu kepada penganjuran program atau perayaan kebudayaan semata-mata tetapi ia lebih kepada bagaimana kita membina nilai kebersamaan supaya kita dapat mengukuhkan hubungan di antara masyarakat. Justeru, kita semua harus mengingati bahawa Negeri Kedah merupakan negeri yang terbuka dan mengamalkan semangat kebersamaan untuk memperkukuhkan semangat perpaduan di antara semua kaum.

Dan selain daripada itu, di peringkat kebangsaan, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah merangka satu dasar bagi memperkasakan perpaduan antara kaum di Malaysia. Dasar tersebut dirujuk sebagai pemerkasaan pengurusan isu perpaduan negara melalui penubuhan Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat (PRISMA). Dan PRISMA ini menggantikan Bilik Gerakan Perpaduan yang telah digunakan secara tradisi sejak tahun 1969 sehingga kini. Bilik Gerakan Perpaduan ini memberikan pendekatan fizikal, pemantauan manual dan respon yang tertumpu kepada pengurusan krisis selepas sesuatu insiden yang berlaku. Walau bagaimanapun, dengan kewujudan PRISMA, ia akan lebih inklusif dalam mendepani cabaran semasa di mana lebih sesuai untuk mendepani cabaran media sosial yang pantas melalui platform integrasi nasional dipacu oleh data akar umbi dan penyelarasan strategik. Justeru bagi saya, kejayaan untuk menguruskan isu perpaduan tidak terhad di peringkat negeri semata-mata, ia turut dipacu oleh kepimpinan proaktif, sokongan dan komitmen yang jitu daripada peringkat persekutuan dan Kementerian Perpaduan. Dan untuk mencapai inisiatif strategi sekaligus memastikan keharmonian dan kestabilan negeri yang terus terpelihara. Sekian, terima kasih. Jawapan daripada saya.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Kulim.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker?

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Tuan Speaker, ada soalan tambahan lagi boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Saya mohon maaf. Pagi ni saya cuma benarkan satu soalan tambahan saja. Seterusnya, saya menjemput YB. Kota Siputeh, dipersilakan.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Soalan seterusnya nombor 12 pada EXCO Pertanian, YB. Suka Menanti.

12. YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR [ADUN KOTA SIPUTEH]

Pohon dinyatakan jadual kekerapan penguatkuasaan tinjaun operasi maritim dan perikanan di laut bagi mengatasi isu pencerobohan zon aktiviti nelayan asing.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Suka Menanti.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

Terima kasih, YB. Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. ‘Sawadikap, sabai dee mai?’

YB. TUAN SPEAKER

‘Sabai’ (dengan izin).

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

YB. Sidam pun senyum dah, okey dah tu. Ha ha ha…YB. Tuan Speaker, soalan YB. Kota Siputeh berbunyi, “Pohon dinyatakan jadual kekerapan penguatkuasaan tinjauan operasi maritim dan perikanan di laut bagi mengatasi isu pencerobohan zon aktiviti nelayan asing”. YB. Tuan Speaker, isu pelanggaran sempadan zon oleh pengusaha-pengusaha bot komersial yang menggajikan nelayan asing sebagai pekerja telah menjadi fokus utama pihak kerajaan menerusi Jabatan Perikanan Malaysia kerana ianya melibatkan kemusnahan kepada sumber perikanan dan juga bagi menjaga hak-hak nelayan tradisi atau kawasan pantai yang sering berhadapan masalah

kekurangan hasil tangkapan akibat pencerobohan bot-bot komersial dari zon B, B1 dan C melebihi sempadan zon yang dibenarkan. Keutamaan rondaan penguatkuasaan adalah tertumpu di kawasan zon A iaitu pada jarak di bawah 5 batu nautika dari pesisir pantai bagi memastikan aktiviti pencerobohan dapat dikekang. Selain itu, kekerapan rondaan ditingkatkan secara intensif pada waktu malam dan awal pagi kerana penceroboh sering mengambil kesempatan untuk melakukan aktiviti haram dalam keadaan gelap.

Bagi memastikan keberkesanan operasi, jadual rondaan dilaksanakan secara rawak atau tidak mengikut polar yang tetap supaya pergerakan aset penguatkuasa tidak mudah dihidu atau dikesan oleh pihak TONTO. Ni kita panggil TONTO laut, hat JPJ dok perang dengan TONTO darat. Ada laut pun ada TONTO kita, ada. Geng cari makan macam tulah. TONTO laut yang sentiasa memantau operasi pihak berkuasa, depa boleh bau ni. Bot ronda nak mai waktu mana, tang mana, depa tau ni. Hebat depa punya alat komunikasi dan *communication system* depa hebat. Jenuh dok jaga lawan dengan puak ni pun. Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau (APMM) juga turut melakukan rondaan di kawasan berkenaan bagi membanteras dan menghalang daripada berlakunya aktiviti pencerobohan bot-bot zon lain melebihi sempadan zon yang dibenarkan. Selain itu, Jabatan Perikanan juga telah mewajibkan pemasangan peranti *Automatic Identifying System* atau AIS atau *Mobile Tracking Unit* atau MTU pada semua bot pukat tunda zon B, B1 dan zon C. Peranti ini boleh mengesan bot-bot pukat tunda yang menceroboh kawasan terutama di zon A iaitu pelayaran kurang 5 batu nautika dari pantai. Sekiranya pihak Jabatan Perikanan mengesyaki bot-bot ini melakukan kesalahan menceroboh kawasan, surat amaran atau peringatan akan diberikan kepada pemilik-pemilik bot tersebut bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

YB. Tuan Speaker, juga YB. Kota Siputeh, dan Ahli-ahli Yang Berhormat, isu masalah nelayan tempatan kita ni, yang dok pi tangkap ikan secara kecil-kecilan di tepi-tepi laut ni, di persisir pantai ni, kesian kat depa juga. Hari tu kita biasa buat, kalau YB. Kota Siputeh ingat, kita buat Program Sembang Santai di Kuala Sanglang. Ada seorang nelayan ni dia kata, “YB, saya pi ke laut nak boleh 20 ekor pun jenuh”. Ni YB. Tuan Speaker, nak boleh 20 ekor pun jenuh dia kata. Apa maknanya, maknanya kata kalau boleh kurang daripada 20 ekor, modal boh minyak pon tak boleh *cover*. Tu, kesusahan, keperitan nelayan kita. Macam juga orang buat bendang saya sembang kemarin ni, YB. Sidam. YB. Sidam taubat tak pi dah ke laut kalau dapat tak sampai 20 ekor kan? Nak cari makan macam mana? Nak juai pun tak laku. *Last-last* ambil hat tu, balik goreng ja la. Goreng buh ‘kin kao’ la kan, makan, yang tu ja. Jadi kesian kat depa. Jadi saya mengharap sangat di sini saya merayu bagi pihak nelayan lah di persisiran pantai kita. Saya berterima kasih kepada pihak agensi penguatkuasa yang melakukan sedaya mungkin ya, rondaan dan sebagainya. Tapi saya harap sekiranya ada kokongan aset, beli tambah aset. Kerajaan boleh belanja buat kapal selam tu

berapa YB. Kuala Ketil? Berapa RM5 ka RM6 billion? Tak nampak rupa kapal selam lagi kan? Jadi boleh tambah peruntukan untuk menambah jumlah aset-aset untuk agensi-agensi buat bahasa kita, buat rondaan yang lebih kerap. Sekian, terima kasih YB. Tuan Speaker, daripada saya.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Suka Menanti. Soalan tambahan.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

YB. Tuan Speaker, saya tertarik dengan apa yang YB. Suka Menanti nyatakan sebentar tadi, bila katanya ada TONTO. Ini yang kita juga mengharapkan sebab mekanisme penyaluran aduan itu sendiri di peringkat para nelayan ini.

Dek kerana kalau kita tengok TONTO ni dan juga *counter* TONTO di peringkat kalau contohnya di darat ni, kita ada polis. Polis kalau geng-geng orang kata, yang main motor ni, yang mat rempit ni depa dok marah ni pasal ada geng-geng 42 ni, orang kata. Contoh 42 ni depa tarik kunci lagu tu suka-suka hati depa, contohlah kan. Tapi kita tak ada benda yang sama untuk geng-geng nelayan ni kan. Untuk orang depa nak salurkan maklumat dan sebagainya. Dan bila depa masuk ke zon-zon ni semua, kadang-kadang kita tak pasti bagaimana yang mungkin ada orang yang sama yang boleh serap dan boleh menyampaikan aduan dan kita *counter* balik supaya perkara ni tak berlaku. Sebab kesan rantaian atas isu masalah nelayan ni cukup besar sehingga akan mengakibatkan masalah sosial kat dalam kalangan komuniti nelayan tu sendiri. Jadinya kita harap perkara ini dapat kita atasi lah secara bersama, insya-Allah.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Suka Menanti.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB. GHANI

YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Kota Siputeh. Saya amat setuju dengan isu yang dibangkitkan. Oleh itu, kita mohon sekali macam saya sebut tadi mintalah rondaan tu dibuat dengan lebih kerap dan lebih efisien. Sekarang juga sistem la ni, teknologi macam-macam la ni, YB. Tuan Speaker, kan. Kut atas darat pun geng, Allah, macam-macam lah TONTO darat. YB. Tuan Speaker tahulah, dia biasa duk ni… Tambah hat bawak lori, lagi tau PM (*personal message*) TONTO, JPJ nak mai waktu mana apa semua depa tahu. Kut laut macam tu juga, YB. Tuan Speaker. Jadi saya mengharap agensi-agensi yang berkaitan tolong tengok. Kesian macam saya kata tadi, orang pi

ke laut nak boleh 20 ekor pun jenuh. Lepas tu mai pulak geng pukat tunda mai duk mai, habis ikan kut tepi laut.

Untuk makluman YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita ada *reserve* dipanggil TEV '*Total Economic Value'*, 'reserve' hasil perikanan kita di persisiran pantai di lautan Kedah ni, di sepanjang pantai. Adalah yang terbanyak di semenanjung, RM20 billion lebih, termasuk Kuala Kedah. Jadi itulah kita kena jaga, yang ni yang Allah SWT bagi kita. Apa jua yang Allah SWT bagi kita kena ni, amanah Allah SWT kita kena jaga. Yang ni untuk rakyat, kita kena jagalah. Macam saya sebut kemarin, kita ada seorang Menteri Besar yang penuh kejujuran dan amanah, jaga. Sebab itu kita dapat hasil terbanyak, kutipan hasil terbanyak dalam sejarah.

Jadi begitulah juga kita mengharapkan kejujuran dan amanah daripada semua yang terlibat untuk menjaga kemaslahatan masyarakat baik petani, pesawah, peladang, nelayan dan semua. YB. Tuan Speaker pun buat dusun, tapi tunggu panggil, tak panggil-panggil lagi. Tak tau duk habaq durian tak luruh, tak luruh gitu lah. Ha ha ha..Sekian, YB. Tuan Speaker, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Suka Menanti. Seterusnya, saya menjemput YB. Anak Bukit. Dipersilakan.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Terima kasih, YB. Tuan Speaker.

Kuala Nerang Merbau Pulas,
Soalan saya nombor 13.

13. YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK
(ADUN ANAK BUKIT)

Mohon dinyatakan maklumat terkini tentang projek menaik taraf Loji Rawatan Air Lubuk Buntar, Loji Rawatan Air Pelubang dan Loji Rawatan Air Jenun Baru dari aspek:-

a) Kos setiap Loji Rawatan Air
b) Penambahan kapasiti pengeluaran air
c) Tarikh mula, Extension On Time (EOT) dan tarikh siap
d) Jumlah akaun dan daerah yang akan menerima manfaat

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan, YB. Kuala Nerang.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Anak Bukit. Terima kasih kepada YB. Anak Bukit yang telah mengemukakan soalan yang berbunyi, mohon dinyatakan maklumat terkini tentang Projek Naik taraf Loji Rawatan Air di Lubuk Buntar, Loji Rawatan Air Pelubang dan juga Loji Rawatan Air di Jenun Baru, dari aspek kos setiap loji rawatan. Yang kedua dari segi penambahan kapasiti pengeluaran, tarikh mula, EOT (*Extension of Time)* dan tarikh siap, dan yang keempat yang diminta ditanya oleh YB. Anak Bukit, jumlah akaun dan daerah yang akan menerima manfaat.

YB. Tuan Speaker, YB. Anak Bukit dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat sidang dewan yang dihormati sekalian. LRA (Loji Rawatan Air) Lubuk Buntar, kos projek ini ialah RM51.999 juta lebih kurang RM52 juta dengan penambahan kapasiti RM34 juta liter sehari. Tarikh mula projek ini telah lama 2/5/2021, mendapat *EOT (Extension of Time)* sebanyak 7 kali dan alhamdulillah bagaimanapun dah siap pada 8/1/2026, siap 100 % dan telah pun diserahkan oleh JKR (Jabatan Kerja Raya) kepada pihak BPEN (Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri) pada kerajaan negeri yang dihadiri disaksikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 29/3/2026.

Dan manfaat yang diterima, yang akan diterima, yang telah pun diterima, ialah sebanyak 12,359 akaun di Bandar Baru dan sebahagian Kulim sebenarnya telah menerima manfaat sejak November 2025. Yang kedua Jenun Baru, Loji Rawatan Air Jenun Baru kos projek ialah RM156.8 juta dengan tambahan kapasiti RM55 juta liter sehari, tarikh mula juga telah lama 6/6/2021, mendapat *EOT (Extension of Time)* sebanyak 8 kali dan dijangka siap insya-Allah pada 29/5/2026. Manfaat yang didapati oleh rakyat di sana Daerah Yan sebanyak 17,700 akaun, Yan Besar hingga Ruat, Bukit Besar sehingga Simpang Empat, Kolam Bukit Besar ke Tandop, Teluk Bagan dan Teluk Bagan hujung sejak Disember 2025, walaupun projek belum siap sepenuhnya tetapi manfaat telah dirasai oleh rakyat di kawasan tersebut.

Sementara di Daerah Pendang, sebanyak 15,300 akaun telah mendapat manfaat dari Kolam Jambul Lama ke kawasan Ayer Puteh dan sebahagian Pekan Pendang dan Bukit Raya sejak pertengahan Februari 2026. Inilah hasil kesungguhan kerajaan negeri melalui agensi-agensi seperti JKR dan SADA bagi memastikan rakyat mendapat bekalan air walaupun projek itu belum siap sepenuhnya.

Demikian juga di Loji Rawatan Air Pelubang, Pelubang kos Loji Rawatan ialah RM431 juta yang ni menggunakan pinjaman kepada kerajaan persekutuan yang mesti dibayar balik oleh kita kerajaan negeri, dengan penambahan kapasiti pengeluaran ialah RM227 juta liter sehari. Tarikh mula projek ini juga telah lama sejak 20/5/2021, dan mendapat *EOT* sebanyak 3 kali setakat ini sehingga dijangka siap 7/7/2026 dan kemungkinan mendapat tambahan atas alasan seperti yang saya sebutkan kelmarin ada isu berhubung dengan izin lalu yang melibatkan PLUS dan juga LLM, pakat tolong doa, moga-moga urusan ini dapat selesai dengan cepat dan projek ini dapat siap mengikut jadual dan kita harap pada tahun ini dapat selesai dengan sempurna insya-Allah.

Yang terakhir, pada masa ini Lubuk Batu 5,500 akaun dapat tekanan air yang baik, yang lebih baik daripada sebelum ini dan November 2023, penduduk sekitar Sungai Baru dan Kuala Sungai di Kubang Rotan telah dapat sebanyak 2,200 akaun dapat tekanan yang lebih baik, YB. Kubang Rotan boleh tolong sahkan betul, betul ke ni, betul, alhamdulillah. Manfaat Pelubang ni secara keseluruhannya Daerah Kota Setar 94,406 akaun ni kalau dah siap semua nanti dan Kubang Pasu sebanyak 54,988 akaun yang meliputi kawasan KTPC dan juga SBEZ DELAPAN insya-Allah, sekian terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Nerang. Satu sahaja soalan tambahan.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Boleh jawab sekali YB. Tuan Speaker yang baik hati.

YB. TUAN SPEAKER

Boleh.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Soalan tambahan satu lagi

YB. TUAN SPEAKER

Ya, tapi sekali jawab saja.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

DUN Sungai Tiang.

YB. TUAN SPEAKER

Huh?

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Nih DUN Sungai Tiang.

YB. TUAN SPEAKER

Ya.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Berhubung dengan bekalan air ni saya dapati banyak kawasan-kawasan yang tinggi terutama di hujung saliran tu dia menghadapi masalah, jadi saya rasa SADA perlu memikirkan *elevated reservoir* yang saya selalu sebut ataupun kawasan-kawasan tinggi, contohnya di Charok Kudong dia ada kolam takungan tetapi tak pam naik di Bukit Kecil yang berada di atas bukit. Itu masalah yang dihadapi oleh penduduk, dia tengok dekat saja dengan rumah dia tapi air tak ada. Ini soalan yang pendek, tepat dan padat, terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Sama dengan Kubur Panjang lah tu? Yang YB. Tokai cakap kelmarin tu.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, selain daripada LRA Lubuk Buntar, LRA Jenun Baru, LRA Pelubang, LRA Bukit Selambau, dan LRA Sungai Limau, mohon nyatakan projek-projek LRA lain yang telah diluluskan, anggaran kos, jangka mula dan jangka siap serta sumber pembiayaan masing-masing bagi memastikan pengurusan sumber air mampan, sekian.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kuala Nerang.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Sungai Tiang, YB. Anak Bukit, eh YB. Tokai, minta maaf.

YB. TUAN SPEAKER

Eh! YB. Tokai, YB. Sungai Tiang duk di atas.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Tarik balik, tarik balik, YB. Sungai Tiang duk diatas, mewakili YB. Sungai Tiang. Saya jawab yang YB. Tokai dulu ya. Memang kita akui ada tempat-tempat tertentu yang pertama lebih tinggi, yang kedua dia dihujung sistem, kawasan ini memang kita akui akan menghadapi masalah tekanan air dan akan lebih kritikal ketika musim perayaan, ini kita akui dan bukan setakat mengakui tetapi SADA hari ini alhamdulillah SADA ramai di belakang sana yang pakai *tie* merah, saya pun *tie* merah hari ini, terima kasih satu tepukan kepada SADA tahniah atas usaha dan kejayaan yang telah dilaksanakan, hari ini hadir boleh dengar sendiri keluhan dan juga suara daripada YB. Tokai, YB. Sungai Tiang dan seumpamanya, tempat-tempat yang jauh daripada sumber bekalan loji dan juga tempat yang tinggi memang kita akui dia ada tekanan, tetapi langkah tindakan, yang telah diambil oleh SADA ialah antaranya membina rumah pam dan insya-Allah akan ditambah dari masa ke semasa ya.

Di samping itu, banyak lagi aktiviti lain seperti *active leakage control* mengawal dan juga mencari tempat-tempat mana yang bocor, untuk diperbaiki diganti paip dan sebagainya sebab perkara ini akan insya-Allah akan menambahkan tekanan, bila paip bocor seperti yang kita faham, tekanan akan menurun, bila tekanan menurun, orang yang di depan dia mungkin dapat air, orang yang di hujung sistem di hujung sana tak dapat, perbandingan mudah kalau kita di rumah pakai bekalan air, buka paip katakan lah pasang paip banyak 5 6 paip dan kita cuba buka sekaligus serentak apa jadi, jadinya air mestilah akan perlahan, tambah-tambah hat yang hujung pula kan, hat dekat meter deras lah, hat hujung tu mesti perlahan, itulah lebih kurang perbandingan keadaan yang berlaku, tetapi insya-Allah saya yakin dan selama ini pun telah diusahakan secara serius dan bersungguh-sungguh oleh SADA untuk mengatasi masalah yang disebutkan oleh YB. Tokai dan juga YB. Sungai Tiang tadi.

Baik, balik kepada soalan yang ditanya oleh YB. Anak Bukit, YB. Tuan Speaker ada lebih kurang 9 Loji Rawatan Air ya, yang melibatkan pembiayaan daripada PAAB (Pengurusan Aset Air Berhad) PAAB sebanyak 2 projek, pembiayaan SADA sendiri 1 projek dan pembiayaan oleh kerajaan persekutuan di bawah Agensi KKDW (Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah) sebanyak 6 projek. Projek pembinaan

LRA Sungai Karangan fasa 1, nilai lebih dari RM700 juta, saya ada angka tempat tapi tak boleh sebut saya sebut lebih kurang eh RM700 ke atas sedang dalam reka bentuk terperinci, diluluskan tahun 2024 dan insya-Allah dijangka mula bina pada 2027, dijangka siap 2029 insya-Allah, sama seperti yang saya selalu sebut pakat doa, moga-moga berjalan dengan lancar.

Yang kedua, bawah PAAB juga ialah Projek Bina Loji Rawatan Air di Sidam Kiri fasa 1 Daerah Kuala Muda juga RM700 juta lebih, peringkat reka bentuk terperinci dan dapat kelulusan 2024 juga insya-Allah akan mula 2027, dijangka siap 2030 projek ini lebih besar, lebih banyak. Projek dibawah peruntukan SADA sendiri, Loji *Compact* di LRA Kulim Hi-Tech yang bernilai RM100 juta, dan dalam proses kelulusan SPAN telah diluluskan Bajet 2025, akan dibina 2026 insya-Allah, dijangka siap 2027.

Projek di bawah KKDW peruntukan kerajaan persekutuan, saya ambil kesempatan ini mewakili kerajaan negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah meluluskan bajet untuk projek-projek yang akan saya sebutkan nanti. Pertama Projek LRA Jeniang Baru Daerah Sik, bernilai RM84juta yang sedang dalam pembinaan sekarang ini, di mana % kemajuan yang terkini ialah kalau mengikut jadual 42.07% YB. Tuan Speaker, tetapi ada sedikit kelewatan sebanyak 4.97% maknanya kemajuan semasa dari sudut fizikal ialah 37.1 % yang dijangka siap insya-Allah pada 2027.

Seterusnya, Projek Bekalan Air Luar Bandar di Tupah, untuk menaik taraf LRA Tupah bernilai lebih RM30 juta, tahun 2022 dah lulus dan insya-Allah akan dibuat tahun depan siap 2029 insya-Allah. Naik taraf Loji Rawatan Air Jeneri di Sik, lebih RM70 juta, lulus 2023, mula siap insya-Allah, mula buat 2027, jangka siap 2030. Naik taraf Loji Rawatan Air Bukit Selambau fasa 3 yang tengah buat, yang saya sebut kelmarin itu, yang itu fasa 2 ya, ini lebih RM60 juta, 2024 diluluskan, jangka bina 2028, jangka siap 2031 insya-Allah.

Berikutnya naik taraf Loji Bekalan Air Jenun Lama Daerah Pendang lebih RM90 juta di peringkat lantikan perundingan, lulus 2025, jangka mula 2028, jangka siap 2031. Dan terakhir ialah Loji Rawatan Air Bikan di Daerah Kulim lebih RM60 juta, lulus tahun ini dan jangan mula 2028, jangka siap 2030. Inilah YB. Tuan Speaker, lebih kurang LRA yang akan dibuat, dan perinciannya yang juga kita kira menyahut seruan, nasihat, pesanan, daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya pengurusan air ini lebih cekap dan kita melihat lebih serius insya-Allah, terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Nerang. Seterusnya saya menjemput YB. Bakar Arang dipersilakan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, saya pohon jawapan untuk soalan 14.

14. YB. ENCIK LOH WEI CHAI
[ADUN BAKAR ARANG]

Pohon dinyatakan:-

Berapakah jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan infrastruktur sukan yang telah diluluskan serta yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri bagi semua daerah di Negeri Kedah dalam tempoh tiga tahun terakhir, iaitu dari tahun 2023 hingga 2025?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Alor Mengkudu.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Bakar Arang. Soalan daripada YB. Bakar Arang berbunyi, pohon dinyatakan berapakah jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan infrastruktur sukan yang telah diluluskan, serta yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri bagi semua daerah di Negeri Kedah dalam tempoh 3 tahun terakhir, iaitu di tahun 2023 hingga 2025.

Melalui peruntukan pembangunan dibawah P.04 berikut mereka merupakan jumlah peruntukannya telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri mengikut tahun 2023 pada tahun 2023, sejumlah RM3,067,108.93 telah dibelanjakan sebagai perbelanjaan sebenar yang merangkumi pelaksanaan pelbagai inisiatif peningkatan dan penyelenggaraan infrastruktur sukan antaranya termasuk kerja-kerja baik pulih di di gimnasium di Kompleks Sukan Muadzam Shah, penaiktarafan sistem pencahayaan di Stadium Darul Aman, kerja-kerja naik taraf pam serta sistem pencahayaan di Stadium Sultan Abdul Halim, serta penaiktarafan infrastruktur sukan di Laman Sena.

2024, perbelanjaan sebenar berjumlah RM2,781,354.07 telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek penaiktarafan utama yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti kemudahan sedia ada. Ini termasuk kerja-kerja menaik taraf sistem pencahayaan di Stadium Darul Aman serta penaiktarafan Dewan Gelanggang bagi sukan Tinju, Muay Thai, Wushu dan Angkat Berat di Kompleks Sukan Muadzam Shah.

Pada tahun 2025, perbelanjaan sebenar sebanyak RM577,770.23 telah direkodkan melibatkan pelaksanaan kerja-kerja baik pulih di Kompleks Sukan Sultan Abdul Halim, serta kerja-kerja siasatan tanah di Kompleks Akuatik sebagai langkah awal dalam perancangan pembangunan dan penambahbaikan fasiliti sukan.

Selain itu, pada tahun 2025 kerajaan negeri juga telah menerima Peruntukan Naik Taraf dan Pembinaan Baharu Kemudahan Sukan Negeri Kedah secara keseluruhannya, berjumlah RM2juta daripada Kementerian Belia dan Sukan, telah diperuntukan bagi pelaksanaan dua komponen utama iaitu RM1 juta untuk kerja-kerja naik taraf kemudahan sukan sedia ada, dan yang keduanya RM1juta pembinaan baharu kemudahan sukan berskala kecil di Negeri Kedah.
Peruntukan ini telah disalurkan kepada seluruh Negeri Kedah mengikut DUN serta melibatkan pelbagai agensi termasuk negeri dan persekutuan, itu jawapan saya. Terima kasih Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Soalan tambahan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih YB. Tuan Speaker, cumanya saya nak tanya berkenaan tentang dasar sukan ibadah yang semalam YB. EXCO jawab. Cumanya saya nak tahu adalah dasar sukan ibadah ini, adalah dia bersifat macam apa nama sertifikasi ataupun *workshop* ataupun siapa yang terlibat dalam dasar sukan ibadah ini di mana dia adakah semua atlet ke atau semua players ke, kena melalui proses ini dan apakah cas yang diadakan untuk ini, terima kasih.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

YB. EXCO boleh sekali kah?

YB. TUAN SPEAKER

Yah, sikit saja nah.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ya, sikit saja. Terima kasih YB. Tuan Speaker, berkenaan dengan peranan daripada sumbangan daripada menteri-menteri yang ada di Negeri Kedah ini, kebetulan menteri sukan ni orang Kedah, kemudian KDN (Kementerian Dalam Negeri) pun orang Kedah. Jadi saya mengharapkan YB. Bakar Arang ni boleh tambah sikit lagi lah kalau sebelum

ni orang luar kan, jadi kalau boleh pohon ketua pembangkang sikit minta supaya ditambahkan lagi peruntukan untuk aktiviti sukan di Negeri Kedah ini, apa pandangan EXCO.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Alor Mengkudu.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Baik, terima kasih soalan daripada YB. Bakar Arang ada juga YB. Bukit Lada. Saya ingat soalan ni, soalan semalamlah kalau nak ikut *relate* dengan soalan ni tak adalah untuk hari ini punya tajuk kan, tapi apa pun okey saya terima apa YB. Bakar Arang punya ni, sahabat saya ni, orang baik. Cuma berkenaan dengan isu sukan satu ibadah ni untuk makluman penglibatan ini di peringkat masih lagi di peringkat kajian, dan saya rasa di peringkat kajian pun di peringkat terakhir lah dan insya-Allah.

Penglibatan sebenarnya melibatkan semua atlet, apa pun yang saya maklum semalam kita lebih khususkan kepada atlet-atlet yang beragama Islam lah dari sudut pemakaian, dari sudut etika, sebenarnya pelbagai bukan saja kita fokus kepada pakaian dan juga dari sudut pemikiran dan juga etika-etika semasa bersukan. Contohnya dalam keadaan kita bersukan kita tak mahu waktu rehat tu kita letakkan sebagai waktu rehat tapi kita letakkan waktu rehat sebagai waktu untuk solat dan rehat ha, jadi kita nak memperingatkan bahawa, itu yang saya katakan kita nak jadikan sukan tu sebagai satu ibadah di samping kita bersukan ingatan dan memori kita sentiasa ada kepada Allah subhanahu wa ta'ala maksudnya kita tak lupa ibadah, *that's why* kita sebut bahawa sukan sebagai satu ibadah yang menyebabkan penglibatannya semua pihak.

Jadi bila saya tahu kebimbangan yang ada pada pihak YB. Bakar Arang tapi saya yakin yang ni kita lebih fokus kepada orang-orang Islam tetapi apa pun untuk makluman YB. Bakar Arang, ada rungutan, ada kebimbangan, dari sudut renang lah, renang di antara benda sukan-sukan kadang-kadang menimbulkan sikit tanda-tanyalah. Tapi untuk maklumat persatuan renang telah mengikuti sepanjang kita perbincangan berkenaan dengan sukan untuk ibadah ni non muslim juga, saya tak ingat nama dia, pengerusi dia tapi dia telah menyediakan semua pakaian yang menutup aurat semua daripada kepala sehingga ke habislah menyeluruh lah tapi sesuai dengan berenanglah, kita tak boleh lah pakai berenang pakai jubah, nak tutup ke semua, tak sesuai jadi saya nak kata pakaian ni bersesuaian dengan sukan yang kita lalui.

Betul tak YB, itu maksud saya jadi jangan bimbang saya ingat pendekatan-pendekatan yang seterusnya kita akan terus berjalan kita akan dapat maklumat penglibatan daripada persatuan-persatuan daripada semua KBS (Kementerian Belia dan Sukan), daripada Majlis Sukan Negara, dan juga semua akan terlibat secara langsung dan insya-Allah kita akan memurnikan secara baik dan insya-Allah kita akan jadikan sukan sebagai satu ibadah sebagai model kepada sukan di Malaysia, insya-Allah, Itu jawapan untuk YB. Bakar Arang lah.

Yang untuk YB. Bukit Lada terima kasih, sebenarnya kita menunggu-nunggu daripada YB. Bukit Lada nah, 2 malam 3 malam lepas kita ada satu program jamuan sempena dengan Karnival Bakat Olimpik kita jadi penganjur di sini, kita makan malam sekali dengan apa Yang Amat Berhormat Jeneri, dan alhamdulillah kita dah berjumpa dengan apa menteri sukan yang baru lah, orang Sungai Petani, orang YB. Bakar Arang dan ada permintaan-permintaan tertentu dan saya ingat insya-Allah sehingga Yang Amat Berhormat Jeneri, mengatakan ataupun membuat apa permohonan kepada YB. Sungai Petani, Yang Amat Berhormat Menteri bahawa ini lah peluang nah sebab kita ada dua menteri saja, satu menteri dalam negeri di Kulim, ha tu sebagai mana yang YB. Lunas dok tuntut tu kan, yang kedua ni menteri sukan jadi inilah peluang untuk kita memperbanyakkan peruntukan dan orang kata guna peluang ni untuk kita majukan sukan di Negeri Kedah, dan saya rasa sebelum dia nak masuk melangkah dalam kereta tu, dia berjanji insya-Allah saya akan buktikan kepada Menteri Besar kepada Yang Amat Berhormat Jeneri bahawa dia akan tunai akan apa yang diperkatakan dalam jamuan itulah, jadi kita tunggulah insya-Allah, okey baik terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Baik, terima kasih YB. Alor Mengkudu. Seterusnya, saya menjemput YB. Lunas, dipersilakan.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Pergi ke pasar membeli gelas,
Singgah sebentar membeli nanas,
Banyak soalan sudah dibalas,
Penutupnya soalan tetap nombor 15.

15. YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI
[ADUN LUNAS]

Pohon dinyatakan:-

a) Apakah jenis industri yang menjadi fokus utama kerajaan negeri dalam menarik pelaburan baharu?

b) Apakah kriteria yang digunakan bagi memastikan pelaburan tersebut benar-benar memberi nilai tambah kepada ekonomi negeri serta manfaat kepada rakyat tempatan?

c) Adakah kerajaan negeri lebih menumpukan kepada jumlah pelaburan semata-mata, atau turut menilai kualiti pelaburan?

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, saya tak payah jawablah pantun tu. Saya jemput YB. Jitra, cuma saya nak minta supaya ringkaskannya jawapan dan kalau ada yang tak sempat dalam masa jawapan ini kita bawa ke sesi penggulungan.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker, kalau tak boleh *reset time* saya untuk sesi ini, sesi penggulungan tolong *reset.*

YB. TUAN SPEAKER

Kita *reset* nah.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Lunas, sahabat saya. Berkaitan dengan soalan nombor 15 yang mana YB. Lunas bertanya tentang apakah jenis industri yang menjadi fokus utama kerajaan negeri dalam menarik pelaburan baharu. YB. Tuan Speaker, kita Negeri Kedah sedang bergerak meluncur laju untuk terus memposisikan diri kita sebagai salah sebuah negeri yang paling berjaya di Malaysia.

Kita ingin menyatakan disini bahawa kesungguhan kita mendokong aspirasi negara, iaitu dalam *National Industrial Master Plan* benar-benar menjadi asas kepada usaha kita, untuk membolehkan Malaysia terus melakar pencapaian-pencapaian hebat di peringkat dunia dan Kedah mengambil peranan khususnya dalam konteks menjadikan Negeri Kedah sebagai destinasi pelaburan terbaik di negara kita.

Alhamdulillah, pada tahun 2025, kita telah berjaya menarik pelaburan yang besar iaitu sebanyak 27.8 billion. Jadi ini satu pencapaian besar negeri kita yang mana saya boleh katakan ia adalah dalam segala kekurangan yang mungkin ada dan kekangan tetapi kita kekal YB. Tuan Speaker dan Ahli Dewan mulia kita kekal *rank number one* untuk *manufacturing sector* di Malaysia. Jadi dalam usaha kita untuk memposisikan diri kita sebagai negeri yang terus kekal momentumnya, kita memberi fokus ya kembali kepada soalan YB. Lunas, kita memberi fokus kepada Sektor Elektrikal Elektronik, yang mana kita lihat negara telah memberi satu pengiktirafan kepada negeri-negeri di utara tanah air iaitu Pulau Pinang dan Kedah khususnya Kulim sebagai Hub Elektrikal Elektronik negara.

Jadi dalam erti kata lain perlulah kerajaan pusat melihat bagaimana segala bentuk sokongan perlu diberikan kepada Kulim bagi membolehkan kekuatan dapat dibina dan kemenangan dapat diraih oleh Malaysia di pentas antarabangsa. Ini bukan cerita Penang lawan Kedah, ini bukan cerita Kedah lawan Perak, jadi kita nak lihat lebih besar jiwa-jiwa pemimpin nasional kita agar dapat dibangunkan sebuah kawasan perindustrian yang benar-benar menjadi kebanggaan Malaysia satu hari nanti iaitu di Kulim secara khususnya.

YB. Tuan Speaker, sektor kedua yang diberi perhatian atau tumpuan oleh negeri kita ialah Industri Peranti Perubatan ini *medical devices* ini adalah satu segmen yang lucrative yang sedang meningkat naik dan kita sedang mengorak langkah untuk menjadi pemain utama di segmen ini dan syarikat-syarikat besar ini berada di Kulim Hi-Tech Park, berada di Kuala Ketil, dan kita akan terus kembangkan potensi segmen ini. Dan juga segmen yang begitu memberi impak dan satu kesan besar kepada kita secara keseluruhannya adalah semiconductor iaitu di mana segmen ini kita mempunyai syarikat-syarikat MNC (Multinasional) terbesar di dunia, yang mana dunia telah *recognise* Kulim, dunia telah *recognise* Kulim, saya ulang dunia telah *recognise* Kulim sebagai Hub Semiconductor dunia.

Jadi ini satu pencapaian luar biasa, sebab itu saya katakan kita perlu gerakkan usaha untuk terus melonjakkan Kulim sebagai destinasi pelaburan terbaik untuk semiconductor buat negara kita Malaysia di pentas dunia menjadi terkemuka, jadi segala bentuk bantuan, sokongan, dokongan, daripada kerajaan pusat ditagih, dan kita konteks Negeri Kedah ini memberikan segala yang termampu kita antaranya kita menubuhkan *Kedah One Investment Team* kita bekerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan, pusat, dan negeri, kita tak ada perbezaan, kita mendokong satu

sama lain bagi membolehkan kita dapat memberikan perkhidmatan terbaik, dan kita juga menggerakkan usaha-usaha bersepadu iaitu kita ada E10 di mana segala *process from the* kebenaran merancang daripada *planning approval to the first good being a sported* boleh dilakukan dalam tempoh 10 bulan, dan rekod terbaik kita ialah 8 bulan daripada merancang sehingga barang di eksport 8 bulan boleh dilakukan di Kedah, ini pencapaian terbaik kita di Malaysia dan untuk Malaysia.

Jadi, kalau kita kata dalam konteks Kedah ini tidak bersama dengan kerajaan pusat untuk mendukung agenda besar negara tidak benar sama sekali ya, walaupun kita ni sikit sebanyak tidak diberikan ruang dan perhatian pencapaian-pencapaian kita untuk tempoh 5 tahun terkini ini, kita telah membawa pelaburan sekitar 190 bilion ke Negeri Kedah 5 tahun terkini, *around* 190 billion tetapi tak ada *news* pun keluar, atau tak dipanggil pun Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk di *interview* oleh BERNAMA (Malaysian National News Agency) ataupun RTM (Radio Televisyen Malaysia) atau TV3 macam mana Kedah ni boleh berjaya sedemikian rupa.

Ini kelemahan di peringkat nasional, saya bukan nak belasah kerajaan persekutuan ni hari-hari, tapi tuan-tuan kena berjiwa besar, ini cerita bagaimana *state* memberi komitmen mendokong segala aspirasi negara, kita buat segala yang termungkin oleh kita. Jadi dengan kata lain, YB. Tuan Speaker, YB. Tuan Speaker tengok jam banyak kali, jadi sebab saya sebut *reset* tu, YB. Tuan Speaker pon serba salah untuk memendekkan ucapan saya, jadi kembali kepada pendekatan kita sektor yang kita *last* YB. Tuan Speaker, untuk menjawab soalan sahabat saya, iaitu kita juga memfokus kepada *renewable energy*. *Renewable energy* ini adalah satu segmen di mana kita telah berjaya menarik syarikat-syarikat utama dunia dalam *renewable energy* ini iaitu seperti EVE dan CosMX dan juga banyak lagi akan datang ke negeri kita dan kita akan menjadikan negeri kita Hub Industri Bateri boleh perbaharui, yang mana ini adalah satu lagi kekuatan yang akan juga berada di Kulim.

So, terima kasih kepada Majlis Perbandaran Kulim dan juga Pejabat Daerah Kulim serta semua agensi MIDA dan juga semua kerajaan pusat dan juga agensi-agensi negeri yang membolehkan kita berjaya melonjakkan diri kita khususnya juga dalam dokongan kita di sini Invest Kedah dan juga BPEN, terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Terima kasih Yang Berhormat Jitra atas jawapan yang padu dan mantap. YB. Sidam dan YB. Bakar Arang tengok eh ni fakta. Baik, soalan saya kepada Yang Berhormat Jitra kalau mengikut daripada jawapan yang diberikan tentang kejayaan Negeri Kedah untuk kita kata menjadi johan dari segi pelaburan dalam Sektor Semiconductor jadi adakah kerajaan negeri merancang untuk menambah baik dasar sedia ada untuk kita menarik lebih banyak pelaburan baru masuk ke Kedah dan juga apakah sektor baru yang menjadi fokus kepada pelaburan tersebut, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Jitra, saya mohon pada YB. Jitra, berikan jawapan soalan tambahan ini pada sesi pergulungan nanti ya, saya mohon maaf.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Baik, YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan Penggulungan di atas Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Secara Dasar oleh Pihak Kerajaan.

II. SAMBUNGAN PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Tuan Setiausaha Dewan. Sesi Penggulungan. Saya menjemput YB. Kuala Nerang untuk menghabiskan penggulungannya yang tergendala kemarin, dan masa yang diperuntukkan adalah sebanyak 10 minit. Dipersilakan.

YB. DATO' HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker memberi laluan untuk saya menyambung sedikit lagi.

YB. Tuan Speaker dan semua Ahli-ahli Dewan dan para pemerhati sekalian. Saya ingin merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, pada muka surat 10 yang menekankan tentang kelangsungan keperluan kepada air berhubung rapat dengan kestabilan sumber air khususnya di kawasan hutan tadahan. Kemarin saya telah mengulas berhubung dengan kawasan tadahan air di kawasan Hutan Ulu Muda.

Titah Tuanku Sultan; “Fenomena cuaca yang semakin tidak menentu termasuk ketidakseimbangan polar hujan dan musim kemarau yang berlaku ketika ini, memerlukan pengurusan sumber air yang mampan, serta menambah baik pelan mitigasi risiko bencana secara lebih serius perlu dilaksanakan”. Patik menjunjung kasih dan juga mengalu-alukan saranan dan peringatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Izinkan saya YB. Tuan Speaker, untuk menyebut tentang beberapa persediaan dan tindakan mitigasi yang telah dan insya-Allah akan terus dilaksanakan oleh SADA) berhubung dengan air ini. Sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi risiko perubahan iklim seperti kemarau dan sebagainya, SADA telah menyelaraskan tindakan mitigasi serta mengaktifkan modus operandi sedia ada bagi memastikan operasi loji agihan bekalan dan pelan kontigensi dapat dilaksanakan secara berkesan.

Antaranya ialah yang pertama, penyediaan ‘multistage pump’ telah dilaksanakan sebagai langkah kesiapsiagaan bagi memastikan keupayaan pengepaman bekalan air dapat dipertingkatkan, terutama dalam tempoh musim kemarau.

Yang kedua, pemantauan kualiti air mentah dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan semua air mentah kekal dalam tahap yang selamat dan sesuai untuk rawatan.

Tiga, persediaan logistik dan aset bekalan air telah disusun lebih awal termasuk lori tangki dan tanki statik, serta aset sokongan lain bagi menghadapi sebarang gangguan. Untuk makluman dewan, pada musim perayaan yang lepas, sebanyak 113 buah kenderaan atau lori telah disediakan untuk menghantar air ke kawasan yang terjejas.

Yang keempat, kawalan penggunaan air untuk sektor pertanian turut diberi perhatian melalui penjelasan bersama agensi berkaitan, bagi memastikan penggunaan sumber air lebih terkawal semasa musim kemarau.

Yang kelima, melibatkan sesi libat urus dengan agensi kerajaan bagi menyelaraskan tindakan mitigasi, kongsian maklumat, dan pelaksanaan pelan kontingensi.

Dan berikutnya aktiviti penguatkuasaan di lapangan dijalankan secara berterusan bagi memantau sebarang pelanggaran atau penggunaan air secara tidak sah atau kecurian air.

Selain itu, tindakan pemasangan pembaikan semula *weir* dan penahan air yang runtuh di Batu 5 Sik dan Bukit Selambau juga sebagai usaha untuk memastikan bekalan air mentah sentiasa mencukupi.

Kemudian, kerja-kerja mencuci muka sauk seperti yang dibuat di loji rawatan air di Kuala Nerang, Sungai Limau, Mahang, Bikan, dan beberapa tempat yang lain, supaya dapat mengurangkan pemendapan sedimen yang boleh menjejaskan kemasukan air mentah.

Selain itu, pemasangan PRV atau '*Pressure Reducing Valve'* juga sebagai langkah mitigasi kemarau bagi mengawal tekanan dan mengurangkan kehilangan air dan memastikan bekalan air lebih stabil ke kawasan yang kritikal.

Berikutnya, untuk menghadapi kemarau dan juga keadaan-keadaan risiko itu, SADA juga telah mengaktifkan secara serius, bahkan menambahkan kakitangan, untuk mengesan kebocoran melalui aktiviti '*Active Leakage Control*' atau ringkas ALC untuk menstabilkan tekanan sistem agihan dan juga meningkatkan paras tangki simpanan. Yang ni saya dah sebut sebahagiannya, dan untuk makluman semua, insya-Allah kita akan teruskan usaha untuk mengenal pasti kebocoran bagi meningkatkan tekanan ini.

Dan juga dalam kajian SADA, ialah untuk melaksanakan '*Floating Pontoon Pump*', pam terapung boleh duduk di tengah-tengah sungai tu, jadi kalau ayaq surut dia boleh masih boleh sedut air daripada tengah sungai ya, walaupun pada muka sauk sedia ada tu dia dah air tak sampai, jadi dia boleh pi sedut di tengah. Ini masih dalam kajian, kita harap dapat dilaksanakan.

Selain daripada itu, seperti yang tuan-tuan, yang sidang dewan maklum, operasi pembenihan awan juga telah dilaksanakan dan kita harap ada kesan ada hasil untuk menambahkan sumber air.

YB. Tuan Speaker, izinkan saya mengulas sedikit berhubung dengan apa yang disentuh oleh YB. Ketua Pembangkang kemarin. Yang pertama kemarin saya dah sebut, tapi hari ini kena ulang sebut, pembetulan fakta berhubung dengan pelantikan kontraktor oleh kerajaan bagi projek RTB yang saya sebut kemarin beberapa projek RTB, proses menyediakan dokumen, proses memanggil tender, proses melantik kontraktor, bukan dilakukan oleh kerajaan negeri tetapi dibuat oleh kerajaan persekutuan untuk projek RTB yang disebut tadi.

YB. Sidam sebut tentang, “keperluan air bersih sentiasa dalam capaian”. Untuk makluman, SADA sentiasa mengambil maklum terhadap isu infrastruktur awam di kawasan yang pesat membangun, dan terima kasih YB. Sidam dalam ucapan penggulungan pun sebut, Kedah negeri pesat membangun. Satu kredit kepada kerajaan negeri, terima kasih.

Bagi memastikan keterjaminan dan kelangsungan bekalan air terawat yang mencukupi serta mampan, beberapa langkah strategik sedang dan akan dilaksanakan. Antaranya ialah; Pertama, perancangan kapasiti bekalan air. SADA melaksanakan perancangan unjuran permintaan air sehingga 2050, dengan mengambil kira faktor peningkatan penggunaan domestik, rumah makin banyak YB. Tuan Speaker lani nah, orang pun guna air makin banyak.

Pembangunan projek berimpak tinggi semua diambil kira dengan kadar kehilangan air NRW *(Non-Revenue Water)* juga menjadi perhatian yang serius. Untuk makluman dewan, saya juga ingin memaklumkan tentang NRW, sebelum ini telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh SADA, kehilangan air tidak berhasil ni. Jumlah yang agak tinggi, tetapi oleh kerana kontraktor yang berkenaan tidak dapat capai prestasi target yang kita tetapkan, lalu pihak SADA mengikut terma yang disediakan, yang telah dipersetujui, telah ditamatkan kontrak pada hujung tahun lepas, dan mulai Julai tahun 2025, SADA telah melakukan tindakan segera yang signifikan untuk memastikan keberkesanan perancangan supaya NRW yang lebih baik dapat dicapai target itu.

Antaranya ialah melalui tiga teras utama dengan memperkenalkan memperkasakan jabatan agihan dan NRW, dan juga penggantian paip-paip kritikan-kritikal yang mana yang dah lama, yang usang, digantikan. Hasil daripada tindakan itu, %an NRW telah berjaya diturunkan daripada tahun 2025 sebanyak 51.8%, telah berjaya diturunkan kepada 50.7% sehingga Mac 2025, perunduran sebanyak 1.1%. Dan kita meletakkan target sasaran yang kita harap dapat capai boleh dalam masa yang lebih lama untuk menurunkan % yang lebih besar insya-Allah… *(YB. Tuan Speaker mencelah)*

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Kuala Nerang, ada dua minit lagi.

YB. DATO’ HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN HAJI ZAKARIA

2 minit ya. Jadi yang saya tak sempat jawab, saya harap boleh dapat jawab secara bertulis ya. Kapasiti loji rawatan air ditingkatkan dinaiktarafkan dan kita berharap untuk tahun 2050 nanti sekurang-kurangnya kita dapat capai margin 10 hingga 15 % lebihan air.

Dan juga untuk makluman dewan, projek-projek berimpak tinggi yang sedang dan juga yang telah dilaksanakan, seperti yang telah dimaklumkan ialah di Pelubang, Jenun Baru, Bukit Selambau, Lubuk Buntar, Sungai Limau yang telah pun ditender semula, Jeniang Baru, Sungai Karangan Fasa 1, Sidam Kiri Fasa 1, dan juga yang sedang dalam perancangan dan telah diluluskan peruntukan seperti yang disebut tadi di Tupah, di Jeneri, Bukit Selambau Fasa 3, Jenun Lama, Bikan, Kodiang Fasa 1 dan seumpamanya.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli dewan yang dihormati sekalian, saya menegaskan bahawa pihak kerajaan negeri insya-Allah akan terus memberikan sokongan, memberikan khidmat kepada seluruh rakyat bagi memastikan rakyat mendapat bekalan air yang mencukupi dan tidak menjadi sebab untuk menghalang pelabur-pelabur daripada masuk ke Negeri Kedah.

YB. Tuan Speaker, saya ingin sudahi, saya ingin akhiri ucapan penangguhan saya ini dengan merumuskan bahawa dunia hari ini sedang berdepan dengan perubahan iklim yang ekstrem, krisis air global, dan juga ketidaktentuan ekonomi akibat konflik geopolitik sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, yang membawa kesan kepada keterjaminan sumber air, kos pembangunan infrastruktur, keseimbangan fiskal negeri.

Jadi insya-Allah, kita akan terus mempercepatkan projek infrastruktur kritikal. Kedua, menjamin bekalan air yang stabil dan mampan. Perkukuhkan pengurusan sumber air. Dan juga meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Akhirnya YB. Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, yang telah menyampaikan titah ucapan yang memberikan manfaat yang sangat besar kepada kita.

Izinkan saya untuk mengakhiri ucapan ini dengan menyebut sepotong ayat Al-Quran al Karim yang kita harap menjadi panduan kepada kita.

Auzubillahi minnassyaiton nirajeem,

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُواْ وَٱتَّقَوْاْ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ

“Dan sekiranya penduduk suatu kaum satu negeri itu bertakwa kepada Allah hu subhanahu wa ta’ala akan dilimpahkan kepada mereka, dibukakan pintu rezeki”.

Rezeki ni YB. Tuan Speaker, bukan hanya melalui usaha kita, kita usaha diwajibkan, kita kena ikhtiar, tapi pada masa yang sama bergantung kepada Allah hu subhanahu wa ta'ala. Saya mengajak diri saya dan semua, supaya sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah hu subhanahu wa ta'ala dan menjadikan ini sebagai asas pemerintahan pengurusan dan pentadbiran kita.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, kepada semua barisan EXCO, Kepada Yang Berhormat Setiausaha Negeri, Ketua-ketua Jabatan termasuk SADA, JKR, LSANK, JPS, JMG (Jabatan Mineral dan Geosains), MADA, Perhutanan, PERHILITAN, Jabatan Alam Sekitar, TNB, dan semua agensi yang tak saya sebutkan, tapi ada kaitan langsung dengan saya, juga Ketua Agensi di Peringkat Daerah, DO, DO. Padang Terap khususnya, terima kasih banyak atas khidmat yang diberikan.

Akhirnya, tuan-tuan sidang Dewan sekalian, izinkan saya sudahi dengan serangkap pantun,

Dato' Seri Sanusi pemimpin berwibawa,
Disenangi disayangi Raja dan rakyat jelata,
Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua,
The Greater Kedah kita pacu bersama.

Insya-Allah, sekian terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Nerang. Seterusnya saya menjemput, YB. Bukit Kayu Hitam.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Kebajikan, Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Datuk Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Datuk Pegawai Undang-undang Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Daerah, Ketua-ketua Jabatan, pemerhati, serta sidang dewan yang dihormati sekalian.

Di kesempatan ini, patik merafak sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Salahuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah Darul Aman, di atas titah ucapan sempena perasmian pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman

yang Ke-15. Semoga Allah subhanahu wa ta'ala mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan Tuanku Sultanah Kedah serta Kerabat Diraja Kedah agar dapat bersemayam di atas takhta kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan.

Sesungguhnya titah Tuanku Sultan amat menyeluruh, berwawasan dan tepat pada masanya dalam mengemudi Negeri Kedah ke arah kemajuan yang seimbang di antara pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan juga perpaduan rakyat.

Kerajaan negeri sentiasa komited untuk memastikan segala dasar dan pelaksanaan program berada di landasan yang selari dengan inspirasi The Greater Kedah. Sekalung penghargaan dan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Jeneri serta barisan kepimpinan kerajaan negeri yang telah menunjukkan kestabilan pentadbiran serta kecekapan dalam mengurus negeri ini sepanjang tempoh 2023 hingga 2026.

YB. Tuan Speaker, sidang dewan yang dihormati, pertama kali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Nadzman bin Mustafa yang dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri, menggantikan Yang Berbahagia Datuk Syed Wira Khairol Syed Abidin, mantan Pegawai Kewangan Negeri yang bersara wajib. Terima kasih Datuk Syed Wira, di atas perkhidmatan beliau di dalam kerajaan negeri.

Sebagai Adun Bukit Kayu Hitam, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Muhammad Mahazi bin Haji Ibrahim, mantan Pegawai Daerah Kubang Pasu yang dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Pengurusan Kerajaan Negeri Kedah. Terima kasih di atas perkhidmatan beliau sebagai Pegawai Daerah Kubang Pasu selama 3 tahun 4 bulan 6 hari.

Saya juga ucapkan selamat datang kepada yang Di-pertua Majlis Perbandaran Kubang Pasu yang baru iaitu Encik Junaidi bin Abdul Rani yang menggantikan Allahyarham Encik Badrulhisyam Haji Sulaiman, salam takziah daripada saya kepada ahli keluarga Allahyarham Encik Badrulhisyam, semoga Allah subhanahu wata'ala mencucuri rahmat ke atas rohnya. Tidak dilupakan juga tahniah kepada Pegawai Tadbir Negeri yang lain, yang terlibat di dalam pertukaran pentadbiran baru-baru ini, selamat bertugas.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah di atas komitmen, kepimpinan, serta kepercayaan yang diberikan dalam mengangkat martabat wanita sebagai Pentadbir Negeri iaitu KCS (Kedah Civil Service) serta beriltizam untuk menyokong agenda memperkasakan wanita di Negeri Kedah ini, khususnya dalam membuka ruang dan peluang kepada pegawai wanita untuk menduduki jawatan tertinggi di dalam pentadbiran negeri.

Sebagai contoh, Puan Amirah Khairiah binti Abdul Latip sebagai Pegawai Daerah Kubang Pasu, tahniah. Puan Hajah Sharifah Norulasyikhah binti Syed Mohamad sebagai Pegawai Daerah Padang Terap. Puan Sunita binti Abdul Aziz sebagai Yang Di-pertua Majlis Perbandaran Taman Perindustrian Kulim Hi-Tech dan Puan Hajah Maznim binti Ismail sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di dalam rombakan dan pertukaran pegawai baru-baru ini.

Inisiatif ini bukan sahaja mencerminkan keadilan dan kesaksamaan dalam perkhidmatan awam, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan kepimpinan wanita yang berwibawa, berintegriti, dan berdaya saing. Ia sekaligus membuktikan bahawa keupayaan, kompetensi, dan juga dedikasi menjadi asas utama dalam menentukan kepemimpinan tanpa mengira jantina. Sesungguhnya langkah progresif ini akan menjadi inspirasi kepada generasi penjawat awam wanita untuk terus melangkah ke hadapan, menyumbang dengan penuh lebih signifikan kepada pembangunan negeri serta memperkukuhkan sistem pentadbiran yang inklusif dan juga cemerlang.

Saya juga ingin memaklumkan pada sidang dewan, inisiatif membina kemahiran wanita dengan program Sejahtera Care iaitu satu penjenamaan semula daripada Tabung Sejahtera Wanita sebagai platform pembangunan wanita yang lebih sistematik.

YB. Tuan Speaker, pada tahun 2025, Sejahtera Care telah melahirkan seramai 150 orang usahawan wanita di bidang penjagaan kesihatan iaitu urutan terapi. Mereka diberi latihan dan kursus latihan kemahiran urutan terapi SKM (Sijil Kemahiran Malaysia) tahap tiga. Kursus keusahawanan dan juga digital marketing, dan bengkel kewangan dan juga pengurusan perniagaan, insya-Allah pada tahun 2026 dan tahun-tahun seterusnya program ini akan diperluaskan dan dipelbagaikan.

Pertamanya, insya-Allah kita akan mewujudkan Akademi Usahawan Wanita Kedah, yang mana program latihan intensif selama 3 bulan, yang mana modul akan diberikan seperti asas perniagaan, pemasaran digital di TikTok Shop dan Shopee, pengurusan kewangan, serta pembangunan produk. Sasarannya kepada 100 peserta setiap tahun.

Yang keduanya, akan mewujudkan geran Mikro Usahawan Wanita iaitu bantuan modal kecil selepas tamat latihan. Cadangannya RM3,000 ke RM5,000 seorang, untuk membeli mesin, bahan, dan juga peralatan. Syaratnya; wajid tamat kursus Akademi Usahawan dan juga membentang pelan perniagaan. Sasarannya kepada 50 orang usahawan setahun.

Yang ketiga, mewujudkan Mentor Usahawan Kedah. Setiap usahawan dipadankan dengan mentor dengan tempoh bimbingan selama 6 bulan.

Seterusnya, program Digital Usahawan Wanita, membantu peserta meniaga secara online seperti; kelas, live selling, pemasaran di TikTok, fotografi produk, dan juga branding. Sasarannya seramai 200 orang usahawan.

Dan seterusnya, kita akan mengadakan Karnival Usahawan Wanita Kedah. Program tahunan memasarkan produk peserta seperti aktiviti mengurus jualan, business 'matching', pameran produk, dan sebagainya. Sasaran impak keseluruhan kita akan sasarkan, akan melahirkan 200 wanita dilatih, melahirkan 50 orang usahawan baru diwujudkan, 20 perniagaan berjaya berkembang, dan peningkatan pendapatan keluarga B40.

YB. Tuan Speaker, kerajaan Negeri Kedah tetap beriltizam untuk memastikan Rumah Transit Negeri Kedah (RTNK) kekal berfungsi dengan kecekapan dan keberkesanan yang tertinggi. Kita akan mengoptimumkan sumber sedia ada, agar setiap sen yang dibelanjakan secara strategi dan memberi impak maksimum kepada kumpulan sasar.

Untuk makluman sidang dewan yang dihormati, kerajaan Negeri Kedah telah menubuhkan dua rumah transit, RTNK yang pertamanya bertempat di daerah Kubang Pasu, dan yang keduanya di daerah Langkawi. RTNK kini telah beroperasi dan bersedia menempatkan mangsa-mangsa seperti keganasan rumah tangga, orang papa gelandangan, pelesir dan juga pengemis, mangsa-mangsa kes penderaan, kes-kes terdampar, demi memastikan semua mangsa ini mendapat perlindungan yang sewajarnya. Kerajaan akan terus memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan, pertubuhan bukan kerajaan NGO, serta komuniti setempat bagi memperluaskan capaian bantuan, meningkatkan program pemulihan, dan memastikan setiap individu yang memerlukan perlindungan sementara supaya tidak terpinggir. Marilah kita menjadikan kecekapan pengurusan dan keprihatinan sebagai kekuatan utama supaya Kedah kekal sebagai negeri makmur, sejahtera, dan penuh kasih sayang untuk setiap lapisan rakyatnya.

YB. Tuan Speaker, proses penggubalan Dasar Wanita Kedah (DWK) telah bermula sejak 17 Disember 2023 sebagai hala tuju strategik bagi memperkasakan peranan wanita secara holistik di Negeri Kedah. Penggubalan dasar ini dilaksanakan secara komprehensif melalui pendekatan saintifik, melalui perbincangan kumpulan berfokus untuk menggali isu di lapangan yang lebih jelas dan responsif daripada pelbagai latar belakang. Perbincangan meja bulat bersama pemegang taruh juga dilakukan bagi mengenal pasti jurang dasar dan maklum balas bagi semua pihak yang berkepentingan.

Di dalam memperkemaskinikan lagi proses penggubalan dasar melalui akar umbi, pengumpulan data dan bancian telah diadakan di 12 daerah di Negeri Kedah, dan juga disempurnakan dengan jayanya. Justeru itu, peringkat terkini adalah dalam tindakan semakan kali kedua draf akhir Dasar Wanita Kedah. Walau bagaimanapun satu taklimat buku Dasar Wanita Negeri Kedah kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan dibuat di dalam masa terdekat, dan insya-Allah majlis Dasar Wanita Negeri Kedah akan dilancarkan di dalam bulan Jun nanti, insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan Negeri Kedah terus komited menyokong gerak kerja Majlis Kebajikan Negeri Kedah (MKNK) melalui pemberian geran tahunan berjumlah RM190,000 iaitu pada 9 April 2026 yang lalu, seramai 38 Persatuan Sukarela Kebajikan (PSK) di seluruh Negeri Kedah telah menerima geran berkenaan dengan setiap satunya menerima sebanyak RM5,000 bagi maksud membantu pelaksanaan program dan serta urusan pentadbiran.

Bagi warga emas, kerajaan juga telah menyediakan geran aktiviti dan pengurusan sebanyak RM105,000 kepada 15 pusat aktiviti warga emas, di mana setiap PAWE (Pusat Aktiviti Warga Emas) telah pun menerima RM7,000, iaitu fasa pertama diadakan pada 22 Januari lalu sebanyak RM5,000, dan RM2,000 bakinya dimasukkan ke fasa kedua dan diserahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada PAWE-PAWE yang terlibat.

Dari tahun 2021 hingga tahun 2023, kerajaan negeri juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5,244,800 yang melibatkan 23,777 penerima yang menerima manfaat BSPT (Bantuan Pesakit Terlantar) ini. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, BSPT ini adalah merupakan satu program kerajaan yang sangat baik dan perlu diteruskan. Dan pada tahun 2024 hingga pada Mac 2026 pada tahun ini, sebanyak RM3,000,340 telah diperuntukkan, yang sekarang ini melibatkan 6,680 penerima juga telah menerima manfaat pada tahun kali ini. Insya-Allah mulai tahun ini, bantuan ini akan diperluaskan bukan sahaja kepada pesakit terlantar, tetapi juga kepada pemohon orang-orang yang mempunyai sakit kronik yang lain. Permohonan ini, untuk mendapatkan bantuan ini, boleh dibuat melalui sistem permohonan atas talian iaitu *kedahcare.gov.my*.

Untuk pengetahuan dewan, selain bantuan secara one-of yang diberikan kepada pemohon, jawatankuasa BSPT juga mengadakan program lawatan setiap bulan ke rumah pesakit yang terpilih. Program ini diadakan secara berkala, setiap bulan di 36 DUN di seluruh Negeri Kedah ini. Program ini mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah, Pejabat Kewangan Negeri, Bahagian Perancang Bandar Ekonomi Negeri Kedah (BPEN), Lembaga Zakat Negeri Kedah, Baitulmal, PERKESO dan MBI dalam menyediakan sumbangan tambahan berbentuk kewangan dan juga peralatan bagi memenuhi keperluan pesakit.

Sidang dewan yang dihormati sekalian, segala pencapaian ini bukanlah hasil usaha individu tetapi ianya merupakan hasil kerjasama erat di antara kerajaan negeri, agensi persekutuan, NGO, pemimpin komuniti, dan seluruh rakyat Negeri Kedah. Sesungguhnya, kita semua memikul amanah besar untuk memastikan tiada rakyat yang tercicir dalam arus pembangunan negeri.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin menjunjung kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan mengatakan komitmen penuh untuk terus memperkukuhkan kebajikan, memperkasakan wanita dan memelihara institusi keluarga dan memantapkan perpaduan di Negeri Kedah ini. Saya akhiri dengan serangkap pantun;

Padi menguning di bendang luas,
Disiram hujan menyubur bumi,
Rakyat dijaga penuh ikhlas,
Kedah Sejahtera kekal harmoni.

Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir & batin. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam. Seterusnya, saya menjemput YB. Jitra, dipersilakan. Masa yang ditetapkan 30 minit.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker, 30 minit tu dah *reset* ka? *Reset* ok baik. Bismillahirrahmanirrahim assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua. Alhamdulillahi rabbil 'alamin, wassalatu wassalamu 'ala asrofil anbiya-i wal mursalin, sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wasohbihi ajma'in. Rabbi sadri wa yassirli amri, wahlul 'uqdatan min lisani, yafqahu qawli. Yang saya hormati lagi kasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Jeneri, sahabat-sahabat YB. EXCO dan ADUN, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri tahniah juga diucapkan di atas lantikan dan selamat bertugas, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri, Yang Berhormat Dato' TSUK Pembangunan, Yang Berhormat Dato' TSUK Pengurusan tahniah atas nantikan dan selamat bertugas diucapkan pegawai-pegawai daerah khususnya daerah Kubang Pasu Puan Amirah dan juga YDP-YDP Majlis Perbandaran khususnya YDP Kubang Pasu juga, Encik Junaidi bin Abdul Rani serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan negeri dan pusat dan juga anak-anak pelajar yang bersama kita.

Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan izin Allah dapat kita bersama hari ini dalam sidang ini untuk melihat akan masa depan negeri kita. Beradanya kita di sini bukanlah untuk mencari salah siapa tetapi untuk mengenal pasti strategi terbaik dan juga inisiatif terbaik yang boleh dihasilkan oleh anak negerinya buat negeri yang kita cintai ini. Jadi bertitik tolak daripada perkara tersebut semalam saya telah mengupas akan isu berkaitan dengan krisis tenaga yang mana kita tahu apa yang berlaku di negara kita dan dunia berkaitan dengan krisis tenaga ini ianya mengundang ataupun memberi impak yang besar kepada kita sebagai negeri. Di samping kita mengatakan ia adalah isu nasional dan juga sahabat saya dari YB. Bakar Arang sendiri mencuit dengan mengatakan apakah langkah-langkah dilakukan oleh negeri pastinya kita boleh mengambil langkah-langkah tetapi ianya bersifat dalaman dan lebih kepada meningkatkan kecekapan dengan kata lain, segala keperluan atau kemampuan untuk memberikan insentif-insentif bersifat kewangan itu pada dasarnya agak terhad kerana apa, kerana seperti saya kata sepatutnya tahun ini kita boleh menjana pendapatan hasil daripada cukai tanah sebanyak 120 juta lagi tetapi kerana ketidakcekapan kerajaan madani yang mana mereka ini tidak mampu untuk membuat keputusan *they do not know who is who actually* yang *support to make the decision* sepatutnya di mesyuarat Majlis Tanah Negara diputuskan tetapi dibawa ke kabinet sampai ke kabinet pun tak tahu macam mana nak buat keputusan hingga hari ini tak ada keputusan.

Jadi RM 120 juta hak Kedah sepatutnya dapat pada Kedah tahun ini tidak dapat direalisasikan kerana kelemahan pentadbiran Putrajaya hari ini. Jadi ini satu perkaralah yang saya boleh katakan kita memerlukan kerajaan yang berpengalaman dan saya juga rasa hairan “kerana apa YB. Tuan Speaker”? Kerana kita mempunyai Pegawai-Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang terlatih yang boleh memberi nasihat-nasihat ini perlunya kita mempunyai hubungan rapat dengan pegawai-pegawai tinggi kerajaan ini, baik di peringkat pusat mahupun negeri kerana mereka adalah individu-individu ataupun kakitangan yang mahir tentang segala dasar dan peraturan segala perkara berkaitan.

Jadi, orang politik ni kalau dia tak *chance* ini masalah dia itulah yang berlaku dalam konteks kerajaan madani hari ini. Jadi kembali kepada isu krisis ini, saya ingin mengatakan bahawa rata-rata kita merasakan atau menzahirkan rasa kebimbangan dan bagaimana nasib para petani kita, izinkan saya juga untuk membawa dalam konteks pemain-pemain industri kita. Di Malaysia ini ada 1.15 juta SME (Small Medium Enterprise) 1.5 *million* bukan jumlah yang kecil. Yang semalam saya cakap 54,000 itu itu *member for* Federation Of Malaysian Manufacturers, tapi kalau keseluruhan *back bone of award economy* iaitu syarikat-syarikat SME (Small Medium Enterprise) ini jumlah dia 1.5 *million dan* 1.1 *million,* SME ini menyumbang dengan kata lain *sorry* 1.5 itu total keseluruhan, total keseluruhan syarikat daftar di Malaysia termasuk SME dan juga syarikat besar GLC (Government-Linked Companies), MNC (Multinational

Corporations) dan *all together* 1.15 *million* dan SME sahaja 1.11 juta dan SME ini menyumbang 39.5 % kepada KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) negara dan jumlah sumbangan ini kalau dalam ringgitnya RM 652.4billion *you* cuma *know money.*

Tetapi bagaimana hari ini kerajaan memberi signal kepada mereka sehinggakan Federation Of Malaysian Manufacturers sendiri mengeluarkan kenyataan bahawa mereka dalam keadaan yang akan sangat tenat sekiranya tidak didatangkan insentif-insentif rangsangan ekonomi yang segera. Dalam kita memerintah selama 33 bulan, kita telah memperuntukkan berbilion ringgit untuk pakej-pakej rangsangan ekonomi kita laksanakan, kita arahkan bank-bank melaksanakan moratorium supaya memberi ruang untuk bernafas, tetapi hari ini kita lihat kerajaan hari ini tidak ada langkah-langkah strategik sedemikian. Masih lagi bermain persepsi dan terus memarahi rakyat ini masalah kita hari ini.

Jadi rakyat jangan dimaharahi kerana rakyat 5 tahun sekali dia ada kuasa yang tak terbendung oleh siapa-siapa ahli politik. Jadi kita harus lihat di sini hormati rakyat, sayangi rakyat, datangkan dasar-dasar yang mendukung dan memenuhi harapan rakyat bukan rakyat minta banyak tetapi pertimbangan.

Jadi YB. Tuan Speaker di dalam negara kita ada 40,000 syarikat besar iaitu *represent about* 3 % daripada 1.5 million tadi, 40,000 ni termasuk MNC, GLC *and all companies* yang *listed* di Bursa. Jadi dengan kata lain total 40,000 dan FMM (*Federation of Malaysian Manufacturers*) sendiri ada 54,000 ahli dia. Jadi mereka ini suara mereka sangat kritikal kepada negara. Saya bawa kepada negeri kita Kedah ada berapa banyak syarikat yang ada di Negeri Kedah. Syarikat yang ada di Kedah lebih kurang 45,000 buah syarikat yang ada di Negeri Kedah dan berapa banyak daripada 45,000 ni 43,650 adalah SME jadi dia punya ratio lebih kurang juga iaitu 97% di *national level*, 97 % di *state level*, 43,650 berapa banyak syarikat besar MNC, GLC dan yang tersenarai *total*, *total* syarikat-syarikat besar di Kedah 1350 jumlah syarikat besar.

Jadi apa yang boleh saya gambarkan disini ialah hari ini apa yang kita nantikan adalah pakej rangsangan yang begitu penting, yang begitu diharapkan oleh negeri kita. Yang ni kita kata tadi kalau kita YB. Bakar Arang atau YB. Bayu kata, “apa *state* boleh buat” *. We are asking you what is the federal is doing for the states* hari ini. Ini masalah terbesar sebab dia *confirm* duit tu ada di federal sana untuk mendatangkan pakej-pakej rangsangan ekonomi tetapi nampaknya belum lagi betulkan saya kalau saya tersasar tapi pengetahuan saya tidak dengar lagilah langkah-langkah strategi yang telah dibentangkan ataupun diluluskan sepatutnya dipanggil satu sidang parlimen khas untuk membincangkan krisis ini tapi semua hairannya tak ada langsung inisiatif melakukan perkara tersebut. Inilah kelemahan kita hari ini, ini bukan *against federal government*, bukan *against Prime Minister, but against the weak system of managing the country* pendekatan pasukan yang lemah dalam mentadbir negara. Jadi dalam

kata lain syarikat-syarikat FMM ini dan syarikat-syarikat Small Medium Enterprise ini saya katakan ada 25,000 terkesan dia punya *production cost operation*, kos dia akan meningkat sekitar 10 *to* 30 % 25,000. Lepas tu 12,000 syarikat *around* 30 *to* 50 % kos dia akan meningkat sebanyak 30 ke 50 dan 6000 sekitar 50 % ke atas.

Bayangkan apa akan jadi kepada daya saing negara, apa akan jadi kepada vendor - vendor yang bekalkan kepada syarikat-syarikat besar *if this small corporation is* SME tak boleh bekalkan apa juga bekalan kepada vendor-vendor MNC dan seumpamanya kita berada di ambang keruntuhan ekonomi dan kita masih lagi tak nampak satu-satu usaha yang mana *the country has press the panic button to address this issues*, tak buat lagi. Kita masih lagi duk cerita pasal kita bagi subsidi, kita bagi subsidi *people knows already* kita dah tahu dah *you* bagi subsidi 200 liter untuk petrol.

Kita tahu itu, *don't keep on telling us about* 1.99 dengan 200 liter. *It's not enough for the country, to run the country, to full the country, we need more than that.* Jadi ini perkara yang perlu diberi perhatian jika kerajaan madani gagal membendung krisis tenaga ini, ia akan membawa kepada inflasi, harga barang akan naik dan terus naik dan dia akan pergi *hyper inflation* kalau dia berpanjangan dia panggil *hyper inflation* dan dia akan naik dan nilai ringgit mula jatuh dan rakyat hilang kepercayaan. Sekarang ni rakyat dah mula hilang kepercayaan *federal government* ni, madani ni YB. Bakar Arang dan juga YB Sidam, dia *aware* tak rakyat dah hilang kepercayaan sebab tu apa ada ura-ura pula nak kata *call* for darurat. Ini semua kerja gila YB., kerana minyak yang nak *call of* darurat. Jadi dengan kata lain YB. Tuan Speaker, kalau kita tak lakukan segera dia akan jadi *stagflation* iaitu dimana *stagflation* ini harga naik ekonomi lembab dan pengangguran mula berlaku. Pengangguran mula berlaku dan *worst* kes senario dia akan pergi kepada *economic recession* dan *finally economic deflation. Economic recession*, *economic deflation* ni YB. Tuan Speaker dan ahli dewan yang mulia dia bukan semestinya kena dalam bentuk *regional* tak semesti *economy recession* and *deflation* at *depression* boleh berlaku dalam konteks *country* negara jiran okey kita tak okey sebab dasar kita tak betul *fundamental* kita salah. Jadi jelas kenaikan harga minyak diesel dan petrol secara mendadak memberi gambaran buruk dan cara kerajaan pusat menangani krisis. Jadi kita memerlukan Malaysia ataupun kerajaan lebih baik dalam usaha menangani krisis seperti ini. Saya ingin juga *respond* minta izin YB. Tuan Speaker..,(YB. Tuan Speaker mencelah).

YB. TUAN SPEAKER

Pelan-pelan YB. Jitra, jaga kesihatan.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Baik, terima kasih (ketawa kecil). Saya *reset pace* saya kepada nasihat YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Tuan Speaker saya ingin juga respons tentang sahabat saya di sebelah sana dan juga mereka di luar sana mengatakan bahawa saya ni sokong anti Sabah dan Sarawak kerana saya semalam mempersoalkan mengapa Sabah dan Sarawak mempunyai kadar subsidi ataupun harga minyak yang lebih rendah daripada semenanjung, saya tak *against* Sabah dan Sarawak. Hari ini saya nak *clea*rkan kenyataan ini, saya sebenarnya seperti semua kita tahu makna kemiskinan dan deritanya kemiskinan dan apa yang berlaku di Sabah Sarawak hari ini adalah kegagalan kerajaan dahulu.

Segala perkara kos sara hidup yang tinggi, bekalan makanan perlu dieksport ataupun diimport dari semenanjung kepada Sabah dan Sarawak. *We have to ship all those goods* pergi Sabah Sarawak kerana kegagalan kerajaan terdahulu *i said loud and clear* kerajaan kegagalan terdahulu untuk membangunkan sektor ekonomi *food security* untuk Sabah dan Sarawak. Kalau kita naik kapal terbang pun daripada Kuala Lumpur pergi Sabah dan Sarawak ni berapa jam. Jadi memandangkan lebih 60 tahun kerajaan terdahulu memerintah nak salahkan sepenuhnya kepada kerajaan madani hari ini pun tak *fair* juga mereka baru berapa tahun saja 3 tahun lebih *right,* tetapi kerajaan terdahulu mereka telah gagal untuk membangunkan ekonomi Sabah dan Sarawak iaitu dia orang boleh berdiri sendiri di atas kaki mereka sendiri baik daripada *food security*nya, baik daripada *education system*nya dan berbagai-bagai segmen yang membolehkan mereka ketika mana krisis mereka ini mampu untuk mengekang krisis.

Tapi hari ini di bawah gambaran kita kena bagi Sabah Sarawak murah minyak sebab mereka susah, jalan raya mereka teruk rosak, mereka tinggal di pedalaman, *electricity* tak ada *all these thing the failure of previous government*. Jadi kalau itu lah realitinya sahabat-sahabat saya di Sabah dan Sarawak, maka tidak ada harapan lagi pada mereka yang menawarkan diri untuk terus memerintah Sabah dan Sarawak. Binalah Sabah dan Sarawak di tangan-tangan orang Sabah dan Sarawak sendiri dan kita di semenanjung sentiasa terbuka Perikatan Nasional sentiasa terbuka untuk bersama membina Malaysia baru yang lebih baik dan sejahtera. Jadi dengan kata lain itulah kesan kegagalan sebuah kerajaan yang diberi mandat, kemiskinan tak kenal bangsa, kemiskinan tak kenal negeri, kemiskinan tidak kenal agama.

Jadi sebagai pemerintah harus memainkan peranan kerana apa, kerana kegagalan kita memerintah atau memimpin dengan baik akan menjadi satu mimpi ngeri buat semua yang berada di bawah pemerintahan kita. Jadi kalau kita tengok jalan berlubang di Sabah dan Sarawak saya minta maaflah, di sini bercakap tentang Sabah dan Sarawak bukan kita parlimen**.** Tapi bila dikaitkan dengan kita Anti Pas khususnya

anti Sabah Sarawak itu salah sama sekali sebab kita berpegang kepada keadilan, kalau kita diberi kesempatan untuk memerintah Malaysia insya-Allah Sabah dan Sarawak akan kita bangunkan sama maju dengan semenanjung insya-Allah.

Jadi dengan kata lain, marilah kita lihat bagaimana kita dapat bergerak sebagai sebuah pasukan atau negara yang sayangkan tanah air ini. Dalam konteks TGK (The Greater Kedah), izinkan saya YB. Tuan Speaker iaitu krisis tenaga ini memberi kesan kepada perancangan negeri untuk memacu dalam buku The Greater Kedah kita, kita ada memberi fokus untuk menjana sekitar 50billion untuk sektor pertanian, perikanan dan penternakan, 50billion *by* 2030.

Jumlah ini cukup besar tetapi kalau nelayan kita dan juga para petani kita dan semua kita yang terlibat dalam sektor ini terkesan kerana kenaikan kos harga barang dan seumpamanya kos baja, kos racun, kos jentera dan segalanya bayangkan sasaran ini mungkin tidak dapat dicapai. Begitu juga dengan sektor pembuatan (*manufacturing sector*) *by* 2030 *our state targeting to secure at least* 1060 billion *worth of investment*. Ini satu juga tetapi kalau mesej dan signal diberikan oleh kerajaan pusat kepada dunia walaupun mereka seperti berbicara kepada rakyat, kepada kita tetapi dunia hari ini, *information that come from the Prime Minister office*, *all the ministers* boleh dibaca oleh siapa saja. Ini bukan boleh cakap ikut dulu macam biasa-biasa seperti dulu, dulu kita boleh *control* akhbar kita boleh pastikan apa berita nak keluar, *chief editor* akan *decide everything*. Hari ini *things that you said now immediately* boleh keluar *split second already spread all over the world*.

Jadi apabila kerajaan hari ini tidak cermat dalam dengan kata lain memastikan apa yang disampaikan digambarkan seperti mana saya katakan kerajaan memberi gambaran Malaysia hanya ada *reserve* minyak sehingga hujung bulan 5, 45 *days from* 15 of April, 45 hari. Ini mesej apa ni, mesej gila ini! Sedangkan kita ada *reserve oil* kita kenapa nak sebut kita hanya ada *reserve oil* sehingga hujung Mei. Dikatakan oleh menteri-menteri kita, dikatakan oleh Perdana Menteri ini satu kenyataan gila saya katakan. Sebab apa? *Give a wrong signal to the investors local international*, sebab dia orang kata “Malaysia *in crisis*?” sebab itu jangan sebarang cakap benda-benda sebab tu semalam saya kata *strategy communication.* Jepun ada simpanan 254 hari, Jepun tak ada pun telaga minyak, China ada 115 hari, Thailand ada 91 hari, kita kadang-kadang buat *comparison* dengan Thailand begitu begini, *but they have 91 days reserve or petroleum compare to us* 45 *days*. Filipina dia ada berapa? Dia ada 55 hari *better than us*, tuan-tuan bayangkanlah inilah realiti kita *what kind of communication there our ministers and Prime Minister are talking about.* Masalah itu besar kita, kita syok cerita kita nak *create* satu sentimen, kita nak *create* satu rasa, kita harus berjimat, kita harus *cut cost* dan semua. Tetapi kita lupa bahawa *this information going to be integrated by investors* sebab tu saya cakap dia sudut pelabur. Jadi kalau inilah kaedahnya kita dalam bahaya termasuklah dalam konteks kita

sebagai negeri yang sedang memacu agenda menarik pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa. Singapura *have a reserve which is months ahead* tak ada masalah kalau beberapa bulan pun krisis ini berpanjangan.

Semalam YB. Bukit Selambau *talking about* pelaburan saya ingin kaitkan untuk makluman YB. Tuan Speaker dan ahli dewan yang mulia, daripada tahun 2020 hingga 2026, 6 tahun *total amount or investment receive by our state* 180 bilion, tuan-tuan berikanlah *big round of applause* Yang Amat Berhormat Dato' Seri Sanusi Md Nor di bawah kepimpinan beliau 5 tahun pentadbiran membawa masuk 180 bilion *record* telah diciptakan.

Tapi macam saya kata tadilah tak ada siapa pun panggil nak tanya apa rahsia kita, kalau tak panggil Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak panggil saya pun tak apa sebab *im too focus* panggillah kita punya apa ni Dato' YDP kita, Dato' Elmi kita, panggil kita punya DO Kulim kita dan kita panggil semua agensi-agensi ni pun tak apa *you didn't have to call us but we need to share this information unfortunately* tidak begitu. Samalah juga di KHTP (Kulim Hi-Tech Park) dan kita ada YDP kita puan kita dimana KHTP daripada 1994 hingga 2026 *total amount investment received by* KHTP 190 billion. Dalam tempoh 6 tahun terkini 2020 hingga 2026 daripada 190, 147 bilion *receive in the most recent* 6 *years* di Kulim Hi-Tech Park kita. Ini realiti tak boleh siapa *deny*, *this is the facts*! Jadi apa yang kita buat? Kita tubuhkan TGK Management Office, kita melaksanakan *intend* di semua kawasan perindustrian kita. Baik daripada Kulim Industrial Corridor, Kulim Hi-Tech Park, di Kuala Ketil, kita ada di Sungai Petani, di Gurun kita ada di Alor Setar pun kita ada, kita ada di Padang Terap dan juga di (SBEZ) Special Border Economic Zone Bukit Kayu Hitam. Kita membentuk Kedah *one investment team*, kita membangunkan program Kedah *one thousand* yang profesional. Yang ni nak sentuh sikit YB. Tuan Speaker. (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Mohon celah ya.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Saya tak bagi banyak lagi ini!

YB. TUAN SPEAKER

Banyak lagi, masa kita agak terhad. Teruskan YB. Jitra.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Minta maaf YB. Bakar Arang, saya tahu dia panas tapi bertenang, bertenang jadi YB. Tuan Speaker, sabar, sabar, sabar separuh daripada iman. Jadi YB. Tuan Speaker, kembali kepada kita ni, kita bangunkan Kedah yang profesional program untuk kita melahirkan anak-anak kita, ni saya bukanlah nak benda ni, perkara ni saya rasa tak sepatutnya berlaku. YB. Tuan Speaker tahun lepas kita buat STEM Fair, *(Science, Technology, Engineering and Mathematics)* exhibition. Kita buat di Kompleks Sukan Kulim Hi-Tech Park, kita hebahkan kepada semua sekolah-sekolah, ini untuk anak-anak kita. Sebab dia orang ini akan menjadi *feeder*, dia orang ini akan menjadi *leaders in the future.* Kita panggil semua sekolah-sekolah ini datanglah, sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah bawah kerajaan negeri dan seumpamanya termasuk maahad tahfiz pun kita panggil, dia orang datang.

Tapi YB. Tuan Speaker dan untuk pengetahuan la ini kalau ada JPN (Jabatan Pendidikan Negeri) dekat sini, sudah-sudah lah kita main politik murahan ini, apa yang berlaku apabila pukul 2:00 petang, 2:30 saya sampai untuk merasmikan semua anak-anak sekolah ini diarahkan naik bas dan balik. Inilah perangai saya pun tak tau JPN ada tak dalam ni? Pengarah JPN ka timbalan ka. Mana JPN? Ada, janganlah buat macam ni puan. Kita *is embarrassing*, saya bukan nak kata JPN, panggil semua budak-budak naik bas balik. Adab apa yang sedang diajar? (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Jitra, bukan saya nak memihak mana-mana saya rasa JPN pun dia menerima arahan.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Itulah. Jadi saya tak salahkan pegawai-pegawai di negeri, saya salahkan menteri di pusat. Jadi kita kena ambil alih pusat kalau macam ini. Baru pegawai-pegawai ini boleh ikut apa yang sebaiknya untuk negeri kita.

YB. TUAN SPEAKER

Ya. kita *reset.*

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Kita *reset* federal, okey. Jangan marah puan JPN saya bukan *go against you,* tak dak apa saya rasa kesian anak-anak ini. Anak-anak dia pun tengah seronok, *excited*, ada *clean room*, ada *all the engineers, top engineers* datang. Sebab di Kulim ini Infineon

datang, AT&S (Austria Technologie & Systemtechnik) datang dia orang semua seronok. Tiba-tiba panggil "jom semua naik bas, balik!". Budak-budak terpinga pun balik la diorang. Saya tak nak panjangkan tajuk tu rugi. So, kita bangunkan *one thousand* yang professional program ini. Kita harap berilah sokongan iaitu.. (YB. Sidam mencelah)

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh mencelah?

YB. TUAN SPEAKER

Masa tak mengizinkan minta maaf.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Masa tak mengizinkan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Tak nak bagitahu..

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Jadi dengan kata lain, YB. Tuan Speaker saya mengharapkan Kedah *one thousand* yang profesional ni mendapat sokongan padu daripada JPN sebab kita nak dapat the *best brain* anak-anak kita ni *form* 3 *form* 4 form 5 *to be train* dalam program-program kita *to be prepared* untuk menjadi *future leaders from state* Kedah insya-Allah doakan berjaya.

Lepas tu kita juga dalam kekangan kita ni terima kasih kepada KTPC (Kulim Technology Park Corporation) yang sudi untuk mengambil tanggungjawab membina iaitu apa dipanggil *Kedah Science Technology dan Innovation Arena* kalau di Penang ada, Penang Sains Kluster, kalau di Alor Setar ada Pusat Sains Negara kita ada *state own* bawah KHTP iaitu *Kedah Science Technology dan Innovation Arena* insya-Allah dalam berapa bulan ni akan siap.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Jitra, sukacita saya nak memaklumkan Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Baik, baik cukup, cukup. Jadi dengan kata lain tuan-tuan, YB. Tuan Speaker, walaupun apa kekangan dan juga cabaran kita terus melangkah, walaupun ikatlah tangan dan kaki kita, kita tidak akan mengalah kerana kita yakin kesungguhan dan keikhlasan akan menang jua di akhirnya. Banyak dakwaan mengatakan bahawa semua pelaburan yang masuk ke Kedah adalah hasil usaha MIDA *(Malaysian Investment Development Authority)*, ini pun satu lah bukanlah saya nak menafikan tak dia bukan, *it takes to tango*. *As simple as that* kan? MIDA ni dia pergi buat *promotion* ke luar negara. Dia bawa *flag* Malaysia, dia tak bawa *flag* Kedah, dia tak bawa *flag* Negeri Sembilan, dia tak bawa *flag* Penang, dia tak bawa *flag* Johor, dia bawa *flag* Malaysia. *So* dia *promote* Malaysia, insentif begini-begini, *so* kalau *investors you convince, investors* tu pun bukan kecil-kecil anak. Dia *multi billion corporation, when they want to make decisions they do the diligent processes.* Dia akan *study* setiap negara ni, katalah dia tertarik ke Malaysia. *Right*? so dia akan datang, dia akan *throw* MIDA dia datang *so* MIDA akan kata ikutlah kalau MIDA punya *officer* tu nak *promote* Penang dulu, dia akan ceritalah Penang. Dan kalau nak *promote* Selangor, Selangor lah, Johor, Johorlah! tapi kalau MIDA punya *officer* kata *you should go to Kedah because the ecosystem is there* dia akan datang Kedah. *Anyway* dia akan *study* semua *state* di Malaysia ni *who give the best perks in terms of support*. Baru akhirnya dibuat *decision*, itu kaedah satu MIDA yang tolong *promote* Malaysia dia orang datang dan dia akan *approach* negeri-negeri. Kita sambut kita *complete* lah. Kan? Apa yang kita boleh, kita boleh kata kita daripada kebenaran merancang sampai *first good be exported in* Kedah *can be done in 10 months. Our top record is 8 month,* dia orang ni Cina dia membuat hospital *during* covid ini , YB. Tuan Speaker 6 hari siap hospital dia. Jadi kita sebut 8 bulan, 10 bulan ini pada dia okeyla *international standard*. Tapi negeri lain mungkin tidak selaju kita *fair enough.*

Balik kepada situ ada juga IPA kita *Investment Promotion Arm state* iaitu *invest* Kedah kadangkala kita ada kita punya *park developer* kita seperti KHTP atau KDPC ataupun NGX (Northern Gateway Sdn Bhd) *for* SBEZ. Dia orang ni pergi buat *promotion*, dia keluar *their own money*, *they go and do the promotion to the foreign country*, dia *approach all these companies* dan dia juga *promote the states, at the same time* Malaysia. So itu satu kaedah lagi, jadi bukan *purely* 100 *%* MIDA dan *I'm not saying* 100 *% state is a combination of the two parties in promoting our states and country.* Jadi sikit lagi YB. Tuan Speaker. Jadi dengan kata lain, dalam konteks hubungan kita dengan MIDA ni sangat baik dengan agensi-agensi imigresen, kastam, bomba, TNB, telekom, *you know* SADA *and you know it* semualah yang terlibat.

Saya tak dapat *mention* semua tetapi mereka ini memberi komitmen dan kita *manage to address all the problems* yang telah timbul dan seumpamanya. Jadi dengan kata lain, kita berjaya untuk tempoh 6 tahun terkini mencipta lebih kurang 50,000 peluang

pekerjaan untuk anak-anak Kedah, *majority occupied* atau diisi oleh anak Kedah alhamdulillah. Jadi insya-Allah dia ambil masa lah sikit. Jadi saya nak sampai ke penghujung dah YB. Tuan Speaker.

Dengan kata lain, kita punya Kulim Hi-Tech Park adalah *leading investment destination for the state* 82 *% of the investment came to our state* pelaburan itu berlaku di Kulim Hi-Tech Park dengan jumlah RM146.82 billion tetapi *rising industrial park* yang Kulim Industrial Corridor (KIC) dan juga Special Border Economic Zone (SBEZ) tidak dilupakan juga Kedah Rubber City (KRC) *speaking of*. Jadi dengan kata lain sedikit lagi

YB. Tuan Speaker masa kecederaan ini, kalau kita nak ambil contoh fokus kita seperti saya kata awal tadi sektor elektrikal elektronik, semikonduktor, sektor peranti perubatan dan juga sektor *renewal energy* dan kita juga memberi fokus kepada isu-isu untuk menjadikan segala yang kita rancang menjadi satu kenyataan. kita rangkumkan dia dalam satu gagasan dipanggil The Greater Kedah. The Greater Kedah ni tuan-tuan jadi kalau boleh saya lontarkan idea ni tuan-tuan kalau tuan-tuan memimpin agensi-agensi pastikan *you are in line with* The Greater Kedah punya KPI (Key Performance Indicator) dan juga *vision of* The Greater Kedah untuk membangunkan negeri kita. jangan buat di luar daripada kerangka The Greater Kedah. Jadi dengan kata lain, apa yang perlu kita lakukan saya ingin menyatakan di sini iaitu kita sebenarnya sama ada tuan-tuan sedar atau tidak agenda The Greater Kedah ini yang kita KPI kan dan kita pantau prestasi setiap tiga bulan sebenarnya ialah *structural reform for the state*. Yang ni mungkin orang sedar mungkin orang tak sedar. *Structural reform on economic structure, reform on the governance structure, reform on the infrastructure and logistics*. Sebab tu kita lihat bagaimana SADA kena pulun. Sebab apa? Keadaan tak sama dengan 20 tahun dulu. *Demand for water* ya sangat tinggi hari ini. *Industrial park* minta air jutaan *million* liter *a day* dan juga kawasan-kawasan perumahan.

Kita juga sudah *reform* ekosistem perniagaan, *reform* fiskal negeri kita, *reform* sosial dan kesejahteraan bawah YB. Bukit Kayu Hitam, *reform institution* dan penyelarasan, *reform on technology innovation*, *reform* perancangan negeri. Sebenarnya *reform* ni sedang berjalan sama ada kita sedar atau tidak. Jadi YB. Tuan Speaker, *last but not least* saya juga sebenarnya apabila kita dapat laporan daripada ni walaupun sahabat saya YB. Kulim telah kupas tentang indeks perpaduan nasional ni. Jadi saya sebenarnya nak sentuh jugalah sikit YB. Tuan Speaker, YB. Tuan Speaker saya ni baru mula saja ya ada lagi 20 minit.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Gurau (ketawa kecil). Ok YB. Tuan Speaker, kenapa saya nak sentuh apa kaitan dia?. Sebab dia ada dalam The Greater Kedah iaitu keterangkuman sosial dan budaya iaitu teras ketiga kita dan juga dia memberi gambaran kepada orang yang mana mungkin bacalah laporan ini. Pelabur-pelabur mungkin kata eh di Negeri Kedah ni ada isu perpaduan yang *serious because we are ranked at the bottom of the list*. Ni *something very wrong* ya. Jadi apa yang saya nak *rebut* kajian ni. Saya nak katakan kajian ni bias dan saya nak dewan ni rekodkan supaya mereka yang buat kajian ni lebih berhati-hati dan lebih terbuka. Apa antara *point* saya nak *highlight*? 3 *point* sahaja. Daripada 10 yang ada, *I can give all of them* tapi saya bagi 3. *Ranking* dibuat tanpa pendedahan ralat statistik. Kita tak ada *details of it* dari sudut ralat statistik. Kedah mempunyai kadar respon paling rendah. Bila responden jumlah responden bila *you* buat *survey* responden *you* rendah, dia akan *lead* apa? *No response* bias. Contohnya, sepatutnya tanya 10 orang. 10 orang jawab katalah baik dengan tak baik. kalau 8 orang jawab baik, *so* kita tahu 80 % kan yang baik. Tapi kalau responden 2 orang seorang jawab tak baik 50 % tak baik. tadi 20 % saja. kalau 10 orang 8 orang sebut baik dan 2 orang saja sebut tak baik *so* yang sebut tak baik *for the state* adalah 20 %. Tapi kalau responden saya rendah 2 orang saja dan 2 orang ni seorang cakap baik, seorang cakap tak baik *my responden %age* dia 50 % cakap tak baik. *So this is a fundamental floor of this research,* jadi perkara ni yang kita harus ketengahkan dan mereka kena harus berhati-hati dan tak boleh terburu-buru ya. dan apa lagi yang ketiga ni YB. Tuan Speaker, indeks ini mencampur adukkan unsur perpaduan sosial dengan persepsi terhadap tadbir urus dan pembangunan.

Apa kaitan *you* punya kajian tentang perpaduan nasional dengan tadbir urus dan pembangunan? *You* nak kaji pembangunan, *you* kaji pembangunan. Macam mana *you* boleh *generalize* kan *finding* situ dan akhirnya memberi gambaran yang salah. *This is a something* yang perlu diberikan perhatian oleh mereka yang melakukan kajian *with you respect to the team. I am not against them*, saya pun daripada dunia akademik sebelum ni tetapi *when it's come to the state of* Kedah, *i must stand up and defend my state*. Sama-sama kita mempertahankan negeri kita, ada 10 perkara la YB. Tuan Speaker tapi saya bagi 3 saja. Jadi YB. Tuan Speaker..

YB. TUAN SPEAKER

Yang ketiga dah.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Ya?

YB. TUAN SPEAKER

Yang ketiga dah.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Ah ya dan juga YB. Tuan Speaker saya juga ini habis dah ni penutup ya. Saya memberikan komitmen YB. Tuan Speaker membaca rancangan pendidikan tinggi malaysia, punyalah tebal tuan-tuan. *This is the* rancangan pendidikan tinggi malaysia. Ini satu bab rancangan lepas tu pelan tindakan dia YB. Tuan speaker dan ahli dewan ni pula tebal dia. Saya baca benda ni sebab saya nak tahu negara ni sedang bawa anak kita ni pergi mana. Saya baca. Saya tak tahulah siapa baca benda ni. Ni dia dokumen dia, saya tak pernah tengok rancangan setebal inilah ya. Rancangan sebuah kementerian tak tahu berapa banyak dibelanjakan saya tak nak pergi *angle* tu. Tetapi saya nak angkat satu dua perkara ja sikit. Nak habis dah nak *landing* dah ni. Walaupun YB. Tuan Speaker sepatut saya ada 20 minit lagi tapi YB. Tuan Speaker bagi saya 2 minit saja, saya terimalah.

Okey, saya bagi contoh satu YB. Tuan Speaker, sikit la ni untuk perhatian kepada Kementerian Pengajian Tinggi. *Not against* pengajian-pengajian tinggi tapi fikirkan la, untuk satu perkara saja dia panggil Lonjakan 1. Lonjakan 1 ni berkaitan Pembelajaran Berpaksikan Kemanusiaan Berciri Keusahawanan dan Adaptif. Lonjakan 1 pada saya dah hilang roh dia. Sepatutnya bukan berpaksikan kemanusiaan berpaksikan ketuhanan. Rukun negara kepercayaan kepada Tuhan dia dah tersasar manusia dulu. Tuhan dulu! Jiwa dulu dibentuk. Tapi tu satu perkara okey. Untuk satu lonjakan ni ada 46 KPI *correct me if I'm wrong* dan lain-lain tu berpuluh-puluh lah. Untuk satu lonjakan 46. Saya nak ambil satu pemerkasaan inovasi pembelajaran. Apa KPI dia? KPI dia bilangan inovasi dihasilkan oleh pelajar IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam), IPTA jumlah inovasi YB. Tuan Speaker, berapa jumlah pelajar di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) hari ni? 600,000 orang campur *private* 600,000 *total* 1.2 *million*, 600,000 berapa sasaran dia? Ini bilangan inovasi dihasilkan oleh pembelajar IPTA. Di mana YB. Tuan Speaker, dimana? Sasaran dia 100 orang.. (YB Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Peraturan mesyuarat YB.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Okey, silakan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Peraturan berapa tadi?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Okey kalau ikut Peraturan 9 muka surat 32. “Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebut kelakuan atau sifat-sifat siapa Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan dan menjalankan urusan sebagai Ahli Parlimen atau ahli Dewan Negeri atau pegawai kerajaan.” Jadi, tadi disebut YB. Jitra menyerang pegawai kerajaan di… (YB. Jitra mencelah)

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Saya tak serang. Saya sebut pasal pelan tindakan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Dak! Dak! Sebelum itu, sebelum itu.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Sebelum itu tadi lah patut tanya. Takdak takdak.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sebelum Pegawai Pendidikan Kedah.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Saya menafikan sekeras-kerasnya. Tarik balik YB.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, teruskan YB. Jitra.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Takdak takdak. Saya kata laporan ni rancangan ni saya kata diorang dah buat, diorang ikut arahan siapa jugaklah diorang dah buat *so fair enough* tapi saya sebagai..

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Bukan. Tadi yang naik bas tu.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Saya.. Ha?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Yang naik bas tadi ni.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Allah, tadi lama dah YB. YB. lena.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Tak kira lama! Benda ni diminitkan.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Betul! Saya cerita pasal bas bukan orang.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Tak boleh la menyerang pegawai pendidikan tu.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Saya tak serang pegawai JPN. Saya merayu pegawai JPN. YB. *confuse*! Antara rayuan dan juga tuduhan. Ini rayuan Ok.

YB. TUAN SPEAKER

Teruskan YB. Jitra. Masa terhad.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

YB. baru tersedar ni saya rasa. Ok takpa YB., nanti kita ada *coffee talk* lah kita lepas ni saya *explain further*. Jadi YB. Tuan Speaker, 300 pelajar-pelajar ni pelajar-pelajar IPTA kita ada lebih kurang dalam 600,000. Berapa sasaran dia untuk bilangan inovasi dihasilkan oleh pembelajar IPTA? Sasaran dia tahun 2026 100 orang, tahun 2027 100 orang, tahun 2028 100. 100, 100, 100 *fundamentally wrong*. Satu jumlah terlalu kecil. Kedua, tak ada peningkatan. 100 bagi 600,000 kali 100 berapa *%*? 0.016 *%* tak sampai 1 *%*. *What kind of planning is this*? Maaflah YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Boleh *landing* YB.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Landing eh. Kita *landing* eh sebab dia makin naik 30,000 kaki dia payah nanti nak turun. *Last* YB. Tuan Speaker, iaitu tentang satu lagi ini saya ambil satu ja lonjakan ni. Bilangan pengambilan siswa SULUNG dalam kalangan permohon yang layak. Apa ni program SULUNG ni YB.? Mungkin kita tak tahu IPT IPTA khususnya ya IPT lah eh dia ada program SULUNG (Program Pembangunan Siswa Sulung). Maksud SULUNG ni anak pertama daripada keluarga miskin diberi laluan keistimewaan untuk masuk ke universiti. Tapi tak sebut program kritikal, masuk universiti ja. Ambil program tak ada *demand* pun dalam industri pun *you* masuk universiti. Syarat dia masuk universiti. Itu yang kita faham daripada definisi ni. Berapa YB. Tuan Speaker? Daripada 300,000 *intake* setiap tahun, 2,500. 2,500 kalau kita bahagi dengan 300,000 kali dengan 100 *%* lah kita *simple calculation* dia 0.8 *%*. 0.8 *%* daripada boleh kiralah tak sampai 1 *%*. Kalau 300,000, 10 *%* 30,000. Kalau 1 *%* ialah 3,000. Kalau 0.8 *%* tak sampai pun 3,000. Itulah sampailah *figure* 2,500 inilah yang dikatakan satu usaha yang baik dan murni tetapi tak ada keberanian, *will power regardless race and religion*.

Inilah anak-anak yang perlu diangkat. Sepatutnya jumlah dia *significant enough* untuk memastikan kemiskinan dapat dengan kata lain, kita dapat membasmi kemiskinan apabila anak-anak keluarga susah berjaya menjadi *accountant*, berjaya menjadi *engineer*, berjaya menjadi *pilot* atau apa juga mereka akan keluarkan. Kalau kita buatlah sasaran 10 *%* daripada 300,000 iaitu 30,000. Kalau 30,000 kita buat, *meanings that every year* bila dia *graduate* 30,000, 30,000 keluarga akan keluar daripada kemiskinan. *Next year* 30,000. Empat tahun 120,000. Diorang tak nampak ni. 2,500 4 tahun setahun 2,500. 4 tahun baru berapa? Baru 10,000. *We can do better* Perikatan Nasional insya-Allah. Dengan itu, saya dengan rendah hati YB. Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong dan menjunjung kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Dia nak turun payah (ketawa kecil). Terima kasih YB. Jitra dan seterusnya dipersilakan YB. Sungai Limau.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Jitra nak turun payah. Sungai Limau nak naik payah (ketawa). Minyak mahal. Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillahi rabbil alamin wabihi nasta'in wassalatu wassalamu 'ala ashrafil anbiya'i wal mursalin, wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Robbisrohli sodri, wayassirli amri, wahlul 'uqdatammil lisani yafqohu qauli. Ama ba'ad. Qa lallahu taala fi kitabul karim ba'da auzubillahi mina syaitan nirajeem

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ۚ ٱعْدِلُوا۟ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ

"*Janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada siapa jua pun kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kamu kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang telah kamu kerjakan".* (Surah Al-Maidah, ayat 8)

YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Undang-Undang, semua seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan, barisan pengamal media, anak-anak tetamu daripada Sekolah Menengah Islam Darul Ulum sebagai pemerhati pada pagi ini seterusnya tuan-tuan puan-puan yang berada dalam dewan dan yang mengikuti siaran secara langsung di *page* Urusetia Penerangan Darul Aman. Terlebih dulu, saya rakamkan ucapan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker yang berikan keizinan untuk pada pagi ini saya melakukan penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri yang Ke-15 yang sudah pasti penggulungan yang akan dilakukan ini respons kepada cadangan, pandangan, soalan dibangkitkan oleh rakan-rakan ADUN dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio Agama, Pendidikan, Komunikasi dan Penerangan.

Terlebih dahulu, seperti rakan-rakan yang lain tapi secara ringkas saya rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri yang baru, Yang Berhormat Timbalan Setiausaha Pengurusan Kerajaan dan juga rakan-rakan Pegawai KCS yang lain yang telah pun naik pangkat ditukar tempat dan secara khusus kepada Yang Berusaha Tuan Haji Ahmad Fuad bin Che Ani, Pegawai Daerah Yan yang baru.

Selamat datang dan bertugas di daerah Yan dan ucapan terima kasih pada YB. Puan Maznim binti Ismail yang berpindah ke LADA, Langkawi. Terima kasih atas sumbangan yang telah diberikan dan semoga sukses di tempat baru dan kita doakanlah moga-moga usaha yang kita laksanakan seluruhnya bukan hanya sekadar memenuhi tanggungjawab sebagai pegawai-pegawai yang telah pun dilantik. Tetapi kita harap kita doakan semoga seluruh yang kita laksanakan akan menjadi ibadah, akan menjadi amal soleh, akan memberatkan timbangan kita di hari akhirat bertemu dengan Allah SWT.

Tadi pun YB. Bakar Arang ada bertanya pada YB. Alor Mengkudu tentang Sukan Satu Ibadah. Jadi, tak perlu bimbang, tak perlu takut. Bila kita sebut ibadah, maka secara asasnya ia akan mengingatkan kita kepada segala peraturan daripada Allah SWT sama ada bentuk suruhannya dan juga bentuk larangannya. Yang sudah pasti ini perlu difahami oleh semua supaya dalam kehidupan kita, kita tidak *separate* kan bahagi oh hat ni hanya untuk dunia. Tapi semua yang kita buat di dunia,

الدُّنْيَا مَزْرَعَةُ الآخِرَةِ_

Dunia ni bagi kami umat Islam, sebagai tempat bercucuk tanam untuk kita mendapat habuan, janji Allah SWT di hari akhirat. Buat baik diberikan kebaikan, jahat dan zalim tidak adil pada orang akan menerima sengsara, azab daripada Allah SWT. Jadi YB. Bakar Arang tak perlu bimbang, kita tak ada paksaan dalam melaksanakan konsep Sukan Sebagai Ibadah supaya sebagai suatu ingatan. Satu ingatan kepada semua. Kerja kita ni ibadah, jangan rasuah, jangan buat zalim. Sukan adalah ibadah untuk kesihatan, untuk silaturahim. Jangan buat perkara-perkara yang akan merosakkan, mencederakan orang kerana itu larangan daripada tuhan. Pertanian juga ibadah, mencari sumber rezeki daripada hasil tanaman kita, berbakti kepada tanah dan semualah amalan-amalan itu ada panduan, disiplin, adab daripada Islam daripada Allah dan baginda Rasulullah SAW.

YB. Tuan Speaker, izinkan saya untuk memulakan penggulungan ini dengan menjunjung kasih dan merafak sembah setinggi-tinggi penghargaan atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan yang telah pun menyentuh secara jelas dalam titah ucapan baginda tuanku yang mengaitkan tentang pentadbiran Kerajaan Negeri, memuji kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Jeneri dan sokongan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat serta seluruh pegawai-pegawai dalam mengurus, mentadbir pengurusan di peringkat kerajaan dan sudah pasti pentadbiran yang baik akan menatijahkan kestabilan, kemakmuran, keharmonian dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Kedah Darul Aman. Dan baginda tuanku juga secara jelas menyentuh tentang perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian khususnya oleh Kerajaan Persekutuan dalam memahami konsep federalisme. Tanggungjawab yang perlu diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan

negeri. Janganlah kerana berbeza parti, berbeza bendera, berbeza sokongan menyebabkan ada negeri-negeri yang tidak mendapat perhatian daripada Kerajaan Persekutuan dengan konsep federalisme yang telah pun disebutkan tadi.

Sebagai contoh, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan ada senarai persekutuan ada senarai negeri dan ada senarai bersama. Kita perlu memahami seluruhnya senarai-senarai ini supaya kita tahu mana tanggungjawab persekutuan dan mana tanggungjawab negeri, mana tanggungjawab bersama. Dan saya pernah sebut dalam sidang sebelum daripada ni apabila beberapa ADUN bangkitkan tentang pendidikan sebagai contoh pendidikan dalam Jadual Kesembilan ia merupakan senarai di peringkat persekutuan. Jadi, kelmarin dalam berbahas ada ADUN-ADUN menyebut tentang kenaikan harga diesel yang menyebabkan petani-petani, menyebabkan pengangkutan untuk ke Langkawi terpaksa naik harga dan sebagainya. Mungkin ditanya apa tindakan negeri dijawab YB. Jitra, YB. Kubang Rotan pun jawab beberapa inisiatif yang dilaksanakan di peringkat negeri tetapi kita tidak mampu untuk berikan kewangan yang banyak kerana semua hasil-hasil cukai-cukai dikutip oleh persekutuan. Jadi, YB. Tuan Speaker sebelum ditanya apa tindakan negeri dan kita pun sebenarnya rakyat nampak tanggungjawab itu tanggungjawab di peringkat persekutuan. Daripada harga RM3 naik melonjak kepada RM6.72. Mungkin turun sikit dan disebut Sabah Sarawak boleh kekal harga.

Sebenarnya kita minta, rakyat minta kekalkan harga dinikmati oleh Sabah Sarawak sama di semenanjung kerana kita juga rakyat Malaysia. Kita juga membayar cukai yang sama dan sepatutnya perkara ini boleh dilaksanakan sebelum daripada ini ada pandangan daripada sejak nak kata Ketua-ketua Pembangkang sebelum ni dia sebut "kita untung RM8 billion belanja RM5 bilion sahaja daripada keuntungan Petronas untuk kita berikan subsidi mampu untuk menurunkan harga." Tapi bila hari ni perkara itu tidak berlaku. Inilah yang dipersoalkan sepatutnya Kerajaan Persekutuan boleh buat lebih baik daripada apa yang sedia ada supaya tidak membebankan rakyat. Inilah konsep federalisme ataupun Jadual Kesembilan yang boleh dirujuk dalam perlembagaan untuk kita menentukan tugasan-tugasan yang perlu dilaksanakan oleh setiap kerajaan. Dan Kerajaan Persekutuan sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang besar khususnya dalam memastikan perkara ini dapat dilaksanakan secara adil kepada seluruh negeri-negeri.

YB. Tuan Speaker, izinkan juga saya untuk merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah. Pada tahun 2025 di penghujung tahun, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah telah dianugerahkan tiga anugerah. Pertamanya, Penarafan Lima Bintang Pematuhan Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2025 dan arahan-arahan ini berpusat untuk penyelarasan pentadbiran undang-undang di seluruh mahkamah syariah di Malaysia. Anugerah yang kedua, Anugerah Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) Ketua Setiausaha Negara,

KSN atas kejayaan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah melaksanakan mengurangkan masa tempoh penyediaan dokumentasi kes mahkamah syariah. Kalau sebelum ni daripada 3 hari diringkaskan penyediaan itu hanya kepada 30 minit saja YB. Tuan Speaker. Dan anugerah yang ketiga juga Anugerah Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) Ketua Setiausaha Negara atas kejayaan melaksanakan projek birokrasi iaitu mempercepatkan pendaftaran dan pemfailan kes mahkamah tinggi syariah melalui pengintegrasian daftar silang. Inilah antara anugerah yang telah pun diperolehi oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman. Mewakili Kerajaan Negeri, kita rakamkan ucapan tahniah dan kita yakin banyak lagi agensi-agensi yang telah pun melakukan inovasi dalam setiap pekerjaan mereka khususnya untuk memudahkan dan mempercepatkan proses-proses di setiap institusi.

YB. Tuan Speaker, sebelum seterusnya saya mengajak sidang dewan untuk sama-sama kita rakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPN), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK), Lembaga Maktab Mahmud dan seluruh pentadbir sekolah-sekolah dan juga guru-guru dan ibu bapa atas kejayaan cemerlang anak-anak pelajar kita dalam peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan STAM (Sijil Tinggi Agama Malaysia) 2025 yang telah pun diumumkan. Pencapaian Negeri Kedah 4.52 mata Gred Purata Negeri. Alhamdulillah antara yang terbaik untuk tahun ini kerana sebelum daripada ini pada tahun yang lepas, gred purata kita 4.64 dan 4.52 itu juga merupakan gred purata yang sama untuk sekolah-sekolah yang berada di dalam bandar dan juga sekolah-sekolah yang berada di luar bandar. Makna dia YB. Tuan Speaker, anak-anak kita di dalam bandar dan juga di luar bandar mendapat akses pendidikan yang sama dan setara insya-Allah dengan keluarnya keputusan SPM 2025 yang lalu. Jadi YB. Tuan Speaker, di peringkat negeri insya-Allah kita akan mengadakan Program Anugerah Sanjungan Ilmu pada 23 April yang akan datang untuk kita raikan anak-anak kita yang berjaya di peringkat KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardu Ain), SPI (Peperiksaan Sijil Pendidikan Islam), SMRA (Sijil Menengah Rendah Agama), SPM, STAM dan juga Sijil Tahfiz Malaysia untuk kali yang ke-3 yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 23 April yang akan datang.

Saya juga di kesempatan ini mengajak kita semua ahli dewan dan juga seluruh rakyat Negeri Kedah dan rakyat Malaysia untuk kita mengimbau suatu peristiwa yang menyedihkan khususnya serangan yang berlaku kepada sebuah institusi pendidikan kanak-kanak perempuan di Minab, Iran pada 28 Februari 2026 yang lalu. Peristiwa ini pengeboman ini telah mengorbankan lebih ataupun 150 jiwa besarnya di kalangan anak-anak dan juga mencederakan lebih daripada 100 orang kanak-kanak. Ini merupakan suatu kezaliman dan juga suatu pengkhianatan terhadap nilai kemanusiaan itu sendiri. Walaupun ia merupakan suatu yang ditegah dan juga pelanggaran kepada undang-undang antarabangsa, tetapi kita melihat dunia hanya diam kerana ia dilaksanakan oleh Israel dan juga Amerika dalam peperangan yang

baru berlaku. Dalam Islam kita ditegah walaupun ketika perang untuk membunuh kanak-kanak, wanita, warga tua dan Nabi SAW juga menegah kita daripada melakukan perkara-perkara tersebut. Sejarah membuktikan dimana Saidina Umar ibnu Khattab ketika mengutuskan panglima ataupun rombongan ataupun batalion untuk berperang. Antara ingatan antara pesanan iaitu tidak boleh untuk membunuh wanita, kanak-kanak, orang-orang tua, tebang pokok-pokok, membakar dusun-dusun dan juga merobohkan rumah-rumah ibadat bukan Islam kerana ini merupakan adab, ini merupakan disiplin. Inilah yang merupakan perintah ubudiyyah ataupun ibadah kita kepada Allah SWT.

Ia berbeza dalam banyak siri-siri peperangan yang pernah kita dengar. Antaranya yang telah lakukan oleh tentera Salib khususnya semasa mereka menang menawan Baitul Maqdis pada 1099 membunuh ratusan puluhan ribu khususnya umat Islam dan juga dibunuh juga di kalangan Yahudi sehinggakan dikhabarkan darah sampai ke tumit pada waktu itu. Dan juga sejarah berikutnya ketika mana Hulagu Khan menawan Baghdad dikhabarkan sungai-sungai merah dan ada sungai-sungai yang hitam. Kerana bukan hanya pembunuhan tetapi merosakkan buku-buku ilmuan-ilmuan kerana Baghdad pada waktu itu menjadi tempat nadi kepada sumber ilmu kemajuan khususnya bukan hanya umat Islam tapi juga kepada dunia pada waktu itu. Inilah antara perbezaan yang boleh kita nampak dan saya yakin apa yang berlaku di pembunuhan pengeboman di Iran baru-baru ini kepada institusi sekolah juga kita jangan lupa yang terus-menerus menerima ancaman pembunuhan umat Islam di bumi Palestin yang tuan-tuan Yang Berhormat sekalian telah pun puluhan tahun mereka kanak-kanak, wanita, orang tua, hak mereka dizalimi dan kita harapkan usaha yang berterusan khususnya daripada seluruh umat Islam sama ada dan masyarakat bukan Islam untuk melancarkan Sumud yang telah pun masuk kali yang ke berapa ini akan membolehkan pandangan dunia nampak supaya Palestin akan bebas pada masa yang akan datang.

YB. Tuan Speaker dan ahli sidang dewan yang mulia se kalian, seterusnya saya ingin mengucapkan berkaitan dengan portfolio yang telahpun dipersoalkan, dibahaskan, dicadangkan oleh sebahagian besar Ahli-ahli Yang Berhormat. Antaranya… (YB. Kupang minta laluan)

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Tuan Speaker…

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Tokai.

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Tuan Speaker, boleh saya mencelah sikit?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kupang bangun, YB.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Tak tau ah, baru nak masuk.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Kupang.

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih, YB. Tuan Speaker. Saya sendiri ingin menyentuh dalam cara kita melakukan sesuatu dalam *cross* budaya melalui hari-hari kebesaran dan perayaan-perayaan agama. Yang mana kita harus ingat bahawa di sana ada garis merah sempadan yang harus dihormati oleh pihak-pihak yang terlibat. Jadi umpamanya, baru-baru ini kita lihat bahawa budaya mercun di dalam menyambut Aidilfitri. Sampai pada malam raya tu dah suara-suara takbir hilang dengan letupan mercun-mercun. Dan ada di sebuah pekan dekat kawasan saya menghabiskan RM7,000 untuk menyambut Aidilfitri dengan mercun. Jadi di sini ada *cross* budaya. Dimana kalau kita tidak memberi perhatian sebenarnya, besok dia akan bersebati, budaya yang bersebati dengan apa nama ni, budaya-budaya yang lain, yang kita lupa bahawa di sana ada garis merah sempadan yang perlu diraikan. Jadi saya minta supaya pihak yang berwajib, sekurang-kurangnya mempunyai suatu garis panduan supaya perkara-perkara ini tidak berlarutan dan akhirnya akan menyebatikan di antara budaya-budaya itu dengan kita lupa bahawa di sana ada garis merah yang perlu diraikan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Kupang. Dipersilakan, YB. Sungai Limau dan seterusnya rangkum dan ‘landing’ sekali.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik, terima kasih kepada YB. Kupang atas cadangan, pandangan yang diberikan berkaitan mercun. Memang tuan-tuan, jadi YB sekalian, tuan-tuan semua, bila ada

lesen ni dia jadi macam tu. Mungkin pihak PDRM cuba untuk mengawal. Kadang-kadang tengah duk sembahyang, sembahyang tarawih terkejut Tok Imam, lupa ayat apa dia baca. Jadi ini juga termasuk dalam perkara-perkara yang antaranya adab, disiplin dan juga termasuk dalam:-

إِنَّ ٱلْمُبَذِّرِينَ كَانُوٓاْ إِخْوَٰنَ ٱلشَّيَٰطِينِۖ

Jadi kita harap perkara ini khususnya pihak yang berwajib, juga ibu bapa untuk kita berpada-pada dalam kita nak meraikan kemeriahan bila nak raya ni tapi jangan kita lupa kepada adab-adab, disiplin, panduan yang ada. Pertamanya berkaitan dengan cadangan, pandangan daripada YB. Tokai untuk berhubung, masjid sebagai R&R dan juga pemasangan, kita panggil apa, caj elektrik untuk EV Setakat yang maklumat yang kita ada, perkara itu masih lagi belum ada di masjid khususnya untuk caj EV, tapi R&R ni Alhamdulillah, banyak dah masjid-masjid yang sedang giat untuk membangunkan, mempromosikan masjid tu bukan hanya tempat untuk sembahyang tapi juga tempat komuniti, tempat untuk ekonomi setempat. Dan sebagai contoh, masjid yang terkenal apa dia, Masjid Al-Bushra. Kemudian, Masjid Aman di Kuala Kedah. Kemudian, Masjid Fatimah di Jitra dan banyak lagi yang kita tak sebut.

Dan saya juga yakin dan harapkan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah kita bukan hanya memberikan kursus, khususnya kepada imam tentang perkara-perkara rutin yang dia buat untuk ibadah di masjid tapi juga kepada setiausaha masjid, kepada bendahari masjid, jawatankuasa masjid, jawatankuasa Rakan Muda Masjid, untuk mereka juga berkursus apa lagi aktiviti-aktiviti yang boleh untuk kita kembangkan, laksanakan di masjid supaya ia menjadi pusat komuniti dan juga pusat ekonomi sosial kepada masyarakat ahli kariah. Jadi kita harap kalau masjid nak buat sendiri caj EV tu mungkin kos. Tapi kalau ada di kalangan pihak swasta yang mungkin ada masjid tertentu yang kita lihat sesuai. Kereta EV pun banyak kawasan setempat. Mungkin boleh bincang dengan pihak masjid dan juga jangan lupa, Majlis Agama Islam Negeri Kedah yang menjadi pemilik tanah kepada khususnya institusi-institusi masjid ini dalam negeri kita mengadakan perbincangan jika bersesuaian untuk kita adakan perkara itu di masjid-masjid kita. Kedua, yang dibangkitkan oleh YB. Pedu berkaitan dengan ketidakhadiran solat jumaat. YB. Belantek cadang untuk kita banyakkan solat subuh, solat jumaat pun tak mai. Kita nak buat solat subuh macam jumaat. Kita anjur di peringkat negeri, berapa siri program dan kita juga harap di peringkat daerah, peringkat komuniti, peringkat masjid, kita menggalakkan kehadiran. Saya yakin bila kita buat tu, anak-anak muda yang tertarik dengan, tapi kena ada program lah. Kalau mai setakat nak sembahyang saja tu, dia jadi macam biasalah. Tapi kalau kita ada program sampingan yang lain untuk kita menarik masyarakat.

Jadi untuk ketidakhadiran solat jumaat ni untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Negeri Kedah, individu yang tidak menunaikan solat jumaat tanpa uzur syarie boleh

dikenakan tindakan di bawah Seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Kedah 2014. Peruntukan ini memperuntukkan bahawa, mana-mana orang Islam yang meninggalkan solat jumaat khususnya jika dilakukan secara berulang seperti tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang dibenarkan syarak boleh dikenakan hukuman sama ada denda, pemenjaraan atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Dan dari sudut penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Kedah bertanggungjawab dalam memantau serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap kesalahan ini. Pendekatan diambil lazimnya, YB. Tuan Speaker, memberi tumpuan kepada kes-kes yang berulang selaras dengan usaha mendidik dan membimbing masyarakat agar mematuhi tuntutan agama. Kerajaan negeri menekankan bahawa pelaksanaan undang-undang ini juga bukan semata-mata bersifat menghukum tetapi lebih kepada mendidik serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan umat Islam mengenai kepentingan kewajipan menunaikan solat jumaat. Jadi…

YB. TUAN SPEAKER

Banyak lagi tak, YB.?

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Kita cepat-cepat noh, boleh noh?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Sungai Limau. Rangkum sekali.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dalam mukadimah tadi pun dah terselit jawapan-jawapan. Rangkumkan sekali.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Seterusnya, yang YB. Bukit Selambau menyebut berkaitan dengan tanah kubur. Perkara tu pun dah pun dijelaskan oleh YB. Kuala Ketil dan di peringkat kita, jabatan agama dan juga EXCO Agama pada 25 Disember 2025, kita mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kajian Tapak Perkuburan Islam Negeri Kedah yang diadakan di PTG untuk kita melihat perancangan ataupun keperluan kita kepada kubur-kubur yang sedia ada. Untuk makluman, di peringkat PLAN Malaysia telah

mengadakan kajian-kajian tentang kubur ni dan antara dapatan yang dibuat di tiga daerah Kuala Muda, Kota Setar dan juga Kulim. Saya ambil contoh ringkas saja untuk daerah Kota Setar, semua keluasan kubur yang ada 69.99 hektar, lebih kurang 67 hektar kubur. Campur-campur semua masjid dalam Kota Setar di 28 mukim dan juga tahap penggunaan sekarang ni 34 hektar. Unjuran kematian, ni rekod-rekod yang ada campur tolak, bilangan kematian untuk Kota Setar setahun lebih kurang 3,263 orang. Jadi kalau ikut unjuran ni, dengan keluasan yang ada, masih boleh 14 tahun lagi, contoh.

Jadi di peringkat Majlis Agama Islam dan juga jawatankuasa, ada kita merancang untuk buka lagi dua tapak perkuburan yang diurus secara berpusat. Kalau masjid urus, kadang-kadang dia untuk ahli kariah ja. Yang diurus secara berpusat, insya-Allah untuk Kota Setar dicadangkan dua tempat. Dan bagi Kuala Muda, untuk kubur ni, YB. Tuan Speaker, keluasan 67.45 hektar, yang dah guna 41.59 hektar, boleh tahan lebih kurang 10 tahun lagi. Dan di Kuala Muda juga ada cadangan untuk buka lagi yang dikenal pasti satu, satu tempat. Dan yang ketiga, di Kulim. YB. Kulim pun ada boleh dengar ni. Penemuan ada 31 hektar, 17 hektar yang dah guna, jadi boleh tahan lagi 9.7 tahun. Cuma Kulim nya nak cari tanah payah. Setakat la ni masih lagi belum ada dan kita melihat usaha daripada AJK masjid pun duk mai pejabat, duk habaq, duk kutip wakaf, Alhamdulillah benda tu berlaku tapi di peringkat negeri juga kita nak bertanggungjawab untuk negeri kita juga merancang perlu ada tanah-tanah yang kita khususkan bagi masa depan ataupun masa depan kita semua. Dan yang terakhir, tentang YB. Belantek saya dah sebut tadi, YB. Belantek tentang cadangan yang telah pun dikemukakan.

Jadi kita harap semua pihak akan bersama-sama dan bagi Bandar Baharu tentang Maktab Mahmud Bandar Baharu, Alhamdulillah. Maktab Mahmud ni kita pun dah buat lawatan dan kita ada mohon proses di peringkat kerajaan ni untuk pengambilan tanah yang berdekatan dengan sekolah dan perkara itu telah pun diangkat di peringkat PTG (Pejabat Tanah dan Galian).

Pada masa ini proses tersebut berada di peringkat Seksyen 4 dan sedang diproses sebelum masuk kepada Seksyen 8. Jadi usaha sedang dilaksanakan dan kita juga telah angkat dalam RMK13 di peringkat negeri untuk Maktab Mahmud Bandar Baharu dan juga Maktab Mahmud Yan. Dan saya juga secara khusus jumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebenarnya supaya sebab Maktab Mahmud Bandar Baharu ni antara SABK. Jadi kalau sebelum ini dasar. Diperingkat kementerian SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) boleh terima bangunan baru cuma kita pun tak ingat bila. Sekarang ni SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) tak terima dah bangunan baru daripada kementerian. Jadi kita harap perkara tu dapat diproses balik supaya sekolah-sekolah, khususnya sekolah agama mendaftar SABK ni dapat untuk kita bangunkan kerana prestasi peperiksaan secara khusus dan kemenjadian pelajar-

pelajar di sekolah-sekolah agama kita ni mendapat yang baik, insya-Allah. Jadi untuk akhirnya, MCMC komunikasi satu ja lah, walaupun panjang disediakan. Mengajak kita semua khususnya pimpinan masyarakat di peringkat daerah-daerah dan juga di peringkat kariah. Kalau yang mengalami masalah talian secara khusus supaya kita dapat untuk *download* aplikasi MCMC NEXUS, M-C-M-C N-E-X-U-S, NEXUS. Aplikasi itu boleh secara langsung kita nak tengok *speed test* di kawasan yang terbabit dan secara langsung perkara itu akan dipantau, dapat terus *direct* kepada MCMC (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) dekat keadaan setempat.

Jadi ketua-ketua kampung, mungkin pegawai-pegawai di peringkat Majlis Daerah Pejabat Tanah sebagainya. Sekolah-sekolah dan juga seluruh lah, kalau ada yang menghadapi masalah *speed* di kawasan masing-masing boleh untuk kita adakan aplikasi ini dan seterusnya maklumat itu akan sampai kepada MCMC (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia). Dan YB. Tuan Speaker, sekarang ni sedang berlangsung Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Terengganu dan pada tahun lepas kita Kedah mendapat johan keseluruhan bagi majlis tilawah dan kita harap peserta-peserta daripada Negeri Kedah kategori Tilawah Al-Quran, Nurfikri Fahmi Bin Md. Shahidan, Nuradilah Binti Azdi. Daripada Tahfiz Al-Quran, 1 hingga 10 juzuk, Muhammad Taftazani Bin Ismail dan Ulya Maisarah Binti Ismail. Kategori 1 hingga 20 juzuk hafazan, Aqil Hafiz Bin Hazalan Haffiz, Nur Syifa' Najwa Binti Mohamad Husni dan kategori hafazan Al-Quran 1 hingga 30 juzuk, Muhammad Rifaei' Bin Mat Zuki dan Nur Hani Binti Abdul Razak.

Moga-moga mereka mendapat keputusan terbaik dan juga kita Kedah kekal untuk mendapat johan keseluruhan bagi majlis tilawah pada tahun ini. Dan bagi mengakhiri ucapan penggulungan, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan Jawatankuasa Tetap Pendidikan Agama Komunikasi dan Penerangan Negeri Kedah. Juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua rakan-rakan dan ketua-ketua jabatan, agensi-agensi negeri dan persekutuan yang telah pun membantu kami dalam menjayakan dasar di peringkat negeri dan juga aktiviti yang dianjurkan diperingkat portfolio khususnya dan kita yakin semua yang kita laksanakan itu semuanya akan beri kebaikan kepada negeri kita dan juga mensejahterakan rakyat dan akan menjadi amal soleh di sisi Allah SWT. Jadi dengan itu, saya menyokong dan menjunjung kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri pada 13 April yang lalu. Yang baik kepada Allah SWT, yang lemah, kelemahan dari diri saya sendiri. Saya mohon ampun dan maaf,

اَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, YB. Sungai Limau. Dipersilakan, YB. Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ
سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ
قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Sekuntum melur idaman dara,
Kelopaknya jatuh di tepi hutan,
Salam dihulur pembuka bicara,
Moga kukuh pentadbiran kerajaan.

Yang saya kasihi, YB. Tuan Speaker, Yang saya kasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, ADUN-ADUN, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan, Dato' Dr. Nadzman Mustaffa. Tahniah kepada Dato' telah dilantik sebagai pegawai kewangan negeri dan juga terima kasih kepada mantan SFO Dato' Wira Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin. Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri Kedah, pegawai-pegawai daerah terutamanya pegawai Daerah Kulim lah, daerah saya Kulim, dan juga Yang Di-Pertua MPKK, Dato' Helmi yang ada pada pagi ini. Pegawai-pegawai daerah, ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan, wakil agensi daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah, KEDA, KKDW, RISDA, JPS, SADA, JKR dan yang tidak tersebut di sini. Tak lupa juga kepada yang mengikuti sidang ini secara *live* dan juga secara tidak langsung, yang mengucapkan jutaan terima kasih kepada penghulu-penghulu mukim dan juga MKK pengerusi dan setiausaha MKK yang sentiasa bersedia untuk membantu rakyat. Dan juga tetamu daripada Sekolah Menengah Islam Darul Ulum iaitu di Pokok Sena pada hari ini. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya mengucapkan 'Sannah Helwah', selamat hari lahir kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Fauzi Bin Mustaffa pada hari ini, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Pembangunan. Hari ini, ke berapa saya tak tahu, tapi hari inilah hari lahir. 35, 35 hahaha…Dato' Arof kelmarin? Allah, tak teringat kelmarin ya, hahaha…45? Haha…Saya mulakan dengan ayat Surah Yusuf:-

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

يُوسُفُ أَيُّهَا ٱلصِّدِّيقُ أَفْتِنَا فِى سَبْعِ بَقَرَٰتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعِ سُنۢبُلَٰتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٍ لَّعَلِّىٓ أَرْجِعُ إِلَى ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ

"*Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia, Yusuf, wahai orang-orang yang benar pada segala-galanya. Tafsirkanlah kepada kami seorang bermimpi melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus dan tujuh tangkai biji-bijian yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering. Tafsirkanlah supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu. Semoga mereka mendapat pengetahuan tafsirannya".*

Surah Yusuf, ayat 47 hingga 49, menyediakan panduan Al-Quran yang komprehensif dalam menghadapi kegawatan ekonomi melalui strategi, "simpan tujuh tahun, tuai tujuh tahun", yang menekankan kepada berjimat-cermat, pengurusan bekalan makanan sekuriti, perancangan kewangan jangka panjang, dan menyimpan hasil lebihan semasa waktu senang untuk kegunaan waktu krisis.

Ayat ini mengisytiharkan, mengisyaratkan bahawa Nabi Yusuf AS tidak hanya sekadar mentafsir mimpi atau mengambil maklum bahkan, Baginda telah mengusulkan saranan dan perancangan ekonomi jangka panjang 15 tahun untuk menghadapi musim kemarau yang telah Baginda jangkakan.

YB. Tuan Speaker, terlebih dahulu patik bagi pihak kerajaan negeri merafak sembah, setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Kedah Darul Aman Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah atas titah ucapan Diraja yang amat sarat dengan panduan serta mencerminkan keprihatinan Tuanku terhadap kesejahteraan rakyat dan kemajuan Negeri Kedah Darul Aman. Sesungguhnya, titah Tuanku dizahirkan dalam suasana dunia yang sedang berdepan ketidaktentuan ekonomi global yang semakin mencabar. Susulan perkembangan geopolitik semakin terkesan dari peperangan Asia Barat. Konflik yang berlaku ini turut memberi kesan langsung kepada ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat di negeri ini. Semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah agar dapat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan. YB. Tuan Speaker serta sidang dewan sekalian, di sini saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan pada kali ini khususnya yang menyentuh aspek-aspek di bawah portfolio pembangunan luar bandar, kemiskinan dan pembangunan insan.

Saya amat menghargai segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan. Setiap pandangan itu akan diteliti dengan penuh perhatian sebagai sumbangan bernilai dalam memperkukuhkan dasar dan takbir urus kerajaan negeri. Perbahasan yang konstruktif dan matang daripada YB sekalian mencerminkan keprihatinan kita bersama terhadap kesejahteraan rakyat serta masa depan Negeri Kedah Darul Aman. Sepanjang sesi perbahasan hari ini, saya telah meneliti dengan cermat setiap hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jelas bahawa isu tekanan ekonomi semasa merupakan antara kebimbangan utama yang dizahirkan. Perkara ini merupakan realiti yang sedang dihadapi oleh rakyat di semua lapisan merangkumi ke peningkatan kos sara hidup, ketidakseimbangan peluang pekerjaan serta ketidaktentuan landskap ekonomi semasa. Tahun 2026 dijangka menjadi tahun yang kritikal buat negara berikutan krisis ekonomi yang sedang melanda. Namun demikian, perlu difahami bahawa ini bukanlah kali pertama Malaysia berdepan dengan cabaran seumpama ini. Negara telah melalui episod kegawatan ekonomi yang getir termasuk Krisis Kewangan Asia 1997 hingga 1998 serta Krisis Ekonomi Global pada 2008. Dan kita berjaya bangkit dengan ketahanan serta dasar yang tepat.

Sehubungan dengan itu, peranan kerajaan negeri amat penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara khususnya dalam menangani tekanan kos sara hidup, memperkukuhkan ekonomi tempatan serta melindungi golongan yang paling terkesan.

Di bawah portfolio saya, usaha membasmi kemiskinan Negeri Kedah akan terus diperkasa secara menyeluruh dan bersasar. Khususnya dalam mendepani kesan krisis ekonomi semasa, kerajaan negeri akan memastikan pendekatan yang dilaksanakan bukan sahaja berbentuk bantuan jangka pendek tetapi turut memberi penekanan kepada pemerkasaan ekonomi rakyat secara berstruktur dan berimpak tinggi. YB. Tuan Speaker, terlebih dahulu izinkan saya memberikan maklum balas terhadap isu-isu utama yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli YB. Bayu telah membahaskan berkenaan permasalahan yang dialami oleh penoreh getah. Rentetan masalah seperti ketidaktentuan harga getah dan isu cuaca seperti musim kemarau berpanjangan dan musim tengkujuh yang menjejaskan pendapatan penoreh getah. Yang disebut boleh memotong, setahun boleh memotong empat bulan saja, yang selebihnya tu tak potong, cuti berehat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah menerusi RISDA, telah menyediakan pelbagai inisiatif dan bantuan dalam pelbagai program pembangunan dalam memastikan industri getah terus kekal relevan dan terus memberi impak tinggi yang berpanjangan, bukan sahaja kepada keluarga pekebun kecil malah kepada negara. Antara usaha yang dilaksanakan oleh RISDA bagi membantu golongan penoreh dan pekebun kecil getah adalah melalui inisiatif pendekatan *anchor buyer* iaitu pembeli utama menerusi Kempen Belian Harga Getah Bermaruah.

Program ini dilaksanakan dengan pendekatan pembelian getah skrap secara terus di dalam kebun pada harga yang lebih adil dan berpatutan. Daripada RM 3 ke RM 3.70, tak ada orang tengah dah beli getah terus dalam kebun. Melalui kaedah ini, pekebun kecil tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada orang tengah, sekaligus memberi ruang kepada mereka untuk menikmati pulangan hasil lebih baik. Kempen ini dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh Negeri Kedah, merangkumi peringkat daerah hingga ke kampung-kampung bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati secara inklusif oleh pekebun kecil tanpa mengira lokasi. Selain itu, bagi memudahkan urusan pekebun, pembelian getah skrap juga turut dilaksanakan secara terus di dalam kebun melalui kemudahan lesen getah bergerak. Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan kos dan masa, malah mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah. Bagi pekebun kecil yang berminat untuk menyertai inisiatif ini, mereka boleh terus berhubung dengan pegawai RISDA, melalui RISDA Plantation di kawasan masing-masing. Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan penyertaan, saya mohon kepada semua Ahli Yang Berhormat agar menyampaikan inisiatif yang sangat baik ini kepada penoreh getah di kawasan masing-masing.

Kerajaan negeri melihat inisiatif ini sebagai satu langkah proaktif dalam memastikan kebajikan pekebun kecil terus terbela, di samping memperkukuhkan kestabilan harga dan industri getah khususnya dalam keadaan ekonomi semasa yang mencabar. YB. Tuan Speaker, bagi Negeri Kedah, KKDW telah meluluskan sebanyak 103 buah projek melibatkan peruntukan sebanyak RM 275,891,600 juta. Suka untuk saya kongsikan antara contoh pelaksanaan projek yang disebut oleh sebahagian tadi oleh YB. Kuala Nerang. Ini juga termasuk dalam peruntukan dalam KKDW untuk air di peringkat luar bandar. Adalah Program Pengukuhan Institusi dan Ekonomi Desa berjumlah RM 2 juta. Program ini di bawah agensi KEDA, bertujuan untuk menangani masalah institusi dan organisasi luar bandar yang masih memerlukan bimbingan berterusan disebabkan kurang kemahiran, pengetahuan serta pendedahan kepada amalan struktur organisasi yang terbaik. Disamping itu, kerajaan negeri turut memberi komitmen dan kerjasama penuh dalam menyediakan tapak tanah 50 ekar untuk Projek Pemajuan Kawasan di Charuk Tembaga, Sik, Kedah, telah diperuntukkan 50 ekar. Projek PPK yang bernilai lebih daripada RM 46 juta, bertujuan untuk membangunkan penempatan bersepadu yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas dan ameniti sosial yang dijangka akan memulakan kerja-kerja fizikal di tapak seawal suku tahun ketiga tahun ini juga. Sebanyak 130 buah unit rumah iaitu Program Perumahan Rakyat Sejahtera akan dibina dan ianya akan diberikan kepada golongan miskin tegar, miskin, serta golongan yang memerlukan, khususnya buat penduduk di Daerah Sik.

YB. Tuan Speaker, di bawah portfolio pembangunan luar bandar, Kerajaan Negeri Kedah komited dengan membandarkan luar bandar ke arah The Greater Kedah 2050 dengan mendepani cabaran era baharu dan tuntutan perubahan dalam teknologi

kecerdasan buatan AI, masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar Negeri Kedah perlu didedahkan dengan penggunaan elemen AI dalam kehidupan harian mereka. Mungkin hari ini terdapat jurang yang ketara dalam pembangunan AI di antara penduduk bandar dan luar bandar. Namun kita harus sedar bahawa satu hari nanti perancangan dan pelaksanaan pembangunan kawasan luar bandar sama ada melalui agensi kerajaan atau masyarakat amnya, perlu dilaksanakan secara bersama bagi memastikan kerajaan negeri dapat menjayakan gagasan The Greater Kedah 2050 dengan lebih efisien.

Dengan kerjasama dengan sokongan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan agensi-agensi seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, MARA dan RISDA, FELCRA, KEMAR dan juga JAKOA, saya yakin peranan dan tanggungjawab semua agensi ini akan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri ini menerusi inisiatif serta program agensi masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi memastikan akses jaringan jalan, banyak sangat dalam ucapan-ucapan Yang Berhormat tak sebut sangat jalan-jalan kuranglah sebut jalan perhubungan desa, jalan luar bandar, mini-mini tart kurang dah sebut, cuma disebut tentang padi, sebut tentang tebatan banjir, dan juga diesel, yang lain tu kurang sebut dah. Kita boleh gambarkan bagaimana masyarakat sekarang sudah ada infrastruktur yang baiklah, kalau kita lihat setiap kali ada cabut undi tu memang kita tengok jalan tart sekarang ni merelit, hitam merelit dah sekarang ni insya-Allah.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan akses jaringan jalan perhubungan desa di kawasan luar bandar terus meningkat KKDW telah memperuntukkan sebanyak RM22 juta dan pelaksanaan Projek Jalan Perhubungan Desa di Negeri Kedah bagi tahun ini setakat 14 April 2026 telah meluluskan sebanyak 116 buah Projek Jalan Perhubungan Desa merangkumi pelbagai daerah di negeri ini.

Di sentuh juga oleh YB. Pedu tentang Lot Sejahtera, saya rasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar lah yang akan menjelaskan tentang Lot Sejahtera sebentar lagi insya-Allah, sebab kita bagi ruang tapi segala pandangan dan cadangan daripada YB. Pedu tu kita akan buat penilaian semula untuk pelaksanaan di masa depan. Dalam program kemiskinan juga kita ada beberapa Program Pembasmi Kemiskinan iaitu The Pearl of Kedah. The Pearl Of Kedah ini kita ambik balik projek kita 300 anak-anak kita daripada kalangan B40, kita dah mula daftar dengan mencarum dengan PTPTN RM30, apabila anak-anak dicarumkan kepada PTPTN selama setahun berjumlah RM110,000 kita terus RM110,000 yang menjadi pendeposit itu bukan anak itu bapa kepada anak itu, sebab anak ini baru berumur 14 13 tahun bapa tu akan menjadi pendeposit kepada anak-anak itu untuk dicarumkan dalam PTPTN.

Kenapa kita carum begitu kerana RM30 yang kita carum itu, RM10 sebagai takaful kepada keluarga itu, RM20 adalah sebagai simpanan, apabila jadi takaful, keluarga itu seandainya jadi apa-apa berlaku kepada pendeposit kepada ayah budak itu, ayah anak-anak ini, dia akan dapat elaun kemasukan hospital, dia masuk hospital orang anak B40 ni, masuk hospital ada elaun hospital, ada bayaran sehari RM25, kalau dia ada berlaku kematian, anak ini akan dapat sumbangan khairat kematian, kalau berlaku kematian kerana kemalangan pendeposit ini dia akan dapat lebih kurang RM60,000 sebagai wang sebagai kita panggil di sini bayaran kematian, kalau dia ada penyakit kritikal pun ada dan juga termasuk ilat jadi ilat kemalangan. Ini semua adalah perlindungan kepada pendeposit, waris kepada anak-anak yang telah kita pilih sebagai masuk dalam Program The Pearl of Kedah. Inilah diantara inisiatif kerajaan untuk jangka panjang tetapi anak-anak ini dalam pemantauan kita hanya selama 3 tahun sahaja sampai 2028, selepas ini anak-anak ni akan dewasa, besar masuk universiti akan di sambunglah sekiranya ada lagi pendapatan daripada ibu ayah hanya minta carum anak ini sehari RM1 sahaja sebulan RM30 yang paling minima, sebab RM10 sebahagian takaful, RM20 sebagai simpanan. Inilah yang kita harapkan kepada semua masyarakat di luar sana yang tidak terlibat pun dengan The Pearl of Kedah tetapi ambillah inisiatif bagaimana untuk mencarum dalam PTPTN ini sebagai pencarum sebagai pendeposit untuk kita dapat ada sumbangan kewangan kepada anak-anak kita apabila berlaku sesuatu musibah yang tidak dijangka kepada kita, itulah hasrat kerajaan untuk membantu golongan B40 dalam Negeri Kedah ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengakhiri ucapan penggulungan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat berhubung perkara-perkara telah dibangkitkan, akan saya berikan sepenuh perhatian bersama tindakan yang sewajar, bagi menangani setiap permasalahan dan mengambil langkah yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Kedah, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Kerjasama dan sokongan ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat terhadap inisiatif kerajaan terutamanya bagi mengendalikan isu-isu berkaitan, kesejahteraan rakyat diharap dapat memberi manfaat kepada rakyat secara seluruh.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama yang baik bersama MKK, pengerusi dan setiausaha untuk menyalurkan sumbangan kepada rakyat di bawah sana dengan panduan MKK siapakah yang layak, dan telah menyedarkan sumbangan kita dengan penuh keadilan, keadilan sumbangan itu, bukan keadilan yang lain, keadilan sumbangan itu kepada masyarakat.

Jadi, semoga setiap niat dan tugasan yang kita laksanakan mendapat keberkatan dan balasan baik dari Allah subhanahu wa ta'ala, saya sudahi dengan pantun

Bertatah kilauan jadi dambaan,
Permata sakti bersinar indah,
Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas kejayaan,
Taburlah bakti bersulam akidah.

Burung merpati terbang tinggi,
Singgah sebentar pindahan tua,
Teruskan usaha jangan berhenti,
Semoga Negeri Kedah terus berjaya.

Insya-allah, semoga dengan ini menjunjung kasih dan menyokong penuh Usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat dalam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-15. Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Merbau Pulas. Dan seterusnya, dipersilakan Yang Amat Berhormat Jeneri.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Macam nak mengajar. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Rakan-rakan EXCO, Ahli-ahli Dewan, Dato' Seri Setiausaha Kerajaan, Rakan-rakan kerajaan, Jabatan, Pegawai-pegawai daerah, Yang Dipertua Majlis, Pegawai-pegawai yang mewakili agensi dan jabatan yang ada di dewan ini, rakan-rakan yang berada di luar, YB. Sidam Ketua Pembangkang yang baik hati. Nak bagi lembut sikit, supaya ni saya pun nak target nak perabih sekerat hari saja, kalau habis semua agenda ni boleh balik kut noh.

Pertama sekali saya di kesempatan ini untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah di atas titah yang telah dizahirkan sempena Perasmian Sidang DUN pada kali ini, saya juga mengambil serius tentang perkara-perkara telah dibangkitkan dalam titah ucapan Tuanku, antaranya tentang Langkawi, jadi YB. Tuan Speaker, Langkawi kampung YB. Tuan Speakerlah. Langkawi juga dimadahkan cara indah oleh YB. Kuah, hahaha, kira madah la kan, macam *ChatGPT* tulis tu, bahasa dia cantik.

Pertama sekali kita kenal Langkawi ni sebagai pulau bebas cukai, saya tak pernah pergi Langkawi sampailah saya masuk universiti, tahun yang ke-3, duk angan-angan saja, saya ni orang kampung, orang belah ulu nuh, dengar Langkawi ni syok tak ada dah, depa habaq kata Pak Long tu menantu dia kaya, kontraktor bawa pi Langkawi,

tidur hotel RM100 semalam, kami kut Sik tu RM100 ni mahal ya amat dahlah, pasal sewa rumah pun RM80, sewa rumah kut Sik RM80 tu saja sebulan, kawan tu pi duk hotel semalam RM100, mahal ya amat kalau duk sebulan RM3,000, jadi cita-cita nak pi Langkawi tu membara, ish nak pi lah mesti syoknya pulau ni, tempat ni kan. Itulah gambaran rakyat banyak tentang Langkawi. Tapi akhir-akhir ni bila orang mula bercakap benda tak elok Langkawi mahal, ikan seekor RM1,000, Langkawi mahal, feri tak ada tinggal tiga trip. Ini baru betul. Tapi orang duk cakap benda hat tak elok semua tentang Langkawi. Saya rasa ini *trend* yang tak bagus untuk kemajuan. Pulau Langkawi tu sektor pelancongan, saya rasa benda ini perlu dihentikan, termasuklah benda-benda tak elok ni disebut di Parlimen, saya tak tahu tujuan murni yang ingin dicapai tu apa, tapi akhir daripada ucapan-ucapan tu ialah gambaran buruk kepada wilayah Kedah Darul Aman.

Langkawi ni kita namakan dia Langkawi Permata Kedah. Satu pulau yang telah memberi pulangan ekonomi yang besar kepada negara dalam sektor pelancongan, juga memberi kehidupan kepada 1,020 ribu orang duduk Langkawi pada masa ini. Juga menghidupkan sektor pengangkutan, kereta-kereta sewa di Langkawi. Banyak pengusaha-pengusaha ada orang kampung saya nama Mat Akhir, arwah dah, dia ni cakap macam saya, bahasa dia bahasa orang Sik, pi duduklah kahwin 2 bulan balik cakap Langkawi, dia pi buat kereta sewa. Hang jelir lidah Mat Akhir, aku nak kikis dengan cincin emas. Apa cakap Langkawi? Duk baru 2 bulan sahaja, hebat, macam orang Kedah pergi Kuala Lumpur 2 minggu, balik cakap Kuala Lumpur. Orang tua kata, “hang jelir lidah, aku kikis dengan ni cincin emas”. Pasai apa kikis dengan cincin emas YB. Sidam, dulu-dulu orang bela burung gembala kerbau, depa ambil anak gembala kerbau balik bubuh dalam sarang, depa pagi-pagi minum air, depa kikis lidah tu dengan cincin emas dan depa ajarlah burung tu bercakap. Boleh bercakap. Suruh ajar dia “YB. Sidam, YB. Sidam”. YB. Sidam dia tak tahu YB. Sidam itu siapa. Dulu-dulu punya cerita, zaman kanak-kanak kayuh ‘gerek’ dari Kuala Teloi, pakai seluar pendek naik ‘gerek’, naik atas palang tak lepas lagi, masuk kut celah kayuh sampai Sungai Pau, lima enam kilometer pi naik pokok pinang ambil gembala kerbau, balik kikis-kikis boleh cakap. Tak tahu dia ajar apa, budak tu nama Chak Go.

Tuan-tuan sekalian, Langkawi diisytihar pulau bebas cukai tahun 1987, tahun 1987 saya tingkatan 1, umur 13 tahun. Ada beberapa item yang disenaraikan barangan bebas cukai di Langkawi. Tujuan diisytiharkan pulau bebas cukai ini ialah untuk merangsang pelancongan, kalau ayat-ayat, istilah-istilah, ungkapan-ungkapan yang tidak merangsang pelancongan toksah sebut, toksah dibangkitkan, orang yang bangkitkan tu orang kerajaan, pening lagu tu.

Yang kedua, membangunkan ekonomi wilayah utara. Tujuan Langkawi diisytiharkan bebas cukai ni untuk membangunkan ekonomi wilayah ni, banyak yang hidup antaranya, Kuala Perlis. Hidup Kuala Perlis tu kerana Langkawi. Depa nak marah

saya, pun marahlah, biarkan, tapi betul lah tu, kalau tak ada jeti nak pi Langkawi tu, Kuala Perlis tu adalah juga. Bukan tak ada apa, ikan bakar ada. Kemudian menjadikan Langkawi destinasi membeli-belah antarabangsa, maka orang pergi ke sana tu untuk membeli-belah, bagaimana dilaksanakan dasar ini.

Yang pertama ialah zon bebas cukai *duty free,* premis-premis diberi lesen untuk menjual barang tak kena cukai, murahlah, dia kalau kita pergi beli barang, sama harga sini orang tak pi, jadi barang kena murah. Kawasan tertentu di Kuah, di Cenang, di lapangan terbang, barangan tidak dikenakan *duty* import dan cukai jualan, had pembelian dan kawalan kastam, pelancong hanya boleh bawa keluar barang dalam kuantiti tertentu, dikawal oleh Jabatan Kastam. Cara dan sistem dia berfungsi barang import masuk ke Langkawi tanpa cukai, dijual di kedai berlesen *duty free,* dengan syarat pembeli kena menginap 48 jam di Langkawi, 2 malam lah, patuh had bawa keluar.

Secara praktikal, tidak ada angka rasmi jumlah item yang tetap kerana ia berubah ikut polisi kastam. Namun, secara operasi dia dibahagi kepada 7 atau 8 kategori besar, yang popular. Minta maaflah nah, bukan saya nak sokong industri tu, yang popular rokok, dulu-dulu ni kalau pi Langkawi hang beli kat aku setin, dulu duk dalam tin tu, kalau pi Langkawi tak bawa balik hat tu, macam tak pi Langkawi. Yang benda tu lah, kalau bukan kita nak sokong tapi hat popular. Coklat, minyak gamat, minyak wangi dah kosmetik, barangan pengguna *kitchenware.* Dulu ni orang pergi semua pergi rayalah hari-hari kebesaran depa akan keluar benda tu letak atas meja hat sangkut tu, camca, garpu, pisau, mesti ada hari raya, tu hat pusing buh kuih tu, semua beli Langkawi. La ni orang tak bubuh dah, pasal harga di sini sama dengan Langkawi. Cenderamata dan barangan runcit, barangan elektrik yang tertentu, dalam praktikalnya terdapat ratusan ribu barangan dan item tapi jumlahnya tidak tetap.

Had dan kuantiti berubah ikut polisi kastam. Biasanya kerajaan tetapkan untuk alkohol dan rokok serta barangan lain ada had tertentu yang boleh dibawa keluar. Yang jadi ikonik di Langkawi bagi pelancong domestik ni kain pelikat, kain batik, minyak gamat, coklat, tapi bila depa letak hat tu tak boleh bawa keluar, orang tak pi. Orang nak pergi beli hat tu. Walaupun depa had 3 helai kadang-kadang 10 helai boleh lepas. Saya harap untuk menggalakkan semula sektor pelancongan, *duty free* di Langkawi, pihak kastam khususnya MOF lah untuk menentukan barang-barang yang menjadi *killer* produk bagi domestik *tourist* kena lepaslah, tak perlu duk tahan depa.

Dasar ini berubah sejak tahun 1987 hingga 2015. Dasar ni berjalan stabil Langkawi telah muncul sebagai ikon *duty free* Malaysia. Orang daripada seluruh Malaysia ni mai, bukan orang Kedah saja, berbondong-bondong sewa bas nak pi Langkawi. Sehingga tahun 2016 hingga tahun 2020, kawalan mula diperketatkan, lesen kedai dikurangkan, kawalan ketirisan barangan menjadi alasan, YB. Kuah depa kata tirih. 2021 jadi titik penting perubahan sebahagian pengecualian cukai telah dikurangkan,

contohnya rokok dan tembakau, hat ni sensitif tak apalah, menyebabkan persepsi bahawa status pulau bebas cukai penuh telah terjejas, orang kata tak ada *duty free* dah harga macam sini, tok sah pi lah.

2023 hingga 2025, muncul desakan untuk kembalikan status sepenuhnya pulau bebas cukai ke Langkawi dan itulah menjadi hasrat kerajaan negeri pun. Kepada Kerajaan Persekutuan, hidupkan semula sektor pelancongan. Pada waktu ini, secara rasminya masih pulau bebas cukai tapi barangannya telah dikurangkan, premisnya yang berlesen telah dikurangkan. Yang baru-baru ini diperkenalkan ialah kenderaan, yang ini saya rasa jadi isu penting. Di Langkawi ni ada satu industri kereta mewah, syarikat-syarikat kereta *high-end ni* Mercedes, McLaren, Ferrari, mai buka *outlet* di situ untuk jual kereta *duty free*, dan orang-orang kaya mai berbelanja di Langkawi. Depa bawa duit banyak juta-juta, bukan macam kita. Depa beli kereta mewah *park* di situ. Sebulan sekali depa mai ke Langkawi, berbelanja sambil menikmati kelazatan kereta tu. Lazat kut mana kita pun tak tahu, dia seronok bawa. Depa suruh saya *try* sekali, kita tak biasakan. Nah, badan besar lagu ni, tak berapa sesuai ya, kereta tu kecil.

Tuan-tuan sekalian, akhir sekali kerajaan baru-baru ni telah mengumumkan kereta yang di bawah RM300,000 saja yang *duty free,* lebih daripada tu kena cukai balik, RM300,000 depa kata baik beli motor, GS kah nih Encik Amri noh, beli DX NGV ka kita pi *ride,* kereta kena bebas cukai. Alasan kerajaan ialah depa orang kaya ni dia beli 3 biji, dia bawa keluar setahun sebiji boleh bawa keluar 90 hari, jadi 90 hari 3 bulan lah, jadi bila dia 3 biji, dia beli 4 biji dia boleh pakai kereta mewah tu setahun di luar, tapi dia kena *rotate*. Jadi muncul industri hotel kereta, dia buat tempat parking yang eksklusif park kereta di situ. Semua itu membantu sektor ekonomi Langkawi, dia mai dia *spend* duit situ, dia kaya, dia kalau orang kaya tak belanja duit, dia tak ada *spillover* kepada orang susah ni, perniagaan-perniagaan lain. Kerajaan kata depa ni ambil kesempatan bawa kereta tu keluar, memang peraturan boleh bawa keluar 90 hari dan dia ada banyak dia bawa keluar kereta lain pula, hat itu bukan salah dia, tak boleh, tak boleh tarik balik keistimewaan tu pada orang ni, itu keistimewaan yang di dia dapat kerana dia *spend* duit, jadi untuk depa kata depa dia di guna di luar, dah dia boleh 90 hari, 3 bulan lagi dia guna kereta lain pula, bukan kereta yang sama, bukan salah, dia kata ketirisan, saya rasa ini bukan ketirisan, kawalan kepada keluar kereta kalau 90 hari dah dibenarkan dia ada 90 hari untuk kereta yang berikutnya tu, bukan satu kesalahan.

Jadi tarik balik industri tu, saya kata tutuplah beberapa sektor penting yang menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi di Langkawi. Saya harap perkara ini dinilai semula oleh MOF. Ada orang kaya duk plan nak buat hotel kereta, banyak tempat-tempat yang kita beri kelulusan untuk garaj eksklusif kenderaan ni, tak ada dah la. Dia pun jem, mula satu sektor ekonomi tertutup dengan langkah ini. Saya harap ia dapat

dinilai semula oleh Kementerian Kewangan. Yang diibangkitkan lagi dalam titah ucapan Tuanku semalam ialah arahan untuk kawal perbelanjaan selepas daripada Sidang DUN pada kali ini, pihak SFO (Pegawai Kewangan Negeri) akan melaksanakan lebih cepat. Tiap-tiap tahun kita buat kawalan perbelanjaan cuma pada bulan 9, mula kadang-kadang bulan 6, kadang bulan 9 sampai hujung kawalan perbelanjaan. Kita mula buat sekatan kepada projek-projek Pembangunan. Yang tak boleh buat lagi, kena Tangguh, kita tangguh, tapi untuk tahun ni oleh kerana kita ambil kira perkembangan ekonomi di Asia Barat, sekarang krisis Asia Barat dan kesan ekonomi kepada dunia termasuk kepada negara dan negeri kita, maka kawalan perbelanjaan ni akan dibuat lebih cepat, akan dimulakan sebaik saja habis sidang. Gaji ADUN ada lagi, gaji elaun YB. Sidam ada lagi, jangan takut. Yang kita nak sekat ni ialah projek-projek yang tidak penting tapi sehingga bulan Mac, kita telah meluluskan perbelanjaan pembangunan RM102 juta, dah keluar SST (Sales and Service Tax) itu tak boleh sekatlah, hat tu akan berjalanlah. Untuk projek-projek yang akan datang tu mungkin akan ada sekatan untuk kita ambil kira perkembangan yang sedang terjadi di negara kita.

YB. Gurun dan YB. Lunas ada sebut tentang peruntukan tambahan untuk pemberian bantuan, YB. Gurun ni duit dia pun berlambak hat main bola dulu tak habis, pakailah hat itu dulu. Buat masa sekarang, kerajaan tak berhasrat untuk tambah lagi kerana semua perbelanjaan dikawal dan kita luluslah dalam Sidang DUN ni pada bajet yang lepas. Kita akan berbelanja apa yang ada, tapi kita tidaklah sehingga YB. tak boleh nak bergerak.

Saya harap YB. boleh bergerak lagi. Juallah kek lapis tu dulu, pakat duk promosi apa, dia suruh saya *promote*, saya pun tolong *promote* juga, tak ada 'cemey', tak bagi apa pun. YB. Bakar Arang, YB. Guar Chempedak menyebut tentang keperluan kerajaan untuk berbelanja berhemah insya-Allah YB. Bakar Arang saya, EXCO-EXCO, pegawai kerajaan ni tak ada lagi sewa helikopter pi jalan-jalan, tak dak. Saya ingat sepanjang kita jadi kerajaan inilah, tak ada lagi kerajaan negeri sewa helikopter, belum pernah. Kita biasa naik helikopter tumpang hat polis masa Iboi banjir lumpur, depa bawa kita naik helikopter, itulah kali pertama naik helikopter dengan Perdana Menteri pada masa itulah, bukan PMX (Perdana Menteri ke-10), Perdana Menteri 9 masa itu. Kita tak ada. Kita naik pesawat komersial nak pergi Kuala Lumpur sejimat yang boleh. Saya pun tak ada lagi duduk hotel yang *grand-grand,* tak ada. Hotel yang saya ni biasa-biasa saja, murah saja tak ada duduk St. Regis ka apa, tak pernah lagi, St. Regis tang mana pun tak tahu.

YB. Guar Chempedak, *task force* untuk menghadapi krisis kita akan ambil perhatian, jika ada keperluan, kita akan adakan *team* itu. YB. Anak Bukit, YB. Belantek, YB. Tanjung Dawai, YB. Bandar Baharu tentang pengekalan kawasan jelapang. Tuan-tuan sekalian, ini saya nak cerita sedikit panjang, tapi taklah sampai pukul 2:00

petang. Pengekalan jelapang makanan untuk negara, pada 6 September 2025, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan persetujuan Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan pembangunan sebahagian kawasan di Jelapang Padi khususnya di Alor Setar. Pembangunan ini dijangka merancakkan pertumbuhan ekonomi dalam sektor industri, perumahan, dan komersial. Pasai apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju, pasal sejak mula jadi Menteri Besar ni, saya duk tuntut bayaran khas pampasan kepada kawasan padi, pengekalan kawasan padi, kerana kita ada tekanan yang kuat kepada beberapa kawasan di Alor Setar khususnya yang termasuk dalam Rancangan Tempatan Daerah khususnya Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang dan Yan. 10,677 hektar masuk dalam Rancangan Tempatan Daerah yang boleh dibangunkan dengan perumahan komersial dan institusi, dan di kawasan lain yang berpotensi ada lagi 4,995 hektar di daerah-daerah berkenaan. Maksudnya kita 15,000 hektar yang berpotensi dibangunkan dengan sektor lain.

Tuan-tuan sekalian, sawah padi ni cukai tanah dia murah. Daripada 222,000 tanah bersyarat padi walaupun kita tanam 108 dalam kawasan jelapang, 32,000 di luar jelapang, kita ada 140,000 hektar lebih kurang yang bertanam padi dan infra ban 140,000 tu. Tanah kita bersyarat padi 222,000 hektar, luas walaupun tak tanam padi, ada tanam lain tu jadi '*rang'.* Kut Sidam tu, kan orang tak tanam pokok padi tumbuh pokok lain, pada itu jadi 'rang'. Kalau belah dalam ataupun kering tapi syarat dia padi.

Tanah bersyarat padi cukai rendah daripada keseluruhan 222,000 hektar itu, cukai yang boleh dipungut daripada tanah bersyarat padi RM2.5 juta sahaja. Tuan-tuan bayang kalau tanah tu semua di *convert* jadi syarat bangunan, syarat komersial, industri, cukainya akan menjadi beratus-ratus juta. Untuk keseluruhan kawasan tanam padi kalau *convert* pergi komersial, kita akan kutip cukai tanah saja RM1.7 billion. Kaya, cukai tanah RM1.7 billion kan noh, awat tak kaya, kaya lah, tapi tak boleh kutip pasal kita kena kekal kawasan tu sebagai kawasan padi. Untuk mengelak tekanan tu, kita tak perlu tukarlah jadi komersial, kekal sektor padi sebab kita nak keluar padi untuk negara, nak jamin bekalan ini kekal.

Tetapi kawasan-kawasan yang telah dibenarkan oleh Perdana Menteri untuk mengelak bayar pampasan tu telah termasuk dalam kawasan yang telah disenaraikan sebagai kawasan yang akan terlibat dengan 5 kali 2 tahun, dan kerajaan telah beri peruntukan diluluskan RM5 bilion dan telah diberi dalam fasa 1 ini RM1 bililon untuk membangunkan infrastruktur tanaman 5 kali 2 tahun dalam kawasan itu. Bila dia bagi RM5billion untuk bangunkan infra bagi tanaman 5 kali 2 tahun, takkan kita nak tukar kawasan tu jadi perumahan, jadi parit gila yang dibangunkan itu jadi, nanti tak bermanfaat pula. Kita harap, dengan parit gila, tersier, parit gila ni, orang YB. Sidam panggil, kita panggil tersier kut Sik tu, hebat lah.

Maka, kerajaan negeri telah bersedia mengorbankan kawasan-kawasan jelapang yang terlibat, daripada dibangunkan sebagai kawasan industri, komersial, dan perumahan yang boleh menyumbang hasil yang signifikan kepada kerajaan negeri. Oleh kerana ada RM5 bilion tu kita tak mau la. Satgi buat parit, tengok-tengok naik rumah. Nak buat apa, parit gila kat situ, jadi tak sesuai.

Berdasarkan analisis Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, kawasan potensi pembangunan di dalam kawasan jelapang yang perlu dikekalkan sebagai kawasan padi adalah berkeluasan 8,694.52 hektar, kerana bertindih dengan projek penanaman padi 5 kali 2 tahun yang dilaksanakan bagi menjamin kesinambungan pengeluaran padi dan beras negara.

Dalam hal ini, pengorbanan untuk kekalkan kawasan ini menyebabkan kehilangan potensi hasil kepada kerajaan negeri. Maka atas dasar inilah, Kerajaan Persekutuan perlu menyediakan insentif fiskal secara tahunan kepada kerajaan negeri. Hat tu duk ulang tu, hat tu yang KDYMM Tuanku Sultan titahkan dalam ucapan perasmian, kerana kita telah berkorban begitu banyak, semakin hari pengorbanan itu semakin besar, maka perlulah disediakan peruntukan ni. Saya harap YB. Sidam dan YB. Bakar Arang pun sokong, bukan la nak pakai duit elaun kita pun, duit lain. Dan semua peruntukan-peruntukan yang kita minta ini adalah untuk rakyat Negeri Kedah.

Dia bagi alasan, kerajaan bagi alasan, khususnya Kementerian Pertanian ni, dia kata duk bagi dah, baja subsidi, beri kat MADA buat ban, buat infrastruktur, buat parit, bagi dah kepada pesawah subsidi baja, traktor. pergi kepada pesawah, duit tu tak mai kepada kerajaan negeri. Yang menjadi tuntutan kita ini ialah hasil negeri yang terpaksa dikorbankan untuk kawasan padi. Yang kita nak, mai kepada kerajaan negeri hat nak bagi kat pesawah, bagi la, jangan berhenti pulak hat tu. Hat yang kita nak ni ialah potensi kutipan hasil yang tak boleh kita buat kerana kita tak tukaq syarat sawah tu, maka kita tak dapat la hasil tu. Hat itulah perlu diganti dengan insentif fiskal yang perlu disalur kepada kerajaan negeri, akan memberi manfaat… (YB. Tokai mencelah)

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker…

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

Ya, ya Dato', takpa takpa.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tokai bangun. Silakan YB. Tokai.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya nak tambah ajinomoto kepada YAB. Jeneri ni. Dalam jawapan pada soalan saya hari tu, YAB. Dato' Seri Menteri Besar ada menyebut tentang melupuskan apa denda lewat bayar RM49 juta, kemudian kita terlepas peluang untuk mendapat hasil cukai tanah disebabkan oleh kelewatan mereka meluluskan review kita terhadap hasil tanah RM120 juta, makna dekat-dekat RM160 juta kita tak dapat kutip di situ.

Jadi untuk, apa kita kata, kantung kita nak kembung balik lah noh, kita harap kerajaan persekutuan ni apa prihatin lah dengan desakan daripada atau rayuan daripada negeri ini terhadap rayuan YAB. Dato' Seri Menteri Besar kepada pusat ni. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai. Dipersilakan YAB. Jeneri.

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya setuju masukkan ucapan YB. Tokai tu dalam ucapan saya. Tiru depa la. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tentang padi ni, bila kita taruh sawah padi, dia kena ada sungai untuk bawa air mai. Bila kena ada sungai, kena ada empangan, bila kena ada empangan, ada kawasan tadahan. Jadi ni lah set atau pakej yang kita korbankan di negeri ini. Untuk makluman kita semua, keluasan hutan simpan kekal di Kedah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984, adalah seluas lebih kurang 341,976 hektar ataupun 36 % daripada keluasan Negeri Kedah, disimpan untuk kawasan tadahan.

Daripada keseluruhan hutan simpan kekal di Kedah, terdapat 4 kawasan hutan simpan yang membekal dan mempunyai kaitan sumber air kepada empat empangan utama, yang menjadi punca kepada sumber air Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Hutan Simpan Ulu Muda ada Empangan Muda, yang kering lani tu, lani dok penuh balik dah. Hutan Simpan Pedu, Empangan Pedu. Hutan Simpan Bukit Keramat, ada Empangan Ahning. Hutan Simpan Ternas, ada Empangan Beris.

Kawasan hutan simpan ini telah dibina empangan berfungsi untuk bekalkan air ke kawasan berdekatan seperti berikut; Ulu Muda - Empangan Muda, dia bekal air ke Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Pedu - Empangan Pedu, dia bekalkan air ke Kedah dan Perlis. Bukit Keramat ada Empangan Ahning, bekalkan Kedah dan Perlis. Ternas yang ada Empangan Beris, bekal air kepada Kedah dan Pulau Pinang.

Atas pengorbanan mengekalkan kawasan tadahan hutan tadahan air, hutan-hutan yang saya dah sebutkan tadi yang membekal air mentah kepada Pulau Pinang yang belum dibayar, *(sambil tertawa)..*bayar lah Pulau Pinang oi! Banyak kali sebut dah ni. Dan Perlis juga untuk pertanian sawah padi, kerajaan negeri telah memohon insentif fiskal sejak sekian lama.

Permohonan ini selaras dengan keputusan jemaah menteri, pada 7 Mei 2003, yang telah menimbang memorandum nombor 113/2356/2003 dengan persetujuan seperti berikut; Kerajaan Kedah diminta menghentikan aktiviti pembalakan di kawasan tadahan air Empangan Muda, supaya kawasan tadahan air Empangan Muda dan Pedu, seluas 1,156 KM persegi diwarta sebagai kawasan perlindungan Ulu Muda. Tiga, supaya kementerian kewangan mengkaji cadangan pembayaran ganti rugi kepada kerajaan Negeri Kedah, dan hasil kajian itu dikemukakan kepada jemaah menteri.

Bukan baru lama dah, 2003. Haa telah dibuat keputusan ini dan kita pun gazetlah, di sekitar Empangan Muda tu tak boleh dibalak, 105,000 hektar tak boleh dibalak. Di luar 105,000 itu ada kelulusan, dan itu sedang dihentikan perlahan-lahan, habis pembalakan yang telah dilesenkan sebelum ni, yang saya kata kena tunggu 18 tahun, pasal dah ada kelulusan yang begitu banyak. Dua tempat yang paling besar di Ulu Muda tu lah, lulus sebelum saya. Jadi nak batal tak boleh, nanti nak kena bayar ganti rugi, biar dia tebang ikut peraturan Jabatan Hutan, tebangan kuota kita 4,000 hektar setahun. Jangan lebih daripada itu, dan sekarang ni sedang dilaksanakan, banyak tu pun kena tebang, kena tunggu 18 tahun tu baru kelulusan tu habis. Jadi kita tak boleh lulus baru lah, jadi sengkek lah sikit, tak ada hasil tu.

Meskipun pada masa ini, kerajaan persekutuan ada memberi EFT (Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation). EFT, dia bayar daripada RM50 juta yang diperuntukkan, dibahagi ikut negeri, ikut keluasan hutan negeri-negeri. Sebelum ni, semua EFT tu kena belanja balik dalam hutan, dia tidak termasuk sebagai hasil negeri, tapi buat projek buat program tanaman semula ke apa buh baja pokok balak kah, pi belanja balik dalam hutan. Saya kata, “apa manfaat dia? Hutan tu mana kena bubuh baja dia besar dah, besar sendiri”. Bertahun-tahun saya suarakan supaya EFT ni boleh jadi hasil, masuk sebagai hasil.

Akhirnya, pada tahun 2025, sebahagiannya telah dibenar sekitar 30 % sebagai hasil, yang tahun lepas kita dapat RM17 juta, RM3.9 juta dibenar masukkan sebagai hasil, RM13.8 juta kekal sebagai EFT kena belanja dalam hutan. Tak pa lah kita belilah pokok benih apa, pi tanam.

Kerajaan negeri telah mengemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Mei 2023 berhubung pemberian insentif fiskal bagi pengekalan kawasan tanaman padi dan hutan tadahan air berjumlah RM200 juta. Untuk mengekalkan padi

dan hutan tadi tu lah. RM200 juta ja pun, saya habaq kata RM100 juta kalau bagi untuk Ulu Muda, pokok kemuncup pun kita tak tebang *(sambil tertawa)*. Jangan kata pokok balak, hat kemuncup pun tak tebang, biar dia besar. Kalau boleh, kalau dia boleh jadi tadahan.

Meskipun ada beberapa kompulsri pembentangan dan perbincangan, kerajaan persekutuan masih belum mempertimbangkan permohonan ini. Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah adalah wajar untuk kerajaan persekutuan mempertimbangkan permohonan kerajaan negeri. Kerajaan negeri akan terus bersuara, kerana pengorbanan ini hanya akan berbaloi dengan bayaran insentif fiskal yang setimpal, yang kita akan terima, insya-Allah.

Yang disebut oleh YB. Tokai kemarin, saya kata ada kronologi, hat RM120 juta tu, kemarin saya off-hand saja, hari ni saya nak bagi kronologi dia. Kita tubuhkan pasukan khas yang telah diputuskan oleh MMK (Majlis Mesyuarat Kerajaan) pada 7 Februari 2024. Walaupun kita cadang 2026, selari dengan kehendak Kanun Tanah Negara Seksyen 101 tu, yang terakhir kita buat 2016, maka 2026 adalah tempoh 10 tahun yang dibenarkan. Tahun 2024 kita tubuhkan pasukan khas untuk semakan semula kadar cukai tanah, premium pelupusan tanah, *fee* bagi lesen pendudukan sementara, *fee* pejabat dan lain-lain yang berkaitan. 15 Julai 2025, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah meluluskan kadar baharu bagi cukai tanah di Kedah yang akan berkuatkuasa 1 Januari 2026. 17 November 2025, kerajaan negeri telah membentangkan cadangan semakan kadar sewa tanah, ini cukai tanah, Kedah dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-82 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kita harap dapat kelulusan lah, nak ligan tarikh, kena buat sebelum 1 Januari. Sehingga Januari tahun 2026, tak keluar lagi *(sambil tertawa)*. Duk ding dong, ding dong hat saya suruh hantar pi Kabinet tu, mesyuarat nak buat keputusan di tempat lain tu. Tak tau, tak dapat nasihat kut, ataupun hari tu dia tengah marah, orang tak berani nak habaq. Dia kan suka marah orang. Ada orang tegur dalam podcast, kurangkan marah-marah, cakap elok-elok kan. Saya marah, ada ketika marah, hari melawak kita melawak lah. Saya jarang dah marah lani. Sorang EXCO ni tak pernah kena marah lagi, betul Tok Leh? Tak dak. Jarang marah. Saya tau derita dimarah ni *(sambil tertawa).* Sebab tu saya jarang marah dah.

Minit mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-82 dikeluarkan kepada kerajaan negeri memutuskan seperti berikut, keluar bulan Januari; majlis telah menimbangkan fakta-fakta di atas, memutuskan bahawa tidak bersetuju dengan kenaikan kadar cukai tanah bagi tanah persekutuan yang digunakan untuk tujuan awam. Hat saya sebut kemarin hat depa '*spark'* tu lah, RM52 juta tu. Walau bagaimanapun pelaksanaan cukai tanah bagi Kedah hanya dapat dilaksanakan setelah isu kenaikan cukai tanah

milik persekutuan bagi tujuan awam dibincangkan dan diputuskan di peringkat jemaah menteri sebelum dibentang semula dalam mesyuarat MTN akan datang.

Tuan-tuan sekalian, kalau depa habaq awal sebelum Januari 2026, bukan kata tak naik, suruh *reduce,* kita *reduce*. Untuk tujuan awam, macam sekolah kan noh, apa nama cukai RM10, kita nak RM8, kita bagi la RM8. Habaqlah! Tu pasai depa tak habaq, tak maklum. Nak berapa? Tak bagi maklum balas, bila tak bagi maklum balas, kita nak tindak macam mana. Jadi sebenarnya, kalau dia tanya kita, kalau dia nak tolong kita sungguhlah, berapa duit cukai tanah persekutuan? Dia habaq kata RM44 juta, dalam semakan tu naik jadi RM52 juta, kenaikan tu lebih kurang RM9 juta, lebih kurang.

Tapi sebenarnya bila diambil kira balik tanah-tanah persekutuan yang telah tamat tempoh pajakan, cukai yang perlu dibayar, dapatan semakan baru ni, walaupun rekod dia RM52 juta, bila tamat tempoh tanah-tanah persekutuan sebahagiannya, jumlah yang perlu dibayar oleh kerajaan persekutuan hanyalah RM41 juta, bukan RM44 juta bukan RM52 juta. Bila disemak balik, dah depa tak tanya! Macam mana nak habaq. Minit tak keluar. Saya rasa depa kalut kut hari tu ka, kena marah ka, bini marah di rumah ka, saya tak tau. Tapi semua tak buat keputusan, bila dah terlambat kita pun tak boleh laksana tahun ni, kita hilang RM120 juta, hangpa punya pasal.

Pada 23 Januari, 10 hari berikutnya, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan ulasan mengenai cadangan semakan kadar sewa tanah dan cukai tanah Kedah yang dibentang dalam MTN (Majlis Tanah Negara) ke-82 itu. Dalam ulasan tersebut, MOF (Kementerian Kewangan Malaysia) mengesyorkan tiga perkara yang perlu dikaji semula oleh kerajaan negeri dalam melaksanakan semakan kadar cukai tanah.

Nak kena buat Usul dulu ka? Kita syarah lah sampai habis…

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk Usul.

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12 (1) (a) dan dibaca dengan provision dibawah peraturan 12(1)(b), peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada tengah hari ini diteruskan sehingga selesai aturcara mesyuarat dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dipersilakan YB. Merbau Pulas.

YB. DATO' HAJJAH USTAZAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Saya pohon menyokong Usul tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan Usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tersebut.

Sekian, terima kasih.

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

Ulasan MOF pada 23 Januari 2026 ialah; Pertama, tiada kenaikan ke atas cukai tanah yang dikenakan adalah atas tanah milik kerajaan persekutuan. Habaq tahun lepas ja, selepas tempoh, depa habaq bulan November tu, bolehlah kita timbang, tapi langkah tahun ni tak boleh buat dah.

Rebate ke atas cukai tanah diberi, terutama bagi tapak tanah pelaksanaan projek bangunan kerajaan persekutuan. Bukan setakat *rebate*, dia minta free pun kita bagi! Hat projek awam ni. Sungguh! Kita bagi nominal RM10, takkan RM10 tak boleh bayar.

Tidak menaikkan cukai tanah terlalu tinggi yang bakal membebankan rakyat. Ha tu tak habaq pun kita tahu, mana ada kita buat dasar membebankan rakyat. Hat duk buat membebankan rakyat tu hangpa! MOF. Kita tak habaq pun kita tak buat. Ini bukan benda baru, kita dok buat dah kerja tu, tapi depa bagi syarat tu. Macam nak ajaq itik berenang pula. Haa siapa nak bebankan rakyat, mengundi esok orang tolak la. Saya ingat tak lama lagi nu hat belah nu, dengan harga minyak ni, bungkuih. Bungkuih nak jawab tak boleh. Kalau saya duk belah sana, saya tak tau jawab saya lari saja *(dewan tertawa)*. Nak jawab tak boleh.

Tuan-tuan sekalian, tulah menyebab kepada kita hilang hasil. Dah la minta fiskal, tak bagi. Hasil kita nak naik tak boleh, tersekat. Walaupun demikian, kita tetap beroperasi seperti biasa. Kita atur kedudukan kewangan kita, kita atur perbelanjaan kita, kita 'cut cost', kita tingkatkan hasil yang sedia ada, dan kutipan hasil tertinggi kerajaan Negeri Kedah adalah pada tahun 2025, alhamdulillah.

Rakyat bertanya dah hasil banyak ni mai sikit *(dewan tertawa),* takkan tak boleh kot. Saya harap depa pun fahamlah cabaran-cabaran sedang dihadapi oleh kerajaan negeri, kalau tak meningkat hasil maka program-program kerajaan pun akan tersangkut, ah sekarang ni alhamdulillah kita boleh bergerak dengan baik, kita tak adalah sampai terpaksa pi berhutang macam dulu-dulu.

Alhamdulillah hutang dulu-dulu selesai dah RM200 juta. Depa hutang, dia tak panggil hutanglah dia panggil apa, pendahuluan, sebenarnya tu hutanglah, dia panggil pendahuluan pi ambil di Putrajaya, bayar gaji. Masa tu duit kita tinggal RM43 juta, alhamdulillah keadaan sekarang ni baik, kita ada dekat-dekat RM500 juta *reserve* kita. Untuk kita beroperasi. Bayangkan dulu tinggal RM43 juta, 'ghagaih' tangga Putrajaya la minta nak hutang untuk bayar gaji. Berlaku di negeri ini.

Tuan-tuan sekalian, kita nak habis dah YB. Tuan Speaker noh. Saya pun tidak berhasrat lah untuk menggulung dengan panjang lebar. Saya ucap terima kasih kepada barisan EXCO yang telah menggulung, menyimpulkan dengan rapi ya, segala isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada yang, saya pun dulu saya main killer kan nah, lani saya bagi YB. Jitra pula killer, saya jadi feeder ja, feeder tak teruk sangat, killer teruk bos *(sambil tertawa)*, masa depa lambung tinggi kita pun kena panjat tinggi timing tak kena sangkut di net jatuh, hempaih ni. Hempaih ni teruk oh, bangkit tu tak habaq la sakit, tapi sakitlah.

Tuan-tuan sekalian… (YB. Tokai mencelah)

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker, sikit gi, sebelum nak landing, makan nasi pukul satu…

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Kita menghadapi kekurangan apa kemungkinan RM120 juta kalau sekiranya review cukai ini dilaksanakan, dan YAB. Dato' Seri Menteri Besar juga ada mengatakan ada cukai yang diturunkan, ada juga cukai yang dinaikkan. Jadi saya nak tahu, maknanya pertambahan RM120 juta, fikiran kita kalau bertambah ni maknanya naiklah kan? Haa jadi hat turun tu macam mana, haa contoh-contoh macam mana yang mereka ni mendapat penurunan cukai tu. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Tokai, terima kasih YB. Tuan Speaker. Yang kita beri, kebenaran untuk kenaikkan ni kawasan-kawasan orang kaya, tanah industri, tanah perniagaan. Yang kita tak bagi naik ni tanah orang kampung, tanah sawah padi, tanah getah. Kita tahan. Ada yang turun. Jadi detail nya saya tak boleh lah bagi hari ini, saya boleh jawab macam YB. Derga jawab, saya nak jawab bertulis. Haaa kemaih YB. Derga pun, dia pun nak jawab tulis juga *(seluruh Ahli Dewan tertawa).* Tanah-tanah industri banyak, ada peningkatan lah. Oleh kerana kawasan industri semakin banyak, maka hasil semakin meningkat. Sama dengan projek-projek pembangunan, kalau makin hari makin banyak projek, kena bayar projek-projek tu, macam-macam bayaran dia kena. Maka hasil akan meningkat, yang jadi kerisauan kita dengan krisis ini juga, takut pemaju-pemaju ni dia tunggu kesan dia, maka dia tak buat permohonan, maka dia punya bayaran tu kurangla, bila kurang, hasil pun kurang lah. Sebab tu kita menimbangkan kesan kepada krisis ini, tengok kepada projek-projek jalan ka dak. Kalau projek maju meneruskan projek, maka akan ada hasil untuk negeri. Kalau dia kata tunggu sat dulu, ah hasil kita pun kurang lah. Kita harap itu tidak berlaku.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih setinggi-tinggi penghargaan kepada semua EXCO dan portfolio. Tuan-tuan boleh tengok, ni rakan-rakan kita di luar dewan pun boleh tengok, kerana kita ada *live*. Macam mana EXCO-EXCO sekarang ni memberi jawapan dan maklum balas kepada tugasan depa, makna depa buat kerja, depa faham bidang tugas depa, depa tahu depa sedang *deal* dengan apa. Inilah kepimpinan kita, kita tak ada *one man show*.

Ada orang jadi ketua, semua menteri hang buat kerja tapi nak umum aku. Bila nak jadi gutu, berselerak habis semua menteri-menteri pun *down* jadi, dah buat kerja letih-letih, nama tak naik. Menteri tu orang politik. Nama tak naik jahanam lah, naik nama dia seorang. Bila naik nama dia seorang, orang kata menteri tak dak ka? Hak nu dia umum, hak ni dia umum, hak ni dia nak, hah ni hang kena bentang kat kawan ni, hat ni hang kena bagi kat aku. Nama hang sorang naik, nama orang lain tak naik, lari kawan tu pun. Lani buat *podcast*, tutuh balik lah *(seluruh Ahli Dewan tertawa)*. Hat tu yang punca dia kalau hangpa nak tau. Semua nak kat dia. Haa penyakit tu, penyakit. Tak bagi orang lain naik. Aku semua. *One man show*, tak boleh.

Jadi, Alhamdulillah kita di Kedah ni semua buat kerja, atas petak masing-masing, portfolio masing-masing, jawab sendiri-sendiri. Alhamdulillah jawapan baik, tenang. Saya bersyukur di atas prestasi EXCO-EXCO yang telah ada.

Saya ucap terima kasih setinggi-tingginya kepada *team* Dato' Seri Haji Norizan Ghazali SUK (Setiausaha Kerajaan Negeri), SFO dan semua pegawai-pegawai di pentadbiran yang telah komited dengan tugas masing-masing. Tuan-tuan tau, nak habaq Dewan ini, Puan Husna yang jaga *team* yang buat kajian semakan ni, dia punya

pulun nak bagi selesai masalah ni, bila tak keluar minit ni dia teriak. Pasal dia letih, tuan-tuan 8 ratus ribu lebih dokumen kena semak, satu-satu *team* dia buat, untuk selesaikan masalah ni tiba-tiba tak keluar minit. Kerja dua tahun komited untuk selesaikan benda ni. Pegawai-pegawai di PTG, di pejabat tanah, di daerah-daerah, teliti satu-satu buat buku, buat cadangan, buat perbandingan, pi negeri lain kaji, macam-macam depa buat. Tau-tau minit tak keluar. *Frust* dan depa teriak, dan saya bersimpati lah di atas tangisan tu. Bayaran kepada tangisan tu ialah kasih sayang suami *(seluruh Ahli Dewan tertawa)*. Orang laki dia, sayang dia. Dato' Pengarah PTG (Pejabat Tanah & Galian) dan pasukan yang bersengkang mata menguruskan hasil, mengawal perbelanjaan yang selari dengan bajet yang diluluskan di dalam dewan yang mulia ini. Saya rakamkan jutaan terima kasih, semoga jasa tuan-tuan itu, selain diberi rezeki yang halal juga diberkati Allah subhanahu wa ta'ala, diberi kebahagiaan keluarga.

Yang Berhormat Adun-Adun yang telah tidak berhenti berkhidmat, termasuk YB. Sidam dan YB. Bakar Arang, yang telah menjalankan fungsi dan peranan masing-masing di bawah, menguruskan iKAFALAH (Bantuan Khairat Kematian), iBAKIPT (Bantuan Awal Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi), Tabung Tunku Mahmud, hadir di tengah orang ramai ketika mereka susah. Meraikan ketika mereka gembira. Hidup dan menghadapi cabaran bersama-sama dengan orang ramai. Terima kasih semua Ahli-ahli Yang Berhormat Adun-adun, semoga tuan-tuan dipilih lagi pada pilihanraya akan datang, kalau jadi calon lah. YB. Sidam, saya harap YB. Sidam jadi calon nah. Mai belah ni, saya bagi lah *(sambil tertawa)*.

Agensi-agensi yang menguruskan utiliti penting, SADA , yang diketuai oleh Tuan Radzuan bin Osman dan team dia di SADA. Dia ada majlis gerakan SADA yang mengumpulkan kepala-kepala ni buat keputusan besar untuk negeri. Kena maki hari-hari, tapi depa ni rilek ja macam orang pekak. Tenang aja, walaupun kena maki, pasai depa tau depa buat kerja sehabis baik, sedaya upaya yang depa ada. Kerja SADA ni tuan-tuan, depa ni takdak tidur. Nak buat kerja, kalau ada kerosakan, dia tak boleh buat tengah hari, tengah orang ramai tu, kena tunggu orang bersurai, tengah malam baqu depa turun dalam kubang tu, kerja sampai pagi.

Hat ni la jasa besaq depa, kadang-kadang orang bukan tau, dia tau maki. Haa buat aduan tak sampai, last-last maki Menteri Besar la, saya pun buat pekak saja *(sambil tertawa).* Nak mengurus tak boleh, saya tolong habaq kat Radzuan, Radzuan ligan budak dia pulak, lagu tu lah kehidupan hari-hari. Semoga selesailah sehingga kita mati. SADA, TNB, Syarikat-syarikat Telco yang telah memberi servis utiliti kepada orang ramai di Kedah ni, saya ucap terima kasih. Agensi persekutuan yang terus mengemudi jabatan masing-masing dalam landskap politik yang unik di Kedah. Di Kedah ni unik, kerajaan negeri baik, depa nak tak berkawan pun tak sampai hati, kira kita baik. Bos depa nak lagu lain. Bos depa hak duk hurung kut Lunas tu, saya harap

mereka insaflah *(seluruh Ahli Dewan tertawa)*. Tuan-tuan kalau nak main politik sampai orang perli main lagu tu, malu oh. Saya tak boleh lagu tu. Kalau kita buat kerja betul, lepas tu orang kata, tak apa lagi. Ni kita pun kona, guna jabatan agensi, guna kenderaan, peruntukan, pi longgok tempat kita nak tanding, lagu mana YB. Lunas? YB. Lunas nak cakap something ka? Cakap dah kemarin kan noh, dia buat kerja jamuan raya, 18 hari bulan, kawan tu nak buat bola 17 hari bulan ke 19 hari bulan, berebut tempat. Apa Menteri Dalam Negeri buat bola? Menteri Dalam Negeri jaga keselamatan dalam negeri. Agensi-agensi penting yang berbelas, berpuluh jabatan di bawah dia. Pi buat bola? Aduh, nak jadi apa Malaysia ni? Balik habaq dia. Habaq kata orang perli buat lagu tu, "malulah bos". Saya ucap terima kasih kepada seluruh rakyat Kedah yang kuat bersabar, tenang menepis berita dan khabar palsu, menolak budaya buruk, meraikan kebaikan, dan kita akan menjadi warga yang diberkati tuhan, insya-Allah.

Saya ucap terima kasih juga kepada parti-parti politik yang telah berperanan berkhidmat untuk negara, berkhidmat untuk orang ramai, dan menolak kepentingan diri. Nak main politik tuan-tuan, letak kepentingan diri di belakang sekali, kalau tidak toksah masuk politik. Politik zaman la ni tak boleh, letak diri dulu, orang 'kuis' laa. Zaman cari kepentingan dalam parti politik sudah berlalu, parti politik sekarang ni menjadi platform memberi servis dan khidmat, bukan mencari kekayaan. Siapa yang masuk politik, parti apa tak kira, cari benda, bersedialah untuk ditolak. Tak dan sua orang jongoi, orang 'katok' dah, tak boleh, terutama di Kedah, saya akan isytihar perang kepada ahli politik yang memperdagangkan diri untuk kepentingan diri. Nak ambil hasil negeri, untuk kepentingan diri dia, nak masuk parti politik, kita perang orang macam tu.

Untuk rakyat Kedah yang sedang sakit, nak kena rai juga, kalau kita sebut ini apa meringankan kesakitan, yang sedang sakit di rumah, di hospital, kami di kerajaan negeri, di persidangan dewan pada kali ini merakamkan ucapan takziah. Kerajaan bersimpati dan berduka cita kepada derita yang sedang dihadapi. Untuk anak-anak yang sedang menguruskan orang tua, keluarga yang sakit dan uzur, bersabarlah. Tentulah ada balasan yang baik untuk tuan-tuan di dunia ini, dan juga di akhirat.

Untuk anak-anak dan ibu ayah yang sedang bergembira, dengan kejayaan anak-anak dalam peperiksaan, kerajaan ucapkan tahniah dan berdoa semoga banyak kejayaan lain akan menyusul.

Untuk anak-anak yang melupai orang tua, ha ini pun kena habaq juga, janganlah jadi si tanggang. Ibu ayah kita di kampung, pinjam YB. Jitra punya ibu ayah, orang Kedah ni panggil mak pak gitu saja, bila sebut ibu ayah kami tau lah bukan orang Kedah. Tapi sedap lah kan noh, ibu ayah, izinkan saya. Kepada anak-anak yang terlupa ibu ayah di kampung, saya ambil peluang untuk menyatakan satu hari nanti tuan-tuan akan dilupakan oleh anak-anak tuan-tuan. Jangan buat. Ingatlah ibu ayah kita, berilah

khidmat sebagai anak selagi mereka ada. Yang tak dak, tak boleh dah. Ingat. Tak susah pun jadi anak, yang susah ni jadi mak pak tu, jadi anak seronok, ingatlah peranan dan tanggungjawab anak kepada ibu ayah, kalau kita senang di bandar, berkongsi lah dengan adik-beradik di kampung. Orang yang paling afdal untuk diberi sedekah. Quraba', makna kata orang dekat lah, orang dekat kita adik-beradik kita ah, jadi tolonglah, janganlah panggil wakil rakyat tolong adik-beradik kita, hat tu kerja dia untuk orang ramai. Wakil rakyat tu ada adik beradik dia jugak. Kita yang telah senang, ingatlah adik-beradik ingatlah orang terdekat.

Untuk rakan-rakan pasukan keselamatan, polis, sebut polis dulu lah, jangan marah. Pasukan keselamatan polis, tentera, bomba, misi doktor di hospital, pekerja kebersihan di tengah panas, pemandu bas teksi e-healing, pemandu lori treler yang sedang bermain muzik di lebuhraya. Ada tuan-tuan kalau pi di Sakan tu petang-petang, duk situ ada satu trek sepanjang highway tu tempat depa bunyi hon tu, jadi tuan-tuan nak dengar muzik pi situ, dia bunyi macam-macam. Sampai situ depa akan tekan, jadi satu hiburan juga. Siapa yang tak biasa pi la dok situ try, kat Kampung Sakan tu, saya duk di Tok Keling tu dengaq la. Sepanjang-panjang tu dia berlawan hon muzik, pakat berlawan. Bas ekspres, pemandu bas ekspres yang dok main muzik di highway, saya harap semoga semua orang sedang enjoy dengan kerjaya masing-masing, membawa pulang rezeki yang halal untuk anak-anak dan keluarga.

Untuk anak-anak di sekolah yang sedang belajar, belajar bersungguh-sungguh, tambah ilmu dan kemahiran, nanti besar jadi pemimpin yang berguna. Bukan pemimpin yang dimaki saban hari. Jadi pemimpin jadi orang, jadi orang yang menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara, insya-Allah, tuan-tuan adik-adik semua akan terus berjaya, baca buku rajin-rajin, jangan main 'game'. Ni kena pesanan dalam dewan, kurangkan main 'game', jangan berkurung dalam bilik sorang-sorang sampai pagi tak tidur main 'game'. Adik-adik jangan buat kerja tu, nanti adik-adik membesar sebagai orang yang gagal, kerana asyik dengan 'game'.
Akhir sekali, untuk orang-orang miskin… (YB. Sidam mencelah)

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Hati lembut rupanya, hati lembut.

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

Mulut ja deqaih. Hang baqu tau ka? *(sambil tertawa)* …dan anak yatim. Ada orang dia cengey pasai dia hati lembut. Bekas bos saya tu dia 'cengey', akhir sekali saya pi tanya orang tua-tua, "Lagu mana aku nak hadap bos macam ni?", sampai kita pun tak tau nak buat apa dah noh, jawab kena, tak jawab kena, mai kena, tak mai pun kena, semua kena, ni nak buat lagu mana taktau. Pi lah tanya orang tua-tua, habaq-habaq orang lain kata dia lagu ni, "Bos hang tu hati dia lembut, dia kalau tak cengey, dengan

dia-dia sekali hancur, sebab hati dia mudah tersentuh. Jadi untuk elakkan hati dia tu kerap sangat tersentuh, maka dia pi cengey. Kalau tak, mai kat hati dia. Haa tu cara dia, hadapi kehidupan dia. Haa, tau dah tau dah. Kita pun balik, haa aku usik, hang teriak kut haa. Dan *last* sekali selesai kerja saya 5 tahun. Yang orang bagi tempoh 3 bulan saya lari, saya tak lari. Dapat petua tulah, jadi tuan-tuan ada setengah orang cengey ni kerana hati dia terlalu lembut. Dia nak elak daripada dipergunakan orang atas hati dia, maka dia pi cengey. Saya pun ingat saya mungkin kategori tu juga, jadi hangpa jangan ambil kesempatan pulak *(sambil tertawa)*.

Untuk orang-orang miskin dan anak-anak yatim, anda adalah keluarga kami, ahli keluarga bagi kerajaan ini. Seluruh tenaga dan upaya kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang dibarisi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, adalah bertujuan untuk menyantuni orang-orang miskin dan anak-anak yatim sebagai satu keluarga besar Kedah Darul Aman. Hat tu ja nak kata.

Pasai pada masa kita miskin YB. Sidam, YB. Sidam pun bukan orang kaya, kita tak pernah dengar orang kata lagu tu kat kita. Dan kita pun jarang diberi kesempatan untuk bersama dengan orang-orang yang ada kuasa, untuk ubah buat polisi yang memandang muka kita. Polisi dulu-dulu dia pandang muka orang kaya, pasal depa tu ada duit, polisi yang baik untuk depa, duit tu mai kat dia sama. Kita lani tak boleh lagu tu. Polisi dan dasar kita, kerja buat kita, kena pandang orang miskin. Pasai semua kekayaan ni bukan mai pada manusia. Kaya, rezeki melimpah ruah ni semua Allah yang maha kaya ni bagi. Bila kita bagi perhatian serius kepada orang miskin, anak-anak yatim, fisabilillah, yang Allah perintahkan kita, maka semua kaya tu, dia akan mai kat kita insya-Allah. Haa tu sajalah beza kerajaan dulu dengan lani.

Saya harap Kerajaan Persekutuan pun tengoklah kita, kita bukan orang kaya, kita negeri orang-orang miskin. Bila kita minta sesuatu, jangan letak politik tu di depan, tengoklah kami ni mewakili siapa, sapa ada di belakang kami. Jangan tengok muka Sanusi tu walaupun hang marah dia. Sanusi bukan jahat selalu, jahat pasai ada mikrofon ini ja *(sambil tertawa)*, kita ganaih pasai dapat mikrofon. Tak pakai mikrofon, kita tak ganaih. Kita pun baik, pasal aku nak cakap bagi hang dengar, maka kita pun cakap. Bila cakap kasar hang dengar, masa cakap halus hang tak mau dengar. Jadi kita cakap kuat sikit, tengoklah siapa yang ada di belakang kami.

Tengok sapa orang-orang yang kami jaga. RM200 juta RM100 juta bukan besar, kecik ja. Saya ingat tiket kapal terbang sewa tu depa duk pi merata dunia tu, lebih daripada tu lagi. Bergerak sorang dua ja. Cuba bagi kat kami. 2.2 juta orang di sini, perlu kepada benda tu, bagi lah kerajaan kami uruskan, untuk kebajikan rakyat di Kedah. Sikit ja RM200 juta, depa habaq kata subsidi minyak, subsidi minyak RM48 billion. Satu bulan, RM4 billion. RM4 billion, RM4 ribu juta sebulan. Haa, nak cover hat nu la kot, hat sana tu. Saya masa YB. Jitra sebut kemarin, bukan kita suruh penaik harga minyak Sabah Sarawak, kita nak minyak murah. Kalau sana murah bagus, bagi lah kami

murah sama dengan sana, tu maksud kita. Dan saya rasa semua rakyat Malaysia faham, yang tak faham ceplos ni ja. Ceplos orang dok hat spin ni, depa kata apa nama "suruh dok penaik minyak Sabah Sarawak, tak kesian kat Sabah Sarawak". Hampa ni fikir terbalik, kami nak minyak murah. Oleh kerana murah tu betul lah, bagi lah sini murah sama. Kalau nak bagi sana ja murah, baik jadi Perdana Menteri sana, betul kan? Haa..

Tengok orang Kedah, jangan tengok politik dulu. Orang Kedah ni siapa. Hat duk bagi makan orang kaya di Kuala Lumpur tu orang Kedah ni lah. Hat duk trektar bendang ni, lani duk traktor kering pun tak kering, nak beli minyak tong tak boleh, tauke traktor tu dia kata nak beli minyak tong boleh setong, tu pun puaih kerling dengan atendan kedai minyak tu. Boleh setong pulak, minyak mahai. Tak boleh beli tong pun. Traktor tak boleh, mesin duk jalan gak, padi duk luruh. Jadi, kesianlah kepada orang Kedah.

Tengoklah muka kami, walaupun meluat kat muka Sanusi, tengoklah orang bendang, orang sawah padi ni. Bagilah peruntukan tu, yang urus duit bukan saya. Pegawai Kewangan Negeri! Dia yang akan uruskan, program-program kita atoq, kalau tak kena program, kita tegurlah. Duit tu bagilah dulu. Jangan duk kerok situ. Oleh kerana hangpa takut kami merelit, jadi duit tahan, cukai tak bagi buat, hilang RM120 juta. Hat nu tahan, hat ni tahan, macam mana?

Jadi tuan-tuan sekalian, kami ni doa orang-orang susah, bersama dengan kita insya-Allah. Kita pun tak ada niat nak jadi kaya duk sini, nak mengurus supaya kita bentuk satu legasi kerajaan selepas daripada kita ini, adalah kerajaan yang memberi keutamaan kepada orang-orang miskin dan anak-anak yatim, tu saja.

Sebab tulah saya selalu bagi nasihat pada ADUN-ADUN, walaupun kita kaya, tapi hiduplah macam mana orang Kedah hidup. Tidur macam mana depa tidur. Satgi depa kata buat rumah baru pula. Last, tak boleh buat apa la lagu tu noh. Kita ada anak bini, nak pi duk di mana, saya duk kuarters kerajaan tu 6 tahun dah. Tentulah nak kena ada rumah, depa sekolah sini, kerja sini anak-anak tu. Takkan nak kena pindah randah, tentulah nak kena ada kediaman di sini. Haa buatlah, buat tu viral pulak, kata kaya melana tembak ratus ribu, hampuk muka hang di tembok baru hang tau. Rumah biasa ja la, gaya orang Alor Setar, gaya orang Kedah.

Tuan-tuan sekalian, saya ucap terima kasih di atas semua yang telah mengambil bahagian. Semoga kita semua diberkati. Satu ayat untuk pesanan kita;

وَٱلۡعَصۡرِ ١ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَفِي خُسۡرٍ ٢ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلۡحَقِّ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ ٣

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh, dan terima kasih Yang Amat Berhormat Jeneri. Dan seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi,

"Patik-patik sekalian, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman dalam persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-15".

Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju dengan cadangan ini, minta kata "setuju".

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Usul diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Negeri Kedah Darul Aman 1/2026 kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Kedah Darul Aman.

III. USUL PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA NEGERI KEDAH 1/2026 KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mencadangkan usul tersebut.

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi:-

"Bahawa Laporan Ketua Audit Negara Negeri Kedah Darul Aman 1/2026 seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 5 tahun 2026 itu diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri untuk memeriksa dan menyampaikan penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan kira-kira itu kepada Dewan ini".

Terima kasih.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi:-

"Bahawa Laporan Ketua Audit Negara Negeri Kedah Darul Aman Bil. 1/2026 seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 5 tahun 2026 itu diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri untuk pemeriksaan dan menyampaikan penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan kira-kira itu kepada Dewan ini".

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini minta kata "setuju", dan yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan.

IV. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

Haa YB. Tokai, boleh balik dah *(sambil tertawa)*.

YB. Tuan Speaker, tuan-tuan dan puan-puan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Persidangan Dewan pada kali ini telah pun selesai dibincangkan, maka saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak.

Terima kasih.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Sungai Limau. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih atas kerjasama yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Kerjasama yang begini diharap dapat diteruskan dengan baik pada masa-masa akan datang.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kali ini ditangguh sehingga ke satu masa yang diberitahu kelak.

Sekian, wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.21 tengah hari]